

PENYATA RASMI
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR KE-13

Pada
29 MEI HINGGA 9 JUN 2014

Disediakan oleh
PEJABAT DEWAN NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR KE-13

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI PERTAMA, KHAMIS, 29 MEI 2014	
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	6
3.	Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	6
4.	Penangguhan.	14
	HARI KEDUA, AHAD, 1 JUN 2014	
1.	Kehadiran.	15
2.	Doa.	20
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	20
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	20
5.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	20
6.	Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	38
7.	Penangguhan.	108

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KETIGA, ISNIN, 2 JUN 2014	
1.	Kehadiran.	109
2.	Doa.	114
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	114
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	134
6.	Penangguhan.	186
	HARI KEEMPAT, SELASA, 3 JUN 2014	
1.	Kehadiran.	187
2.	Doa.	192
3.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	192
4.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	212
5.	Penangguhan.	262

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KELIMA, RABU, 4 JUN 2014	
1.	Kehadiran.	263
2.	Doa.	268
3.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	268
4.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	289
5.	Penangguhan.	350
	HARI KEENAM, AHAD, 8 JUN 2014	
1.	Kehadiran.	351
2.	Doa.	356
3.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	356
4.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	375
5.	Penangguhan.	450

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	HARI KETUJUH, ISNIN, 9 JUN 2014	
1.	Kehadiran.	451
2.	Doa.	456
3.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	456
4.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	472
5.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2014.	472
6.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2014.	475
7.	Rang Undang-Undang Enakmen Air (Pindaan) 2014.	479
8.	Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor 2014.	507
9.	Penangguhan.	554
10.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	555

HARI PERTAMA,
KHAMIS, 29 MEI 2014

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI PERTAMA	KHAMIS, 29 MEI 2014	BIL. 5 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Sulb, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak telah mangkat pada tengah hari semalam, maka Dewan Negeri Johor yang bersidang pada hari ini merafakkan sembah takziah kepada Kerabat DiRaja Perak dan marilah kita sama-sama mendoakan roh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh dan bagi orang Islam membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur. Al-Fatihah.(Berdiri)

Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 29 Mei 2014 pukul 9:30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Kedua Dewan Negeri Yang Ketiga Belas.

Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di hadapan Tangga Agung bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 9:45 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 10:15 pagi.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sukacita saya maklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat masuk sebentar lagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

DYMM Sultan Johor : Assalammualaikum warahmatullahhi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam, kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, semulia-mulia rasul, serta keluarga, dan para sahabatnya sekalian.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas pada pagi yang berbahagia ini.

2. Saya juga bersyukur kerana Negeri Johor terus makmur dan maju serta rakyatnya hidup dengan aman sentosa, bermuafakat dan bersatu padu.

3. Kepada semua Ahli Dewan negeri, tempoh satu tahun perkhidmatan telah pun berlalu. Rakyat sudah pastinya boleh menilai prestasi perkhidmatan yang telah diberikan setakat ini.

4. Saya berasa puas hati dengan tatatertib pakaian Ahli-Ahli Dewan, tetapi saya belum berpuas hati dengan tatatertib lidah atau tutur kata yang kurang sopan apabila berbahas di Dewan ini.

5. Setiap perkara yang disuarakan oleh rakyat hendaklah diambil perhatian dan dibincangkan dalam suasana yang harmoni. Apa juga cadangan yang baik untuk rakyat hendaklah disokong dengan jujur dan ikhlas walaupun ia datang daripada pihak yang berlainan parti.

6. Suka saya ingatkan pikullah amanah dan kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat dengan penuh tanggungjawab tanpa mengira latar belakang agama, bangsa atau parti politik.

Saudara saudari sekalian,

7. Berdasarkan laporan kewangan Kerajaan negeri pada tahun 2013, saya amat berpuas hati dengan prestasi yang telah dicapai, kerana buat pertama kalinya Kerajaan negeri mempunyai baki lebihan atau "*surplus*" dengan jumlah yang besar iaitu sebanyak 485 juta ringgit, berbanding dengan baki defisit sejak tahun 2000 lagi.

8. Tahniah saya ucapkan kepada Menteri Besar Johor dan barisan kepimpinan yang baharu kerana telah berjaya menjadikan Kerajaan Johor bebas daripada hutang dalam tempoh setahun pentadbirannya.

9. Saya berharap, prestasi yang baik ini akan dapat dikekalkan kerana saya tidak suka kerajaan saya berhutang.

10. Dengan adanya lebihan wang, barulah kerajaan boleh merancang perbelanjaan yang seimbang dan melaksanakan pelbagai projek pembangunan yang diharapkan oleh rakyat.

11. Pada awal tahun ini, kerajaan ada membawa cadangan untuk menaikkan kadar elaun bagi Ahli-Ahli Dewan Negeri. Berdasarkan prestasi kewangan yang semakin kukuh dan mengambil kira beban tugas serta kos sara hidup yang semakin meningkat, saya telah berkenan untuk meluluskan kenaikan elaun tersebut.

12. Saya juga menyokong tindakan Kerajaan negeri yang telah memberikan pinjaman perumahan tanpa faedah kepada semua kakitangan kerajaan bagi mengurangkan kos sara hidup dan membantu mereka memiliki rumah sendiri.

13. Kerajaan juga mestilah sentiasa mencari jalan bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Saudara saudari sekalian,

14. Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, saya bersyukur kerana Negeri Johor masih berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mapan dan menarik banyak pelaburan dari dalam dan luar negara.

15. Contohnya pada tahun lepas, Negeri Johor telah menerima pelaburan dalam sektor pembuatan yang paling tinggi di Malaysia iaitu berjumlah 14.4 bilion ringgit, yang mana 80 peratus-nya adalah daripada pelabur asing.

16. Pembangunan di Iskandar Malaysia pula telah berjaya menarik pelaburan komited berjumlah hampir 140 billion ringgit dan dijangka menawarkan lebih 55 ribu peluang pekerjaan.

17. Pembangunan Kompleks Petroleum di Pengerang pula akan memberikan impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi Negeri Johor khususnya dalam sektor minyak dan gas.

18. Kemajuan ekonomi yang pesat ini hendaklah dikekalkan kerana ia menyumbang kepada hasil kerajaan dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di Negeri Johor ini.

19. Namun begitu, peluang pekerjaan yang disediakan tidak direbut oleh rakyat tempatan yang akhirnya menyebabkan kebanjiran pekerja asing di negeri ini.

20. Dalam hal ini, pihak swasta mestilah memberi keutamaan dan memberikan pendapatan yang lebih baik kepada pekerja tempatan bagi mengurangkan daripada terus bergantung kepada pekerja asing.

21. Pihak kerajaan juga haruslah menyediakan program pendidikan dan kemahiran yang sesuai dengan kehendak industri bagi memastikan

pembangunan modal insan berkembang seiring dengan pembangunan ekonomi.

Saudara saudari sekalian,

22. Pembangunan yang pesat turut memberi peluang perniagaan kepada rakyat, pengusaha dan kontraktor tempatan.

23. Namun begitu, saya berasa kecewa dengan pelaksanaan projek Petronas di Pengerang yang tidak memberikan peluang kontrak kerja secara langsung kepada kontraktor tempatan, atas alasan tiada kelayakan teknikal.

24. Tidak ada gunanya projek ini terus dibuat di Negeri Johor jika orang Johor hanya menjadi penonton dan tidak mendapat faedah daripadanya.

25. Bagi kontraktor yang telah diberi peluang, buatlah kerja dengan sempurna dan janganlah hanya tahu mengaut keuntungan. jangan jadi seperti kontraktor projek Lebuhraya Senai-Desaru, yang kualiti kerjanya amat teruk dan jalan yang dibina sangat merbahaya. Kontraktor seperti ini mestilah di senarai hitam atau "*blacklisted*".

Saudara saudari sekalian,

26. Ada pihak yang membangkitkan kebimbangan tentang kebanjiran pelabur dari Negara China, terutama dalam sektor pembangunan hartanah.

27. Untuk mengekalkan pembangunan ekonomi yang pesat di negeri ini, kita tidak boleh hanya bergantung kepada pelabur tempatan sahaja tetapi perlu membuka peluang, ruang kepada pelabur asing.

28. Kebetulan pada masa ini, hanya pelabur dari Negara China yang dilihat lebih berminat untuk datang ke Johor, kerana mereka percaya dengan potensi yang dimiliki oleh negeri ini serta dasar kerajaan yang mesra pelabur.

29. Sekiranya ada mana-mana pihak yang mampu membawa pelabur asing yang lain, silalah datang ke Negeri Johor dan sudah pasti kerajaan akan membantu jika mereka berminat dan benar-benar tulen.

Saudara saudari sekalian,

30. Suka saya ingatkan kepada kerajaan supaya mengamalkan dasar dan polisi yang konsisten, dan jikalau kerajaan tidak konsisten ini bermakna pelabur-pelabur akan lari.

31. Perubahan dasar pemilikan hartanah oleh warga asing yang dicadangkan oleh kerajaan pada akhir tahun lalu telah membimbangkan pelabur dan menyebabkan permintaan pasaran hartanah oleh warga asing menjadi terencat.

32. Cadangan Kerajaan Persekutuan terhadap harga minima 1 juta ringgit untuk pemilikan hartanah warga asing mungkin sesuai dibuat di Kuala Lumpur tetapi kurang sesuai untuk dilaksanakan di Negeri Johor.

33. Saya merasakan cadangan harga minima 500 ribu ringgit boleh dikekalkan tetapi untuk hartanah jenis pangsapuri atau strata sahaja.

34. Bagi hartanah jenis rumah atau "*landed property*" pula, saya cadangkan supaya harga minima untuk pemilikan oleh warga asing dinaikkan kepada 2 juta ringgit.

35. Saya juga menyokong cadangan kerajaan untuk mewujudkan zon perumahan antarabangsa bagi mengehadkan pembelian hartanah oleh warga asing dan mengurangkan kenaikan harga bagi hartanah di luar zon antarabangsa untuk pembeli tempatan.

36. Kerajaan pula mestilah bertindak tegas terhadap pemaju perumahan yang mengelak dari membina rumah kos rendah atau sederhana rendah sebagaimana yang telah disyaratkan.

37. Pemaju yang tidak bertanggungjawab ini hendaklah disenaraihitamkan dan tidak diberikan kelulusan bagi projek perumahan yang lain.

Saudara saudari sekalian,

38. Dalam kita melaksanakan pembangunan di atas muka bumi ini, kita harus pastikan fakta penjagaan alam sekitar sentiasa diutamakan demi kesejahteraan hidup yang berterusan.

39. Kajian penilaian terhadap kesan alam sekitar atau "E.I.A" hendaklah disediakan bagi setiap projek pembangunan guna tanah yang hendak dilaksanakan.

40. Tetapi malangnya, ada pula pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan kuasa mereka terhadap "E.I.A" sebagai senjata untuk menghalang sesuatu pembangunan yang tidak menguntungkan mereka.

41. Contohnya projek pembangunan tanah oleh syarikat Benelac yang mana M.O.U. telah ditandatangani 3 tahun lalu, dengan disaksikan oleh Perdana Menteri sendiri, masih tidak mendapat kelulusan E.I.A sehingga sekarang.

42. Mengapa ada pihak yang terhegeh-hegeh sengaja melambatkan kelulusan tersebut? Tindakan seperti ini akan menghalang pembangunan negeri dan membuatkan pelabur lari ke tempat lain.

43. Negeri Johor adalah hak rakyat Johor dan hanya orang Johor yang tahu keadaan dan keperluan untuk Negeri Johor. Mengapa ada orang luar cuba campur tangan atau hendak mengajar kita tentang apa yang patut kita buat di negeri kita sendiri?

44. Oleh itu, saya mahukan agar bidang kuasa penjagaan alam sekitar dibuat sendiri oleh Kerajaan negeri kerana ia berkait rapat dengan urusan tanah dan air.

45. Satu Perbadanan Alam Sekitar Negeri hendaklah diwujudkan di bawah Enakmen Negeri Johor sebagaimana yang telah ditubuhkan di Negeri Melaka, Sabah dan Sarawak.

Saudara saudari sekalian,

46. Kawasan hutan simpan di Negeri Johor hendaklah dijaga dengan baik kerana ia adalah khazanah negeri kita.

47. Kerajaan harus mengekalkan sekurang-kurangnya satu per empat daripada keseluruhan kawasan tanah negeri sebagai rizab hutan simpan kekal.

48. Sebagai langkah pencegahan, dasar catuan tebangan tahunan atau kuota pembalakan dalam kawasan hutan simpan seluas lebih kurang 3,000 hektar setahun hendaklah dibekukan serta merta.

49. Tambahan pula hasil lesen membalak yang dikutip oleh kerajaan adalah tidak seberapa iaitu lebih kurang 20 juta ringgit setahun.

50. Pada awal tahun ini, telah berlaku musim kemarau yang panjang yang telah menyebabkan berlaku gangguan bekalan air kepada banyak penduduk dan pengguna industri.

51. Oleh itu kerajaan perlu merancang untuk meningkatkan sumber bekalan air negeri bagi jangka masa panjang.

52. Saya mencadangkan supaya kerajaan menjalankan kajian untuk mengempang Sungai Johor bagi menghasilkan sumber air tawar yang terbesar dan bekalan air yang berterusan untuk seratus tahun lagi.

53. Dengan cara ini juga, banyak penternakan akuakultur yang mesra alam boleh dibuat oleh penduduk di sepanjang Sungai Johor, yang akan memberikan sumber pendapatan baru kepada mereka.

54. Sumber tenaga elektrik juga boleh dihasilkan dengan disalurkan secara subsidi untuk kegunaan penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Saudara saudari sekalian,

55. Perkhidmatan Kerajaan Tempatan adalah penting untuk kesejahteraan hidup penduduk di kawasan bandar. isu kebersihan, pungutan sampah, landskap, dan kawalan lalu lintas merupakan perkara utama yang mesti diambil berat pada setiap masa.

56. Kerajaan juga hendaklah meningkatkan tahap keselamatan awam terutama di kawasan bandar bagi mengurangkan kadar jenayah. Pemasangan *cctv* dan tindakan pemantauan secara proaktif adalah langkah yang patut dibuat bagi mewujudkan rasa selamat kepada orang ramai.

57. Jawatankuasa penduduk hendaklah sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan perumahan dan kediaman mereka. Janganlah kita bersikap sambil lewa atau kedekut untuk mengeluarkan wang demi untuk menjaga keselamatan harta dan diri kita.

58. Kadar kemalangan jalan raya di Negeri Johor yang semakin meningkat setiap hari, hendaklah diberi perhatian yang serius.

59. Antara penyebab utama berlakunya kemalangan adalah sikap pemandu yang tidak berdisiplin. Oleh itu saya mencadangkan, agar lebih banyak kamera perangkap had laju dipasang di kawasan bandar bagi mendisiplinkan pengguna jalan raya.

60. Tindakan penguat kuasa pula hendaklah dibuat secara berterusan dengan tujuan untuk mendisiplinkan pengguna dan bukannya dibuat secara bermusim untuk menambah hasil kerajaan sahaja.

61. Selain daripada tindakan saman, tindakan penggantungan lesen memandu patut dilaksanakan dengan tegas supaya pengguna lebih berhati-hati dan berdisiplin semasa memandu.

Saudara saudari sekalian,

62. Negeri Johor adalah berbeza dengan negeri-negeri yang lain kerana kita mempunyai jiran sebelah yang merupakan sebuah negara yang telah maju membangun iaitu Singapura.

63. Hubungan rapat antara Johor dan Singapura telah wujud sejak dahulu lagi kerana kita saling bergantung antara satu sama lain.

64. Oleh yang demikian, walaupun hal ehwal luar negara terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, adalah tidak wajar jika Kerajaan Johor tidak dimaklumkan atau tidak dibawa berunding dalam perkara yang melibatkan kepentingan johor dan Singapura.

65. Bukankah orang Johor lebih memahami tentang jirannya berbanding orang di Putrajaya? bagaimanakah pihak Persekutuan lebih tahu tentang keperluan atau kehendak negeri dan rakyat Johor?

66. Lihatlah apa yang telah terjadi kepada kes tuntutan Pulau Batu Putih. Inilah kesannya apabila orang luar yang tidak faham tentang sejarah dan kedaulatan Negeri Johor diberikan tugas untuk mempertahankan kes tersebut.

67. Saya masih ingat pesanan Almarhum ayahanda saya yang Pulau Batu Putih adalah milik Johor dan mestilah kekal menjadi sebahagian daripada Negeri Johor.

68. Kedaulatan Negeri Johor adalah terletak di bawah kuasa Raja yang menaungi seluruh jajahan takluknya dan tidak ada kuasa lain yang boleh menyerahkan atau mengambilnya begitu sahaja.

69. Oleh itu, ingin saya tegaskan supaya Kerajaan negeri menubuhkan satu pasukan khas untuk membuat rayuan bagi membatalkan keputusan yang telah dibuat oleh I.C.J. berkaitan Pulau Batu Putih.

Saudara saudari sekalian,

70. Kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negeri telah termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, namun agama-agama yang lain juga boleh diamalkan dengan bebas.

71. Oleh itu, perubahan hari cuti mingguan kepada hari Jumaat seharusnya dapat difahami dan diterima oleh majoriti rakyat di negeri ini.

72. Namun begitu, ada juga keluhan dan rungutan daripada ibu bapa yang bekerja di sektor swasta kerana mereka tidak dapat meluangkan masa bersama anak-anak disebabkan mereka terpaksa bekerja pada hari Jumaat.

73. Oleh yang demikian, saya minta Kerajaan negeri mengkaji kesesuaiannya jika hari cuti mingguan bagi semua sektor di Negeri Johor ini, diselaraskan sepenuhnya kepada hari Jumaat dan Sabtu.

Saudara saudari sekalian,

74. Kesejahteraan hidup yang kita dapat pada hari ini adalah hasil daripada usaha dan persefahaman yang telah dibentuk oleh ibu bapa kita yang terdahulu.

    Oleh itu, ingin saya ingatkan kepada semua rakyat di Negeri Johor ini supaya terus hidup bersatu padu dan menjaga keamanan serta kemakmuran negeri kita.

75. Bermuafakatlah dalam segala urusan dan amalkan budaya hidup yang beradab sopan, hormat menghormati dan saling bantu-membantu antara satu sama lain tanpa mengira agama, bangsa atau warganegara.

76. Akhir kata, dengan lafaz: Bismillahhirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Penggal Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Saudara saudari sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya dan seluruh rakyat Negeri Johor ingin mengucapkan takziah kepada Permaisuri Perak Tuanku Bainun dan keluarga atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Perak pada hari semalam 28 Mei 2014. Mudah-mudahan roh Almarhum akan dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solihin. *Sekian*, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Jurutulis : Ampun Tuanku, Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA.
(Mufti Negeri Johor membaca doa).

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat meninggalkan Majlis ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga Ahad, 1 Jun 2014, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:15 pagi.

HARI KEDUA,
AHAD, 1 JUN 2014

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEDUA	AHAD, 1 JUN 2014	BIL. 5 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)
YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Selamat Pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan sesi persidangan kali ini, sukacita saya merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah merasmikan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor pada 29 Mei 2014.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai yang telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Johor merangkap Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Balang mulai 21 Mac 2004 sehingga 13 Mei 2013 telah meninggal dunia pada 24 Mei 2014 yang lalu. Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarhamah dan marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh beliau ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh dan bagi orang-orang Islam, mari kita membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur. A-Fatihah. (Berdiri), terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 18 hingga 23 Tahun 2014.

YB Datuk Speaker : Datuk Zul...

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2014.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Permai, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru bagi pihak Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Berapakah jumlah pulangan dalam bentuk tunai yang dibayar semula kepada pihak Kerajaan negeri oleh anak syarikat Johor Corporation dan Yayasan Pelajaran Johor dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini?

YAB Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat daripada Bukit Permai ada membangkitkan persoalan mengenai jumlah pulangan dalam bentuk tunai yang dibayar semula kepada pihak Kerajaan negeri oleh pihak Johor Corporation dan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, YPJ ditubuhkan bagi menguruskan keperluan pembiayaan pinjaman serta biasiswa kepada anak-anak Johor yang berkelayakan untuk melanjutkan pembelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam mahupun luar negara. Selain itu, YPJ juga turut berperanan dalam menyediakan beberapa bentuk bantuan pendidikan yang lain bagi memastikan anak Johor dari pelbagai lapisan tidak tercicir serta sentiasa mendapat kualiti pendidikan yang terbaik.

Meskipun YPJ tidak menyalurkan pulangan tunai kepada Kerajaan negeri, namun ia telah bersama-sama membantu Kerajaan negeri dalam menyediakan dana bagi pembiayaan biasiswa, pinjaman, tuisyen dan bantuan pendaftaran kepada rakyat Negeri Johor yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Sehingga Mei 2014, YPJ telah membelanjakan sebanyak RM291.3 juta dalam bentuk penyediaan bantuan pendidikan kepada anak-anak Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor Corporation atau JCorp sentiasa menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada pembangunan sosial serta sosioekonomi, bukan sahaja di Negeri Johor malah di seluruh Negara. Sebagai sebuah agensi pembangunan negeri yang terpenting di peringkat Negeri Johor Darul Ta'zim, Johor Corporation bukan sahaja terlibat dalam aktiviti pembangunan, perindustrian, hartanah, perladangan dan sebagainya, tetapi juga telah memainkan peranan yang penting di dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian selain membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Bumiputera di kalangan rakyat Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Johor Corporation telah membuat pembayaran tunai kepada Kerajaan negeri Johor iaitu pada kadar 10% daripada pembayaran dividen yang diterima daripada anak-anak syarikatnya. Sejak dari tahun 1989, pulangan tunai yang diterima oleh Kerajaan negeri daripada Johor Corporation adalah sebanyak RM78,981,362.70. Di samping itu, sumbangan tunai tidak langsung Johor Corporation kepada Kerajaan negeri dan juga rakyat Johor adalah sebanyak berjumlah RM627.79 juta sehingga kini. Ia termasuk sumbangan tunai untuk tujuan skim belian balik Amanah Saham Johor bernilai RM224.66 juta dan skim Dana Johor pada harga RM1 seunit dan

skim belian balik pada harga RM0.50 berjumlah RM250 juta. Juga penajaan kepada Persatuan Bola sepak Johor serta lain-lain sumbangan berjumlah RM125 juta.

Dengan maklumat ini jelaslah bahawa kedua-dua agensi Kerajaan negeri ini telah memberi sumbangan kepada Negeri Johor tidak kira sama ada secara langsung ataupun tidak. Ia sekali gus selari dengan matlamat Kerajaan negeri yang mahu memastikan setiap agensi dan institusi yang ditubuhkan turut sama menyumbang kepada pembangunan di negeri ini.

YB Datuk Speaker : Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Datuk Speaker. Soalan tambahan adalah sama ada pulangan itu adalah mematuhi arahan Kementerian Kewangan bahawa Johor Corp itu memulangkan sebanyak 10% keuntungannya kepada Kerajaan negeri setiap tahun.

YAB Dato' Menteri Besar : Datuk Yang DiPertua, seperti yang telah dikatakan sememangnya Johor Corporation dikehendaki untuk membuat pembayaran sebanyak 10% daripada keuntungan yang didapati daripada anak-anak syarikatnya. Dan, Kerajaan negeri memang pastikan bahawa Johor Corporation melaksanakan perkara tersebut. Tetapi sepertimana yang kita sedia maklum, bukan setiap tahun Johor Corporation membuat keuntungan. Ada tahun yang membuat keuntungan, ada yang tidak. Jadi, berasaskan kepada perkara tersebutlah, maka kita dapati ada pasang surut dalam pemberian ataupun pembayaran dan ada tahun-tahun yang mana memang tak ada pembayaran.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Datuk Speaker,

YB Datuk Speaker : Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Anak syarikat yang manakah yang paling banyak sekali menyumbang pulangannya kepada JCorp itu sendiri dan kepada Kerajaan negeri seterusnya?

YAB Dato' Menteri Besar : Datuk Yang DiPertua, Datuk Speaker, saya tidak ada *detail* tetapi kalau mengikut kepada keuntungan yang kita dapati daripada pelbagai anak-anak syarikat, ada kemungkinan saya akan sampaikan maklumat secara bertulis, kemungkinannya Kulim, Kulim Berhad dan selepas itu KPJ, Kumpulan Perubatan Johor.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Datuk Speaker, soalan tambahan satu lagi boleh?

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ini adalah satu soalan berkenaan dengan skim membeli balik Dana Johor, SDJ1. Saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan negeri telah membeli balik Dana Johor dalam 4 peringkat dan saya difahamkan sekarang peringkat yang ketiga ialah tarikh terakhir 30 Jun dan saya ingin tahu sebab saya menerima panggilan atau maklum balas daripada pelabur-pelabur Dana Johor bahawa mereka sehingga kini belum mendapat sebarang maklumat berkenaan dengan peringkat yang keempat. Mereka telah menebus balik skim untuk peringkat yang apa ni... peringkat yang pertama hingga ketiga. Tetapi peringkat yang keempat belum ada sebarang maklumat berkenaan. So, apakah pihak Kerajaan ada hasrat untuk meneruskan skim membeli balik Dana Johor atau apakah...

YB Datuk Speaker : Ini berkaitan Johor Corporation. Kalau tak ada kaitan dengan soalan, tak payah jawab eh...

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih.

YAB Dato' Menteri Besar : Terima kasih. Yang Berhormat soalan Yang Berhormat itu memang tepat, memang peringkat ketiga akan habis pada bulan Jun ni dan kita akan masuk ke peringkat 4. Pihak Johor Corporation sedang merangka cadangan untuk memperkenalkan satu pembelian balik melalui peringkat keempat, yang mana sedang tunggu kelulusan daripada *Securities Commission*. Dan bila kita dapat kelulusan itu, kita akan umumkan kepada mereka yang masih lagi memegang Dana Johor itu.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Pemanis.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 2.

Bermula pengenalan sistem PBS dan pemansuhan PMR, banyak perubahan dasar/sistem pendidikan berlaku dan memberikan kekhuatiran atau kurang jelas kepada masyarakat awam. Minta Kerajaan memberikan '*road map*' perubahan ini bermula dari pelajar yang masuk Tahun 1 sekolah rendah sehinggalah pra-universiti.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Oktober 2010 telah bersetuju supaya Pentaksiran Berasaskan Sekolah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada program transformasi pendidikan. Pengoperasian PBS ataupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini telah mula dilaksanakan di sekolah rendah pada sesi persekolahan tahun 2011 bagi murid Tahun 1 dan sekolah menengah pada sesi persekolahan tahun 2012 bagi murid-murid Tingkatan 1.

PBS ataupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini terbahagi kepada 2 komponen yang utama. Yang pertama, komponen akademik dan satu lagi komponen ialah komponen bukan akademik. PBS adalah dasar yang melibatkan pentaksiran secara menyeluruh yakni holistik terhadap perkembangan dan pencapaian pembelajaran murid yang terangkum menerusi 2 komponen yang saya nyatakan tadi dan pentaksirannya terbahagi kepada 4:

1. Pentaksiran sekolah

2. Pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum

3. Pentaksiran psiko metrik

4. Pentaksiran pusat

Pentaksiran pertama iaitu Pentaksiran Sekolah adalah pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Ia melibatkan pentaksiran sebagai pembelajaran, pentaksiran untuk pembelajaran yakni Ujian Formatif dan pentaksiran tentang pembelajaran yakni Ujian Sumatif. Ujian Formatif merupakan pentaksiran yang dijalankan semasa proses pengajaran yang sedang berlangsung. Manakala Ujian Sumatif pula dijalankan setelah selesai pengajaran sesuatu topik ataupun tajuk itu. Maknanya Ujian Formatif ini khusus kepada tajuk-tajuk tertentu tetapi Ujian Sumatif ini merangkumi beberapa tajuk dalam satu tahun ataupun mengikut tempoh-tempoh yang dinyatakan, ditentukan.

Pentaksiran kedua iaitu Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum pula merupakan kaedah pentaksiran yang akan direkodkan sepanjang masa dan memberi sumbangan 10% daripada keseluruhan pencapaian pelajar sepanjang dia melalui proses pentaksiran ini. Melalui pentaksiran ini, dia akan melaporkan melalui kehadiran, penglibatan dan pencapaian pelajar dalam 3 aktiviti:

1. Aktiviti sukan

2. Kelab ataupun persatuan; dan

3. Badan beruniform

Penglibatan pelajar dalam kokurikulum tambahan seperti sebagai pengawas, ketua darjah mahupun aktiviti-aktiviti luar yang melibatkan peringkat sekolah, peringkat daerah, negeri dan kebangsaan, turut akan menyumbang kepada markah pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum ini.

Pentaksiran yang ketiga iaitu Pentaksiran Psiko metrik. Ia merupakan satu kaedah yang digunakan secara sistematik untuk mengumpulkan maklumat yang menggambarkan psikologi pelajar. Hasil daripada dapatan Pentaksiran

Psiko metrik ini dapat digunakan untuk membantu mempertingkatkan pembelajaran murid dari masa ke semasa. Komponen Pentaksiran Psiko metrik yang diuji adalah Ujian Aptitud dan Ujian Personaliti. Ujian Aptitud ialah instrumen untuk mendapatkan maklumat khusus tentang struktur kecerdasan serta minat atau kecenderungan murid, manakala ujian personaliti ialah instrumen yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang sahsiah diri setiap murid. Hasil ujian ini dapat membantu guru mengenal pasti personaliti murid supaya guru dapat merancang strategi pengajaran dan pembelajaran serta mengenal pasti potensi murid bagi meramalkan kejayaan murid dalam alam pembelajaran dan kerjaya di masa hadapan. Malah keputusan pentaksiran ini juga akan digunakan untuk membantu bagi menentukan aliran pengajian pelajar daripada Tingkatan 3 ke 4 dan seterusnya.

Pentaksiran yang keempat iaitu Pentaksiran Pusat. Pentaksiran pusat adalah pusat sumatif yang setara bagi menilai pencapaian akademik murid. Pentaksiran ini melibatkan maklumat-maklumat seperti Jadual Spesifikasi Ujian, soalan, panduan penskoran, markah serta gred yang akan disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, tetapi pelaksanaannya dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak sekolah. Ini bermakna soalan-soalan akan dibina, ditadbir dan diperiksa oleh pihak sekolah sebelum penyerahan gred kepada pihak Kementerian. Sebagai contoh, komponen kerja kursus umpamanya telah ditetapkan oleh Kementerian, ditadbir urus oleh pihak sekolah dan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa kini sedang berlakunya pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025. *Road map* pentaksiran bagi pelajar-pelajar sekolah melibatkan 4 peringkat ialtu:

1. Peringkat sekolah rendah daripada Tahun 1 hingga Tahun 6

2. Sekolah menengah rendah daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3

3. Sekolah menengah atas, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5; dan

4. Pra-universiti, Tingkatan 6 rendah dan 6 atas

Bagi memudahkan kita memahami *road map* murid-murid daripada Tahun 1 di sekolah rendah sehinggalah ke peringkat Tingkatan 6. Murid-murid Tahun 1, di akan melalui proses pentaksiran sekolah sahaja. Begitu juga dengan murid-murid Tahun Dua, apabila dia masuk ke Tahun 3, murid-murid ini akan melalui Proses Pentaksiran Sekolah dan Proses Pentaksiran Psiko metrik.

Ini adalah peringkat sekolah rendah tahap 1 yakni pada ketika ini murid-murid ini diajar perkara-perkara *basic* ataupun asas perkara berkaitan membaca dan juga mengira. Kemudian pada tahun keempat dan tahun kelima murid-murid

ini akan melalui proses Pentaksiran Sekolah dan juga Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kurikulum. Bila murid-murid ini masuk pada Tahun 6 mereka akan melalui pentaksiran sekolah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kurikulum, pentaksiran psiko metrik, pentaksiran pusat dan juga peperiksaan pusat.

Apabila pelajar-pelajar atau murid ini masuk pada Tingkatan 1, mereka akan melalui pentaksiran sekolah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kurikulum dan juga pentaksiran psiko metrik. Pada Tingkatan 2 murid-murid ini akan melalui pentaksiran sekolah dan pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kurikulum sahaja. Pada Tingkatan 3, murid-murid ini akan melalui pentaksiran sekolah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kurikulum, pentaksiran psiko metrik dan juga pentaksiran Tingkatan 3 yang disebutkan sebagai dengan izin, *PT3*.

Apabila murid-murid ini selesai Tingkatan 3, mereka akan memasuki Tingkatan 4 yang mana mereka akan melalui proses pentaksiran sekolah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kurikulum, pentaksiran psiko metrik dan juga pentaksiran pusat untuk SPM dan Tingkatan 5, mereka akan melalui proses yang sama tambah lagi dengan peperiksaan pusat iaitu SPM. Setelah mereka selesai Tingkatan 5, mereka masuk Tingkatan 6 mereka melalui proses yang biasa iaitu sistem semester dengan pentaksiran pusat dan juga peperiksaan pusat STPM.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk kemasukan pelajar-pelajar Tahun 6 ke Tingkatan 1 serta pelajar-pelajar Tingkatan 3 ke Tingkatan 4, untuk sekolah-sekolah terpilih seperti Sekolah Berasrama Penuh Maktab Rendah Sains Mara dan Kolej Vokasional. Institusi ini akan juga, selain dari menggunakan semua keputusan pentaksiran yang telah dilakukan, institusi ini juga mengadakan ujian-ujian tertentu bagi kemasukan khas ke institut tersebut.

YB Datuk Speaker : Pemanis. Ringkas-ringkas ye, jawapan dah panjang lebar.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Jadi bagaimanakah Kementerian Pelajaran itu memberi penerangan pendidikan tentang *road map* ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Johor memang dari masa ke semasa mengadakan seminar-seminar:

1. Pada guru-guru di peringkat sekolah supaya guru-guru yang melalui seminar ini akan dapat mengadakan penerangan peringkat sekolah masing-masing.

2. Melalui sarana ibu bapa, pihak Jabatan juga mengadakan penerangan-penerangan yang berkaitan dengan PBS ini.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Kukup, jemput.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Adakah disediakan rumah-rumah untuk golongan gelandangan di Negeri Johor? Jika tiada, adakah cadangan untuk disediakan dan bila?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Kukup masalah golongan gelandangan ataupun *homeless* merupakan satu fenomena sosial yang begitu menarik perhatian masyarakat pada hari ini. Dan isu tersebut telah banyak dibangkitkan di dalam media cetak dan juga media elektronik sejak akhir-akhir ini. Dan merujuk kepada Akta Orang-Orang Papa 1977, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pusat perlindungan dan pemulihan bagi pengemis dan kutu rayau. Bagi pengemis dan kutu rayau yang diselamatkan melalui operasi-operasi yang dibuat oleh pihak Jabatan, mereka akan di tempatkan di Desa Bina Diri atau Rumah Seri Kenangan selama 3 tahun melalui Perintah Mahkamah untuk Akta yang sama.

Dan mengenai dengan masalah gelandangan di Negeri Johor agak unik dan berbeza dengan gelandangan seperti di Kuala Lumpur. Mereka yang bergelandangan di sekitar Bandaraya Johor Bahru merupakan gelandangan yang bekerja di Singapura dan golongan ini merupakan kumpulan utama yang difokuskan dalam permasalahan ini. Mereka merupakan 40% daripada jumlah keseluruhan pengemis dan kutu rayau di Johor Bahru dan mempunyai pekerjaan tetap di Singapura.

Dan jenis pekerjaan yang diceburi oleh mereka adalah seperti pemandu lori, pekerja kapal, *cleaner*, pekerja kilang, pekerja am ataupun buruh binaan, pemotong rumput dan juga penjaga stor. Dengan pendapatan mereka sebanyak SD1,000.00 hingga SD2,000.00 pada setiap bulanan. Dan hasil tinjauan dan temu bual yang telah dibuat juga mendapati bahawa mereka bergelandangan adalah disebabkan beberapa perkara seperti berikut:

1. Mempunyai majikan di Singapura.

2. Kekangan masa kerja yang terlalu ketat kerana mereka mengikut syif dan juga jumlah gaji yang berdasarkan kepada jumlah jam bekerja, kerana keperluan untuk bekerja lebih masa sangat tinggi bagi mereka mendapatkan upah yang lebih tinggi. Dan mereka memerlukan rehat ataupun tidur seketika sahaja bagi mereka merehatkan badan sementara menunggu untuk bekerja semula.

3. Dan peluang ataupun kemudahan infrastruktur Bandar Johor Bahru yang menyediakan tempat dan kawasan untuk tidur seperti kaki lima dan juga

penjuru bangunan serta kawasan rehat ataupun riadah di taman-taman riadah.

4. Dan menjadi kebiasaan untuk hidup bergelandangan di mana-mana kawasan. Kebanyakan juga mereka terdiri daripada penduduk negeri lain yang bekerja di Singapura dan bagi anak Negeri Johor mereka mempunyai keluarga yang jauh di kampung ataupun di luar daripada daerah ini dengan jarak perjalanan yang jauh dan memakan masa.

Sehubungan itu, Yayasan Kebajikan Negara merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membuka satu pusat yang dinamakan Anjung Singgah Johor Bahru di Negeri Johor. Dan objektif penubuhan Anjung Singgah ini ialah kita menyediakan tempat berlindung sementara kepada golongan gelandangan, *homeless* yang produktif, yang bekerja, yang tiada tempat tinggal. Dan mengadakan intervensi awal kepada semua golongan gelandangan sama ada ianya penganggur, pesakit mental, penagih dadah, pengemis, kutu rayau dan lain-lain yang melalui pendekatan *multi sector*.

Anjung Singgah Johor Bahru sudah beroperasi mulai 9 Jun 2013 dan ia merupakan yang ketiga di seluruh negara dan yang pertama di zon Selatan ini. Dan Anjung Singgah ini terletak di tingkat bawah bangunan MCA Jalan Segget Johor Bahru. Seramai 5 orang petugas iaitu 2 orang penyelia dan 3 orang pembantu penyelia yang mengendalikan Anjung Singgah ini. Dan di samping itu juga terdapat sukarelawan daripada pasukan RELA dan juga Persatuan Bulan Sabit Merah membantu petugas-petugas Anjung Singgah. Sebanyak 64 buah katil bagi lelaki dan 18 katil bagi perempuan serta 3 buah bilik untuk keluarga disediakan. Dan diharapkan penubuhan Anjung Singgah ini akan dapat membantu menangani isu gelandangan di sekitar Daerah Johor Bahru dan Negeri Johor amnya.

YB Datuk Speaker : Jemput Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Soalan tambahan saya Yang Berhormat Datuk Speaker ialah, terima kasih atas maklumat yang begitu jelas daripada Yang Berhormat tadi, soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan strategi panjang. Kita sedia maklum bahawa golongan gelandangan ini sebenarnya amat mencacatkan pemandangan dan juga ianya boleh menyumbang kepada jenayah di setengah-setengah kawasan tertentu. Dan kita juga sedia maklum di negara-negara maju golongan ini, gelandangan ini tidak dapat dihapuskan secara *total*. Jadi saya ingin bertanya apakah strategi jangka masa panjang, yang kita lihat tadi strategi jangka pendek dan kita dapati rumah ataupun Anjung Singgah itu masih dalam keadaan yang saya rasa tidak mencukupi. Jadi apakah strategi untuk jangka masa panjang kita bagi memastikan gelandangan sifar di Negeri Johor? Sekian, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Ok, terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Kukup. Sebenarnya kalau kita lihat kepada Anjung Singgah yang telah disediakan, yang telah saya nyatakan yang kita mempunyai 64 buah katil bagi lelaki dan 18 katil bagi perempuan, ianya mencukupi untuk gelandangan-gelandangan yang dalam satu masa ianya tak ramai yang berada di situ, di antara 10 hingga 15 orang. Dan itu kita letakkan mereka di situ maksimumnya adalah selama 2 minggu dan selepas itu, itu untuk persediaan kepada mereka yang kebanyakannya ada rumah dan kalau betul-betul mereka tidak mempunyai rumah dan sebagainya kita akan letakan mereka ini di Desa Bina Diri dan juga di Rumah Seri Kenangan di Negeri Johor ini ataupun yang kita akan letak di negeri-negeri yang lain sebab kita ada Rumah Seri Kenangan ni sebanyak 9 buah di seluruh negara dan satu sahaja di Johor.

Dan untuk kita mensifarkan gelandangan ini, bagi gelandangan yang merupakan pengemis dan kutu rayau ataupun penagih dadah dan sebagainya itu mungkin kita boleh sifarkan dengan kita meletakkan mereka di tempat-tempat yang telah saya sebutkan. Tapi gelandangan yang bertugas di Singapura ini, yang memang mungkin tidak akan dapat kita sifarkan kerana mereka ini berterusan dan mereka yang akan singgah yang kita letakkan di Anjung Singgah itu.

Dan walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat tindakan dari semasa ke semasa dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama dengan pihak jabatan ataupun agensi yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Imigresen dan juga Agensi Anti Dadah. Dan bagi mereka yang warga asing pihak Imigresen akan, kita akan serah kepada mereka untuk dihantar ke negara-negara mereka sendiri.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Belakang.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih. Soalan tambahan saya mengenai Anjung Singgah. Sampai sekarang sudah berapa ramai orang menggunakan kemudahan Anjung Singgah sejak *facility* tersebut beroperasi dan juga selain daripada kemudahan sesuatu tempat penginapan sepanjang 2 minggu yang disediakan untuk orang *homeless*? Selain daripada itu apa lagi bantuan yang boleh Kerajaan negeri sediakan untuk orang *homeless*, untuk menyelesaikan masalah mereka dalam jangka masa yang lebih pendek contohnya satu bulan ataupun 2 bulan atau 3 bulan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya telah saya, terangkan tadi, masalah gelandangan ini yang kita tempatkan maksimumnya adalah 2 minggu di Anjung Singgah dan setelah mereka tidak mempunyai tempat sendiri yang kita

akan hantarkan ke Desa Bina Diri dan juga ke Rumah Seri Kenangan dan yang kita sediakan di Anjung Singgah itu adalah dari segi menyediakan makan minum mereka, menyediakan tempat untuk mereka berehat dan juga apa ini persediaan untuk mereka sekiranya kadang-kadang yang juga katakan di Singapura ini, mereka hanya datang untuk singgah merehatkan badan, tidur dan selepas itu mereka bekerja semula di Singapura.

Dan untuk yang kata Ahli Yang Berhormat tadi apa lagi keperluan yang Kerajaan buat, kita telah pun menyediakan Anjung Singgah ini yang memang saya katakan yang kemudahannya telah dibuat oleh pihak kerajaan. Dan selebih itu kalau mereka masih lagi tidak mempunyai kita akan hantar tempat-tempat yang telah saya nyatakan tadi.

YB Datuk Speaker : Jemput Gambir.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 4.

Jabatan Pelancongan Negeri Johor telah merancang untuk menarik lebih ramai pelancong ke Gunung Ledang Sagil. Sejauh, manakah Program *Homestay* di kampung-kampung sekitar dan Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dapat manfaat daripada perancangan tersebut?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagagngan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bersemangat menjawab soalan pagi ini sebab BN menang di Teluk Intan. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana yang kita semua sedia maklum Gunung Ledang adalah merupakan ikon pelancongan Negeri Johor yang mempunyai legendanya tersendiri iaitu Legenda Puteri Gunung Ledang dengan ketinggian sebanyak 1,276 meter. Gunung Ledang ini telah menjadi gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia.

Pelan induk Pelancongan Negeri Johor juga telah mengenal pasti kluster pembangunan *mystical nature* bagi kawasan daerah-daerah sesuai dengan alam sekitar dan Legenda Puteri Gunung Ledang. Bagi menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk berkunjung ke Negeri Johor khususnya bagi menikmati keindahan dan keunikan produk pelancongan tersebut serta produk-produk sokongan di sekitarnya. Pelbagai pendekatan telah diambil oleh pihak Kerajaan negeri antaranya ialah dengan membangunkan Gunung Ledang sebagai destinasi pelancongan utama berasaskan kepada Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan asas berkaitan pelancongan yang akan memberikan kemudahan dan keselesaan kepada para masyarakat setempat dan para pelancong terutamanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada bulan April 2014 ini, *homestay* di Kampung Sagil, Ledang telah diluluskan sebagai salah satu *homestay* Negeri

Johor oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Dengan kekuatan produk sokongan *homestay* ini bersama-sama produk IKS, Industri Kecil dan Sederhana yang berada di sekitarnya saya percaya ianya akan dapat menarik lebih ramai lagi para pelancong atau pengunjung untuk bermalam lebih lama lagi di sekitar Ledang. Ini akan dapat membantu penduduk kampung terutamanya yang berada di sekitar Gunung Ledang ini mendapat manfaat limpahan ekonomi daripada pembangunan sektor pelancongan ini.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Soalan tambahan, Datuk Speaker.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Bukit Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker...

YB Datuk Speaker : Sekejap, sekejap, jemput, jemput.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya pun menanya soalan tambahan dengan cukup semangat kerana Pakatan Rakyat menang Bukit Gelugor, BN tidak bertanding. (Dewan bertepuk).

Dengan izin Datuk Speaker, soalan tambahan saya, apakah inisiatif yang diberi, apakah inisiatif yang diberi oleh Kerajaan negeri kepada orang ramai yang ingin melibati dalam program *homestay* ini dan sejauh manakah program *homestay* ini telah menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan di Negeri Johor. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Batu. Sebagai usaha kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai rakyat untuk melibatkan diri dalam Program *Homestay* ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan memberi faedah-faedah dalam bentuk inisiatif kepada pengusaha-pengusaha *homestay* seperti pemasangan papan tanda tunjuk arah, pemasangan plak *homestay*, pembangunan program nurseri pokok. Selain itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia turut akan mengadakan kursus-kursus asas inap desa dan modal insan untuk tujuan menambahbaikkan Program *Homestay* seperti kursus *We Are The Host*, kursus Bahasa Jepun, kursus Bahasa Inggeris, kursus Asas Pelancongan Desa termasuklah pengkhususan aktiviti dalam pakej *homestay*, cara-cara dan persediaan untuk menyambut tetamu, kebersihan persekitaran, pengurusan premis-premis *homestay*, penyediaan dan pengendalian makanan, kemahiran memasak dan gangguan seksual. Dari aspek promosi pula, kerajaan akan membantu dari segi promosi dan jualan produk dalam negeri dan luar negeri khususnya Negara Jepun dan Singapura.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput Gambir.

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Bukit Gambir) : Terima kasih atas usaha Kerajaan negeri Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam meningkatkan para pelancong ke Gunung Ledang. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tanya memandangkan banyak manfaat yang dapat diberikan oleh kerajaan bagi yang, pengusaha-pengusaha Program *Homestay*, apakah prosedur atau cara untuk sesiapa yang berminat bagi memulakan Program *Homestay* di kampung masing-masing.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Untuk kita semua sedia maklum, bahawa setiap Program *Homestay* mestilah diselaraskan oleh JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) dan pemilik-pemilik projek mestilah melatih seorang penyelaras daripada JKKK seperti Ketua Kampung, Penghulu, tuan imam ataupun lain-lain. Yang kedua, Program *Homestay* ini mestilah melibatkan komuniti setempat. Ketiganya, projek *homestay* dengan syarat sekurang-kurangnya 10 buah rumah per projek. Setiap rumah sekurang-kurangnya satu bilik. Yang keempat, rumah-rumah dalam projek *homestay* seharusnya perlu mendapatkan pemeriksaan dan seterusnya kelulusan daripada Jawatankuasa yang berkaitan termasuk Jabatan Pelancongan Negeri, Kementerian Pelancongan, Pihak Berkuasa Tempatan, Persatuan-Persatuan *Homestay* dan lain-lain. Kelima, pelancong atau pelawat seharusnya duduk dan tinggal bersama tuan rumah. Keenam, setiap Program *Homestay* seharusnya dilengkapi dengan pakej pelancongan yang berbudaya tradisional yang menampakkan cara hidup masyarakat setempat termasuklah makanan, kesenian, aktiviti kebudayaan, aktiviti harian, kemahiran khas dan produk-produk pelancongan tersendiri. Akhirnya pemilik projek *homestay* akan dibawa menghadiri Kursus Asas Pelancongan Desa.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit): Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Minta penjelasan apakah pelan tindakan kerajaan dalam memastikan bekalan air mencukupi dan berkualiti pada masa yang akan datang. Adakah kerajaan negeri merancang bersama SPAN untuk membangunkan infrastruktur bekalan air bagi menjamin bekalan mencukupi sepanjang masa.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Pemanis.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis): Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 6.

Berikan punca-punca bekalan air di Negeri Johor. Bagaimana agihan itu diuruskan, dengan pecahan untuk kegunaan rakyat negeri mahupun

pengguna luar. Bagaimana unjuran masa hadapan Johor terhadap keperluan sumber dan permintaan bekalan air masa hadapan, contohnya persiapan menghadapi fenomena El Nino?

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Apakah bentuk tindakan dan perancangan terkini di pihak kerajaan terhadap fenomena El Nino yang dijangka akan berlaku bermula Jun sehingga September ini terutama berkaitan dengan bekalan air bersih untuk keperluan domestik dan pertanian?

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Mengkibol.

Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Apakah rancangan dan strategi pihak kerajaan dalam menghadapi fenomena El Nino yang dijangka akan melanda Malaysia dalam bulan Jun?

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu.

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 9.

Sila nyatakan tahap kesediaan pihak SAJ untuk menghadapi musim panas/kemarau yang dijangka akan bermula pada beberapa bulan lagi akibat fenomena El Nino.

Y.B. Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Rengit, Yang Berhormat Pemanis, Yang Berhormat Sungai Abong, Yang Berhormat Mengkibol dan Yang Berhormat Bukit Batu di atas soalan yang diajukan pada pagi ini.

Di Dewan Negeri Johor, di Negeri Johor, maaf saya Yang Berhormat Datuk Speaker. Di Negeri Johor terdapat 21 buah sungai utama dan 9 buah empangan yang membekalkan sumber air mentah kepada 45 buah loji rawatan air. Walaupun sumber air di negeri ini banyak tetapi ia terdedah kepada ancaman terhadap kualiti dan kuantiti. Oleh itu, langkah tegas perlu diambil untuk memelihara kawasan tadahan air, sungai dan empangan daripada dicemari.

Bekalan air bersih Negeri Johor untuk tahun 2013 ialah sebanyak 1,491 juta liter sehari dan jangkaan permintaan air untuk tahun 2014 adalah sebanyak 1,540 juta liter sehari. Berdasarkan Kajian Sumber Air Negeri Johor 2010 sehingga 2060, keperluan bekalan air untuk tahun 2015 ialah sebanyak 2.027 juta liter sehari dan akan meningkat kepada 4,136 juta liter sehari pada tahun 2060.

Berdasarkan keupayaan sungai, empangan dan loji rawatan air sedia ada, pihak Syarikat Air Johor (SAJ) hanya mampu memenuhi permintaan air hingga tahun 2020, kerana kekurangan bekalan sumber air.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi meningkatkan sumber air, maka Kerajaan negeri dengan bantuan Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan tiga projek dalam Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu:-

i. Pembinaan Empangan Kahang di daerah Kluang dengan kos RM105 juta dengan kapasiti takungan air mentah sebanyak 21 juta meter padu dan penghasilan sebanyak 90 juta liter air sehari. Projek ini bermula pada bulan Mei 2014 dan dijangka siap pada bulan Mei 2017.

ii. Pembinaan *barrage* di Sungai Johor di Daerah Kota Tinggi dengan kos sebanyak RM96 juta dan penghasilan air mentah sebanyak 400 juta liter sehari. Projek ini bermula pada Disember 2013 dan dijangka siap pada bulan Oktober 2015.

iii. Menaik taraf Empangan Bekok di daerah Batu Pahat dengan kos RM13 juta untuk meningkatkan kapasiti takungan air mentah daripada 32 juta meter padu kepada 61.7 juta meter padu. Naik taraf ini meningkatkan *yield* dan tempoh simpanan air mentah khususnya bagi menampung keperluan pada musim kemarau. Tambahan kapasiti takungan akan menjamin bekalan air mentah bagi 4 loji rawatan air iaitu Loji Rawatan Air Sri Gading, Loji Rawatan Air Parit Raja, Loji Rawatan Air Yong Peng 2 dan Loji Rawatan Air Yong Peng 3, dengan jumlah kapasiti sebanyak 220 juta liter air sehari bagi daerah Batu Pahat. Projek ini adalah di peringkat pelantikan konsultan bagi mereka bentuk secara khusus oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk projek dalam Rancangan Malaysia Ke-11, pihak Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian bagi meningkatkan bekalan sumber air mentah di 5 kawasan iaitu:-

i. Kajian Kemungkinan atau *Feasibility Study* bagi sumber bekalan air mentah alternatif ke Loji Rawatan Air Simpang Renggam. Bekalan sumber air ke Loji Rawatan Air Simpang Renggam kerap terganggu akibat daripada pencemaran ammonia di Sungai Ulu Benut.

ii. Kajian Kemungkinan *Feasibility Study* dan Kajian Impak Alam Sekitar Terperinci bagi pembinaan Empangan Meda, Muar untuk mengatasi masalah *sanitary* di Sungai Muar.

iii. Pembinaan Empangan Ulu Sedili Besar untuk memenuhi permintaan bekalan air di daerah Kota Tinggi dan Johor Bahru.

iv. Pembinaan Paip Air Mentah dari Sungai Johor ke Loji Rawatan Air Skudai. Operasi rawatan air di Loji Rawatan Air Skudai kerap terganggu kerana pencemaran air di Sungai Skudai dan dicadangkan supaya bekalan air mentah untuk Loji Rawatan Air Skudai diperolehi secara terus daripada Sungai Johor dengan memasang paip air mentah.

v. Menaik taraf Empangan Congok kerana bekalan air dari Empangan tersebut ke Loji Rawatan Air Tenglu tidak mencukupi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, fenomena El Nino adalah keadaan di mana berlakunya cuaca panas dan kekurangan taburan hujan untuk tempoh masa yang panjang dan dijangka berlaku pada Jun ini dan berlarutan sehingga September. Menurut Laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, fenomena El Nino di Asia Tenggara dijangka berlaku mulai bulan Jun dan tempoh 6 hingga 9 bulan yang akan menyebabkan peningkatan suhu dan penurunan paras air sungai termasuk di loji-loji rawatan air. Bagi menampung keperluan sumber air mentah di loji rawatan air, maka paras air sungai perlu distabilkan dengan 2 kaedah.

i. Menghalang pengambilan air secara haram.

Pihak BAKAJ akan memantau sepanjang sungai dan empangan dengan kerjasama Syarikat Air Johor, Pentadbir Tanah Daerah dan pihak polis. Sekiranya berlaku pengambilan air sungai secara haram, sama ada oleh penternak atau petani atau pengilang, maka tindakan tegas akan diambil dengan merampas peralatan yang digunakan dan membuat pendakwaan kerana menceroboh sungai iaitu tanah kerajaan.

ii. Melepaskan air daripada empangan.

Bagi memastikan keperluan air mencukupi bagi musim kemarau maka muatan simpanan air di empangan perlu berada sekurang-kurangnya 80 peratus daripada muatan. Sekiranya simpanan air empangan tersebut menyusut kepada 40 peratus, maka penjadualan bekalan air kepada pengguna akan diaktifkan.

Oleh kerana kemungkinan berlakunya banjir ketika El Nino adalah kecil, maka empangan yang berfungsi sebagai tebatan banjir perlu menyimpan air pada paras maksima untuk digunakan ketika fenomena El Nino berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memenuhi bekalan air bersih oleh pengguna dalam musim El Nino, maka tindakan berikut akan dilaksanakan :

SAJ sebagai operator pembekal air bersih akan sentiasa bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlakunya fenomena tersebut bersama Kerajaan negeri yang akan memantau rapi paras air sungai dan empangan yang membekalkan air mentah kepada loji rawatan. Sekiranya paras air menyusut pada tahap amaran, maka pelan tindakan kecemasan bekalan air Syarikat Air Johor akan diaktifkan dan menyediakan keperluan logistik bagi bekalan air secara berjadual. Dan penghantaran bantuan bekalan air dengan menggunakan lori tangki terus kepada pengguna. Pihak SAJ mempunyai sebanyak 25 buah lori *tanker* dan jumlah akan ditambah sekiranya ada keperluan dengan mendapatkan khidmat daripada syarikat swasta yang lain. Manakala sejumlah 192 tangki statik dalam keadaan tunggu sedia. SAJ juga mempunyai anggota yang akan diletakkan dalam keadaan siap sedia terutama di kawasan yang dijangka boleh terjejas.

Tindakan seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker adalah mendapatkan bantuan bekalan air bersih daripada daerah bersebelahan, yang mempunyai paip yang bersambungan di mana pengeluaran air daripada loji yang tidak mempunyai masalah bekalan air mentah akan ditingkatkan untuk membantu loji rawatan yang kekurangan. Sekiranya keadaan semakin berlarutan dan bagi memanjangkan tempoh penyimpanan sumber air, maka kaedah terakhir ialah perancangan bagi melaksanakan bekalan air berjadual akan dilakukan dengan mengemukakan permohonan terlebih dahulu kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Terima kasih.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan.

YB Datuk Speaker : Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan terima kasih juga kepada EXCO yang telah memberikan jawapan yang cukup panjang, lebar dan jelas melihat bahawa Kerajaan Barisan Nasional selalu memikirkan nasib rakyat dan sentiasa mengambil berat soal rakyat ni. Itu sebab kita lihat perancangan kita jauh sehingga 2060.

Tidak seperti kerajaan di satu negeri, air pun dipolitikkan, bukan air, manusia pun dipolitikkan; bukan manusia sahaja dipolitikkan, budak perempuan pun dipolitikkan. Soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, dari segi kawalan mutu air ini, yang paling penting ialah mutu air. Kita lihat di setengah kawasan takungan air ada *buffer zone*. Dan *buffer zone* tu ditanam dengan pokok-pokok sawit dan bila musim meracun air itu akan masuk ke kawasan takungan. Jadi langkah-langkah komprehensif, drastik daripada Kerajaan negeri untuk memastikan kualiti air yang kita nak bekalkan kepada rakyat Johor ini bermutu

tinggi dan rakyat nanti akan melihat kualiti air yang akan mereka terima. Itu soalan tambahan saya Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Rengit. Bersabit dengan soal pencemaran Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan negeri amat menyedari akan cabaran-cabaran dalam menentukan jumlah atau sumber bekalan air mentah ini mencukupi dan salah satu daripada ancaman terhadap sumber bekalan air ialah pencemaran. Maka, sebab itu Kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif dengan melihat semula kepada Enakmen Bekalan Air atau Enakmen Air Tahun 2014 ini membuat pindaan untuk memberi hak dan kuasa kepada Kerajaan negeri bagi menyelaras peranan Pihak Berkuasa Negeri, peranan badan-badan yang bertanggungjawab supaya dapat memastikan bahawa pencemaran dan juga gangguan kepada sumber bekalan air mentah ini dapat dikawal. Terima kasih.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Soalan tambahan, Datuk Speaker..

YB Datuk Speaker : Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Sekitar empangan Bekok ditanam dengan kelapa sawit secara haram. Untuk mengelakkan pencerobohan, adakah kerajaan berhasrat menggantikan pokok kelapa sawit ini kepada pokok hutan yang lebih mesra alam sekitar. *Thank you.*

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan-kawasan di persekitaran empangan ada yang terdapat tanah-tanah milik kerajaan ada juga tanah-tanah yang milik persendirian. Bagi tanah-tanah milik kerajaan, segala bentuk kawalan boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun bagi tanah-tanah individu kawalan seperti mana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, kawalan akan dipertingkatkan dengan kita menentukan Pihak Berkuasa Negeri bersama-sama dengan Pengarah BAKAJ agar penguatkuasaan, pengawalan dan pemuliharaan kawasan sumber air ini akan dipertingkatkan. Maka ini termasuklah kawasan-kawasan tanaman sawit yang dikira boleh menjejaskan bekalan atau tempat sumber air ini ianya akan dipantau dan sekiranya aktiviti di kawasan penanam sawit tersebut adalah menjadi punca kepada pencemaran air maka dengan pindaan Enakmen itu akan memberi kuasa kepada Kerajaan negeri untuk mengambil tindakan.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekianlah sahaja soalan lisan kita pada pagi ini. Mana-mana soalan yang telah disenaraikan tetapi belum

dijawab secara lisan maka saya harap jawapannya akan dibuat secara bertulis dan dikemukakan dalam persidangan yang sama. Jurutulis.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan terhadap Rundingan Menjunjung Kasih akan dijalankan selama 4 hari mulai hari ini sehingga 4 Jun 2014 dan pihak kerajaan akan menggulung perbahasan pada 8 dan 9 Jun 2014.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

YB Datuk Speaker : 45 minit.

YB Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Datuk Speaker. Salam sejahtera, salam muafakat Johor dan salam 1Malaysia. Segala pujian bagi Allah SWT penaung bagi sekian alam dan salam ke atas kekasih-Nya, Nabi Muhammad SAW junjungan besar Rasul akhir zaman dan seluruh ahli keluarga baginda serta para sahabat penyambung sinar Islam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon membawa rundingan bahawa satu ucapan Menjunjung Kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut :

Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Ke-13.

Patik sebagai rakyat Negeri Johor Darul Takzim sangat bertuah mempunyai Tuanku Sultan yang berjiwa rakyat yang sentiasa menitik berat pembangunan negeri, kemudahan dan kesejahteraan rakyat semua peringkat.

Pertama-tamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita semua dipanjangkan usia, dilimpahkan nikmat kesihatan dianugerahkan rezeki dan yang terpenting diberikan amanah dan tanggungjawab oleh rakyat untuk memimpin dan menyejahterakan kehidupan rakyat. Saya yakin kesemua Ahli-Ahli Dewan bersetuju dengan saya bahawa titah Tuanku Sultan Johor sarat dengan nasihat, panduan dan wawasan untuk memastikan Johor terus memacu pertumbuhan ekonomi yang pesat, membangunkan negeri secara menyeluruh, kestabilan politik yang berterusan, kelestarian alam sekitar, pegangan amalan agama

yang jitu dan yang paling penting ialah memastikan perpaduan dan muafakat yang kukuh dalam kalangan bangsa Johor.

Hari ini disebabkan sejarah Johor merakamkan bahawa kemajuan yang dicapai sejak selama ini adalah disebabkan gabungan faktor-faktor yang disebutkan tadi. Namun begitu pemikiran kita tidak boleh bergantung kepada sejarah semata-mata, apa yang penting Datuk Speaker, kita mengambil pengajaran dari sejarah lalu untuk membolehkan seluruh lapisan kepimpinan di seluruh Negeri Johor meningkatkan integriti, memperkasakan daya juang dan akhirnya mendaulatkan kuasa rakyat yang diberikan kepada kita semua.

Datuk Speaker, kita juga menyambut baik titah Tuanku Sultan yang membangkitkan isu Pulau Batu Putih. Ini menunjukkan sikap dan pemikiran Tuanku Sultan untuk meneruskan perjuangan kita bahawa Pulau Batu Putih adalah milik kedaulatan Kerajaan Johor. Sesungguhnya persempadanan Negeri Johor adalah jelas berdasarkan beberapa perjanjian yang menjelaskan wilayah kedaulatan Johor antaranya ialah :

1. Perjanjian antara Sultan Husin Muhamad Syah dengan Stamford Raffles pada 6 Februari 1819 yang membenarkan British menguasai Singapura.

2. Perjanjian London antara British dengan Belanda pada 17 Mac 1824 yang menyebabkan Kerajaan Johor hilang kedaulatan ke atas Singapura dan Riau-Lingga.

3. Pembinaan rumah api Horsburgh di Pulau Batu Putih pada tahun 1844 adalah dengan persetujuan Kerajaan Johor.

4. Perjanjian antara Kerajaan Johor dengan Sultan Ali berkaitan kawasan taklukan Johor hingga ke Muar – Kesang pada 10 Mac 1855.

5. Perjanjian antara Kerajaan Johor dan Kerajaan Pahang mengenai sempadan di sungai Endau pada 17 Jun 1862.

6. Perjanjian antara Kerajaan Johor dan British di Singapura berkaitan sempadan di Selat Johor atau Selat Tebrau pada 19 Oktober 1927.

Dalam pada itu seluruh rakyat dan bangsa Johor wajar menghargai tokoh pembesar yang sangat berjasa dalam menentukan persempadanan Johor. Tokoh tersebut ialah Datuk Mohamad Salleh Perang di mana beliau juga menghasilkan peta Negeri Johor yang tepat dan lengkap dalam tulisan jawi.

Pada khidmat saya, titah Tuanku Sultan membangkitkan isu Pulau Batu Putih ada asasnya. Berdasarkan keterangan berasaskan fakta sejarah tadi, saya ingin mengajak seluruh Ahli Dewan untuk menyokong sepenuhnya cadangan yang dikemukakan oleh Tuanku Sultan agar ditubuhkan sebuah Pasukan Khas oleh Kerajaan negeri Johor dan Kerajaan Malaysia untuk menuntut kembali

Pulau Batu Putih. Sesungguhnya Pulau Batu Putih ialah lambang maruah dan kedaulatan Negeri Johor Darul Takzim dan dengan itu kita mendesak Kerajaan Pusat menyegerakan perkara ini sebelum 2018.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kejayaan demi kejayaan telah kita kecapi di peringkat Kerajaan Pusat terdapat kejayaan yang begitu mengagumkan. Ini berdasarkan pencapaian Transformasi Kerajaan atau pun GTP, *Government Transformation Programme* 2013 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Antaranya adalah termasuk kesemuanya 7 NKRA telah melaporkan kadar pencapaian purata sebanyak 104% bagi petunjuk prestasi utama. Lebih 6.8 juta rakyat Malaysia berpendapatan rendah diberikan bantuan tambahan menerusi Bantuan Rakyat 1 Malaysia. 1.2 juta pelajar Institusi Pengajian Tinggi menerima baucar buku bernilai RM250.00 menerusi inisiatif Baucar Buku 1 Malaysia. 5.7 juta pelajar sekolah rendah dan menengah telah menerima bantuan RM100.00 bagi membantu perbelanjaan Kembali Ke Sekolah dan perbelanjaan lain.

40 Kedai Rakyat 1 Malaysia telah dibina pada 2013 bagi meluaskan skop penyampaian produk Kedai Rakyat 1 Malaysia kepada lebih ramai rakyat Malaysia. Kini ada sejumlah 125. 70 buah Klinik 1 Malaysia telah dibina pada tahun 2013 bagi menyediakan rawatan perubatan yang mampu dibiayai oleh rakyat. Sejumlah 238 Klinik 1 Malaysia telah diwujudkan sejak 2010 dan 9.2 juta pesakit telah menerima rawatan. 11,021 rumah luar bandar dibina dan di baik pulih. 31,004 isi rumah luar bandar disambung dengan bekalan air bersih. 19,996 isi rumah luar bandar disambung dengan bekalan elektrik. Kes-kes jenayah kekerasan menurun sebanyak 30% dalam 52 hari pertama pelaksanaan Operasi Cantas Khas dan Unit Perhubungan Antarabangsa ditubuhkan di ibu pejabat Kuala Lumpur bagi menangani kebimbangan ekspatriat dan komuniti antarabangsa. Pindaan Akta Pencegah Jenayah 1959 bagi memberikan kuasa lebih kepada polis dalam menangani jenayah terancang, penjenayah tegar dan ganas dan 813 tangkapan pada tahun pertama iaitu dari Januari hingga November 2013, Pelaksanaan Unit Rondaan Bermotosikal PDRM.

Kedudukan indeks Persepsi Rasuah Transparensi Internasional telah menokok satu anak tangga kepada 53 pada tahun 2013 daripada 54 pada tahun 2012. Berdasarkan beberapa laporan pencapaian yang amat memberangsangkan tersebut Datuk Speaker, kita semua sewajarnya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran dengan lafaz Alhamdulillah agar pencapaian di peringkat nasional tersebut juga melimpah dan dinikmati rakyat Negeri Johor. Sandaran kita sepatutnya memfokuskan pembentukan bangsa Johor yang progresif dan bersatu padu berasaskan kekuatan sejarah, bertunjangkan Perlembagaan Negeri, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dan Perlembagaan Persekutuan. Pembangunan yang mampan dan menyeluruh serta mampu menyerap fenomena globalisasi. Pada akhirnya nanti kita berharap Kerajaan Johor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin dapat meneruskan kegemilangan Johor berasaskan kesinambungan masa lalu, pembangunan bersepadu dan mampan, muafakat rakyat Johor

yang semakin kukuh, menjadikan Johor yang progresif dan maju dan menatijahkan Johor yang berbudaya tinggi.

Dalam pada itu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan tahniah ke atas pentadbiran Kerajaan negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar disebabkan kejayaan menguruskan kewangan berasaskan program-program pembangunan yang tersusun dan terancang. Buktinya terdapat lebihan atau surplus sebanyak RM485 juta bagi tahun 2013. Pada hemat saya pentadbiran kerajaan yang sistematik dan strategik membolehkan pembangunan rakyat dan Negeri Johor dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Justeru itu, kepimpinan politik yang berintegriti di peringkat Negeri dan Persekutuan membolehkan Negeri Johor dapat meneruskan kegemilangan dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mampan di seluruh Negeri Johor. Dalam konteks inilah saya ingin menarik perhatian kesemua Ahli-Ahli Dewan tentang agenda besar Kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tahun 2014 dan selanjutnya untuk memperkasa pembangunan secara selimbang yang didukung dan dijayakan dengan iltizam bersungguh-sungguh, amanah dan dedikasi.

1. Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyeru dengan menyatakan bahawa marilah kita bersama-sama memoden dan melaksanakan Transformasi Perkhidmatan Awam. Pepatah Arab ini bolehlah dijadikan sandaran, "Jika anda mahu membuat sesuatu anda akan cari jalan, jika anda tidak mahu melakukan sesuatu anda akan mencari alasan".

2. Marilah kita dengan gigih menjayakan penubuhan pemikiran dan sikap masyarakat agar sedia bersaing, berkorban dan bekerja kuat untuk pembangunan dan kemakmuran Johor. Nilai hidup harus diukur dengan garis yang lebih mulia iaitu kerja dan bukannya usia atau martabat. Secara keseluruhan kita dapati tahap *mind set* masyarakat di Johor adalah berbeza-beza mengikut demografi seperti kaum dan lokasi. Secara umumnya *mind set* masyarakat bandar adalah lebih tinggi kerana mereka mempunyai tahap pendidikan dan pandangan dunia yang lebih luas, berbanding dengan masyarakat luar bandar. Manakala dari segi kaum secara relatifnya *mind set* orang Melayu dan India masih rendah berbanding dengan orang Cina. Justeru itulah Kerajaan negeri Johor berazam mesti berazam untuk menjadikan Negeri Johor lebih maju. Seluruh warga Johor perlu mengubah *mind set* untuk melibatkan diri secara langsung dalam arus perdana pembangunan.

3. Marilah kita menjayakan dasar-dasar utama yang telah dilakarkan dalam Ucapan Bajet 2014 agar kejayaan pelaksanaannya akan dapat dinikmati, rasanya dinikmati oleh rakyat sesuai dengan tema bajet iaitu "Muafakat Pembangunan dan Pengagihan".

Insya-Allah jika kita menjayakan tiga agenda besar ini, natijah dan impaknya pasti luar biasa kepada rakyat Johor dan negara. Yang Berhormat Datuk

Speaker, sampailah masanya dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini, kita rakamkan semula sejarah kehebatan Johor dipeta negara. Dengan menggunakan fakta-fakta yang menunjukkan Johor adalah pencetus Citra Nasional yang wujud di Malaysia pada masa ini. Antaranya ialah Kesultanan Johor Riau Lingga adalah mewarisi kesinambungan kecemerlangan dan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Kesultanan Johor mewarisi pusat perdagangan antarabangsa yang dikenali *The Maritime Kingdom*. Singapura adalah sebahagian jajahan takluk Johor kecuali bermula perjanjian antara Sultan Hussin dengan Stamford Raffles 20 Januari 1819 dan Perlembagaan Malayan Union 1 April 1946. Johor pengasas Gerakan Nasionalisme Melayu yang mencetuskan perjuangan kemerdekaan. UMNO ataupun Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ditubuhkan di Istana Besar Johor Bahru. Pengasas UMNO dan Penggerak Kemerdekaan ialah Yang Berhormat Dato' Onn Jaafar. Ikon politik Melayu ini adalah pengasas penyatuan Melayu dan pengasas perpaduan nasional. Beliau adalah penggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 untuk menggantikan Perlembagaan Malayan Union 1946. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor diasaskan pada tahun 1895 dan Johor memperkenalkan konsep kerakyatan yang dinamakan Bangsa Johor.

Sultan Johor mempunyai kuasa mutlak untuk menganugerah pingat kebesaran dan hendaklah dikawal bilangannya supaya bermutu. Perkara 63, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Johor pengasas dalam mendaulatkan Islam sebagai agama Negeri manakala agama-agama lain boleh diperagamakan oleh rakyat berbilang kaum seperti mana yang terdapat dalam Perkara 57, Undang-Undang Tubuh Kerajaan negeri Johor. Johor melahirkan ramai ulama yang berjaya mengembangkan syiar Islam termasuklah Habib Al-Hassan Al-Attas, Tan Sri Profesor Abdul Jalil Hassan, Datuk Haji Hassan Yunos dan lain-lain. Madrasah Al-Attas di Wadihana Johor Bahru dan Madrasah Haji Taib di Muar adalah lambang perkembangan pendidikan Islam di Johor. Johor mengadakan hubungan rapat dengan Turki untuk memartabatkan Undang-Undang Islam, Sultan Johor mengiktiraf Bahasa Melayu dengan penubuhan pakatan belajar mengajar Bahasa Melayu Diraja yang diasaskan oleh Dato' Mat Said Sulaiman. Bahasa Melayu Johor Riau diangkat dan diterima pakai menjadi Bahasa Nasional dan penggunaan tulisan jawi dalam sistem pendidikan dan pentadbiran. Johor memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Kebangsaan 1956. Johor mengiktiraf kepelbagaian budaya dari pelbagai sub-etnik seperti orang Jawa, Orang Bugis, Banjar, Boyan, Minangkabau, Cina dan India dan sebagainya. Johor mengabdikan nama tokoh-tokoh dari pelbagai kaum untuk nama-nama jalan.

Baju Melayu Teluk Belanga adalah busana Johor yang termasyhur. Zapin dan Ghazal adalah ikon hiburan Johor yang dipengaruhi dari negara-negara Arab. Johor mencetuskan sistem pentadbiran yang efisien dan efektif dengan penubuhan jabatan-jabatan Kerajaan.

Johor membangunkan pelbagai prasarana termasuk jalan kereta api kayu yang pertama di mana Yang Berhormat Datuk Speaker, di Gunung Pulai dan di Parit Jawa. Tambak Johor adalah ikon sistem pengangkutan utama yang menghubungkan Johor dengan Singapura. Johor mewujudkan Majlis Jumaah Diraja untuk menasihati raja di dalam pentadbiran kerajaan. Johor menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Johor yang dipengerusikan oleh seorang Menteri Besar. Johor adalah negeri pertama yang mewujudkan sistem yang dinamakan Jemaah Menteri yang terdiri daripada bangsa Melayu, rakyat Johor dan beragama Islam. Wakil-wakil pelbagai kaum dilantik oleh pihak istana untuk menduduki Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Johor. Dan Johor adalah negeri pertama juga yang mewujudkan jawatan Menteri Besar pada tahun 1880-an manakala negeri-negeri lain mulai Februari 1948. Moto "Kepada Allah Berserah" adalah tanda kerajaan, mahkota segala peralatan kerajaan, bendera raja, bendera negeri atau bangsa dipakai selama-lamanya. Demikian jugalah dengan titah kerabat Diraja, "Muafakat itu Berkat" hendaklah dipakai dan dikekalkan sepertimana perkara 61 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Johor mewujudkan sistem Ketua Kampung dan Penghulu sebagai pemimpin akar umbi. Johor memulakan sistem pentadbiran mengikut sistem barat iaitu Datuk Pengawa Barat dan residensi Timur, Datuk Pengawa Timur. Johor mewujudkan Pegawai Daerah yang lapan buah daerah, kini sepuluh daerah menjadi wakil pentadbiran pihak raja. Johor mewujudkan sistem pentadbiran *Johor Civil Service* yang melahirkan ramai tokoh yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan negeri Johor.

Johor menubuhkan pasukan Askar Timbalan Setia Negeri atau *Johor Military Forces* atau *Johor Volunteer Forces* yang diiktiraf sebagai Permata Johor. Dan Johor memulakan kegiatan pertanian komersial Sistem Kangcu mulai tahun 1844 yang menyebabkan menjadi pengeksport gambir dan lada hitam yang utama di dunia. Sungai-sungai utama di Johor adalah pencetus peradaban berkerajaan seperti Sungai Johor, Sungai Batu Pahat, Sungai Endau, Sungai Muar dan Sungai Segamat. Dan mulai abad ke-20, Johor memajukan pelbagai sektor ekonomi termasuklah perladangan getah, nenas, kopi, kelapa sawit, perlombongan dan sebagainya. Dan Johor semakin terkenal apabila Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor ditransformasikan menjadi Perbadanan Johor atau Johor Corporation. Johor telah membangunkan Pusat Pentadbiran Kerajaan negeri di Nusajaya. Johor membangunkan sistem pendidikan moden dan sistem pendidikan agama dan setiap daerah di Johor mempunyai keunikan budaya yang tersendiri. Beberapa kajian yang saya telah buat, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Sehubungan dengan latar sejarah yang ringkas, saya kemukakan tiga *tagline* Johor yang utama menjadi senarai usul atau rundingan yang dibawa di dalam sidang Dewan yang mulia ini iaitu Johor Mesti jadi Johor. Kedua, Muafakat itu Berkat. Ketiga, Kepada Allah Berserah. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang telah melancarkan Pelan Suara Hati Johor di Medini Mall Nusajaya semalam iaitu 31 Mei 2014. Harapan

kita kesemua pelan yang baik itu dapat direalisasikan dengan strategik dan berkesan untuk kesejahteraan rakyat di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh beberapa perkara penting menjadi alasan kita untuk terus maju. Bagi memacu pertumbuhan ekonomi Johor, satu perkara yang paling dasar ialah memperkasakan sistem pendidikan khususnya Sekolah Kebangsaan, di samping pelbagai jenis sekolah yang lain. Kesemua ini terangkum di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Nasional yang diterajui oleh orang Johor iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia. Kerajaan negeri Johor perlu terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan prasarana pendidikan khususnya di luar bandar. Sejak sekian lama, Kerajaan negeri Johor memang memartabatkan sistem pendidikan agama, sistem pendidikan agama amat penting di kalangan bangsa Johor agar wujudnya pembangunan insan yang seimbang dan harmoni. Malah sistem pendidikan agama yang unik ini telah menjadi salah satu jati diri Johor yang tersendiri dan dicontohi oleh negeri-negeri lain. Tambahan pula sistem pendidikan sekolah agama terbukti menjadi elemen utama yang menyumbang kepada kefahaman ajaran Islam dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan hidup rakyat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan negeri Johor diharap dapat terus memperkasakan sistem pendidikan agama terutamanya dari segi prasarana dan sumber manusianya iaitu skim perkhidmatan untuk guru-guru Agama Johor. Malah kita juga bercita-cita agar urusan dari sistem pendidikan Agama Johor boleh meneruskan pengajian agama sama ada di dalam negara atau di Timur Tengah dan bekerja di mana-mana di dalam dunia ini.

Saya membawa dua contoh prasarana yang perlu diperbaiki segera Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan Sekolah Agama Bukit Besar, bumbungnya yang telah bocor perlu pembaikan dan keadaan di Sekolah Agama Bandar Kulai yang telah dibina 40 tahun yang lepas yang uzur dan sekarang menumpang di masjid untuk menjalankan kelas secara harian.

Datuk Speaker, kemajuan dalam sistem pendidikan sebuah negeri ditandai dengan kemuncaknya iaitu wujudnya sistem pengajian tinggi. Pada masa kini Kementerian Pendidikan telah membangunkan di Johor, Universiti Teknologi Malaysia iaitu di Skudai, Universiti Teknologi Tun Hussien Onn di Parit Raja, tempat Datuk Speaker, Universiti Teknologi MARA di Segamat dan Seri Alam, Politeknik di Pasir Gudang dan Mersing serta beberapa Kolej Komuniti. Kita minta Kerajaan terus membangunkan hab pendidikan tinggi nasional di Pagoh dan Pengajian Tinggi Antarabangsa *Educity* di Nusajaya. Kini Kerajaan negeri Johor telah mempunyai 2 institusi pengajian tinggi iaitu Kolej Yayasan Pelajaran Johor dan Kolej Pengajian Tinggi Agama iaitu MARSAH. Sehubungan dengan itu, Kerajaan negeri Johor diharap dapat meningkatkan statusnya Datuk Speaker, kepada taraf Kolej Universiti yang boleh menampung program kepada arah mengeluarkan Ijazah Sarjana dan PhD bagi memartabatkan pengajian tinggi di Johor.

Datuk Speaker, pembentukan kenegaraan tentunya berasaskan dokumen bertulis yang dikenali sebagai Perlembagaan. Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan secara sah menyebutkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Yang DiPertuan Agong untuk memastikan kedudukan hak-hak orang Melayu termasuklah dalam bidang pendidikan, biasiswa, pemberian lesen perniagaan dan perkhidmatan awam. Justeru itulah saya mengusulkan dalam Dewan yang mulia ini, untuk melaksanakan semula pemberian biasiswa kepada golongan Bumiputera yang layak bagi melanjutkan pengajian tinggi di dalam dan di luar negara. Secara tidak langsung ia dapat merapatkan jurang ekonomi dan sosial di kalangan rakyat Malaysia. Isu utamanya ialah dengan melaksanakan Perkara 153, sebenarnya kita tidak pernah mengambil hak orang lain, itu isunya. Sesungguhnya Kontrak Sosial yang diasaskan oleh pelbagai kaum dalam pembentukan kenegaraan Malaysia pada tahun 1957 adalah bermula di Johor.

Dan kita di Johor memang menyokong dasar Kementerian Pendidikan untuk memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkasakan Bahasa Inggeris iaitu MBMMBI bagi menggantikan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Secara tidak langsung, Dasar Pendidikan dapat meningkatkan kualiti pendidikan dan seterusnya mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia. Sesungguhnya Johor merupakan negeri yang menjadi pencetus citra bangsa iaitu memartabatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan seperti mana yang diisytiharkan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kebangsaan di Johor Bahru pada tahun 1956. Sesungguhnya usaha yang dikenali sebagai MBMMBI ini juga selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 152 yang menegaskan bahawa Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan.

Datuk Speaker, mengawal pemilikan tanah di kalangan warga asing. Wawasan 2020 yang menjadi impian seluruh rakyat Malaysia menegaskan bahawa pembangunan nasional perlulah dinikmati oleh rakyat negara itu sendiri. Sehubungan dengan itu, kita minta Kerajaan Johor menyemak semula dasar pemilikan hartanah untuk kepentingan asing. Ini termasuklah dengan inisiatif Kerajaan Johor untuk menaikkan harga minimum hartanah yang boleh dimiliki dari RM500,000.00 kepada RM1 juta seunit. Begitu juga pembelian hartanah yang lain termasuk di Iskandar Malaysia.

Baru-baru ini kita memuji langkah Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menyarankan agar penduduk di Pengerang tidak menjual hartanah mereka kepada pihak asing walaupun ditawarkan dengan harga yang mahal. Jelasnya Dasar Pemilikan Tanah secara liberal kepada warga asing hanya meninggalkan implikasi negatif kepada rakyat tempatan untuk jangka masa panjang. Saya yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru selepas Pilihan Raya Ke-13, Kerajaan Johor terus komited untuk memperbanyakkan rumah mampu milik di kawasan bandar. Kita tahu

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan dan swasta bagi merealisasikan usaha tersebut. Ini bertujuan untuk memberi keadilan sosial kepada rakyat yang berpendapatan rendah yang bermastautin di kawasan bandar. Sebenarnya usaha ini bukanlah mudah, kita tahu, namun begitu Kerajaan tidak boleh, tidak boleh sekali-kali membiarkan pemaju perumahan membuat dasarnya sendiri. Kita pujilah langkah Kerajaan Johor menyenaraihitamkan beberapa syarikat yang enggan membangunkan rumah mampu milik untuk rakyat Johor.

Datuk Speaker, Kerajaan negeri Johor harus menginsafi kesusahan rakyat atau pun kesusahan hidup rakyat akibat kenaikan harga barang-barangan. Kenaikan harga barangan yang tidak terkawal ataupun tidak dapat dikawal dengan sempurna menyebabkan kos hidup di Johor semakin meningkat, sekali gus menyebabkan kualiti hidup semakin merosot. Walaupun bidang kuasa Kerajaan negeri adalah terhad untuk mengawal kenaikan harga barang-barangan ini, namun usaha perlulah diteruskan dengan agensi Kerajaan Pusat untuk menstabilkan harga barang-barang. Apa yang membimbangkan kita di Johor ialah warga asing menikmati pelbagai barangan di pasaran yang di subsidi oleh pihak Kerajaan. Ini bermakna warga asing menikmati pelbagai kemudahan, barangan dan perkhidmatan dengan harga yang lebih murah. Justeru itulah saya mencadangkan rundingan agar kombinasi pihak berkuasa Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan perlulah mengambil tindakan drastik dan realistik untuk menstabilkan harga barang di pasaran untuk meyakinkan rakyat Negeri Johor. Persoalannya Datuk Speaker, kalau mantan Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir Mohamed boleh menstabilkan harga Ringgit, mengapa pula Kerajaan masa kini tidak boleh menstabilkan harga barang.

Datuk Speaker, menyediakan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam yang berkualiti adalah penting dan mempunyai kepentingan alam sekitar yang lestari.

Secara umumnya, rakyat berpuas hati terhadap perkhidmatan pengangkutan awam terutama di kawasan bandar. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan atas perkhidmatan bas Iskandar Malaysia yang disediakan oleh pihak Kerajaan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan. Namun begitu, akibat pembangunan yang pesat dan kuasa beli yang semakin meningkat, menyebabkan berlaku pula kesesakan di jalan raya. Walaupun pihak Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan membangunkan pelbagai prasarana, namun peningkatan bilangan kenderaan yang banyak kini menyebabkan kesesakan di jalan raya, sesuatu yang perlu di pelajari dari negara jiran. Jika kenderaan dari Malaysia masuk ke Singapura mereka dikenakan bayaran sebanyak SD30.00. Selain itu terdapat beberapa peraturan yang menghalang kenderaan masuk ke kawasan bandar pada waktu-waktu tertentu. Saya berpendapat pihak berkuasa Malaysia dan negeri perlulah mempelajari apa yang dibuat di negara jiran agar dapat dilaksanakan di Johor.

Datuk Speaker, Malaysia umumnya dan Johor khususnya masih berada dalam lingkungan negara-negara membangun. Justeru itu, kepimpinan politik dan Kerajaan perlulah memfokus lebih banyak kepada perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Sebenarnya sudah banyak yang diusahakan oleh Kerajaan seperti mana yang saya huraikan pencapaian Kerajaan bagi tahun 2013 tadi. Namun begitu rakyat luar bandar, rakyat luar bandar khususnya memerlukan lebih banyak perhatian. Antaranya dengan bantuan sara hidup, golongan fakir dan miskin, rumah-rumah yang daif, pendidikan anak-anak mereka, pengangkutan di luar bandar, prasarana luar bandar, jalan kampung dan sebagainya. Malah hal-hal yang berkaitan peribadi juga dirujuk kepada Wakil Rakyat. Kesemuanya ini memerlukan peruntukan dana yang disediakan oleh Kerajaan untuk disampaikan kepada rakyat. Di samping itu, rakyat luar bandar perlukan kehadiran pemimpin bersama mereka untuk merasai suasana kehidupan rakyat. Justeru itu, kita mengharapkan kepimpinan politik masa kini memugarkan sejarah sebagaimana pemimpin-pemimpin dahulu dapat menambat hati rakyat dan sekali gus mengekalkan tradisi berkerajaan di bawah payung di bawah Kerajaan Barisan Nasional sejak tahun 1955.

Perubahan *mind set* perlu dilakukan di kalangan rakyat Johor, Datuk Speaker. Perubahan ini sangat penting untuk dilaksanakan kerana ia menjadi asas kepada kemajuan sebuah bangsa dan negara, dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan peradaban yang hebat dan disegani. Sekiranya warga Johor tidak mengalami perubahan *mind set*, adalah dibimbangi pembangunan Negeri Johor hanya menguntungkan orang luar, sedangkan tumpuan dan usaha Kerajaan Johor melibatkan rakyat dalam pembangunan. Sesungguhnya pembangunan Johor yang *inclusive* memerlukan perubahan *mind set* di kalangan rakyat. Pada hemat saya, perubahan *mind set* dalam kalangan rakyat boleh dilakukan dengan mengutamakan beberapa perkara iaitu penghayatan ilmu pengetahuan dan pengamalan aliran agama. Keupayaan menguasai pengetahuan membolehkan seluruh bangsa Johor mengalami mobiliti sosial. Mendapat peluang ekonomi dan mengecapi nikmat pembangunan serta seterusnya mencipta peradaban bangsa. Justeru itu, institusi pendidikan di semua peringkat wajar memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran pendidikan dalam kalangan penduduk Johor secara menyeluruh.

Datuk Speaker, satu perkara yang penting ialah persepsi di kalangan rakyat Johor hari ini. Pada masa kini ialah tentang pembangunan seiring dikaitkan dengan Iskandar Malaysia. Ini disebabkan peranan media yang selalu menonjolkan pelbagai inisiatif program dan projek yang dijalankan di Iskandar Malaysia sahaja, tidak di daerah-daerah lain. Gambaran umum menunjukkan kawasan tersebut merupakan Wilayah Pembangunan yang paling didatangi oleh pelabur asing. Bagi mewujudkan keseimbangan ini Datuk Speaker, saya mencadangkanlah agar pihak media massa untuk menonjolkan berita-berita yang berkaitan tentang usaha-usaha Kerajaan negeri Johor untuk membangunkan 10 daerah dalam Negeri Johor secara menyeluruh. Hal ini perlu ditangani kerana projek Iskandar Malaysia hanya meliputi 3 buah daerah

iaitu Johor Bahru, Kulaijaya dan Pontian. Kesemuanya ini ialah untuk membetulkan persepsi umum bahawa Kerajaan Johor berusaha membangunkan kesemua daerah yang terdapat dalam Negeri Johor. Perkara ini saya yakin dapat dibuktikan sekiranya liputan dapat dijalankan dengan meluas terutama sekali lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke daerah-daerah baru-baru ini untuk meninjau, merancang dan mengumumkan pelbagai projek pembangunan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Datuk Speaker, di akhir rundingan saya ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional yang telah memenangi Pilihan Raya Kecil Parlimen Teluk Intan. (Dewan bertepuk) Tahniah Barisan Nasional, takziah kepada DAP. Ini memberikan atau menunjukkan rakyat masih terus berkeyakinan yang tinggi kepada Barisan Nasional untuk meneruskan rancangan memajukan negara. Ada fakta menunjukkan pengundi bangsa Cina pun dah tak menyokong parti DAP dan sudah bosan dengan Parti DAP di sana. Tapi dalam masa yang sama, ada parti yang saya tak berapa faham Datuk Speaker, sanggup menjadi kuda tunggangan kepada DAP yang selama ini dikenali termasyhur dengan parti yang bersifat perkauman dan juga menolak hudud. Kepada ahli parti yang sebangsa, seagama dengan saya, sedarlah, insaflah. Jangan esok bila mereka sudah sampai seberang, tongkat dibuang. Bukankah kita sudah kenal siapa mereka seperti pepatah Melayu "Sekilas ikan di air, sudah diketahui jantan atau betina" atau seperti "Enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing". Saya tak fahamlah Datuk Speaker.

Dengan itu saya mengakhiri rundingan saya Datuk Speaker, dengan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak. Saya menarik perhatian supaya Dewan supaya kita semua termasuk barisan pembangkang dapat memainkan peranan yang lebih mampan agar agenda pembangunan Negeri Johor dapat dijalankan dengan jayanya. Ada masa kita berbeza pemikiran dan pendapat kerana perbezaan parti politik tetapi kita perlulah atas semangat muafakat itu berkat, dan kepada Allah berserah seperti yang termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Marilah kita sama-sama menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi meneruskan legasi kegemilangan Negeri Johor. Dengan itu Pasir Raja mencadangkan rundingan Datuk Speaker. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja yang membawa rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekarang saya mempersilakan Pemanis untuk menyokong usul ini. 30 minit.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Datuk Speaker dan salam Pemanis. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah berjaya mengurus kewangan Negeri dengan begitu baik sekali sebagaimana pujian yang telah diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di dalam titah pembukaan Khamis lepas. Saya yakin dan percaya

dengan prestasi cemerlang pada peringkat ini, Johor pasti akan terus mara dan mampu menjadi model pengurusan Kerajaan negeri yang lebih gemilang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya minta maaf saya ada sikit sakit tekak dan saya harap, saya juga harap kuman dan virus saya tidak akan menjangkit mikrofon itu, lepas itu melalui litar-litar itu, lepas jangkit semua Wakil Rakyat ya...

YB Datuk Speaker : Jangan melaratlah. (Dewan ketawa). Cukup Yang Berhormat sajalah...(Dewan ketawa)

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Kerana konon pada dunia ini, berbagai cerita pun orang percaya. Saya, lepas balik Teluk Intan, saya ingat kembali apa yang berlaku masa pilihan raya lepas, bulan Mei 2013. Kononnya ada orang Bangla, puluh-puluh ribu orang Bangla sudah mari nak ambil kerusi kita. Kononnya ada 30 sampai 40 kapal terbang sedia telah ada dekat lapangan terbang yang entah kat mana, yang sedia untuk mengangkut pemimpin BN yang tetap akan kalah. Ada cerita tutup lampu dan ada cerita juga percaya telah, walaupun pembangkang telah umumkan mereka menang pada pukul 11, kenapa BN boleh jadi menang? Jadi tak hairan kalau saya beritahu orang nanti kuman virus saya melalui mikrofon, siapa yang kena selesema, mereka batuk, boleh saya boleh bekalkan ubat batuk sikit. Saya ada 3, sampai 3-4 jenis.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus mengaku bahawa dalam dunia hari ini, siapa yang mampu terjemahkan isu menerusi pemberian penerangan dalam dunia ini atau dalam pentas politik yang berpaksikan media, jadi siapa yang dapat memberikan penerangan sama ada pada sebelah yang tepat atau pada sebelah yang sebaliknya, mereka akan dapat memenangi hati kelompok sasaran. Prestasi-prestasi bukan lagi pertimbangan yang utama, ya Yang Berhormat Datuk Speaker.

Dalam hal ini jika Kerajaan berjaya memberi penerangan, seterusnya pendidikan berkenaan program atau isu yang berlaku, maka Kerajaan akan dapat melaksanakan sesuatu tindakan yang hendak diambil tanpa banyak halangan. Tambahan pula Kerajaan kita bersaing untuk perhatian dan fokus rakyat Malaysia kerana sumber maklumat dan ia... saluran dia begitu banyak sekali.

Saya melihat fungsi memberi penerangan dan pendidikan terhadap apa jua isu yang melanda kita pada hari ini, sama ada ia sengaja ditimbulkan atau berkaitan dengan dasar dan keputusan yang hendak dibuat oleh Kerajaan, minta maaf ya, amat lemah sekali. Walaupun Kerajaan mempunyai autoriti untuk terus melaksanakan dasar dan keputusan yang hendak dibuat. Kita tidak boleh lagi membiarkan fungsi penerangan dan pendidikan ini terkapai-kapai dijalankan sekadar oleh pemimpin akar umbi seperti Ketua Kampung, Ahli Majlis atau pemimpin politik setempat tanpa dilengkapi dengan sumber kekuatan dan input yang dapat membantu mereka menjalankan fungsi tersebut.

Mereka ini saban hari berdepan dengan komuniti akar umbi dan mereka dihujani tembakan tepat berhubung Kerajaan. Jadi, seluruh pada pendapat saya, penerangan itu pun bukan terhad kepada Jabatan atau Kementerian yang bertanggungjawab, contohnya Jabatan Penerangan dan pada pendapat saya ia merupakan fungsi dan tanggungjawab seluruh jentera Kerajaan pada segenap lapisan pihak Kerajaan.

Justeru Yang Berhormat Datuk Speaker, tema perbahasan saya pada hari ini adalah menjurus kepada fungsi penerangan dan pendidikan isu oleh Kerajaan. Satu skop yang wajar dilihat oleh Kerajaan dan moga ada sedikit ruang di hati dan minda semua, untuk memikirkan bersama perkara ini. Semoga kita dapat melicinkan segala program Kerajaan negeri Johor dan Kerajaan Pusat dan memupuk keharmonian dan perpaduan supaya negara kita dapat terus maju dengan aman dan sentosa.

Autoriti atau kuasa yang tidak dipegang dengan sempurna adalah autoriti yang hilang, ya Yang Berhormat Datuk Speaker. Autoriti itu diberi melalui antaranya, kuasa untuk kita memberi penerangan. Autoriti hendaklah dijaga sebaik mungkin, diguna sepenuhnya dengan mempertimbangkan semua faktor positif yang dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Kerajaan mempunyai autoriti ini Kerajaan adalah sumber rujukan rakyat yang autentik. Jika rakyat telah pergi kepada sumber rujukan yang lain dan lebih mempercayakan, maka Kerajaan sebenarnya boleh dikatakan sebagai telah hilang autoriti. Jadi untuk menjadi sumber rujukan yang tepat oleh rakyat, Kerajaan harus menyediakan input yang tepat dari segi data, dari segi fakta dan analisa mengikut sudut kenegaraan dan dengan kaedah atau tahap yang mengikut dan bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Ini dikatakan sebagai sumber rujukan Kerajaan berautoriti dan berwibawa. Jujurnya, negara ini telah berkembang dengan cepat sekali. Masakan sama cara kita mengeteh atau mengopi dahulu dengan sekarang, terutama apabila ianya berkait dengan perubahan teknologi dan cara berfikir generasi yang muda, yang sentiasa menginginkan perubahan.

Izinkan saya jelas bagaimana semua fungsi penerangan dan pendidikan isu yang amat penting itu menerusi beberapa contoh di bawah ini. Dari situ kita semua akan dapat satu gambaran jelas bagaimana kelemahan penerangan dan pendidikan isu memainkan peranan penting. Kalau ada satu pengajaran untuk kita bagaimana kita menang balik Teluk Intan. Sebenarnya kerja kita tidak bukan tidak apa, untuk memberi penjelasan kepada rakyat tentang semua isu yang dibangkitkan, yang telah pun diputarbelitkan. Pertama yang saya sendiri hadapi, 2-3, dah 2 kali isu banjir. Ini merupakan antara isu hangat yang memberi impak paling besar kepada komuniti sebelum, semasa dan selepas banjir melanda. Kita sentiasa terdengar pelbagai teori dan isu yang dikemukakan dari pelbagai pihak. Ambil contoh ya Yang Berhormat Datuk Speaker dalam banjir 2011, keesokan hari banjir itu surat khabar telah menyiarkan kenyataan daripada pihak pembangkang kononnya pada hari itu, hari buang undi Tenang, PRK Tenang. Kononnya empangan telah sengaja

telah dilepaskan air untuk menghalang pengundi keluar mengundi. Dan itu disiarkan di surat khabar, besar-besar. Cepat juga ada pembangkang yang cakap kerana kerajaan tak jaga hutan di Labis, itulah berlakunya banjir besar. Jadi, itu yang mengakibatkan kesemua sukarelawan yang sendirinya memang mangsa banjir, dimaki semasa menjalankan tugas kerana kita dianggap perlu memikul apa yang Kerajaan buat silap.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang menyatakan bahawa empangan dengan sengaja lepaskan air berpuluh-puluh orang mati hanyut, Kerajaan tidak datang memberikan bantuan, Wakil Rakyat goyang kaki sampai kaki saya bengkak goyang kaki, tidak tunjuk muka dan tidak prihatin mangsa banjir dan ada mangsa yang tersadai lama dan gagal diselamatkan, tuduhan pemimpin setempat mengambil wang ihsan mangsa banjir dan banyak lagi. Jadi, sentimen isu ini menjadi semakin berapi apabila ada pihak yang dengan sengaja membakar di media sosial khasnya *facebook*. Tanpa ada jawapan balas daripada pihak Kerajaan, jika ada pun sudah terlalu lambat untuk mendapat liputan. Masyarakat awam akan membentuk satu set gambaran alternatif. Jadi apa ini? Apa sebab sekarang berlaku itu, tuduhan itu tetap terus membakar masa PRU lepas, 3 tahun kemudian, 2 tahun kemudiannya.

Isu kedua ialah isu GST. Di Teluk Intan kita dengar ada makcik-makcik dia khuatir kerana dia diberitahu sekarang isu GST macam Kerajaan nak hisap darah dari lahir sampai mati. Sekarang makcik kalau mati pun keranda pun kena GST. Mati pun susah sekarang, mati pun mahal, hidup sudah susah, mati lagi susah. (Dewan ketawa). Jadi dari awal, saya rasa ini antara isu yang amat menghampakan. Kerana saya rasa sedih tamadun manusia, tamadun Malaysia tidak sepatutnya merosot pada peringkat ini. Jadi dari awal lagi, pihak pembangkang telah menanam dan meng'*indoktrinasi*'kan satu litar cuci otak, itu istilah saya, kepada rakyat melalui contohnya Perhimpunan 1 Mei. Perkara itu mereka cakap, barang selalu naik dan hidup rakyat susah. Jadi dengan pelaksanaan GST nanti, ia akan membuatkan hidup rakyat makin susah. Kerajaan Barisan Nasional telah merangka GST ini yang akan mula dilaksanakan pada Mei 2015 nanti. Maka, logiknya yang ditanam itu akan berhasil. Mereka yang tanamkan adalah jika hidup kita susah sebagai rakyat menjadi susah, selepas Mei 2015 iaitu menghampiri PRU akan datang, maka ini adalah angkara Kerajaan BN. Jadi hidup semua susah kerana GST.

Sehingga hari ini, saya belum dapat nampak walaupun saya tengok niat baik Kerajaan untuk memberi penerangan, memberi seminar, tetapi saya belum nampak satu set jawapan dan kaedah penerangan dari pihak Kerajaan yang meyakinkan rakyat tentang bagaimana GST sebenarnya memberikan manfaat kepada kita semua. Saya ada satu risalah, jadi dalamnya bagaimana pengiraan GST? Siapa terlibat? Minta maaf bagi peringkat akar umbi mungkin 70-80 sampai 90% pada peringkat akar umbi, mereka memang tak minat sangat dengan bagaimana pengiraan GST. Kalau saya baca 2 kali pun saya masih tidak minat. Jadi yang mereka nak jawapannya bagaimana GST akan mempengaruhi hidup saya, pada kadar apa, apakah barang yang akan naik,

apakah barang yang turun, yang akan meyakinkan. Berapa negara telah melaksanakan GST? Senang sahaja, tak perlu banyak teori macam akademik ya.

Yang ketiga, isu coklat. Isu coklat dicemarkan yang berlaku kebelakangan ini. Kebetulan sebahagian besar pengundi saya beragama Islam dan mereka tetap bertanya. Dalam hal ini, saya hanya nak tanya sekarang, siapakah autoriti Kerajaan yang *qualified*, berkelayakan untuk memberi kenyataan, memberi pandangan, memberi penjelasan bagaimana perkara itu berlaku? Adakah pengauditan atau semakan, *sampling* itu betul tak? Ataupun bagaimana kita tidak mengawal, bagaimana kita tidak menjadikan isu ini jadi krisis? Jadi saya hanya minta Kerajaan sentiasa main peranan.

Yang keempat Program Transformasi Kerajaan (GTP). Kita tahu setiap kali ada laporan, ada *report card* ya. Maklumat yang dikeluarkan, saya rasa susah nak, saya untuk meneliti dan faham semua. Jadi saya cadangkan ada bahan yang lebih mudah difahami pada peringkat daerah untuk rakyat pada akar umbi untuk memahami sebenarnya apakah yang telah kita melakukan untuk rakyat dan apakah yang kita telah mencapai untuk melalui program transformasi. Kerana saya rasa pada peringkat akar umbi, melalui pengundi-pengundi dan warga Pemanis, GTP ini satu perkara yang makin masih agak jauh daripada kehidupan hari-harian.

Kelima, perubahan pendidikan. Terima kasih kepada EXCO yang berkenaan yang telah menjawab. Jadi, saya hanya minta kerana persepsi sekarang kita adanya, sudah adanya pada terdahulu. Apa yang berlaku kepada PPSMI, Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris? Dan dengan masalah pelaksanaan PBS sekarang, jadi kita rasa ibu bapa dan masyarakat masih perlu lagi diyakinkan bahawa segalanya patut dan harus dijalankan dengan baik. Jadi, saya minta *road map* itu dengan lebih jelas diberi kepada semua. Ya, kepada semua ibu bapa adakan lebih penjelasan dan penerangan.

Keenam, isu perpaduan. Khasnya selepas PRU lepas, kita sering tengok persoalan ini contohnya ada orang persoalkan siapa yang menguasai ekonomi Malaysia? Ada yang persoalkan siapa yang sebenarnya menguasai negara ini sebenarnya. Lepas itu, ada yang tanya apakah lagi yang orang Cina mahu? Apakah lagi yang orang Melayu mahu? Ataupun apakah lagi yang orang India mahu? Sebenarnya, soalan ini tidak sepatutnya di jawab oleh orang politik. Dia boleh dipakejkan sebagai jawapan dalam bentuk laporan prestasi dan kemajuan kerajaan. Kerajaan dengan senang sahaja boleh jelaskan, sejak kemerdekaan apa yang telah lakukan untuk golongan pelbagai kaum di Malaysia. Dengan data, dengan fakta, dengan perjawatan di berbagai pihak, dengan ekuiti ekonomi dan sebagainya. Jadi, mintalah bagi satu data dan penjelasan yang jelas supaya perkara ini tidak perlu dijawab oleh orang politik yang pada saya tidak setanding hebatnya kalau banding dengan Pegawai Kerajaan.

Ketujuh, saya rasa umumnya rakyat belum, masih begitu faham dengan cabang legislatif dan tujuan pilihan raya. Contohnya ADUN ya. Rakyat berpendapat bahawa ADUN mempunyai segala kuasa dan kuasa eksekutif kerajaan bagi ADUN BN ya dan jabatan agensi kerajaan untuk bertindak dan menyelesaikan masalah. Nasib baiklah mereka tidak berpandangan ADUN tetap mempunyai kuasa kehakiman.

Persepsi ini adalah salah, ADUN tidak mempunyai sebarang kuasa atau akses untuk menyelesaikan masalah yang menjadi bidang kuasa kerajaan. Maka di atas persepsi yang salah inilah kebanyakan daripada rakyat menaruh harapan agar ADUN dapat memintas dan memberi kata putus, memberi jawapan atau menyelesaikan masalah yang mereka hadapi berhubungan dengan kerajaan, jabatan dan agensi. Apa yang perlu dilakukan oleh kerajaan adalah untuk menjelaskan kepada rakyat apakah batas-batas kuasa yang ada ADUN dan apakah fungsi sebenar supaya ADUN dapat dilengkapi dengan kemudahan termasuk wakil-wakil kerajaan seperti Ketua Kampung dan dengan Ahli-Ahli Majlis.

Perkara ke lapan ialah berkaitan dengan permohonan kebajikan. Kita sedia maklum sejak tahun lepas tu, Jabatan Kebajikan telah mulakan ada kaji semula semua, berkenaan semua permohonan tetapi ini tidak diberi penjelasan atau penerangan. Pemohon akan diberi satu borang minta jawab, lepas itu sentiasa dapat, tidak dapat, permohonan ditolak kerana tidak terima jawapan. Ini memang tidak munasabah dan saya mengharap contohnya JKM, apa sekali khasnya pihak jabatan berhubung dengan golongan yang kurang bernasib, mereka perlu penjelasan yang lebih, ya. Jadi mintalah memberi penjelasan kalau sekiranya ada dasar baru, ada polisi baru dan ada contohnya borang baru.

Berkenaan balik kepada pilihan raya juga, saya mendapat daripada maklum balas ya. Contohnya bila cakap, kalau pilih calon BN, Presiden Gerakan, kalau dia jadi Menteri dia akan menduduk berada di Kabinet. Tapi kalau pilih satu lagi dia menang, dia ada di Parlimen. Tapi rakyat cakap kalau di Parlimen dia dapat, berani cakap dan berani marah. Kalau dia berani cakap, berani marah, kita ada *chance* untuk keluarkan GST. Contohnya, cakap kalau dia duduk dekat Kabinet, Perdana Menteri Najib dekat sana, bagaimana dia boleh cakap, itulah persepsi, tapi ini memang berlaku.

Juga saya percaya Ahli Parlimen jugalah merupakan Wakil Rakyat. Di Malaysia ini, Ahli Parlimen masih perlu memainkan sebagai Wakil Rakyat, jadi dia perlu sedia berkhidmat di sesuatu tempat dan adalah baik dia tidak diterbangkan satu penggal di sini, satu penggal di sana, penggal ketiga di tempat lain kerana ini tidak dapat memupuk satu jaringan dan tidak faham keadaan setempat dan tidak akan dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya.

Yang saya nak sebut lagi tentang *feedback* daripada, maklum balas daripada PRK Teluk Intan ialah rakyat pada umumnya tidak begitu faham dengan *collective responsibility*, tanggungjawab bersama. Iaitu di dalam satu Pakatan contohnya, di dalam satu, contohnya Barisan Nasional mempunyai berbagai parti, contohnya di dalam Kabinet pun mempunyai ramai Menteri, walau pun pendapat lain, kita bincang dalaman dan kita tidak menyiarkan, tidak mewar-warkan tentang perselisihan. Tetapi, kalau kita tidak buat macam ini, orang panggil contohnya Wakil Rakyat, atau wakil MCA atau Gerakan minta maaf guna perkataan ini 'bo hud' dalam bahasa Hokkien iaitu tidak ada bola. Tidak apa, tidak ada *gut* ya, tidak ada tulang belakang kerana kononnya kita tidak berani marah dan kita tidak berani cakap dan sentimen itu telah dipermainkan sejak 2008 dan diperhebatkan sampai 2013, sampai penyokong kita masa kempen itu dituduh oleh orang-orang, kawan-kawan kita sendiri yang kalau tengok matanya seolah-olah kena rasuk itu, dituduh sebagai anjing, dituduh sebagai orang yang hina kerana hanya berkhidmat untuk contohnya, UMNO sahaja dan tidak berani bercakap dan tidak berani marah. Tetapi mereka sepatutnya mendidik dalam sistem *collective responsibility* nya, bilakah masa kita dengar contohnya, DAP ada menyatakan sesuatu yang tegas terhadap contohnya PAS, walau pun pada Parlimen, DAP mempunyai 38 kerusi dan PAS hanya memegang kalau tidak silap saya 22 kerusi sahaja. Jadi saya harap kita sentiasa memberi penjelasan yang baik dan satu lagi persoalan yang pengundi Teluk Intan tanya saya, dalam pilihan raya yang lepas, pada keseluruhannya pengundi Cina sudah bersatu-padu, dah ubah. Lepas itu mereka tanya, mengapa tak berjaya ubah lagi? Senang sahaja, tengok bilangan kerusi di Parlimen 222, bilangan kerusi Cina campur sekali pembangkang dengan Barisan dengan kerajaan, 49 sahaja.

Jadi, pemimpin Cina perlu berkongsi dan mencari rakan daripada pihak kaum lain baru boleh menjadi, membentuk kerajaan, sama ada pilih contohnya satu pihak pilih dengan UMNO atau satu pihak pilih dengan PAS atau Keadilan. Inilah satu maklumat yang asas tapi saya rasa ramai tak faham lagi. Jadi, pada mereka ini, kita di pihak ini dianggap orang jahat. Dan di pihak itu, satu lagi telah dicuci, semua orang telah suci, semua orang sudah jadi, minta maaf saya perlu sebut nama, kalau kes Gelugor, semua orang telah jadi Karpal Singh. Jadi, keadaan pertandingan politik bukan pertandingan antara yang orang yang suci dengan orang jahat tetapi itu telah masuk dalam *mind set* rakyat kita dan saya rasa kerajaan perlu mengambil langkah pendidikan pada peringkat selepas menengah atas sekolah lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai kesimpulan kerajaan harus dengan segera menggariskan pelan dan melaksanakan langkah-langkah untuk memberikan penerangan dan pendidikan itu semasa, isu semasa yang muncul kepada rakyat. Jika tidak akan muncullah banyak pihak yang dengan sengaja atau bermotif akan menangguk di air yang keroh untuk keuntungan dan kepentingan mereka sama-sama, eh semata-mata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak sebut satu perkara, saya lupa tadi. Tentang pengundi luar. Saya fikirkan tentang Kelantan.

YB Datuk Speaker : Ringkaskan, ringkaskan.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Saya fikir tentang kes Kelantan. Pengundi luar mempunyai pengaruh yang amat besar. Bukan sahaja dari segi jumlah dia, pengaruh mereka jadi mempunyai pengaruh dari segi kewangan. Kalau anak itu, anak, membawa sumber kewangan keluarga. Tetapi saya menegas kini, ada pengundi luar yang tidak mengambil berat tentang kampung mereka. Mereka mahu ubah, balik, bermastautin di tempat lain, bahkan bermastautin di luar negara, bila PRU, balik, undi lepas itu hilang. Sepatutnya, kita mesti mengadakan satu sistem di mana kita bermastautin, di situlah kita buang undi supaya kita bertanggungjawab di atas perbuatan dan pilihan kita. Jadi kalau mereka yang pandai-pandai itu, balik kampung buang undi tetapi fikirkan agenda besar sahaja, tak mahu fikirkan pembangunan dan beritahu orang kampung kita tidak perlu pembangunan, kita mahu ubah saja, pembangunan itu tidak penting, tapi tolonglah fikir mereka yang berada pada golongan menengah dan mereka yang berpendapat rendah khasnya, corak di luar bandar, tidak kira Melayu, Cina ke India, pada saya yang saya lihat di air muka mereka, mereka masih perlu pembangunan dan perlu alat dan rangkaian perkhidmatan yang kuat daripada kerajaan dan jangan membuat mereka lupa tentang hakikat ini. Dan, kalau kita fikir tentang untuk pihak kita, kita fikir tentang aspirasi kita jangan lupa kita, jangan lepas pandang mereka yang pada golongan yang lebih miskin, mempunyai hak asasi manusia untuk menikmati pembangunan dan perkhidmatan.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor boleh memulakan sebagai negeri contoh dengan kemampuan kerajaan sedia ada sekarang, Johor boleh melakukan. Memperbaiki lagi dari segi penerangan dan juga pendidikan. Saya percaya dengan ini Johor bakal menjadi model penerangan dan pendidikan kepada rakyat yang akhirnya akan merapatkan rakyat kerajaan dan kerajaan-kerajaan dan memastikan Johor ini dan negara kita akan sentiasa aman dan sentosa pada masa sama kita menikmati kemajuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih. Dengan ini saya memohon menyokong rundingan yang di bawa oleh Pasir Raja. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pemanis selaku penyokong rundingan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan ini dibukakan untuk semua, seboleh-bolehnya Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berucaplah. Saya harap dapat berucap selama empat hari kita membahaskan rundingan ini. Saya harap semua sekali akan dapat berucaplah. Cuma masa-masa yang tertentu akan diberitahu dari masa ke semasalah. Selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat daripada Skudai, dan Skudai ini hanya diperuntukkan 20 minit sahaja. Tapi tidak semestinya yang selepas Skudai ini dapat 20 minit lagi, mungkin

15 minit agaknya, jadi sebelum kita teruskan, saya bukakan rundingan ini untuk dibahaskan dan dengan ini saya tangguhkan mesyuarat kita ini hingga 11.50 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:30 pagi.

Persidangan Dewan Negeri disambung semula pada jam 11:50 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Dewan bersambung semula. Jemput Skudai, 20 minit.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, sempena pembukaan rasmi Penggal Kedua Dewan Negeri Johor ke-13. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 29 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, segala pembangunan ekonomi seharusnya dipastikan bahawa pembangunan tersebut adalah pembangunan ekonomi lestari, di mana pembangunan ekonomi seharusnya seiring dengan usaha memelihara alam sekitar demi kehidupan generasi-generasi yang akan datang. Pembangunan Iskandar Malaysia adalah amat dihargai dan diharapkan pembangunan tersebut akan mendatangkan manfaat yang optimum dan maksimum kepada Negeri Johor dan komuniti setempat dalam jangka masa panjang.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada November 2004, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah mengarahkan Kerajaan negeri supaya mewartakan semua hutan paya laut, hutan bakau dan dataran lumpur di Negeri Johor sebagai hutan simpanan kekal. Setakat ini terdapat 18,000 dan 34.1 hektar hutan bakau di sepanjang Selat Johor tetapi cuma 41 hektar di Benut di sepanjang Selat Melaka dan 473 hektar di sepanjang pantai Muar, Johor dan telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hutan paya laut atau hutan bakau merupakan zon penampan semula jadi yang berfungsi untuk menahan segala hakisan pantai laut, pergerakan arus ombak, hujan ribut dan angin dan tsunami. Malahan menurut laporan Pakar Ekonomi dan Alam Sekitar, setiap hektar hutan bakau dapat menyara ikan laut bernilai sebanyak USD 215,000.00 setiap tahun atau RM700,000.00 setahun. Maka itu hutan bakau adalah sumber kewangan dan ekonomi tradisional khususnya industri perikanan. Memelihara hutan bakau dan paya laut mesti menjadi salah satu usaha utama dalam mempertahankan pembangunan ekonomi lestari Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, namun demikian antara hutan paya laut seluas 12,756 hektar di sepanjang Selat Melaka termasuk Pulau Kukup, cuma 1,884 hektar hutan bakau yang diwartakan sebagai Taman Negara Johor dan 61.3 hektar sahaja hutan bakau di Benut yang diwartakan sebagai hutan simpanan kekal, iaitu tidak lebih daripada 15%. Hutan bakau seluas 10,872 hektar di sepanjang Selat Melaka masih belum diwartakan sebagai hutan simpanan kekal atau 85% belum diwartakan. Adalah amat menyedihkan di mana hutan simpanan kekal, Benut seluas 2,710.5 hektar hutan bakau pada tahun 1950-an akhirnya telah mengalami kemusnahan seluas 2,649.2 hektar, dan ini telah mengakibatkan kehilangan hasil ikan laut bernilai RM1.85 bilion setahun.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kemusnahan hutan bakau, Benut adalah disebabkan oleh pencemaran air laut dan hakisan ombak. Walau demikian, kelemahan penguat kuasa oleh Jabatan Perhutanan selama ini yang akhirnya telah mengakibatkan sebuah syarikat swasta menduduki hutan bakau tersebut serta membina kolam udang seluas 150 hektar di sana, dengan di oleh sejak tahun 2003. Di sebaliknya nelayan-nelayan di Pengkalan Sanglang, Benut telah mengalami kehilangan rezeki sehingga pendapatan mereka merosot lebih daripada separuh pendapatan dahulu. Oleh itu LKIM dan Jabatan Perikanan sewajar membantu nelayan-nelayan yang terbabit untuk mencari rezeki pilihan yang lain.

Untuk Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini. Perhubungan hasil perikanan Negeri Johor telah merosot sebanyak 14% dari segi kuantiti matriks tan pada dari tahun 2011 ke 2012. Tetapi dengan nilai merosot sebanyak 29% iaitu sebanyak RM270 juta satu tahun.

Tuan-tuan untuk makluman Dewan yang mulai ini, pengeluaran eksport ikan Johor dari tahun 2011 ke 2012 adalah dari segi peratusan adalah 18 peratusan tapi dari kuantiti adalah 53 peratusan dengan nilainya RM143 juta. Oleh itu, hutan bakau merupakan satu sumber ekonomi yang kewangan kepada pendapatan negeri kita yang amat mustahak.

Untuk makluman Dewan yang mulai ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, maka itu saya mencadangkan satu enakmen pemuliharaan hutan simpanan kekal bakau diluluskan oleh Dewan yang mulai ini demi mempertahankan hutan-hutan bakau di seluruh Negeri Johor dengan pewartaan segera semua hutan-hutan bakau yang berbaki sebagai hutan simpanan kekal. Pada masa yang akan datang, segala pembatalan warta hutan simpanan kekal bakau, hutan bakau simpanan kekal perlu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini serta mengingatkan tahap keselamatan dan pemantauan hutan-hutan simpanan kekal di seluruh Negeri Johor supaya selaras dengan kehendak Akta Perhutanan Negara. Malahan Jabatan Perhutanan memerlukan wujudnya Renjer atau dengan kuasa seumpama Polis Bantuan untuk mengawal hutan simpanan seluruh Negeri Johor termasuk hutan

bakau. Saya memohon agar Kerajaan negeri dapat membentangkan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut 2011 hingga 2020 di Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, adalah dijangkakan bahawa hutan bakau simpanan kekal seluas 5,000 hektar di Sungai Pulai akan dimusnahkan untuk projek Iskandar Malaysia. Ini bermakna bahawa Negeri Johor akan kehilangan rizab hasil perikanan bernilai sebanyak RM3.8 bilion setahun. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, oleh yang demikian adalah munasabah di mana Dewan ini diperuntukkan satu salinan D.E.I.A tentang kemusnahan hutan bakau simpanan kekal Sungai Pulai, nelayan di sepanjang Sungai Pulai dan anak-anak sungainya termasuk nelayan Melayu dan Orang Asli Seletar Laut, telah mengadu rezeki mereka terancam sebab pembangunan Iskandar Malaysia yang telah menjejaskan hutan bakau simpanan kekal Sungai Pulai.

Dewan yang mulia ini, sepatutnya dibekalkan D.E.I.A. kemusnahan hutan bakau simpanan kekal Sungai Pulai dan diterangkan bagaimana pewartaan aktiviti tersebut di batalkan. Oleh itu saya mencadangkan enakmen mesti diluluskan di Dewan ini supaya sebarang pewartaan dan pembatalan pewartaan HSK Taman Negara dan kawasan tadahan air mesti dimaklumkan, dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan mulia ini untuk mencegah sebarang salah guna kuasa.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, laporan *center* dengan izinnya *center for non tradisional security studies*, S Rajanathnan School Of Internasional Studies of Singapore telah mengutarakan keprihatinan terhadap perubahan sistem ekologi dan kemusnahan alam sekitar di Selat Tebrau. Hasil berikut projek-projek penambakkan laut yang memerlukan D.E.I.A. serta dikaji serta dipersetujui oleh M.S.J.C.E. atau *The Malaysian* dengan izinnya *The Malaysia Singapore Joint Committee On The Environment* sebab keselamatan dan alam sekitar Selat Tebrau melibatkan dua-dua negara.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di samping itu saya mencadangkan Jawatankuasa Pilihan Alam Sekitar dan Pembangunan Lestari ditubuhkan untuk mengkaji oleh Dewan ini, untuk mengkaji impak kemusnahan hutan bakau Sungai Pulai dan penambakan laut di Selat Tebrau terhadap alam sekitar dan ekonomi khususnya industri perikanan. Di samping itu, semua peruntukan undang-undang mestilah selaras dengan kehendak Akta Perhutanan Negara. Ini adalah kerana hutan bakau Sungai Pulai telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal. Pantai Taman Negara Pulau Kukup dan Taman Negara Tanjung Piai telah mengalami hakisan laut dan pencemaran yang serius. Baru-baru ini saya telah meninjau Taman Negara Tanjung Piai dan ucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Taman Negara Johor memberikan maklumat yang terkini bahawa hakisan pantai dan hutan bakau di sana telah menjadi 10 meter setahun berbanding dengan 0.25 meter setahun pada tahun 1997 dan 3 meter setahun hakisan pada tahun 2004. Dengan kadar hakisan yang sebegitu laju, Tanjung Piai dijangka akan lenyap dalam 10 tahun yang akan datang. Antara faktor-faktor yang mengakibatkan kemusnahan hutan bakau di Tanjung Piai termasuk pencemaran sesai pembasuhan kapal, sampah sarap, ombak laut

yang disertakan oleh kapal-kapal yang berulang alik ke Singapura dan Tanjung Pelepas. Usaha mempertahankan alam sekitar bukan setakat di Tanjung Piai, Tanjung Kukup dan Selat Melaka, usaha tersebut memerlukan kerjasama di antara tiga-tiga negara kejiranan iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia. Saya di maklum bahawa satu projek JPS untuk membina tembok laut di sepanjang pantai Tanjung Piai telah diluluskan, tetapi setakat ini peruntukan belum disediakan. Dengan itu diharapkan laporan perkembangan projek tersebut akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pemeliharaan dan pertahanan tapak warisan dan warisan tidak ketara di persekitaran Pusat Bandaraya Johor Bahru dan Negeri Johor, perlu diambil berat sebagai salah satu agenda pembangunan ekonomi secara lestari kerana ini dapat mendorong pembangunan dalam bidang kesenian, kebudayaan dan pelancongan. Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, telah memberikan kuasa kepada Kerajaan negeri dan PBT supaya mengambil inisiatif untuk menyenaraikan tapak warisan ketara dan warisan tidak ketara, walaupun Pesuruhjaya Warisan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk menentukan status tapak warisan yang dicadangkan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, malangnya kekurangan kepekaan MBJB dan Kerajaan negeri telah gagal mengeluarkan perintah Perlindungan Interim di bawah Seksyen 33 Akta Warisan Kebangsaan serta mengakibatkan perobohan rumah kediaman Wong Ah Fook, seorang tokoh yang telah diiktiraf sebagai tokoh yang membantu Almarhum Sultan Abu Bakar dalam usaha membangunkan Bandar Johor Bahru. Malahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim telah bertitah di mana bangunan tersebut sewajarnya dipertahankan. Persoalan sekarang adalah bagaimana bangunan tersebut boleh dipulihara dengan bantuan kepakaran UNESCO dan Kementerian Kesenian, Pelancongan dan Kebudayaan. Pemaju terlibat sepatutnya dikenakan tindakan untuk memperingatkan pemaju lain tanpa memilih tapak warisan lain supaya mempertahankan sejarah dan warisan Negeri Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada Akta Warisan Kebangsaan yang jelas menyenaraikan prosedur-prosedur mewartakan segala tapak warisan, warisan tidak ketara atau perancangan Bandar dan Desa juga jelas menunjukkan bahawa pemaju berkenaan yang merobohkan sesebuah bangunan tanpa permit dipercayai melakukan kesalahan di bawah Seksyen 19 Akta tersebut, boleh dihukum dengan denda tidak lebih dari RM500,000.00 dan di penjara selama tempoh tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya. Malahan hukuman di bawah Seksyen 26 tidak memadai untuk memberikan amaran pemilik dan pemaju lain supaya berwaspada terhadap bangunan yang akan disenaraikan sebagai tapak warisan. Oleh itu tindakan di bawah Seksyen 27 (2) B di cadangkan kerana MBJB mempunyai kuasa enggan memberikan kebenaran merancang untuk pemajuan supaya tanah itu dipulihkan semula setakat mana yang mungkin seperti keadaan di mana pemajuan itu

dimulakan. Seksyen ini telah di jelas memberikan kuasa kepada MBJB dan Kerajaan negeri untuk memuliharakan tapak berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, demi mengelakkan peristiwa 19 berulang, saya cadangkan Dewan yang mulia ini supaya meluluskan suatu Enakmen Warisan Negeri Johor yang akan memberikan kuasa dan garis panduan yang jelas, lebih jelas kepada PBT untuk mempertahankan tapak warisan yang masih ada serta memuliharakan tapak warisan yang mengalami keruntuhan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa Persidangan Dewan ke-12 yang lalu, saya pernah beberapa kali mencadangkan tapak-tapak di persekitaran pusat Bandaraya Johor Bahru supaya diwartakan sebagai tapak warisan dan tempat penarikan pelancong. Tapak tersebut termasuk Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan, Masjid Sultan Abu Bakar, Masjid India Johor Bahru, Kuil Hindu Jalan Ungku Puan, Tokong Sikh, Bangunan Mahkamah Tinggi Johor Bahru, Tokong Cina Jalan Trus, Muzium Warisan Cina Jalan Sultan Ibrahim, The Church Of Immaculate- Conception Jalan Gereja, The Holy Light Church bangunan-bangunan lama di Bukit Saujana, Penjara lama di Jalan Ayer Molek, Sekolah Convent, Maktab Sultan Abu Bakar, Sekolah Menengah Foon Yew Stulang Laut, bangunan-bangunan lama di Pusat Bandaraya Johor Bahru termasuk di Jalan Dhoby, Jalan Segget, Jalan Tan Yok Yee, Jalan Duke, Jalan Bukit Timbalan, Jalan Trus, Jalan Segget dan Jalan Wong Ah Fook, Stesen kereta api lama Jalan Stesen.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, walaupun Akta Pengurusan Strata 2013, telah memberikan Pesuruhjaya Bangunan atau COB dan PBT, kuasa-kuasa tertentu untuk menguatkuasakan penyenggaraan hartanah bertingkat tetapi usaha perlu dilakukan oleh Kerajaan negeri, PBT dan Pesuruhjaya Bangunan untuk memantau operasi Perbadanan Pengurusan secara lebih proaktif dengan menubuhkan Tribunal Pengurusan Strata dan usaha menyelesaikan perselisihan antara para penghuni dan bangunan bertingkat dan antara penghuni dengan badan pengurusan.

Saya mencadangkan supaya Enakmen Pengurusan Strata Negeri Johor, soalnya diluluskan secepat mungkin dengan memberikan garis panduan dan *instrument* undang-undang yang lebih berkesan kepada COB dan PBT termasuk memperingatkan tanggung jawab pemilik membayar yuran pengurusan, insurans, cukai tanah, cukai harta secara bersepadu serta menubuhkan Tribunal Strata di setiap PBT.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, demi memelihara hak etnik minoriti saya mencadangkan dengan izinnya, *Hindu Endowment Fund* ditubuhkan untuk kaum India seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Di samping itu, tanah rizab Orang Asli perlu diwartakan secepat mungkin di seluruh Negeri Johor termasuk orang serata laut di sepanjang Sungai Pulai.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, satu kajian telah dilakukan terhadap dengan izinnya *Land fill Gas and*

Its Renewable Energy Potentials In Johor oleh Syed Isa Ahmad dan lain-lain di Universiti Teknologi Malaysia pada Januari 2013, yang diterbitkan dalam dalam dengan izinnya *International Jurnal of Emerging Trends in Engineering and Development*. Menurut kajian *The Spoot* sebanyak 1.086 juta tan metrik sisa pepejal dikutip oleh PBT-PBT di seluruh Negeri Johor yang dilupuskan oleh 14 tapak pelupusan sampah. Cuma, kita ada 2 tapak pelupusan sampah sanitari dan 12 tapak pembuangan terbuka. Dijangka mengeluarkan kapasiti gas tapak pelupusan atau *green house gasses* yang boleh dengan izinnya boleh menjana sebanyak 171 juta kilowatt *hour* elektrik yang bernilai sebanyak RM51 juta setahun.

Maka itu, tapak pelupusan sampah *land fill* dan tapak pembuangan sampah terbuka telah menghasilkan *green house gasses* dengan izinnya, setinggi 46,322 tan metrik *metana* setahun yang telah dilepaskan ke udara serta justeru mengancam kualiti alam sekitar. Cuma, 5,200 tan metrik *metana* diperangkap di *land fill* Seelong saja dijual sebagai sumber tenaga. Projek menurunkan pelepasan *gas land fill* atau *The Project Idea Note* (PIN), dengan izinnya bagi Tapak Pelupusan Seelong telah dilancarkan pada 11 April 2008.

Keberkesanan pemerangkapan *metane* untuk penggunaan sebagai sumber tenaga di mana *amount* dan peratusan gas dan tapak yang diperangkap di Tapak Pelupusan Sani tari Seelong perlu dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Johor mempunyai 14 tapak pelupusan sampah yang masih beroperasi dan tapak, 23 tapak yang telah tutup. Tapak pelupusan di seluruh Negeri Johor ini melingkungi tanah seluas 15,378 hektar. Oleh itu, *land fill* adalah salah satu kaedah pelupusan sisa pepejal yang akan menggunakan tanah, mempergunakan air yang luas. Kerajaan negeri sewajarnya mengkaji kaedah lain khasnya *incinerator* ala *waste to energy plant*, dengan izinnya untuk masa depan kerana jangkaan permintaan kegunaan tanah yang semakin mendesak.

Pada waktu ini, 80% hingga 90% sisa pepejal di Negeri Johor dilupuskan melalui *land fill*. Di Singapura cuma 10% sisa pepejal dilupuskan melalui *land fill*. Di Amerika Syarikat, 50.5% dilupuskan di *land fill*. Maka, di Eropah, *The Europian Union Land Fill Directive* tor 1999 dengan izinnya, telah mensasarkan cuma 35% sampah dilupuskan secara *land fill* menjelang tahun 2020. Malahan 5 negara Eropah termasuk Denmark, Switzerland, Australia, Austria, Sweden dan Germany telah mengharamkan *land fill*. Pada tahun 2001, Europian Union telah meluluskan dengan izin, *The renewable energy sources electricity directive* untuk mensasarkan 20% sumber tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui. *Incinerator* dikatakan kaedah yang lebih berkesan mengurangkan *green house gas metana* dan karbon dioksida berpunca dari...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Skudai, sila gulung.

Y.B. Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya...

Y.B. Dato'Timbalan Speaker : Sila gulung.

Y.B. Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : 5 minit lagi, YB Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Tak boleh, nanti Ahli-Ahli lain tak boleh berucap.

Y.B. Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : 15 minit saja, ada 5 minit lagi ni. Tapak digunakan sebagai penjana tenaga elektrik. Walau bagaimanapun, *incinerator* menelan kos pembinaan yang tinggi. Oleh itu, kerajaan seharusnya mengkaji teknologi setempat yang lebih murah untuk membina *incinerator* pada masa kelak termasuk MRS *Waste Energy Plant Incinerator* Bersepadu dengan kemudahan pembelian bahan atau MRF *Material Recovery Facilities* dengan izinnya, memandangkan kekurangan tanah dan harga hartanah yang semakin meningkat ekoran pembangunan Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengalukan pembentangan Rang Undang-Undang Enakmen Air Pindaan 2014, yang dinanti-nantikan selama ini untuk menambah baik pentadbiran air di Negeri Johor. Yang penting itu, seksyen-seksyen berkenaan 14A dan B perlu dikuatkuasakan supaya sebarang pewartaan empangan air sebagai kawasan tadahan air dan juga pembatalan-pembatalan itu mesti diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sebab ini, barulah dapat kita membela kepentingan awam. Janganlah kuasa ini kalau diberikan untuk satu, dua orang sahaja khasnya pengarah saja, saya rasa itulah memang merupakan satu beban yang terlalu berat.

Salah satu Rang Undang-Undang, kelemahan Rang Undang-Undang Enakmen Air 2014, adalah ketiadaan sebarang fasa menghendaki usaha memelihara hutan simpanan di persekitar empangan dan hulu sungai yang akan mempertahankan sumber-sumber air biarpun semasa kemarau. Penglibatan Jabatan Perhutanan adalah diperlukan untuk mengawal hutan-hutan simpanan yang mempertahankan sumber air sungai. Oleh itu, kita perlu melibatkan semua jabatan termasuk JPS, JPA, Jabatan Perhutanan, BAKAJ dan lain-lain lagi untuk memelihara kepentingan sumber air kita khasnya Empangan Bekok, Sembrong dan juga Machap perlu diwartakan dengan serta merta sebagai kawasan tadahan air.

Sekadar warta kawasan tadahan air, hutan simpanan kekal, taman negara, tapak warisan sepatutnya pembentangannya, perbahasannya dan kelulusannya perlu diwajibkan untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Enakmen, berkenaan Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor 2014, dari segi Undang-Undang Perlembagaan selepas mereka mewartakan adalah tepat bagi pindaan yang dibuat dalam Rang Undang-Undang Enakmen Air 2014, di mana istilah kuasa pihak Kerajaan negeri dahulu, *Ruler in Council* dengan izinnya, *His Highness The Sultan in Council* dan dengan izinnya, diganti dengan istilah *The State of Authority* atau Pihak Berkuasa Negeri dan ini telah dicadangkan dan Rang Undang-Undang Enakmen Air, malangnya di sebaliknya, satu perkhabaran yang bercanggah dengan Enakmen Air iaitu

Enakmen Lembaga Perumahan dengan Seksyen 4(2) dan (3) dan Seksyen 43 (1) mana kuasa pelantikan dan pemecatan ahli-ahli Lembaga dan juga Pegawai Lembaga Perumahan dan Hartanah akan ditanggung oleh bahu, ditanggung oleh jasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebab...

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat itu nanti boleh dibangkitkan dalam pembentangan Rang Undang-Undang yang berkenaan. Tak payah disebut sinilah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang penting tu Seksyen 16(3) juga.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Nanti ada perbahasan yang cukup tempohnya diberikan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok..

Y.B. Dato' Timbalan Speaker : Contoh soalan ini. Satu minit lagi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kira-Kira Raya, Jawatankuasa Peraturan Tetap dan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, seharusnya kita mencontohi Dewan Negeri Selangor dengan melibatkan Ahli-Ahli Dewan daripada kedua-dua Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat dan proses menerima suara rakyat dan mempertikaikan keputusan agensi kerajaan. Yang pertama, Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan, untuk memastikan keberkesanan PBT-PBT memuaskan kehendak pembayar cukai. Yang kedua, Jawatankuasa Pilihan Pejabat Tanah, mempastikan pengurusan tanah dan pembahagian hak milik tanah adalah produktif. Yang ketiga Jawatankuasa Pilihan Badan-Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan negeri untuk memantau prestasi GLC dan badan berkanun sehingga memulangkan pulangan yang maksimum, konsisten kepada Kerajaan negeri. Yang keempat, Jawatankuasa Pilihan Pembasmian Kemiskinan dan Diskriminasi untuk menghapuskan kemiskinan serta mencapai komposisi penjawat awam yang lebih seimbang. Kelima, Jawatankuasa Pilihan Kecekapan, Akauntabiliti dan Ketelusan Agensi Kerajaan atau JOCAT untuk memeriksa kecekapan dan ketelusan agensi-agensi kerajaan supaya lebih berkesan dan efisien. Saya mencadangkan Jawatankuasa Pilihan Alam Sekitar dan juga Pembangunan Ekonomi Lestari ditubuhkan untuk memastikan pembangunan ekonomi di Negeri Johor supaya tidak akan menjejaskan alam sekitar dan rezeki generasi-generasi yang akan datang.

Dato', Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bukan kita menentang lawatan Ahli-Ahli Dewan ke negara yang khasnya Negara Eropah tapi saya rasa lebih bermakna kalau saya cadangkan lawatan ini digantikan dan lawatan sambil belajar yang lebih bermakna di mana selaras dengan

keperluan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan masing-masing demi kemajuan dan pembangunan Negeri Johor.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, sesetengah PBT telah mengisukan notis keluar tempat-tempat beribadat yang menetap di kedai-kedai untuk mengosongkan dari premis dalam 21 hari pada bulan ini di bawah Seksyen 70(2) (12) Akta Jalan Parit dan Bangunan atas sebab salah guna bangunan walaupun sesetengah gereja dan tempat beribadat diiktiraf di bawah Akta Parlimen. Disebabkan cuma 10% tanah kerajaan di Negeri Johor diperuntukkan untuk tujuan Tempat Beribadat Bukan Islam, suatu Enakmen *Zoning* Tempat Beribadat Bukan Islam dan Majlis Pengurusan Bukan Islam perlu diwujudkan untuk merancang tempat beribadat dan pengurusan Agama Bukan Islam dan juga mencegah anasir-anasir jenayah yang dapat menyerap sesetengah badan dan mana-mana badan agama.

Bilangan penduduk, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bilangan penduduk di Iskandar Malaysia adalah 1.35 juta pada waktu ini akan mencapai 3 juta pada tahun 2025. Selain daripada Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sultan Ismail, Hospital Kulai, sebuah hospital kerajaan amat diperlukan di kawasan *medical hub* Kota Iskandar, memandangkan Hospital Sultanah Aminah yang semakin sesak.

Akhirnya, saya mencadangkan 6 lokasi di sepanjang Jalan Tun Aminah, Taman Ungku Tun Aminah supaya dibina jejantas pejalan kaki sebab kemalangan maut jalan raya sering berlaku khasnya melibatkan warga-warga tua yang melintasi jalan tersebut dilanggar oleh kereta-kereta yang dipandu dengan laju. Baru-baru ini seorang warga tua telah maut dilanggar kereta di tempat kejadian tersebut, oleh itu PBT disyorkan mengambil tindakan segera untuk membina jejantas.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkenaan isu Pulau Batu Putih, saya mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan terdiri daripada dua-dua pihak Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat untuk membuat siasatan terhadap usaha untuk memulihkan semula Kedaulatan Pulau Batu Putih sebab kita, untuk kita, Dewan yang mulia ini, sepatutnya dimaklumkan butiran kenapa kita kalah dalam I.C.J, kes berkenaan kedaulatan Pulau Batu Putih.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk penggulungan, saya dengan izinnya, terpaksa menyebutkan penulisan bekas Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan, Tun Mohd Suffian Mohd Hashim, bahawa dengan izinnya, *A Ruler And Similarly A Governor Must Act In Accordance With The Advice Of The State Executive Council or of a Member of The Council usually The* Menteri Besar *acting under the general authority of the Council except as it is otherwise forbidden by the Federal Constitution and the State Constitution*. Setelah enakmen itu mesti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga Undang-Undang Tubuh Negeri dan itulah semangat

dalam sebab Negeri Johor mempunyai Undang-Undang Tubuh Negeri yang pertama di seluruh Malaysia. Dan, kita sebagai anak Johor dan Wakil Rakyat Negeri Johor sepatutnya mempertahankan semangat Perlembagaan dan Konvokesyen Perlembagaan. Kita bukan Tuhan. Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat kecewa bahawa ada sesetengah manusia cuba memainkan peranan sebagai Tuhan. Undang-undang itu, demokrasi itu, mengenal pastikan bahawa kita manusia ada kelemahan, bukan Maha Kuasa, jangan kita membuat undang-undang dengan nama Tuhan supaya akan memecahbelahkan warga-warga Malaysia, mempolarisasikan warga-warga Malaysia, kita tak kisah orang miskin tak cukup makan, kita tak kisah kalau hujan tak ada tempat teduhan untuk anak-anak cucu kita, kita tak kisah kalau hutan bakau dimusnahkan hilang rezeki.

YB Datuk Timbalan Speaker : Sila gulung Yang Berhormat, dah berlebih. Ok.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, itu permulaan saya. Jangan kita memainkan peranan Tuhan, mana-mana manusia, mana-mana agama. Jangan kita ingatkan kita ini Tuhan.

YB Datuk Timbalan Speaker : Dah cukup Yang Berhormat Skudai.

YB Datuk Timbalan Speaker : Sekian, terima kasih. Sila Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam rundingan Menjunjung Kasih dan tahniah di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Merujuk Perenggan 5 dan 6, Titah Baginda Sultan, maka saya mengharapkan kepada semua segala permohonan pembangunan dari rakyat melalui wakil-wakil rakyat daripada mana-mana pihak hendaklah dipertimbangkan, diluluskan dan dilaksanakan dengan sempurna dan adil kerana permohonan datangnya daripada rakyat untuk rakyat. Maka slogan Rakyat Didahulukan seharusnya diutamakan demi kepentingan kita semua. Sebagai contoh, dalam ucapan awal pertama saya di Dewan ini, saya menyentuh tentang pembangunan sekolah di Pekan Parit Yaani. Alhamdulillah terima kasih kepada Jabatan Pelajaran ataupun Jabatan Pendidikan Johor yang telah memulakan pembinaan untuk anak-anak khususnya sekitar 7 hingga 8 kilometer di Pekan Parit Yaani.

Perkara yang kedua, menyentuh tentang perenggan yang sama titah Baginda Sultan. Keadilan dalam memperuntukkan infrastruktur khususnya antara bandar penduduk pada dan juga penduduk kurang padat khususnya di kawasan pinggir bandar yang banyak perumahan dan kampung-kampung yang padat penduduknya. Penyelenggaraan jalan, longkang dan sebagainya perlu sangat diutamakan kerana sebahagian besar daripada kakitangan kerajaan sendiri tinggal di kawasan yang berkenaan dan ini memberikan kesan kepada anak-

anak sekolah dan juga pengguna-pengguna lain yang sering lalu di kawasan yang berkenaan.

Seterusnya saya merujuk kepada titah Baginda Sultan Perenggan 7 dan 8. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Besar atas kejayaan meningkatkan prestasi kewangan kerajaan Johor untuk lebih baik. Saya mencadangkan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Negeri Johor, Siri 1. Pertamanya peningkatan tunggakan sewa rumah PPR dan rumah pangsa awam yang diurus oleh Pejabat Setiausaha Perumahan dapat diatasi melalui beberapa cadangan yang dikemukakan sendiri oleh Jabatan Audit Negara. Sebagai contoh saya telah pergi di Taman Cendana, beberapa buah rumah di taman yang berkenaan, melihat beberapa penduduk dan di sini saya ingin merakamkan rasa yang begitu terkejut di Dewan ini apabila saya bertemu dengan seorang makcik yang namanya Jurinah. Ok, minta maaf, ok. Seorang makciklah yang telah tidak dapat melihat tetapi menjaga tiga orang anak OKU. Bila kita masuk pun saya rasa mungkin kita tak sanggup nak menghidup, tiga orang anak OKU tetapi tunggakan TNB, Tenaga Letrik beribu dia tak bayar, terpaksa penduduk kami sediakan wang yang mana kita tahu bahawa TNB untung banyak, 1 bilion lebih untung. Jadi inilah suatu perkara bebanan kepada rakyat.

YB Datuk Timbalan Speaker : Bagi *chance* Yang Berhormat, dapat pahala.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Insya-Allah, terima kasih. Jadi, kita mengharapkan bahawa Majlis Agama Islam, cadangan saya supaya dapat membantu khususnya di kalangan umat Islam yang fakir miskin ini dalam keadaan dua *win-win situation*, dengan izin kerajaan dapat pungutan kewangan, rakyat dapat bayar, yang miskin ini dapat kita bantu. Merujuk juga kepada perenggan yang sama, saya merasakan bahawa rakyat, adakah benar dakwaan sesetengah pihak bahawa pendapatan Kerajaan negeri meningkat kerana penjualan aset-aset atau saham berkepentingan Kerajaan? Ini persoalan. Kebingungan rakyat ini berasas, apabila laporan oleh The Star Online, The Malaysia Gazzette pada 3 Mei yang lalu menyatakan Johor Corporation bersetuju menjual 51% sahamnya dalam Damansara Realty Berhad kepada Seaview Holding pada harga 50 sen sesaham. Di mana Johor Corp, hanya JCorp hanya memegang 13.8% daripada asalnya 64.8% yang sebelum daripada itu kita sedia maklum Tebrau Teguh Berhad yang merupakan syarikat milik kerajaan Johor melalui Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) memiliki 41.5% pegangan saham tetapi telah dijual kepada Iskandar Waterfront Holding Berhad sebanyak 33.1% dengan baki yang dipegang oleh KPRJ hanya 8%. Jadi kepentingan syarikat kerajaan hilang di tempat yang berkenaan. Kebingungan rakyat berasas kepada persoalan-persoalan berikut:

1. Mengapa saham-saham dalam syarikat-syarikat berpotensi baik ini dijual?

2. Adakah proses penjualan saham tersebut dibuat secara runding terus atau dibuat secara tender terbuka?

Datuk Timbalan Speaker, saya tertarik dengan pendapat bekas CEO JCorporation dulu iaitu Tan Sri Ali Hashim yang menyatakan bahawa objektif anak-anak syarikat dan JCorp ditubuhkan adalah:

1. Memegang amanah, warisan DEB. Terutama dalam membela golongan miskin dan berpendapatan rendah dari semua kaum.

2. GLC juga berperanan untuk membanteras pembolotan kekayaan negara oleh segelintir jutawan yang tidak pernah rasa cukup untuk diri mereka.

3. GLC berperanan untuk melindungi hak dan kepentingan generasi akan datang.

Datuk Timbalan Speaker, merujuk kepada titah Baginda Sultan Para 11 dan 12, Parit Yaani mengucapkan jutaan terima kasih atas kenaikan elaun dan pinjaman perumahan tanpa faedah kepada kakitangan kerajaan. Namun peringatan Baginda Sultan tentang kos sara hidup yang semakin meningkat akan lebih dirasai oleh rakyat yang berpendapatan rendah yang tinggal di rumah-rumah sewa PPR atau tinggal di bandar seperti mana yang dinyatakan oleh ADUN Pasir Raja tadi. Menjelang April 2015, walaupun Pemanis menyatakan GST untungkan rakyat tetapi perlu diingatkan bahawa GST terdapat lebih 600 barang yang akan dikenakan. Kalau dia dari sudut Islamnya cukai ataupun zakat ini hanya diberikan, dikutip daripada orang-orang kaya. Manakala GST ini kepada semua rakyat akan membayarnya. Jadi ini suatu bentuk penindasan kepada semua rakyat.

Datuk Timbalan Speaker, merujuk Perenggan 62, 69, Parit Yaani merasakan kebimbangan yang amat sangat mengenai beberapa perkara.

1. Kedaulatan Negara Malaysia yang kita cintai, khususnya Johor yang mudah sangat dituntut dan diserahkan kepada orang lain iaitu kepada Singapura berkenaan isu Pulau Batu Putih.

2. Kemungkinan seperti mana yang dinyatakan oleh Skudai tadi. Isu persiapan, kelengkapan bahan bukti dan bahan rujukan dalam simpanan Kerajaan tidak mencukupi semasa perbahasan ataupun semasa perbincangan ataupun semasa di ICJ menyebabkan kita kalah.

3. Isu integriti. Pegawai yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan negara, kurang diberi perhatian. Mengapa saya menyatakan sedemikian? Satu laporan bersumpah yang dibuat oleh Bekas Ketua Siasatan Jenayah, PDRM Kuala Lumpur, Dato' Mat Zain Ibrahim mendakwa bahawa Peguam Negara Ghani Patail menerima sogokan dengan berlakunya transaksi berjumlah besar di suatu bank di Hong Kong yang menyebabkan Malaysia kalah dalam tuntutan kes Pulau Batu Putih

kepada Singapura. Berdasarkan kepada pandangan peguam, untuk makluman sidang Dewan semua, mengikut Undang-Undang Antarabangsa, Artikel 99 dan 100, Malaysia atau Johor boleh membawa semula kes isu ke ICJ berdasarkan:

i. Terdapat bukti-bukti baharu yang dahulunya tidak dibawa atau tidak diketengahkan oleh pihak Malaysia.

ii. Terdapat unsur sogokan atau rasuah kepada Peguam Negara seperti mana yang didakwa oleh Dato' Mat Zain Ibrahim, maka Parit Yaani sangat menyokong supaya kerajaan Johor memandang Titah Baginda Sultan dan segera bertindak kerana baki untuk semakan hanya tinggal 4 tahun dari keputusan yang diumumkan oleh ICJ pada 23 Mei 2008 iaitu tempohnya 10 tahun.

Kami bersedia memberikan kerjasama sekiranya perlu kerana ada pihak-pihak yang telah bertemu dengan kami menunjukkan peta-peta baru, peta-peta lama dalam simpanan pihak-pihak yang tertentu.

Datuk Timbalan Speaker, sebagaimana yang kita sedia maklum berkaitan dengan isu yang disebut oleh Pasir Raja, walaupun mungkin teguran yang baik saya ucapkan terima kasih. Beza di antara sokong, tentang dan tolak, tak sokong berbeza dengan menentang. Mengapa hudud yang telah menjadi satu dalam undang-undang kita orang Johor ni, Sekolah Agama Johor, belajar berkaitan dengan Kitab Mutaal Badrin, Bab Jenayah. Kita belajar sebagaimana Ayat yang Allah nyatakan (Ayat Al-Quran), lelaki yang mencuri, perempuan yang mencuri potong tangan, ini bukan perintah orang lain, ini perintah Allah. Bila perintah Allah SWT kita kena akui ia adalah perintah Allah sebagaimana (Ayat Al-Quran) dirikanlah sembahyang, keluarkanlah zakat. Ini perintah Allah kita boleh sembahyang kita boleh bayar zakat tapi bab hudud kita tak nak, kita tolak. DAP memang kita tahu dia baru berkawan dengan PAS, baru 5 tahun. MCA dan GERAKAN berkawan dengan UMNO 50 tahun lebih, bukan sekadar dia tolak, dia tentang. Dia nak dirikan manusia, pagar manusia, menghalang orang nak bawak isu hudud. Apa yang UMNO buat penerangan, penjelasan tentang hukum Allah selaku pencipta alam ini? Apa yang dia buat? Dan kita tahu bahawa walaupun dia menang hari ini, GERAKAN menang di Teluk Anson, Teluk Intan tetapi Barisan Nasional takut nak hantar wakil di Bukit Gelugor sebuah kerajaan yang besar takut nak letakkan calon. Jadi ini suatu perkara patutnya kita malu.

PAS bertanding daripada awal merdeka di Johor, hilang deposit, biasa. Kita bertanding bukan kerana apa, kerana prinsip. Bukan kerana kebendaan, bukan kerana jawatan, bukan kerana apa, kerana prinsip. Sebab itu saya mengharapkan kita berlaku jujur. Kalau tadi Pemanis menyebut bahawa mereka takut dengan media. Sedangkan TV, radio, surat khabar semua dikuasai oleh Barisan Nasional. Kita apa ada? Yang ada Harakah, itu pun selalu kena sekat, kena macam-macam halangan. Tetapi, kita berani

berdepan dengan rakyat. Tengok, Datuk Speaker, PEMILU yang baru berlepas di Indonesia. Berita tentang segala-gala, calon yang bertanding di Indonesia, sehinggakan masa pembuangan undi itu tidak ada lagi dah yang pakai baju hijau, yang pakai baju biru, yang pakai baju merah. Sebab apa? Rakyat nampak dapat maklumat daripada semua pihak. TV keluarkan maklumat dari semua parti. Bila benda ini, maklumat ini sampai kepada rakyat, rakyat akan boleh memilih siapa yang terbaik. Tawaran parti mana yang terbaik. Ini bendanya.

Jadi, inilah satu perkara yang saya rasakan insya-Allah mudah-mudahan saya, kita dapat bersama-sama duduk berbincang dan kita tidak ada masalah dalam bab keuntungan kepada mana-mana pihak. Yang penting rakyat dapat kepentingan dan juga habuan dengan kekayaan negeri kita, insya-Allah.

Jadi, akhir sekali saya ingin mengingat sejarah, sepertimana Pasir Raja pun sebut sejarah ya, sejarah bahawa Dato' Onn antara pengasas UMNO tetapi perlu diingat dia tidak mati di dalam UMNO. Dia tinggalkan UMNO, dia jadi pemimpin Parti Negara bertanding di Terengganu. Jadi, insya-Allah sampai masanya rakyat akan berubah, akan pilih, akan buat perubahan. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jemput Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Salam sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 29 Mei. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Timbalan Dato' Speaker kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Rundingan Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena pembukaan rasmi Penggal Persidangan Kedua, Dewan Negeri Johor yang ke 13.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, seperti sedia maklum tahun ini adalah Tahun Melawat Malaysia. Ini memberi satu peluang emas yang cukup baik untuk Malaysia memperkenalkan kepada satu dunia keistimewaan dan khazanah warisan yang sedia ada di negara kita. Berdasarkan kepada laporan, sasaran pelancong yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan untuk tahun 2014 ini adalah 28 juta orang. Manakala dijangka nilai pendapatan akan mencapai RM76 bilion. Daripada 28 juta orang tersebut, Yang Berhormat EXCO Johor berkenaan telah dilaporkan dalam media menyatakan sasaran Johor adalah 4.6 juta orang pelancong dan nilai pendapatan daripada kedatangan pelancong-pelancong ini adalah lingkungan RM12 bilion.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, secara umumnya 4.6 juta daripada 28 juta orang pelancong sebenarnya bukanlah satu sasaran yang terlalu rendah. Tetapi kalau dibandingkan dengan statistik bahawa pada tahun 2012 sahaja, 2.2 juta pelawat ke Malaysia masuk ke negara ini melalui Johor maka saya rasa sasaran Kerajaan Johor ini adalah tidak memadai dan kurang memuaskan. Jelas daripada angka-angka yang sedia ada, Negeri Johor mempunyai kelebihan atau *advantage*, dengan izin, menjadi pintu masuk utama ke Malaysia. Bukit Batu harap Kerajaan negeri Johor boleh mengguna kelebihan atau kesempatan ini untuk menarik lebih banyak lagi pelancong untuk melancong di Negeri Johor dan bukannya negara kita ini sebagai satu *transit point* sahaja.

Beberapa minggu lepas, saya ada peluang untuk melawat Legoland di Nusajaya dengan keluarga saya. Saya dapati kebanyakan pelawat pada hari tersebut merangkumi pelancong domestik. Saya juga mengambil kesempatan untuk melaman beberapa forum web di Internet dan juga mendapati kebanyakan pengguna Internet yang memberi *review* juga merupakan warga rakyat Malaysia atau pelancong tempatan. Walaupun saya bangga dengan semangat orang Malaysia menyokong Program Cuti-Cuti Malaysia, tetapi pada masa yang sama juga saya rasa dengan tarikan bertaraf antarabangsa yang sedia ada di Johor seperti Legoland, Gunung Ledang, Gunung Pulai ataupun pantai pasir yang cantik, resort di Desaru dan lain-lain, Kerajaan Johor dan Kerajaan Pusat patut bekerjasama untuk mempromosikan Negeri Johor sebagai satu destinasi pelancongan antarabangsa. Tidak memadai setakat destinasi cuti-cuti Malaysia, Negeri Johor mampu di naik taraf sebagai satu destinasi pelancongan antarabangsa. Kedatangan pelancong luar negara akan mewujudkan satu kesan rantaian, *chain effect* ke atas ekonomi negeri kita kerana kuasa perbelanjaan pelawat luar negara adalah lebih tinggi daripada pelawat tempatan.

Namun begitu, untuk menjadi satu destinasi pelancongan antarabangsa, tidak cukup sekadar ada tarikan istimewa dan popular, kerajaan juga perlu melaburkan lebih banyak sumber dan usaha untuk menarik pelancong ke tarikan-tarikan tersebut. Misalnya di Johor, kami ada Legoland, tunggal, satu sahaja di rantau Asia tetapi 80% daripada pelawat ke Legoland pada tahun lepas terdiri daripada pelancong tempatan dan hanya 20% sahaja datang dari luar negara.

Di Johor, kami perlukan sistem pengangkutan yang lebih komprehensif untuk memastikan pelancong luar negara sedia singgah dan melancong di Negeri Johor. Pada sidang DUN tahun lepas, telah dimaklumkan oleh EXCO berkenaan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Senai sebenarnya mempunyai keupayaan untuk menyambut Jumbo Jet A380, tahniah! Tapi soalan selanjutnya, sampai bila lagi Johor nak tunggu satu A380 mendarat di lapangan Senai?

Lapangan Terbang Antarabangsa Senai walaupun adalah lapangan terbang antarabangsa tetapi sehingga hari ini hanya menerbang ke satu destinasi luar negara sahaja iaitu Indonesia. Kita tidak berbanding dengan KLIA tetapi kita boleh buat perbandingan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di mana selain daripada Indonesia, pelawat-pelawat daripada Hong Kong, Thailand, Ghuangzou China ada *direct flight* ke Pulau Pinang. Kekurangan penerbangan antarabangsa ke Negeri Johor menghampakan usaha pembangunan sektor pelancongan di Johor. Sebab, sekiranya pelancong mendarat di Lapangan Terbang KLIA ataupun di Changi, Singapura kemungkinan besar mereka akan ditarik ke destinasi yang lebih berdekatan.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, isu kos sara hidup. Kos sara hidup yang tinggi masih merupakan satu isu yang paling hangat dibicarakan di kalangan rakyat biasa. Pada tahun ini sahaja mulai bulan Januari, tarat elektrik di Semenanjung Malaysia telah naik 14.99%. Juga dijangka sebelum akhir tahun ini harga minyak RON95 dan diesel akan naik dan kadar faedah pinjaman bank juga akan naik dengan kenaikan *overnight policy rate* (OPR) yang kini berada pada paras 3%. Kesemua ini akan mewujudkan satu kesan rantaian yang pasti akan membebankan lagi rakyat kerana harga barang yang berpotensi untuk naik.

Dengan izin, Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, hutang rumah tangga di Malaysia melonjak daripada 57% daripada GTP pada tahun 2002 ke 86.8% daripada GTP negara pada tahun 2013. Purata peningkatan setiap tahun adalah 12.7% setahun. Justeru itu, adalah tidak hairan Malaysia adalah negara yang mempunyai hutang rumah tangga yang tertinggi di seluruh rantau Asia. *Number one*, Dato' Speaker.

Selain daripada itu, 80% rumah tangga di Malaysia mempunyai pendapatan bulanan di bawah RM3,000.00. Ini bermakna 4 daripada 5 setiap rumah tangga di Malaysia jatuh ke dalam kategori ini. Cara penyelesaian kerajaan adalah memperkenalkan BR1M. Tahun ini jumlah rumah tangga yang layak untuk mendapat BR1M naik daripada 6.8 juta rumah tangga ke 7 juta. Ada penyokong Barisan Nasional yang datang di hadapan saya dan rasa bangga dengan statistik ini kerana dikatakan kerajaan berjaya meluaskan bantuan kepada 200,000 rumah tangga baru.

Dengan izin, Dato' Speaker, maaf bagi saya ini adalah satu *twisted logic*. Bukan sahaja saya tidak rasa bangga, malah sebagai seorang Malaysia saya rasa sedih dan kesal, kecewa sebab selepas satu tahun, bukan sahaja pendapatan rumah tangga tidak naik tetapi sebaliknya lebih ramai orang yang jatuh ke kategori yang perlukan pertolongan ini. Jelas kerajaan telah gagal untuk memajukan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rumah tangga di Malaysia.

Untuk melawan inflasi, pemberian BR1M bukan satu haluan jangka masa panjang. Sistem pengurusan ekonomi yang lebih lut sinar, *transparent* dan

keyakinan pelabur luar negara mesti dimenangi, ditawan dan pelabur-pelabur tidak akan melabur secara besar-besaran selagi masalah rasuah dan isu keselamatan di negara kita ini tidak diselesaikan.

Inflasi juga menyebabkan kos rumah melonjak. Di Johor, terutamanya di kawasan bandar, setiap hari saya nampak berpuluh-puluh projek pembangunan pangsapuri atau kondominium baru. Kadang-kadang saya juga terfikir siapa yang mampu beli semua rumah ini? Dan harga jualan yang ditawarkan juga menakutkan. Kalaulah 80% rumah tangga di Malaysia berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan, saya rasa mustahil mereka mempunyai keupayaan untuk membeli rumah-rumah baru ini. Kerajaan negeri Johor telah melancarkan beberapa projek pembinaan rumah mampu milik, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan ke atas inisiatif ini dan penting bagi rakyat Johor. Di Dewan ini tahun lepas, saya juga pernah menanya EXCO Perumahan isu monitorium, 10 tahun yang dikenakan ke atas setiap unit rumah mampu milik.

Dato'Speaker, isu *monitorium* ini kita perlu dibicarakan. Apa yang akan terjadi sekiranya membeli rumah ini sengaja ingkar dalam pembayaran ansuran sehingga bank terpaksa lelong rumah dan rumah ini dijual dengan harga yang jauh lebih tinggi. Adakah ada pihak yang akan mengaut keuntungan daripada skim ini? Sekiranya tetapi sekiranya bank tidak diberi hak untuk melelong rumah yang ingkar bayaran, adakah wujudnya bank sebegini yang masih sedia dan rela untuk memberi pinjaman perumahan kepada membeli? Untuk menyelesaikan masalah ini, saya ingin melontarkan satu cadangan, bahawa sekiranya membeli rumah ingkar dalam pembayaran ansuran sehingga bank terpaksa lelong rumah tersebut, pihak bank mesti menawarkan rumah tersebut kepada pihak Kerajaan terdahulu pada harga pasaran ataupun pada harga pembelian asal yang mana lebih rendah. Sekiranya kerajaan enggan atau tidak sudi untuk mengambil tawaran opsyen ini, maka barulah pihak bank boleh melelongkan rumah tersebut di lelong awam.

Kepentingan semua pihak dijamin dalam cadangan ini, Dato' Speaker. Memandangkan pihak bank masih mempunyai hak untuk merealisasikan cagaran mereka, sekurang-kurangnya pun pada harga pembelian asal. Pihak membeli juga tidak perlu risau tiada institusi kewangan yang sanggup memberi pinjaman dan akhirnya pihak Kerajaan juga tidak perlu khuatir ada orang mengambil kesempatan mengaut keuntungan melalui skim perumahan mampu milik ini.

Sedikit isu tempatan Datuk Speaker. Saya ingin mengakhiri sedikit dengan isu tempatan. Tuanku dalam titah Tuanku ada menyentuh kekerapan kemalangan di Negeri Johor. Di kawasan saya di Batu 23 Jalan Johor Bahru - Ayer Hitam terdapat selekoh S yang amat berbahaya. Sememangnya pihak JKR dan Majlis mengakui tempat itulah adalah zon maut dan sering kali kemalangan maut akan terjadi di kawasan tersebut, kerana bukan sahaja selekoh tersebut terlalu

tajam tetapi pada masa yang sama banyak kenderaan berat lori sering mengguna jalan tersebut.

Sekiranya pemandu kereta tidak memberi fokus atau tumpuan sepenuh ataupun kenderaan berat menghala terlalu dekat kemungkinan besar kemalangan akan berlaku dan isu ini telah pun dibicarakan berpuluh-puluh tahun. Isu ini saya juga tujukan dalam soalan lisan saya dan di mana saya baru saja mendapat jawapan daripada EXCO.

YB Datuk Timbalan Speaker : Kalau dah jawab tak payah sebut lagi. Masuk perkara lain.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Saya cadang selekoh S itu boleh diluluskan. Ini bukan sahaja dapat mengelakkan kemalangan tetapi boleh menjimatkan lagi masa perjalanan. Yang menjadi halangan hanyalah tanah untuk meluluskan jalan tersebut melibatkan tanah swasta, Datuk Speaker. Saya harap Kerajaan boleh menggunakan Seksyen 3 (1) Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengambil tanah yang secukupnya, untuk meluluskan jalan tersebut agar dia tidak lagi jadi selekoh S. Setahu saya tanah yang bakal diambil hanya adalah sebahagian kecil aje ladang sawit dan tiada perubahan orang awam akan terlibat.

Sekiranya kerajaan boleh menggunakan Akta ini untuk mengambil tanah di Pengerang untuk industri minyak dan gas dan di Pontian untuk TNB, saya rasa tidak patut ada halangan untuk mengambil tanah demi menyelamatkan nyawa rakyat Johor. Begitu juga di FELDA Bukit Batu di mana Datuk Speaker di mana tahun lepas saya telah membuat permohonan kepada JKR Kulai untuk memasang lampu isyarat dan lintas jalan zebra di hadapan Sekolah Kebangsaan LKTP Bukit Batu yang bersebelah dengan masjid. Dan saya juga telah mendapat salinan surat daripada pihak JKR Kulai bahawa permohonan mereka telah dimajukan kepada pihak atasan. Tetapi malangnya sehingga hari ini masih tidak mendapat apa-apa jawapan selanjutnya daripada pihak JKR.

Setiap hari murid-murid dan orang awam terpaksa melintas jalan utama yang dikenal sebagai jalan JKR 3820 untuk ke sebelah jalan yang terletaknya balai raya, dewan dan kedai-kedai. Bulan lepas sahaja seorang pakcik lagi Dato' Speaker, menjadi mangsa lagi dan tulang bahunya terpatah akibat kemalangan. Untuk makluman Dato' Speaker jalan ini semakin sibuk kerana banyak lori pasir dan batu mengguna jalan ini ke Pontian. Dan dengan pembangunan Projek Sedenak Industrial Park di depan sikit sahaja, jalan ini pasti akan menjadi lebih sibuk lagi. Oleh demikian, saya harap

YB Datuk Timbalan Speaker : Tamatkan perbahasan.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Oleh yang demikian saya harap Kerajaan negeri Johor boleh mengambil perhatian dan penderitaan dan kesusahan orang-orang kampung di tempat saya. Sekian terima kasih.

YB Datuk Timbalan Speaker : Jemput YB Gambir.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Salam Muafakat Johor. Terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk Gambir turut serta dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah perasmian Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 29 Mei yang lalu. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebentar tadi Parit Yaani menyatakan bahawa GST menindas masyarakat bawahan, dengan dikenakan kepada 600 barangan. Tapi, tahukah Yang Berhormat Parit Yaani bahawa GST ini sebenarnya tidak dikenakan kepada pelbagai barangan makanan asas harian seperti beras, tepung, gula dan minyak masak. Pembelian dan penyewaan rumah kediaman, jual beli tanah pertanian, pendidikan, pengangkutan awam dan juga perkhidmatan kesihatan tidak dikenakan GST.

Jadi, sebenarnya GST ini akan memastikan cukai yang dikenakan kepada barangan sebenarnya kurang berbanding dengan cukai yang sedia ada, di mana kalau kita lihat kini barang-barangan yang kita gunakan mendapat dua jenis cukai, cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang mana ianya berjumlah hampir 16%, tetapi selepas GST dikenakan nanti ianya cuma 6%. Jadi, (Dewan bertepuk) harap memperhalusi mengenai GST sebelum memaklumkannya kepada orang ramai dengan tanggapan yang salah dan akhirnya ia daripada tak susah menjadi semakin susah kerana penjelasan yang tak betul.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Gambir turut menyokong penuh saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang bertitah bahawa amanah dan kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat hendaklah dipikul dengan penuh tanggungjawab. Mungkin semasa pilihan raya ianya berunsurkan agama, bangsa atau parti politik yang diwakili, tetapi apabila sejurus sahaja pilihan raya selesai kita telah bergelar wakil rakyat. Maka latar belakang agama, bangsa atau parti politik perlulah diketepikan.

Janganlah kerana kita dari parti lain secara berterusan menidakkan atau memperkecilkan, walaupun usaha itu baik daripada Kerajaan sedia ada, seperti mana yang diperkatakan oleh YB Pemanis sebentar tadi. Jadi kita harus akur kepada titah Tuanku yang mahukan setiap perkara yang disuarakan oleh rakyat, hendaklah diambil perhatian dan dibincangkan dalam suasana harmoni tanpa kesemuanya dipolitikkan. Menyedari kepada hakikat itu maka sesuailah kewujudan program suara hati Johor yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Tahniah kepada Kerajaan negeri atas usaha tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin merujuk satu ungkapan, "Orang Berbudi Kita Berbahasa, Orang Memberi Kita Merasa". Maka saya mengambil kesempatan bagi keseluruhan Dewan merakamkan setinggi-tinggi Junjungan Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah berkenan

untuk meluluskan kenaikan elaun yang telah dicadangkan oleh Kerajaan negeri kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor, yang mana saya rasa dapat kelulusan 100% kesemua anggota Dewan pada sesi persidangan kali ini termasuklah rakan-rakan pembangkang. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar dan Kerajaan negeri yang mencadangkan kenaikan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai peluang pekerjaan Gambir turut merakamkan kesyukuran dan tahniah kepada Kerajaan negeri atas pelaburan dalam sektor pembuatan yang berjumlah RM14.4 bilion dan komitmen pelaburan yang berjumlah hampir RM140 bilion di Iskandar Malaysia. Saya terpanggil untuk membangkitkan perkara ini yang turut disentuh dalam titah Tuanku 29 Mei 2014, tentang penawaran lebih 55,000 peluang pekerjaan di Iskandar Malaysia khususnya di pembangunan RAPID Pengerang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bertanyakan kejayaan usaha pihak Kerajaan negeri khususnya Unit Perancang Ekonomi Negeri yang telah mengadakan pelbagai usaha mendaftarkan pencari-pencari kerja. Berapa ramaikah rakyat Johor khususnya setakat ini berpeluang di kesemua sektor, sejak Iskandar Malaysia diwujudkan tahun 2006. Jadi saya nak tanya berapa ramai rakyat Johor telah mendapat manfaat dalam perkara tersebut.

Seterusnya bagaimanakah agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Kolej KPYPJ, PUSPATRI dan Pusat-Pusat Latihan Tempatan yang lain dijalinkan dengan kontraktor-kontraktor di kawasan pembangunan tersebut untuk memenuhi peluang-peluang pekerjaan ini. Ini perlu diberikan keutamaan kerana lebih daripada 80% pelajar-pelajar di institusi-institusi ini berasal daripada Negeri Johor.

Seterusnya juga saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan menyatakan unjuran, unjuran perangkaan jumlah mereka yang akan tamat pengajian di Pusat-Pusat Latihan yang saya sebutkan di atas yang mana boleh ditempatkan di industri-industri ini dalam jangka masa 5 tahun akan datang. Unjuran ini Yang Berhormat Dato' Speaker amat perlu supaya memastikan bahawa peluang pekerjaan daripada rakyat Negeri Johor di tempat-tempat yang mana memberikan peluang pekerjaan di Johor khususnya, adalah kalangan daripada rakyat Johor.

YB Datuk Timbalan Speaker : YB Gambir panjang lagi?

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Boleh tahan juga.

YB Datuk Timbalan Speaker : OK duduk.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih.

YB Datuk Timbalan Speaker : Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan hingga jam 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

YB Speaker : Sambungan Perbahasan Atas Menjunjung Kasih serta titah Tuanku diteruskan. Saya persilakan Yang Berhormat Gambir menyambung semula.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, baja tahi ayam atau tinja ayam adalah pilihan baja terbaik, termurah dan disyorkan kepada petani. Penternak ayam daging dan ayam telur menghasilkan tinja ayam secara komersial. Syarikat-syarikat ayam multinasional seperti Sinma, Leong Hup, PPNJ dan sebagainya mengeluarkan berjuta tan tahi ayam. Tinja ayam sangat popular di kalangan penanam sayur komersial tentunya untuk sayuran daun, sayuran buah selain daripada untuk kebanyakan tanaman buah-buahan seperti betik, pisang, jambu dan juga kelapa sawit.

Ini kerana Yang Berhormat Datuk Speaker, tinja dikatakan kaya dengan kandungan nitrogen, fosforum dan tinja yang tinggi. Tapi walau bagaimanapun, satu fakta yang tidak boleh ditolak berhubung dengan tinja ayam adalah baunya yang kurang enak dan paling menjadi isu besar adalah ia mengundang lalat untuk membiak. Perkara ini berlaku jika tinja ayam ini digunakan tanpa dirawat. Saya ingin mengambil contoh masalah berkaitan penggunaan tinja ayam yang tidak dirawat yang digunakan sekitar kebun-kebun sayur di kawasan Sengkang dan juga kawasan Sagil di Bukit Gambir.

Walaupun pihak Jabatan Haiwan telah beberapa kali mengambil tindakan tapi masalah ini masih belum selesai. Oleh yang demikian Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan negeri khususnya Jabatan Haiwan untuk mewujudkan satu undang-undang atau meminda Enakmen Kawalan dan Perlesenan Penternakan Unggas 1997 supaya tinja ayam yang dikeluarkan dari mana-mana reban ayam perlulah dirawat terlebih dahulu sebelum dibawa keluar dari reban-reban ayam berkenaan.

Rawatan ini sudah tentu boleh menyebabkan bau tinja ayam tiada dan tujuan tinja ayam untuk dijadikan baja juga dapat dijayakan. Jika pindaan ini dilakukan isu lalat yang merupakan satu isu besar yang sedang melanda Negeri Johor juga akan dapat diselesaikan, daripada kita berbelanja ribuan ringgit untuk mengelak pembiakan lalat adalah lebih baik kita mencegah punca pembiakan lalat iaitu mewajibkan jutaan tan tinja lalat yang dikeluarkan daripada reban-reban ayam dirawat terlebih dahulu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya bagi pihak Ahli Parlimen Ledang, merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang

Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Johor dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Speaker sendiri, atas lawatan kerja ke daerah Ledang baru-baru ini. Terima kasih atas persetujuan berkaitan daerah Ledang sebagai daerah pelancongan dan juga persetujuan beberapa projek pembinaan rumah mampu milik di Ledang, khususnya di DUN Gambir serta juga pusat pentadbiran baru Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Ledang. Saya berharap agar pihak UPENJ dapat melihat kepada kesemua cadangan-cadangan tersebut dalam masa kadar segera. Sehubungan dengan pentadbiran daerah, saya juga ingin mendapatkan perhatian kerajaan negeri dan juga beberapa agensi yang masih belum membuka cawangannya untuk daerah Ledang, walaupun sudah empat tahun daerah baru Ledang wujud. Sebagai contoh, Pejabat Pelajaran Daerah. Pejabat Pelajaran Daerah masih beroperasi dari daerah Muar, sedangkan dalam sebuah daerah Johor Bahru itu sendiri ada dua Pejabat Pendidikan Daerah iaitu di Johor Bahru dan Pasir Gudang. Jadi, penempatan Pejabat Pendidikan daerah Ledang amat perlu untuk kesinambungan urusan pentadbiran di daerah Ledang.

Satu lagi perkara yang Berhormat Datuk Speaker ialah berkenaan Majlis Daerah Tangkak di mana belum diwujudkan perjawatan Yang Dipertua Majlis Daerah itu sendiri kerana kini Pegawai Daerah Ledang perlu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Pegawai Daerah dan juga sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak. Maka dengan demikian saya ingin mohon kepada pihak Kerajaan Tempatan dan jabatan-jabatan terlibat melihat kepada perkara-perkara yang saya sebutkan di atas berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran daerah Ledang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi perkara ialah mengenai Taman Kekal Pengeluaran Makanan, TKPN. TKPN telah diwujudkan di beberapa lokasi di negeri Johor untuk memberi galakan kepada para petani untuk meningkatkan hasil pertanian. Ini termasuk Zon Pengeluaran Makanan, ZPM yang mana dapat mengekalkan kawasan pengeluaran makanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, para pengusaha yang berminat kepada TKPN ini adalah kerana lot-lot tanah akan disewakan kepada sektor swasta atau individu dengan kadar yang berpatutan dan diikuti dengan penyediaan infrastruktur seperti penyediaan kawasan pertanian berkenaan, jalan ladang untuk kawasan berkenaan, parit-parit ladang, pengairan serta juga bekalan air dan elektrik-elektrik. Jadi sehubungan dengan ini saya ingin dapatkan beberapa maklumat daripada pihak Jabatan Pertanian di antaranya perangkaan sejauh mana TPKN ini telah berjaya meningkatkan tanaman pemakanan di negeri Johor. Yang kedua, berapakah berapa ramaikah pengusaha-pengusaha India yang terlibat dalam TPKN di negeri Johor ini? Dan seterusnya memandangkan ramai pengusaha-pengusaha India berminat untuk bercucuk tanam, termasuk pengusaha-pengusaha tenusu yang mana tiada modal ataupun kurang modal, tiada tanah, maka pemberian tanah TKPN ini adalah amat *significant* dan boleh mendorong mengeluarkan mereka dari kategori kemiskinan dan boleh memberi peluang untuk mereka berdikari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehubungan dengan itu, saya ingin memohon kepada pihak kerajaan untuk memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha India di tapak-tapak TKPN yang sedia ada. Jika tapak-tapak TKPN tak ada lagi, maka saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk melihat tanah-tanah terbiar, kalau kita tengok Yang Berhormat Dato' Speaker dalam ucapan Bajet pada tahun lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada memaklumkan lebih daripada 2880 hektar tanah terbiar, maka saya cadangkan supaya tanah-tanah terbiar itu, dijadikan sebagai tapak TKPN dan ditimbangkan kepada pengusaha-pengusaha India yang betul-betul berminat. Yang Berhormat Datuk Speaker, ini adalah kerana kalau kita melihat kepada ekonomi masyarakat India ianya tak lah seberapa dan mereka masih lagi perlukan bantuan daripada pihak kerajaan. Saya rasa dengan cara ini kita boleh praktikkan apa yang dalam Bahasa Inggeris kita sebut, *don't give a fish to a man teach him how to fish*. Daripada kita beri ikan, saya minta supaya pengusaha-pengusaha India ni di beri mata kail, jadi mereka boleh berdikari bagi mempertingkatkan ekonomi mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya mengenai kemudahan *wifi* untuk para belia. Sebagai memenuhi aspirasi dan kehendak para belia, saya pernah mencadangkan pada Kerajaan negeri untuk memasang kemudahan *wifi* di lokasi-lokasi strategik tumpuan para belia di seluruh Negeri Johor. Cadangan ini boleh dijadikan satu *instrument* yang sangat strategik untuk menarik golongan belia terhadap Kerajaan Johor. Jadi, saya ingin bertanya adakah cadangan yang saya bawa sebelum ini telah dilaksana? Jika ya, dimanakah lokasi-lokasi di mana SKMM telah melaksanakan pemasangan *wifi* di seluruh Negeri Johor?

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai masalah gangguan monyet. Saya juga ada membangkitkan tentang gangguan monyet liar yang mengganggu ketenteraman masyarakat kampung, terutamanya ia mengganggu ibu-ibu tunggal yang sering tinggal bersendirian. Takut akibat gangguan monyet-monyet liar yang datang di dalam kumpulan yang besar. Jadi monyet-monyet ini sering masuk menyelongkar dapur rumah dan juga mengganggu ternakan penduduk khususnya ayam. Ini memang betul-betul monyet Dato' Speaker, bukan orang ya. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Jabatan PERHILITAN apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini bagi membendung masalah ini di Bukit Gambir? Sama ada untuk mengawal atau menghapuskan monyet-monyet liar di kawasan-kawasan kampung di sekitar Bukit Gambir.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali, harapan saya adalah perhatian dan tindakan yang bersesuaian perlulah diambil oleh pihak-pihak berkenaan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi. Kalau boleh, saya ingin mohon kepada jabatan-jabatan atau agensi-agensi berkenaan memberi maklum balas apabila sebarang tindakan hendak diambil ataupun telah diambil. Dengan demikian, Gambir juga turut menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Pasir Raja. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Gambir. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Kempas.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Bismilah hirramanirrahim. Assalam mualaikum warahmatulla hiwabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya bagi pihak rakyat Kempas merakamkan ucapan terima kasih kami kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia baginda Sultan di Bangunan Sultan Ibrahim tempoh hari. Saya telah hayati dan dengan penuh keprihatinan titah ucapan ke bawah Duli Tuanku, ternyata Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar peka dengan situasi negara khususnya di negeri Johor Darul Ta'zim. Anak Johor terus menjunjung duli dan setia kepada baginda Sultan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejujurnya saya mewakili rakyat Johor di bumi Kempas mengucapkan syabas kepada Dato' Menteri Besar yang melafazkan ikrar dan janjinya untuk tidak mengizinkan pembinaan gedung perjudian, berupa *casino* di mana-mana tempat di bumi Johor ini. Sebagai rakyat Johor, kami merasa lega dan amat bersyukur kerana memiliki seorang Menteri Besar yang kental jiwa raganya untuk tidak merelakan sebarang elemen kemungkaran berlaku di negeri Johor. Namun begitu, adalah menjadi harapan kita agar lafaz ikrar Dato' Menteri Besar diterjemahkan secara total di mana selain tidak mengizinkan pusat perjudian ala *casino* dibangunkan, kita juga mahukan sebarang kegiatan perjudian seperti bercorak mesin judi yang masih terdapat di beberapa premis atau rumah kedai segera dihapuskan tanpa sebarang toleransi. Sama ada oleh pengusaha kecil mahupun syarikat-syarikat besar yang sudah pun bertapak di Johor, sebagai yang mempunyai lesen dan sudah tentunya berkeyakinan akan mendapat kelulusan dari pejabat daerah untuk berfungsi di masa akan datang. Kebimbangan saya berputik apabila sejak akhir-akhir ini bumi Johor sudah dilihat sebagai destinasi-destinasi tumpuan di kalangan beberapa tauke perjudian berlesen yang berselindung di sebalik melakukan pelaburan hartanah.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Minta maaf, ada gangguan.

YB Datuk Speaker : Ada gangguan audio.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Johor telah dilihat sebagai destinasi-destinasi tumpuan di kalangan beberapa orang tauke perjudian yang berselindung di sebalik melakukan pelaburan hartanah. Jika kita tidak bersiap sedia, ada kemungkinan mereka turut membangunkan perisian perjudian di tempat yang sudah pun berlesen menjual arak secara terbuka. Janganlah mentang-mentang tempat tersebut dibenarkan menjual arak secara terbuka, kita bagi pula permit membuka

tempat *slot machine* dengan izin di tempat yang sama. Ingatlah jangan kita cuba mengalihkan dosa kita kepada Kerajaan Pusat semata-mata kerana lesen itu dikeluarkan oleh mereka. Perlu kita ingat bahawa jika permit tidak dikeluarkan oleh Pejabat Daerah, walaupun ada lesen dari kerajaan pusat pun mereka tidak boleh beroperasi mengikut kepada undang-undang. Sia-sia saja jika kita berusaha untuk menukarkan hari percutian kita kepada hari Jumaat untuk mendaulat Agama Islam di Negeri Johor ini, jikalau kita benarkan pula tauke perjudian memulakan empayar perniagaannya. Bukanlah menjadi hasrat saya untuk menzahirkan rasa tidak yakin ke atas kepekaan serta ketegasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Namun, ada kalanya kita harus saling tegur-menegur di antara kita dan ingat-mengingati antara satu sama lain. Saya ingin menyarankan dalam kita menjanjikan bumi Johor ini , terhindar dari sebarang elemen perjudian yang mungkin cuba dibawa oleh pelabur dari luar atas nama pembangunan seharusnya setiap kegiatan ekonomi hendaklah dikongsi sama rata, sama rasa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kekayaan bumi Johor seharusnya dinikmati oleh warga Johor yang sentiasa taat setia selama ini terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Kesetiaan, ketaatan dan kemurnian hati warga Johor jangan sekali-sekali dirobek atau apabila kita melayan orang asing atas nama mengambil pelaburan. Walaupun kita mengalu-alukan pelaburan asing ke bumi negeri Johor ini, negara mana sekali pun kita seharusnya bijak menilai pelaburan asing tersebut. Soalan utama yang harus dijawab adalah sama ada pelaburan tersebut boleh memanfaatkan rakyat Johor seperti menyediakan peluang-peluang pekerjaan, menjana peluang-peluang perniagaan industri kecil dan sederhana di sektor perkhidmatan sokongan atau *support services* dengan kerjasama syarikat tempatan, pemindahan teknologi dan sebagainya. Penjualan hartanah kepada pelabur asing tidak dilihat sebagai mempunyai nilai tambahan secara langsung mahupun tidak langsung kepada rakyat di bumi Johor. Sebaliknya ia hanya menguntungkan pihak yang membuat transaksi tersebut dan sekali gus menghijrahkan rakyat yang kurang berkemampuan ke kawasan-kawasan luar bandar dan terpencil kerana kos kehidupan di kawasan bandar sudah tentunya akan meningkat kelak. Ini belum lagi diambil kira budaya yang hendak dibawa oleh warga asing yang mungkin tidak serasi dengan rakyat tempatan. Jika mereka berhasrat untuk membanjiri kawasan dan bandar raya yang terlibat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini saya juga terbaca laporan berita di dalam dan di luar negara mengenai wujudnya percaturan kuasa asing terhadap untung nasib bumi bertuah ini. Laman sesawang luar negara tersebut menyiarkan berita seorang hartawan hebat dari negara jiran telah memeterai memorandum persefahaman atau *MOU* dengan pihak tempatan di Johor bagi mewujudkan sebuah syarikat keselamatan di Wilayah Pembangunan Iskandar. Khabarnya syarikat milik jutawan itu sedang mengintai peluang melebarkan jaringan perniagaannya bukan hanya untuk membekalkan tenaga pengawal keselamatan dengan kekuatan sejumlah 600 orang lengkap bersenjata malahan ia bakal mewujudkan jaringan peralatan serba canggih termasuk

sistem perisikan. Pasukan kawalan keselamatan milik jutawan tersebut hampir menyamai satu batalion pasukan tentera bakal berada di Wilayah Pembangunan Iskandar jika beliau berjaya memperolehi kontrak tersebut. Dan, jika tidak silap kefahaman saya berita tersebut juga turut menyatakan syarikat milik jutawan negara jiran itu dijangka memperolehi kontrak untuk membekalkan anggota dan sistem keselamatan dan jaringan peralatan di Negeri Pulau Pinang dan ibu negara kita Kuala Lumpur atas nama perkongsian intelektual. Fikirkanlah, Wilayah Iskandar, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, tiga wilayah yang strategik yang boleh menyenangkan kegiatan *international* sabotaj jika perlu. Dan jika benarlah seperti yang diberitakan ini bererti Negeri Johor tidak lagi berperanan sebagai benteng utama negara malahan Negeri Johor berkemungkinan menjadi jambatan terpenting bagi negara ini melebarkan jaringan wilayahnya secara langsung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan menerima pakai sistem keselamatan serta kehadiran gerombolan pengawal keselamatan milik syarikat tersebut di bumi ini, dapatkah dijamin bahawa setiap rahsia kerajaan terpelihara dari sebarang kegiatan intipan? Mampukah pihak berwajib yang bertanggungjawab terhadap kedaulatan dan kerahsiaan negara menjamin kesiagaan kita. Janganlah hendaknya percaturan politik serta salah urus tadbir meletakkan untung nasib masa depan kepimpinan bangsa dan rakyat Johor berada di luar atau di laluan sukar dan menghampiri suatu jurang kehancuran yang sebenarnya boleh kita elakkan sekarang sebelum ianya terjadi insya-Allah. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kempas menjunjung kasih sekali lagi ke atas titah ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan tempoh hari tentang Pulau Batu Putih. Kita telah pun kehilangan hak kedaulatan kita di atas Pulau Batu Putih yang kini dikenali sebagai *Pedra Branca*, kepada Singapura apabila pasukan peguam negara yang arif lagi bijak pandai tewas perbicaraan di *International Court Of Justice* di *The Hague*. Jikalau Pulau Batu Putih yang secara fizikalnya kita boleh lihat boleh terlepas dari tangan kita dan terpaksa diusahakan insya-Allah untuk memenanginya kembali, bagaimanakah dan di manakah kita akan rujuk jika kita kehilangan sebahagian atau keseluruhan kuasa dan keselamatan negeri kita kerana perisikan musuh yang tidak boleh dilihat secara fizikal. Adakah kita bersedia untuk kehilangan sekali lagi sebahagian besar dari kedaulatan negeri kita? Adakah kita hendak berjudi pula dengan kemerdekaan yang kita kecapi selama ini? Dengan memberi kuasa asing yang sudah tentunya tidak ada ketaatsetiaannya kepada negeri kita dan memberi ruang untuk menyusup dan merisik segala rahsia kerajaan dan rakyat Negeri Johor ini, nauzubillahiminzalik. Jika ianya berlaku, maka tiada satu makhluk pun di muka bumi Allah ini yang boleh memulihkannya kembali kerana mengikut kepada maksud suatu firman Allah SWT iaitu "Sesungguhnya Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum itu sehingga kaum itu merubah nasib mereka sendiri." Dari itu, kitalah yang harus berusaha dahulu untuk menjaga keselamatan negeri kita sebab kita bertawakal kepada Allah SWT Berbekalkan pengalaman serba merencam dan kepelbagaian kontroversi, apakah kehadiran jutawan yang memeterai memorandum persefahaman

bersama pihak tempatan itu boleh sekadar dipandang sepi serta tidak wajar dipertikaikan?

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kerancakan kita membangunkan hartanah dan lain-lain pelaburan di Johor khususnya di dalam kawasan saya di Kempas, saya menuntut agar kejujuran, ketegasan serta keikhlasan pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak akan merelakan mana-mana pihak untuk membuat rakyat Johor khususnya di bumi Kempas menitiskan air mata mereka. Sesungguhnya apabila kita melaungkan "Luaskan Kuasamu" yang sudah pun menjadi mantera keramat kita wajiblah kerajaan negeri ini menentukan bahawa laungan itu adalah eksklusif dan khusus hanya untuk rakyat negeri ini sahaja dan bukannya untuk suatu undangan terbuka kepada mana-mana warga asing untuk meluaskan kuasanya di bumi Johor ini. (Dewan bertepuk). Kempas berdoa jangan sampai rakyat di Negeri Johor ini hanya menang bersorak tetapi negerinya tergadai, barang dijauhkan Allah. Akhir kata, Yang Berhormat Dato' Speaker, luaskan kuasamu. Saya mohon menyokong. Wabillahitaufikwalhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kempas. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim (selawat dan salam).

YB Dato' Speaker : Sekejap Kempas ya, sekejap.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Speaker : Penawar sekejap. Saya lihat kita bagi masa secukupnya kepada Yang Berhormat, tapi kalau semua main 10 minit, 8 minit, maknanya kita membazirkan masa persidangan ini. Kita sampai 4 hari bulan. Jadi saya harap gunakanlah masa yang diberi ini, kadang-kadang kita tak bagi masa Yang Berhormat bising, kita bagi masa Yang Berhormat pula tak nak gunakan sepenuhnya. Kita ada masa, jadi saya harap gunakanlah masa. Jemputlah Penawar.

YB Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kerana diberi ruang untuk turut serta dalam perbahasan pada sidang Dewan kali ini. Penawar menjunjung kasih di atas titah Tuanku Sultan yang meliputi keseluruhan kepentingan kehidupan rakyat jelata. Bak baiduri membiru indah tarikan, disusun sekata dipakai puteri, titah Tuanku patik julangkan moga sejahtera serata negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas sokongan Paduka Tuanku akan kenaikan kadar elaun patik-patik semua selaku wakil rakyat. Perumahan mampu milik, keselamatan negeri dan negara, pendidikan agama dan sekular, kesihatan dan alam sekitar adalah perkara asas yang menjadi perhatian rakyat. Lain hulu, lain parang, lain dahulu, lain sekarang. Berbeza dahulu, pekerjaan untuk meneruskan kehidupan, membesar dan menyekolahkan anak-anak adalah perkara utama. Biar atap rumah robek, biar ayah ibu berlapar, asal anak-anak belajar. Biar longkang tersumbat, asap sampah berkepul-kepul, kudis buta melata, yang penting negara terus dibina atas nama perjuangan bangsa untuk hari ini rasa selesa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini seiring manifesto Pilihan raya 2013, "Kata Dikota, Janji Dilaksana", maka SPNB, Prima, 1MDB lalu wujudlah perumahan untuk rakyat. Terbukti hari ini, Prima di kawasan bandar, SPNB di luar bandar dan FELDA untuk rekod satu tahun ini sahaja pelbagai projek perumahan telah dilaksana di Negeri Johor khususnya di dalam kawasan saya. Sebagai contoh, rumah SPNB, rumah generasi kedua FELDA dan terbaru Majlis Pecah Tanah di Bandar Penawar oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi pembinaan rumah mampu milik bersubsidi kerajaan Johor untuk rakyat Negeri Johor. Saya difahamkan projek akan bermula 2015 dan akan siap menjelang 2018. Insya-Allah menjelang pilihan raya. Apa yang diharapkan, marilah kita pantau bersama-sama agar pelaksanaan projek tersebut dapat merealisasikan usaha keras Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi memastikan rakyat golongan bawahan benar-benar dapat memiliki rumah idaman. Jangan nanti makan sepiring, harga sedulang, apa tersirat, tak kenyang dimakan. Pastikan ia menepati Suara Hati Johor dan jelas mengikuti dasar perumahan baru. Rumah murah rakyat Johor yang selesa dengan kadar harga pakej A. 42k, B. 80k dan 150k. Dan seterusnya lihatlah pemajunya, adakah ianya dalam senarai hitam seperti titah Tuanku dalam Perkara 36 dan 37. Selain daripada itu, pelaksanaan juga kena memastikan Perkara 12 titah Tuanku supaya dapat dijalankan dengan sempurna dan tidak diambil kesempatan oleh pihak pembangkang untuk sentiasa mencari ruang bagi merewang.

Terima kasih dan tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana sedikit sebanyak dapat membantu menjawab soalan rumah mampu milik rakyat dalam kawasan saya. Walau bagaimanapun, saya masih mengharapkan 4 lagi FELDA segeralah bertindak untuk mengadakan perbincangan untuk memastikan ada usaha yang dibuat untuk rumah generasi kedua dalam FELDA masing-masing. Jika tiada, umumkan tiada tapak untuk mereka kerana ini bukan zamannya untuk kita rasa selesa meneruskan cara kerja yang ada atau dengan hanya jawapan untuk berlapang dada. Kalau tapak tanah telah ditanam sawit untuk menjadi hasil FELDA, bimbang penyusutan hasil maka perlu fikirkan cara dan jalan lain bagi menampung hasil yang ada akibat pengambilan tanah untuk tapak rumah generasi kedua. Ambil langkah proaktif dengan membuat pengumuman yang tepat pada mereka khususnya kawasan saya supaya mereka memahami kerana mereka mempunyai kumpulan dan ahli. Jangan nanti mereka membina sendiri perumahan dalam kawasan FELDA,

kemudian menjual atau menyewa antara satu dengan lain barulah kita nak bertindak. Anak-anak ini akan datang kepada wakil rakyat untuk meminta sokongan dan sebagainya. Wakil rakyat pastinya akan berbincang dengan pihak pengurusan dan sebagainya. Jadi eloklah FELDA membincangkan perkara ini secara khusus dan mendalam dengan penjelasan yang bukan hanya sekadar untuk GPW, MBFM, libatkan mereka yang tidak terlibat dengan NGO's kerana mereka juga perlu diberi perhatian. Saya amat memahami keadaan EXCO ini yang menjaga 18 jabatan di bawahnya. Yang sering berdepan dengan persoalan ini dan jawapan EXCO bukan untuk saya tapi untuk rakyat di luar sana. Selain dari itu, perumahan untuk kakitangan FELDA juga harus diberi perhatian. Perumahan untuk selepas tamat perkhidmatan atau rumah kakitangan yang sedia ada juga amat menyedihkan. Oleh itu, ayuhlah FELDA, kita bukan hanya sekadar di sini, maka secara tidak langsung kita akan turut serta bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pelan Suara Hati Johor bagi menyediakan pembangunan yang pro-rakyat. Atau, dengan kata lain menyediakan rumah mampu milik dan kita sahutlah kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ini bukan zaman retorik lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soal keselamatan adalah perkara yang sangat serius. Kebanjiran pekerja asing, kedatangan pendatang tanpa izin sebenarnya adalah penyumbang kepada peningkatan jenayah. Kekurangan anggota pasukan keselamatan turut menambah kebimbangan rakyat saat ini. Dadah yang di seludup, dadah yang dirampas, di edar dalam pelbagai bentuk, lambakan pelbagai dadah sintetik masa kini turut menakutkan kita. Adalah dicadangkan agar kita bersama-sama membantu pasukan keselamatan dan pasukan keselamatan pula hendaklah membuat permohonan bagi menambah bilangan anggota dengan mengubah nisbah bagi setiap anggota sesuai dengan suasana pada hari ini. Saya merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada PDRM kerana pondok Polis yang dijanjikan di dalam kawasan saya nampaknya Alhamdulillah, telah mula wujud dan beroperasi, syabas diucapkan. Dan, saya yakin dan percaya ini adalah tanda kepada usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan Barisan Nasional negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang ada pada hari ini telah pelbagai perkara dilakukan dalam menentukan soal kesejahteraan dan juga keselamatan demi menjamin kesejahteraan rakyat. Di samping itu juga, marilah kita bekerjasama dengan AADK bagi mengetahui jenis-jenis dadah terkini dan jangka masa penggunaan dadah sintetik kini yang ada dalam pelbagai bentuk. Tahniah kerana Johor terus berusaha menyediakan Johor yang selamat. Dan pertambahan CCTV, pertambahan rakan cop, KRT dan perwujudan pondok polis di komuniti dalam kawasan seiring dengan kehendak rakyat seperti penjelasan Yang Amat Berhormat di dalam Pelan Suara Hati Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, marilah kita lihat perkara 74 dan 75 tilah ke bawah Duli Tuanku. Kesejahteraan hidup yang kita dapat pada hari ini adalah hasil usaha dan persefahaman yang telah dibentuk oleh ibu-bapa kita yang terdahulu. Oleh itu, ingin saya ingatkan kepada semua rakyat di Negeri Johor

ini supaya terus hidup bersatu padu dan menjaga keamanan serta kemakmuran negeri kita. Bermuafakatlah dalam segala urusan dan amalkan budaya hidup yang beradab sopan, hormat-menghormati dan saling bantu-membantu antara satu dengan lain tanpa mengira agama, bangsa ataupun warganegara. Ini adalah perkara utama yang kita semua mesti sedar, negara aman, pelabur ramai, ekonomi stabil, kita berpolitik pun stabil. Janganlah kita semua menjadi pengkhianat kepada negara kita sampai menarik pelbagai pelaburan yang datang dan berpolitiklah tapi jangan sampai merosakkan negara. Inilah Malaysia tanah air kita yang kita cintai satu-satunya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk akhirnya Penawar ingin mengingatkan bahawa dalam apa jua bentuk yang kita lakukan maka semuanya diantara kita mempunyai prinsip. Jadi kita kena ingat prinsip masing-masing. Akhirnya Yang Berhormat Datuk Speaker, Penawar mohon menyokong.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gan Peck Heng (Penggaram) : Selamat Petang dan Selamat Sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana memberi peluang untuk membahas rundingan menjunjung kasih ke atas titah Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Kedua Dewan Negeri Johor Ke-13.

Yang Berhormat Datuk Speaker, teguran Duli Yang Maha Mulia Sultan, perkara 38 dan 55 kita rujuk. Saya ingin membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan. Pada 19 Mac tahun ini, di antara jam 4.30 hingga 6.00 petang, banjir kilat sekali lagi melanda di kawasan Batu Pahat di Jalan Setia Jaya, Jalan Flora Utama 2, lorong Jalan Rotan Duduk hujung Jalan Parit Ahmad, Jalan Parit Lada Hitam, Jalan Bukit Pasir, Jalan Tan Sri Ho, Taman Emas, Taman Hajat, Kampung Parit Lapis, Taman Tanah Merah, Taman Sri Jaya di kawasan Batu Pahat. Antara tempat yang berlaku banjir kilat ini, kebanyakan terdapat projek perumahan di persekitaran ataupun berada di sisir parit. Usaha menaik taraf infrastruktur sewajarnya dipertingkatkan dengan segera. Setiap projek perumahan hendak mewujudkan kolam penampung air hujan mengikut peraturan PBT. Di samping itu, parit-parit besar seperti Parit Ahmad, Parit Lada Hitam harus di naik taraf. Di sebabkan banyak taman-taman telah dibangunkan di persekitaran, kapasiti parit tersebut tidak mampu menampung air dari taman-taman semasa hari hujan. Kerja pembersihan parit dan longkang juga perlu dijadualkan di tempat-tempat yang sering berlaku banjir di seluruh negeri Johor. Saya berharap langkah-langkah akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah yang selalu mengganggu kesejahteraan hidup rakyat yang berterusan ini. Dan, juga berharap JPS, PBT, JKR dan semua pihak yang berkaitan akan menguatkuasakan memantau projek-projek perumahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai Hutan Lipur Gunung Soga, Batu Pahat. Saya bersyukur di

Batu Pahat terdapat sebuah hutan lipur dan rekreasi semula jadi. Tempat ini dijadikan tempat bersenam dan riadah kepada penduduk tempatan. Walaupun papan tanda amaran menjaga kebersihan dan keselamatan telah dipasangkan tetapi tahap kesedaran sivik yang rendah turut dikesan berlaku di kawasan hutan lipur.

Saya telah mendapat beberapa aduan daripada pengunjung bahawa orang awam telah membuang beratus-ratus anak ikan keli ke kolam hutan lipur. Setelah tinjauan, saya mendapati pembiakan ikan keli tersebut telah merosakkan kejernihan dan keindahan air kolam. Kekurangan makanan telah mendatangkan berbunuh-bunuhan antara anak ikan keli. Dan saya juga mendapati puntung-puntung rokok dan sisa-sisa makanan dibuang di sekitar hutan tersebut. Pengunjung merasa bimbang kelakuan merokok dan membuang puntung-puntung rokok akan mengakibatkan kebakaran. Juga terdapat orang awam yang tidak bertanggungjawab memberi makanan kepada monyet-monyet dan telah mengganggu keamanan pengunjung.

Oleh sebab itu, saya bercadang papan tanda amaran dilarang merokok dan dilarang membawa makanan masuk sepatut dipasangkan. Sikap tidak bertanggungjawab itu bukan sahaja mengundang penyakit yang membawa maut malah dibimbangi menyebabkan negara kehilangan destinasi pelancong kerana kerosakan ekosistem dan kebimbangan pelancong mengunjungi. Yang Berhormat Datuk Speaker, pengunjung-pengunjung juga meminta Jabatan Perhutanan mengambil tindakan membersihkan sungai kecil dan kolam yang penuh dengan daun-daun dan ranting-ranting kering. Susunan tangga di tempat keadaan basah juga diperlukan. Saya meminta Jabatan Perhutanan Negeri Johor akan mengambil berat dan menguatkuasakan dan memantau kegiatan setiap pengunjung bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan di dewan yang mulia ini adalah mengenai Perbadanan Perpustakaan Awam Johor. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor telah menguruskan sebanyak 64 buah perpustakaan yang meliputi sebuah perpustakaan ibu pejabat, 14 buah perpustakaan cawangan dan 49 buah perpustakaan desa. Jumlah peruntukan yang diterima dari kerajaan negeri Johor dalam tempoh 14 tahun iaitu daripada 2000 hingga 2013 adalah sebanyak RM36 juta dan daripada kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM19.25 juta. Mengikut keputusan Majlis Kewangan Negara 1991, kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri menanggung bersama perbelanjaan mengurus PPAJ pada nisbah 50 kepada 50. Peruntukan kerajaan negeri adalah khusus untuk perbelanjaan mengurus dan pembiayaan program yang dianjurkan oleh PPAJ seperti Program Galakan Membaca. Tiada peruntukan daripada kerajaan negeri untuk pembelian buku. Jika mengikut keputusan Majlis Kewangan Negara 1991, peruntukan kerajaan Persekutuan sepatutnya mengeluarkan jumlah yang sama dengan negeri Johor iaitu RM36 juta. Bermaksud kerajaan Persekutuan perlu membayar baki sebanyak RM16.75 juta. Adakah kerajaan negeri akan

menuntut baki tersebut untuk menambah baik atau menaik taraf perpustakaan –perpustakaan di dalam negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kurang tabiat membaca di kalangan rakyat Malaysia sememangnya membimbangkan. Rakyat Malaysia secara purata hanya membaca 8 buah hingga 12 buah buku setahun. Golongan remaja dan dewasa kini lebih menjerumuskan ke arah hiburan berasaskan digital. Dengan memupuk suasana membaca dapat membawa manfaat kepada masyarakat khasnya golongan remaja kerana membaca turut menawarkan kaedah senaman minda yang berkesan. Dapat mempertingkatkan pendidikan dan kualiti hidup.

Oleh sebab itu, cabaran negeri adalah berusaha untuk membentuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat khususnya golongan pelajar. Kerajaan negeri sepatutnya berusaha untuk memastikan perpustakaan awam kita yang mempunyai infrastruktur yang sempurna dan menyediakan kemudahan yang lebih selesa seperti Internet, komputer dan penghawa dingin dan juga membekalkan satu suasana baik untuk menarik minat pengunjung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, laporan daripada ibu-bapa yang kami YB-YB PR terima seperti kami tidak percaya sehingga kami menyaksikannya sendiri dengan kehadiran kami ke Perpustakaan Batu Pahat yang terletak berhampiran pejabat kerajaan dan sekolah. Perpustakaan Awam Batu Pahat kini berada dalam keadaan yang teruk. Bumbung perpustakaan telah bocor dan rosak. Kebanyakan siling di dalam perpustakaan telah jatuh, permukaan dinding ruang kanak-kanak telah dimakan anai-anai, rangka tingkap di ruang kanak-kanak telah tanggal, kerusi dan meja rosak, penghawa dingin tidak berfungsi, kipas elektrik yang kehilangan penutup rangka besi masih dipakai lagi. Perasaan hiba dan kesal terus menusuk ke lubuk hati kami. Perpustakaan ini telah merosakkan imej Perbadanan Perpustakaan Awam Johor dan juga imej kerajaan negeri Johor. Adakah keadaan ini membawa keselesaan pengunjung untuk memudahkan dapat ilmu dan menjadi warga yang bijak serta beradab. Saya telah diberitahu oleh pihak tertentu bahawa keadaan ini tidak dapat di baik pulih dalam masa yang singkat disebabkan peruntukan daripada kerajaan Persekutuan semakin berkurangan dan lewat diterima. Di sini saya berharap Perbadanan Perpustakaan Awam Johor dapat mengambil berat keadaan perpustakaan ini dan mengemukakan permohonan peruntukan yang diperlukan setiap tahun kepada PNM (Perpustakaan Negara Malaysia). Sebagaimanapun keputusan Majlis Kewangan Negara 1991. Dan, Penggaram juga ingin mendapat satu laporan meliputi penerimaan peruntukan pengurus kerajaan negeri dan kerajaan perpustakaan negara pembelian buku mengikut kategori di PPAJ ibu pejabat, cawangan dan desa, statistik kehadiran, statistik pinjaman yang terkini dari Dewan yang mulia ini.

Saya berucap tahniah kepada Kerajaan negeri Johor kerana buat pertama kali mempunyai baki lebihan sebanyak RM485 juta. Di sini saya akan berasa besar hati jikalau Kerajaan akan memberi peruntukan dari sebahagian baki lebihan ini

untuk memajukan dan menaik taraf Perpustakaan Awam Negeri Johor. Sekian, terima kasih. Dewan bertepuk.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Penggaram. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Datuk Speaker, selamat petang dan salam sejahtera. Johor Jaya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Johor Jaya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan Yang Mulia ini. 3 isu yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini adalah isu yang amat penting dan berkaitan dengan kehidupan harian penduduk-penduduk negeri Johor khususnya Johor Jaya. Ketiga-tiga isu ini adalah isu jaringan Lebuh Raya Pasir Gudang, isu kemalangan jalan raya dan isu keselamatan ataupun kadar jenayah.

Yang Berhormat Datuk speaker, semua pihak memainkan peranan penting demi pertumbuhan ekonomi yang pesat di Negeri Johor tanpa mengira pihak Kerajaan atau pihak swasta. Namun pihak Kerajaan sentiasa bertanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur awam dan memastikan kemudahan infrastruktur dalam keadaan yang berkesan.

Lebuh Raya Pasir Gudang adalah salah satu jaringan pengangkutan yang utama dan amat penting di Johor Bahru. Lebuh raya ini menjaring kedua-dua pelabuhan penting iaitu Pasir Gudang dan juga Tanjung Pelepas. Lebuh raya ini memang sering mengalami masalah kesesakan lalu lintas sejak 10 tahun yang lepas, dan usaha menyelesaikan masalah ini di Lebuh Raya Pasir Gudang projek menaik taraf Lebuh Raya Pasir Gudang dari 4 lorong ke 6 lorong telah dijalankan sejak bulan Julai pada tahun lepas. Projek ini akan dijangka siap pada bulan September 2015. Projek ini memang akan menyelesaikan kesesakan lalu lintas pada masa depan namun apa yang mengecewakan pengguna jalan raya bukan sahaja projek ini dilihat ketinggalan tetapi juga langkah-langkah keselamatan yang tidak sempurna dan tidak diambil dengan tegas semasa projek dilaksanakan.

Keselamatan pengguna jalan raya harus diutamakan apabila apa-apa projek menaik taraf dijalankan. Tiada lampu atau papan tunjuk yang mencukupi untuk menunjukkan kerja yang sedang dilaksanakan. Selain daripada itu, sebahagian persimpangan jalan di depan jambatan Taman Daya telah ditutup sejak bulan Januari dengan alasan bahagian jalan tersebut mengalami jalan berlubang yang serius dan diperlukan tutup buat semula bahagian tersebut dan dijangka siap dalam 2 bulan, namun sudah hampir 6 bulan jalan tersebut ditutup dan masih belum siap diselesaikan. Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan negeri mengambil berat tentang isu kesesakan lalu lintas ini yang diakibatkan dengan

kelewatan projek kerja di bahagian persimpangan Taman Daya. Hal ini telah membawa kesusahan kepada rakyat dengan membazirkan masa pengguna jalan raya. Oleh sebab pengguna jalan tersebut, kesesakan ini bukan sahaja berlaku pada waktu puncak tetapi berlaku pada bila-bila masa.

Pihak Kerajaan haruslah memantau dan memastikan projek-projek pembinaan siap dalam tempoh yang telah ditentukan dan kualiti kontraktor harus dikenal pasti. Pembinaan tersebut harus dijalankan dengan tender terbuka dan tindakan denda harus dikenakan bagi kontraktor yang tidak dapat memenuhi syarat ataupun siap sesuatu projek dalam masa yang tertentu demi memastikan kualiti dan keberkesanan setiap kontraktor. Sekali lagi Johor Jaya ingin menegaskan, projek tersebut harus dilaksanakan dengan sempurna dan siap dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan isu keselamatan pengguna jalan harus diutamakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada isu Lebuh Raya Pasir Gudang saya juga ingin membangkitkan isu kemalangan jalan raya yang semakin meningkat dalam Negeri Johor. Kerajaan negeri harus memberikan perhatian dan tumpuan terhadap isu ini. Mengikut statistik kemalangan jalan raya di Malaysia, nombor bilangan kemalangan yang membawa maut di seluruh negara Malaysia adalah 6,917 kes pada tahun 2012, manakala di Negeri Johor bilangan kematian jalan raya adalah 1,073 kes pada tahun 2012 dan 1,133 kes pada tahun 2013. Ini bermaksud 16% daripada bilangan kematian jalan raya di seluruh negara Malaysia adalah dari Negeri Johor atau dikatakan bagi setiap 6 kemalangan maut yang berlaku di seluruh Malaysia, 1 di antaranya adalah berlaku di Negeri Johor.

Di samping itu, antara bilangan kes kematian di jalan raya tersebut, kematian yang melibatkan motosikal adalah 648 kes pada tahun 2012 dan 695 kes pada tahun 2013 iaitu 60% daripada kematian di jalan raya adalah penunggang motosikal. Ini juga jelas menunjukkan bahawa kematian yang melibatkan motosikal di Negeri Johor telah menyumbang hamper 10% kepada jumlah kematian jalan raya di seluruh Negara.

Ini adalah amat *crusher* dan kita harus tanya kenapa kemalangan jalan raya sering berlaku. Adakah ini disebabkan oleh sikap pemandu yang tidak berdisiplin atau keadaan jalan raya yang tidak sempurna atau terdapat sebab-sebab yang lain. Pihak Kerajaan negeri Johor harus memandang serius berkenaan dengan isu kemalangan jalan raya yang semakin serius ini. 20% daripada kemalangan yang berlaku, adalah di kawasan Johor Bahru Selatan, seperti mana yang kita dapati setiap pagi terdapat ramai penunggang motosikal yang ingin pergi ke Singapura untuk bekerja. Antara kemalangan yang berlaku 2/3 daripada kematian di jalan raya yang berlaku terbabit dengan kenderaan motosikal, dengan ini lorong yang khas untuk kenderaan motosikal harus disediakan terutamanya di kawasan kemalangan sering berlaku. Dengan perancangan yang teliti terhadap menyediakan lorong khas

untuk motosikal, saya pasti kemalangan jalan raya terbabit dengan motosikal dapat dikurangkan.

Tidak dapat dinafikan bahawa salah satu faktor di mana kadar kemalangan jalan raya semakin tinggi adalah disebabkan dengan perkhidmatan pengangkutan awam yang masih belum sempurna dalam negeri ini, dengan ini rakyat terpaksa menguasai kenderaan sendiri terutamanya golongan pendapatan sederhana atau rendah, mereka terpaksa menguasai pengangkutan sendiri iaitu motosikal untuk kehidupan dan pekerjaan harian, ini sebablah kemalangan jalan raya yang terbabit dengan motosikal amat tinggi. Tiada pengangkutan awam yang selesa dan efisien untuk kegunaan awam. Hal ini bukan sahaja bagi mereka yang perlukan kenderaan untuk bekerja, juga bagi mereka terutamanya golongan tua atau warga emas yang amat memerlukan pengangkutan awam semasa mereka ingin mendapatkan rawatan di hospital. Johor Jaya sering mendapat aduan daripada penduduk di mana perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak menepati masa dan tidak melalui kawasan perumahan Johor Jaya mengakibatkan penduduk terpaksa menaik pengangkutan awam lain yang berkos tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sempena tahun pelancongan negara iaitu *visit Malaysia 2014* adalah tanggungjawab bersama untuk memastikan Negeri Johor dapat menarik pelancong-pelancong dari luar Negara. Usaha untuk menarik pelancong bukan sahaja dengan menyediakan tempat pelancongan yang menarik tetapi juga tempat yang selesa, aman, damai dan yang lebih penting iaitu kadar jenayah yang rendah demi memberi rasa selamat kepada orang ramai. Kawasan Johor Jaya dianggap sebagai salah satu kawasan *hot spot* dalam usaha membanteras jenayah, Johor Jaya mendapati terdapat perancangan dan bajet untuk memasang *CCTV* di kawasan Johor Jaya. Namun begitu, pemasangan ini masih ditunggu lagi untuk penduduk kawasan Johor Jaya. Melalui Program Bandar Selamat, peruntukan telah diberi untuk pemasangan *CCTV*. Program ini pun telah dilaksanakan pihak Majlis di tempat terpilih. Persoalannya, keberkesanan bagi *CCTV* yang telah dipasang atau sedia ada tidak kira dari pihak Majlis, pihak Iskandar Malaysia ataupun pihak PDRM, bagaimana semua pihak bekerja sama untuk memantau jenayah melalui pemasangan *CCTV* yang sedia ada? Adakah semua pihak menyepadukan dengan izinnya dikatakan *integrated* dengan semua *CCTV* yang telah dipasang oleh pihak yang berlainan? Selain peruntukan dari KPKT bagaimana dengan usaha pihak Majlis masing-masing dalam membanteras jenayah?

Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan kos sara hidup dan harga perumahan yang semakin tinggi Program Perumahan Rakyat dan rumah pangsa awam yang disewakan oleh pihak Kerajaan harus diuruskan dengan sempurna. Rumah tersebut dibina dan disediakan untuk membantu rakyat yang tidak berkemampuan memiliki rumah iaitu isi rumah kurang daripada RM2,500.00 sebulan. Namun, seperti tadi yang dikatakan oleh Parit Yaani, menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 di bawah Aktiviti Jabatan

Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan, apa yang mengecewakan rakyat adalah pembinaan PPR menghadapi pelbagai masalah termasuk kelewatan menyewakan rumah pangsa. kekosongan PPR dan mengakibatkan vandalisme dan juga syarikat swasta yang menguruskan PPR lewat menyerah bayaran balik kutipan hasil sewa rumah kepada Kerajaan negeri. Kesemua masalah ini mengakibatkan pihak kerajaan terpaksa menanggung kos kerugian, sebagai contoh pihak Kerajaan terpaksa menghadapi kerugian RM61,455.00 bagi tempoh kekosongan antara bulan Jun 2009 hingga Jun 2013. Johor Jaya berharap pihak Kerajaan mengambil tindakan yang tegas dan proaktif dalam mengurus PPR terutamanya terhadap syarikat swasta. Tindakan yang sewajarnya harus diambil sekiranya syarikat swasta tidak menepati perjanjian yang telah ditetapkan. Pihak Kerajaan tidak harus menanggung kerugian yang disebabkan oleh syarikat swasta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila kita mempertahankan nilai undi saksama tetapi pihak Barisan Nasional pula masih ingin menjarakkan kuantiti pengundi antara kawasan bandar dan luar bandar ini sebabnya Barisan Nasional dapat mengekalkan sebagai Kerajaan Persekutuan pada Pilihan Raya Umum Ke-13. (Dewan Bertepuk)

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata selaku wakil rakyat yang diberi amanah oleh pengundi, kita haruslah menyuarakan masalah yang dihadapi oleh pengundi dalam Dewan Yang Mulia ini dengan perkataan budak telah menunjukkan sikap diskriminasi dan menafikan kebolehan dan kemampuan terhadap seseorang dan jangan lupa bahawa Perdana Menteri kita terpilih sebagai Ahli Parlimen pada umur 22 tahun. (Dewan bertepuk). Usia bukanlah satu isu kerana masa dapat membantu seseorang memperolehi pengalaman oleh itu, kita seharusnya saling hormat menghormati antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, kaum atau parti politik. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Johor Jaya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sementara Persidangan kita ini hingga jam 3.50 minit petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.30 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 3.50 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker : Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Sila YB Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, selamat petang dan selamat sejahtera, Yong Peng mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan

Johor sempena Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Ke dua Dewan Negeri Johor Yang ke-13.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yong Peng amat bersetuju setiap perkara yang disuarakan oleh rakyat hendaklah diambil perhatian dan dibincangkan dalam suasana yang harmoni. Apa juga cadangan yang baik untuk rakyat hendaklah disokong dengan jujur dan ikhlas walaupun ia datang daripada pihak yang berlainan parti. Pikul segala amanah dan kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat dengan penuh tanggungjawab tanpa mengira latar belakang agama, bangsa atau parti politik.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Tempatan yang memainkan peranan yang penting yang memastikan kesejahteraan hidup penduduk di bawah pentadbiran setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Malangnya, Yong Peng mendapati ada segelintir pegawai yang memihak kepada parti pemerintah dan tidak peduli aduan penduduk yang dibuat melalui pusat khidmat ADUN parti pembangkang. Banyak aduan atau permohonan yang dikemukakan sama ada belum selesai atau diabaikan. Satu kes berlaku pada Mei 2013, satu kontraktor Majlis Daerah Yong Peng telah mengakibatkan barang jualan seorang peniaga di stesen bas Yong Peng telah basah akibat terkena air hujan. Pegawai Majlis Daerah Yong Peng berjanji bahawa kontraktor tersebut akan membayar pampasan. Namun, janji tinggal janji sehingga sekarang dan bukan janji ditepati. Lagi satu contoh, jalan rosak di Taman BCB Yong Peng sudah 2 tahun belum diturapkan semula atau dibaiki. Adakah Kerajaan Tempatan hendak tunggu ada kemalangan yang boleh membawa maut baru nak buat sesuatu tindakan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yong Peng ingin membawa perhatian ke Dewan Yang Mulia Ini, bahawa Majlis Daerah Yong Peng telah menjalankan penilaian semula nilai harta di bawah pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng. Memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu serta harga barang yang makin naik yang membebankan rakyat, saya menyeru Majlis Daerah Yong Peng mengkaji kadar cukai harta yang dikenakan supaya cukai harta yang dikenakan selepas penilaian semula tidak melambung tinggi dan membebankan rakyat. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Ahli Majlis Daerah yang dilantik perlu mengambil berat setiap aduan dan permasalahan di kawasan pentadbiran masing-masing itulah skop kerja dan SOP dengan izin yang perlu dipatuhi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan negeri Johor diminta mempertimbangkan penubuhan pusat jagaan anak-anak di setiap agensi kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan serta bangunan Dewan Negeri ini. Ini bagi memastikan keselamatan dan keselesaan selain dapat memberi lebih kemudahan kepada ibu bapa untuk memantau anak-anak kecil mereka. Selain itu, jiwa kakitangan awam yang bekerja lebih tenang dan dapat menumpukan sepenuhnya perhatian kepada kerja. Yong Peng juga memohon kerajaan negeri untuk turut memberi subsidi kepada syarikat yang mewujudkan

pusat asuhan anak-anak untuk pekerja mereka. Justeru, golongan ibu berpeluang untuk kembali menyumbang dalam pasaran tenaga kerja dan tidak perlu berhenti selepas melahirkan anak kerana perbelanjaan pusat asuhan anak-anak meningkat terlalu tinggi dan tidak dapat ditanggung sepenuhnya oleh pendapatan mereka.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, masalah wanita pada zaman ini agak kompleks, ramai wanita yang berkelulusan dari universiti terpaksa menjadi suri rumah kerana selain kos penghantaran anak-anak ke pusat jagaan agak tinggi, ibu juga bimbangkan tentang tahap keselamatan anak-anak mereka di pusat jagaan. Wanita yang memasuki universiti adalah ramai tetapi di pasaran kerja hanya ada kira-kira 40% sahaja yang diisi oleh wanita, keadaan ini agak membimbangkan kerana wanita juga memainkan peranan penting dalam aspek ekonomi keluarga jika dibiarkan kita yakin bakat dan potensi wanita yang berkelulusan tidak dapat digunakan untuk menjana ekonomi keluarga dan negara umumnya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berdirinya saya di sini adalah sebagai wakil rakyat kawasan Yong Peng bagi tahun kedua sejak setahun lalu, saya mendapat kerjasama yang daripada kakitangan agensi-agensi kerajaan di Yong Peng. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Daerah Yong Peng di atas kerjasama yang diberikan. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah pihak Bomba Yong Peng yang bertungkus lumus menangani kebakaran semasa musim kemarau yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak JKR yang sentiasa peka dan prihatin terhadap aduan yang saya ajukan berkaitan jalan berlubang di antara Yong Peng hingga Ayer Hitam. Menurut pihak JKR Batu Pahat, mereka hanya dapat menampal kerosakan sahaja, permohonan untuk menurap semula masih belum diluluskan. Bilakah permohonan ini boleh diluluskan demi keselamatan pengguna jalan ini. Selain itu, tidak lupa kepada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Klinik Kesihatan Yong Peng, Hospital Batu Pahat, Pejabat Kebajikan Batu Pahat, Balai Polis Yong Peng, SWM Yong Peng, SAJ Yong Peng, TNB Yong Peng, JPS Batu Pahat dan Pejabat Tanah Yong Peng serta Batu Pahat. Mereka semua memberikan kerjasama yang baik dan sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, akhirnya Yong Peng menyeru pihak kerajaan mengambil perhatian dan tindakan segera untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu yang saya bangkitkan dalam ucapan saya. Tidak kira kita di sebelah pembangkang atau kerajaan memberi khidmat untuk memberi keselesaan dan kesejahteraan rakyat adalah tanggungjawab bersama. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sekian ucapan saya, terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker : Kenapa pendek sangat ? Kasi panjang mahu pendek. (Dewan ketawa) YB Jorak, jemput.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Bismillahirahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama izinkan saya menyatakan rasa terima kasih , Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan laluan dan keizinan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan untuk rundingan menjunjung kasih titah Baginda Tuanku Sultan di Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-13 ini. Untuk awal ini ingin saya pertamanya ingin menyatakan rasa bersyukur dan kagum juga kerana YB Parit Yaani boleh mengungkapkan perkataan Mutaalbadrin , Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau di Sekolah Agama Negeri Johor yang diasaskan dan diusahakan oleh UMNO, dia tak boleh sebut perkataan Mutaalbadrin ini. Itulah jasa UMNO tentang agama ini. (Dewan bertepuk) Kerana dalam Mutaalbadrin itu disebut banyak perkara soal bab jenayat, muamalat, munakahat, ibadat dan UMNO tak sedikit pun menyorokkan bab-bab ni, tujuannya adalah untuk mendidik orang Islam faham betul-betul dan bila sampai masanya, laksanakan. Jadi, kalau nak tanya apa sumbangan UMNO buat, itulah dia, mungkin akan terlaksana masa akan datang, dan saya teringat pasal kitab Mutaalbadrin ni , Yang Berhormat Dato' Speaker, masa sekolah agama kita darjah 4 masa tu, saya tukang baca kitab maklum sahajalah Mutaalbadrin ni dia tak ada koma, dia tak ada titik, setiap kali baca kitab tu saya kena marah dengan cikgu agama petang ni. Dah meninggal pun dia, kita tak panggil ustaz, kita panggil cikgu jadi. Jadi menyampaikan dengan begitu halus sekali, lembut terang, dan satu perkataan yang selalu saya baca ataupun selalu dia sebut ialah persatuan rakyat Johor dalam bab Taharah berkenaan dengan orang perempuan, halus sekali. Saya pun tak fikirlah kalau Dato' Speaker boleh faham perkataan Persatuan Rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker : Belum mumaiyiz lagi, tak faham. (Dewan ketawa).

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Belum mumaiyiz lagi, Dato' tak faham. Tak faham kena berguru balik semula dengan saya. Jadi, dalam bab Hudud ini tidak ada masalahnya. Yang kita tak berapa nak sokong itu ialah kerana bab Hudud PAS ini. Kalau bab Hudud Al-Quran yang dibawa, jelas, teratur, betul-betul bersedia, tidak ada masalah. Tetapi kita lihat bahawa Yang Berhormat Dato' Speaker, dia nak bawa Hudud PAS ini, tapi dia punya *partner* dia, dengan siapa dia nak bawa. Seharusnya kalau nak bawa ini bersama-sama dengan rakan-rakan yang juga sama agama, sama faham dan sama akidah. Kalau kita nak buat jalan pun, yang mudah, kena setuju, kena bersatu, apatah lagi nak buat hukum Hudud, kena bersatu. Ni bukan hak mana-mana Parti. Duduk betul-betul. Baru-baru ni sibuk dia kata nak bawa pindaan di Parlimen. Kita minta bincang dengan kita. Bila dengar aje kata nak bincang dengan PAS, tarik balik tak jadi nak bawa pula. Jadi macam mana kalau kita nak teruskan usaha-usaha nak membawa Hudud dalam mahkamah syariah kita ini. Kalau banyak kali, dah banyak kali diperkatakan tetapi setiap kali nak di bawa tidak menjadi.

Jadi saya nak boleh simpulkan di sini, lambat pelaksanaan Hudud dekat Malaysia ini ataupun hukum Had ini, pasal pas duduk dengan DAP. Kalau PAS duduk dengan kerjasama dengan UMNO, dengan kita Barisan Nasional, insya-Allah. Jadi esok, dekat-dekat alam kubur, kalau saya ditanya sebagai Wakil Rakyat, apa yang engkau dah buat dengan Hudud ini, saya kata ni PAS ni yang tak mahu duduk dengan kita. (Dewan bertepuk). Dia duduk dengan DAP. Nak seksa, seksa orang PAS ni bukan orang UMNO. Boleh eh Yang Berhormat Dato Speaker macam tu?

YB Dato' Timbalan Speaker : Soalan hukum ini kita pulangkan pada yang ahli.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : ... Kalau tanya saya kata, masalah begini. Dan saya dapati yang keduanya tentang apa yang banyak juga disebutkan Ahli Yang Berhormat seperti tadi yang baru sekejap tadi, Yang Berhormat Yong Peng, ada persoalkan tentang kenaikan harga barang. Semua nak letak atas kepala kerajaan. Timbul tadi soal GST, Yang Berhormat Dato' Speaker. GST ini satu sistem percukaian yang sekarang ini 16% bukan tambah 6% jadi 22%, yang akan menyebabkan kenaikan harga barang. Campur dengan tolak pun dia tak tahu. Kita katakan yang 16% ni tolak 10 tinggal 6. Itu sahaja terangkan kepada rakyat. Kita-kita Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, keluar sana cakap dengan rakyat, 16% sekarang bukan tambah 6. 16 tolak 10 jadi 6. Itu salah satu daripada langkah kerajaan untuk mengurangkan kos harga barang. Tetapi mengikut satu laporan, saya boleh bagi buku tu nanti kalau siapa-siapa yang berminat. Buku yang ditulis oleh seorang Profesor ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dia menyatakan bahawa kenaikan kos harga barang ni, 20% sahaja sumbangan kerajaan penyebab kepada kenaikan harga barang, 20% sahaja. Yang 80% yang menyumbang paling besar sekali ialah peniaga, 80%. Saya baca buku tu dan saya mengambil contoh. Contoh Malaysia, hasil kajian tu dibuat di London di England. Janganlah jauh sangat, bawa balik ke mari, bawa balik ke Jorak lah. Sebagai contoh dia kata, satu orang peniaga pergi beli durian kepada seorang pekebun yang punya dusun. Beli durian dia beli RM5.00 sekilo. Peniaga tu bawa balik, peraih ke peniaga ke bawa balik, jual durian. Berapa dia jual? RM25.00 sekilo. Mana benda alahnya yang *government* pula yang naikkan harga barang tu yang jadi RM25.00? Bila kita tanya kepada dia, macam mana ni barang, durian banyak tinggi RM25.00? Ini Barisan Nasional. Senang aja, dia letakkan segala masalah pada Kerajaan Barisan Nasional. Harga minyaklah apa lah. Kita tak ada kata pun lagi gunakan GST dan sebagainya untuk durian itu. Tak ada cukai pun, tak ada apa pun. Tu satu contoh yang disebutkan dalam buku itu. Senang sahaja analogi dia.

Yang keduanya, dia mengatakan bahawa soal sewa. Saya ambil memang ada satu kedai makan *corner lot*, dengan izin. Dulu 10 tahun yang lalu, sewa RM500.00, sekarang dah kedai macam tu juga sewa naik RM2,000.00. Cukai tak bayar. Jadi pengusaha restoran itu, dia nak jual air kopi berapa? Kerana

dulu dia bayar RM500.00 sewa, sekarang dia kena bayar RM2,000.00 sebulan sewa restoran tu. Dan kenaikan berlaku lebih besar daripada harga gula yang hanya naik RM0.20. Ni peniaga. Sebab itu dia tanya kepada kita dalam buku itu, yang *billionaire, billionaire, billionaire,* dia kata yang banyak-banyak ni siapa dia? Peniaga dia kata. Orang makan gaji yang macam kita yang dapat elaun ni, Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuklah penjawat-penjawat awam, tak ada yang *billionaire*. Peniaga, dan peniaga-peniaga ni berniaga dengan siapa? Dengan orang ke dengan haiwan ke dia berniaga? Dia mesti berniaga dengan orang, kita ini berniaga dengan kita ni. Duit kita yang dia ambilnya. Kalau kita ambil contoh dalam Negara kita ni, kita ni penjawat awam elaun ni baru naik, sibuk kecoh naik RM1,000.00. Macam besar sangat lah. Minta maaflah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Syukur Yang Berhormat.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Alhamdulillah. Muttaalbadrin. (Dewan ketawa).

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Hah, dah terlupa dah. Jadi *billionaire* tadi, kita lihat dalam kawasan kita ni, yang tukar kereta yang besar-besar, yang rumah banglo besar-besar duduk kat *gated*, taman-taman berpagar, Horizon Hills. Siapa ni dia orang ni semua ni? Penjawat awam ke peniaga ke? Yang korporat-korporat besar berniaga ni. Dapat duit daripada mana mereka ni dan keuntungan dia yang dia ambil daripada kita semua orang ramai ni? Tapi tak apa, kita boleh bersetuju kerana negara kita mengamalkan *free market forces* ini. Tapi kalau betul rakyat nak, DAP boleh bawa, kita sokong. Kita *regulate price* betul-betul. Setiap benda nak dijual mesti dapat kelulusan daripada kerajaan. Nak jual apa? Setiap benda nak jual mesti ada dapat *certificate* dulu. Kelulusan daripada kerajaan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jual ubat pun kena juga?

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Kena. Jual paku, jual ubat, jual durian, jual ubat kuat. GST. Dapat kelulusan daripada Kerajaan. *Regulate* betul-betul. Satu persatu dan kita benarkan hanya kurang daripada 10% daripada keuntungan. 6% sahaja kita benarkan keuntungan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak ada Kerajaan dalam dunia yang buat macam tu.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Hah, pasal itulah. Tapi kalau mereka sibuk lagi nak sangat, kita boleh *regulate*, tak ada masalah. Saya setuju saya boleh *regulate*, tak ada hal. Kita boleh *regulate price*. Kalau tak boleh terkawal, semua benda nak salahkan kita. Ok kita *regulate*, kita kontrol semua benda. Yang Berhormat Dato' Speaker, itu mukadimah saya, muttaalbadrin sesi pada petang ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah habis?

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh (Jorak) : Belum lagi, baru nak mukadimah. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memang kagum sekalilah, dengan begitu rancaknya pembangunan dalam Negeri Johor ni. Tempias daripada pembangunan yang pesat itu ialah macam saya di Parlimen Pagoh dalam DUN Jorak sendiri ialah Pembangunan Hab Pendidikan, sebuah bandar universiti yang sekarang rancak sedang dalam pembinaan, yang mana ini merupakan penyumbang kepada modal insan nantinya, tenaga kerja yang akan dapat kita berikan kepada pembangunan akan datang. Khususnya mungkin untuk pembangunan di Wilayah Iskandar ini ataupun di Iskandar Malaysia ini. Pembangunan Negeri Johor ini kita harapkan akan mengambil kira keperluan dan peluang-peluang Rakyat Johor. Nanti jangan sampai, orang Johor mengatakan bahawa mereka hanya sebagai penonton sahaja. Tidak dapat menikmati apakah kemajuan pembangunan yang berjalan dalam negeri Johor ini selalu dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ni.

Sebagai contohnya, kita lihat pembangunan yang begitu pesat sekali. Ada tak kita, maknanya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini juga dapat sama-sama menikmati pembangunan itu. Sebagai contoh, dengan elaun kita inilah, Ahli Dewan ini dah naik dah. Alhamdulillah. Apa agak-agaknya, saya nak tanya ni. Apa agak-agak yang mampu terbeli dengan elaun RM9,000.00 ini? Hartanah? Boleh tak kita beli di Horizon Hills, contohnya. Kita Ahli Dewan yang tolong luluskan tapi kemudian tu tapi bila kita nak beli tak mampu pula. Kita yang luluskan lepas tu kita tak mampu nak beli. Kurang akal kita dibuatnya ni. Tidak ada peruntukan untuk kita.

Kita nampak masjid besar ada dekat sini. Yang Berhormat Dato' Speaker, agak-agaknya apa pembangunan di kawasan sini? Di kawasan dekat dengan masjid ini. Ini lebih spesifiklah kalau dapat kita dengar penjelasan daripada kerajaan. Rumah mampu milik untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadi tak payahlah kita nak pergi sewa hotel, datang daripada Pagoh pagi-pagi buta ke mari. Kalau ada rumah sini, Alhamdulillah. Berkat belajar muttaalbadrin UMNO punya. Tu jangan lupa. Boleh lagi ya, Yang Berhormat Dato' Speaker? Dan apa yang saya nak bangkitkan juga tentang pembangunan yang pesat di Iskandar Malaysia ini.

Saya nak pastikan supaya kerajaan betul-betul pastikan Indeks Kualiti Alam Sekitar ini dalam keadaan yang bersih, sihat dan selamat. Indeks kualiti hidup meningkat tetapi jangan sampai menjatuhkan ataupun mengurangkan Kualiti Indeks Alam Sekitar. Jadi, apa yang saya nak dapatkan kepastian daripada Dewan ini ialah apakah langkah-langkah kerajaan ini nak pastikan pembangunan dalam Wilayah Iskandar Malaysia ini yang lestari yang terbaik, indeks alam sekitar di kawasan ini? Terutamanya dalam kawasan Danga Bay ini, saya boleh bayangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, satu hari nanti kita boleh bayangkan bagaimana bangunan pencakar langit seperti di Hong Kong mungkin, di Manhattan akan terdiri di kawasan sekitar Selat Tebrau ini.

Cumanya seperti yang saya katakan bahawa adakah kita dapat mengekalkan Indeks Kualiti Alam Sekitar kita ini.

Untuk itu Yang Berhormat Dato' Speaker, bila saya melihat pencarian tentang Tambak Johor ini, dikatakan bahawa Tambak Johor ini air dari segi kualiti air di kawasan sekitar tambak Johor itu dikatakan disebut sebagai paling kotor dan menjijikkan dalam Malaysia ini. Bukan dalam negeri Johor, dalam Malaysia. Kualiti air yang paling kotor dan jijik dia kata. Jadi saya harap kerajaan memandang serius perkara ini apakah rancangan kerajaan nak buat dengan tambak Johor ini. Banyak cadangan-cadangan pakar dan saya bersetuju dengan cadangan pakar itu, untuk nak meningkatkan kualiti air laut alir Selat Tebrau ini, saya bersetuju dengan cadangan supaya kita robohkan Tambak Johor ini. Roboh. Tak payah lah buat terowong sana terowong sini ke nak alirkan air. Roboh terus buat jambatan, jambatan lurus ke jambatan lurus bengkok ke bengkok-bengkok ke terpulang. Pokoknya roboh. Supaya air daripada timur barat, barat timur, pasang surut boleh mengalir secara bebas di Selat Tebrau ini. Jadi saya kalau dapatkan nanti penjelasan maklum balas dalam dewan nanti saya nak tau apakah kualiti air di kawasan Tambak Johor ini. Berapa bacaan data, sepuluh, sembilan puluh tahun yang lalu daripada hari ini balik sembilan puluh tahun sepuluh, sepuluh, sepuluh kemudian masa depan pula unjuran akan datang seratus tahun akan datang apakah kualiti air di kawasan Selat Tebrau ini, jika tambak Johor masih wujud lagi kerana kalau kita baca banyak tulisan-tulisan tentang perkara seperti ini kita takut nanti bahawa akan timbul banyak penyakit yang dah tak terkawal dah kerana terlalu kotor. Penyakit JE, dengan macam-macam virus-virus bau akan lahir di tempat itu.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat sila gulung.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak): Dah gulung dah pulak.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah. Banyak sangat cerita tadi.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak): Maaf lah Yang Berhormat Dato' Speaker

YB Dato' Timbalan Speaker : Bagi can rakan-rakan yang lain.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak): Tadi kata semua kata cakap pendek sangat, bila saya cakap ini panjang sangat. Tak apa. Boleh tambah sikit ye. Bagi saya sikit lagi. Saya ingin menyentuh Yang Berhormat Dato' Speaker tentang pendidikan agama, sikitlah. Pendidikan sekolah-sekolah agama dalam Negeri Johor ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tadi dah mutaalbadrin tu agama lah.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Ahh itu.

YB Dato' Timbalan Speaker : Mukadimah.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : *Comprehensing* Islam ini terlalu luas. PAS cakap sikit jek, dia cakap sikit tu yang dia punya apa, iklan lebih. Habuk pun tarak. Cuma gini, bila saya tanya anak-anak yang petang-petang berkeliar saya tanya, kenapa tak pergi sekolah. Dia kata ayah tak mampu. Jadi saya nak tengok kalau boleh kerajaan negeri kalau ada data, berapa ramai anak yang sekolah pagi tak sekolah petang lagi satu, sekolah agama maknanya. PAS tak mampu, Yang Berhormat Dato' Speaker mereka datang jumpa saya bapa jumpa, YB tolong sikit YB, anak nak sekolah ni anak 5 orang gaji seribu, sekolah pagi sekolah petang. Betul nak sekolah? Berapa cukup? Seratus YB seorang. Anak berapa? Lima. Lima ratus. Mutaalbadrin punya pasal, jihad. Alhamdulillah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Alhamdulillahlah banyak pahala YB.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak): Jadi saya nak cadangkan kepada Kerajaan negeri kalau boleh kalau Kerajaan Persekutuan bagi bantuan permulaan sekolah RM100.00 boleh tak Kerajaan negeri beri juga bantuan kepada yang tak mampu, RM100.00 kepada pelajar-pelajar sekolah agama Johor ini. (Dewan bertepuk) Saya ingat itu pun dah popular lah cadangan itu. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker banyak lagi nak sebut tapi oleh kerana masa jadi saya akhir kalamnya, Jorak menyokong usul yang di bawa oleh Pasir Raja. Sekian, Assalammualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) : Bismilahirahmanirahim Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Terima kasih kepada Dato' Timbalah Speaker kerana membenarkan saya untuk menyokong usul junjungan kasih ke bawah Duli Tuanku di atas titah ucapan baginda ketika perbahasan Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Ketiga Belas pada hari Khamis yang lalu. Dato' Timbalan Speaker bila tiba giliran saya nak berucap, Dato' Timbalan Speaker yang bertugas, begitu juga ucapan saya pertama kali pada tahun yang lepas.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak suka ke? (Dewan ketawa)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) : Bukan, suka. Mungkin saya boleh cakap lama sikit kot. Dato Speaker perkara 25 dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengatakan kekecewaan baginda tentang mutu Lebuh raya Senai - Desaru ini pun telah saya timbul pada ucapan saya di tahun lalu yang saya mengatakan lebuh raya ini adalah lebuh raya paling teruk dalam Malaysia. Tapi setelah satu tahun saya tidak nampak peningkatan yang mendadak tentang mutu lebuh raya ini. Kerana saya dapati kerja-kerja membaiki jalan ini kata orang kalau izin dalam bahasa Inggeris *their treating the*

symptoms not the cause. Bermaksud maksud saya, mereka membaiki atau menghapuskan tanda-tanda pada permukaan jalan raya bukan menghapus ataupun menghapuskan penyebab kepada kerosakan jalan raya. Lebuh raya ini juga pada saya tidak siap kerana 1/3 daripadanya cuma satu hala dua lorong ya. Tidak lebuh raya seperti selalunya kurang-kurang dua hala dua lorong. Jadi saya harap perkara ini dapat disegerakan pembinaannya supaya lengkap, saya harap pihak kerajaan dapat berhubung dengan pihak konsesi, kalau pihak konsesi tak mampu carilah konsesi pemegang konsesi yang lebih mampu.

Perkara kedua yang disentuh oleh Tuanku agak panjang lebar daripada, rasa saya perkara 17 hingga 24 mengenai pembangunan industri gas, minyak dan gas di Pengerang di mana baginda nyatakan kekecewaan baginda tentang kurangnya peluang-peluang diberi kepada kontraktor termasuklah pembekal-pembekal malah pekerja-pekerja pun banyak tidak ada juga yang tidak dapat pekerjaan di kawasan yang pesat membangun ini. Jadi saya ingin menyeru kepada pemain-pemain terbesar dalam projek ini, Petronas dan Dialog Berhad supaya memberi penekanan ataupun mengutamakan pekerja-pekerja tempatan yang layak. Maksud saya kalau ada jawatan buruh am itu ambillah pekerja-pekerja tempatan jangan ambil pekerja luar kerana nak untung lebih sikit. Begitu juga peluang-peluang lain seperti kontraktor, kontraktor kecil-kecilan akan diberi kepada penduduk-penduduk tempatan yang berdaftar dan juga kalau tak ada di kawasan Pengerang berilah peluang di luar Pengerang dalam negeri Johor supaya limpahan pembangunan di Pengerang dapat di rasai oleh rakyat Johor di luar kawasan Pengerang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek minyak dan gas di Pengerang ini telah memindahkan atau dalam proses memindahkan lebih 800 rumah ke kawasan baru. Dua buah kampung telah berpindah, tapi saya kecewa dengan mutu kerja kontraktor yang membina rumah-rumah yang mereka duduki ini. Saya ada statistik di sini, di kawasan Kampung Warkah Baik salah satu kampung yang pindah yang dah di arah berpindah kerana rumahnya kononnya sudah siap. Jumlah rumah 75 yang sudah pindah hanya 14. Masih dibaiki 41 buah. Yang selebih 20 dah dapat kunci belum berpindah. Kampung yang kedua yang baru pindah yang di yang telah dapat kunci atau dah arah pindah beberapa bulan yang lalu. Kampung Sungai Kapal, rumah 388 sudah berpindah 94, masih dalam proses di baik pulih 294. Kontraktor membuat aku janji akan menyiapkan kerja-kerja baik pulih ini pada 30haribulan 6, hujung bulan ini. Saya berharap sangat supaya kerja-kerja pembaikan ini dapat disiapkan segera kerana pihak Petronas tidak sabar untuk mengambil alih kampung-kampung yang terlibat itu untuk meneruskan kerja mereka dan orang kampung ini yang belum berpindah tu pun tak sabar untuk berpindah kerana jentera-jentera sudah menunggu berhampiran untuk membuat kerja. Jadi mereka pun dah dapat pampasan dah dapat kunci tapi rumah belum disiapkan ataupun di baik pulih. Jadi saya harap pihak yang bertanggungjawab melantik kontraktor ini supaya membuat kaji semula kalau boleh kontraktor yang selembap ini tidak dilantik lagi. Saya

minta kerjasama supaya kampung-kampung yang akan datang yang berpindah tidak mengalami nasib yang sama.

Selain daripada itu, saya menyeru kepada mereka-mereka yang sangsi bahawa projek Pengerang memang mendapat sokongan rakyat Pengerang. Jadi saya harap pihak yang membantah projek ini supaya dalam bahasa inggeris, *enough is enough* tak payah lah cuba menggagalkan projek ini walaupun mereka berjaya menggagalkan pelaburan dari Taiwan pihak Puo Kuong sehingga sanggup pergi membuat protes di depan istana Presiden Taiwan, jadi hebatlah tahniahlah kepada mereka kerana berjaya menggagalkan pelaburan lebih kurang 40 bilion itu, tapi kadang-kadang dalam bahasa Inggerisnya *blessing in this guys* kerana Puo Kuong dah tarik diri, insya-Allah akan datang ada pelabur-pelabur yang lebih besar akan melabur di Pengerang selain daripada Petronas dan Dialog Berhad. Saya difahamkan di dalam peringkat rundingan insya-Allah projek Pengerang akan lebih maju. (Dewan bertepuk) Tuan-tuan dan puan-puan, masa membantah dulu orang luar datang ke Pengerang membuat demonstrasi kononnya membuat projek ini akan mencemarkan alam sekitar di Pengerang. Tuan-tuan dan Puan-puan,

YB Dato' Timbalan Speaker : YB ini Dewan, bukan mesyuarat. (Dewan ketawa)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) : Apa dia? Maaf. Itu lah pasal Dato' Speaker tukar Dato' Speaker yang original. Maaf Dato' Speaker, bergurau.

YB Dato' Timbalan Speaker : Suruh keluar baru tahu. (Dewan ketawa)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) : Eh, jangan. Saya kenal Dato' Timbalan Speaker lebih 30 tahun, tak kan nak halau saya keluar. Dato' Timbalan Speaker, jadi bantahan ini cukup-cukuplah kerana saya baru- baru ini membawa dua bas rombongan pemimpin masyarakat dari DUN saya ke Kerteh. Walaupun pembangunan industri minyak dan gas di Pengerang jauh lebih besar dari di Kerteh, tapi saya nak tunjuk kepada rakyat di kawasan saya, bagaimana sebuah loji penapis minyak apabila dah siap dari segi bentuknya dan juga limpahan kepada kawasan berhampiran tersebut. Jadi pemimpin-pemimpin masyarakat ini nampak dengan mata kepala mereka sendiri bahawa tidak ada pencemaran pun, sudah lebih 30 tahun loji penapis minyak di Kerteh itu. Dia tunjukkan kita di dalam parit keliling loji itu penuh dengan ikan, pokok buah-buahan hidup dengan segar, ada *sanctuary* rusa hidup seperti dalam habitat mereka. Jadi, mana yang dikatakan pencemaran. Ini semua karut. Jadi saya harap tiada lagi suara sumbang, walaupun saya dengar pagi ini pun ada bantah lagi. Jalan kaki dari Pengerang dia kata nak ke Putrajaya. Pagi tadi saya dapat *watsapp* gambar, sedang berjalan. Jalan kaki dari Pengerang nak pergi Putrajaya, jadi saya dengar pun, lepas dua tiga kilometer, naik kereta lah, lepas tu, giliran orang lain pula berjalan. Saya tak tahu bila lah akan sampai ke Putrajaya. Mengenai kubur Cina, setakat ini hamper satu per tiga telah dipindahkan, ke satu kawasan yang elok, lebih teratur. Walaupun

dibantah, akhirnya dapat dijalankan dibuat secara tertib mengikut adat istiadat orang Cina. Ada satu kubur itu, terjumpa jam *Rolex* setelah digali. Pihak berkuasa mengambil inisiatif memulang kepada waris. Tak ada siapa pun yang membuat kerja-kerja tak senonoh dalam saat sedemikian. Jadi saya tidak nampak, saya harap hentikanlah bantahan kepada projek minyak dan gas ini supaya projek ini berjalan dengan lancar untuk bukan kebaikan orang Pengerang sahaja, tapi untuk salah satu program transformasi ekonomi negara yang sangat besar nilainya kepada negara kita.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, baru-baru ini Dato' Khalid Nordin, Menteri Besar kita, telah melawat ataupun memecah tanah projek rumah mampu milik di Pengerang di mana dalam ucapan beliau, beliau mengatakan, tanah-tanah di Pengerang tidak boleh dijual. Saya mengucapkan tahniah kepada beliau. Beliau kata kalau nak jual boleh, jual kepada Kerajaan negeri. Kerana apa saya sangat menghargai *statement* ataupun kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar ini, kerana broker-broker ramai sangat di Pengerang. Yang nak membeli tanah. Ada seorang di Kampung Punggai itu, telah ditawarkan tanah enam ekar tanahnya dengan nilai satu ekar satu juta. Tapi malangnya pada orang yang nak membeli, dia tidak terpedaya, atau tak terpengaruh, dia tak nak jual. Satu juta satu ekar, tanah milik kekal. Dan lain-lain tawaran yang diterima, ada yang sampai melebihi satu juta pun, dan jika tidak dikawal, tidak dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya yakin dalam masa yang singkat, tanah-tanah di Pengerang akan dimiliki oleh orang luar. Jadi saya sebagai wakil rakyat di kawasan Pengerang menghargai kenyataan yang dibuat oleh Dato' Menteri Besar di Perasmian Projek Perumahan Mampu Milik di Pengerang. Saya dengan itu, ingin menyentuh tanah-tanah ataupun lot-lot tanah yang dikurnia oleh kerajaan ini diberi kepada rakyat untuk membuat rumah, selalunya ada rizab jalan dan sebagainya tapi tidak dibina. Jadi orang yang dapat tanah ini, mereka buat rumah tapi di jalan yang merah, ataupun tidak ada jalan pun, dia pakai buat sendiri, bekalan air tak ada, bekalan api tak ada, jadi dia pun lambat membuat rumah atau akhirnya tunggu lambat sangat prasarana ini nak sampai, kemudahan asas ini sampai, mereka ada yang dah jual. Jadi saya berharap pihak kerajaan sama ada Kerajaan negeri atau melalui Kerajaan Tempatan atau kat tempat saya seperti agensi KEJORA, supaya memikirkan bila tanah ini hendak dikurniakan, dibuat dulu jalan pemasangan paip, bekalan air, dan juga bekalan api, supaya orang-orang yang dapat tanah ini boleh serta merta membuat rumah di kawasan yang di kurniakan kepada mereka. Dato'Timbalan Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Tanjung Surat, satu minit lagi.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) : Satu minit je? Saya ingin menyentuh sikit mengenai Pendidikan Agama Islam Johor, Sekolah Agama Kerajaan Johor merupakan sekolah Pendidikan Islam yang ditadbir urus oleh Kerajaan Johor melalui Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor. Sekolah Agama Kerajaan Johor diwujudkan atas perintah Duli Yang Maha Mulia

Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar untuk memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di Negeri Johor dengan menggunakan perantaraan Bahasa Melayu secara percuma bagi memastikan kanak-kanak Islam di Johor mendapat pendidikan agama yang teratur, sempurna dan dikawal oleh pihak kerajaan. Pelajaran agama Islam yang dijalankan sekolah agama merangkumi akidah, mengikut mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, Fiqah mengikut Mazhab Syafie, iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah, Tasawuf merujuk kepada Imam Al-Ghazali, Ahli Sunnah Wal Jamaah juga, apa yang berlaku sekarang ada ancaman, Negeri Johor khususnya, dan Malaysia amnya, telah diancam dengan ajaran Syiah, Wahabi, Anti Hadis dan lain yang sedang menular. Bukan sahaja di peringkat orang awam, hinggalah di pusat pengajian tinggi. Sekolah Agama Johor hendaklah menjadi medan utama membekalkan ilmu-ilmu Islam yang sebenar, dan sekali gus menjadi tembok utama pertahanan yang kukuh kepada akidah pegangan kita yang berdasarkan akidah Sunnah Wal Jamaah dan semua aliran agama Islam. Kurikulum dan semua sukatan pelajaran hendaklah disusun semula oleh sebuah panel yang terdiri daripada pakar-pakar ilmuwan Islam yang jelas pegangan akidahnya di Malaysia. Bukan sahaja digubal oleh peringkat pegawai dalam Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Jadi saya harap, cadangan ini mendapat pertimbangan Jabatan Agama, supaya kita dapat mendidik ilmu agama kepada rakyat Johor, khususnya rakyat Islam dengan ilmu yang dapat mempertahankan mereka dari ancaman Syiah, Wahabi dan Anti Hadis.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok YB Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dengan ini menyokong usul Menjunjung Kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Sekian, Assalamualaikum WBT.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada Machap untuk berbahas, dalam rundingan menjunjung kasih titah Sultan Johor dalam Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-13. YB Dato' Timbalan Speaker, saya merujuk kepada Perkara 4, di mana Baginda Sultan bertitah bahawa setiap Ahli Dewan sopan menjaga tertib lidah, tutur kata semasa berbahas di Dewan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Dewan Undangan Negeri disebut DUN mahupun Dewan Rakyat adalah tempat yang terhormat dalam sistem demokrasi kerana diduduki oleh wakil rakyat atau Yang Berhormat. Mereka dipilih oleh rakyat kerana rakyat percaya bahawa wakil rakyat yang dipilih mempunyai sifat terhormat boleh memperjuangkan segala agenda rakyat di samping memastikan kestabilan politik negara ini. Sebagai individu yang bersifat terhormat sewajarnya lah mereka menggunakan bahasa yang

melambangkan ciri kehormatan mereka. Perkataan celaka, yang dilafazkan oleh seorang wakil rakyat baru-baru ini tidak melambangkan ciri kehormatan yang sepatutnya ada pada seseorang yang bergelar wakil rakyat atau Yang Berhormat. Ia satu perkataan yang bersifat provokatif yang mendatangkan kemarahan sesuatu pihak. Apakah tidak ada perkataan lain yang lebih sopan yang boleh digunakan oleh YB yang terpelajar, apakah YB tersebut sudah habis kosa kata bahasa Malaysianya, sehingga memilih untuk menggunakan kata-kata rendah nilainya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sepatutnya ketika berada dalam Dewan Undangan Negeri, perkara yang memberi manfaat kepada rakyat perlu dibahas, apabila rakyat biasa melihat Dewan Undangan Negeri telah menjadi tempat untuk melepaskan geram seseorang kepada pihak yang tidak disukai. Selama manakah amalan seperti ini hendak diguna. Di sekolah guru-guru bertungkus lumus untuk memastikan pelajar yang hendak diajar mengamalkan nilai murni, berakhlak mulia, sopan dalam pergaulan dan tutur kata dengan harapan, generasi bangsa yang dilahirkan merupakan generasi bangsa yang berbilang kaum tetapi dapat hidup bersatu hati dan harmoni di dalamnya. Justeru orang politik harus bersikap sederhana dan jangan terlalu fanatik dan bijak menangani sesuatu permasalahan agar tidak terjurus dalam perangkap perkauman dan politik. Kalau perkataan celopar yang dilemparkan kepada sesuatu pihak, maka pihak yang menjadi sasaran itu, yang mempunyai perasaan dan fikiran sudah pasti akan bangkit bertindak balas. Keceloparan yang melampau boleh menyebabkan tindak balas berangkai yang boleh menghuru-harakan keharmonian keadaan. Maka sudah sewajarnya lah YB berbahas dengan fikiran, bukan dengan perasaan. Umum mengetahui bahawa tidak ada seseorang individu pun di negara ini, kita yang melebihi undang-undang negara. Sesiapa yang didapati bersalah sudah pasti akan berhadapan dengan hukuman. Tetapi YB yang berada di dalam Dewan dan Dewan Rakyat kebal dari segi undang-undang sebagai mana peruntukan dalam Perkara 63 dan 72 Perlembagaan Persekutuan. Mereka tidak boleh didakwa diatas apa yang mereka lafazkan di situ. Saya kira sudah sampai masanya pihak bertanggungjawab memikirkan sesuatu untuk mendisiplinkan YB agar perbuatan mereka tidak melampaui batas dan menjadi budaya yang merosakkan kemuliaan Dewan dan sistem demokrasi itu sendiri di mata rakyat.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, titah Sultan, Perkara 55 berkaitan dengan pungutan sampah yang ada kaitan dengan kitar semula. Kita sedia maklum bahawa kitar semula bukanlah merupakan perkara yang baru mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, kitar semula merujuk kepada memungut dan mengasingkan sisa pepejal bagi menghasilkan keluaran. Rata-rata kebanyakan daripada kita telah mendengarnya tetapi memahami dan mengamalkannya adalah cerita lain. Kita mempunyai syarikat tertentu untuk menguruskan soal memungut dan mengasingkan sisa pepejal tetapi kesedaran dalam kalangan orang awam belum memuaskan. Awal tahun ini dilaporkan setiap individu membuang sampah sebanyak 0.8 kilogram setiap hari. Jadi cuba bayangkan berapa

banyak sampah yang dibuang oleh 28 juta penduduk di negara ini dalam masa 24 jam.

Selain itu, pada tahun 2012 kita mencatatkan rekod yang kurang baik, apabila 30 ribu hingga 33 ribu tan sampah secara purata dijana sehari sedangkan jumlah itu adalah jangkaan pembuangan sampah untuk Tahun 2020. Sisa terbanyak ialah makanan, plastik dan lampin pakai buang. Sudah tentu ini berlawanan dengan konsep 3 R. Kita mahu menjadi Negara maju 2020 tetapi mentaliti kita tidak sampai dengan minda Negara maju. Di Negara maju kadar kitar semula secara puratanya melebihi 70% peratus tetapi sedangkan di negara kita kadarnya agak rendah. Jadi sikap kurang peka masyarakat terhadap pengurusan sampah yang boleh di kitar semula boleh menyebabkan negara ini berdepan masalah pengurusan sampah pada masa akan datang. Kita bersetuju dengan pandangan dan langkah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bahawa perlu ada rancangan untuk mentransformasikan minda masyarakat bagi melahirkan generasi yang mengamalkan aktiviti kitar semula dalam kehidupan seharian.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin bercakap sedikit tentang masalah di Machap di mana di kawasan Machap seramai 43,300 penduduk dan seramai 22,000 pengundi di kawasan DUN Machap. Jadi, masalah di Machap ialah bila berlaku hujan lebat tedapat gangguan bekalan air sepatutnya bila berlaku hujan lebat masalah air ini tidak ada masalah, air banyak tapi bila hujan lebat akan berlaku gangguan air kepada seluruh penduduk di kawasan Machap. Bila kita melihat dan meneliti perkara ini kita dapati bahawa punca gangguan ini berlaku disebabkan oleh pencemaran, pencemaran ari Sungai Benut yang merupakan air sungai utama ke loji rawatan air. Di mana bila hujan lebat paras air akan meningkat pada suatu peringkat air telah sampai ke suatu tempat takungan di Renggam. Dia masuk dalam takungan itu dan berlaku pencemaran. Kemudian air ini mengalir menuju ke Loji Rawatan Air melalui kebun di mana kebun itu petani-petani telah mengusahakan tanaman sawit getah dan sebagainya menggunakan racun, kemudian menggunakan baja kimia. Bergerak masuk lagi berjalan menuju ke loji rawatan air, ada tempat ternakan haiwan dan sampai ke peringkat terakhir masuk ke parit di mana perparitan itu yang disalurkan oleh kawasan perumahan di sekitar Simpang Renggam.

Maknanya, banyak punca pencemaran yang masuk dalam air itu. Dan pada tahap pencemaran yang agak tinggi, tahap ammonianya itu pada tahap 7. Pada tahap 7 pencemaran, dalam keadaan biasa ialah 2.5 yang mana air itu boleh kita minum. Bila berlaku perkara ini, maknanya catuan air ataupun air itu akan disekat dengan cara tiba-tiba tanpa pengetahuan kepada pengguna. Bila keadaan ini berlaku pengguna marah kepada SAJ, pengguna marah kepada Wakil Rakyat dan Wakil Rakyat menjadi sasaran kepada kemarahan pengundi. Pada tahun ini 2 kali berlaku ganggu bekalan air, di mana 4 hari. Ada yang telefon, YB rumah saya dah' tak ada air YB. Macam-macam nak basuh, saya nak mandi wajib, mandi sunat dan sebagainya kerana malam

Jumaat YB. Begitu keadaannya. Bila keadaan ini berterusan, tahun ini sudah 2 kali, tahun 2013, 4 kali. Bila tanya SAJ dia kata berpunca daripada pencemaran ammonia yang tinggi. Sampai bila perkara ini nak kita selesaikan? Bila ini berlaku berulang kali akan menimbulkan kemarahan rakyat kepada Wakil Rakyat dan juga Barisan Nasional terutamanya.

Justeru, kita mencadangkan supaya loji air ini dipindahkan ke kawasan yang tidak melalui pencemaran ini. Dan, ada juga cadangan supaya saluran air besar ini daripada tempat yang tidak tercemar terus masuk ke kawasan loji rawatan air dan ada juga cadangan supaya perparitan di kawasan taman perumahan itu tidak melalui kawasan loji rawatan air. Dan juga Dato' Timbalan Speaker, rakyat marah, dia kata bila berlaku pencemaran air dan bila air pun berfungsi, kita dapati bila buka paip air itu, yang keluar ialah air yang kuning, warna karat. Kita tak boleh gunakan air itu sekurang-kurang mungkin 10 liter sebab air yang karat kita tak boleh basuh, tak boleh gunakan untuk minum. Maknanya pembaziran air keluar begitu sahaja. Tapi, mereka kena bayar bil air. Dan mereka minta kalau boleh diperjuangkan supaya mereka tak perlu bayar bil air kerana kesilapan ini berpunca daripada SAJ. Air karat. Ini yang diminta oleh penduduk Yang Berhormat Dato' Speaker.

Kemudian berkaitan dengan Tasik Empangan Machap di Empangan Machap di mana kita telah diberitahu bahawa kawasan itu dah di isytihar tahap kawasan tahap keselamatan 1. Di mana kawasan ini akan di pagar lebih kurang dalam 6 kilometer. Satu masa dulu bila kawasan ini diambil oleh pihak kerajaan untuk dijadikan kawasan tadahan, empangan, pemilik-pemilik kebun telah dibayar pampasan. Tetapi oleh kerana kawasan itu terbiar dan akhirnya pemilik yang dahulu dan juga kemungkinan penceroboh-penceroboh yang lain tanam semula, tanam getah dan tanam sawit. Mereka ambil hasil. Dan sekarang ini bila kawasan itu dilarang sebab atas dasar mereka menanam ada pencemaran pada sisa baja, racun, masuk dalam kawasan empangan itu, kawasan itu dilarang untuk mengusahakan tanaman sebagaimana sebelum ini. Yang menjadi masalah di sini ialah bila kita larang mereka mengambil hasil kawasan yang mereka ceroboh, mereka kata pihak jabatan JPS tidak mengeluarkan 1 garis panduan bila masa atau tempoh yang tidak membolehkan mereka mengeluarkan hasil. Kalau ada larangan itu, banyakkan *signboard* ataupun papan tanda, dan juga mereka ada yang tertangkap, di kuat kuasa dilaksanakan ada yang tertangkap semasa mengambil hasil. Mereka mempertikai, dia kata, "Kenapa saya kena tangkap, yang lain mengeluarkan hasil sawit tak kena tangkap?", begitu keadaannya.

Jadi, dari segi penguatkuasaan harus ditegaskan di sini. Dan juga kita melihat di sini bagaimana ekoran daripada untuk mengelakkan Empangan Machap ini tercemar oleh pengusaha tanaman sawit dan juga getah, kesannya ialah kepada nelayan darat, nelayan darat ini ada 25 orang yang ada lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan. Oleh sebab kawasan ini menjadi kawasan larangan ekoran daripada pencemaran ini, walaupun nelayan ini tidak menyumbangkan kepada pencemaran, oleh kerana kawasan ini telah menjadi

kawasan larangan, mereka juga tak boleh masuk tetapi mereka ada lesen dan sumber pendapatan mereka ialah dengan menangkap ikan di kawasan Empangan Machap. Bila begini keadaannya, mereka minta saya bawa dalam Dewan ini. Dia kata, " YB, saya ada lesen, seramai 25 orang. YB kena memperjuangkan nasib saya", kalau misalnya kawasan ini telah digazetkan sebagai kawasan larangan dan kita tak boleh masuk, maka pihak kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran kena keluarkan surat kepada pihak Jabatan Perikanan melarang mana-mana orang menangkap ikan termasuk yang ada lesen ini, pengusaha yang menangkap ikan yang ada lesen. Kalau begitu, maknanya semua orang tak boleh masuk, memancing atau menangkap ikan di sini, tetapi mereka minta supaya 25 orang yang ada lesen ini diteruskan supaya mereka boleh menangkap ikan, dan tidak disambung bilangannya. Kalau 25 orang ini, seorang dah meninggal maknanya tinggal 24, kalau meninggal lagi tinggal 23 dan seterusnya. Itu yang mereka minta supaya ada pembelaan kepada mereka sebagai nelayan darat di kawasan Empangan Machap.

Jadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya rasa itu sahaja yang perlu saya bercakap dalam Dewan ini. Jadi, saya menyokong usul yang dibawa pada hari ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wbt. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Jemput YB Buloh Kasap.

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana dapat bersama-sama membahaskan Rundingan Menjunjung Titah Tuanku di Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Isu projek perumahan rakyat Daerah Segamat. Yang Berhormat Dato' Speaker saya ingin membangkitkan mengenai isu pembinaan rumah Perumahan Rakyat di Buloh Kasap untuk makluman terdapat dua lokasi yang telah dikenal pasti yang mana ianya amat sesuai untuk dibina rumah rakyat iaitu Mukim Jementah di lokasinya 17 kilometer dari Bandar Segamat. Manakala, satu lagi di lokasi Buloh Kasap iaitu di Batu 7, di sebelah kanan jalan ke Buloh Kasap hendak ke Gemas yang mana kita tahu jaraknya lebih kurang 12 kilometer dari Bandar Segamat. Kedua-dua lokasi ini dan cadangan ini telah pun dimaklumkan kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor melalui surat yang bertarikh pada 9 Julai 2013. Namun begitu, sehingga hari ini belum ada lagi tindakan susulan dari pihak berkaitan untuk dibangunkan kawasan ini sebagai tapak projek perumahan rakyat di Daerah Segamat, malahan status terkini belum ada lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengerti, mungkin juga projek ini tersenarai dalam perancangan. Namun, janganlah terlalu lama terletak di atas

kertas cadangan kerana rakyat di Segamat itu menunggu pelaksanaannya. Saya amat-amat berharap agar segala prosedur dan proses untuk membangunkan perumahan rakyat di Daerah Segamat dapat dipercepatkan dan disegerakan. Hal ini kerana projek ini merupakan harapan rakyat di Daerah Segamat agar mereka mampu memiliki rumah sendiri, terutamanya pekerja-pekerja ladang di daerah itu sendiri. Pekerja-pekerja ladang ketika mereka berkhidmat, mereka duduk di kuarters yang telah disediakan oleh majikan. Namun begitu, apabila tamat perkhidmatan mereka tidak mempunyai tempat tinggal dan memungkinkan mereka menyewa atau menumpang tinggal di rumah keluarga atau ibu bapa atau mungkin berhijrah ke tempat lain demi meneruskan kehidupan mereka. Sebagai wakil rakyat di Daerah Segamat, saya tidak mahu situasi ini berlaku kepada masyarakat di tempat saya kerana pastilah keadaan ini menyuramkan keadaan ekonomi di daerah sendiri. Sebaik-baiknya biarlah dipercepatkan dan mereka tetap tinggal di daerah itu dan dapat meneruskan hidup mereka dengan keadaan yang selesa dan mampu memiliki rumah sendiri.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Panjang lagi?

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Sudah tentu panjang.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ha duduk. (Dewan ketawa). Bagi memberi peluang kepada YB Buloh Kasap untuk berucap di Dewan ini untuk tempoh 2 hari, saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan pada hari ini sehingga jam 9.30 pagi, 2 Jun 2014.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

HARI KETIGA, ISNIN, 2 JUN 2014

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETIGA	ISNIN, 2 JUN 2014	BIL. 5 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannir rahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mulakan Persidangan kita pada hari yang ketiga ini, mudah-mudahan Persidangan kita ini akan dapat berjalan dengan lancar dan dapat memenuhi agenda Persidangan sepertimana yang telah diaturkan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Dato' Haji Saipolbahri bin Haji Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Pembinaan rumah mampu milik di kawasan luar bandar mampu memberi peluang kepada penduduk luar Bandar memiliki rumah berstruktur di samping meningkatkan rasa terima kasih kepada Kerajaan yang memerintah. Setakat mana kesediaan Kerajaan negeri memberi respons kepada kehendak rakyat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru, beliau amat menitikberatkan tentang pembangunan seiring dengan memenuhi keperluan rakyat. Beliau tidak mahu pembangunan yang pesat ini tidak dirasai bersama oleh rakyat. Sehubungan dengan itu, pembinaan rumah mampu milik ini merupakan antara fokus utama terhadap rakyat. Ini adalah kerana rakyat telah mengadu bahawa harga rumah yang melambung tinggi dan juga kekurangan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

Dengan memperkenalkan Dasar Perumahan Rakyat Johor di dalam dan di luar Iskandar Malaysia, keseluruhan rakyat daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan dapat merasainya. Dengan memberi penambahbaikan terhadap dasar ini, pemaju perlu mematuhi dan membinanya sebagaimana dasar agar ianya dapat memberi keselesaan kepada rakyat.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah mewar-warkan kepada umum bahawa jika terdapat pemaju yang gagal untuk melaksanakan projek

komponen kos rendah atau kos sederhana rendah, maka projek mereka itu di seluruh Negeri Johor akan dibekukan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan negeri memandang serius terhadap keperluan pembinaan rumah mampu milik ini kerana terdapat pemaju yang dengan sengaja tidak mahu membina rumah-rumah tersebut. Kerajaan negeri juga memantau dari semasa ke semasa status pemaju di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pemaju yang ingkar. Kehendak rakyat sentiasa didahulukan dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan negeri sentiasa bersedia terhadap kehendak rakyat.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, Kerajaan negeri telah pun melancarkan Sistem Daftaran Rumah secara atas talian atau *online* dengan izin, pada 16 April 2014 yang lepas seperti yang kita janjikan. Ini bermakna rakyat Negeri Johor ini boleh mendaftar untuk mendapatkan rumah kos rendah dan mampu milik di mana-mana sahaja yang ada... yang ada talian Internet, hatta di rumah sendiri sekalipun. Kemudian dalam tempoh 14 hari, mereka perlu ke Pejabat Perumahan Negeri atau di mana-mana cawangan di daerah-daerah untuk tujuan pengesahan dan bayaran pendaftaran sebanyak RM5.00. Untuk makluman, sejak pelancaran e-Rumah Johor sebanyak 9,466 permohonan telah diterima secara atas talian di mana pecahan permohonan jenis-jenis rumah adalah seperti berikut :

1. Rumah kos rendah sebanyak 3,260 permohonan berharga RM42,000;

2. Rumah kos rendah sederhana rendah sebanyak 2,134 permohonan berharga RM80,000;

3. Rumah mampu milik Johor sebanyak 4,072 permohonan.

Pejabat SUK Perumahan tidak lama lagi akan terus turun ke daerah-daerah bagi tujuan mempromosi pendaftaran atas talian tersebut kerana kita faham masalah di luar bandar kemungkinan dari segi kecukupan atau pemahaman tentang Internet agak kurang. Jadi, dengan kaedah itu kita dapat memastikan sama ada golongan sasar kita, golongan pelajar atau golongan mereka-mereka yang perlu didaftarkan perlu kita ambil untuk kita tingkatkan lagi bagaimana permohonan keseluruhan di Negeri Johor. Dengan adanya jangka... adanya angka tersebut, maka Kerajaan negeri akan dapat merancang pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik mengikut keperluan sebenar di sesuatu kawasan. Bagi kawasan-kawasan yang mempunyai permintaan yang tinggi terhadap rumah kos rendah dan mampu milik, maka tanah-tanah di kawasan tersebut akan dipastikan pemilikannya. Sekiranya tiada tanah Kerajaan yang berpotensi untuk dimajukan, maka tanah-tanah milik persendirian akan dibuat Pengambilan Balik Tanah (PBT) bagi tujuan tersebut.

Dengan tertubuhnya Lembaga Perumahan dan Harta Tanah Negeri Johor, maka tugas untuk melaksanakan pembinaan rumah kos rendah dan mampu

milik akan menjadi lebih mudah kerana Lembaga akan mempunyai dana yang khusus bagi tujuan pembelian-pembelian tanah yang berpotensi untuk dimajukan pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik. Lembaga juga boleh melaksanakan sendiri pembinaan rumah-rumah tersebut sama ada secara sendiri atau secara kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain atau pihak swasta yang berminat.

YB Dato' Haji Saipolbahri bin Haji Suib (Bukit Naning) : Soalan tambahan, apakah strategi Kerajaan negeri bagi membantu rakyat berpendapatan rendah yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman bank bagi memiliki rumah kos rendah terutama sekali di Negeri Johor. Apakah strategi yang dilakukan oleh Kerajaan negeri?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Bukit Naning. Yang Berhormat Datuk Speaker, kita memahami masalah penduduk yang kini golongan yang mempunyai tiadanya bank slip dan kebanyakannya pihak bank merupakan... gaji ataupun gaji tetap untuk meluluskan pinjaman. Oleh itu di bawah Kerajaan, kita melalui Unit Perancang Ekonomi telah pun membuat beberapa sesi dialog dengan Bank Negara Malaysia dan bank-bank komersil tempatan untuk mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Pihak bank kita mohon agar dilonggarkan sedikit syarat pinjaman kepada golongan berpendapatan rendah agar mereka ini boleh berpeluang memiliki rumah idaman mereka.

Kerajaan negeri juga melalui kerjasama dengan Kerajaan Pusat akan menambah pembinaan rumah-rumah PPR di seluruh Negeri Johor terutamanya sekali di kawasan di mana permintaan untuk menduduki rumah ini amat tinggi. Dan untuk makluman tambahan dalam Dewan ini, sebanyak 3,800 rumah PPR akan dibina pada 2014. Oleh itu, golongan yang tidak mampu ini akan mendapat pinjaman bank dan boleh menyewa, yang tidak mendapat pinjaman bank boleh menyewa rumah PPR. Selain daripada pihak UPEN sedang mengkaji untuk menjadikan, mungkin ada rumah PPR yang kita akan jadikan sebagai rumah sewa beli. Dan, dasar ini telah kita tentukan di mana lokasi yang sesuai untuk dijadikan rumah PPR sebagai rumah sewa untuk dijadikan sewa beli. Untuk tujuan ini juga, kita juga sedang mengkaji bilanya tertubuhnya Lembaga Perumahan. Kita akan menggunakan kaedah berdasarkan dana yang kita kumpul untuk kita membuat satu dasar sewa beli kepada mereka-mereka yang kurang mampu, selain daripada bekerjasama dengan pihak bank yang akan bersama dengan pihak Lembaga berdasarkan duit ataupun *fixed deposit* yang kita boleh letakkan kepada pihak bank, untuk kita menjadi pihak bank sebagai pengutip bagi rumah-rumah sewa beli yang kita... yang kita ni siapkan.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Tambahan... Terima kasih. Kita tidak harus membina rumah mampu milik hanya berdasarkan untuk meningkatkan rasa terima kasih tetapi berdasarkan kepada keperluan sebenar dan permintaan daripada kelompok berpendapatan rendah dan sederhana.

Daripada statistik Johor 2012, masyarakat India tergolong dalam kelompok pendapatan isi rumah rendah. Apakah polisi dirangka mengikut kawasan sasaran, kelompok pendapatan sasaran dan sama ada ia memberikan keutamaan kepada kumpulan berpendapatan rendah dahulu? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan daripada rakan sebelah... kita dah terangkan tadi soal kita mendapatkan maklumat berdasarkan e-Perumahan tadi. Sekurang-kurangnya kita dapat mengetahui lokasi yang sesuai untuk kita bina rumah mampu milik. Bukan soal terima kasih sahaja tetapi kita daripada maklumat, daripada e-Perumahan itu kita mengetahui soal-soal gaji dan pendapatan tertentu bagi mereka-mereka yang memohon. Dan, kita dah tetapkan dasar di mana berdasarkan pembahagian peratusan ikut kaum dan kita tentukan kaum India dan, atau kaum Cina, Melayu sendiri mendapat pembahagian yang tersusun. Jadi tidak timbul kita meminggirkan golongan berpendapatan rendah, itulah golongan sasaran kita. Sebab itulah pihak Kerajaan ada berbagai polisi untuk kita laksanakan untuk membantu golongan berpendapatan rendah terutama kalau rumah PPR itu sendiri.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 2.

YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah maklumkan akan menambah 100 buah lagi Pasar Nelayan di seluruh Negara dan LKIM telah membina 33 buah pasar nelayan di seluruh Negara. Di manakah 33 buah tempat Pasar Nelayan yang telah dibina oleh LKIM khasnya di Negeri Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat DUN Sungai Balang, pasar nelayan diwujudkan sebagai saluran pasaran alternatif bagi memberi peluang kepada nelayan memasarkan hasil tangkapan mereka secara terus kepada pelbagai peringkat pengguna. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengurangkan tahap penglibatan orang tengah supaya nelayan memperolehi margin pulangan harga yang lebih baik dan menguntungkan serta pengguna mendapat bekalan ikan segar pada harga yang berpatutan. Konsep pelaksanaannya dibina berhampiran dengan kompleks ataupun pusat pendaratan ikan.

Pada ketika ini, terdapat 47 buah pasar nelayan yang dibina oleh LKIM di seluruh Negara. Bagi Negeri Johor, LKIM telah membina 4 buah pasar nelayan di lokasi seperti berikut:

1. Kompleks LKIM Mersing

2. Jeti Persatuan Nelayan Kawasan Pontian, Pontian Besar

3. Jeti Nelayan Kesang Laut, Ledang

4. Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Batu Pahat, Jalan Pantai, Batu Pahat

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) : Soalan tambahan. Mohon dimaklumkan mengenai lokasi pasar nelayan yang sudah dikeluarkan waran pembinaan untuk dilaksanakan bagi tahun 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Datuk Speaker, LKIM telah mengenal pasti 11 tempat untuk dibina pasar nelayan baru. Walau bagaimanapun, pada tahun ini kita telah mengeluarkan sebanyak 5 lokasi untuk pembinaan jeti ataupun pasar nelayan baru iaitu:

1. Jeti Nelayan Sungai Sarang Buaya di Muar

2. Jeti Nelayan Sungai Balang Laut

3. Jeti Nelayan Sungai Rengit

4. Pengkalan Nelayan Tanjung Buih, Air Papan, Mersing;

Dan yang akhir sekali,

5. Kompleks LKIM Sedili

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan saya soalan 3.

Nyatakan senarai projek penswastaan dan usaha sama di antara Kerajaan Tempatan dan Negeri dengan syarikat swasta yang sedang dijalankan di Johor dan nyatakan kos, kedudukan, tarikh siap projek tersebut.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Jementah membangkitkan mengenai projek penswastaan dan usaha sama di antara Kerajaan Tempatan dan Negeri dengan syarikat swasta yang dijalankan di Negeri Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Dasar Penswastaan Negeri Johor diwujudkan melalui Pekeliling tetap Kerajaan Johor Bilangan 219 April 1997 bertujuan bagi Kerajaan negeri meneruskan pembangunan atas tanah milik Kerajaan negeri dengan sumber kewangan yang terhad. Melalui penswastaan di antara Kerajaan negeri dan syarikat swasta ini, tanah-tanah kerajaan dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor ataupun SSI dapat dibangunkan dan seterusnya memberi peluang serta ruang kepada masyarakat setempat untuk merasai impak pembangunan tersebut.

Selanjutnya Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 22 September 2010 bersetuju supaya setiap projek yang akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sama ada melibatkan penswastaan atau pelupusan tanah hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan pandangan daripada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor. Permohonan penswastaan daripada syarikat swasta akan diproses berdasarkan kepada cadangan pembangunan dan pulangan yang akan diperolehi oleh Kerajaan negeri. Sehingga kini sebanyak 71 projek penswastaan telah ditandatangani di antara Kerajaan negeri dan pihak swasta. Pulangan kepada kerajaan dibahagikan kepada dua iaitu pulangan tunai dan pulangan *in-kind*. Nilaian bagi kedua-dua bentuk pulangan ini adalah ditentukan melalui penilaian yang dibuat terlebih dahulu oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Johor mengikut cadangan pelan *layout* yang dipersetujui.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, sehingga kini jumlah pulangan tunai yang telah diterima oleh Kerajaan negeri melalui projek penswastaan yang telah ditandatangani perjanjian adalah berjumlah RM171.70 juta. Manakala jumlah pulangan tunai yang masih belum diterima adalah RM1.20 juta iaitu hanya 0.69% perbezaan pulangan tunai yang masih tertunggak berbanding pulangan tunai yang telah diterima. Manakala pulangan berbentuk *in-kind* yang telah diterima oleh Kerajaan negeri melalui projek penswastaan yang telah ditandatangani perjanjian adalah berjumlah RM2.80 bilion. Ini melibatkan projek-projek seperti pembangunan bercampur, perumahan, perdagangan, infrastruktur dan lain-lain pembangunan. Manakala pulangan *in-kind* yang masih belum diterima oleh Kerajaan negeri adalah berjumlah RM65.90 juta iaitu 2.35% pulangan *in-kind* yang belum diterima berbanding pulangan *in-kind* yang telah dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri sentiasa memantau pulangan projek-projek penswastaan bagi memastikan pulangan tunai dijelaskan dan pulangan *in-kind* melalui pembangunan yang telah dirancang dilaksanakan sebagaimana yang telah termaktub di dalam perjanjian. Ini dapat dibuktikan melalui penurunan tunggakan hasil Kerajaan negeri pada tahun 2013 sebanyak 35%. Penurunan tunggakan hasil ini menunjukkan bahawa Kerajaan negeri komited dalam memastikan hasil-hasil milik kerajaan diperolehi melalui proses pemantauan yang berterusan. Sebagai langkah untuk memastikan agar pulangan-pulangan kepada kerajaan dapat direalisasikan, Kerajaan negeri telah mengambil keputusan agar pulangan bagi projek penswastaan yang baru dan akan datang adalah secara tunai bagi menangani masalah tunggakan pulangan *in-kind*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sejak Dasar Penswastaan Negeri Johor diwujudkan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengannya setakat ini hanyalah Majlis Bandaraya Johor Bahru. Sehingga kini sebanyak 10 projek penswastaan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mendapat

kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor. Kebanyakan projek penswastaan yang terlibat menerusi Majlis Bandaraya Johor Bahru ini melibatkan penyewaan tapak tanah milik PBT berkenaan. Bagaimanapun terdapat satu projek penswastaan di kawasan berkenaan melibatkan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 500 unit. Dan, projek ini dijangka memberi pulangan tunai kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru sebanyak RM56.545 juta.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Soalan saya ialah sama adakah pihak Kerajaan negeri atau Kerajaan Tempatan sedar bahawa tandatangan perjanjian antara usaha sama antara pihak kerajaan dengan pihak swasta, selalu kita nampak ada sesetengah pihak yang tidak menunaikan janji seperti yang tercatat dalam perjanjian. Dan, kita telah nampak banyak laporan ini dalam Laporan Ketua Audit Negara dan apakah usaha kerajaan, atau apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan supaya memastikan bahawa semua perjanjian-perjanjian yang telah dicatat dalam usaha sama itu dapat ditunaikan dan apakah tindakan sekiranya tidak ditunaikan. Terima kasih.

YAB Menteri Besar : Perjanjian projek-projek penswastaan yang telah ditandatangani sama ada antara pihak kerajaan dengan swasta atau pun Pihak Berkuasa Tempatan dengan pihak swasta. Dan, seperti yang telah saya jawab tadi atas sebab itulah tunggakan-tunggakan yang sebelum ini amat tinggi kita dapat kurangkan melalui kutipan-kutipan daripada projek-projek penswastaan. Dan, jika kita dapati setelah beberapa masa yang munasabah diberi sama ada projek tidak berjalan atau pun projek tidak mengikut sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian, maka pihak kerajaan tidak teragak-agak untuk membatalkan projek-projek tersebut. Dan hari ini mengikut rekod, kita telah batalkan sebanyak 3 projek penswastaan. Dan, kita akan lakukan perkara itu kerana kita percaya bahawa adalah perlu untuk semua pihak mematuhi perjanjian yang telah dimasuki.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya adalah bagaimana penglibatan anak-anak syarikat berkaitan Kerajaan negeri khasnya Johor Corp dan anak-anak syarikat Johor Corp dalam usaha membina rumah mampu milik khasnya rumah bertingkat dan juga usaha untuk menguruskan strata, rumah mampu milik yang bersifat bertingkatlah, strata?

YAB Menteri Besar : Saya ialah soalan ini jauh daripada perkara soalan yang, tetapi saya hanya nak ambil kesempatan kerana disoal. Kita amat berpuas hati dengan peranan dan sumbangan yang dibuat oleh anak-anak syarikat GLC Kerajaan negeri dalam soal pembinaan rumah mampu milik. (Dewan bertepuk). Kalau tak ada mereka saya percaya banyak rumah mampu milik tak disediakan untuk rakyat. Kerana merekalah kita dapati bahawa hari ini jurang itu tidak begitu besar dan kegagalan membina rumah mampu milik

banyak datang daripada syarikat swasta. Tapi, GLC kerajaan, anak-anak syarikat kerajaan, Johor Land, PIJ sebagainya semua melaksanakannya. Jadi, terima kasih kepada pembangkang kerana membangkitkan soalan itu. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Ha, Yang Berhormat Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, soalan saya, soalan nombor 4.

Dengan ketiadaan trek di Stadium Larkin, apakah pelan jangka pendek kerajaan untuk penyediaan trek balapan di peringkat negeri untuk kegunaan para atlit di Negeri Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Datuk ADUN Semarang.

Kita semua maklum Stadium Larkin secara asasnya telah digunakan sepenuhnya untuk perlawanan bola sepak yang melibatkan pasukan JDT semenjak tahun 2013. Ketiadaan trek dan balapan sedikit sebanyak memang meresahkan sesetengah pihak terutama kepada atlit-atlit olahraga. Kerajaan negeri dan juga Majlis Sukan Negeri Johor menyedari keadaan ini dan telah berjaya untuk merangka pelan jangka pendek bagi mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Semarang, adanya sebuah stadium ianya bukan sahaja untuk menampung segala keperluan atlit bagi tujuan latihan tapi ianya digunakan sebagai lokasi penganjuran Kejohanan Olahraga di peringkat daerah, negeri mahu pun peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat ADUN Semarang, jika kita amati dan kita kaji secara menyeluruh sebenarnya tidak timbul isu ketiadaan atau kekurangan stadium di Negeri Johor. Sebenarnya kita masih banyak stadium yang mempunyai trek dan balapan yang menepati standard kebangsaan iaitu di hampir setiap daerah dalam Negeri Johor mempunyai kemudahan stadium yang hampir lengkap.

Izinkan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, jika saya boleh sebut satu persatu stadium-stadium yang ada di setiap daerah dalam Negeri Johor:

1. Di daerah Batu Pahat, kita ada stadium yang lengkap iaitu Stadium UTHM.

2. Di daerah Muar, kita ada Stadium Muar di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Muar.

3. Di daerah Johor Bahru sendiri kita ada dua stadium yang boleh digunakan iaitu Stadium Universiti Teknologi Malaysia, Skudai dan juga Educity Sport Centre, Nusajaya.

4. Di daerah Kulaijaya di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Kulai kita mempunyai mini stadium Kulaijaya.

5. Di daerah Kluang terdapat dua buah stadium iaitu Stadium Kluang di bawah Majlis Perbandaran Kluang dan juga Stadium Sekolah Tun Hussein Onn.

6. Stadium UiTM untuk daerah Segamat.

7. Di daerah Kota Tinggi sendiri mempunyai stadium di Sekolah Sukan Bandar Penawar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perlu kita semua fahami kemudahan yang ada ini adalah milik kerajaan dan saya yakin sepenuhnya tidak akan timbul sebarang masalah atau pertikaian jika kita ingin menggunakan kemudahan ini dengan permohonan rasmi atau kebenaran bertulis kerana ianya juga milik rakyat dan rakyat berhak untuk menggunakannya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk, selama ini pihak Majlis Sukan Negeri Johor juga mempunyai hubungan yang amat rapat dengan setiap pengurusan-pengurusan stadium ini dan telah bekerjasama bukan sahaja bagi keperluan atlit di seluruh Negeri Johor, tetapi untuk tujuan menganjurkan kejohanan-kejohanan olahraga.

Seperkara lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya boleh bagi contoh; latihan pusat para atlit SUKMA Johor juga telah berlatih di Stadium Sekolah Menengah Tun Hussein Onn, Kluang sebagai pusat latihan peringkat negeri dan Alhamdulillah sehingga pagi ini, atlit olahraga negeri kita telah berjaya membawa pulang 5 pingat emas, 8 perak, 5 gangsa di tempat ketiga, kalau kita lihat dalam acara olahraga keseluruhan hanya dibezakan hanya satu pingat dengan Perak dan juga Terengganu. Kesimpulannya Yang Berhormat Datuk, saya amat yakin bukan hanya bergantung kepada indah atau cantiknya sesebuah stadium tetapi kesungguhan, disiplin serta semangat yang tinggi adalah faktor penentu kepada sesebuah kejayaan. (Dewan bertepuk).

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Soalan tambahan. Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh kerana Stadium Larkin ini dalam kawasan Johor Bahru dan juga DUN Tanjung Puteri, maka saya sering kali diminta agar sebuah trek untuk disediakan bagi pihak sekolah-sekolah di dalam bahagian Johor Bahru ini. Dengan ketiadaan trek di stadium Larkin lagi, maka sekolah-sekolah ini sudah bertempiaran untuk mengadakan sukan atletnya dan mungkin juga ada yang tidak dapat mencapai tahap jarak larian 100 meter dan juga 400 meter. Adakah sekolah-sekolah dalam Johor Bahru ini terpaksa gunakan trek-

trek yang sebagaimana EXCO katakan tadi hingga ke Segamat untuk mengadakan sukan sekolah mereka saja?

Jadi, ini menjadi masalah kepada kami, warga ADUN ataupun Parlimen Johor Bahru itu sendiri mengadakan percubaan untuk mencari di peringkat bawahan ini atlet-atlet muda untuk diketengahkan. Jadi, saya minta EXCO untuk memberi satu alternatif yang paling dekat, dekat manalah ni, Johor Bahru ni, nak diadakan,, apa, sekolah-sekolah apabila mengadakan sukan sekolah itu dia nak gunakan trek yang sebenar mengikut piawaian. Itu sahaja Pengerusi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk ADUN Tanjung Puteri. Seperti yang saya maklumkan sebentar tadi, bahawa seperti yang saya maklumkan sebanyak 7 stadium, saya tidak bermaksud bahawa setiap sekolah di Daerah Johor Bahru akan menggunakan stadium di UiTM Segamat. Mungkin Yang Berhormat tadi maklum satu persatu dan saya sebut di sini iaitu untuk Daerah Johor Bahru kita mencadangkan agar menggunakan 2 stadium yang ada iaitu yang pertama di UTM Skudai dan juga *Educity Sport Centre*. Dan, kita pun telah maklum, saya sebagai EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan bahawa memang terdapat kekurangan daripada segi fasiliti sukan untuk sekolah-sekolah. Dan, kita selalu untuk daerah Batu Pahat sendiri, kaedah yang saya gunakan iaitu setiap sekolah perlu mengadakan sukan-sukan yang, di stadium yang menepati standard piawaian dan juga keperluan peringkat negeri contohnya di Batu Pahat kita mencadangkan kepada pihak sekolah untuk bekerjasama dengan UTHM bagi mengadakan sukan olahraga.

Dan, di Johor Bahru sendiri saya rasa tidak masalah kerana selain daripada 2 stadium ini yang kita jangka untuk pelan jangka pendek, kita pun telah merancang pelan jangka panjang dan mana sebuah stadium negeri yang berprestij bagi menggantikan Stadium Larkin. Dan juga, dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Johor pada tarikh 19 Mac 2014, telah mengambil keputusan untuk membina *Sport City* Johor Bahru. *Sport City* Johor Bahru dan saya rasa ini satu kebanggaan kepada rakyat Johor terutama di daerah Johor Bahru dan juga kepada ADUN Tanjung Puteri, yang mana stadium ini telah dipersetujui oleh pihak kerajaan akan dibina oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor di Mukim Tebrau sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan Negeri Johor dan Riadah Negeri Johor iaitu kalau di peringkat asas persetujuan kita dengan Kumpulan Prasarana Negeri Johor iaitu terdapat beberapa komponen yang akan kita bina selain daripada stadium *track and field*, kita juga akan menyediakan padang latihan, gelanggang futsal, pusat kecemerlangan sukan negeri, gimnasium, pusat kecerdasan, *sport injury*, klinik, asrama belia, kawasan lapang dan rekreasi. Dan, untuk jangka masa panjang, Insya-Allah sebelum kita menghadapi Sukan Malaysia pada tahun 2020, dijangka kita akan dapat menyediakan kemudahan yang amat baik bagi kita menerima kunjungan daripada atlet seluruh Malaysia.

Dan, untuk kita menyelesaikan masalah di peringkat sekolah-sekolah dan saya pun telah maklum sebentar tadi, kita akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk kita mengenal pasti stadium-stadium yang kita rasa boleh memberi kemudahan, bagi kemudahan untuk anak-anak kita di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan, saya menghargai tentang idea perkongsian *facilities* antara pihak yang mempunyai kemudahan dengan pihak-pihak yang lain. Saya ingin bertanya, adakah pihak kerajaan ingin membuat dasar bahawa tidak ada apa-apa sewaan akan dikenakan oleh mana-mana pihak untuk menggunakan kemudahan-kemudahan ini? Kerana saya dimaklumkan sukan MSSC, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah peringkat cawangan pun dikenakan bayaran beribu ringgit untuk menggunakan kemudahan ini selama ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk ADUN Semarang, sebenarnya untuk kadar sewaan sebelum ini pun kita sebagai Perbadanan Stadium Johor pun menghadapi masalah yang sama dalam kita menyelenggara dan juga menguruskan Stadium Larkin iaitu kita mengenakan bayaran sebanyak RM3,500.00, contohnya kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Johor. Dan, saya telah dimaklumkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Batu Pahat sendiri, ketika mereka mengadakan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Daerah Batu Pahat dan mereka telah dikenakan caj oleh pihak UTHM. Dan, saya telah maklumkan dengan pegawai yang bertanggungjawab bahawa setiap permohonan mesti melalui pada EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor, Insya-Allah kita dengan secara berhemah atau secara kita boleh berunding, kita dapat mengurangkan kadar bayaran.

Dan, setiap penggunaan stadium sebenarnya, kita tidak boleh mengharapkan suatu perkara kita dapat secara percuma. Kerana, kalau saya lihat sebagai badan yang menguruskan Stadium Larkin itu sendiri Perbadanan Stadium Johor mempunyai kekangan kewangan untuk kita menyelenggara, membersihkan dan sebagainya eh, setengah-setengah, pada suatu ketika setiap perlawanan bola sepak itu sendiri pun kita perlu mengeluarkan modal hampir RM5,000.00 untuk kita membersihkan dan juga kita memperbaiki apa-apa juga kerosakan kecil. Jadi, saya harap selepas ini eh, kalau kita minta kerjasama daripada semua pihak, walaupun kita diberi kemudahan stadium yang cantik dan sebagainya, kita kena perlu terima hakikat bahawa setiap apa yang kita gunakan, kita perlu mengeluarkan sedikit sumbangan untuk kita menyelenggara dan juga memastikan setiap stadium itu dapat dibersihkan dan juga digunakan pada masa-masa akan datang dengan lebih baik dan sempurna.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 5.

Apakah yang menyebabkan kualiti pendidikan Sekolah Agama Kerajaan negeri Johor tidak tinggi nilai sijilnya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat).

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menjawab persoalan yang diajukan kepada saya, Yang Berhormat Tanjung Puteri. Pendidikan Sekolah Agama di Negeri Johor adalah merupakan sekolah ataupun pendidikan berasaskan agama yang terdahulu ataupun lebih awal daripada negeri-negeri yang lain. Di mana Sekolah Agama Negeri Johor ini sebelum ini dikenali sebagai sekolah kitab kemudian dinamakan sebagai Sekolah Al-Quran. Selepas itu, dikenali sebagai sekolah petang, sekolah sesi sebelah petang. Kemudian, sehingga kini lebih dikenali sebagai Sekolah Agama Kerajaan Johor yang mempunyai 2 sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang.

Sekolah Agama Kerajaan Johor diwujudkan bagi memberikan Pendidikan Asas Fardu Ain kepada anak-anak Islam di Negeri Johor di samping beberapa perkara yang berkaitan dengan Pendidikan Fardu Kifayah. Di peringkat kebangsaan, sistem pendidikan ini boleh dibandingkan dengan sistem pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Negeri Johor. Perlaksanaan sistem KAFA telah pun disepadukan dengan Sistem Pendidikan Islam Negeri Johor supaya ianya lebih mantap dan berupaya memberikan penghayatan yang lebih sempurna kepada seluruh anak-anak umat Islam.

Oleh kerana matlamatnya adalah untuk memberikan pendidikan asas agama, ditambah lagi pendidikan itu hanya di peringkat rendah, maka dari segi sudut penilaian sijil, Sekolah Agama Negeri Johor adalah setanding dengan sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi persijilan kelas agama Fardu Ain ataupun KAFA. Namun demikian, bagi lantikan khususnya ke Skim Perkhidmatan Pendidikan Guru Agama Kerajaan negeri Johor, Sijil Darjah Khas yang dikatakan setanding dengan KAFA itu tadi masih diambil kira sebagai syarat tambahan utama untuk kelulusan. Begitu juga pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor mengambil kira kelulusan Darjah Khas Agama Sekolah Agama Kerajaan Johor sebagai nilai tambah bagi pertimbangan menjawat jawatan yang tertentu yang dilantik oleh Kerajaan negeri seperti Pegawai Rendah Agama gred sokongan seperti bilal, noja dan sebagainya.

Pihak kerajaan pada masa ini sedang dalam kajian untuk mewujudkan ruang bagi pelajar lepasan Darjah Khas Agama mengikuti pembelajaran agama lanjutan menerusi sistem pendidikan sekolah agama yang disediakan oleh kerajaan. Usaha ini merupakan inisiatif pihak kerajaan bagi mengurus, mengarusperdanakan pendidikan darjah khas agama agar para pelajar

lepasannya boleh meneruskan pelajaran dalam bidang agama di peringkat yang lebih tinggi. Dan, usaha ini sekali gus merupakan satu pengiktirafan bagi mengiktiraf sijil keluaran Darjah Khas Agama ke tahap yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menjelaskan melalui Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor kami telah merangka satu program iaitu program yang mungkin kita peringkat awalnya mengenalinya sebagai Pengajian Khas Lanjutan di mana pelajar-pelajar yang telah selesai mengikuti pengajian Darjah Khas di mana umur mereka itu ketika itu 13 tahun iaitu pada Tingkatan 1 sekolah menengah, kita akan menyediakan satu program lanjutan dan insya-Allah perkara ini akan kita laksanakan pada awal tahun 2016, iaitu satu program di mana pelajar-pelajar lepasan Darjah Khas ini akan mengikuti satu program yang berkaitan dengan pendidikan yang lebih tinggi yang mana sehingga mereka ini ke tingkatan 4 iaitu umur mereka 16 tahun, mereka ini akan mengikuti persijilan Sijil Menengah Agama dan selepas mereka di tingkatan 5 mengambil SPM disertai dengan Sijil Menengah Agama yang telah kita keluarkan, mereka akan dapat melanjutkan pelajaran mereka untuk mendapatkan Sijil Tinggi Agama dan setelah mereka ada Sijil Tinggi Agama, mereka juga akan dapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi Islam sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Rasionalnya, mewujudkan pengajian lanjutan selepas Darjah Khas ini ialah kita melihat tumpuan umat Islam hari ini, ramai yang berminat menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Agama Bersepadu dan juga Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, di mana kalau sekolah-sekolah ini dulu dikenali sebagai Sekolah Agama Rakyat, mereka tidak ada tumpuan, mereka tidak menumpukan perhatian untuk menghantar anak mereka sebab mereka melihat mungkin banyak kekurangan dari segi kemudahan dan sebagainya. Namun pada hari ini, apabila Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah mengambil alih sejumlah 28 buah sekolah agama yang disebut sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan maka peluang untuk mereka memasuki sekolah-sekolah SABK ini tadi adalah amat ketat. Maka, peluang ini apabila diwujudkan kelas lanjutan Darjah Khas ini tadi, maka peluang kepada anak-anak umat Islam khususnya di Negeri Johor pada hari ini akan mendapat ruang dan peluang untuk mereka mengikuti Pengajian Islam bermula daripada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya Sijil Tinggi Agama dan selanjutnya dapat melanjutkan pengajian ke pusat-pusat pengajian tinggi Islam di dalam negeri mahupun di luar negeri. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh : Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker. Mengapakah Bahagian Pendidikan Agama Johor tidak menggunakan atau mengembalikan, menggunakan Kitab mutlaalbadrin sebagai kitab tambahan utama kerana kita tahu bahawa dengan penggunaan kitab Agung ini, akan mampu meningkatkan kualiti sijil anak-anak kita ini. Kitab besar ada bab 187 bab, 230 muka surat karangan Tuan Guru

Muhammad Ismail Daudi Al Fathani. Itu soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Jorak. Soalan ini soalan cepu emas yang mana semalam pun dibangkitkan tentang kitab mutlaalbadrin wa mama' al bahrain karangan Muhammad Syeikh Ismail bin Daudi Al Fathani. Ini adalah merupakan satu kitab Thurat iaitu kitab lama yang selalu disebut sebagai kitab kuning yang mana ianya adalah diambil di antara isi kandungan daripada kitab Kifayatul Akhyar di mana rujukan utamanya ini diambil daripada Kitab .....

Saya telah pun berbincang dengan Bahagian Pendidikan di mana sekiranya wujudnya besok akan datang kelas-kelas lanjutan ini, kita akan cuba menggunakan semula kitab mutlaalbadrin wa mama' al bahrain ini, kerana kita melihat sejarah Sekolah Agama di Negeri Johor ini sinonim dengan mutlaalbadrin. (Dewan bertepuk) Dan saya rasa rata-rata di kalangan kita umat Islam yang ada di sini amat mengenal dan membesar mutlaalbadrin.

Dan saya juga telah pun mendapatkan maklumat-maklumat tambahan di mana ada 1 Pusat Pengajian Tinggi Islam dan juga sebuah Kerajaan negeri yang telah pun mentakhiqkan, maknanya bukan membetulkan, maksudnya memurnikan. Memurnikan kalimah-kalimah ataupun ejaan-ejaan yang disesuaikan dengan kemampuan pelajar-pelajar kita pada hari ini dan insya-Allah saya berasa perkara ini kita akan laksanakan menjelang 2016, nanti apabila wujudnya kelas-kelas lanjutan bagi pelajar-pelajar Sekolah Agama di Negeri Johor. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Tanjung Puteri jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa ini pertamanya saya terima kasihlah kepada Yang Berhormat Speaker memberi penjelasan yang begitu keputusan yang begitu bermakna untuk kita semua agar kita tidak salah anggap Sekolah Agama ini. Soalan saya adalah di peringkat Sekolah Kebangsaan sudah diwujudkan J-QAF. Bagi ibu bapa dan juga setengah daripada guru-guru di Sekolah Kebangsaan ini mengatakan yang pelajaran di Sekolah Agama Sekolah Kerajaan Johor ini begitu rendah mutunya, hinggakan nilai J-QAF di Sekolah Kebangsaan ditandingkan dengan Sekolah Agama Johor.

Mereka mengatakan yang murid-murid di Darjah 3 Sekolah Agama Kebangsaan masih tidak boleh membaca Al-Fatihah. Saya rasa ini satu tanggapan, tuduhan yang begitu tidak bernas dan sungguh menakutkan kepada kalangan ibu bapa yang setakat ini menghantar anak-anak di Sekolah Agama Negeri Johor. Jadi, saya minta penjelasan daripada EXCO kenapa tanggapan sebegini berlaku, dengan adanya J-QAF di Sekolah Kebangsaan ditandingi untuk ditandingkan dengan Sekolah Agama kita. Sekian.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Tanjung Puteri. Sebenarnya tidak isu setanding atau tidak setanding. Apa yang ingin saya maklumkan di sini, kalau kita mengatakan bahawa pendidikan ataupun persijilan Sekolah Agama Negeri Johor ini tidak berkualiti, saya rasa ini adalah satu tanggapan yang bukan setakat salah, tetapi sebenarnya lebih salah lagi iaitu mungkin saya katakan ini adalah kenyataan yang sesat. Sebabnya rata-rata yang hadir di sini semuanya pernah bersekolah Agama dan saya rasa kita semua yang ada di sini adalah orang yang berkualiti. Macam tak setuju aje. (Dewan bertepuk).

Sebab adanya pendidikan Sekolah Agama hari ini tuan-tuan dan puan-puan sekalian kita boleh belajar al-Fatihah. Begitu juga aqual rukun-rukun yang ada dalam solat itu kita dapat baca dengan baik, aqual solat begitu juga af al..... .solat. Kita dapat laksanakan, dapat kita melakukan ibadah solat itu, walaupun penilaian ibadah solat itu kualitinya, pahalanya hanyalah ditentukan oleh Allah SWT.

Namun saya ingin memaklumkan kerana kewujudan Sijil Sekolah Agama inilah, hari ini pendidikan Sekolah Agama inilah kita tahu perkara-perkara itu. Begitu juga yang berkaitan Taharah, yang berkaitan dengan yang kalau disebutkan dalam kitab mutlaalbadrin tadi itu bermula daripada Darjah 4 itu kita dah kenal termasuk Undang-Undang Syariat Islam itu juga, semuanya begitu yang berkaitan dengan kehidupan kita sesama manusia yang berkaitan dengan Muamalah, begitu juga yang berkaitan dengan perkahwinan Munakahat, yang merupakan subjek yang paling diminati oleh umat Islam pada ketika itu. Maka dengan sebab itu saya nyatakan dari segi kualiti, sijil, memang mungkin kalau mereka katakan, tapi dari segi membangunkan umat Islam itu dengan ilmu pengetahuan Islam, saya rasa ini adalah satu tuduhan yang tidak tepat. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong) : Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan tentang apa yang diberitahu tadi tentang mutu, pelajaran, silibus dan sebagainya. Saya rasa satu pujian patut diberikan kerana mutu pelajaran Sekolah-Sekolah Agama Negeri Johor ini, pada saya adalah lebih baik hatta kalau dibandingkan dengan Sekolah-Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia. Mungkin masalahnya dari segi silibus mutu yang baik tapi kesesuaian dengan tahap umur itu yang saya pertikaikan.

Saya bagi contoh, budak-budak bila dimulakan pelajaran Agama ini daripada umur 7 tahun hingga 12 tahun, di situ ada diberikan silibus-silibus yang tinggi, terlalu tinggi. Contoh, budak 9 tahun ya, saya bagi contoh. Satu hari budak kecik ini umur 9 tahun tidur petang, bangun tidur dia mandi. Saya tanya dia kenapa dia mandi lama sangat. Dia kata, saya mandi wajib, umur 9 tahun. Saya tanya pasal apa? Saya mimpi gembira. (Dewan ketawa). Mimpi gembira. Sapa ajar? Cikgu Sekolah Agama ajar, mimpi gembira, mandi wajib.

Jadi budak ini *confuse* dan cikgu juga yang mengajar pun *confuse* nak menyebut tentang perkara yang benar ini, sebab apa kena, kenapa mandi wajib, mimpi macam mana dan sebagainya, terpaksa ubah mimpi yang sebenarnya kepada mimpi gembira. Jadi budak ini tak faham apa-apa, bangun, mimpi, mandi. Jadi masalahnya saya rasa ialah masalah silibus yang terlalu tinggi untuk tahap umur kanak-kanak yang begitu rendah. Jadi, adakah pihak jabatan mengkaji semula kesesuaian silibus dengan tahap umur budak yang begitu rendah. Kalau umur yang begitu rendah carilah silibus pelajaran yang sesuai dengan tahap umur kanak-kanak ini. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput istilah mimpi gembira ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Mungkin ada yang bertanya ada satu ketika dulu mutlaalbadrin itu pernah dijadi, gunakan kitab rujukan bagi Sekolah Agama Johor, kenapa tidak sekarang ini. Sebenarnya itulah satu antara usaha yang kita nak memberi ketahaman berlandaskan kepada usia mereka. Sebab itu pernah satu ketika dulu diterbitkan sebuah kitab kemudahan, memberi ketahaman yang mudah kepada anak-anak Sekolah Agama kita dinamakannya Kitab Idaman Penuntut. Tetapi kalau kita lihat dari segi kedudukan ataupun kandungan kitab itu masih tinggi.

Sebenarnya pendidikan ini, kalau kita lihat sebagaimana yang disebutkan oleh Sungai Abong tadi, walau apa cara pun bagi pendidikan kanak-kanak, sebab kalau kita melihat perintah kepada anak-anak kita apa yang disebutkan dalam hadis Nabi Muhammad SAW menyuruh supaya kita menyuruh anak kita ini mendirikan solat sejak umur 7 tahun. Jadi apa yang berkaitan dengan solat, termasuklah Taharah itu kita kena jelaskan, kita kena terangkan, bukan kita kena beritahu pada mereka ini hanya tentang kaedah ataupun cara solat sebab salah satu di antara yang menyebabkan diterimanya solat itu salah satunya di antaranya iaitu Taharah.

Dan, disebut tentang mandi wajib tadi itu pun ada kaitan dengan Taharah. Maka dengan sebab itu saya ingin maklumkan, bahawa pendidikan Islam ini tidak ada yang disebut sebagai tinggi ataupun rendah. Sepatutnya kita kena tahu lebih awal, baik di peringkat usia kita, kalau kita berdasarkan apa yang disebutkan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu bermula daripada umur 7 tahun. Pukullah ia ketika umur 10 tahun sekiranya dia tidak mahu mendirikan solat. Dan kata nabi lagi adalah anak kamu seperti anak sungai, seperti sungai perlu diairi. Maknanya perlu dipukul, kalau tidak dia buntu, ha itu yang disebut dalam hujung hadis itu.

Maka saya jelaskan di sini kepada seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin yang hadir pada hari ini, bahawa sebenarnya perlu memberi pendidikan itu bermula daripada awal. Banyak pendidikan-pendidikan lain, mungkin saya juga bersetuju dengan Sungai Abong. Mungkin kita juga akan melihat semula, sebab kalau kita lihat modul ataupun kurikulum Sekolah Agama Negeri Johor ini tak silap saya 3 kali dah digubal dan insya-Allah mudah-mudahan menjelang

pelaksanaan Program Khas Lanjutan ini, insya-Allah kita akan mengambil perhatian juga terhadap apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Sungai Abong tadi. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan saya nombor 6.

Jabatan Perpaduan mempunyai Pegawai Penguat kuasa yang dapat menjamin aktiviti KR dan SRS itu benar-benar dilaksanakan. Setakat manakah keberkesanan aktiviti supaya wang dikeluarkan oleh Kerajaan dimanfaatkan secara maksimum.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Terutama sekali saya ingin memaklumkan bahawa di Jabatan Perpaduan kita tidak melantik Pegawai Penguat kuasa tetapi pegawai-pegawai diberikan jawatan sebagai Pegawai Perpaduan dan Penolong Pegawai Perpaduan di mana mereka dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan memantau semua aktiviti yang dijalankan di kawasan rukun tetangga KRT dan skim rondaan sukarela SRS di bawah seliaan mengikut zon di daerah masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh mengenai keberkesanan aktiviti yang dijalankan yang berdasarkan kepada peruntukan yang diberikan, saya ingin menerangkan bahawa pihak jabatan menyalurkan sejumlah peruntukan tahunan kepada semua kawasan rukun tetangga yang aktif yang dinamakan sebagai Geran Peruntukan Pengurusan Rukun Tetangga. Ini bermakna peruntukan tersebut bukan semata-mata untuk mengadakan program dan aktiviti tetapi segala perbelanjaan keperluan pengurusan dan pentadbiran KRT merangkumi kumpulan sasar masyarakat setempat seperti jiran wanita, jiran muda, jiran warga emas, tunas jiran dan Skim Rondaan Sukarela.

Saya juga memaklumkan di sini bahawa pemberian peruntukan ini hanyalah kepada kawasan Rukun Tetangga yang aktif sahaja. Di mana keaktifan Rukun Tetangga tersebut dinilai berdasarkan kepada pengurusan kewangan, kekerapan bermesyuarat, bilangan aktiviti yang dilaksanakan serta rondaan sukarela yang dikendalikan. Bagi tahun 2013 hanya sebanyak 81.3% kawasan Rukun Tetangga yang aktif dan telah layak menerima Geran Peruntukan bagi tahun 2014 berbanding kepada tahun 2012 sebanyak 80.7%. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Jemput Bukit Naning.

YB Dato' Haji Saipolbahri bin Haji Suib (Bukit Naning) : Saya ingin tahu Yang Berhormat untuk KRT ataupun SRS yang tidak aktif, apakah langkah-langkah Kerajaan yang dilakukan supaya perkara ini di dapat diteruskan, supaya ia dapat menyumbang kepada masyarakat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan. Sebenarnya di peringkat jabatan kita memantau dan juga menyelia segala perancangan dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Dan sebagai langkah-langkah pengawalan, pihak jabatan telah menetapkan bahawa setiap pelaksanaan program dan aktiviti perlu ada perancangan. Anggaran perbelanjaan yang dikeluarkan dan selepas program, laporan dan juga penilaian setiap program yang dilaksanakan harus dihantar kepada pihak jabatan. Perkara ini juga dilaksanakan dan dikuatkuasakan supaya KRT dan SRS dapat menyusun atur segala aktiviti dan program dengan lebih teratur dan berkesan serta hasil dan pelaksanaan program dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat yang mendiami di kawasan KRT tersebut. Dan kita juga pastikan bahawa setiap program KRT, pegawai-pegawai dari Jabatan Perpaduan juga hadir bersama supaya kita dapat lihat secara menerus sama ada KRT tersebut sebenarnya melaksanakan program tersebut dan pada masa yang sama pihak jabatan dari masa ke semasa dapat memberikan mereka nasihat dan juga khidmat nasihat berkenaan dengan program-program yang harus dilaksanakan di kawasan yang berkaitan.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Jorak, jemput.

YB Datuk Dr. Shaharuddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan No. 7.

Peperiksaan PMR di Tingkatan 3 akan digantikan dengan PT3 (Pentaksiran Tingkatan 3). Apakah keputusan kementerian setelah ditangguhkan dan penilaian semula PBS.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Gambir, jemput.

YB Encik M.Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan No. 8.

Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Tingkatan 3 akan diganti dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Perkara ini masih baru dan ramai ibu bapa kurang faham tentang struktur dan instrumen penilaian tersebut, apakah aktiviti dan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pelajaran Negeri Johor untuk memberi penjelasan mengenai penilaian ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Soalan A200 dan A208 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jorak dan juga Yang Berhormat Bukit Gambir. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Pentaksiran Berasaskan Sekolah ataupun PBS telah ditangguhkan pada 11 Februari 2014. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan semula Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini mulai 1 April 2014 dengan penambahbaikan bagi memantapkan pelaksanaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pentaksiran Berasaskan Sekolah telah diperkenalkan dengan menggunakan Dokumen Standard Prestasi iaitu Pentaksiran pada pelajar-pelajar yang menggunakan Dokumen Penilaian Prestasi Pelajar dalam bentuk yang pertama, *evidence* ataupun bukti melalui kertas-kertas ujian dan juga latihan. Yang kedua, melalui pemarkahan yang dinilai dalam bentuk Ban iaitu daripada Ban 1 sehinggalah Ban 6.

Apa yang menjadi masalah kepada guru-guru yang terlibat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini. Yang pertama, guru perlu menyimpan semua *evidence* setiap pelajar mengikut topik dalam setiap mata pelajaran di dalam fail individu contohnya kalau seorang guru itu mengajar mata pelajaran Sejarah. Kalau ada 12 topik dalam mata pelajaran itu, maka dalam setiap fail pelajar perlu ada 12 *evidence*. Yang kedua, kalau seorang guru itu, seorang guru yang mengajar Sejarah itu, dia mengajar dalam satu kelas 40 orang dalam satu tingkatan dia mengajar 3 kelas, dan kalau dia mengajar daripada tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3, setiap tingkatan 3 kelas, maka kalau kita campurkan, seorang guru mata pelajaran Sejarah ini kena menyelenggarakan sebanyak 360 fail. Isunya ialah macam mana guru-guru ini nak simpan dan menguruskan fail itu.

Yang kedua, selain daripada guru-guru perlu menyimpan fail *evidence* ini, guru juga perlu menyimpan markah pelajar-pelajar melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah iaitu SPPBS iaitu Sistem yang berasaskan atas talian ataupun dengan izin, *online*. Dan sistem ini diaplikasikan oleh semua sekolah di Malaysia. Masalah yang timbul, pertama apabila dalam satu-satu masa bilangan guru yang menggunakan talian ini terlalu ramai, ia boleh menyebabkan kelancaran talian ataupun dengan izin *online* ini tergendala ataupun perlahan, dengan izin *slow*. Malah pada satu-satu masa guru tidak dapat untuk membuka langsung sistem ini. Sebagai alternatif, guru-guru kena bangun pada waktu tengah malam ataupun awal pagi dengan harapan dapat menggunakan talian ketika orang tidak ramai menggunakan. So , ini telah, oleh yang demikian ia telah mengganggu sedikit sebanyak jadual kehidupan seorang guru itu. Kemudian, setiap topik perlu dimasukkan pemarkahannya. Kalau ada 12 topik yang diajar didalam satu mata pelajaran dalam setahun di mana saya katakan tadi saya mengambil contoh, guru yang mengajar Sejarah dengan mengendalikan 360 fail pelajar, maka guru berkenaan kena masukkan sebanyak 51,840 kali proses nak *key-in*, dengan izin data-data pemarkahan itu. Dan kalau sistem pada ketika itu perlahan ataupun guru berkenaan tak dapat nak buka sistem itu dalam beberapa hari, maka

kerja-kerja untuk masukkan data dalam sistem akan tertangguh dan guru ini juga kena meneruskan pembelajaran untuk di topik-topik yang lain. Jadi ini akan, dengan izin *accumulate* kerja-kerja *key-in* data-data tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penambahbaikan yang telah dilakukan oleh kementerian untuk memantapkan pelaksanaan sistem PBS ini, Yang pertama, kerja-kerja penyimpanan *evidence* melalui fail-fail perkembangan murid, iaitu fail *evidence*, fail *show case*, fail-fail *evidence* yang terbaik di kalangan pelajar ini dan juga rekod-rekod transit pelajar-pelajar sekarang tidak perlu disimpan lagi tetapi guru-guru boleh merekod secara tidak formal mengikut kreativiti guru masing-masing yang penting bila diperlukan, contohnya bila ada ibu bapa yang datang bertanyakan perkembangan anak-anak, guru boleh tunjukkan perkembangan semasa, pencapaian anak-anak mereka. Kalau sebelum ini guru-guru perlu masukkan rekod pemarkahan secara atas talian dengan izin *online*, kini guru-guru hanya perlu untuk memasukkan pemarkahan ke dalam sistem *offline* yang disimpan di sekolah masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, timbul juga kekeliruan antara Penilaian Menengah Rendah dan juga Pentaksiran Tingkatan 3. Di mana saya terangkan semalam, sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah bermula daripada Tingkatan, Tahun 1 sehinggalah Tingkatan 5. Untuk pelajar-pelajar tingkatan 3, mereka telah melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah sejak Tingkatan 1 maka apabila dia masuk ke Tingkatan 3, pelajar-pelajar ini akan melalui juga Pentaksiran Berasaskan Sekolah melalui Dokumen Standard Prestasi di mana pemarkahan mengikut Ban daripada bulan Januari hinggalah Bulan September. Bila masuk bulan Oktober, pelajar-pelajar ini akan melalui peperiksaan yang disebut sebagai Pentaksiran Tingkatan 3 yang mana markah pencapaian itu adalah berdasarkan pada pencapaian pada peperiksaan tersebut. Apa beza antara Penilaian Menengah Rendah dan juga Pentaksiran Tingkatan 3?. Penilaian Menengah Rendah, soalan disediakan sepenuhnya dan diurus oleh Lembaga Peperiksaan, manakala Pentaksiran Tingkatan 3, rangka soalan, input disediakan oleh Lembaga Peperiksaan tetapi soalan itu dibina oleh sekolah-sekolah dan di tanda oleh guru-guru di sekolah yang sama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Jabatan Pendidikan Johor telah banyak mengadakan program-program tentang menerangkan Pentaksiran Tingkatan 3 ini khususnya menggalakkan semua sekolah mengadakan program-program yang dimasukkan di dalam program prasarana Sekolah termasuklah juga pihak jabatan telah mengadakan taklimat berkaitan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Penambahbaikan PBS di semua daerah yang melibatkan Pengerusi-Pengerusi ataupun wakil-wakil Persatuan Ibu bapa dan Guru-Guru pada 26 hingga 27 April yang lalu.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah soalan lisan kita hari ini. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh sebab ada gangguan teknikal mikrofon, pembesar suara kita

ini ada masalah, saya tangguhkan Dewan ini sehingga 11.45 pagi dan selepas kita sambung waktu, waktu kita sambung, kita sambung perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan sehingga jam 11.45 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10.45 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.45 pagi.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

YB Datuk Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula.

Jurutulis : Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap jemput untuk menyambung perbahasan..

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih yang Berhormat Datuk Speaker. Maka amat tinggi dan besarlah harapan saya agar projek yang telah saya katakan semalam dijadikan ataupun dilaksanakan, direalisasikan di daerah Segamat agar menjadi manfaat, inisiatif kerajaan yang cukup baik dan dapat dinikmati oleh rakyat Daerah Segamat. Selain itu, harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga mahu rakyat Malaysia memiliki rumah dapat dilaksanakan di Daerah Segamat itu sendiri. Biarlah perkara baik, perkara yang penuh manfaat ini dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.

Pemuliharaan hutan. Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam ucapan Tuanku turut menyebut tentang keperluan pemuliharaan hutan. Saya melihat perkara ini perlu dikaji dan dipertimbangkan secara serius. Hal ini kerana pada tahun 2010, Hutan Hujan Tropika telah diberi tumpuan yang penting berbanding pada tahun-tahun sebelum itu. Negara-negara kaya seperti Norway dan Amerika Syarikat telah pun berjanji akan mengeluarkan peruntukan berbilion-bilion dolar untuk membantu negara-negara yang mundur memelihara hutan. Dana tersebut digunakan untuk membeli kredit karbon bagi melindungi kawasan-kawasan di negara mundur dengan membantu penduduk-penduduk memahami kepentingan hutan yang merupakan pembekal oksigen dan penyerap gas karbon dioksida. Namun begitu dengan jumlah penduduk dunia yang semakin mencapai lebih kurang 7 bilion, hutan menghadapi tekanan yang sama daripada penggalian, pertanian, pembalakan dan pembasmian hutan bagi memenuhi keperluan ekonomi. Dan perkara ini jugalah berlaku di Malaysia dan di Negeri Johor khususnya. Maka, saya melihat sudah tiba masanya untuk meletakkan nilai baru untuk hutan dan mengharapkan Kerajaan dan syarikat-syarikat menghentikan pembalakan seperti yang dicadangkan oleh Tuanku, bahawa dasar catuan tebangan tahunan atau

kuota pembalakan kawasan hutan simpan seluas lebih kurang 3 ribu hektar dibekukan serta merta.

Perkara ini perlu kita lakukan. Menurut kajian, pembalakan dan pembakaran hutan terutamanya di kawasan paya bakau yang kaya dengan karbon telah bertanggungjawab terhadap 2% hingga 17% pelepasan gas rumah hijau manusia. Ahli sains berkata peningkatan rumah hijau akan menyebabkan paras air laut meningkat dan lebih banyak cuaca ekstrem seperti kemarau. Malah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkata menghentikan kemusnahan hutan merupakan salah satu perkara terpenting untuk melambatkan kesan perubahan iklim. Dengan itu lebih banyak gas karbon dioksida yang dilepaskan daripada sistem jana kuasa, pengangkutan, industri dapat diserap oleh hutan-hutan yang dipelihara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Saya ingin juga mencadangkan bahawa Jabatan Perhutanan dipergiatkan dalam usaha menghutankan semula kegiatan menanam semula hutan yang ditebang dengan spesis pokok yang cepat tumbuh dan bermutu. Contohnya, pokok jenis pine, batai dan sesenduk yang misalnya telah ditanam di Bukit Tinggi, Pahang. Kaedah ini dijalankan secara terancang dan sistematik. Kaedah penghutanan semula ini dijadikan untuk memastikan bekalan kayu bermutu dapat dibekalkan berterusan. Contoh penghutanan semula telah dilaksanakan dalam Hutan Simpan Kemasul, Pahang dan Hutan Simpan Paya Laut, Perak. Maka saya melihat usaha ini boleh dilakukan juga di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hakikatnya dalam usaha untuk menangani masalah perubahan iklim, kemarau terutamanya proses pemuliharaan hutan merupakan paling jimat dan berkesan pada masa hadapan. Benar, ingin menjadi negara membangun dan pesat tetapi pemuliharaan alam sekitar juga perlu kita jaga kerana tidak mahu terlalu ghairah mengejar pembangunan, kita rakus sehingga menghapuskan hutan yang impaknya juga kita yang akan terima.

Jenayah. Yang Berhormat Datuk Speaker, peningkatan kadar jenayah dan mencadangkan pemasangan *CCTV* di kawasan perumahan. Saya melihat perkara ini perlu diberi perhatian serius oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana perkara ini melibatkan keselamatan warga penduduk. Hal ini kerana memasang *CCTV* di kawasan kejiranan, maka sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar jenayah dan merupakan satu langkah yang berjaga-jaga. Selain itu saya melihat bagi mengatasi masalah jenayah yang berleluasa terutama yang melibatkan kes penculikan kanak-kanak, pihak Polis juga kena main peranan dan membuat rondaan pada jangka masa yang lebih kerap agar perkara ini dapat ditangani. Saya bukanlah kata bahawa sekarang ini rondaan tidak dibuat, tetapi saya mohon rondaan itu lebih dari sebelum ini. Jika mungkin rondaan dibuat 4 atau 6 jam sekali, saya cadangkan rondaan dibuat tempoh 2 jam sekali agar kejadian jenayah ini dapat dicegah. Selain itu, saya mencadangkan kepada Kerajaan negeri mengadakan Kempen Kejiranan

Prihatin di mana jiran tetangga prihatin terhadap keadaan sekeliling mereka. Setuju ataupun tidak, kebanyakan kes jenayah culik kanak-kanak berlaku kerana kurangnya kejiranan kita yang prihatin terhadap apa yang telah berlaku. Misalnya kita tidak peka ataupun mungkin tidak ambil peduli sekiranya terlihat anak jiran tetangga kita dibawa oleh orang yang bukan ibu bapa mereka atau di kalangan ahli keluarga mereka sendiri. Atau mungkin lebih teruk kita tidak kenal jiran tetangga kita sendiri. Ini mungkin kita tidak mahu menyibuk hal orang, tetapi sikap dan istilah penyibuk inilah yang boleh menyebabkan keadaan ini berlaku. Dalam keadaan seperti ini saya melihat tanggungjawab mencegah jenayah bukanlah semata-mata terletak di bahu Kerajaan atau pihak Kerajaan sahaja tapi masyarakat perlu memain peranan. Saya amat berharap perkara ini diberi perhatian yang serius. Kita tidak mahu hidup dalam serba ketakutan dan tidak selamat. Segala usaha yang dilakukan sebaik mungkin demi menangani isu itu.

Pendidikan Sekolah Agama. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh soal taraf pendidikan Sekolah Agama di Negeri Johor. Sebagai anak Johor, kita antara yang boleh berbangga di antara negeri yang lain yang mana kita mempunyai sistem pendidikan yang cukup kemas. Namun saya kira pada gahnya kita dengan pujian itu, kita perlu menggerakkan usaha mengkaji semula sukatan persekolahan anak-anak kita di Sekolah Agama. Hal ini saya teliti, sukatan pelajaran anak-anak terlalu ringkas. Hanya benar-benar mengajar perkara-perkara yang asas sahaja. Saya kira kita perlu mengembalikan sistem pembelajaran yang dahulu, anak-anak kita utuh dengan pegangan agamanya. Misalnya sebagaimana kita telah berbincang sebelum ini mengembalikan balik pengajaran kitab mutlaalbadrin dan lain-lain agar pengetahuan agama anak-anak kita lebih jitu terhadap dunia yang moden yang semakin mengganas dan memberi ancaman luar terhadap pembentukan akhlak anak kita. Selain daripada itu, dalam usaha memperkasakan sekolah agama kita perlu memperhalusi kualiti tenaga pengajarnya. Saya kira demi memperkasa sekolah agama maka guru-gurunya perlu diperkasakan. Saya ingin juga mencadangkan agar guru-guru ini ditempatkan sebagai guru sekolah agama merupakan diberikan latihan yang profesional seperti guru dalam bidang agama dan apalah kiranya skim gaji mereka juga diteliti setaraf dengan guru-guru di sekolah kebangsaan. Perlu kita ingat dalam kita sibuk mendesak anak-anak kita cemerlang dalam bidang akademik, ilmu agama juga penting untuk masa hadapan mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata saya teruja dengan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah mendampingi semua topik dan isu yang penting kepada segenap masyarakat Johor. Titah Tuanku adalah sangat menyeluruh, padat, mampan dan menarik pada masa ini. Saya yakin dengan titah Tuanku ini akan menjadi inspirasi kepada semua yang berada dalam di Dewan yang mulia ini. Bertungkus lumus untuk menjayakan Program Transformasi Kerajaan dan menjadi batu loncatan ke arah anjakan paradigma ke sebuah negara berpendapatan dan berpengetahuan tinggi menjelang tahun 2020, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menjunjung kasih, titah ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan mengambil bahagian dalam perbahasan di Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan, saya tertarik dengan teguran Yang Berhormat Bukit Batu, terhadap kurangnya pelancong asing yang datang ke Johor khasnya, dan sudah pasti Malaysia amnya. Memang benar kita boleh mempertingkatkan strategi, publisiti dan menambah kawasan-kawasan pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong asing datang tetapi amat ironi dan malang sekali bila ada wakil rakyat pembangkang yang begitu ketara sekali mempersendakan apa juga yang ada atau yang berlaku di tanah air seperti melalui isu video *Wonderful* yang dibuat sempena Tahun Baru Cina yang lalu. Malah pemimpin utama dalam gabungan pakatan pembangkang yang tidak ada kedudukan dalam partinya sendiri, jika berasaskan Perlembagaan partinya pun, kerap kali menghina tanah airnya sendiri semasa berada di luar negara. Sehinggakan ketika lawatannya ke Indonesia beliau sanggup mengatakan batik Indonesia lebih elok daripada batik keluaran Malaysia. Bila sesiapa yang mempunyai kedudukan terus memperlekehkan negara sendiri, sudah tentu sedikit sebanyak mempengaruhi pihak luar dan sekali gus menimbulkan prasangka kurang baik mereka terhadap negara kita. Natijahnya sudah tentu mereka tidak berniat mahupun berminat untuk datang melawat ke negara kita waima Johor sekali pun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya di sini saya ingin membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan Batu Pahat dan terutama sekali dalam kawasan DUN Senggarang. Jalan Parit Botak-Parit Hamid yang sepanjang 11 km telah siap diturap sepenuhnya daripada kawasan DUN Senggarang melalui kawasan DUN Parit Raja sehingga ke kawasan DUN Semarang. Jalan ini memang hebat walaupun beralun, dan rombongan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun telah melaluinya semasa lawatan kerja ke daerah Batu Pahat yang lalu. Tahniah diucapkan kepada EXCO Jabatan Kerja Raya dan sudah tentu Kerajaan Barisan Nasional yang telah merealisasikan kemahuan rakyat dengan meluluskan projek berkos RM5 juta tersebut. Namun demikian, amatlah baik jika setiap simpang ke kampung dan rumah di sepanjang jalan tersebut diturap manakala kecuramannya lebih dilandaikan. Simpang tersebut sering

menimbulkan kegusaran penduduk apabila kereta *manual* yang dipandu mahupun motosikal yang ditunggang oleh golongan veteran khususnya ada kalanya mengalami kemalangan kerana mudah terundur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun isu monyet telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gambir dan Penggaram, Senggarang juga turut ingin membangkitkan isu yang sama. Seperti di tempat-tempat lain, monyet-monyet di Batu Pahat juga semakin mengganas. Dengan merosakkan tanaman, menyelongkar barang-barang di dalam rumah dan ada ketikanya pandai membuka peti sejuk dan *oven* untuk mendapatkan makanan. Ia berlaku sama ada di kampung mahupun kawasan taman-taman perumahan, di bandar mahupun di pinggir bandar. Malang sekali bagi penduduk di daerah Batu Pahat kerana terpaksa membuat aduan dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) berhampiran yang hanya terletak di Kluang untuk menangkap monyet-monyet tersebut. Jika pegawai-pegawai PERHILITAN tersebut sampai ke tempat-tempat aduan, sudah pasti monyet-monyet berkenaan telah tiada dan ada ketikanya pengadu disindir kerana monyet tiada kelihatan. Masakan pula monyet-monyet tersebut sanggup menunggu sehingga pegawai-pegawai PERHILITAN Kluang sampai bagi membuktikan kewujudan mereka di situ.

YB Datuk Speaker: Dia kenal eh?

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Sehubungan dengan itu, Senggarang mencadangkan agar sebuah cawangan PERHILITAN dibuka di Batu Pahat dan ini akan dapat menangani masalah monyet berkenaan lebih cepat dan efektif.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mercu tanda semula jadi di Batu Pahat adalah dua buah kawasan gunung ganang yang menghijau yang selama ini menjadi jantung pembekalan oksigen kepada penduduk Batu Pahat :

1. Gugusan Gunung Soga yang terdiri daripada hutan simpan kekal seluas 129.9 hektar dan hutan simpan tambahan seluas 883.1 hektar dengan jumlah keseluruhannya seluas 1,013 hektar.

2. Gugusan Gunung Banang yang di mana hutan simpan kekalnya seluas 731.6 hektar dan hutan simpan tambahan seluas 145.5 hektar menjadikan jumlah keseluruhannya seluas 877.1 hektar.

Oleh yang demikian, Senggarang mengharapkan kawasan-kawasan ini patut dikawal oleh Jabatan Perhutanan supaya kes kecurian balak dan pencerobohan kawasan hutan khususnya bagi tujuan penanaman kelapa sawit atau yang seumpamanya dapat dibendung dengan segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini juga Senggarang ingin melahirkan rasa yang amat kecewa kerana sebahagian besar gugusan

Gunung Banang telah ditarah. Aktiviti ini berkemungkinan telah mendapat kelulusan daripada pihak yang berwajib atau ianya adalah di tanah persendirian. Banyak kawasan tanah, bukit persendirian di kawasan Minyak Beku digondolkan dan diambil tanahnya ataupun dijadikan kawasan perlombongan kuari. Masalah akan berlaku jika selepas hujan ia akan mengakibatkan kekerapan berlakunya banjir lumpur mahupun banjir kilat yang menjejaskan rumah-rumah kediaman penduduk berhampiran khususnya di sepanjang Jalan Minyak Beku. Ini bertambah buruk apabila sistem perparitan yang tidak berfungsi dengan baik sama ada longkang ataupun parit yang cetek dan tertimbus ekoran tiada penyelenggaraan berjadual yang sepatutnya dilakukan. Oleh yang demikian, pihak yang berwajib khususnya Pejabat Tanah, JKR, JPS, Jabatan Alam Sekitar hendaklah mengawal selia kawasan tersebut dengan penuh peka dan prihatin supaya permasalahan ini dapat dibendung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang juga ingin menarik perhatian bahawa sebuah syarikat swasta telah diberikan kelulusan untuk melakukan kerja-kerja perlombongan batu kuari di sebelah bukit berdekatan Gunung Banang dalam kawasan Sungai Ayam pula. Yang menjadi masalahnya apabila syarikat tersebut telah melakukan kerja pembersihan di kawasan tapak dan menebuk jalan atas tanah kerajaan tanpa mendapat kelulusan awal Jabatan Alam Sekitar. Sepatutnya syarikat berkenaan hendaklah mengemukakan dengan izin, *environmental management plan* ataupun rancangan pengurusan alam sekitar kepada pihak Jabatan Alam Sekitar sebelum aktiviti pembersihan dapat dijalankan. Oleh itu, Senggarang ingin mencadangkan supaya semua jabatan dan agensi kerajaan yang telah meluluskan sesuatu projek secara dasar atau prinsipnya perlulah kerap turun padang mahupun ke lokasi projek berkenaan untuk meninjau agar pihak pemohon tidak mengingkari terma dan syarat yang telah ditetapkan supaya dapat mengelakkan berlaku sebarang masalah di kemudian hari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memang telah terbukti bahawa bidang pelancongan adalah salah satu sumber pendapatan negara. Senggarang melihat di Johor seolah-olah hanya di peringkat negeri dan Bandaraya Johor Bahru sahaja ianya diberikan penekanan manakala di daerah-daerah lain agak kabur dalam bidang ini. Oleh itu, Senggarang mencadangkan agar semua pejabat daerah mengaktifkan atau menubuhkan jawatankuasa pelancongan supaya bidang pelancongan dapat diberikan penekanan yang sewajarnya di peringkat daerah dengan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah manakala Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah sebagai naib pengerusinya. Dengan jawatankuasa ini, semua pemain dalam industri pelancongan di peringkat daerah dapat disatukan sama ada pemandu pelancong, pengusaha hotel, *homestay*, pengusaha kawasan pelancongan, pegawai-pegawai jabatan dan agensi kerajaan dan lain-lain dapat digembleng bagi membincang dan merancang untuk memantapkan pelancongan setempat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang juga mencadangkan agar sebuah *booth* pelancongan dan penerangan ditempatkan di Dataran Penggaram supaya memudahkan pelancong tempatan ataupun untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pelancongan di Batu Pahat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memang semua sedia maklum bahawa *heroin, ecstasy* dan lain-lain dikategorikan di bawah Akta Dadah Bahaya. Apa pun kita ketahui bahawa *trend* menghidu gam masih berleluasa di kalangan anak remaja yang mengakibatkan kerosakan otak. Jika dibiarkan begitu sahaja ditakuti mereka akan mencuba pula untuk mengambil dadah-dadah bahaya yang lain. Senggarang mencadangkan penjualan gam di kedai-kedai tayar dikawal selia dengan ketat oleh pihak-pihak yang berwajib dan Senggarang juga mencadangkan diklasifikasikan gam di bawah Akta Dadah Bahaya.

Akhir kata Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong. Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Datuk Speaker : Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Semerah.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim (Doa). Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, awalnya marilah kita merakamkan ucapan tahniah kepada kontinjen SUKMA kita yang sedang berjuang membawa nama Negeri Johor di Perlis. Sasaran awal 20 pingat telah pun tercapai. Mudah-mudahan dengan doa kita semua sasaran baru 25 pingat akan tercapai, Insya-Allah.

YB Datuk Speaker : Satu pingat emas berapa bayar?

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Tiga ribu Yang Berhormat Datuk. Yang Berhormat Datuk Speaker, Semerah mengucapkan syukur terhadap Allah SWT dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat bersama-sama diberikan ruang untuk membahaskan rundingan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Johor. Kita sedia maklum bahawa titah Duli Yang Maha Mulia ini amat menyeluruh, jelas dan menyeluruh, mencakupi semua aspek sama ada pentadbiran negeri, pembangunan, pelaburan mahupun soal kepunyaan Pulau Batu Putih yang mungkin sebahagian daripada kita yang telah lupa bahawa Pulau Batu Putih itu kepunyaan kerajaan Johor. Tidak lupa juga kita mengucapkan, Tuanku juga mengucapkan tahniah di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan barisan EXCO yang muda perkasa yang telah memecah rekod 13 tahun baki berkurangan ataupun defisit Negeri Johor. Lebihan sebanyak RM485 juta walaupun pihak pembangkang tidak mengakui kecekapan kerajaan

mentadbir malah pihak pembangkang menyatakan bahawa lebihan pendapatan ini berpunca dari menjual aset-aset kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harapkan semoga rekod ini dapat berterusan dari tahun ke tahun. Semerah mengucapkan tahniah kepada kepimpinan, di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker. Tuanku juga menyentuh mengenai pelaburan Negeri Johor. Kalau kita lihat bagi tahun 2013, Malaysia mencatat satu rekod baru pelaburan langsung asing bernilai RM216.5 bilion yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada 192,000 pekerja. Begitu juga Kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat menarik pelaburan RM14.4 bilion yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada 55,000 orang pekerja. Kerajaan begitu berusaha untuk menarik pelaburan masuk ke negara kita tetapi kita kecewa kepada pihak pembangkang bukan sahaja membantu untuk menarik pelabur tetapi juga menghalang pelabur ini untuk masuk ke negara kita. Semalam Yang Berhormat Tanjung Surat menyatakan Projek RAPID di Penggerang juga telah berbagai usaha dilakukan oleh pembangkang untuk menghalang supaya pelaburan ini dapat masuk. Itu juga bukan sahaja, bukan itu sahaja kalau kita lihat sejarah-sejarah yang lepas apa sahaja projek-projek, apa sahaja pelaburan yang dibuat oleh kerajaan dihalang pihak oleh pembangkang. Contohnya ialah kereta nasional dikatakan bahawa kereta nasional itu dibuat daripada tin susu. Kemudian Putrajaya, buat Putrajaya bila dia siap nak dilelong pula Putrajaya. Bukan projek besar Yang Berhormat Datuk Speaker, sekecil-kecil projek di pasar awam di Batu Pahat itu pun yang baru bernilai RM6 juta pun dihalang pembinaannya. Ini terletak di dalam DUN Semerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita lihat dalam perenggan 21, titah ucapan titah Tuanku mengenai pembangunan model insan, kita melihat ianya amat dititikberatkan oleh kepimpinan Negeri Johor yang terbaru ialah program pada 28 hingga 29 Mei, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengambil langkah proaktif dengan membawa program berprestij tinggi yang sebelum ini telah dilaksanakan di Kuala Lumpur, Thailand, Indonesia, Brunei dan Singapura iaitu Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali ke-8. Muzakarah ini telah mengumpul 200 tokoh-tokoh ilmuwan dan peneraju industri kewangan Islam di seluruh pelosok rantau yang menggembleng tenaga kepakaran mereka dalam mencapai beberapa resolusi. Di antara bidang-bidang dalam sistem kewangan Islam di antaranya ialah :

1. Resolusi berkaitan *fee* dan caj.

2. Resolusi berkaitan sumber dana tidak halal.

3. Resolusi berkaitan jaminan.

4. Resolusi berkaitan pelan takaful anuiti persaraan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini menunjukkan bahawa Kerajaan negeri amat prihatin untuk menyediakan modal insan yang lengkap dan berpengalaman lebih-lebih lagi dalam industri kewangan Islam yang turut disertai oleh Johor Corporation, Majlis Agama Islam dan lain-lain agensi kerajaan dan jabatan kerajaan yang berkaitan di Negeri Johor.

Semerah juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Speaker yang merasmikan Muzakarah tersebut bagi mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kebimbangan mengenai bekalan air bersih kepada penduduk Johor terutamanya di Batu Pahat termasuklah di bahagian Parit Sulong. Kita merasa lega dengan pengumuman EXCO Kerja Raya dan Kemajuan Luar Bandar berhubung menaik taraf empangan Bekok iaitu bernilai RM13 juta. Sekurang-kurangnya dapat meningkatkan tadahan air yang sekarang ini 32 juta meter padu kepada 61.75 juta meter padu. Terima kasih di atas perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang dilaksanakan oleh Kerajaan negeri. Ini semua ialah nak memastikan bahawa rakyat Johor akan mendapat bekalan air dan tidak terputus dan tidak seperti mana di Negeri Selangor di bawah kepimpinan PR.

Yang Berhormat Datuk Speaker, usaha Kerajaan negeri menyelenggara jalan-jalan kampung melalui IDJ, Infra Desa Johor di setiap tahun melibatkan jalan sepanjang 5,000 km untuk melibatkan jalan 2,623 jalan kampung. Saya dimaklumkan, IDJ diberi peruntukan sebanyak RM50 juta untuk menyelenggara jalan kampung. Semerah mencadangkan supaya peruntukan ini ditambah kepada IDJ. Selain untuk menyelenggara jalan kampung, IDJ diberikan peranan untuk melebarkan jalan kampung. Selain melebarkan jalan kampung, juga melebarkan jambatan-jambatan MTB iaitu jambatan muatan tanpa beban ini yang sekarang ini, bila jalan-jalan ini telah dilebarkan jambatannya kecil. Dan ini membahayakan terutama kepada pengguna-pengguna jalan raya di kampung-kampung yang pastinya tidak ada lampu jalan kampung.

Di DUN Semerah sendiri kita terdapat 18 buah jambatan MTB yang memerlukan pelebaran dan kosnya dimaklumkan oleh pihak JPS sebanyak RM1.8 juta. Jadi, saya mohon supaya dapat diluluskan peruntukan ini untuk pembesaran 18 buah jambatan di kawasan DUN Semerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan negeri dalam Bajet yang lepas iaitu memberi peruntukan PGU, Program Galakan Usahawan terutama usahawan tani di kampung-kampung sebanyak RM1 juta. Walaupun RM1 juta, hanya beberapa bulan sahaja peruntukan ini telah selesai. Namun begitu, kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana menambah peruntukan RM1 juta lagi untuk PGU ini yang keperluannya amat diperlukan terutama oleh usahawan-usahawan yang berasaskan tani yang diuruskan oleh Jabatan

Pertanian. Kita nak memastikan bahawa produk-produk yang dikeluarkan oleh usahawan ini ialah produk yang berkualiti, yang boleh diterima sama ada pasaran dalam dan luar negara. Lebih-lebih lagi Kementerian Pertanian, Industri Asas Tani dan juga FAMA telah membuat Agro Bazar di Singapura yang akan dibuka pada bulan Jun ini. Setidak-tidaknya, produk-produk ini dapat dipasarkan ke luar negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Negeri Johor ini amat pesat membangun dari semua aspek. Oleh itu, tugas-tugas Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga tugas-tugas EXCO semakin mencabar, semakin berat bagi memenuhi tugas dan aspirasi rakyat. Oleh itu, Semerah mencadangkan agar pindaan dibuat dalam Fasal 4, Bahagian Ke-2 Undang-Undang Tubuh Kerajaan untuk membolehkan Pelantikan Timbalan-Timbalan EXCO bagi membantu tugas-tugas EXCO yang semakin melebar dan berat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita lihat di Negeri Melaka, Negeri Melaka mempunyai 28 buah kerusi DUN dan 6 Parlimen. 21 daripadanya ialah Barisan Nasional, 7 pihak pembangkang, ada seorang Ketua Menteri, 8 orang EXCO Kerajaan negeri dan 8 orang juga Timbalan EXCO Kerajaan negeri. Saya percaya, Semerah percaya dengan adanya jawatan Timbalan EXCO ini perlaksanaan segala perancangan oleh kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih cemerlang, cemerlang lagi.

Akhirnya Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai sedikit mengenai GST. Saya pun hairan GST ini, yang rata-rata pihak pembangkang tidak menerima. Ada perkataan Gasak Sampai Tumbang dan sebagainya. Bila ceramah-ceramah di kampung-kampung, inilah fakta-fakta yang diberi mungkin tidak menjelaskan sebenar-benarnya. Apakah pihak pembangkang di Malaysia ini lebih hebat daripada pembangkang di 143 buah negara yang telah menerima sistem ini. Saya pun tak faham tapi kita lihat bahawa sebanyak 143 buah negara telah menerima GST ini dengan baik. Negara jiran kita sendiri Singapura, Thailand, Indonesia di rantau asia ini hanya Malaysia, Brunei dan Myanmar ataupun pihak pembangkang takut kroni mereka ini yang selama ini tidak membuat taksiran cukai dengan jujur akan pecah tembelangnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Semerah mohon menyokong. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh.

YB Datuk Speaker : Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Nusajaya.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Nusajaya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk membahaskan Rundingan Junjung

Kasih oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor pada Mesyuarat Pertama bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang Ke-13, pada 29 Mei yang lalu.

Ingin Nusajaya memetik titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang berasa amat berpuas hati terhadap kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah berjaya menjadikan Kerajaan Johor bebas dari hutang dalam tempoh setahun sahaja pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pembangunan di Iskandar Malaysia pula telah berjaya menarik pelaburan berjumlah hampir RM140 bilion dengan menawarkan lebih 50,000 peluang pekerjaan. Alhamdulillah, prestasi ekonomi yang baik ini perlu dikekalkan kerana ia menyumbang kepada hasil Kerajaan negeri Johor. Dalam masa yang sama Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat kecewa dengan apa yang telah berlaku kepada Pulau Batu Putih disebabkan ketidaktahaman oleh pihak Persekutuan terhadap sejarah dan kedaulatan Negeri Johor.

Nusajaya dan seluruh rakyat Negeri Johor amat bersetuju dan menyokong penuh, sepenuh-penuhnya supaya satu pasukan khas ditubuhkan dengan segera untuk membuat rayuan bagi membatalkan keputusan yang telah dibuat oleh ICJ dan dengan izin Allah SWT, insya-Allah Pulau Batu Putih akan kembali menjadi hak Negeri Johor hendak-Nya.

Nusajaya juga ingin merakamkan pujian dan sokongan yang tidak berbelah bagi terhadap inisiatif dan kreativiti kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang dapat memberi suntikan baru ke arah pembangunan yang mampan di samping tidak mengetepikan nilai-nilai murni kemuafakatan Negeri Johor. Berbagai program yang disusun oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita hampir mencakupi seluruh aspirasi rakyat negeri ini terutamanya Program Suara Hati yang baru dilancarkan baru-baru ini. Program yang memberi peluang kepada seluruh rakyat Negeri Johor menyuarakan pendapat dan keinginan mereka agar apa jua pelaksanaan yang akan dijalankan mengambil kira kepentingan rakyat khususnya. Nusajaya dan kita semua sebagai rakyat Negeri Johor seharusnya mengambil peluang terhadap sikap keterbukaan yang diamalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi sama-sama menterjemahkan kejayaan yang gemilang di bawah kepimpinan beliau. Muafakat Johor membawa berkat, merakyatkan kerajaan serta pembangunan pro rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Nusajaya ingin menarik perhatian mengenai isu hudud yang dibawa oleh Parit Yaani semalam. Pada bulan Mei yang lepas, pihak PAS telah menundakan pembentangan hukum hudud di Parlimen bagi membentuk Jawatankuasa *Committee* Khas bagi menerangkan dengan sejelas-jelasnya kepada semua parti politik dan juga seluruh rakyat Malaysia. Cuma apa Nusajaya nak maklumkan di Dewan yang mulia ini, rakan-rakan seprofesional saya iaitu doktor-doktor di luar sana pun amat bingung, risau dan runsing dengan masalah siapakah yang akan dilantik menjadi pemotong tangan kepada pencuri-pencuri berkenaan. Doktor-doktor Islam berbelah bagi

dan berbeza pendapat. Ada yang sanggup tapi ramai yang tak sanggup. Manakala doktor bukan Islam langsung tidak mahu terlibat langsung. Kerana ini menurut mereka telah melanggar etika dan sumpah kedoktoran mereka malah mereka telah mencadangkan supaya pemotong daging lembu sahaja yang layak memotong tangan pencuri-pencuri.

Persatuan Perubatan Malaysia pula, dengan izin, MMA akan mengambil tindakan melucutkan keahlian doktor berkenaan dan akan merujuk kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk menghentikan lesen amalan doktor berkenaan. Kena tutup klinik bagi doktor-doktor swasta. Bagi doktor kerajaan pula, gaji mereka dibayar oleh KKM, Kerajaan Persekutuan, jadi mereka tertakluk kepada arahan oleh Kerajaan Persekutuan dan bukan Kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bayangkan kita memotong tangan orang tanpa bius dengan sakit yang amat dahsyat dan pancutan darah yang keluar tanpa henti. Dalam beberapa saat dua orang akan pengsan, satu yang kena potong tangan dan satu lagi yang tukang potong tangan. Bayangkan juga, kalau anak-anak kita berkhatan tanpa bius, menjerit satu kampung dengar. Anak-anak yang lain menunggu giliran lintang pukang lari. Memang tak akan bersunat sampai tua. Orang dewasa pun tak nak sunat kali kedua jika diberi *offer* untuk modifikasi sekalipun. Kalau guna bius untuk potong tangan dan jahit balik pancutan darah tadi, tak rasional pula kerana tiada rasa kesakitan kepada pencuri. Pencuri akan terus balik rumah dan sikap...

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Nusajaya, soal-soal subjektif berkenaan Islam ni, kita kena bercermat. Kita tak boleh bercakap ikut suka hati saja. Saya cadangkan beralih ke tajuk lainlah.

YB Dr Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Ok, baik Yang Berhormat Datuk Speaker. Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, sektor pelancongan di Negeri Johor merupakan industri yang masih muda tetapi berpotensi tinggi dengan kemajuannya yang begitu pesat melalui pembinaan tempat-tempat menarik pelancongan dan mempromosikan kawasan-kawasan khazanah alam semula jadi yang sedia ada di seluruh Johor.

Langkah-langkah Kerajaan negeri Johor melalui Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk EXCO serta dibantu oleh pihak UPENJ serta seluruh agensi kerajaan dan pihak industri pelancongan negeri dalam merangka strategi untuk merealisasikan matlamat tersebut harus dipuji. Jawatankuasa Pelancongan telah melakar satu Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor yang mana pelan ini bermatlamatkan untuk berperanan menjadikan Johor sebagai destinasi pelancongan utama yang bernilai tinggi.

Sebagaimana ADUN Bukit Batu, sasaran pelancongan Negeri Johor, 4.6 juta pelawat bagi tahun 2014, yang memberi pendapatan dalam lingkungan RM12

bilion. Manakala Negara Malaysia menyasarkan 28 juta pelancong dengan unjuran sumber pendapatan sebanyak RM76 bilion. Industri pelancongan merupakan sumber yang keenam terbesar dalam menambah pendapatan negara. Setiap 10 daerah Negeri Johor telah mengenal pasti tempat-tempat menarik pelancongan serta ikon daerah masing-masing di dalam mempromosikan daerah masing-masing kepada pelancong-pelancong baik dari dalam negara mahupun luar negara. Datuk EXCO Pelancongan Negeri merupakan seorang pemimpin yang rajin, dedikasi dan komited dan telah melawat ke seluruh daerah-daerah bagi, secara komprehensif dan berobjektiviti. Dalam ucapan beliau pada setiap taklimat di daerah, beliau berkata, kenapa Johor tidak boleh menjadi negeri pelancongan? Johor ada kelebihan, nak gunung, kita pun ada gunung; nak pantai, kita pun ada pantai; nak pulau, kita pun ada pulau; nak hutan, kita pun ada hutan; nak kampung, kita pun ada *homestay*; nak hotel mewah, kita pun ada hotel bertarat antarabangsa. Saya pun tidak ketinggalan mengikuti rombongan EXCO Pelancongan melawat setiap daerah kecuali satu daerah kerana saya, urusan rasmi di kawasan saya. Setiap lawatan daerah amat penting dan memberikan ilmu yang amat berguna kepada industri pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk memaksimumkan penyertaan masyarakat dan rakyat dalam sektor pelancongan Negeri Johor ini, Nusajaya mencadangkan agar Kerajaan negeri dan Kementerian Pelancongan Negara, menyediakan geran khusus atau peruntukan khas kepada pengusaha *homestay* di Negeri-Negeri Johor kerana mereka menyediakan *homestay* dengan peruntukan sendiri. Ini akan dapat memperbaiki kemudahan sedia ada dan menaikkan taraf kemudahan lain-lain untuk keselesaan pelancong dengan kepelbagaian yang diwujudkan sektor pelancongan di Johor ini. Nusajaya amat yakin dan percaya Johor akan menjadi hab atau pusat pelancongan terkemuka di negara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Nusajaya merupakan salah satu daripada 5 *flagship* dalam Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia. Walaupun bagaimanapun, penekanan khusus harus diberikan terhadap aspek keselamatan kerana ia merupakan tunjang kekuatan sesebuah negara khasnya dan di Nusajaya amnya.

Nusajaya melihat senario pembangunan pesat yang berlaku di Nusajaya sekarang ini memungkinkan kejadian yang di luar jangkaan akan berlaku. Ini kerana kemasyhuran yang sedang dicipta ketika ini akan mengundang pencerobohan dan penjajahan daripada pihak luar yang akan cuba untuk mengganggu gugat keharmonian kita selama ini. Pencerobohan dan penjajahan tidak sedar haruslah kita awasi bersama.

Dalam Nusajaya Bandar Selamat, pemasangan CCTV adalah elemen penting yang dititikberatkan. Namun demikian, Nusajaya mencadangkan agar pasukan keselamatan dipertingkatkan dengan menambah seramai mungkin anggota

keselamatan agar memenuhi setiap inci Wilayah Iskandar amnya, Nusajaya khasnya.

Saya, Nusajaya mencadangkan kepada Kerajaan negeri agar bertindak segera kerana kita tidak boleh berkompromi dengan dari aspek keselamatan bagi menjamin keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Nusajaya melihat kepesatan yang berlaku di Nusajaya begitu mengujakan dan memberikan gambaran bahawa perancangan yang cukup teratur telah tersedia di awal pelaksanaan. Apa yang menjadi persoalan yang berlegar di minda kini, bagaimanakah sistem pengangkutan awam sedia ada dapat menampung pertambahan penduduk sejajar dengan kesibukan yang semakin hari semakin terbentuk akibat pembangunan bersepadu yang dilaksanakan. Bagaimanakah kerajaan menyediakan pelan pengangkutan awam yang efisien dan teratur agar segala aktiviti harian tidak tergendala akibat kesesakan jalan raya mahukan kelewatan ke destinasi yang dituju? Adakah terdapat pelan perancangan sistem pengangkutan monorel atau LRT memandangkan terdapat peluang untuk Kerajaan negeri melaksanakan sejajar dengan apa yang berlaku di negara maju yang lain di dunia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cuba kita bayangkan, sama-sama kita bayangkan, kita tidak perlu lagi memandu kereta di Kota Nusajaya ini, sebagai contoh, kita mempunyai monorel daripada Kulai ke Nusajaya, daripada Pasir Gudang ke Nusajaya dan daripada Johor Bahru ke Kota Nusajaya. Kita juga berulang alik daripada Johor Bahru ke Singapura bagi yang bekerja setiap hari. Juga kereta api laju daripada Nusajaya ke Kuala Lumpur yang mengambil masa 1 jam setengah dan ke Pulau Pinang dengan masa yang 3 jam. Teksi-teksi pula yang cantik, bersih dan pemandu yang berhemah tinggi, serta bas-bas pengangkutan awam yang selesa, yang kekerapan jadual serta ketetapan waktu. Dengan ini Bandaraya, Kota Nusajaya akan menjadi bandar raya yang pencemaran asap yang minima.

Akhir sekali, kesihatan merupakan elemen penting yang harus ada bagi sesebuah negara untuk melahirkan masyarakat yang berdaya saing. Nusajaya bakal menghimpunkan masyarakat majmuk, berbilang kaum dan juga bertambah populasi penduduk yang ramai kerana taman-taman perumahan yang wujud di Wilayah Pembangunan Iskandar ini. Prasarana kesihatan perlu diberi perhatian untuk mengimbangi senario ini.

Nusajaya ingin mencadangkan kepada Kerajaan negeri agar menaikkan taraf Klinik Kesihatan Gelang Patah yang sedia ada ini, kerana sudah sampai waktunya, kerana apa, kerana pesakit-pesakit yang begitu ramai dan terdesak. Ini perlu dilaksanakan dengan kadar segera bagi menjamin keselesaan masyarakat Gelang Patah.

Nusajaya juga telah menerima cadangan dan rayuan penduduk-penduduk dan masyarakat di Nusajaya yang inginkan sebuah hospital kerajaan didirikan. Nusajaya berpendapat bahawa kewujudan hospital kerajaan perlu untuk menjadi pilihan alternatif kepada golongan yang kurang berkemampuan. Kerajaan negeri harus memandang serius permintaan ini kerana Hospital Sultanah Aminah yang berhampiran sudah bertambah sesak dengan kehadiran pesakit yang begitu ramai. Justeru itu, hospital kerajaan Nusajaya perlu dibina dengan segeranya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali Nusajaya menyokong usul yang telah dibawa oleh Pasir Raja. Sekian, terima kasih wabillahitaufik walhidayah, wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Nusajaya. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi Dewan pada kali ini. Pertamanya, Sungai Balang ingin menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor semasa Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kedua, Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. Marilah kita semua berusaha untuk menjaga tatatertib lidah atau tutur kata yang kurang sopan apabila berbahasa di Dewan yang mulia ini sebagaimana Titah Tuanku yang belum berpuas hati kepada Ahli Dewan seperti perkara 4.

Kita haruslah ingat iaitu bahasa menunjukkan bangsa. Amalan budaya hidup yang beradab sopan, hormat menghormati dan saling bantu membantu antara satu sama lain, tanpa mengira agama, bangsa atau warganegara selama ini memanglah menjadi amalan kita. *Yang kurik itu kendi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa.*

Sungai Balang ingin juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang telah berjaya melancarkan Pelan Suara Hati Johor pada 31 Mei 2014. Dan, ini merupakan inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi merakyatkan kerajaan, melestarikan pembangunan pro rakyat dan memperkasa Muafakat Johor dan memberi peluang kepada orang ramai mengemukakan maklum balas ke atas langkah-langkah yang diambil oleh pentadbiran Negeri Johor, di samping membangkitkan isu-isu utama rakyat untuk perhatian Kerajaan negeri. Sungai Balang ingin mencadangkan supaya program yang baik ini dapat diturunkan ke peringkat daerah pula.

Sekali lagi, saya berdiri di sini untuk membangkitkan isu belia. Statistik penduduk negara menunjukkan bahawa lebih 40% rakyat Malaysia berumur antara 15 hingga 39 tahun. Generasi belia merupakan aset penting bagi menentukan masa hadapan negara. Mereka perlu memainkan peranan secara pro aktif

dan berterusan bagi menyambung usaha pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Hasrat murni dalam Wawasan 2020 hanya dapat dicapai sekiranya belia mempunyai kualiti dan memainkan peranan secara efektif sebagai rakan kongsi dalam pemajuan negara dan pembinaan bangsa.

Transformasi sosial yang berlaku dalam negara pada abad ke-21 ini telah memberikan implikasi yang besar kepada gaya fikir dan gaya hidup generasi belia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengambil kira perubahan dan perkembangan dalam pembangunan belia di antara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Pembangunan Belia pada 3 Ogos 2010, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah penubuhan Makmal Transformasi Pembangunan Belia. Soalnya sekarang, apakah pelaksanaan seperti Pusat Belia yang bertujuan sebagai pusat informasi, bazar perniagaan belia hujung minggu, Laman Bakat atau Laman Aktif telah diwujudkan di peringkat negeri atau daerah. Untuk makluman, di peringkat kawasan perkara-perkara seperti ini sangat-sangat digemari dan diperlukan dalam memenuhi citarasa dan mengisi masa belia pada masa kini. Buat masa ini, mereka hanya ada gelanggang futsal itupun kadang-kadang tak mampu untuk digunakan untuk waktu malam kerana gelanggang futsal apinya dipotong.

Saya juga mohon, ini ialah kerana tidak ada pemantauan oleh pihak-pihak yang tertentu. Dan, rata-rata belia ini ialah, yang bermain ini ialah antara umur 15 hingga 35 tahun. Buat masa ini, Sungai Balang tidak nampak program atau aktiviti yang dijalankan boleh membentuk jati diri belia. Program mendekati belia secara bersantai adalah lebih berkesan dan Pegawai-Pegawai Belia hendaklah turun padang untuk melihat dan menyusun program bersama-sama supaya ianya akan lebih berkesan dan efektif kepada belia. Perancangan secara *Bottom Up Strategy* dengan izin, adalah lebih berjaya. Jangan dilihat kejayaan belia hanya sewaktu tertentu sahaja seperti Sambutan Hari Belia, Sambutan Hari Kemerdekaan atau di hari-hari perayaan sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sungai Balang juga ingin mengucapkan terima kasih kepada EXCO Belia kerana telah bermurah hati memberikan bola futsal, sepak takraw dan bola keranjang walaupun bukan kuantiti yang banyak tetapi dapat dimanfaatkan oleh belia. Terima kasih daun keladi, harap-harap tahun ini berilah lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hab pendidikan kemahiran juga penting dan ianya merupakan pusat pembelajaran sepanjang hayat di mana ianya akan memberi penumpuan atau faedah kepada golongan remaja lepasan SPM yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA, IPTS dan juga kepada golongan dewasa yang bekerja ataupun suri rumah, mereka juga diberi peluang untuk mengikuti kursus peringkat sijil sama ada secara sepenuh masa atau hujung minggu bagi memberikan ilmu kemahiran secara formal sama ada dalam bidang kulinari, penyediaan makanan untuk *catering* ataupun *basic*

landscape dengan izin, dan ianya juga dapat memperkasakan ekonomi sama ada golongan remaja atau dewasa. Oleh itu, Sungai Balang mohon supaya sebuah hab pendidikan kemahiran dapat didirikan di Sarang Buaya di lokasi PTD 8177 dan diberikan peruntukan kerana di situ terdapat 10 ekar tanah Giat MARA yang terbiar sejak tahun 2006. Sekurang-kurangnya tidaklah Sungai Balang ketinggalan berbanding dengan kawasan berhampiran seperti Pagoh dan Ledang. Di mana kedua-dua daerah ini, Parlimen ini mempunyai institusi pendidikan yang dibanggakan. Sungai Balang memikirkan setelah 13 kali melalui pilihan raya, Sungai Balang mengharapkan wajarlah Sungai Balang diberikan peluang dan peruntukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dua perkara lagi yang ingin Sungai Balang pohon tindakan dan perhatian ialah :

1. Mohon kerja-kerja pembinaan Sekolah Agama Sarang Buaya dapat diteruskan sehingga siap. Dan untuk makluman sekolah tersebut telah dibina pada tahun 2012 tetapi telah terhenti pembinaannya pada bulan Jun 2013 hinggalah sekarang. Buat masa ini kanak-kanak ditempatkan di sekolah agama yang uzur dan tidak selamat untuk digunakan.

2. Sungai Balang mohon supaya Pejabat Belia dapat memantau semula gelanggang futsal yang rosak seperti di kawasan DUN Sungai Balang, di Paya Lebar, Parit Bulat Darat, Kompleks Penghulu Sungai Balang, Parit Megelan dan Parit Bugis. Selain daripada itu juga, Sungai Balang mohon supaya Pejabat Belia dapat membantu dari segi pembayaran api di gelanggang tersebut kerana inilah sahaja sukan yang ada untuk mengisi masa lapang mereka dan sukan ini menjadi kegemaran remaja dan belia di kampung untuk mengisi masa lapang khasnya yang berumur 16 hingga 21 tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang pernah dibangkitkan Buloh Kasap pada sidang yang lalu di Dewan yang mulia ini mengenai isu gaji petugas PDK yang terlalu kecil. Sungai Balang juga mengharapkan supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil tindakan segera berhubung dengan kenaikan ini kerana supaya petugas-petugas ini dapat melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang dan insya-Allah mereka akan dapat berkhidmat dengan sebaik-baiknya.

Selain daripada itu juga, Sungai Balang mencadangkan petugas-petugas ini diberikan kursus bagi pemantapan diri atau motivasi diri supaya mereka dapat menghadapi serta menangani segala permasalahan atau beban tugas dengan perasaan yakin dan penuh tanggungjawab. Selain daripada itu juga, Sungai Balang ingin mencadangkan supaya diberikan peruntukan di PDK seperti peralatan terapi fizikal dan juga *soft lay equipment* dengan izin, supaya dengan ini dapat mengembangkan potensi otak dan motor anak-anak PDK.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali ucapan terima kasih dari Sungai Balang khasnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang begitu prihatin. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO Belia, EXCO Pertanian kerana pada hari ini pembinaan dua pasar nelayan di DUN Sungai Balang telah pun mendapat waran pembinaan bagi tahun 2014. Selain daripada itu, terima kasih kepada EXCO Perpaduan, EXCO Pelancongan dan juga EXCO Agama yang telah sudi hadir dalam program-program yang diadakan di Sungai Balang dan juga dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah yang ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di hujung minggu bersama rakan, pergi berkelah di Air Papan, apa yang dipohon harap disegerakan, supaya Sungai Balang terus maju ke hadapan. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih, assalamualaikum wahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk)

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tenang.

YB Encik Mohd Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor, salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu, Tenang ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana turut memberi ruang dan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang Ke-13.

Yang Berhormat Datuk Speaker, segala teguran, cadangan dan juga nasihat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan menjadi satu iktibar kepada kita semua supaya terus bekerja bagi memastikan limpahan pembangunan Negeri Johor sentiasa berkembang dan meningkat untuk manfaat Kerajaan serta rakyat jelata dan kita juga sebagai rakyat Johor lebih peka dan prihatin kepada perkembangan-perkembangan mutakhir yang berlaku dalam Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengulas tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Semerah tadi mengenai GST. Pada 1 Mei yang lalu tarikh yang dirai oleh semua pekerja pada setiap lapisan kerja sama ada kerajaan ataupun swasta iaitu menyambut hari buruh namun ada pihak pula yang seolah-olah buta mata hatinya menganjurkan perhimpunan membantah GST itu. Dasar percukaian kerajaan yang akan dilaksanakan bermula April 2015 ini akan membawa lebih manfaat kepada pembangunan ekonomi dan pendapatan negara. Sekali lagi, media maya mengambil tempat sebagai anasir utama untuk menyebarkan dakyah salah ini. Kita berasa amat sedih sekali kerana sikap pihak pembangkang yang tidak punya pasang surutnya dalam melabelkan kebaikan yang cuba dibawa oleh kerajaan sebagai bebanan kepada rakyat. Yang menjadi peliknya GST ini telah pun diamalkan lebih 140 negara di dunia ini tanpa apa pun sebarang masalah, malah negara-negara yang mempunyai per kapita jauh lebih kurang daripada Malaysia turut mempraktikkan GST dalam

sistem percukaian mereka. Yang menjadi semakin pelik pula kita tidak pula mendengar adanya rungutan atau perhimpunan membantah sistem percukaian ini di negara-negara luar.

Apakah ini bermaksud rakyat kita lebih bijak daripada rakyat di 140 buah negara tersebut. Atau hanya di Malaysia sahaja terdapat segelintir rakyat berjaya yang ditipu oleh pihak pembangkang. Sekiranya diteliti berdasarkan rakaman foto dan video kita diperkenalkan dengan kelompok segelintir rakyat yang menolak GST ini dengan izin rata-rata mereka kita kenali sebagai kelompok rakyat yang tidak tergolong dalam kelompok yang perlu membayar GST ini. Kelompok-kelompok yang menggunakan barangan perkhidmatan asas ini tidak layak untuk dikenakan GST. Hatta apakah mereka sedar tindakan mereka ini lebih disukai oleh kelompok peniaga-peniaga yang selama ini lari dari membayar cukai sedangkan GST ini dapat memastikan kelompok ini tidak boleh lari daripada membayar cukai. Apakah mereka tahu melalui GST, hasil pendapatan negara akan meningkat dan hasil itu sendiri akan dinikmati oleh rakyat melalui pembangunan ataupun subsidi. Sekali lagi mereka mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ataupun peranan media.

Yang Berhormat Datuk Speaker, atas isu yang ditimbulkan itu, kita dapat simpulkan bahawa media maya mempunyai peranan utama dalam menentukan hala tuju negara. Satu dimensi baru yang pada tanggapan saya sebagai bom jangka dalam meledakkan kemakmuran negara. Sebelum ini kita dikejutkan dengan kejatuhan setengah-setengah negara yang pada asalnya melalui media masa sehingga ke saat ini masih lagi bergolak. Seolah-olah sudah tiada nilai pendamaiannya. Begitu juga sifat bom jangka ini bakal merobek kemakmuran negara sekiranya, kita tidak membendung dengan berkesan. Ini memberi idea kepada beberapa buah negara di dunia untuk mengekang budaya media maya ini. Hasilnya, hari ini mereka masih mampu bertahan sebagai sebuah negara yang masih berdaulat.

Justeru itu, bukanlah bermaksud kita sewajarnya anti media maya namun yang lebih utama kerajaan melalui Pihak Berkuasa Suruhanjaya Komunikasi Multimedia mengorak langkah yang lebih tegas membendung penularan budaya spekulasi jahat ini lebih berleluasa. Saya menyeru pihak yang bertanggungjawab akan lebih tegas dan tuntas dalam menangani budaya negatif media maya ini kerana hari ini kita gusar apabila timbul spekulasi yang tidak baik, ancaman berbaur perkauman dan agama, unsur lucah dan tidak bermoral, bahkan fahaman songsang ataupun negatif menjadi santapan mudah kepada rakyat tanpa mengira batas umur dan daya pemikiran mereka. Kita tidak mahu kemakmuran negara ini hancur dengan tangan-tangan kotor yang menggunakan media sosial atau maya sebagai alat menyampaikan dakyah mereka. Apakah kita mahu nanti sudah terhantuk baru nak tengadah atau menangis di tepi kali melihat timba kehilangan tali. Saya cukup percaya andai kerajaan lebih tegas dalam menapis dan mengambil tindakan terhadap

pesalah media sosial atau maya ini, kita dapat membendung budaya negatif yang menghancurkan kemakmuran negara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bercerita tentang isu perhimpunan haram, hari ini kita lihat budaya perhimpunan ini sudah semakin menular dan menjadi semacam ada keseronokan pada segelintir rakyat untuk berhimpun, bergerak ataupun memekik-sorak, mencaci-maki, merosak dan menjahanamkan harta benda serta menimbulkan ketakutan segelintir pihak yang lain. Dalam beberapa siri perhimpunan haram berlaku, tindak tanduk peserta ini sudah melampaui batas hingga merusuh dan mencederakan pihak lain. Apakah kita ingin meletakkan nasib sebuah negara bangsa yang berdaulat di atas tangan beberapa puak yang, atau beberapa kelompok kecil rakyat yang jahil moralnya atau apakah kita mahu melihat nanti akan wujud dua pihak yang bertembung dan seterusnya mencetuskan pergaduhan, huru-hara dan juga perbalahan. Atau apakah kita bersetuju akan datang dasar negara ini ditentukan di tepi-tepi jalan dan padang perhimpunan. Kita wajar mengakui bahawa kelompok yang suka berhimpun ini amat kecil jumlahnya.

Justeru itu, kita harus mendengar keluh kesah kelompok rakyat majoriti yang mahukan keamanan dan undang-undang dihormati. Kita didedahkan dengan terlalu banyak kesalahan dan juga kejahilan yang ditunjukkan oleh peserta demonstrasi ini bermula dengan melibatkan kanak-kanak, melibatkan warga emas, menempatkan orang, golongan OKU dan sebagainya. Bahkan terdapat bukti teknikal seperti kelompok yang naik minyak merusuh dan mencederakan orang lain selain merosakkan harta benda awam. Sudah sampainya masa kita menghormati undang-undang yang kita buat dan melepaskan rasa ketakutan kelompok majoriti kepada tindak tanduk peserta perhimpunan. Asasnya tangkapan dan hukum mereka dengan peruntukan undang-undang yang ada bukan sekadar menakutkan mereka sahaja tetapi menyedarkan mereka terlalu banyak pilihan untuk meluahkan rasa tidak puas hati mereka. Andai kata kita terlalu berlembut dengan kelompok ini bagaimana pula dengan hak kelompok majoriti yang mahukan kemakmuran dan kedamaian yang sering digugat oleh peserta perhimpunan ini. Atau kita akan rasa bangga apabila orang luar melihat negara kita sebagai pentas perhimpunan dan meletakkan dasar negara di tangan manusia yang jahil seperti yang berlaku di negara jiran kita ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi isu mengenai kos kenaikan sara hidup rakyat. Hari ini kita lihat bahawa setiap hari kita disajikan dengan kemelut rakyat mendepani isu kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat. Seolah-olah kita berada diambang kemelesetan dan kemiskinan. Namun yang menjadi hairan, rakyat negara ini mempunyai kuasa beli yang tinggi. Bahkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan negeri sering kali mengetengahkan produk yang bertujuan membantu rakyat membaiki taraf hidup mereka. Dalam menangani kemelut kos itu, Kerajaan negeri melalui agensi-agensinya menyediakan insentif kerajaan kepada rakyatnya contohnya Pembinaan Rumah Mampu Milik kepada keluarga yang berpendapatan rumah di bawah RM3,000.00 sebulan

rumah yang mampu dimiliki dengan harga yang rendah setelah diberi insentif oleh kerajaan.

Selain itu, bantuan kepada pengusaha kecil yang baru berkecimpung di dalam dunia perniagaan dengan kemudahan pinjaman perniagaan melalui agensi Tekun Nasional tanpa faedah. Kaedah bayar balik yang lebih fleksibel, selain itu kewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia, Pasar Rakyat, Pasar Tani serta produk Kedai 1Malaysia lain membantu rakyat memenuhi keperluan harian dengan pilihan yang baik tetapi dengan harga yang berpatutan dan kualiti yang baik.

Justeru itu, kita tidak nampak di manakah kelemahan kerajaan dalam menangani kos sara hidup ini apatah lagi selepas tindakan kerajaan menetapkan gaji minimum kepada pekerja sektor swasta. Ironinya, dalam usaha kerajaan menangani masalah kenaikan kos sara hidup, semua pihak termasuk golongan berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi turut merasai kenikmatannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin kembali membicarakan tentang isu dalam DUN Tenang, pertamanya pihak Tenang merakamkan setinggi ucapan penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan rombongan kerajaan yang telah melakukan lawatan kerja ke DUN Tenang baru-baru ini. Dalam kesempatan yang ada ini Yang Amat Berhormat telah meluangkan bersama-sama kepimpinan tempatan dan negeri mengadakan lawatan ke Pusat Kolam Rekreasi Air Panas yang terletak di pekan Air Panas dan juga dan majlis tersebut, rakyat Tenang dan juga segelintir daripada rakyat Bekok yang menerima surat cara pemilikan tanah untuk penempatan semula di Tenang Stesyen dan juga di Ladang Chan Wing, Bekok menyatakan rasa terima kasih dan syukur kepada Kerajaan negeri terbukti mendengar dan juga merasa denyut nadi rakyat. Dalam kesempatan majlis tersebut Yang Amat Berhormat telah pun diperlihatkan dengan produk industri kraf kayu hanyut dan juga produk gasing yang menarik di sini. Produk gasing budaya dan juga industri kraf kayu hanyut merupakan nilai utama memperkenalkan daerah kecil Labis sebagai satu kawasan ekopelancongan utama Negeri Johor.

Dan juga, cuma apa yang diharapkan agar wujudkan satu institusi atau pusat pelancongan seperti Kampung Budaya di kawasan Tenang dan juga lawatan daripada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Kerajaan negeri baru-baru ini di tempat tersebut juga, diharap dapat membantu sekurang-kurangnya dapat memajukan lagi pusat kolam rekreasi air panas agar menarik lebih ramai pelancong-pelancong bukan sahaja berada di dalam negara, malah di kawasan di luar ini, terutamanya di Singapura.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya dari segi pembinaan jalan raya yang menghubungkan FELDA Redong dan Selancar, hasil tinjauan menunjukkan pembinaannya sudah hampir siap 50%. Tenang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan negeri kerana telah pun melantik kontraktor untuk meneruskan walaupun kegagalan kontraktor yang terdahulu

mendatangkan permasalahan kepada pengguna jalan yang ada. Umum mengetahui bahawa pengguna jalan terdiri daripada penduduk kampung Segamat Kecil Orang Asli dan juga pengeluaran hasil tanaman kelapa sawit yang di bawa keluar daripada FELDA Redong ke kilang kelapa sawit di Selancar. Justeru pembinaan jalan raya ini dilihat amat penting selain merupakan jalan alternatif yang menghubungkan Negeri Johor dan Negeri Pahang serta negeri-negeri di Pantai Timur.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Tenang, sila duduk. Yang Berhormat Tenang boleh menyambung sebelah petang dan saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, di sebelah petang apabila kita menyambung perbahasan ini. Yang Berhormat Paloh, Puteri Wangsa, Senai, Pekan Nenas, Stulang, Bentayan, Bekok dan seterusnyalah mana yang sempat kita akan sambung sebelah petang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

Persidangan Dewan Negeri disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Kita teruskan ucapan menjunjung kasih ini, perbahasan menjunjung kasih dengan menjemput Tenang menyambung perbahasan selama 5 minit lagi. Jemput.

YB Encik Mohd. Azhar bin Ibrahim (Tenang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Seterusnya saya ingin membawa isu pembinaan jalan raya yang menghubungkan FELDA Redong dan FELDA Selancar. Hasil tinjauan menunjukkan pembinaan jalan raya ini sudah siap hampir 50% namun kegagalan kontraktor yang terdahulu, mendatang permasalahan kepada pengguna jalan yang ada. Umum mengetahui pengguna jalan yang terdiri dari penduduk Kampung Asli Segamat Kecil dan juga pengeluaran hasil tanaman kelapa sawit yang di bawa keluar daripada FELDA Redong ke kilang kelapa sawit Selancar. Justeru itu pembinaan jalan raya ini dilihat amat penting selain merupakan satu jalan alternatif yang menghubungkan Negeri Johor dan juga Negeri Pahang serta negeri-negeri di Pantai Timur. Jika lebuh raya itu siap kemudian. Saya difahamkan bahawa kontraktor baru telah pun dilantik oleh Kerajaan negeri dan apa yang diharapkan oleh rakyat agar perlaksanaan pembinaan ini dapat dipercepatkan agar projek ini tidak dilihat sebagai satu projek yang gagal. Dan juga, projek pembinaan jalan raya yang menghubungkan FELDA Redong dan Selancar ini bukan sahaja berkepentingan dalam aspek ekonomi malah dari segi kedudukannya yang menghubungkan

Selatan dan Pantai Timur tanah air boleh dijadikan sebagai satu hub pengeluaran, satu hab pengenalan Negeri Johor.

Apa yang diharapkan agar dengan adanya jalan perhubungan ini bukan sahaja memendekkan perjalanan antara Negeri Johor dan Pantai Timur tetapi merupakan jalan masuk ke dalam Negeri Johor ini. Dengan pembinaan jalan perhubungan ini nanti kita mampu menjana ekonomi seterusnya dengan membangunkan kawasan industri berasaskan pertanian dan pembuatan. Peluang pekerjaan dan jalinan ekonomi yang mampan mampu menarik pelabur dari luar untuk bersama-sama berencana ekonomi Negeri Johor. Kedudukan Orang Asli di Segamat Kecil serta kedudukannya yang berhampiran dengan Gunung Tenang dan persempadanan dengan Taman Negara Endau-Rompin mampu menjana ekopelancongan negeri juga. Pendek kata sedikit penambahbaikan kita mampu menjana ekonomi negeri serta rakyat setempat mampu meraih hasil laba, hasil daripada jalan perhubungan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dari segi hendak saya bangkitkan di sini iaitu dari segi kuarters pendidikan dan juga kuarters kesihatan yang telah pun ditinggalkan dibiarkan tanpa pengurusan di Labis. Jadi, Persidangan yang terdahulu saya pernah membangkitkan beberapa langkah alternatif dalam pengurusan untuk pentadbiran kuarters tersebut. Saya ingin menyatakan langkah alternatif untuk menaikkan kuarters pendidik di Jalan Labis Kampung Tenang ini. Sebagaimana sebelum ini saya telah suarakan melalui Kementerian Pendidikan boleh jadikan kuarters pendidik tersebut sebagai salah satu cawangan kepada Kolej Komuniti. Kedudukan yang terletak di sebelah Sekolah Menengah Kamarul Ariffin dan mempunyai persekitaran yang harmoni serta jalan yang hubungan yang baik. Kerana kita lihat kuarters pendidikan ini suatu kuarters yang cantik walau pun sebelum ini tinggal beberapa keluarga namun lama-kelamaan, sedikit demi sedikit keluarga telah pun berpindah dan tertinggallah. Walau pun mungkin agak menakutkan juga kerana berdepannya terletak kubur, tetapi walau macam mana pun saya yakin itu tidak menjadi satu isu di situ kerana apa yang diharapkan dengan boleh kita jadikan kuarters pendidikan yang cantik tersebut dan yang besar boleh kita harapkan cadangan untuk meletakkan salah satu kolej komuniti di situ.

Di samping itu, di kuarters kesihatan juga tertinggal juga. Masalah ini juga menjadi satu isu di kawasan saya di sana, kerana apa yang diharapkan kewujudan kuarters kesihatan yang tertinggal begitu sahaja menyebabkan menimbul satu implikasi atau pun satu kesan, kerana kuarters walau pun agak besar juga tetapi tidak ada berpenghuni dan mungkin boleh dicadangkan kita boleh menjadikan peranan belia. Tempat untuk berhimpun, atau pun bersosial atau secara tidak langsung kita boleh menjadikan kuarters kesihatan tersebut ini digunakan untuk menggunakan sumber kelestarian pembangunan belia dan juga pendidikan tersebut. Jadi, saya berharaplah kedua-dua kuarters ini boleh dipertimbangkan untuk kita wujudkan satu pembangunan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sini juga saya ingin menyentuh sikit tentang setengah-setengah tempat ada ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai monyet. Di kawasan saya gajah pula. Di mana lokasi di gunung terletak di Gunung Tenang, banyak gajah berkeliaran sebenarnya dan mereka mudah masuk kampung di situ. Walau pun kita ada pagar elektrik tetapi gajah ini satu spesies dia langgar sahaja. Dengan pagar elektrik tidak ada kesan pada dia ya. Jadi, dia boleh menyebabkan kerugian kepada petani-petani atau pun pekebun-pekebun di sana menyebabkan pokok-pokok getah, sawit atau pisang yang ditanam telah pun dimusnahkan oleh gajah tersebut.

Saya berharap agar Jabatan PERHILITAN mengambil langkah untuk mengurangkan permasalahan gajah di kawasan tersebut. Jadi, akhir sekali di sini saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan, melihat kepada ketelusan Kerajaan negeri. Hari ini dalam membela nasib dan kelestarian hidup rakyat Johor saya cukup yakin bahawa kemakmuran negeri ini akan bertambah dan sentiasa di rasai oleh setiap rakyat Johor yang berdasarkan kepimpinan negeri yang mampan. Cuma saya ingin sentuh YB daripada Nusajaya mungkin tadi telah mewakili ya daripada persatuan perubatan, tentang masalah-masalah yang mungkin timbul dari segi dasar, kita tidak menentang dari situ. Mungkin menyuarakan bagi pihak profesional perubatan situ. Jadi, dengan ini Tenang menyokong rundingan yang dibawa oleh Pasir Raja. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tenang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan menjunjung kasih ini kita teruskan dengan saya menjemput Yang Berhormat Paloh.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Paloh mengucapkan terima kasih, kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, dan barisan kepimpinannya, kerana berdasarkan Laporan Kewangan Kerajaan negeri Johor pada tahun 2013 buat pertama kalinya mempunyai baki lebihan atau *surplus* dengan izin, sebanyak RM485 juta berbanding dengan baki defisit sejak tahun 2000 lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar Johor dan kerajaan negeri kerana telah menaikkan kadar elaun Ahli-Ahli Dewan Negeri mulai 1 Januari 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, d'alam perlawanan Piala Thomas 2014 yang berlangsung di New Delhi, India baru-baru ini, pasukan Negara kita telah

berjaya memasuki ke peringkat akhir berlawan dengan pasukan Jepun. Walaupun, pemain-pemain kita telah bermain dengan begitu gigih dan bersemangat, malangnya nasib tidak menyebelahi kita. Setelah bermain selama enam jam kita telah tewas di tangan pasukan Jepun dan Jepun telah mencipta sejarah kerana buat kali pertama mereka menjadi Juara dalam Piala Thomas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 25 Mei 2014, seluruh rakyat Malaysia termasuk Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abd. Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor juga berada di depan kaca televisyen menyaksikan siaran langsung perlawanan Piala Thomas yang begitu hebat. Seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum tidak mengira warna kulit atau latar belakang telah bersatu padu memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada pemain-pemain Negara kita walaupun mereka semuanya terdiri daripada kaum Cina. Di kedai-kedai makan atau kedai-kedai mamak, kita boleh nampak penyokong-penyokong cukup gembira apabila pemain-pemain kita mendapat mata. Dan sebaliknya apabila pihak lawan mendapat mata mereka rasa sedih. Di sini kita nampak wujudnya perpaduan rakyat untuk Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 50 tahun, 57 tahun yang lalu, 3 kaum utama Negara kita iaitu Melayu, Cina dan India di bawah pimpin, pemimpin-pemimpin kita seperti Allahyarham Tun Abdul, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, mendiang Tun Tan Cheng Lock dan mendiang Tun Sambanthan telah berganding bahu memperjuangkan kemerdekaan untuk dan akhirnya kita telah berjaya mencapai kemerdekaan dari penjajahan British pada 31 Ogos 1957. Kita harus bersyukur kepada tuhan dan berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita atas perjuangan mereka. Suasana politik pada hari ini sudah berubah. Banyak pihak cuba hendak memecahbelahkan rakyat untuk mengambil kesempatan. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua rakyat Johor supaya terus bersatu padu demi keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kereta api merupakan salah satu bentuk pengangkutan awam yang penting terutamanya bagi pekan atau bandar yang agak terpencil seperti Layang-Layang, Renggam, Chamek, Paloh dan Bekok. Penduduk-penduduk di sini banyak bergantung kepada kereta api untuk ke Kuala Lumpur di Utara atau Johor Bahru di Selatan. Ramai juga yang bekerja di Singapura. Keretapi Tanah Melayu harus memberi perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi kehendak pelanggan. Malangnya saya telah menerima banyak aduan daripada penduduk di Paloh dan sekitarnya mengatakan bahawa mereka selalu tidak dapat membeli tiket untuk pulang ke rumah dari Singapura pada hari Sabtu ataupun mereka terpaksa membeli tiket ke stesen yang lebih jauh dari apa yang sepatutnya. Ini bermakna mereka terpaksa membayar tambang yang lebih. Jadi, ini adalah tidak adil kepada mereka. Pada hari Ahad, mereka pula akan pulang semula ke Singapura dan selalunya mereka juga tidak dapat membeli tiket. Maka saya bercadang

supaya Keretapi Tanah Melayu dapat menambahkan gerabak pada hari Sabtu dan Ahad untuk memenuhi permintaan penumpang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek pembinaan landasan kereta api berkembar dari Johor Bahru ke Gemas dijangka akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Dengan pelaksanaan projek tersebut, pekan atau bandar seperti Layang-Layang, Renggam, Paloh, Bekok dan Labis diharapkan dapat berkembang dan juga maju bersama terutamanya dalam sektor pelancongan. Pelancong-pelancong boleh menaiki kereta api ke bandar-bandar ini untuk berjalan-jalan atau membeli produk-produk tempatan. Ini akan dapat meningkatkan pendapatan orang-orang tempatan. Maka penduduk-penduduk tempatan harus mengambil peluang dan mempromosikan produk-produk yang dapat menarik minat orang luar ataupun pelancong datang. Kerajaan juga boleh membantu mempromosikan tempat-tempat ini dengan membina *landmark* dengan izin, yang tertentu di tempat-tempat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh dikelilingi oleh ladang-ladang kelapa sawit. Maka kebanyakan penduduk bekerja di ladang. Oleh kerana peluang pekerjaan sangat terhad maka ramai anak muda terpaksa bekerja di luar seperti di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Singapura. Oleh sebab itu, saya berharap agar kerajaan negeri Johor dapat mempertimbangkan untuk membangunkan sektor perindustrian di Paloh demi menarik modal dan tenaga pekerja untuk bekerja di Paloh dan seterusnya membangunkan Paloh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara seterusnya yang ingin saya sampaikan adalah berkaitan dengan pembinaan sebatang jalan baru dari Paloh ke Bekok. Lebih kurang 20km bagi tujuan memendekkan perjalanan serta mendekatkan penduduk di Paloh dan Bekok. Dengan terbinanya jalan baru ini adalah diharapkan ianya akan merancakkan sosial ekonomi kedua-dua tempat ini dan menolong mengembangkan industri pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga nak bercakap berkaitan dengan titah sultan iaitu nombor 50. Pada awal tahun ini telah berlaku musim kemarau yang panjang yang telah menyebabkan berlaku gangguan bekalan air kepada banyak penduduk dan pengguna industri. Daerah yang turut terlibat adalah Kluang di mana catuan air berjadual terpaksa dibuat selama beberapa minggu. Di sesetengah tempat seperti di Paloh, bekalan air pula terpaksa dihantar dengan lori tangki. Ini juga telah menimbulkan banyak masalah antaranya ada penduduk yang mengadu lebih kurang lima atau tujuh hari mereka tidak dapat air. Ada juga yang mengadu lori hantar air pada waktu malam pukul 12. Ada pemandu lori pula mengadu bahawa mengadu kepada pihak Polis mengatakan keselamatan mereka terancam oleh penduduk-penduduk sebab penduduk tak dapat air. Jadi walau bagaimanapun masalah-masalah ini telah dapat di atasi. Jadi saya nak ucapkan terima kasih kepada pihak SAJ kerana telah dapat mengatasi perkara ini.

Oleh itu, kerajaan perlu merancang untuk meningkatkan sumber bekalan air negeri bagi jangka masa panjang seperti yang dititah oleh Sultan supaya masalah gangguan air tidak berlaku lagi di Kluang ataupun di tempat-tempat lain di Negeri Johor. Dengan ini, saya menyokong usul yang dibawa oleh Pasir Raja. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Speaker : Terima kasih Paloh. Saya jemput Yang Berhormat Puteri Wangsa.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. (Selawat dan Salam). Yang Berhormat Dato' Speaker, Puteri Wangsa mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang menjunjung kasih di atas titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Baginda Sultan Johor sebagai titah ucapan Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Puteri Wangsa merujuk kepada perkara 38. Baginda bertitah dalam kita melaksanakan pembangunan di atas muka bumi, kita harus pastikan faktor penjagaan alam sekitar sentiasa diutamakan demi kesejahteraan hidup yang berterusan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya suka mengingatkan di dalam Dewan yang mulia ini kepada firman Allah SWT (membaca surah dalam bahasa Arab) Ayat 30 surah Al-Baqarah yang menerangkan bahawa kita manusia yang beriman adalah dilantik sebagai khalifah Allah di muka bumi. Para ulama' menghuraikan maksud khilafah ialtulah (membaca dalam bahasa Arab). Menegakkan agama dan mentadbir dunia dengannya yakni dengan agama. Rasulullah SAW bersabda (membaca sunah dalam bahasa Arab) yang bermaksud sebaik-baik perkara ialah yang pertengahan atau sederhana. Oleh itu, di dalam melaksanakan urusan *development* dengan izin, maka perlulah berhemah dan bersederhana. Maka elakkan dari kerakusan dan kerja yang melampau batas. Dalam memakmurkan muka bumi ini, mengambil kira *survival* dengan izin, alam sekitar yang terpelihara. Maka telah digambarkan di dalam ayat Allah, apabila tidak dipedulikan kepentingan memelihara alam sekitar (membaca surah dalam bahasa Arab) Ayat 41 Suratul Rum, yang bermaksud telah zahirlah, telah muncullah kerosakan di darat dan di laut akibat usaha dari tangan manusia itu sendiri. Supaya dirasakan sebahagian dari apa yang telah mereka lakukan semoga mereka mahu kembali kepada kebenaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Puteri Wangsa ingin membawa beberapa perkara yang sangat penting untuk diberi perhatian oleh pihak kerajaan semoga ada tindakan yang segera untuk kepentingan rakyat khususnya di DUN Puteri Wangsa.

1. Yang pertama, mohon pihak Kerajaan membina jambatan empat lorong, dua hala di Jalan Kampung Maju Jaya. Ini adalah sangat penting kerana kalau dulu jalan tersebut hanya jalan kampung, tetapi sekarang ianya telah

menjadi jalan utama yang begitu sibuk. Jalan tersebut digunakan untuk ke Lapangan Terbang Senai dan kawasan perindustrian. Jalan tersebut begitu sibuk dan kerap berlaku kemalangan jalan raya. Begitu juga sering berlaku banjir apabila hujan lebat, di lokasi jambatan lama dua lorong yang sempit tersebut. Oleh itu, Puteri Wangsa mengharap pihak kerajaan dapat menyegerakan pembinaan jambatan empat lorong, dua hala sebagai memenuhi keperluan rakyat.

2. Yang kedua, mohon pihak kerajaan memperbaiki longkang atau parit serta hakisan tanah, kawasan PTD 97157 dan PTD 97158 di Kampung Tawakal, kawasan DUN Puteri Wangsa.

3. Yang ketiga, Puteri Wangsa mohon pihak kerajaan menyediakan laluan khas untuk ambulan memasuki kawasan Hospital Sultan Ismail dari arah Johor Jaya dan juga daripada Desa Tebrau. Setakat ini, ambulan terpaksa menempuh jalan sesak ke Hospital Sultan Ismail dan sering tersekat di jalan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengingatkan diri saya sendiri dan hadirin hadirat semua kepada semua hadirin hadirat semua bahawa kewajipan melaksanakan syariah Allah bukan terletak di bahu orang-orang PAS sahaja tetapi lanya adalah kewajipan dan tanggungjawab setiap orang Islam lebih-lebih lagi, yang sedang berkuasa, kerana merekalah orang yang berautoriti dan berkemampuan untuk melaksanakannya, dengan kuasa yang ada pada mereka. Sekiranya kita menyorot kembali sejarah tanah air kita, di awal kemerdekaan, para ulama pada ketika itu, termasuk ulama yang berada di dalam UMNO dan wakil tunggal PAS, Almarhum Tuan Guru Haji Ahmad bin Haji Hussin di Parlimen yang menang di Kerian, Perak. Telah menasihati dan menggesa pemerintah atau kerajaan yang dipimpin oleh UMNO, berikutan pada ketika itu supaya melaksanakan syariah Allah di Semenanjung Tanah Melayu yang mana pada ketika itu, umat Islam 84% daripada penduduk negara. Gesaan ini dibuat berdasarkan peruntukan Perlembagaan Tanah Melayu, yang digubal oleh Suruhanjaya Lord Reid, fasa tiga ceraian satu yang berbunyi dengan izin, *Islam is the religion of federation but the other religion can be practices in peace and harmony in any part of federation*. Nasihat dan gesaan sayangnya gesaan tersebut telah tidak diendahkan dan akhirnya, tertangguh sehingga kini bermakna tertangguh selama 57 tahun dengan alasan beransur-ansur. Jadi sekarang bertambah sukar kerana umat Islam hanya tinggal lebih sedikit daripada 50%. Oleh itu, bolehkah kita menjawab dalam kubur atau di akhirat nanti bahawa kita tak laksanakan kerana atau sebab orang lain? Cubalah kita fikir-fikirlah (ayat Hadis) kata Saidina Omar, yang bermaksud, hisablah atau hitunglah diri kamu sebelum dihisab dihitung di sisi Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengingatkan diri saya sendiri dan juga umat Islam saudara-saudara kita seagama Islam yang mana, peringatan yang termaktub di dalam Kitab Mastika Hadis terbitan bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. Yang mana dalam Kitab Mastika Hadis

terbitan Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri mengingatkan kepada kita supaya berhati-hati, berwaspada, berjago-jaga dalam kata-kata dan segala tingkah laku kita lebih-lebih lagi, apabila berkait dengan hukum-hukum Allah SWT yang mana dalam kitab tersebut disebut salah satu daripada perkara yang boleh menjejaskan akidah yang disebut sebagai Al-Istihzak. Al-Istihzak berdasarkan (ayat Al-Quran) dalam Surah Al-Kahfi yang mana para hadirin sekalian ia itulah sekalian kita bimbang, saya mengingatkan diri saya sendiri, supaya kita berhati-hati jangan sampai apa yang kita sebut mengandungi Istihzak yakni penghinaan atau merendah-rendahkan syariat Allah, hukum-hukum Allah SWT yang mana dibimbangi boleh menjejaskan atau merosakkan akidah kita. Yang mana inilah sebagai peringatan kita bersama yang mana kalau kita lihat dalam sejarah ketika King Abdul Aziz, Raja Saudi Arabia dalam tempoh 26 tahun melaksanakan hukum potong tangan dalam tempoh 26 tahun, hanya 10 tangan saja yang dipotong. Maknanya 26 tahun hanya 10 tangan dipotong pada ketika itu, bayangkanlah dalam keadaan keselamatan yang terpelihara dan kita lihat di Mekah, di Madinah.

Maka keselamatan barang-barang walaupun ditinggalkan terpelihara, tak ada masalah kalau tempat kita jangankan tinggal barang atau duit dengan meja-meja sekali hilang sekali. Jadi para hadirin dan hadirat sekalian, inilah maknanya kerana apa, sebagaimana disebut oleh Parit Yaani, hari semalam, peringatan daripada Allah SWT (ayat Al-Quran) jadi para hadirin sekalian ,pencegahan datang daripada Allah SWT yang mana di situ adanya kegerunan. Di sinilah hikmahnya syariat Allah, hukum Allah SWT mendatangkan kegerunan. Beberapa orang ulama dan juga orang-orang yang pernah melihat di jalankan hukum di Mekah, selepas solat fardu yang mana terdapat beberapa banyak ambulan dan sahabat yang melihat ini menjangkakan, menjangkakan ramai yang kena potong tangannya. Rupa-rupanya tidak, hanya seorang yang dipotong tangannya, ambulans itu sebagai persiapan yang mana kalau ada yang pengsan dan sebagainya di bawa dengan ambulan. Jadi ini jarang-jarang berlaku, maknanya janganlah kita fikirkan apabila hukum syariat yang dijalankan orang berebut-rebut untuk mencuri supaya tangan mereka dipotong. Tidak seorang kena, yang lain insaf dan takut kepada Allah SWT itu lah dia (ayat Al-Quran) jadi para hadirin, sidang Dewan yang mulia sekalian.

YB Datuk Speaker : Gunakan perkataan Yang Berhormat. Hadirin tu ceramah.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat -Yang Berhormat.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat sekalian.

YB Datuk Speaker : Aaa.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat sekalian, maka itulah maknanya peringatan daripada Allah SWT yang mana ayat-ayat berhubung dengan hukum-hukum tersebut, bukanlah dicipta oleh PAS tetapi itu adalah dalam Al-Quran. Semua kita tahu jadi tak timbul soal, hudud PAS ataupun hudud UMNO. Hudud ni daripada Allah SWT, jadi kita mestilah memikirkan ke arah untuk kita melaksanakan syariat Allah SWT barangkali apa yang disebut tadi, iaitulah menangguhkan di peringkat pusat itu, kerana persiapan teknikal supaya ianya lebih mantap sehingga satu masa yang benar-benar mungkin pada bulan 11 bulan 12 umpamanya setelah teknikal antara Kelantan dan pusat itu dapat diselesaikan dan sehingga perkara itu berjaya. Jadi inilah harapan, ingatan daripada saya untuk diri saya sendiri dan untuk peringatan kita bersama, jadi setakat itulah yang dapat saya sampaikan. Saya mohon menyokong.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Puteri Wangsa. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih dan salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertamanya izinkan saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, sempena Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Johor ke 13 pada hari Khamis yang lepas. Sebelum saya, masuk ucapan yang saya sudah siap sedia untuk bahaskan petang ini, Senai ingin sentuh sikit juga dengan isu pelancongan sebagai respons kepada apa Yang Berhormat Senggarang sebut tadi. Tidak nafi bahawa jumlah pelancong yang masuk khasnya jumlah pelancong antarabangsa yang masuk Johor ataupun masuk ke Negara Malaysia, tanah air kita turun sikit atau sebenarnya turun drastik. Selepas bulan Mac tapi apa sebab sebenarnya? Pernahkah jumlah pelancong turun selepas bulan Mac disebab oleh video ataupun ucapan satu orang atau dua tiga orang pemimpin daripada Pakatan Rakyat, ataupun pelancong khasnya warga China turun atau mengambil keputusan tidak datang ke Malaysia atau Johor sebab isu-isu lain. Kita semua tahu, selepas insiden kehilangan MH370 dan kes penculikan yang berlaku di Sabah, ramai pelancong mengambil satu keputusan untuk elakkan datang ke Malaysia. Ini sebab yang benarnya.

Oleh itu saya minta, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berada dalam Dewan yang mulia ini, jangan salahkan sia-sia salahkan parti pembangkang, Pakatan Rakyat. Kapal terbang hilang pun salahkan Pakatan Rakyat, hujan tidak turun salahkan Pakatan Rakyat. Lagi, apa lagi, mungkin *mic* tadi pagi tadi tidak berfungsi pun salahkan Pakatan Rakyat. (Dewan bertepuk). Nampaknya, mungkin Pakatan Rakyat lebih hebat daripada parti kerajaan kerana kami yang mempunyai kuasa mempengaruhi lebih banyak isu dalam Dewan ini dan kat luar Dewan juga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setahun selepas pilihan raya, 56 wakil rakyat terpilih untuk berkhidmat serta bersuara demi rakyat. Dalam Dewan yang mulia ini. Kini, kita perlu menilai prestasi Kerajaan negeri Johor, Barisan Nasional dan menyoal bahawa pernahkah rakyat didahulukan? Pernahkah Suara Hati Johor

didengar serta difahami oleh Kerajaan negeri Johor? Semalam, saya singgah ke *Mall Of Medini*, selepas Persidangan Dewan agar memahami Pelan Suara Hati Johor yang baru dilancarkan oleh Menteri Besar pada malam Ahad. Pertamanya, saya merasa amat kesal kerana 18 wakil rakyat Pakatan Rakyat tidak dijemput hadir untuk memberi pandangan walaupun kami mewakili sebanyak 44% rakyat Johor. (Dewan bertepuk). Kedua, pameran tersebut diadakan di suatu tempat yang mempunyai lebih ramai pelancong dari luar Johor. Saya berasa pelik, siapakah golongan sasaran Kerajaan negeri Johor? Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana berjaya menambah satu lagi rancangan *alphabet soup* dengan izin, iaitu *impress index*, penilaian prestasi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu-isu yang akan Senai bangkitkan dalam

1. Tapak pelupusan sisa pepejal

2. Pengurusan sisa pepejal dan pengurusan pusat kitar semula

3. Pasar bergerak dengan ekonomi tempatan

4. Masalah judi dan pendidikan

Yang pertamanya, menurut berita minggu yang lalu, fenomena *El Nino* dan kesan negatif terhadap kehidupan rakyat adalah isu yang paling hangat. Memandangkan semua soalan ini dibangkitkan oleh 44 orang wakil rakyat. Dari bulan Februari hingga April tahun ini, musim kemarau akibat fenomena *El Nino* bukan sahaja mencetuskan gangguan bekalan air di beberapa kawasan, juga mencetuskan satu masalah yang telah lama mengganggu penduduk-penduduk Saleng, Senai. Api gambut di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Saleng yang berhampiran Sekolah Rendah Kebangsaan Saleng terbakar selama 4 hingga 6 minggu. Walaupun pasukan Bomba bersama petugas Majlis Perbandaran Kulai turun padang memadamkan api tetapi masalah tidak diselesaikan secara menyeluruh. Senai ingin mengambil peluang dalam sidang Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua petugas yang telah menjalankan tugas mereka dalam kebakaran tersebut. Namun demikian, saya amat kesal bahawa tiada tindakan selanjutnya diambil oleh Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebenarnya, penyelesaian yang paling tepat untuk masalah ini adalah pemulihan ataupun *dumb site rehabilitation* dengan izin, malangnya tidak ada sebarang tindakan untuk memulihkan tapak tersebut dirancang oleh pihak berkuasa.

Oleh yang demikian, tapak pelupusan yang telah ditutup sejak tahun 2001 ini masih diguna sebagai tapak pelupusan sampah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kerana tidak didirikan pagar mahupun diwujudkan pengurusan ke atas tapak tersebut. Api gambut yang dialkibatkan oleh gas metana, dengan izin *methane*, bukan masalah yang susah untuk ditangani. Semua orang tahu gas *methane* itu terhasil daripada sisa pepejal yang dilupus

di tapak tersebut. Namun, ada atau tidak sebarang tindakan yang diambil oleh Kerajaan negeri Johor untuk menunjukkan iltizam politik dengan izin, *political will*, bagi menyelesaikan masalah ini, tak ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai menghantar sekurang-kurangnya 3 surat kepada pihak yang berkenaan untuk berbincang tentang masalah ini. Maka, 4 ke 5 sidang media pun telah diadakan untuk menarik perhatian pihak berkuasa terhadap isu ini. Malangnya, tiada maklum balas yang positif sampai sekarang. Sementara itu, Senai telah bertemu dengan Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) di Putrajaya untuk mencari satu penyelesaian yang paling tepat agar menangani masalah ini dengan cara yang lebih holistik. Walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa tapak tersebut telah dipajak kepada 11 pemilik.

Oleh itu, JPSPN tiada kuasa untuk memulihkan tapak tersebut kerana duit rakyat tidak sepatutnya digunakan ke atas tanah milik swasta. Tapak tersebut seluas lebih kurang 20 ekar, dibahagikan kepada 13 lot, selain daripada 2 tapak tanah dipajak dalam tahun 1992 dan satu lot yang belum dipajakkan. Senai berasa hairan kerana sebanyak 10 lot dipajak kepada orang perseorangan hanya selepas beberapa tahun tapak tersebut ditutup. Soalan pertama yang timbul ialah, siapa yang meluluskan permohonan tanah tersebut? Pihak berkenaan tahu atau tidak tahu tapak tersebut menghadapi masalah penenggelaman sebagai tapak pelupusan sisa pepejal yang lama. Menurut maklumat yang Senai perolehi, 12 lot dimiliki 11 individu atau syarikat sekarang sebenarnya dipajak kepada 12 pemilik individu dalam tahun 1992, tahun 2007, tahun 2008 dan tahun 2010. Antaranya, 6 orang adalah ahli parti MCA atau parti UMNO. Adakah orang tersebut memperolehi lot-lot tanah dari kerajaan dan kemudian menjual kepada pemaju untuk untung tinggi melalui cara yang tidak betul. Walaupun soalan ini mesti ditanya tetapi ini bukanlah soalan yang paling penting untuk kepentingan penduduk-penduduk Saleng sekarang. Rakyat Senai ingin tahu sahaja siapa yang bertanggungjawab setelah tanah tersebut dipajak oleh kerajaan? Pemilik swasta atau kerajaan? Apa tindakan yang perlu kerajaan ambil jika itu tanggungjawab pemilik swasta. Boleh Kerajaan negeri merampas balik memandangkan isu api gambut mengancam kesihatan orang ramai?

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk tunjuk keikhlasan saya sebagai wakil rakyat yang berhasrat menyelesaikan masalah bersama semua pihak saya mengulangi hasrat saya satu kali lagi dalam Dewan yang mulia ini. Senai akan berbincang dengan mana-mana pihak yang bertanggungjawab untuk menangani masalah ini secara komprehensif. Senai juga ingin mengingatkan pihak berkenaan dalam Dewan yang mulia ini, kes Saleng bukan kes persendirian. Kes Saleng hanya menunjukkan betapa ketidakcekapan Kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah tapak pelupusan sisa pepejal. Menurut jawapan yang diperolehi Yang Berhormat Bentayan dalam Persidangan yang lepas, Kerajaan negeri menggunakan sekurang-kurangnya 14 hari ke 30 hari untuk menyelesaikan kebakaran tapak pelupusan sisa pepejal.

Kesihatan rakyat terjejas. Kualiti udara tercemar apabila pihak berkenaan tidak mengambil tindakan segera. Dalam insiden Saleng, seorang pesakit asma yang duduk dalam kampung bersama saya, kampung sama dengan saya, pesakit asma ini dimasukkan ke hospital 3 kali satu minggu akibat kualiti udara teruk. Pernahkah Kerajaan negeri ini menghargai jiwa rakyat?

Yang Berhormat Datuk Speaker, sisa pepejal bukan satu perkara yang senang diuruskan. Pada pandangan Senai, pengurusan sisa pepejal seharusnya dirancang oleh Kerajaan negeri dan Tempatan. Oleh demikian, saya amat setuju dengan titah Tuanku Sultan. Negeri Johor adalah hak rakyat Johor dan hanya orang Johor yang tahu keadaan dan keperluan untuk Negeri Johor. Bagaimana boleh agensi-agensi yang beroperasi di Putrajaya menentukan sesiapa yang dapat kontrak untuk memungut sampah dari rumah ke rumah? Bolehkah Kerajaan Pusat menetapkan dasar-dasar pengurusan sisa pepejal yang memenuhi keperluan dan ikut cara kehidupan penduduk-penduduk tempatan? Dasar-dasar pengurusan sisa pepejal perlu dirancang mengikut ciri-ciri sampah tempatan setempat. Contohnya, komposisi sampah dihasil daripada Johor Bahru tidak akan sama dengan Batu Pahat dan Muar. Oleh itu, kita memerlukan dasar-dasar yang direka bentuk mengikut keperluan kawasan. Kini, sebahagian besar dari sisa pepejal perbandaran dipungut di Batu Pahat, Kulai, Johor Bahru dan Pasir Gudang tidak melalui proses kitar semula dan terus dilupus dekat tapak pelupusan simetri Seelong, kawasan Senai juga. Pengurusan sisa pepejal seperti ini hanya membuang duit dan membazirkan tanah yang semakin bernilai di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut statistik tahun lalu, lebih kurang 50% sisa pepejal domestik adalah sisa makanan. Sisa makanan tidak sepatutnya dilupus terus. Sisa makanan boleh menjadi baja kompos organik. Tetapi kita buang dan lupuskan sahaja. Jika kita mengurangkan sisa pepejal domestik 50% ini dengan cara yang betul, bukan sahaja kita mengurangkan bayaran untuk melupus sisa, kita juga menyelesaikan masalah sisa pepejal. Oleh itu, Senai berpendapat bahawa cadangan Kerajaan Pusat untuk membina satu atau dua *incinerator* di Johor adalah cadangan yang tidak wajar. Sisa makanan adalah sisa basah. Bagaimanakah kita membakar air sebelum pembinaan tersebut diluluskan, Kerajaan negeri Johor sepatutnya mengkaji semula pengurusan sisa pepejal, sudahkah kita menggunakan semua usaha untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal. Adakah pengasingan sisa dijalankan?

Senai ingin menekankan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Senai menyokong aktiviti-aktiviti kitar semula tidak kira pengusaha tersebut membuat demikian untuk untung atau tidak. Namun begitu pusat-pusat kitar semula perlu diuruskan dengan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam. Menurut Fasal 33 (2), tiada seorang pun melainkan jika orang itu dilesenkan di bawah Akta ini untuk memungut sisa pepejal boleh mengusik atau selainnya mengganggu apa-apa bekas atau kepok bekas sisa pepejal di kawah. Akta tersebut telah ditandatangani oleh mantan Menteri Besar Johor. Kontrak konsesi diberi kepada Southern Waste Management Sdn. Bhd. tanpa keizinan

Kerajaan Tempatan atau negeri kerana Kerajaan negeri telah menyerahkan kuasa tersebut kepada Kerajaan Pusat. Kalau Kerajaan Pusat betul-betul menjalankan tugas dan menguruskan hal sisa pepejal dengan sikap yang betul masalah tidak akan timbul lagi. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Akta telah dipersetujui tapi belum dikuatkuasakan sepenuhnya selepas 7 tahun minima. Dalam 6 bulan yang lalu, sekurang-kurangnya 5 kes kebakaran pusat kitar semula swasta berlaku di kawasan Senai. Semua kebakaran yang berlaku di pusat kitar semula mengeluarkan asap hitam yang tebal, dan dikenal pasti mengancam kesihatan penduduk-penduduk sekeliling. Kitar semula secara sektor yang baru yang untung tinggi membawa manfaat kepada alam sekitar. Namun sikap pengurusan yang salah akan membawa kesan negatif kepada semua orang. Jikalau Kerajaan negeri Johor tidak berhasrat menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam secara sepenuhnya, Senai minta dalam Dewan yang mulia ini supaya konsesi yang tetap oleh Kerajaan Pusat ditolak dan Negeri mengambil alih kuasa pengurusan sisa pepejal. Merancang semula pengurusan sisa pepejal untuk mencapai matlamat 3R dengan izin, *reduce, reuse, recycle*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu seperti sisa pepejal nampaknya kecil tetapi mempengaruhi rakyat jika tidak diurus dengan sikap yang betul. Sama dengan ekonomi tempatan, kehidupan rakyat terjejas jika Kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tak menguruskan ekonomi tempatan dengan sikap dan rancangan yang sesuai. Beberapa pasar bergerak di kawasan Senai terpaksa pindah sini, sana dalam tempoh masa yang amat pendek, kerana Pihak Berkuasa Tempatan tiada rancangan holistik sebelum penjaja-penjaja diarah berpindah ke tempat lain. Di mana ada pasar bergerak di situlah ada kesesakan lalu lintas.

Masalah kebersihan sekeliling, lalu lintas serta gangguan kepada penduduk-penduduk tempatan boleh diselesaikan dengan cara yang lebih proaktif. Penjaja-penjaja di Senai mengadu bahawa PBT menghalang perniagaan mereka. Penduduk-penduduk mengadu bahawa pasar bergerak mengganggu kehidupan mereka. PBT pula mengadu bangunan pasar-pasar awam, bangunan pasar awam tidak diguna sepenuhnya. Biasanya situasi terbalik, lebih ramai orang berminat menggunakan kemudahan pasar awam jika ia disediakan. Kadar penggunaan pasar awam yang rendah di kawasan Senai perlu dikaji semula, agar infrastruktur yang dibina dengan duit rakyat tidak dibazirkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai berpendapat bahawa 4 pasar awam yang sedia ada dalam kawasan Majlis Perbandaran Kulai iaitu:

1. Pasar Awam Senai Utama

2. Pasar Awam Saleng

3. Pasar Awam Kulai

Dan,

4. Pasar Awam Kelapa Sawit

Menghadapi masalah kadar penggunaan rendah sebab penyelenggaraan yang tidak mencukupi. Ada sebahagian penjaja yang berniaga dalam pasar awam memberitahu bahawa lantai pasar awam dicuci satu kali seminggu, malah ada yang tidak pernah dibersihkan sepanjang satu tahun.

Beranikah Yang Berhormat Yang Berhormat yang duduk dalam Dewan yang mulia ini pergi pasar awam yang diselenggara sebegini untuk membeli sayur-sayuran? Jangan salahkah orang awam jika kemudahan tidak digunakan sepenuhnya, kerana Pihak Berkuasa sendiri tidak menyelenggara bangunan tersebut atau ia dibina tanpa mengikut keperluan penduduk tempatan.

Pada pandangan Senai kita perlu merancang semula agar menggalakkan penjaja dan orang awam mengguna pasar awam dengan insentif yang cukup menarik. Contohnya dengan Pusat Transformasi Luar Bandar iaitu Program RTC dilancarkan di Kulai. Pasar Awam Kulai dan tempat terminal bas sepatutnya diubahsuai menjadi satu pusat membeli belah dan stesen *interchange* pengangkutan awam. Pasar awam tersebut boleh diubahsuai ke satu bangunan bertingkat. Tingkat 1 untuk bahagian barang basah, tingkat 2 untuk bahagian barang kering dan tingkat ke 3 untuk barang harian lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai faham bahawa Program RTC ini dilancarkan oleh Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab untuk memantau serta melaksanakan rancangan tersebut. Oleh demikian Kerajaan negeri seharusnya mengambil berat terhadap program ini agar projek ini membawa manfaat kepada masyarakat Johor dan bukan jadi satu projek gajah putih lagi.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Senai, sila gulung.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Lima minit lagi. Senai berasa kian banyak isu yang perlu saya suarakan untuk rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Banyak masalah yang dihadapi oleh rakyat tidak diselesaikan malah ada yang terus berulang. Contohnya pusat perjudian mesin kuda yang beroperasi sebagai pusat hiburan keluarga. Pada hari pertama Tahun Baru Cina tahun ini, seorang bapa yang sedih menghubungi saya kerana anak lelaki mencuri wang beliau untuk berjudi di pusat perjudian mesin kuda. Bapa ini minta lagi akan Wakil Rakyat boleh pergi *sport check* pusat hiburan tersebut.

Selain daripada itu ramai penduduk-penduduk Kulai juga tahu, satu lagi pusat perjudian mesin kuda beroperasi dalam satu pusat membeli belah yang berhampiran dua Sekolah Menengah. Kenapa pihak Polis tidak mengambil tindakan jika semua orang telah tahu apa aktiviti yang dijalankan dalam premis tersebut. Oleh demikian Senai tidak hairan apabila dimaklumkan

bahawa Negeri Johor mempunyai bilangan guru yang minta dipindah ke negeri lain yang paling tinggi menurut statistik Kementerian Pendidikan.

Permohonan guru-guru untuk pindah ke negeri lain dari Johor adalah sebanyak 1,207 orang hingga Jun tahun ini, paling tinggi di seluruh negara. Permohonan untuk masuk Negeri Johor 137 orang sahaja. Selain daripada kos sara hidup yang lebih tinggi daripada negeri lain, disiplin pelajar yang semakin teruk juga menyumbang kepada guru-guru Johor yang paling tinggi di seluruh negara.

Untuk mengatasi masalah ini Senai menyeru pihak kerajaan supaya mengambil tindakan segera agar kepentingan pelajar-pelajar tidak terjejas. Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai ingin menyentuh sedikit tentang sistem cukai yang akan dilaksanakan tahun depan kerana memandangkan Kerajaan Barisan Nasional tidak menerangkan sistem cukai ini kepada rakyat dengan sikap yang jujur. Sudah pasti lebih kurang 60% keluarga di Malaysia memerlukan bantuan kewangan apabila Kerajaan Pusat mengambil keputusan untuk melaksanakan GST.

Memungut cukai dari semua lapisan masyarakat tidak kira tahap pendapatan. Jika cukai GST tidak akan menambahkan beban kepada golongan berpendapatan rendah, dari mana pendapatan tambahan sebanyak RM7 bilion dikutip. GST adalah sistem cukai *regressive*, maksudnya peratusan cukai yang dibayar oleh orang kaya lebih rendah daripada orang miskin, jika berbanding dengan pendapatan masing-masing.

Senai tidak menafikan bahawa cukai ini dibayar apabila membeli belah sahaja. Itu sebab bahagian yang lebih besar dibayar oleh golongan pendapatan rendah kerana hampir semua gaji mereka di belanja untuk membeli barang keperluan harian. Bayangkan golongan pendapatan rendah ini terpaksa membayar cukai GST, walaupun bayaran itu RM50.00 ke RM100.00 tiap-tiap bulan sahaja. Pendapatan boleh guna dengan izin *disposable income* mereka dikurangkan. Mereka akan mengurangkan aktiviti membeli belah, apa impak kepada pasaran kita?

Negara lain melaksanakan GST agar mengutip cukai dengan cara yang lebih cekap apabila lebih ramai populasi mereka berkemampuan membayar cukai. Lihatlah struktur pendapatan rakyat Malaysia sekarang, 60% keluarga yang tidak sanggup membayar cukai terpaksa bayar cukai GST kerana Kerajaan Barisan Nasional menggunakan duit rakyat demi menguntungkan kroni sendiri. Sekian terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Senai. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 3:50 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.50 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4.15 petang.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Rundingan menjunjung kasih diteruskan. Saya persilakan Yang Berhormat Pekan Nenas.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Selamat sejahtera diucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana memberi peluang kepada Pekan Nenas untuk Menjunjung Setinggi-tinggi Kasih Atas Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dalam istiadat pembukaan Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 29 Mei yang lepas. Pekan Nenas amat tersentuh dengan titah ucapan Tuanku Sultan Johor kelmarin yang telah menyebut beberapa perkara pokok yang seharusnya diberi perhatian dalam sidang Dewan kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama sekali saya menyahut dengan penuh taat setia akan saranan titah Tuanku Sultan Johor, supaya Kerajaan mestilah mengambil tindakan tegas terhadap pemaju perumahan yang mengelakkan diri dari membina rumah kos rendah dan sederhana rendah, sebagaimana yang telah disyaratkan. Adalah wajar bagi pemaju yang enggan mengikut syarat membina rumah kos rendah dan sederhana rendah disenaraihitamkan dan tidak diberikan kelulusan bagi projek perumahan yang lain, supaya keperluan rakyat terhadap rumah kos rendah dan sederhana rendah dapat dipertahankan.

Kini, masih terdapat lebih kurang 180,000 unit rumah kos rendah dan rumah sederhana rendah masih belum dibina oleh pihak pemaju, walaupun kelulusan kebenaran merancang telah diperolehi. Saranan membina 28,000 rumah kos rendah dan sederhana rendah untuk tempoh lima tahun seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan Bajet 2014 yang lalu, akan direalisasikan jika pihak kerajaan berkuat kuasa untuk memastikan pihak pemaju melancarkan projek perumahan mengikut syarat yang ditetapkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak pemaju harus diingatkan supaya jangan terlalu tamak untuk mengaut keuntungan dan perlu memikul tanggungjawab sosial korporat mereka, untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Selain daripada pihak pemaju syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan negeri, GLC sebenarnya perlu memikul tanggungjawab sosial korporat yang lebih besar. Memandangkan keperluan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah adalah keperluan yang amat mendesak oleh golongan berpendapatan rendah, Pekan Nenas menyeru pihak Kerajaan meningkatkan lagi usaha sama dengan syarikat-syarikat berkaitan Negeri Johor GLC untuk melancar projek pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, beban hidup rakyat semakin berat akibat kenaikan harga minyak dan takrif elektrik sejak tahun lepas. Kadar inflasi yang tinggi menyebabkan kenaikan gaji rakyat tidak setimpal dengan harga barang yang melambung tinggi. Mengikut laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2012 sejumlah 38.8 isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000.00 sebulan. Dan, sebanyak 55.3% pendapatan isi rumah adalah di bawah RM4,000.00 sebulan. Kerajaan harus mengkaji semula pelaksanaan GST memandangkan sebahagian besar rakyat tidak berpendapatan tinggi. Walaupun, sesetengah pihak menegaskan bahawa pelaksanaan GST tidak akan membawa impak yang besar terhadap rakyat memandangkan barang keperluan asas seperti beras, gula, tepung adalah dikecualikan GST, malah terdapat banyak perbelanjaan masih dikenakan GST seperti makan di restoran, alat elektronik, bil telefon, baju, perabot dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pelaksanaan GST juga akan meningkatkan kos pihak swasta dan akhirnya ditanggung oleh rakyat. Kadar inflasi dijangka naik akibat pelaksanaan GST akan menambahkan beban rakyat. Menurut kajian *CIMB Research*, pelaksanaan GST pada kadar 6% akan menjana pendapatan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM12 bilion setahun. Persoalannya di mana datangnya pendapatan tambahan ini? Pendapatan tambahan ini akhirnya adalah dibiayai oleh rakyat. Dengan merujuk kepada *Audit Report* setiap tahun kita boleh melihat keborosan dan ketirisan pengurusan Kerajaan Barisan Nasional yang amat tidak bertanggungjawab. Setakat ini *The Public Account Committee (PAC)* dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah gagal mengambil tindakan untuk membanteras keadaan ini. Semua penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa hanya merupakan kesilapan memberi maaf sahaja. Apa makna pendapatan tambahan daripada GST? Dibazirkan dengan sewenang-wenangnya ataupun menjadi kekayaan segelintir kroni.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bayaran bil elektrik Kediaman Rasmi Perdana Menteri setinggi RM2.08 juta dan bil air setinggi RM220,000.00 pada tahun 2013. Manakala bayaran bil elektrik Kediaman Rasmi Timbalan Menteri Besar setinggi RM850,000.00 dan bil air setinggi RM110,000.00 pada tahun 2013.

YB Datuk Speaker : Timbalan Menteri Besar mana?

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Eh bukan, Timbalan Perdana Menteri (Dewan ketawa). Adakah adil untuk mengaut kekayaan melalui sistem cukai yang membebankan rakyat memandangkan keborosan pemimpin negara kita tidak dikawal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kualiti hidup rakyat dapat dinilai dengan melalui dengan izin *discretionary income* di mana wang yang tinggal selepas membiayai kos penginapan, makanan, pengangkutan, cukai dan segala keperluan harian. Malah kos hidup di negara kita adalah amat tinggi memandangkan harga rumah semakin meningkat. Rakyat terpaksa memiliki kenderaan akibat sistem pengangkutan awam yang kurang efisien serta harga

kereta yang begitu mahal berbanding dengan negara asing. Seiring dengan harga barang yang melambung tinggi akibat kenaikan harga minyak dan tarif elektrik. *Discretionary income* bagi kebanyakan keluarga adalah amat terhad. Pihak kerajaan perlu memansuhkan pelaksanaan sistem AP supaya harga kereta dapat diturunkan dengan ketara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pelaksanaan GST akan menyebabkan *Discretionary Income* bagi kebanyakan keluarga semakin berkurangan. Tambahan pula Negara Singapura memulakan pelaksanaan GST hanya dengan kadar 3% pada peringkat awalnya memandangkan keadaan ini kesesuaian pelaksanaan GST setinggi 6% di negara kita adalah amat diragui.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan infrastruktur adalah asas pembangunan sesebuah negara, saya ingin mengesyorkan supaya pembinaan penaik taraf jalan yang menghubungkan Pontian - Johor Bahru merentasi *bypass* Pekan Nenas dapat direalisasikan dengan cepat untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang semakin mendesak di Pekan Nenas.

Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, penduduk Daerah Pontian akan melalui Pekan Nenas apabila datang balik ke Johor Bahru, kesesakan lalu lintas berlaku setiap hari khususnya pada waktu pagi dan petang semasa orang ramai pergi atau balik daripada tempat bekerja. Pembinaan jalan raya merentasi Pekan Nenas adalah amat diperlukan amat dialu-alukan oleh penduduk tempatan sepanjang masa. Saya berharap projek ini dapat diluluskan dan direalisasikan pada masa akan datang. Pekan Nenas juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Datuk Hasni dan JKR Pontian...

YB Datuk Speaker : Tak payah sebut nama.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ha ha ha. *Thank you*. Kerana kerja penurapan semula Jalan Sawah dijalankan sempurna dan disiapkan dengan menepati masa pada September tahun lepas. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan dalam sidang Dewan yang lepas, pemasangan lampu jalan di kawasan Jalan Sawah masih amat diperlukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu, Pekan Nenas juga ingin memohon kerja menaik taraf Jalan Bahagia di Kampung Melayu Raya dan Jalan Sentosa di Kampung Pak Kadik memandangkan jalan tersebut merupakan jalan pintas penduduk tempatan antara Kampung Pak Kadik, Kampung Maju Jaya dan Melayu Raya. Menaik taraf jalan tersebut akan membawa manfaat kepada pelajar-pelajar di Kampung Pak Kadik untuk belajar di sekolah kebangsaan dan sekolah agama di Melayu Raya. Pekan Nenas juga ingin memohon membaik pulih jalan pintas di Kampung Air Putih ke Jalan Sawah, Pekan Nenas. Projek membaik pulih jalan pintas Kampung Air Putih ini seharusnya dilaksanakan di bawah Projek Infrastuktur Asas (PIAS) yang sepatutnya dimulakan pada 5 Mac

2013 dan disiapkan pada 7 Mei 2013, malah projek ini kelihatan masih tidak ada sebarang perkembangan.

Yang Berhormat Datuk Spekar, Pekan Nenas berharap Pihak Berkuasa Tempatan mengambil langkah untuk menyelesai masalah lalu lintas di Pusat Perdagangan Pontian untuk mengurangkan kemalangan jalan raya di kawasan tersebut. Di samping itu, Pekan Nenas juga berharap pihak kerajaan mengambil berat terhadap masalah struktur bangunan, Pusat Komersial Pekan Kukup memandangkan Projek Komersial Pekan Kukup di selenggara di bawah Projek Penswastaan Pembangunan Komersial yang melibatkan Majlis Daerah Pontian dengan pihak swasta. Hak-hak pemilik harus dijaga dan dilindungi untuk memulihkan *accountability* dan *credibility* kerajaan. Punca masalah struktur bangunan pusat komersial tersebut perlu diumumkan kepada orang awam dan pihak yang terbabit perlu dikenal pasti dan bertanggungjawab untuk peristiwa ini.

Pekan Nenas juga memohon laporan siasatan forensik terhadap peristiwa ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Dewan Negeri mempunyai pejabat perkhidmatan sendiri dan perlu menanggung kos sewa pejabat, bil elektrik, air dan sebagainya. Kos pengendalian pusat perkhidmatan merupakan satu beban yang berat. Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, Kerajaan negeri Perak telah memberi bantuan peruntukan kepada Pusat Khidmat ADUN sebanyak RM3,000.00 sebulan untuk meringankan beban dan meningkatkan prestasi ADUN. Pekan Nenas mengusulkan supaya memberi elaun pusat khidmat kepada ADUN yang mempunyai pusat perkhidmatan.

Selain itu Pekan Nenas menyeru dasar tidak menyediakan peruntukan khas kepada setiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri mahupun kepada mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri. Perlu dikaji semula supaya setiap ADUN dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih cekap. Keadaan semua peruntukan dikumpulkan di tangan Menteri Besar bukannya suatu sistem pengagihan peruntukan yang sihat dan sistematik, kerana menyebabkan kuasa terlalu tertumpu di sesetengah pihak. Saya tidak melihat mana-mana kerajaan sama ada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan negeri berbuat demikian termasuklah negeri-negeri lain di luar di negara asing kecuallah kerajaan tersebut merupakan sebuah kerajaan monarki mutlak. Sekian terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nenas, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih, selamat petang dan salam sejahtera. YB-YB, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Stulang merakamkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Ke-2 Dewan Negeri Yang Ke-13. Di sini saya akan mengutarakan pelbagai permasalahan' dan langkah-langkah yang dicadangkan untuk memperbaiki keadaan.

Yang pertama sekali, saya ingin membangkitkan isu tentang kuil hindu kaca di Johor Bahru. Saya berasa sangat kagum dengan seni bina dalaman kuil hindu kaca di Johor Bahru, nama kuil itu adalah *Arulmigu Sri Rajakaliamman Glass Temple*. Kuil ini merupakan kuil kaca yang pertama di Malaysia dan di dunia, kuil tersebut juga diiktiraf dalam *The Malaysian Book of Records*. Saya rasa rakyat dan Kerajaan patutlah berasa gembira kerana kesenian binaan dalamannya yang bertaraf antarabangsa. Kuil kaca ini merupakan daya tarikan pelancong yang tinggi dan usaha untuk mempromosikan tempat tersebut patut dipertingkatkan. Justeru itu, adalah dicadangkan satu promosi dan pengenalan kuil kaca tersebut dimuatkan dalam Buku Panduan Pelancongan Johor Bahru rasmi yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Yang kedua, papan tanda berwarna coklat yang menunjukkan kuil tersebut sebagai tempat pelancongan patut didirikan di jalan masuk kuil tersebut. Yang ketiga, menaik taraf jalan masuk ke kuil tersebut supaya para pelancong dapat pergi ke tempat tersebut dengan senang terutamanya bas-bas yang besar. Mudah-mudahan dengan usaha kerjasama pihak Kerajaan, kuil tersebut akan menjadi tempat unik di Johor Bahru dan seterusnya mempergiatkan industri pelancongan di Negeri Johor.

Yang kedua, isu yang saya nak sentuh adalah berkenaan dengan lesen perniagaan yang memerlukan *deposit* RM5,000.00. Yang Berhormat Datuk Speaker, di sini saya ingin membantah tindakan pihak Majlis MBJB yang mengenakan wang *deposit* sebanyak RM5,000.00 bagi lesen perniagaan untuk 17 bidang perniagaan yang ditetapkan. Sekiranya wang *deposit* itu tidak dibayar, maka mereka tidak akan mendapat lesen untuk perniagaan mereka untuk memulakan perniagaan. Dasar ini amat membebankan para peniaga yang mencari nafkah hidup, dan saya menyeru agar pihak MBJB mengkaji balik dan membatalkan polisi ini. Soalan saya adalah selain mereka yang ingin memulakan perniagaan, adakah mereka yang memperbaharui lesen perniagaan juga terpaksa membayar wang *deposit* RM5,000.00 tersebut? Dengan keadaan pasaran yang begitu sengit sekarang, kerajaan sepatutnya menolong rakyat dalam perkembangan perniagaan dan bukannya melakarkan dasar yang boleh membantutkan perkembangan perniagaan dan bukannya melakarkan dasar yang boleh membantutkan perkembangan perniagaan. Kutipan RM5,000.00 ini daripada para peniaga boleh diibaratkan sebagai Kerajaan meminjam duit daripada rakyat tanpa faedah. Cuba bayangkan sekiranya RM5,000.00 dikutip daripada 3,000 peniaga, maka kerajaan boleh kutip RM15 juta deposit. Jadi, janganlah atas dasar rakyat didahulukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu ketiga yang saya ingin utarakan ialah Projek Perumahan Rakyat yang diuruskan oleh pihak swasta. Mengikut laporan Audit Negara mengenai projek PPR di Johor didapati terdapat pelbagai kelemahan antara kelemahannya adalah pihak PPR yang uruskan oleh syarikat swasta sewa tertunggak yang seharusnya dibayar balik kepada kerajaan telah mencecah kepada angka RM3.5 juta. Keadaan ini tidak boleh diterima kerana

syarikat swasta adalah lantikan Kerajaan Johor dan mereka pula tidak memberikan, mereka pula tidak membayar balik sewa kepada Kerajaan Johor.

Justeru itu, untuk memperbaiki kualiti pengurusan, langkah-langkah berikut dicadangkan. Satu, menghukum syarikat swasta yang gagal membayar balik sewa kepada Kerajaan dengan menyenaraihitamkan nama-nama pemilik syarikat tersebut serta ahli keluarga mereka daripada mengambil bahagian dalam segala tender projek kerajaan. Yang kedua, mengambil tindakan undang-undang untuk mengutip balik tunggakan sewa tersebut. Saya rasa ini sangat perlu. Yang ketiga, tawaran tender terbuka bukan janganlah tawaran sebut harga tertutup, kalau kita boleh tawarkan tawaran tender terbuka maka dalam lantikan syarikat pengurusan PPR, ini dapat memastikan mereka serius dan berkemampuan diberi mandat untuk menguruskan PPR, dengan ini kualiti pengurusan pasti dapat ditingkatkan dan memanfaatkan rakyat yang duduk di PPR.

Yang Berhormat Datuk Speaker isu keempat yang saya nak utarakan di sini adalah mengenai rumah warisan di Jalan Wong Ah Fook yang telah dirobohkan. Sejak 2012 di mana Sultan telah bertitah untuk mengekalkan rumah warisan Wong Ah Fook, mengapa Kerajaan gagal mengeluarkan surat niat juga perintah perlindungan interim sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Warisan Negara 2005 kepada pemilik tanah. Saya berharap kejadian ini boleh menjadi iktibar kepada Kerajaan pada masa depan dalam usaha mengekalkan tapak warisan. Saya faham kerajaan tidak akan menghadapi sebarang masalah untuk mengekalkan tapak warisan yang terletak di tanah kerajaan. Tak ada masalah, justeru itu, untuk bangunan warisan yang terletak di kawasan persendirian, dicadangkan agar kerajaan mengubah garis panduan atau akta yang lebih relevan, terperinci dan berkesan supaya tidak akan menemui jalan buntu apabila tapak warisan persendirian harus dijadikan sebagai tapak warisan.

Tuan-tuan dan puan-puan, eh, (Dewan ketawa) ceramah pulak. YB-YB sekalian, (Dewan ketawa).

YB Datuk Speaker : Tahu tak apa.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Beberapa persoalan untuk menghilangkan kemusykilan rakyat tentang rumah Wong Ah Fook, yang saya rasa perlu diberi penjelasan kepada rakyat supaya rakyat lebih jelas. Satu, apakah tindakan susulan oleh Kerajaan Johor terhadap tapak rumah warisan yang telah dirobohkan. Yang kedua, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap mereka yang merobohkan rumah tersebut dengan haram. Yang ketiga, apakah rancangan yang bakal dirancang dengan tapak tersebut sama ada telah diluluskan ataupun masih dalam pertimbangan. Rakyat ingin tahu. Yang keempat, adalah Kerajaan Johor untuk mempertimbangkan untuk membina rumah replika Rumah Wong Ah Fook untuk tatapan cucu cicit kita. Yang kelima, apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan

Johor dalam memantapkan usaha pemeliharaan bangunan dan tapak warisan pada masa depan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu seterusnya yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai iklan premis kanvas. Ini berkaitan dengan MBJB dan MPJBT, di mana sejak kebelakangan ini, para peniaga di Johor Bahru khususnya di bawah pentadbiran MBJB telah menerima surat untuk menurunkan iklan premis kanvas mereka yang besar kerana kononnya iklan yang melebihi ukuran tersebut tidak selamat. Ada juga yang mendakwa iklan tersebut perlu membayar yuran nilai yang tinggi bila mereka memperbaharui lesen mereka. Jadi, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan agar memberi arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan agar satu, mengkaji balik Undang-Undang Kecil Iklan, perlu mesyuarat dengan cepat untuk mengkaji balik Undang-Undang Kecil Iklan dengan cepat.

Yang kedua, menggubal dan memasukkan segala garis panduan perundangan yang baru agar undang-undang kecil akan dapat mengikut rentak perubahan semasa dan tidak ketinggalan zaman kerana pada tahun 2005 demo berkenaan dengan iklan kanvas telah dilakukan dengan kehadiran pihak majlis dan juga pihak bomba. Hasil daripada demo tersebut, didapati iklan kanvas yang melebihi 20 kaki dan 4 kaki adalah selamat dan boleh diguna pakai. Jadi, kita berharap Pihak Berkuasa Tempatan boleh melakarkan garis panduan iklan kanvas berukuran 4 kaki 20 kaki yang selaras terutamanya MBJB dan MPJBT supaya kekeliruan tidak akan timbul berkenaan dengan kriteria pemasangan dan juga harga lesen dan sebagainya. Kita tidak mahu harga lesen yang terlalu tinggi dan kita mahu harga lesen yang berpatutan juga.

Kebaikannya adalah langkah ini akan memberikan panduan yang jelas dan standard bagi para peniaga pengusaha dan pengiklanan dan juga kakitangan kerajaan pihak berkuasa juga kerana ini tidak akan timbul bahawa ada rungutan bahawa mengapa ada orang punya iklan boleh lulus? Ada orang punya iklan tak boleh lulus. Dia punya boleh lulus, saya punya tak boleh lulus? Ini akan menyenangkan semua kakitangan terlibat agar tidak serba salah kerana ada satu garis panduan yang standard. Pihak Majlis juga boleh mengutip hasil yang lebih dengan iklan kanvas yang besar dan akhirnya iklan yang besar dan cantik juga mampu menyampaikan mesej kepada para pelanggan untuk menggerakkan suasana ekonomi tempatan. Jadi, seruan ini kesimpulannya seruan ini adalah untuk mewujudkan undang-undang dan garis panduan yang seiras dengan pembangunan terkini dengan memberi laluan kepada kaedah iklan yang selamat dengan harga yang berpatutan demi kebaikan semua.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu seterusnya yang akan saya sentuh adalah mengenai EDL *(Eastern Dispersal Link)* dengan izin. Kerajaan Pusat telah memberi pampasan kepada MRCB sebanyak RM68.28 juta pada tahun 2012 sebagai pampasan MRCB tidak mengutip tol daripada rakyat. Angka ini merupakan satu angka yang sangat besar, lebih kurang RM187,000.00 satu hari cuba bayangkan kalau ada sepuluh kereta yang melalui EDL maknanya

sebuah kereta kerajaan kena pampas RM18.7 satu hari, itu pun kalau perjalanan penuh 8.1km, kalau ada 50 kereta, yang pakai habis 8.1km EDL sebuah kereta kerajaan kena pampas RM3.74.

Saya menyeru kepada pihak Kerajaan Johor agar mendesak kerajaan persekutuan supaya pengambilan EDL oleh Putrajaya daripada MRCB dapat dijalankan dengan cepat untuk mengelakkan kerajaan terus menampung pampasan yang tidak masuk akal. Kemudian, saya juga meminta agar kerajaan supaya mengumumkan perjanjian atau selok-belok pengambilan EDL di mana kos pembinaannya adalah sebanyak RM977 juta termasuk harga pengambilan. Jadi kita mahu tahulah kalau Putrajaya ambil EDL, daripada MRCB berapa Kerajaan Persekutuan bayar dan selok-belok perjanjian tersebut kita, kena tahu kerana kesimpulannya adalah kita tidak mahu melihat kerajaan memberi pampasan kepada syarikat persendirian dengan pampasan yang tinggi ataupun membeli EDL dengan harga yang tidak munasabah kerana duit kerajaan untuk pampasan dan pembelian adalah duit rakyat juga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi isu yang saya nak utarakan adalah mengenai titah Sultan yang menyentuh tentang perlunya buka ruang kepada pelabur asing terutamanya pelabur dari Negeri China. Untuk merancakkan aktiviti perniagaan serta menyenangkan para peniaga atau pelabur, sama ada tempatan atau asing langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan. Satu, China Mall dengan izin. China Mall yang dicadangkan di Nusajaya oleh Iskandar Malaysia perlu disiapkan dengan cepat untuk merancakkan ekonomi Negeri Johor. Kedua, laluan penerbangan antarabangsa Johor Bahru ke China, seperti Shenzen, Ghuangzhou dan Shanghai dan sebagainya perlu dibuka kerana ini akan menyenangkan para pelabur atau peniaga yang ingin berulang alik daripada Johor Bahru ke Negeri China dengan senang, ini pasti akan merancakkan aktiviti perniagaan di Johor. Akhirnya, insentif yang lebih dan luas diberikan kepada usahawan dalam promosi dan naik taraf jenama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semalam Jorak ada menyentuh tentang GST dan kenaikan harga barang dan menyeru supaya jangan semua nak letak atas kepala kerajaan. Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang saya nak tekankan di sini, kenaikan harga barang pasti ada berkaitan dengan dasar kerajaan yang dilakarkan contoh yang nak saya berikan adalah, RON 95 minyak petrol kita yang dijual dengan harga RM2.10 betul? RM2.10 ini adalah harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Mengapa kalau saya merupakan penjual petrol, saya tidak boleh jual RM2.08 ataupun RM2.09 kalau ini boleh dilakukan, maka persaingan yang sihat akan berlaku di pasaran. Maka akan wujudlah satu senario di mana harga akan turun. Jadi, selain itu sistem AP, satu kertas AP yang RM10 dekat pasar menjadi puluhan ribu ini juga merupakan dasar kerajaan yang menjadikan kereta mahal. Selain itu duti kereta, duti eksais kena kepada kereta juga menjadikan kereta kita menjadi mahal jadi apa yang saya cakap sekarang adalah tentang kerajaan tidak boleh lari daripada senario kenaikan harga barang kerana dasar yang dilakarkan adalah saling berkaitan dengan kenaikan harga barang contohnya GST yang akan diimplementasikan dengan

mengutip duit daripada rakyat ini dengan kocek yang bocor, saya rasa duit kita akan tercicir juga kerana dengan banyak penyelewengan, ketidaktirisan, pemborosan maksudnya kocek kerajaan telah pun bocor telah pun koyak, jadi kalau nak diimplementasikan GST, saya menasihatkan kerajaan agar jahit balik kocek dulu memperbaiki segala penyelewengan dulu, barulah kita melaksanakan GST, ini lebih tepat.

Akhir sekali, semalam, Pemanis ada juga mengatakan bahawa ada orang tanya tentang apa orang Melayu mahu. Apa orang Cina mahu, apa orang India mahu, apa yang saya nak tegaskan di sini adalah kita seharusnya tanya kita mengutuk mereka yang sentiasa tanya macam ini. Kalau mahu tanya saya mencabar mereka yang sentiasa tanya macam ini tanyalah apakah rakyat Malaysia mahu? (Dewan bertepuk) Boleh tak? Ini sangat penting, apakah rakyat Malaysia mahu dari segi ekonomi, dari segi politik, dari segi sosial. Menteri-Menteri, Ketua Menteri, Menteri Besar dan Perdana Menteri patut mengutuk ya mereka yang sentiasa mengeluarkan kata-kata apakah bangsa tertentu mahu tersebut. Mereka tidak seharusnya berdiam diri sahaja untuk menandakan tanda setuju mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya di sini saya ada satu soalan untuk bertanya kepada Jabatan Kerja Raya berkenaan dengan Jalan Kebun Teh. Pendek sahaja. Di sini saya ingin tanya kepada kerajaan, setelah penangguhan projek jalan bertingkat melalui Taman Melodies, adakah Kerajaan Johor mempunyai cadangan untuk mengalihkan pembinaan jalan bertingkat tersebut ke Jalan Kebun Teh, Johor Bahru dan juga melebarkan jalan tersebut? Sekiranya ada, bolehkah minta penerangan terperinci mengenai cadangan tersebut. Kalau tidak ada, tidak ada lah, tidak apa. Maksudnya kalau ada, maksudnya kita kena minta penerangan secara terperinci. Akhir sekali, di sini saya berharap pada persidangan yang akan datang jawapan soalan-soalan bertulis boleh diberikan pada hari pertama persidangan ya supaya perbahasan yang lebih berkualiti dan relevan akan dicetuskan dalam Dewan yang mulia ini. Maksudnya berikan dahulu lah pada hari pertama persidangan soalan-soalan bertulis punya jawapan sudah dibekalkan kepada setiap wakil rakyat supaya percambahan fikiran yang lebih berkesan dapat dicetuskan dalam Dewan ini. Boleh tak? Beginilah ucapan perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bentayan.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat petang dan salam sejahtera. Bentayan menjunjung kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kerana sudi menyampaikan titah baginda pada hari Khamis yang lepas. Bentayan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan usul menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Bentayan ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh beberapa isu yang berkaitan dengan kawasan saya dan juga dalam negeri. Adalah besar harapan saya agar pihak kerajaan dapat memberikan penjelasan selanjutnya berhubung perkara-perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya mulakan dengan menyatakan bahawa saya amat berbangga menjadi anak Johor. Saya amat berbangga sekali bahawa sistem Dewan kita ini adalah salah satu yang tertua dalam sejarah Malaysia. Walau bagaimanapun, kadang-kadang saya tidak begitu bangga berada dalam satu keadaan di mana kita sekadar memerhatikan dan menghayati *letter of law*, dengan izin semata-mata dan bukanlah *spirit of law* tersebut. *Letter of law* adalah bahasa yang menghuraikan *spirit of law* yang membawa niat pengarangnya. Apabila kita taat hanya kepada *letter of law* sahaja, tetapi bukan rohnya maka kita hanyalah mengatasi, mentaati tafsiran secara literal undang-undang, bukan memahami akan niat dan *spirit of law* tersebut. Perlakuan sengaja mengikuti bahasa undang-undang tetapi bukan semangat itu boleh dicapai dengan mengeksploitasi aspek teknikal, kelemahan dan bahasa yang kabur.

Sebagai contoh, Peraturan-Peraturan Dewan yang mulia ini menyatakan Perkara 121 (1) yang berbunyi Peraturan-Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan Negeri boleh diberhentikan sementara dengan suara yang lebih ramai. Kita tidak sepatutnya menggunakan dengan izin, *exit clause* seperti ini untuk memberhentikan rundingan apabila Perkara 5 (1) secara khusus membenarkan rundingan. Ia agak ironi, kita semua adalah pemain politik namun apabila kita berada dalam Dewan yang mulia ini, kita harusnya mengetepikan permainan dan perbezaan politik. Saya merupakan Ahli yang paling baru di sini, menjadi anggota Dewan Negeri bagi penggal pertama dengan memikul tanggungjawab berat menyuarakan kehendak rakyat kawasan Bentayan. Suka atau tidak kita semua akan jadi rakan-rakan untuk beberapa tahun ke hadapan ini. Suka atau tidak kita semua adalah penjawat awam sama ada kita boleh bekerja bersama-sama untuk kebaikan rakyat atau kita sekadar menghabiskan masa bertengkar, mengenai perbezaan pandang politik. Maka besarlah harapan saya, agar kami semua diberikan peluang untuk membahaskan satu-satu rundingan tersebut. Bertanyakan soalan dan juga memberikan idea-idea tidaklah kami ini akan sentiasa membangkang sahaja. Dan satu-satu perbahasan ini adalah dilakukan dengan niat untuk menambah baik demi kemaslahatan rakyat seluruhnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaras dengan konsep bekerja bersama-sama, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu air masin yang telah melanda Daerah Muar baru-baru ini. Semua rakyat di Muar menggunakan air yang sama. Saya dan beberapa ADUN di sini hari ini sama ada di sebelah sini ataupun di sebelah sana atau pun pegawai-pegawai SAJ turut mendapat bekalan air yang sama. Kami telah meminum air yang masin selama dua minggu. Sementara penguatkuasaan undang-undang dan pengurusan yang telah dicadangkan di dalam Enakmen Air (Pindaan) 2014

adalah sangat penting dan memerlukan. Ia hanyalah bukan sekadar satu penyelesaian seperti dalam kes Sungai Muar. Ia merangkumi ratusan kilometer daratan mengalih terus melalui Negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pahang. Enakmen kita tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pencemaran yang berlaku di bahagian hulu sungai di negeri-negeri lain tersebut. Daerah Muar mendapat bekalan air bersih daripada lapan loji rawatan air dan tujuh daripadanya terletak di sepanjang Sungai Muar. Satu-satunya loji rawatan air yang bukan terletak di sepanjang Sungai Muar adalah Empangan Gunung Ledang yang hanya boleh menampung 10 peratus daripada jumlah keseluruhan kapasiti. Sungai merupakan sumber air mentah yang murah dan semula jadi. Ia juga mudah untuk terdedah kepada pencemaran. Terdapat begitu banyak saluran dan longkang yang terus menuju ke Sungai Muar. Dengan hanya satu sebab pencemaran sungai boleh berlaku dan sumber bekalan air mentah bersih kita hilang begitu sahaja. Bagaimana pula jika terdapat serangan pengganas yang cuba untuk meracun sungai kita atau seseorang yang menggunakan racun *cianide* semasa memancing. Apakah akan terjadi sekiranya satu kilang haram telah mencurahkan sisa? Kemungkinan di sini adalah kemungkinan yang boleh berlaku apa yang tidak pernah berlaku dalam sejarah bekalan air Muar telah pun berlaku. Kita tidak pernah menjangkakan air masin ini telah menjejaskan bekalan air mentah.

Bentayan menyeru agar Kerajaan negeri melihat semula polisi jangka panjang dalam pengurusan sumber air. Kita sangat memerlukan satu kawasan tadahan air yang baru dan juga satu alternatif baru sumber air yang lebih rendah risiko pencemarannya. Air bukan sahaja penting kepada seluruh kehidupan tetapi ia juga adalah merupakan isu keselamatan negeri kita. Pada masa kita menekankan mengenai pengurusan air ini, kita juga perlu mengambil pendekatan serampang dua mata dengan turut memberi penekanan kepada polisi pembetungan kita. Sisa kumbahan adalah merupakan bahan pencemar utama kepada sistem air kita. Kerajaan perlu berpegang teguh kepada aspek mendidik dan menguatkuasakan dasar Pihak Berkuasa Tempatan berhubung pelupusan air kumbahan domestik. Adalah sangat dikesali apabila kita memilih jalan mudah dengan membuang air kumbahan daripada basuhan pakaian, dapur dan bilik air terus ke parit-parit dan bukannya terus ke dalam tangki septik dahulu, dengan izin, *we are what we eat and in this case, we drink what we dump.*

Yang berhormat Dato' Speaker, hasrat kerajaan untuk memperkenalkan rumah kos rendah dan rumah mampu milik sememangnya murni dan baik tetapi hasilnya tidak seperti yang diharapkan. Dalam ekonomi, kegagalan pasaran berlaku apabila pengagihan barangan dan perkhidmatan oleh pasaran bebas tidak efisien. Dalam kes permintaan perumahan kita, kerajaan memilih untuk melaksanakan sistem kawalan harga. Kita telah memperkenalkan skim rumah kos rendah dan mampu milik untuk meluaskan pemilikan rumah di kalangan rakyat. Walau bagaimanapun, tahun demi tahun, campur tangan kerajaan ini telah menjadikan keadaan pengagihan rumah-rumah tidak lagi efisien

berbanding jika tidak campur tangan langsung. Kita hanya perlu lakukan kajian lapangan yang ringkas di kawasan perumahan kos rendah untuk melihat siapakah yang sebenarnya memiliki atau tinggal di kawasan tersebut. Jangan terperanjat jika kita terlihat kereta-kereta di dalam rumah tersebut lebih mahal daripada harga rumah. Jangan terkejut apabila kita terjumpa dengan rumah-rumah yang telah disewakan kepada pekerja asing. Dan bukanlah sesuatu yang pelik jika kita ternampak kerja-kerja pengubahsuaian rumah ini yang jauh melebihi kos asal rumah ini. Dianggarkan lebih kurang 7,500 unit dengan anggaran nilai RM315 juta dan kebanyakannya telah dijual dan tidak diduduki dan telah dirosakkan. Mengapakah perkara ini boleh terjadi dan tiada tindakan penyelesaian diambil.

Kerajaan seharusnya merombak kaedah pengagihan rumah kos rendah ini untuk diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan dengan keutamaan diberikan kepada warga emas yang tiada anak, ibu tunggal dan golongan kelainan upaya. Kita juga patut menyemak semula kebolehlaksanaan untuk menarik semua unit-unit yang dijual tetapi tidak diduduki untuk diberikan kepada yang memerlukan. Untuk menghentikan spekulasi mengenai rumah kos rendah, kita sepatutnya turut mengkaji akan kemungkinan pelaksanaan satu sistem yang mengawal selia sub jualan unit kos rendah kepada hanya keluarga yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Polisi sedia ada yang mensyaratkan pemaju perumahan membina rumah kos rendah dan mampu milik akan hanya memaksa kos-kos tersebut untuk di tambah kepada rumah-rumah yang lain. Harga rumah kos rendah ini, dalam sedekad ini kekal di paras yang sama sedangkan kos tanah dan bahan-bahan telah meningkat berkali ganda. Tidak ada syarikat swasta akan melabur di dalam pembangunan hartanah yang merugikan. Secara realitinya, polisi perumahan kita akan memperluaskan perbezaan harga di antara rumah kos rendah dan rumah biasa. Kategori rumah selepas rumah kos rendah berharga RM35,000.00, RM50,000.00 dan RM80,000.00 adalah berharga dalam lingkungan RM400,000.00. Berdasarkan statistik 2012, lebih kurang 36.8% isi rumah Johor mempunyai pendapatan di bawah RM3,000.00, sementara 40.1% isi rumah Johor RM3,000.00 sehingga RM6,000.00 sebulan. Jika kerajaan menambahkan penawaran rumah kos rendah untuk kumpulan pertama sejumlah 36.8% daripada populasi, maka kumpulan 40.1% ini pula akan di paksa keluar daripada pasaran perumahan hanya kerana polisi yang sama ini. Kumpulan 40.1% ini merupakan *middle income tax* dengan izin atau kelompok pendapatan pertengahan yang tidak layak untuk membeli rumah kos rendah dan dalam masa yang sama juga, mereka tidak mampu juga untuk membeli rumah kos sederhana yang biasa tanpa ingin menafikan bahawa kerajaan ada membina rumah untuk kumpulan ini namun ia adalah sangat minimum dan sangat tidak mencukupi.

Kita boleh menyimpulkan dapatan kajian daripada Skim Rumah Pertamaku (SRP). Daripada Tahun 2001 hingga 2012 julat harga rumah adalah sehingga

RM220,000.00. Pada Tahun 2013 harga siling telah meningkat kepada RM400,000.00. Mengikut keadaan pasaran semasa, walaupun ia munasabah, kos perumahan *standard* bernilai RM400,000.00 adalah sangat jarang dijumpai di Johor Bahru ketika ini. Walaupun pembeli boleh menjumpai sebuah rumah bernilai RM400,000.00, namun 70% daripada isi rumah di Malaysia tidak mampu memilikinya. Berdasarkan kepada pengiraan biasa bank komersial pada margin pinjaman 70% pendapatan bulanan berjumlah RM3,000.00 dengan komitmen lain-lain berjumlah RM1,500.00 sebulan, hanya boleh memohon pinjaman perumahan sehingga RM70,000.00 dengan tempoh pembayaran 30 tahun.

Pendapatan bulanan berjumlah RM5,000.00 dengan komitmen lain-lain berjumlah RM2,500.00 sebulan pula, hanya boleh memperolehi pinjaman perumahan sehingga RM90,000.00 dengan tempoh pembayaran 30 tahun. Tidak lama lagi, Bank Negara perlu memperkenalkan pinjaman dua generasi yang akan membenarkan anak-anak kita untuk meneruskan pembayaran untuk membolehkan kita membeli rumah. Oleh kerana polisi perumahan dan spekulasi pasaran telah menjadikan rumah-rumah menjadi terlalu mahal dan terlalu, terlebih nilai. Oleh kerana itulah terdapat Bank-bank Komersil tidak lagi menawarkan pinjaman perumahan untuk projek-projek perumahan baru di Johor. Bagi kebanyakan rakyat, untuk memiliki rumah sememangnya di dalam perancangan mereka, namun kini ia akan menjadi satu angan-angan dan impian ini akan menjadi angan-angan Mat Jenin jika polisi perumahan ini tidak dirombak.

Bentayan dengan ini menyeru agar pihak kerajaan tak terlalu ingin membetulkan kegagalan pasaran ini. Kita patut mensasarkan untuk menyediakan lebih banyak rumah kos rendah dan mampu milik tanpa meningkatkan harga rumah biasa yang lain. Kerajaan seharusnya melihatkan kepada peluang perkongsian kerjasama dengan pemaju perumahan di mana kerajaan menyediakan tanah untuk pembinaan dan pemaju hanya terlibat sebagai pembina sahaja. Dengan keadaan ini, situasi harga rumah akan dapat berada di paras rendah dan kos-kos ini tidak ditambahkan kepada jenis-jenis rumah yang lain. Dianggarkan kos pembinaan rumah kos rendah adalah sekitar RM40,000.00 tidak termasuk kos tanah. Sebagai alternatif, kerajaan harus menyediakan pelan subsidi harga rumah kos rendah yang mencerminkan kos pembinaan yang sebenar bagi memberikan situasi menang-menang kepada pemaju dan pembeli rumah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertambahan bilangan kenderaan terutamanya kereta di Daerah Muar, adalah sangat pantas dan beberapa infrastruktur jalan raya perlu ditambah baik bagi keselesaan rakyat. Dengan pertambahan kenderaan baru ini dan juga pembinaan projek *Uptown Maharani* menyaksikan hampir 50 petak letak kereta hilang menjadikan kawasan tempat letak kereta di Muar semakin berkurangan ketika ini. Adalah sangat diharapkan agar pihak kerajaan dapat menyegerakan penyelesaian masalah tempat letak kereta di Daerah Muar yang semakin kritikal ketika ini.

Sebagai penyelesaian jangka pendek adalah dicadangkan agar pihak Majlis Perbandaran Muar boleh menerima pakai sistem had masa meletak kenderaan di kawasan-kawasan tumpuan seperti di hadapan Bangunan Pejabat Kerajaan, Bank-bank dan lain-lain seperti yang diamalkan di Australia. Orang ramai tidak dibenarkan untuk meletakkan kenderaan mereka sepanjang hari di kawasan terbabit, sebaliknya hanya untuk satu tempoh yang singkat. Sebagai contoh 30 minit sahaja, bagi menjalankan urusan mereka di premis tersebut.

Bentayan juga ingin membangkitkan mengenai bagaimana hasil kutipan pembayaran sumbangan oleh pemaju-pemaju yang tidak menyediakan kawasan tempat meletak kereta disalurkan. Akhirnya Bentayan turut ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, akan perlu untuk disegerakan pembinaan lampu isyarat di persimpangan Jalan Salleh dengan Jalan Hospital di Daerah Muar. Keadaan trafik di kawasan tersebut sering sibuk dan sesak sehinggakan pengguna-pengguna jalan raya dari Jalan Hospital mengalami kesukaran untuk keluar dari persimpangan tersebut menuju ke Jalan Salleh. Kesesakan di jalan tersebut juga berpotensi menghalang jalan keluar masuk ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah serta boleh menyebabkan kemalangan berlaku. Sekian, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bentayan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bekok.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat petang dan salam sejahtera Bekok ingin mengambil bahagian untuk membahas usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Bekok ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan Bekok mengutarakan isu-isu yang mempunyai impak kepada kawasan yang saya wakili pada hari ini. Pertama, Bekok ingin membangkitkan masalah keselamatan sosial yang kini sudah sampai ke tahap kritikal di Labis. Tidak ada pihak yang dapat menafikan bahawa penghuni Labis tidak berasa selamat hidup dalam pekan yang aman sebelum ini. Keadaan penghuni kini umpama jiwa bergantung kepada rambut. Kes pecah rumah, kes pecah masuk rumah berlaku secara berturut kebelakangan ini. Dan kini keadaannya sudah sampai ke tahap bagaikan mimpi yang ngeri. Sementara itu, terdapat juga penghuni yang dirompak di kebun yang terletak di ..... Labis, semasa mereka menoreh getah. Tambahan pula ada beberapa rumah di pecah masuk di waktu siang. Dan, ada pula rumah di pecah masuk sementara tuan rumah keluar, balik dari rumah untuk urusan peribadi hanya dalam masa 1 jam lebih sahaja. Penghuni-penghuni Labis berasa keselamatan dan keamanan tercabar. Jika keselamatan penghuni tidak terjamin dan hidup dalam ketakutan hari-hari, apa lagi kawasan ini dikatakan aman dan tenteram serta menarik perhatian

pelancong untuk melawat ke tempat ini. Adakah pelancong mahupun pelabur akan terus mengelakkan diri daripada bertapak di bumi Johor? Maka Bekok amatlah berharap supaya pihak berkuasa dapat menambah perondaan di kawasan Labis terutamanya kawasan perumahan pada waktu awal pagi dan malam demi memerangi dan mencegah kes jenayah. Bekok juga bercadang agar menambahkan lampu jalan awam untuk menerangi kawasan perumahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah kekurangan tarikan pelancong untuk melawat ke kawasan Labis. Bekok berasa kesal kerana berjuta-juta wang rakyat dibelanja untuk promosi tetapi kemudahan infrastruktur asas di destinasi pelancongan dalam kawasan Labis masih dalam keadaan lain. Dan, yang menyedihkan adalah walaupun saya pernah bangkitkan isu yang sama dalam Dewan yang mulia ini, tetapi masih tiada tindakan sewajarnya di ambil oleh Kerajaan negeri. Apakah tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memajukan bidang pelancongan di Bekok? Sila jelaskan kepada penghuni Bekok dan apakah faedah yang akan didatangkan kepada penghuni Bekok.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sistem pengangkutan memainkan peranan yang penting untuk merangsangkan aktiviti ekonomi dan pelancongan di kawasan Labis. Sistem pengangkutan di Pekan Bekok adalah tidak sempurna dan lengkap. Perkhidmatan pengangkutan awam Bekok untuk menghubungi bandar utara dan selatan hanyalah bergantung kepada perkhidmatan kereta api. Walau bagaimanapun penghuni Bekok menghadapi masalah pembelian tiket kereta api kerana perlu tertakluk kepada beberapa syarat yang saya rasa tidak adil. Yang memenuhkan keadaan ini adalah tiada perkhidmatan bas di Pekan Bekok sehingga hanya satu teksi sahaja di Pekan Bekok. Bagaimana orang tua nak keluar Pekan Bekok ke Pekan Chaah atau Pekan Labis?.

Penghuni Bekok pernah mencadangkan dan memohon supaya membina satu jalan yang berhubungkan Bekok dan Paloh untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan integrasi antara penghuni Bekok dan Paloh. Adakah pihak Kerajaan negeri telah merancangkan untuk projek ini? Apakah perancangan Kerajaan negeri untuk membangunkan sistem pengangkutan awam di kawasan Bekok yang bagaikan dipulaukan? Tanpa sistem pengangkutan awam yang cekap, bagaimanakah Kerajaan negeri hendak menarik pelancong untuk melawat ke Bekok? Penghuni Bekok bertanya-tanya dan kini menunggu jawapannya. Bekok menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan proaktif untuk menyelesaikan masalah sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang dihadapi oleh penghuni Bekok sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jalan Segamat ke Yong Peng merupakan jalan Persekutuan yang merangkaikan kawasan Utara dan Selatan. Namun jalan di depan Taman Orkid Baru dan Taman Sentosa di Labis merupakan kawasan hitam kemalangan kerana jalannya yang sempit dan lengkok besar. Tambahan

pula kebelakangan ini telah berlaku beberapa kes kemalangan di Jalan Segamat ke Yong Peng terutamanya di depan Taman Labis, satu kes kemalangan maut telah berlaku pada 16 Mei dan menyebabkan dua orang remaja terkorban di depan Taman Labis. Sebelum itu, telah berlaku satu kes kemalangan jalan raya yang melibatkan tiga kenderaan di kawasan tersebut. Persoalannya yang saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, apakah tindakan yang sewajarnya yang telah diambil untuk mencegah dan mengurangkan kes kemalangan jalan raya di jalan Persekutuan di kawasan tersebut? Adakah angka kemalangan jalan raya telah berkurangan ataupun sebaliknya?

Bekok memohon jasa baik pihak kerajaan untuk menimbangkan hasrat umum masyarakat Labis supaya memperluaskan jalan di depan Taman Sentosa, Labis. Sementara itu memasang lampu isyarat di simpang jalan masuk ke Taman Labis dan Taman Perwira di Labis dan depan pintu Sekolah Menengah Labis dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Badi di Chaah untuk menjaga keselamatan pelajar dan memudahkan orang ramai. Tambahan pula, pihak yang berkenaan juga diseru supaya melukis garisan kuning di Jalan Segamat iaitu Simpang Jalan masuk ke taman perumahan yang bertujuan untuk memperlahankan kelajuan kenderaan sehingga mencapai matlamat mencegah dan mengurangkan kes kemalangan yang selalu berlaku di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah-masalah keruntuhan dan kerosakan longkang di kawasan Labis, tidak diperbaiki dengan segera. Longkang yang runtuh telah tersumbat dan menjadikan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Saya menggesa pihak berkuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya dan segera demi mencegah penyebaran penyakit demam denggi dan mengelakkan banjir kilat selepas hutan ribut serta meninggalkan imej buruk kepada pelancong.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah rancangan dan projek yang akan dijalankan oleh Kerajaan negeri di kawasan Daerah Segamat terutamanya di kawasan Labis? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memajukan bidang pertanian di kawasan Daerah Segamat sedangkan Menteri Besar pernah datang ke Daerah Segamat dan berazam untuk memajukan Segamat terutamanya dalam bidang pertanian. Apakah bantuan yang akan dihulurkan oleh Kerajaan negeri kepada pekebun untuk mengusahakan penanaman mereka terutamanya jika mereka mengalami kerugian akibat daripada bencana alam dan cuaca kering serta kemarau seperti yang berlaku pada awal tahun ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu lain yang saya bangkitkan ialah, saya telah menerima aduan bahawa penerimaan bantuan kebajikan di kawasan Labis. Selalunya bantuan kewangan lambat dimasukkan akaun bank mereka. Hal ini yang mendukacitakan saya adalah kerana mereka merupakan golongan yang amat memerlukan bantuan daripada masyarakat. Akan tetapi kelambatan

pemberian bantuan kewangan kepada mereka amat menyusahkan mereka. Adakah pihak yang berkenaan pernah bertimbang rasa dan memikirkan keadaan mereka dan menyesak serta apa sebabnya mereka memohon bantuan kebajikan

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Bekok, sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan menjunjung kasih ini akan kita sambung insya-Allah besok. Selain daripada Bekok menyambung terus ucapannya sampai akhir, saya harap bersedia Yang Berhormat Maharani, Yang Berhormat Kukup, Yang Berhormat Bukit Naning, Serom dan seterusnyalah, waktu kita membawa rundingan menjunjung kasih, esok. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Selasa 3 Jun 2014, jam 9.30 Pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

HARI KEEMPAT,
SELASA, 3 JUN 2014

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEEMPAT	SELASA, 3 JUN 2014	BIL. 5 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR

YB Datuk Speaker : Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita sambung semula.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Pengkalan Rinting, jemput.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1.

Nyatakan tahap kelulusan termasuk kelulusan dari jabatan mana, laporan apa yang diterima bagi projek penambakan laut bagi nombor lot PTD 4071, PTD 4090 dan PTD 4089, Mukim Tanjung Kupang.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat dari Pengkalan Rinting membangkitkan mengenai projek Pembangunan *Forest City* di kawasan Iskandar Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek *Forest City* merupakan sebuah projek pembangunan perdagangan bercampur melibatkan proses tambakan di Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru berhampiran dengan Pekan Tanjung Kupang dan berkedudukan di bahagian Tenggara Pelabuhan Tanjung Pelepas. Projek ini secara keseluruhannya berkeluasan kira-kira 5,171 ekar dan ia akan dilaksanakan secara berfasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pemaju bagi projek ini adalah Syarikat Country Garden Pacific View Sdn Bhd. Dan, syarikat ini adalah usaha sama di antara Country Garden Properties Malaysia Sdn Bhd, yang memegang ekuiti sebanyak 60% dan Esplanade Danga dengan pegangan ekuitinya sebanyak 40%. Kumpulan Prasarana Rakyat Johor merupakan pemegang ekuiti di dalam Esplanade Danga iaitu sebanyak 20%.

YB Datuk Speaker : Skudai.

YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Datuk Speaker, sebab projek ini melibatkan 5,000 hektar penambakan laut, adakah EIA atau persetujuan dicapai oleh Jawatankuasa Bersama Alam Sekitar Malaysia dan Singapura atau *The Malaysian and Singapore Joint Committee On Environment*?

YAB Menteri Besar : Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita tidak meletakkan kepada mana-mana *Joint Committee* ataupun usaha sama antara Kerajaan negeri ataupun mana-mana jabatan di negara ini dengan mana-mana kerajaan negara asing untuk menentukan sesuatu projek yang hendak kita laksanakan dalam negara kita. Tapi, kita bekerjasama untuk maklumkan apa saja usaha yang kita lakukan termasuklah dalam soal-soal yang melibatkan alam sekitar. Dan, memang dalam soal ni pihak Jawatankuasa itu memohon untuk kita mengemukakan laporan mengenai perancangan dalam soal pembangunan ini.

Dan, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, walaupun keseluruhan kawasan yang terlibat adalah lebih kurang 5,000 ekar tetapi projek ini dijalankan secara berfasa dan sebagaimana yang terkandung dalam peraturan, oleh kerana fasa yang pertama projek ini hanya melibatkan penambakan pasir seluas 49.3 hektar, maka ia tidak diperlukan untuk menghantar laporan EIA terperinci. Tetapi, oleh kerana projek ini melibatkan ada komponen pembangunan iaitu sebuah hotel yang melebihi 80 bilik, maka pihak pemaju memang dikenakan untuk menyediakan laporan EIA awalan ataupun *preliminary* EIA. Dan, perkara ini telah pun dikemukakan kepada pihak syarikat.

YB Datuk Speaker : Pengkalan Rinting.

YB Encik Cheo Yee How (Pengakalan Rinting) : Soalan saya berbunyi, adakah penambakan ini, apa tu, impak penambakan ini akan menjejaskan alam sekitar di sekitar situ dan kalau ia, macam mana pengendaliannya, sebab dari fahaman pihak saya di situlah tempat hutan paya bakau RAMSAR dan benteng inilah terletak di kawasan tersebut. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertamanya, suka kita nyatakan komitmen kerajaan bahawa kita juga mahu supaya soal-soal alam sekitar ini dipatuhi. Dan kedua, walaupun seperti yang saya telah katakan tadi, iaitu oleh kerana keluasan kawasan tambakan ini kurang daripada 40, 50 hektar dan walaupun mereka tidak, syarikat tidak perlu untuk kemukakan laporan EIA tetapi pihak Jabatan Alam Sekitar akan sentiasa memantau projek ini. Dan, ini telah pun dilakukan iaitu dalam satu tinjauan pada 13 Februari 2014, pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan satu notis arahan kepada syarikat supaya menyedia dan melaksanakan langkah-langkah kawalan bagi mengawal serakan *sediment* akibat daripada kerja-kerja penambakan. Jadi, walaupun dalam peraturan, mereka tidak perlu menyediakan apa-apa laporan tetapi pihak kerajaan beri jaminan pihak Jabatan Alam Sekitar akan sentiasa memantau projek ini dan mengeluarkan arahan dari semasa ke semasa supaya ianya tidak menjejaskan alam sekitar kita.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta penjelasan program *low* karbon di Johor. Apakah pelan tindakan yang dirangka oleh Kerajaan negeri bagi menjayakan program ini. Model negara manakah yang akan dicontohi dalam menjayakan program ini. Bilakah program akan dijayakan sepenuhnya di Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmannirrahim Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Pelan kajian *Low Carbon Society* merupakan satu projek yang diterajui oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar ataupun IRDA dan pasukan penyelidikan daripada Universiti Teknologi Malaysia.

Tujuan kajian ini adalah untuk pengurangan sebanyak 40% sehingga 50% bagi penggunaan karbon *intensity* di kawasan Iskandar Malaysia menjelang tahun 2025. Kajian ini merupakan kerjasama dengan Negara Jepun di mana ia melibatkan pasukan penyelidikan daripada *Kyoto University Jepun* dan ke semua kos yang terlibat dengan kajian ini dibiayai oleh Pasukan Konsortium Jepun.

Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon untuk Iskandar Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2012, dengan para penyelidik melakukan anggaran pengurangan karbon secara kualitatif dan kuantitatif melalui pelan tindakan dan inisiatif-inisiatif yang dicadangkan. Antara contoh aktiviti *Low Carbon Society*, adalah seperti pembinaan *bike lane*, penggunaan gas GNG pada setiap pengangkutan awam, pembinaan *low carbon building* dan sebagainya.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya, sebelum itu saya hendak ucapkan terima kasihlah atas penjelasan EXCO tentang Program *Low Carbon Society* dengan izin, di Wilayah Iskandar. Tahniahlah sekurang-kurangnya kita dah ada *blue print* atau pelan tindakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, *low carbon* ni, dia ada kaitan dengan pemanasan global, peningkatan suhu, yang berpunca daripada CO2, CO, CFC, NO2 dan CH4, akibat daripada pelepasan bahan api pembakaran hutan dan sebagainyalah. Jadi, walaupun usaha dah dibuat oleh UNFCC melalui IFCC di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992, *Protocol Kyoto* 1997 dan kegagalan Sidang Copenhagen pada tahun 2009, tak ada perubahan terhadap usaha-usaha dibuat ni. Malah, kita lihat cuaca makin mengganas, semakin hari semakin mengganas. Dalam *Low Carbon Society* ni kita cuma membincangkan soal *emulsion*, pelepasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, beberapa kali telah pergi ke Kyotolah bukan lawatan rasmi, berbincang dan ada perkara yang sedang dibuat oleh Kyoto ni, melalui program yang dinamakan *CCS, Carbon Capture Storage*, yang ini ada kaitan dengan CO^2 campur PS^2 yang membawa kepada CH^4 dan juga $2S2$ dan akhirnya kepada tindak balas yang dinamakan *Sabatier*. Yang ini boleh dibuat, Yang Berhormat Datuk Speaker, melalui program penanam pokok aje. Pokok akan serap haba, lepas tu serap kepada bumi dan akhirnya boleh membawa kepada tenaga. Selalunya, bila kita fikir *Low Carbon Society* ini ialah tentang *emulsion* aje, pelepasan kita tidak fikir tentang *capture* eh CO^2.

YB Datuk Speaker : Jadi, soalannya?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Soalannya Yang Berhormat Datuk Speaker, adakah usaha dibuat oleh Kerajaan negeri untuk memikirkan soal *Carbon Capture Storage* ni? Kalau ada, saya nak ucapkan tahniah dululah. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, dia sebut selalu Universiti Kyoto mentang-mentang anak dia ada di Universiti Kyoto. Sebenarnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kita tahu apabila karbait campur air, dia bawa kepada meriam buluh. (Dewan ketawa). Tetapi, saya cubalah menjawab Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana 5 tahun lepas saya pun ada pengalaman pergi ke Jerman melihat tentang *Renewable Energy*. Tetapi, apabila disebutkan tentang CO^2 macam hebat sangat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, CO^2 maknanya Karbon Dioksida campur dengan Hidrogen melalui Process *Sabatier Reaction* dengan adanya nikel sebagai *catalyst*. Maka, dia membawa kepada seperti yang dikatakan tadi, iaitu *methane* dan juga air. Ini macam dikata dirancang tetapi bukan, sebab dia bagi soalan bocor tetapi pening orang nak jawab perkara ini, saya rasa.

YB Datuk Speaker : Pasal Yang Berhormat Rengit ni handallah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Tetapi, apabila Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau saya pun nak boleh tanya dengan dia *Process Sabatier Reaction* yang disebutkan tadi, kalau saya tanya dia apa, dia pun tak tahu. Sebatier itu merupakan nama orang, Paul Sabatier, orang ahli kimia Perancis pada tahun 1910, dia mencipta tindak balas kimia yang berkaitan tentang *Sabatier Reaction* ini. Dan, hasilnya adalah *methane* ataupun metana. Dan, ini adalah merupakan bahan api yang boleh digunakan untuk *renewable energy*. , Yang berkaitan tentang *Carbon Capture Storage* sebenarnya melalui Pelan Induk Iskandar Malaysia, kita tidak lagi

membincangkan tentang *Carbon Capture Storage* kerana kita lebih menumpukan bagaimana untuk kita mengurangkan pelepasan karbon dioksida yang berada di kawasan persekitaran Iskandar dan di antara Pelan Induk yang kita cadangkan adalah untuk memastikan bahawa kita dapat mengurangkan pelepasan karbon di kawasan persekitaran terutamanya di kawasan Wilayah Iskandar dengan kita mengadakan pelbagai program melalui Pelan Induk seperti penanaman, seperti yang saya sebutkan tadi seperti penanaman pokok, *bike lane*, kita menggunakan hari tanpa kenderaan dan sebagainya sebagai usaha kesedaran kepada masyarakat agar mereka ini bersiap sedia bahawa kita mempunyai pelan jangka panjang untuk memastikan bahawa pelepasan karbon dioksida terutamanya di kawasan Wilayah Iskandar ini dipantau dan juga dilihat dan juga menjadi tanggungjawab Kerajaan negeri yang prihatin untuk memastikan bahawa penduduk yang bakal menduduki kawasan Wilayah Iskandar ini terpelihara dengan suasana alam sekitar yang lestari.

YB Datuk Speaker : EXCO pun hebat jugalah. Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, salah satu cara untuk kita mengatasi masalah karbon dioksida ni, pelepasan ni, kalau tadi itu *storage* ya. Kali ini saya nak tanya tentang *admissionnya*. Sesetengah negara telah cuba mengawal *admission* karbon dioksida ni dengan mengadakan *carbon trap*, ya. Makna kita *trap*, perangkap karbon dioksida yang telah terlepas daripada proses-proses industri kita. Memandangkan projek Pengerang kita dipercayai akan mengeluarkan *admission* yang mungkin lebih hebat daripada Kerteh, maka adakah pihak kerajaan mencadangkan bahawa sistem *trap* ini dilaksanakan di negeri ini. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Seperti saya katakan tadi, dalam proses untuk kita mengawal pelepasan karbon dioksida tadi yang disebutkan oleh Rengit. Dia ada dua cara :

1. Yang dikatakan sebagai *carbon capture storage*

2. Berkaitan tentang *admission* iaitu pengeluaran, pelepasan asap.

Dan, salah satu daripada mungkin yang boleh dilihat oleh Iskandar Malaysia adalah berkaitan tentang bagaimana kita menggunakan sama ada *carbon capture storage* ataupun *admission*, *carbon admission* ini untuk kita gunakan dengan teknologi yang ada untuk kita tukarkan melalui proses *sabatier* untuk dijadikan sebagai *methane* yang boleh digunakan untuk bahan api. Pada masa yang sama kita boleh mengurangkan karbon dioksida dan pada masa yang sama juga kita boleh gunakan hasil daripada tindak balas kimia ini untuk

memberikan satu peluang bagi *renewable energy* bagi menghasilkan tenaga elektrik.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai): Datuk Speaker, soalan tambahan.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Dato' Haji Saipolbahri bin Hj. Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 3.

Apakah langkah positif yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menangani masalah kenaikan harga ikan yang tidak popular yang menjadi pilihan rakyat golongan bawahan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Dewan, kenaikan harga ikan berlaku di seluruh negara pada masa-masa tertentu. Ianya disebabkan oleh beberapa faktor seperti permintaan yang tinggi pada musim perayaan ataupun faktor cuaca seperti ketika musim tengkujuh yang menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut untuk menangkap ikan. Selain itu perubahan cuaca yang berlaku juga boleh menyebabkan sumber ikan berkurangan. Sehubungan itu kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memperkenalkan Program Jualan Ikan Rakyat.

Ikan Rakyat merupakan ikan yang menjadi pilihan kebanyakan rakyat Malaysia termasuk rakyat golongan bawahan seperti ikan kembung, selar, cencaru, kerisi, pelaling, selayang, kerit dan tilapia. Ianya dijual dalam bentuk segar beku sebagai pilihan kepada pengguna dengan kawalan harga yang ditetapkan oleh LKIM. Di Negeri Johor ikan rakyat dibekalkan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan di bawah seliaan LKIM. Pada ketika ini *outlet* jualan kebanyakannya berada di Johor Bahru dan akan diperluaskan ke lain-lain daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada itu pihak LKIM juga sedang menyediakan kemudahan infrastruktur untuk melaksanakan Program Pasar Nelayan yang mana para nelayan yang akan menjadi peserta dan menjual sendiri hasil tangkapan mereka. Jualan terus daripada nelayan akan mengurangkan peranan orang tengah yang dikenal pasti sebagai antara punca kenaikan harga ikan. Dengan ini pengguna boleh mendapatkan ikan yang lebih segar dengan harga yang lebih rendah. Dalam hal ini Kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah positif dengan memberikan kerjasama terhadap pelaksanaan program tersebut. Kerajaan negeri telah bersetuju untuk memberikan kebenaran penggunaan premis-premis kerajaan bagi perlaksanaan Program Ikan Rakyat. Selain itu, Kerajaan negeri juga memberikan kebenaran penggunaan tanah-tanah kerajaan untuk pembinaan pasar nelayan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan turut mengambil beberapa langkah-langkah positif bagi memantau dan mengawal harga ikan seperti berikut :

1. Pemantauan harga secara harian oleh Pegawai Pemantau harga di seluruh pasar awam, pasar raya dan kedai runcit. Hasil pemantauan akan dimuat naik ke portal satupengguna.com bagi membantu pengguna membuat perbandingan harga.

2. Skim kawalan harga musim perayaan juga dilaksanakan bagi mengawal bekalan dan menetapkan harga siling ikan tertentu seperti Hari Raya Aidil Fitri, kawalan harga ikan kembung dilaksanakan dan kawalan harga ikan bawal putih di musim perayaan Tahun Baru Cina. Tujuan skim ini adalah bagi memastikan pengguna mendapat bekalan ikan berkaitan pada kadar harga yang berpatutan dan bekalan yang mencukupi.

YB Dato' Haji Saipolbahri bin Hj. Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker...

YB Datuk Speaker : Bukit Naning.

YB Dato' Haji Saipolbahri bin Hj. Suib (Bukit Naning) : Soalan tambahan saya. Apakah undang-undang ataupun akta dan hukuman yang dikenakan kepada mereka yang disabitkan kesalahan mengenakan harga yang tidak berpatutan hasil daripada pemantauan penguatkuasaan KPDNKK?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Naning. Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam usaha menyekat kenaikan harga yang tidak berpatutan oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 akan diambil sekiranya di dalam pemeriksaan atau pemantauan mendapati terdapat peniaga yang menaikkan harga yang tidak berpatutan, Notis di bawah Seksyen 21, Akta tersebut akan diguna pakai.

Di bawah Notis ini, mana-mana peniaga yang disyaki menaikkan harga secara tidak munasabah dikehendaki untuk mengemukakan maklumat dan dokumen bagi barangan atau perkhidmatan yang berkaitan untuk tujuan siasatan. Antara maklumat dan dokumen yang perlu dikemukakan ialah :

1. Harga barangan atau caj perkhidmatan semasa.

2. Harga barangan atau caj perkhidmatan sebelum kenaikan harga.

3. Kadar perbezaan harga.

4. Justifikasi kenaikan harga untuk sebab-sebab punca kenaikan harga atau caj dan kos lain yang menyebabkan kenaikan harga atau caj.

5. Dokumen dan maklumat lain yang berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekiranya mana-mana peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan, tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 boleh dikenakan dan sekiranya maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah palsu atau mengelirukan, ia juga merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 26, AKHAP 2011. Denda bagi kedua-dua kesalahan adalah tidak melebihi RM100,000.00 bagi Pertubuhan Perbadanan dan bagi orang perseorangan tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

YB Datuk Speaker : Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Soalan tambahan. Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi menggalakkan para nelayan dan pengusaha perikanan untuk membabitkan diri mereka dalam penangkapan dan penjualan ikan? Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Soalan ini lari sikit. Ini soal kenaikan harga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Yang Berhormat Datuk Speaker...

YB Datuk Speaker : Nak jawab, jawablah, kalau tak nak jawab pun tak apa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya kita memang banyak insentif, selain kita memberikan subsidi diesel kepada nelayan dan juga mempunyai, kita juga memberi mereka yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia, diberikan elaun sara hidup secara tetap sebanyak RM200.00 sebulan dan nelayan juga dapat juga insentif tangkapan ikan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak RM0.20 bagi setiap satu kilogram ikan yang didaratkan di jeti-jeti yang diiktirafkan oleh kerajaan. Dan kerajaan juga melalui LKIM ada menyediakan pinjaman dana nelayan tanpa faedah bagi nelayan membeli peralatan bot dan alat-alat penangkapan ikan seperti enjin dan pukat.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Apakah rasionalnya pihak lebuh raya memansuhkan lorong tunai di beberapa buah plaza tol di sekitar Johor Bahru yang menyebabkan bebanan kepada pengguna yang terpaksa membeli kad *Touch n Go* untuk menggunakan jalan tersebut?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah: Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Sungai Abong bertanyakan tentang rasionalnya pihak pengurusan lebuh raya memansuhkan lorong tunai di beberapa buah plaza di sekitar Johor Bahru. Secara rasionalnya, pelaksanaan 100% pungutan tol elektronik, *ETC* adalah untuk membantu mengatasi isu kesesakan yang sering berlaku di Plaza Tol. Menjadi hasrat kerajaan bagi memastikan keselesaan dan kemudahan dalam pembayaran tol di lebuh raya serta mengelakkan isu kesesakan maka perlaksanaan 100% sistem pungutan tol elektronik, *ETC* telah mula dipraktikkan di Plaza Tol Perling dan Plaza Tol Kempas, bermula 11 Januari 2014. Perlaksanaan sistem *ETC* ini akan, ini adalah lanjutan daripada kejayaan dalam menyelesaikan isu kesesakan di Plaza Tol yang dicapai hasil perlaksanaan 100% *ETC*. Sebagai contoh di Bangunan Sultan Iskandar serta di Plaza Tol Tanjung Kupang dan di Plaza tol Lima Kedai, Lebuh Raya Link Kedua.

Adalah diakui pada peringkat awal perlaksanaan, aturan proses pembayaran sedikit terganggu disebabkan isu-isu pembelian kad dan tambah nilai. Walau bagaimanapun, kalau kita lihat perkara atau isu berkaitan bebanan yang dibangkitkan, adalah dimaklumkan bahawa pihak konsesi telah diarahkan untuk memberikan insentif kepada para pengguna di mana pihak PLUS sebagai contoh telah menawarkan kad *Touch n Go Plusmile* tanpa caj untuk harga kad yang melibatkan 100,000 keping kad *Plusmile* di kedua-dua plaza tersebut.

Selain itu pemberian 10% rebet tol di kedua-dua plaza juga dibuat pada 11 Januari 2014 yang lalu dan promosi ini dilanjutkan sehingga 10 April 2014. Ini sedikit sebanyak telah dapat membantu mengurangkan bebanan kepada pengguna yang melalui kedua-dua Plaza Tol berkenaan. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih ke jawapan YB EXCO tadi. Soalan tambahan saya, saya setuju tentang tujuan untuk mengurangkan *traffic jammed* dan sebagainya tapi bagi masalah pengguna jalan raya kadang-kadang atau jarang-jarang atau setahun sekali, 5 tahun sekali yang menggunakan jalan ataupun tol tersebut, maka timbul masalah Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertama, mereka ni terpaksa membeli kad *Touch n Go* bayar membeli kad itu dah RM10.00, membeli harga nilai lagi. Tapi untuk digunakan satu *trip* sahaja. Jadi masalahnya lagi Datuk Speaker, kalau pengguna ini lalu tol tu tahun depan maka dah *expired* kad itu. Baru saya faham dan saya berpengalaman bahawa kad *Touch n Go* tu kita itu kalau kita tak gunakan selama 1 tahun maka dia *expired*. Kita tidak boleh tambah nilai,

tak boleh guna, kita terpaksa membeli kad *Touch n Go* yang baru. Jadi, saya mintak adakah cara lain selain daripada menggunakan *Touch n Go* ni. Untuk tol yang mengenakan *charge* yang tetap, *fixed price* ni, satu *charge* sahaja. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selain daripada usaha promosi dalam tempoh yang saya telah sebutkan tadi, kepada 100,000 kad yang pertama dijual dengan harga hanya RM5.00 dan isian juga adalah RM5.00. Walaupun pada hari-hari biasa, kad dijual pada harga RM10.00 dan isiannya RM5.00. Maka dalam tempoh promosi kita pihak Kerajaan menyedari tentang *expiry* kad-kad kepada pengguna yang jarang-jarang menggunakan tol. Jadi RM5.00 Yang Berhormat Sungai Abong, saya kira tidaklah satu jumlah yang membebankan rakyat sekiranya pun dia lalu sekali sahaja tol dan bakinya tu tidaklah banyak mana melainkan kalau kita kenakan kad dengan jumlah yang tinggi, jadi apabila *expired* jumlahnya itu mungkin dianggap sebagai satu pembaziran. Tetapi pada harga RM5.00 dan pengisian juga RM5.00 itu saya percaya adalah suatu pendekatan yang tidak membebankan masyarakat.

Kedua, bagi meringankan juga atau memudahkan pengguna jalan raya, kad-kad boleh dibeli dimana-mana tol plaza yang berdekatan untuk tujuan menambah nilai kepada yang kerap mengguna dan ianya dilaksanakan di lorong-lorong tambah nilai di Plaza Tol berdekatan. Dan juga, di stesen-stesen minyak yang terpilih termasuklah macam hari ni kalau kita baca di akhbar Pasar raya Mydin pun telah menjalankan urus niaga yang menggunakan *Touch n Go*. Jadi, kalau dia pun *Touch n Go* tu tak digunakan untuk tol plaza, ianya tidak membazir kerana dia tentunya pergi Pasar raya Mydin untuk menggunakan kad tersebut untuk membeli barang-barang lain. Terima kasih.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Datuk Speaker, saya...

YB Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat Kukup.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan tambahan saya, setelah dilihat daripada ulasan YB EXCO tadi memang jelas, kita dapati bahawa pengguna kad *Touch n Go* tu dapat mendisiplinkan pemandu. Dan keduanya, yang paling jelas ialah dapat mengelakkan kesesakan jalan raya. Jadi kalau kita lihat contoh di Singapura, kita nak masuk Singapura kita kena pakai *auto pass*. Tak boleh pun bayar tunai, malah kita nak *top up auto pass* kita pun, kita kena pergi *Seven Eleven* dan sehingga sekarang kita ingat dah berbelas tahun. Perlaksanaannya kita nak masuk Singapura dan kita lihat kesan daripada penggunaan *auto pass* itu menyebabkan tidak ada sesak, apa ni di Plaza Tol ataupun pintu masuk Singapura. Jadi, soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, ada tak cadangan daripada pihak pemegang konsesi sama ada PLUS atau

sebagainya, agar semua selepas daripada ini, pondok-pondok tol hanya menggunakan kad *Touch n Go* sahaja. Dah kad *Touch n Go* itu dipelbagaigunakan tadi bukan sahaja untuk Pasar raya Mydin mungkin untuk *parking, parking, Metro Parking* atau mana-mana *parking* seluruh negara dan juga mungkin digunakan sebagai debit kad atau sebagainya. Sekian, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya merasakan cadangan Yang Berhormat Kukup adalah satu cadangan yang baik dan mungkin pihak-pihak konsesi boleh pertimbangkan cadangan tersebut. Malah dari segi kita meneruskan usaha yang ada pada waktu ini, sementara cadangan daripada Yang Berhormat Kukup tadi itu dapat dilaksanakan, antara lain kemudahan dan juga ganjaran yang diberi kepada pengguna jalan raya pada waktu ini, yang menggunakan pungutan ataupun bayaran secara tol elektronik ini, Kerajaan juga memberikan rebat sebanyak 20% bagi pengguna yang kerap iaitu 80 transaksi minima sebulan, di kesemua lebuh raya di Malaysia. Rebat *Plusmile* juga diberikan sebanyak 5% bagi pengguna tol yang membayar minima RM100.00 sebulan di rangkaian lebuh raya-lebuh raya PLUS. Mata ganjaran *plusmile* salah satu daripada ganjaran juga diberi bagi penggunaan tol sebulan yang kurang daripada RM100.00. Dan akhirnya diskaun serta pelbagai keistimewaan lain ditawarkan oleh rakan-rakan niaga *plusmile* adalah sesuatu yang diteruskan. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Maharani tadi.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh kerana di antara fungsi *Touch n Go* adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas maka penggunaan *Touch n Go* memang sepatutnya digalakkan. Jadi untuk di Johor Bahru khususnya, bolehkah tempoh promosi ini dilanjutkan dan di samping itu, bolehkah diadakan promosi untuk *smart tag* sekali kerana *smart tag* juga lebih mahal dan ini juga akan melancarkan perjalanan lalu lintas. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya percaya cadangan Yang Berhormat Maharani boleh dipertimbangkan oleh syarikat-syarikat konsesi. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan no. 5.

Di Negeri Johor terdapat ramai pengusaha kedai makan yang terdiri daripada warga Thailand. Apakah langkah yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi memastikan peniaga tempatan tidak terancam dengan kehadiran mereka?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum dan salam sejahtera, salam muafakat Johor. Soalan daripada ADUN Machap adalah di Negeri Johor terdapat ramai pengusaha kedai makan yang terdiri daripada warga Thailand. Apakah langkah yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi memastikan peniaga tempatan tidak terancam dengan kehadiran mereka?

Bagi menjawab soalan ADUN Machap ini Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pihak Berkuasa Tempatan telah menetapkan dasar bahawa tidak memberi lesen penjaja kepada warga asing untuk berniaga di dalam kawasan Majlis seperti di gerai pasar malam hak milik Majlis atau lokasi lain di bawah lesen penjaja. PBT memandang serius isu kebanjiran peniaga warga asing yang sewenang-wenangnya menjalankan perniagaan makanan di negeri ini. Justeru, dalam usaha untuk memastikan peniaga tempatan tidak terancam dengan kehadiran mereka, Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menjalankan pemantauan dan melaksanakan tindakan penguat kuasa makanan warga asing termasuklah restoran tom yam/*seafood* yang dimiliki oleh peniaga tempatan mana kala pekerjanya terdiri daripada pekerja asing daripada Thailand dan memastikan tiada penyalahgunaan lesen premis makanan yang berlaku.

Tindakan kompaun dan notis akan dikeluarkan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian, Undang-Undang Kecil Makanan dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran. Selain daripada itu, PBT juga melakukan bancian dan menyerah maklumat kepada Jabatan Imigresen sekiranya terdapat pekerja warga asing yang diragui status untuk diambil tindakan.

Untuk makluman, penguat kuasa telah dibuat oleh pihak PBT dalam kawasan Iskandar dan sebagainya. Saya nak maklumkan di sini, di Bandaraya Johor Bahru ada 26 premis yang telah disiasat di mana 20nya ada lesen, 6 tiada lesen dan 6 bilangan gerai yang mengajikan pekerja tiada permit, gerai yang tidak berlesen ini telah di notis dan dikompaunkan untuk ditamatkan lesen premis.

Untuk Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, bilangan premis 15 yang disiasat, ada 14 yang mempunyai lesen dan tiada lesen 1dan mengajikan pekerja tanpa permit ada 1 dan gerai ini dibatalkan lesen kerana mengajikan warga asing tanpa permit.

Dan untuk makluman di Majlis Daerah Simpang Renggam, bilangan premis yang disiasat ada 5 dan mempunyai lesen ada 3 dan 2 tiada lesen. Bilangan gerai yang mengajikan pekerja tanpa permit adalah 2 dan mereka ni telah

dibuat tindakan dan di Simpang Renggam kita akan terus menjalankan operasi dan begitu juga mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan yang lain.

Cuma apa yang kita permasalahan yang berlaku ada lesen premis perniagaan menggunakan seperti contohnya isteri, suaminya adalah warga asing jadi menggunakan nama isteri sebagai peniaga. Kalau mengikut peraturan, lesen itu dibenarkan, kerana isterinya adalah taukelah, maknanya *owner* pada lesen tersebut dan ini menyebabkan ada berlaku perkara-perkara yang dari segi tindakan tidak dapat dilakukan. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memantau dari semasa ke semasa dan sentiasa membuat serbuan terhadap daripada laporan yang telah kita terima terhadap pengusaha-pengusaha yang menjalankan lesen perniagaan dan memberi lesen perniagaan itu kepada warga asing untuk diniagakan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Datuk Speaker, soalan tambahan.

YB Datuk Speaker : Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Soalan tambahan Datuk Speaker. Apakah premis makanan yang diusahakan oleh warga asing ini berada dalam keadaan yang baik dan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan tahap kebersihan di premis ini terjamin? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, kita memang tidak meluluskan lesen untuk warga asing ya. Dan, ada satu cadangan garis panduan sistem penggredan makanan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang kita, telah dibawa ke Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke-66, pada 3 September 2013 yang lalu. Di mana, kebersihan dan keselamatan makanan di premis makanan adalah menjadi tanggung jawab PBT. Satu sistem penggredan premis makanan telah diperkenalkan bagi diseragamkan di seluruh PBT. Ianya merangkumi 7 perkara dalam penggredan ini, kawasan penyediaan makanan, kawasan sajian makanan, peralatan dan jentera, kebersihan dan kendalian makanan, sistem bekalan air, kemudahan *sanitary*, struktur dan penyenggaraan premis.

Pengiktirafan secara penyerapan bintang melalui sijil akan dikeluarkan dan ini dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Premis yang mendapat 50% ke bawah akan diarah menjalankan kerja-kerja penambahbaikan dalam tempoh 14 hari. Sekiranya pemeriksaan ulangan premis masih lagi di bawah nilaian 50% ke bawah, arahan penutupan akan dikeluarkan. Dan bagi memastikan premis sentiasa dalam keadaan yang bersih dan baik, pemeriksaan susulan akan dilakukan sebagai satu langkah memastikan agar sijil pengiktirafan tersebut ditarik balik. Perkara ini telah dilakukan dan kita memantau setiap premis supaya mendapat gred yang telah ditetapkan.

YB Datuk Speaker : Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Jementah juga menerima maklum balas daripada peniaga perabot daripada kawasan Taman Yayasan, Buloh Kasap, di Segamat bahawa perniagaan mereka terjejas disebabkan persaingan daripada peniaga perabot daripada warga asing. Saya dimaklumkan dan saya tak faham, saya ingin tahu sama adakah Kerajaan Tempatan ada mengehadkan jumlah lesen yang dikeluarkan kepada peniaga asing sekiranya mereka dibenarkan untuk berniaga di kawasan tersebut, sama adakah ada jumlah lesen yang dihadkan kepada golongan peniaga tersebut? Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Ini asalnya soal kedai makan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, dia dah terjauh ke Segamat, tapi tak apa saya jawab soalan ni daripada YB Jementah. Dia dari segi sudut lesen ni, penjaja ni memang kita tidak benarkan lesen kita keluarkan kepada warga asing. Walau bagaimanapun ada syarat dibenarkan dari segi perniagaan biasanya melalui pendaftaran ROS, pendaftaran yang dikeluarkan. Dan, kita mengeluarkan berdasarkan daripada kelulusan yang dibenarkan, dari segi peratusan, peratusan syer di mana peniaga asing tidak boleh melebihi 60% daripada syer tersebut. Jadi, itulah peraturan yang kita benarkan di mana lesen yang dikeluarkan mesti adalah daripada syarikat usaha sama dengan peniaga dengan orang tempatan. Jadi, soal kita mengeluarkan lesen kepada peniaga asing itu tidak benar. Cuma apa yang berlaku di dapati ada orang tempatan yang memberi lesen kepada peniaga asing untuk berniaga. Ini permasalahan yang kita dapati soal disiplin masyarakat untuk kita pastikan mereka-mereka ini memastikan perniagaan mereka tidak di Ali Babakan ke warga asing, ini yang berlaku. Jadi, soal kita pengawalan, kita berdasarkan peraturan yang telah kita tetapkan.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Penggaram, jemput.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 6.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk memulih baik infrastruktur Perpustakaan Awam Daerah Batu Pahat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 kepada pihak Jabatan Kerja Raya bagi memperbaiki bangunan Perpustakaan Cawangan Batu Pahat yang mana kerja-kerja ini dijangka akan dimulakan pada awal bulan Julai tahun ini dan dijangka siap pada awal September tahun ini juga.

YB Datuk Speaker : Jemput Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Penggaram nak ingin bertanya dengan cara apakah, dengan cara apa atau langkah apa Kerajaan negeri Johor untuk menjaga infrastruktur Perpustakaan sentiasa berada di dalam keadaan baik. Sebab kita selalu membuat aduan dan mendapat balasan dengan kekurangan peruntukan dan di sini saya nak ingin tahu disebabkan kita dalam keputusan Majlis Kewangan Negara 1991, kerajaan Perpustakaan Negeri dan Kerajaan Negara menanggung bersama perbelanjaan mengurus perpustakaan dengan nisbah 50 kepada 50 adakah Kerajaan negeri Johor akan menuntut peruntukan ini daripada Kerajaan Persekutuan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan ini dia dah..

YB Datuk Speaker : Soalan tambahan tu tidak menyentuh soalan asal.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Dia dah sebut dalam perbahasan semalam, tapi tak apa saya nak jelaskan bahawa pengurusan perpustakaan ini memang secara bersama dengan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan memang telah memperuntukkan untuk pengurusan perpustakaan di negeri-negeri ini melalui Perbadanan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Cuma yang ada sedikit masalah yang di peringkat PNM dari segi pengagihan peruntukan ke Kerajaan negeri disebabkan ada pertambahan perpustakaan baru yang tidak, baru dibina tetapi tidak ada peruntukan pengurusan. *So*, oleh yang demikian kita peringkat Kerajaan negeri memang sedang berusaha untuk bincang dengan PNM ini untuk mendapatkan cara penyelesaian yang sebaik mungkin bagi mendapatkan agihan peruntukan daripada Kerajaan Pusat itu.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput. Ini khusus.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 7.

Sila nyatakan bilangan OKU yang bekerja sebagai kakitangan awam di Negeri Johor pada masa kini dan apakah jabatan-jabatan yang terlibat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Paloh membangkitkan mengenai bilangan OKU yang bekerja sebagai kakitangan awam di Negeri Johor pada masa kini dan juga apakah jabatan-jabatan yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut sumber dari Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, seramai 52 kakitangan awam di Negeri Johor adalah terdiri daripada golongan Orang Kurang Upaya. Pengisian pegawai ataupun Anggota Orang Kurang Upaya Pentadbiran Kerajaan negeri Johor sehingga 1 Januari 2014 bagi lantikan jabatan atau pun Pihak Berkuasa Tempatan atau pun Badan Berkanun Negeri di Negeri Johor

adalah seramai 45 orang. Penempatan adalah di Jabatan Pengairan dan Saliran Johor, Jabatan Agama Johor, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Kebun Bunga, Jabatan Veterinar, Jabatan Perhutanan, Pejabat Daerah Batu Pahat, Pejabat Daerah Kota Tinggi, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Tangkak dan juga Yayasan Pelajaran Johor.

Bagi lantikan Kerajaan Persekutuan pula, seramai 7 orang kakitangan OKU telah ditempatkan di jabatan kerajaan yang melibatkan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat

YB Datuk Speaker : Paloh.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Adakah Kerajaan negeri bercadang untuk meningkatkan pengambilan OKU sebagai kakitangan awam? Jika ya, apakah usaha-usaha yang akan dijalankan? Jika tidak, kenapa?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan negeri Johor telah mewujudkan sebuah unit penempatan pekerjaan OKU dan telah ditempatkan di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim semenjak tahun 2010. Dan tujuan utama program dan unit diwujudkan adalah bagi mencari dan memadankan pekerja yang bersesuaian dengan OKU mengikut kebolehan dan kemampuan Orang Kurang Upaya tersebut. Dan, sejak dilaksanakan seramai 67 orang OKU telah berjaya ditempatkan bekerja di dalam pelbagai sektor kerajaan dan juga swasta. Dan dari jumlah tersebut seramai 14 OKU telah kita tempatkan bekerja di sektor awam iaitu di pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Encik Mohd. Azhar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya melihat ada kesukaran terutamanya golongan OKU ini yang mempunyai Diploma atau Ijazah untuk diambil kerja di dalam sektor kerajaan atau pun swasta. Jadi soalan saya di sini adakah mekanisme atau pun garis panduan yang ada untuk mencari kebolehan mereka untuk mereka libatkan sektor-sektor tersebut. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, kita sentiasa berusaha untuk memberi peluang kepada OKU untuk mendapatkan pekerjaan. Sebab itu kita buat, kita adakan unit penempatan pekerjaan. Sebab ianya juga adalah selaras dengan usaha kerajaan kita untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan, khususnya dalam sektor awam. Dan, kerajaan telah juga memperkenalkan dasar 1% peluang pekerjaan di sektor awam kepada OKU bermula pada tahun 1988. Dan, usaha ini juga merupakan inisiatif kerajaan untuk kita membuka

lebih banyak peluang kepada mereka, dan mereka yang mendaftar dengan kita, kita akan melihat sejauh mana keupayaan mereka untuk kita tempatkan di jabatan-jabatan atau pun di sektor-sektor swasta.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Minta penjelasan status pencapaian tanaman pengeluaran makanan di Johor. Kerajaan Johor difahamkan memberi kebenaran lot tanah di Negeri Johor untuk program ini. Nyatakan keluasannya mengikut daerah dan tahun tanah diserahkan dan jenis tanaman diusahakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmannirrahim. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan daripada Rengit adalah mengenai pencapaian TKPM dan juga keluasan eko daerah serta jenis tanaman. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Rengit bermula pada tahun 2003 hingga 2011 sebanyak 7 buah projek tanaman kekal makanan TKPM telah ditubuhkan dengan keluasan sebanyak 284.8 hektar. Manakala bermula tahun 2012 sebanyak 4 buah kawasan TKPM baru telah dibuka dengan keluasan sebanyak 1,093.01 hektar.

Berikut adalah maklumat mengenai pecahan mengikut keluasan tahun tanah diserahkan dan jenis tanaman yang diusahakan. TKPM yang sedia da iaitu :

1. Air Hitam Batu Pahat, keluasannya sebanyak 24 hektar ditubuhkan pada tahun 2005 tanaman yang diusahakan adalah Durian Belanda, kontan dan juga Roselle.

2. Sekijang, Segamat. Keluasannya sebanyak 75.21 hektar di tubuhkan pada 2003 tanaman diusahakan adalah sayur buah dan kontan.

3. Manakala TKPM Ulu Tiram, daerah Kota Tinggi 33.198 hektar di tubuhkan pada 2004 sayuran dan juga Markisa.

4. Lepau, Kota Tinggi. 42 hektar ditubuhkan pada tahun 2007, tanaman yang diusahakan adalah nenas dan kontan.

5. Seri Pantai, Mersing. 69.699 hektar pada tahun 2001 ditubuhkan bagi sayur, buah, kontan dan Roselle.

6. Pagoh, daerah Muar iaitu luasnya 2 hektar ditubuhkan pada 2011 ini tanaman secara fertigasi, Rock Mellon dan juga cili.

7. TKPM Ipah di Batu Pahat keluasannya 38 hektar ditubuhkan pada tahun 2007 ini juga tanaman fertigasi, Rock Mellon, Cili dan juga kontan.

8. TKPM baru di Sungai Lebak di Kota Tinggi, keluasannya sebanyak 76 hektar di tubuhkan pada tahun 2012 masih dalam kerja-kerja pembangunan. Ini dicadangkan tanam pisang dan nangka.

9. Sedili Kecil, Kota Tinggi. Keluasannya 202 hektar, cadangan kita akan tanam sayur dan buah-buahan.

10. Seri Jamaluang, Mersing. 622 hektar ini juga kita akan tanam betik, pisang dan nangka.

11. Seri Tenggaroh, Mersing. Seluas 191 hektar kita akan cadang untuk menanam betik, belimbing, pisang dan nangka.

Hasil pengeluaran bagi projek TKPM sedia ada adalah di antara 1,600 metrik tan hingga 3,200 metrik tan bagi tempoh pengeluaran di antara 2008 hingga 2013. Sehingga Mei 2014 pengeluaran hasil TKPM tersebut adalah sebanyak 501 metrik tan. Berikut adalah makluman pengeluaran hasil TKPM bagi tempoh, saya ambil untuk 2011, 2012 dan 2013 iaitu jumlah 2011 kita mengeluarkan 1,618,881 kilogram manakala 2012, 1,779,073 kilogram dan 2013, 1,642,170 kilogram. Jadi, terdapat kenaikan sedikit penurunan pada 2013 atas beberapa faktor iaitu antaranya kita lihat faktor cuaca memainkan peranan. Pada 2013 dapat musim kemarau, dan juga hujan. Begitu juga kita setengah-setengah TKPM kita berhadapan dengan masalah serangan penyakit dan juga serangga perosak. Begitu juga ada beberapa pertukaran peserta-peserta dalam menghasilkan pengeluaran makanan ini. Dan, juga ada setengahnya sikap pihak pengusaha itu sendiri yang kurang memberi komitmen.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih atas jawapan tadi. Ni nak cerita tentang pisang ni Yang Berhormat. Sebab salah satu makanan...

YB Datuk Speaker : Pisang?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Pisang, pisang. Bukan pisang monyet. Pisang. Tadi dijelaskan sejak tahun 2013 di Sungai Lebah baru kita mulakan tanaman pisang ni. Sebab sejak banjir 2006, bila kita Johor dilanda banjir besar, dia ada satu penyakit yang dinamakan penyakit layu bakteria, moko. Penyakit moko ni. Pisang tak menjadi. Kita susah nak dapatkan pisang. Saya ada pengusaha di Batu Pahat tu ada 315 pengusaha IKS. Dia susah nak dapatkan bekalan pisang termasuklah pisang tanduk dan sebagainya. Jadi apakah langkah yang kerajaan susun? Sebab market, pasaran untuk pisang ni senang. Di kawasan Rengit dia orang terpaksa ambil daripada negara jiran, Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau boleh di fikirkan pisang ubi ni, makanan yang paling penting ni dirancang supaya tanaman pengeluaran makanan ini diberi

keutamaan kepada dua pisang dan ubi ni. Ada permintaan ini cukup tinggi dan kalau boleh Kerajaan negeri memikirkan supaya ada pelan tindakan komprehensif untuk pengeluaran makanan yang berasaskan tanaman pisang dan juga ubi ni Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan saya.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Terima kasih kepada Yang Berhormat DUN Rengit. Kita memahami isu tanaman pisang yang telah menghadapi serangan penyakit khususnya di Daerah Segamat. Walau bagaimanapun, Kerajaan negeri telah mengenal pasti kawasan-kawasan ataupun kita juga telah mengenal pasti klon-klon yang bersesuaian untuk memastikan pengeluaran pisang dapat kita penuhi khususnya untuk IKS. Begitu juga kita telah membantu pengusaha-pengusaha pisang ini dengan memberikan input-input yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, kita juga telah mengenal pasti kawasan TKPM yang bersesuaian untuk membantu pengusaha-pengusaha IKS yang menghadapi masalah ini. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada DUN Rengit yang memberikan maklumat sebegini tapi Kerajaan negeri dan juga Persekutuan telah mengenal pasti tanah-tanah yang terbiar juga yang ingin kita bangunkan. Insya-Allah nanti saya akan terangkan pada penggulungan. Program-program apa ni. Program-program untuk kita membantu pengusaha-pengusaha IKS melalui program tanah terbiar. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 9.

Apakah tindakan Bahagian Penguat kuasa Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri Johor menangani masalah sumbang akhlak di kalangan muda-mudi yang tidak segan silu di tempat awam walaupun di siang hari?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab soalan dari Bukit Naning. Dengan kekuatan anggota penguatkuasaan seramai 58 orang bagi seluruh Negeri Johor bahagian penguat kuasa Jabatan Agama Johor sepanjang tahun 2013 sebanyak 1,463 operasi harian telah dilaksanakan. 75 operasi bersama dan 69 operasi bersepadu telah dijalankan di bawah unit di bawah bahagian penguatkuasaan Jabatan Agama Johor di seluruh Negeri Johor dan sehingga Mei 2014. Bagi tahun 2014 sebanyak 550 operasi harian, 22 operasi bersama dan 24 operasi bersepadu telah dijalankan. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 66 kes di bawah Seksyen 29 iaitu berkelakuan tidak sopan di tempat awam. 867 kes di bawah Seksyen 27 yang ditangkap khalwat, 414 kes di bawah Seksyen 23 persetubuhan luar nikah. Dan juga, 68 kes di bawah Seksyen 19 iaitu minum minuman yang memabukkan telah didaftarkan

sehingga April 2014. Bagi tahun 2014, sebanyak 29 kes di bawah Seksyen 29 berkelakuan tidak sopan di tempat awam. 283 kes bawah Seksyen 27 dan 136 kes di bawah Seksyen 23 persetubuhan luar nikah dan 17 kes Seksyen 17 meminum minuman yang memabukkan telah didaftarkan. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Jemput Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih, Datuk Speaker. Pasir Raja dah lama memerhatikan perkara berkenaan dengan kelakuan sumbang akhlak di kalangan muda-mudi. Terutama sekali di tempat-tempat terbuka, Datuk Speaker. Kita dapati aduan dibuat oleh orang awam tetapi tindakan yang diambil tu lambat dan tindakan langsung pun tak ada. Saya nak tanya Datuk Speaker, apakah penyebab utama perkara ini tidak boleh diambil tindakan.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Datuk Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Perkara yang disebutkan tadi, banyak pihak kami juga menyedari bahawa banyak aduan-aduan kes di bawah Seksyen 29 ini berkelakuan tidak sopan di tempat awam. Tetapi oleh kerana kes-kes yang seperti ini adalah kes yang biasanya berlaku secara tidak bukan secara tidak disengajakan, maksudnya secara yang kita rasakan ia berlaku secara tiba-tiba. Bukan tiba-tiba maksud saya, maknanya yang dilakukan maknanya tidak kita dapat kesan dari lebih awal. Dari awal lagi kita tidak dapat mengesan perkara ini.

Dan yang kedua, nisbah penguat kuasa kita, satu penguat kuasa dengan jumlah 25,000 orang Islam di mana setiap daerah kita ada 5 orang penguat kuasa dan 10 daerah kita ada 50 orang ditambah lagi 5 orang di pejabat seramai 5 orang jumlahnya 55 orang. Sedangkan waran yang telah diluluskan oleh pihak JPA sekarang ini ialah 97 orang. Suruhanjaya Perkhidmatan Johor telah pun sekarang ini melaksanakan, menjalankan temu duga bagi menambah 38 orang lagi dan juga keperluan yang sebenarnya yang diperlukan bagi bahagian penguat kuasa Jabatan Agama Johor. Bagi jumlah umat Islam yang ada di Negeri Johor pada hari ini ialah 148 anggota. Dan, Insya-Allah perkara ini kita akan tambah dari masa ke semasa.

Jadi buat masa ini kita akan mencukupkan jumlah waran yang sedia ada yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak 93. Inilah dua perkara yang kalau saya lihat pada hari ini bagi pihak Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Johor iaitu kekangannya iaitu kes-kes yang berlaku secara cepat. Kita tidak dapat menjangka kes-kes kelakuan-kelakuan yang tidak sopan. Namun operasi-operasi kita teruskan juga dengan kekangan yang kedua yang saya katakan tadi jumlah anggota yang tidak ramai.

Seorang penguat kuasa dengan nisbah 25,000 orang Islam. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang sempat kita jawab pada pagi ini. Mana-mana soalan lisan yang tidak dijawab, harap dijawab secara bertulis di dalam Persidangan ini.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Datuk Speaker: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Bekok menyambung ucapan.

YB Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat Sejahtera, salam pagi. Bekok pernah melawat rumah seorang ibu tunggal kerana bumbung rumahnya dimusnahkan semasa angin ribut yang berlaku pada awal tahun ini. Beliau memberitahu saya bahawa beliau pernah memohon bantuan kebajikan tetapi gagal. Bekok ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, bahawa apa garis panduan yang menyebabkan permohonan beliau ditolak? Sedangkan beliau merupakan seorang ibu tunggal dan seorang penjaja kuih-muih yang berpendapatan kurang serta tidak tetap. Pada ketika itu, terdapat 2 penerima bantuan kebajikan juga memohon alat bantuan pendengaran dengan pihak Jabatan Kebajikan. Akan tetapi permohonan pemohon tersebut masih tidak dapat sebarang jawapan sama ada permohonan alat bantuan pendengaran diluluskan atau tidak. Apakah syarat permohonan alat bantuan OKU dan berapa lamakah proses untuk meluluskan permohonan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bekok juga ingin tanya kepada Kerajaan negeri bahawa apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu pekebun-pekebun sedangkan harga getah yang rendah setakat ini. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu pekebun-pekebun untuk membantu mereka sedangkan harga baja yang meningkat dan semasa berlakunya bencana alam yang mengakibatkan mereka menghadapi kerugian dan kemusnahan tanaman mereka. Bekok amat berharap agar pihak-pihak yang berkenaan dapat meringkaskan dan mempercepatkan proses permohonan bantuan terutamanya semasa berlaku bencana alam yang tiada tandanya supaya pekebun yang turut dipengaruhi dapat memulakan petanaman dengan secepat hingga dapat meringankan beban mereka. Bekok juga berharap supaya bantuan ini dapat membantu mereka yang betul-betul memerlukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rumah merupakan tempat kediaman yang merupakan keperluan asas manusia. Pemilikan rumah sendiri telah menjadi impian bagi kebanyakan dewasa. Akan tetapi, kenaikan harga rumah dan keperluan secara mendadak telah menjadikan mimpi kerana ketidakmampuan. Maka pembinaan rumah kos rendah, kos sederhana dan

kos mampu milik amat menggesa supaya memenuhi keperluan warga Johor. Terutamanya untuk membantu meringankan bebanan golongan berpendapatan rendah.

Kadar inflasi yang tinggi kebelakangan ini telah membawa impak yang besar kepada rakyat dan amat membebankan golongan berpendapatan rendah dan mereka yang menduduki di kawasan kampung dan pekan. Rakyat mengadu bahawa kenaikan harga barang menyebabkan simpanan mereka telah berkurangan. Dan, yang menerukkan keadaannya adalah harga rumah baru juga meningkat. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan yang ingin beli rumah tetapi tidak berkemampuan ini. Adakah jumlah pembinaan rumah kategori dapat memenuhi keperluan pasaran terutamanya di kawasan kampung dan pekan seperti di Labis, Bekok, Chaah? Setakat ini masih tiada projek dan rumah mampu milik di kawasan Labis, Bekok dan Chaah. Maka, saya menggesa supaya pihak berkenaan dapat mengkaji keperluan penghuni Labis sehingga memenuhi keperluannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adakah Kerajaan negeri mementingkan an melindungi hak-hak asasi Orang Asli di negeri Johor? Bagaimanakah kerajaan melindungi hak-hak asasi Orang Asli dari segi sejarah dan adat resam mereka dan membantu untuk berdikari dan berkemampuan untuk bersaing dalam masyarakat yang moden ini. Saya berpendapat bahawa sejarah dan adat resam Orang Asli patut dilindungi dan dijadikan salah satu tarikan pelancongan di kawasan Bekok dan Tenang. Keunikan adat resam dan kebudayaan Orang Asli di negeri Johor patut dihayati dan dihargai oleh Kerajaan Negeri kerana ia juga merupakan salah satu khazanah yang penting sejak zaman dahulu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sementara itu saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, apakah pertimbangan yang akan diambil semasa meluluskan lesen kepada syarikat yang berkaitan dengan aktiviti seperti perlombongan besi, pasir, pembalakan kayu dan sebagainya?. Adakah pihak berkenaan mengambil kira dari segi penjagaan alam sekitar, sementara menjalankan aktiviti ekonomi. Bekok dapati bahawa Sungai Batang di kawasan Bekok, ke belakangan ini air sungai telah menjadi keruh dan berwarna kuning. Adakah pihak berkenaan mengambil tindakan sewajarnya sementara memelihara sumber alam semula jadi?.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya ingin meminta pihak yang berkenaan untuk menyatakan secara terperinci tujuan dan kos lawatan luar negara yang ditanggung oleh Kerajaan negeri melibatkan Menteri Besar dan EXCO Jawatankuasa dalam tempoh tahun 2008 hingga tahun 2013. Selain itu, sila senaraikan secara satu persatu bilangan program-program yang telah diadakan di Kediaman Rasmi Menteri Besar pada tahun 2010 hingga tahun 2014, serta jumlah kos yang dibiayai oleh Kerajaan negeri untuk tujuan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, itulah junjung kasih Bekok pada hari ini. Sekian terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bekok. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Datuk Speaker : Waalaikumussalam

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani): Selamat sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani mengucapkan syukur, alhamdulillah dan terima kasih kerana diberi kesempatan menjunjung kasih dan membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim dalam Dewan yang mulia pada pagi yang berbahagia ini. Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku merangkumi pelbagai aspek, sangat menyeluruh tanda keprihatinan dan kasih Baginda terhadap rakyat dan negeri Johor yang kita cintai ini.

Maharani tertarik dengan peringatan Baginda supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat memikul amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat dengan penuh tanggungjawab tanpa mengira latar belakang agama, bangsa atau parti politik. Satu peringatan yang sangat tepat dan dalam tempoh enam tahun Maharani ADUN, Maharani dapat merasakan isu agama, bangsa dan pendirian politik masih mewarnai sesuatu tindakan yang diambil. Pakatan Rakyat telah dapat merentasi sempadan bangsa kerana ketiga-tiga parti komponen kami adalah parti berbilang bangsa. Dalam Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu, masyarakat Melayu di kampung ditakutkan dengan ungkapan "jika Pakatan Rakyat memerintah, maka DAP Cina yang memerintah". Di kalangan Cina pula, mereka ditakut-takutkan apa yang dikatakan Hudud PAS. Ini adalah perkembangan yang tidak sihat, yang diharapkan tidak akan berulang lagi menjelang Pilihan Raya Umum yang ke-14 nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Pembangkang Pakatan Rakyat sepatutnya diiktiraf sepenuhnya. Kehadiran kami, kerana kami adalah pilihan rakyat di kawasan kami sendiri. Aduan-aduan yang disampaikan oleh rakyat melalui siapa sahaja hendaklah dipertimbangkan dengan adil kerana jika Wakil Rakyat, Pakatan Rakyat membuat aduan, tidak semestinya yang mengadu itu adalah penyokong kami, kerana kami menerima aduan daripada semua lapisan masyarakat. Kemudahan kepada awam juga, tempat-tempat kemudahan awam sepatutnya boleh digunakan oleh semua pihak, bukan hanya untuk pihak *government of the day* sahaja, dengan izin. Kami mahu dilibatkan bersama dalam aktiviti-aktiviti bertemu rakyat supaya kami juga dapat menyumbang dalam membangunkan negeri yang kita kasihi ini.

Maharani mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang telah pun melawat daerah Muar tapi meminta maaf tidak dapat menyambut kerana kami tidak dijemput, sedangkan di Muar ada DUN Bentayan, DUN Sungai Abong, DUN Maharani dan Parlimen Bakri. Ini adalah satu peluang untuk pihak kerajaan sebenarnya untuk menyelami peranan yang boleh dilakukan oleh pihak pembangkang dalam membantu memberi idea dan juga membangun sambil mendapat maklumat maklum balas tentang aktiviti-aktiviti dan perancangan kerajaan di dalam daerah ini, untuk kami sama-sama dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat dan kalau boleh membantu bersama dalam membangunkan negeri ini.

Ada rakyat yang masih menyangka bahawa kami ADUN Pakatan Rakyat mendapat peruntukan daripada kerajaan dan menuntut kami membangunkan kawasan mereka. Lebih malang lagi, apabila kawasan yang mempunyai ramai penyokong pembangkang, ada pemimpin tempatan apabila rakyat memohon bantuan daripada mereka, mereka kata, oleh kerana kamu menyokong pembangkang maka mintalah bantuan daripada Wakil Rakyat pembangkang kamu. Dan ini adalah satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku, lebih-lebih malang lagi saya lihat dalam soalan lisan yang lepas, YB Tangkak ada menyuarakan bahawa ada Ketua Kampung yang dipecat. Saya tak tahu ianya benar atau tidak, kerana membenarkan ADUN Pakatan Rakyat menghadiri majlis ini. Saya harap ini tidak benar.

Oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyatakan bahawa sekarang tiada lagi jawatan Pegawai Khas Yang Amat Berhormat Menteri Besar di kawasan yang diwakili oleh Pakatan Rakyat, maka rakyat tertanya-tanya, bagaimana dan kepada siapa peruntukan ini disalurkan, bagaimana mereka hendak memohonnya. Ada pula kawasan yang dikatakan, ada individu yang telah dilantik untuk menguruskan pembangunan di kawasan ini, jadi Maharani mohon pencerahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani sangat bersetuju dengan pandangan YB Pemanis yang menyatakan bahawa ADUN tidak mempunyai kuasa untuk menyelesaikan masalah yang menjadi bidang kuasa kerajaan, apatah lagi ADUN daripada Pakatan Rakyat. Maka inilah peranan tersebut yang disampaikan kepada masyarakat tentang peranan sebenar ADUN. Namun demikian, Maharani ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, swasta dan lain-lain yang telah memberi kerjasama yang baik dalam menyelesaikan masalah rakyat walaupun belum semuanya permasalahan ini dapat diselesaikan.

Maharani mencadangkan supaya Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan di setiap jabatan itu dimaklumkan secara meluas kepada seluruh rakyat supaya mereka dapat mengambil manfaat daripada hari tersebut untuk menyalurkan pelbagai masalah dan supaya mereka dapat berurusan terus dengan Ketua-ketua Jabatan tanpa membuat sebarang *appointment*.

Di zaman IT ini, Maharani sangat tertariklah dengan *facebook* Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sangat aktif dan boleh dihubungi sesiapa juga boleh buat komen di situ. Ini adalah satu perkara yang baik, jadi boleh dikira ini "Kepimpinan Melalui Teladan" lah dan tahniah juga kepada YB-YB dan seluruh jabatan-jabatan yang mempunyai *facebook*, kerana inilah untuk anak-anak muda sekarang dan inilah yang mereka tidak lekang dengan *handphone* mereka, dan inilah satu maklumat ataupun perhubungan yang dapat membantu dari segi kita menyalurkan maklumat dan juga untuk rakyat membuat teguran, membuat permohonan ataupun membuat aduan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani menyokong sepenuh-penuhnya titah Tuanku Sultan supaya Kerajaan negeri menubuhkan satu pasukan khas uniuk membuat rayuan bagi membatalkan keputusan yang telah dibuat oleh ICJ berkenaan dengan Pulau Batu Putih. Pulau Batu Putih telah terlepas. Maharani harapkanlah pulau-pulau lain dapat dijaga dengan baik, telah pun pernah disebutkan dalam persidangan yang lepas. Jadi Maharani ingin tahu, berapa banyak pulau-pulau dalam jajahan takluk Johor ini? Adakah pulau-pulau ini yang dikatakan akan diberikan nama, masih ada yang belum bernama atau belum digazetkan, sebelum negara luar pulak menggazetkan pulau ini sebagai pulau mereka. Jadi kami tidak mahu peristiwa Batu Putih berulang.

Dan di Pontian, teringat Pontian sebab mesyuarat PAC yang lepas di Majlis Daerah Pontian, terima kasih Majlis Daerah Pontian dan Maharani ternampaklah Pulau Pisang daripada Pejabat Majlis Daerah Pontian. Jadi saya teringatlah bahawa di situ ada sebuah Rumah Api. Jadi bilalah agaknya Kerajaan negeri Johor bercadang, adakah Kerajaan negeri Johor bercadang untuk mengambil alih pengurusan Rumah Api ini daripada pihak Pelabuhan Maritim Singapura kerana Perjanjian tahun 1900 yang lalu di antara Almarhum Sultan Ibrahim dengan Kerajaan British telah membenarkan Pihak Berkuasa Singapura mengendalikan Rumah Api ini. Jadi Maharani haraplah supaya Pulau Pisang ini akan menjadi pulau hak mutlak Negeri Johor Darul Ta'zim ini sepenuhnya dan kepentingan rakyat yang mempunyai dusun di situ, nelayan-nelayan dapat, mendapat rezeki tanpa sekatan di keseluruhan sekeliling pulau ini.

Maharani ingin bertanya juga, berapa orangkah pekerja-pekerja pihak Pelabuhan Maritim Singapura ini yang bertugas di situ dan adakah mereka masih bebas keluar masuk ke kawasan itu tanpa sebarang dokumen, tanpa sebarang permit kerja. Jadi, diharapkan supaya episod yang lepas tidak berulang dan kedaulatan negeri Johor, keselamatan negeri yang kita cintai ini kekal terjamin dan tidak dikacau ganggu oleh pihak-pihak luar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah satu berita yang sangat menggembirakan bagi Maharani apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan memperkenalkan, memperkenankan dan mengisytiharkan hari Jumaat dan Sabtu sebagai Hari Cuti Mingguan di Negeri Johor seperti "sirih pulang ke gagang" kerana sebelum ini pun cuti mingguan di Negeri Johor adalah hari

Jumaat. Jadi syukur alhamdulillah kerana keprihatinan Baginda dan begitu, sehingga Baginda bertitah supaya kerajaan mengkaji kesesuaian, menyelaraskan cuti hujung minggu ini di pihak kerajaan dan pihak swasta supaya ia kekal pada hari Jumaat dan Sabtu, supaya ahli keluarga-keluarga, ahli keluarga Negeri Johor ini dapat menikmati cuti mingguan bersama keluarga untuk mereka, untuk membina keluarga bahagia. Alhamdulillah jugalah sebab sebelum ini kita dengar, ini masalah di alam maya, sebelum ini ada pihak yang tidak bertanggungjawab menyatakan cuti mingguan di Negeri Johor ini akan diubah kepada hari Sabtu dan Ahad semula. Jadi Alhamdulillah jadi kita tidak, jadi dengan sendirinya berita ini dapat dimatikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah tempatan, Bandar Maharani Bandar DiRaja. Kesesakan lalu lintas juga seperti Bandar Kuala Lumpur atau Bandar Johor Bahru. Kesesakan ini adalah disebabkan oleh pertambahannya aktiviti ekonomi di bandar dan mungkin pertambahannya kenderaan. Jadi Maharani ingin bertanyalah, bila agaknya Projek Maharani Sentral yang dikatakan akan dibina atau dibangunkan di Muar By Pass ini, bila ia akan dimulakan supaya dapat disegerakan dan dengan ini aktiviti-aktiviti ekonomi dan kemudahan awam tidak hanya tertumpu di pusat bandar.

Pada masa ini alhamdulillah setelah beberapa kali disebut atau dicadangkan, maka Pihak Berkuasa Tempatan telah pun menaik taraf Hentian Bas Bentayan. Ini satu perkara yang baik dan mudah-mudahan memberi keselesaan dan dapat menunjukkan bahawa Bandar DiRaja ini sama-sama membangun untuk kepentingan rakyat.

Satu lagi masalah di bandar ini ialah masalah tempat letak kereta. Dengan pertambahan kenderaan dan kepesatan aktiviti, maka tempat letak kereta berkurangan. Jadi Maharani ingin mencadangkan supaya tempat letak kereta di Dewan Jubli Intan itu di Dewan Jubli Sultan Ibrahim itu diaktifkan dengan membenarkan orang awam meletakkan kereta itu dari pagi hingga jam 10.00 malam dan untuk peringkat awal untuk menggalakkan masyarakat menggunakannya, kerana sekarang ini pun ketika dengan berbayar pun penggunaannya agak terlalu kurang, sedangkan pusat membeli belah hanya bersebelahan, siap ada jejantas sekali tapi rakyat tidak menggunakan.

Jadi kali ini kalau peringkat awal ini dibenarkan meletakkan kereta secara percuma, maka ini akan dapat membantu mengurangkan kesesakan di lalu lintas dan juga mengelakkan daripada rakyat mengikut amalan biasa meletakkan kereta di tepi jalan walaupun di *line* berkembar kuning kerana nak ambil mudah. Cuma tempat letak kereta di Dewan Jubli Intan ini yang dihubungkan kepada sebuah pasar raya itu jejantasnya agak tinggi. Kalau boleh agaknya dipasang eskalator untuk naik di kanan dan kiri itu mungkin memudahkan untuk khususnya kepada warga emas, Orang Kurang Upaya untuk menggunakan tempat letak kereta ini.

Begitu juga tempat letak kereta di Bangunan Perhentian Teksi Jalan Maharani ini nampaknya kurang dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk, kerana seperti biasalah masyarakat masih mengambil mudah untuk meletakkan kereta di hadapan kedai yang mereka nak berurusan. Maka di sini juga sepatutnyalah digalakkan masyarakat menggunakan tempat ini dan kalau boleh, kalau masih tidak digunakan saya cadangkan jugalah untuk masa yang terhad lakukan promosi, dengan membenarkan tempat ini dijadikan tempat letak kereta secara percuma untuk satu waktu yang tertentu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai bandar yang membangun ternyata masalah yang menjadi rungutan masyarakat ialah kegiatan judi yang berselindung di sebalik pusat hiburan keluarga. Beberapa tempat di dalam daerah ini dan saya yakin pihak yang berkuasa juga tahu bahawa pusat-pusat hiburan keluarga ini, juga dijadikan sebagai tempat perjudian. Dan ini sangat merisaukan kerana ia melibatkan belia, kanak-kanak sekolah dan ini juga dilihat satu budaya yang sangat-sangat tidak sihat.

Jadi Maharani mengharapkan supaya pihak berwajib PBT, pihak Polis, Pejabat Daerah terus melakukan pemantauan dan melakukan tindakan yang lebih aktif. Kalau boleh dapat menutup terus premis pusat hiburan keluarga yang disalahgunakan ini. Walaupun kita dimaklumkan bahawa sejak awal tahun ini tidak ada lagi pusat-pusat hiburan keluarga dibenarkan, tetapi saya difahamkan di kompleks membeli belah atau kompleks tertentu lesen masih lagi diberikan ataupun dikecualikan. Inilah yang kena perhatikan, pemantauan, penguatkuasaan hendaklah diteruskan.

Satu lagi yang sedang berleluasa sekarang ialah mesin slot judi. Kalau tidak mungkin di bandar juga mesin slot judi ini merupakan mesin di mana dengan bermodalkan RM1.00 atau RM2.00 pengguna akan diberi peluang untuk memenangi *handphone* dan juga barang-barang yang berharga. Tetapi nak mendapatkannya tu bukan mudah. Inilah satu bentuk perjudian yang biasanya diletakkan di pasar raya dan mudah diakses oleh kanak-kanak sekolah dan juga masyarakat. Ini adalah satu yang sepatutnya dihapuskan dan Maharani mengharapkanlah supaya pihak yang berkenaan PBT, jikalau mereka tidak membenarkan tempat ini digunakan maka pihak pasar raya yang membenarkan ini, perkara ini berlaku hendaklah dikenakan tindakan. Ini memang bentuk perjudian jadi pihak Polis juga sepatutnya mengambil tindakan tegas.

Saya difahamkan ada daerah-daerah yang telah pun mengambil tindakan ke atas mesin-mesin slot judi yang sedang berleluasa sekarang ini. Kita mengharapkan inilah satu tindakan yang dapat mendidik masyarakat, di samping kita mendidik mereka supaya mereka mengelakkan melakukan kemungkaran, kita penguatkuasaan juga adalah penting untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak disenangi ini berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam menangani masalah yang disebut kali ini tentang GST, bagi saya paling mudah ingin tahu GST ini barang naik ke barang turun. Hari itu saya pergi ke kedai cermin mata untuk mengganti cermin dia kata, doktor kali ini harga inilah, tapi tahun depan, di bawah resit itu ada tulis GST. Kalau RM1,000.00 maknanya ada tambah RM60.00 lah. Jadi, itu yang saya faham, jadi rakyat itulah yang dia faham. Saya nak tahu kalau GST menurunkan harga, mereka-mereka akan sokong, kalau GST menaikkan harga harap Kerajaan dapat memikirkanlah cara lain untuk mendapatkan hasil untuk negeri, untuk memberi bantuan kepada rakyat, kerana apa berlaku yang lepas adalah walaupun faktor kenaikan harga itu bukanlah satu sahaja, tetapi ia adalah *chain reaction*, dengan izin.

Jadi, apabila contohnya apabila rasionalisasi petrol, rasionalisasi gula dibuat dengan sendirinya ini akan menyebabkan kenaikan harga barang dan ini akan menyusahkan rakyat. Dengan BRIM yang diberi itu kepada sebahagian rakyat tidak dapat menampung keperluan semasa untuk sepanjang tahun. Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan itu saya ucap terima kasih. Wabillahi taufiqwalhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mengalu-alukan rombongan dari Jabatan Kemajuan Masyarakat KEMAS Negeri Johor di bawah Kementerian Kemajuan Wilayah Luar Bandar dan Wilayah Johor Bahru. Selamat datang. Seterusnya kita persilakan Yang Berhormat daripada Kukup.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. (Berselawat). Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Kukup ingin menyampaikan ataupun Menjunjung Kasih yang setinggi-tingginya atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang cukup holistik dan bermakna sekali terutamanya mengenai Perkara 5 dalam titah Baginda iaitu, "Setiap perkara yang disuarakan oleh rakyat hendaklah diambil perhatian dan dibincangkan dalam suasana yang harmoni. Apa juga cadangan yang baik untuk rakyat hendaklah disokong dengan jujur dan ikhlas walaupun ia datang daripada pihak yang berlainan parti".

Tahniah dan syabas Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah melakukan lonjakan saujana dalam prestasi ekonomi Negeri Johor, malah Duli Yang Mulia Sultan Johor telah berbangga dengan Bajet Surplus berjumlah RM480 juta sebagaimana titah Baginda dalam Perkara 7, titah ucapan Duli Tuanku semasa pembukaan Dewan yang lepas. Lebihan bajet ini merupakan satu perkara yang begitu baik dan insya-Allah ia boleh melestarikan rakyat. Jadi Kukup bangun pada hari ini untuk memberikan cadangan, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Kita lihat mengikut perangkaan statistik di Negeri Johor terdapat sebanyak 9,289 setinggan, yang menghuni setinggan di Johor 9,289, di Pontian sahaja ada 583. Kalau cerita kemiskinan di Johor ada lebih kurang 19,000 yang miskin ataupun

0.12% lebih kurang daripada jumlah penduduk tak sampai 1%. Apa yang Kukup ingin bawa, Kukup ingin mendefinisikan pula maksud setinggan ini, Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau ikut definisi Kerajaan negeri setinggan bermaksud, "Setinggan adalah kawasan-kawasan penempatan yang terletak di atas tanah kerajaan dan rumah-rumah yang dibina di atasnya tanpa mendapat kebenaran pihak kerajaan", inilah maksud setinggan.

Apa yang Kukup ingin bawa dan pengalaman Kukup sepanjang menjelajah kawasan-kawasan dalam pentadbiran ataupun dalam kawasan Kukup, saya ingin menampilkan satu isu. Sebenarnya lebih ramai, masih ramai lagi orang yang miskin yang tak duduk atas tanah Kerajaan tetapi mereka menumpang atas tanah individu. Memohon mungkin atas dasar sahabat atau dasar saudara ataupun tak ada hubungan, tapi mungkin atas dasar kasihan, orang membenarkan golongan-golongan ini menumpang atas tanah individu atau atas tanah syarikat dan mereka telah bergenerasi di atas tanah itu.

Malangnya apabila kita ingin memberi bantuan kepada orang-orang ini, sama ada kita bawa turun Majlis Agama Islam Negeri Johor yang mempunyai bantuan, kita bawa turun KKLW, kita bawa turun juga Giat MARA dan sebagainya, kita tidak mampu membaik pulih ataupun membina baru rumah mereka atas dasar tuan punya tanah tak membenarkan. Dan apabila berlaku generasi yang berikutnya di mana anak kepada tuan tanah asal dah mula ada kaedah-kaedah nak mengeluarkan mereka ini daripada tanah yang mereka duduki, dengan cara tidak membenarkan penyambungan elektrik, dengan cara tidak membenarkan pembinaan jalan raya ataupun jalan-jalan yang baik kawasan tanah mereka, ataupun dengan cara menyindir hari-hari.

Dan kita percaya dan saya cukup yakin bahawa mereka ini adalah orang-orang yang lebih terseksa, lebih susah hidupnya daripada orang yang duduk di setinggan. Jadi, Kukup pada hari ini memohon agar definisi setinggan itu dibesarkan, bukan sahaja mereka yang menumpang atas tanah kerajaan tapi dimasukkan atas tanah individu atau tanah syarikat. Tanpa kebenaran pula kita tambahkan lagi bukan sahaja tanpa kebenaran, tapi juga tanpa kebenaran dan kebenaran jangka masa pendek.

Jadi, kalau ini kita dapat atasi orang-orang ini kita dapat bela, pasal apabila kita fokus untuk menyasarkan setinggan sifar, kita hanya fokus kepada orang yang menumpang tanah Kerajaan sedangkan orang-orang ini lebih susah. Jadi saya mohon agar orang ini, golongan-golongan ini dimasukkan sebagai sasaran kita untuk, kalau kita dapat tanah sesuai kita bina rumah, orang ini harus juga dimasukkan dalam istilah setinggan supaya nasib mereka boleh kita bela dan kepada orang setinggan kerana ia dekat dengan bandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tapi orang ini adalah merupakan kalangan nelayan, kalangan petani yang tidak mampu pun untuk nak bayar deposit apa ini, rumah ataupun menyewa rumah. Jadi haruslah kita memberi fokus orang-orang yang sedemikian, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Keduanya, isu yang saya ingin bangkitkan ialah kita mencadangkan kerajaan negeri supaya dapat menaikkan taraf pengangkutan awam dalam Negeri Johor. Saya tidak ingin sebagaimana pembangkang melihat satu *angel* ataupun satu sudut sahaja. Kita ingin melihat secara keseluruhan kerana ia juga sebagaimana kebimbangan ke Bawah Duli Tuanku Dalam Perkara 58, di mana Tuanku bertitah kadar kemalangan jalan raya di Negeri Johor yang semakin meningkat setiap hari hendaklah diberi perhatian yang serius. Maksudnya, Tuanku pun prihatin keadaan jalan raya kita makin sesak, *accident* berlaku ataupun kemalangan berlaku sering kali, kadar kemalangan sebagaimana pihak pembangkang juga ada merekodkan semakin meningkat. Kita faham dan Kukup yakin perkara ini berpunca daripada satu perkara sahaja. Apabila kita benarkan terlalu ramai pemandu kenderaan ataupun orang yang mengendalikan kenderaan ataupun *operator* kenderaan di jalan raya sudah pasti kadar kemalangan berlaku dengan lebih tinggi. Jalan yang satu, kalau satu kenderaan lalu berbanding dengan 100 kenderaan lalu sudah tentu peluang untuk berlaku kemalangan lebih tinggi kepada banyaknya kenderaan yang lalu.

Kita ambil contoh, satu senario sekarang ini di negara kita telah terdapat 14 juta kenderaan, 14 juta. Kita ambil satu senario, kita andaikan satu pekan ataupun satu negeri, contohnya Johor Bahru ini, kita bayangkan satu model bandar yang kita ada 50,000 orang ketua isi rumah yang mempunyai kenderaan. Kita bayangkan kalau setiap seorang isi rumah ini ada satu kenderaan maka akan terdapat 50,000 kenderaanlah yang akan berlegar-legar di sekitar Johor Bahru. Tapi cuba kita bayangkan kalau orang ini tak naik kenderaan, kita persiapkan, siap siagakan satu kenderaan yang berupa bas yang bermuatan 50 orang. Satu bas boleh muat 50 orang, kita benarkan mereka naik bas sahaja untuk pergi kerja atau berlegar dalam Negeri Johor. Kita andaikan dengan andaian lain serta 10,000 ataupun tetap. Jadi daripada 50,000 kenderaan yang berlegar kita dapat menurunkan kepada hanya 1,000. Itu kalau kita gunakan bas, bagaimana pula kalau kita ada satu kereta api, sistem pengangkutan LRT yang sebagainya yang boleh memuatkan 1,000 orang? satu pergerakan. Jadi daripada 50,000, kita tinggal hanya 50,000 kenderaan dan hanya 50 orang sahaja yang mengendalikan mesin tersebut. Jadi peluang untuk berlaku kemalangan sudah tentu akan semakin menurun ataupun mungkin susah nak berlaku kemalangan sebagaimana kita lihat negara-negara maju mempraktikkan perkara ini.

Jadi, Kukup mencadangkan kita kena buat secara holistik, kita tak boleh buat satu-satu, tak boleh ini hari kita fokus bas, tak boleh kita fokus jalan, satu hari kita tak fokus perkara lain. Kita lihat apa jadi dengan jalan Pasir Gudang. Kita dah buat dah jalan Pasir Gudang, kita buat alternatif pula satu jalan lagi daripada Permas Jaya sampai Pasir Gudang tetap *jam*. Pasal apa, bila kita siap sahaja jalan pada ketika itu jumlah kenderaan dah bertambah. Jadi, dah tak praktikal lagi sistem yang kita nak perkenalkan ini. Jadi, Kukup mencadangkan supaya kita mungkin dah sampai masanya kita kena fikir dah ada sistem LRT ini kan, dah

ada sistem MRT, dah ada sistem bas elektrik yang hanya mengikut jalan yang telah ditetapkan. Bila bas elektrik ini kuranglah pencemaran, kuranglah kerosakan akibat minyak habis ke, kerosakan enjin dan sebagainya. Jadi, penyelenggaraan kurang, jadi benda-benda ini sudah kita boleh fikirkan untuk kita perkenalkan di Johor dan insya-Allah kita yakin Johor boleh lebih maju dan lebih elok perjalanan rakyatnya.

Saya ingin menyangkal sedikit apa yang diperkatakan oleh Johor Jaya bahawa kadar kematian tinggi adalah disebabkan oleh keadaan jalan raya yang tidak baik atau penyelenggaraan jalan raya yang tidak baik. Tahukah Yang Berhormat Johor Jaya jalan raya-jalan raya di Malaysia antara jalan yang terbaik dalam dunia? Pergilah mana-mana bandar dalam dunia, pergilah London, pergilah Paris. Kalau kat Paris tu kita lihat jalan raya kat tengah bandar, dia bukan pakai *premix*, dia pakai batu. Kita jalan bergegar, siapa sakit jantung sampai 5 kilometer boleh sesak nafas, pasal apa dia jalan memang teruk. Tujuan jalan itu teruk supaya kata jangan orang jangan bawa laju, orang bawa perlahan-lahan tengoklah bandar, tengoklah Eiffel Tower, tengoklah jambatan dan sebagainya. Jadi bukan pasal jalan dan juga kerajaan teruk, bukan, bukan. Lebih banyak kepada faktor manusia yang sebagaimana saya perkatakan tadi. Jadi tu, kalau Johor Bahru jalan teruk sikit, lagi bagus kurang sikit *jam*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini sangat saya lama nak sampai *point* ini pasal saya rasa saya cukup daripada semalam saya tak boleh tidur sebenarnya. Bila Bukit Batu cakap kita dengar cerita dia. Pertama dia cakap kerisauan tentang pengunjung Legoland 80% tempatan, 20% aje asing, ok tak apa. Lepas tu dia cakap dia cabar bila Airbus A380 nak mendarat kat Senai? Cakap lagi, hanya destinasi Indonesia aja kata dia yang kita sediakan daripada Lapangan Terbang Senai dan juga dia cakap kalau pelancong turun selain daripada Senai Airport, maka mereka mungkin singgah destinasi lain. Terdapat dua perkara yang bercanggah.

Dahulu saya ingat lagi dalam Dewan ini penggal yang lepas, puas EXCO Pelancongan nak jawab dia memperkecilkan Senai Airport ataupun Lapangan Terbang Senai. Lapangan Terbang Senai sangat dekat dengan Lapangan Terbang Changi. Macam mana kita nak bersainglah, macam-macam kata-kata yang dilontarkan. Sekarang ini dia mengaku kalau kapal terbang ini tak mendarat di Senai, mendarat Changi peluang pelancong nak pergi Johor tipis. Jadi dah jawab, betullah itulah jawapan dia. Kalau kapal terbang ni tak mendarat Senai, dia pergi Changi tipislah peluang pelawat-pelawat ini untuk kunjung ke Tanjung Piailah, ke Bekoklah, cakaplah ke mana. Jadi peluang ini adalah tipis Yang Berhormat Datuk Speaker.

Itu tak apa, saya simpan dulu perkara itu, kita lihat statistiklah sebenarnya kat Senai ini. Daripada 2012 hingga 2013 kalau kita lihat pelancong antarabangsa yang tiba melalui Lapangan Terbang Senai telah meningkat daripada 17,000 kepada 137,000 dengan peningkatan sebanyak lebih kurang 700%. Tahniah

diucapkan kepada EXCO Pelancongan. Domestik pula daripada 1.3 juta kepada 1.8. *Transfer* daripada 29,000 kepada 47,000, kargo kita mencecah sekarang kepada 3 juta lebih kurang. Kemudian kekerapan daripada 116 seminggu kita dah kepada 225 seminggu. Jadi ini kita lihat satu peningkatan yang cukup baik dan kita juga harap Lapangan Terbang Senai ini yang cukup strategik lokasinya ini akan dapat berkembang baik. Mana mungkin Changi boleh lawan dengan Senai kerana kita sangat mempunyai kawasan yang begitu luas, kita mempunyai rangkaian jalan raya yang berhampiran dengan pelabuhan, kalau barang itu cepat, daripada pelabuhan nak cepat, kapal lambat kita boleh naikkan kapal terbang. Tapi mungkin pasal Changi ini dah terlalu lama. Orang dah kenal tapi inilah masa dan ketikanya kita *promote* juga, kita promosikan juga Senai supaya ianya boleh bersaing setidak-tidaknya mengambil sebahagian besar kek yang telah disediakan dalam sektor pengangkutan udara ini.

Yang berhormat Datuk Speaker, ini *point* yang sangat menarik. Kita semua tahu sebab kenapa pelancong ingin pergi kepada sesuatu negara. Contohnya Malaysia, ataupun kita nak pergi luar negara, kalau kita dengar dekat Indonesia orang asyik berdemonstrasi kita nak pergi pun takut, silap-silap hotel kita ni kena tutup, silap-silap kita ataupun teksi kita diterbalikkan. Kita juga dengar kalau kerajaan sesuatu negara itu tidak menjaga kepentingan awam kita juga takut. Kalau rakyatnya tak dijaga bagaimana mungkin nak jaga kepentingan pelancong. Jadi itulah sebenarnya yang berlaku, kita lihat banyak pemimpin pembangkang telah pergi keluar negara mempromosikan keburukan negara yang dicipta oleh mereka sendiri. Kita lihat baru-baru ini, bukan lama, baru. Ada setengah pemimpin rakyat kita pergi ke Taiwan, promosikan yang jangan datang ke, melabur ke Johor. Mereka mungkin lihat pada ketika itu yang nak dihalang sebuah syarikat, dia lihat sebuah syarikat yang nak dihalang. Dia lupa bila dia pergi Taiwan sudah barang tentu ada media-media di sana membuat liputan menunjukkan bahawa, eh! Orang Malaysia pun ada masalah dengan pemimpin Malaysia? Orang Malaysia juga menentang kerajaan? Orang Malaysia ini ataupun Malaysia ini dimomokkan, digambarkan sebagai tidak menjaga alam sekitar ataupun Malaysia ini dimomokkan sebagai tidak reti menjaga, menguruskan negara dia. Jadi sudah barang tentu orang-orang ini yang dahulu berhasrat hendak datang ke Negeri Johor terbantut disebabkan oleh pemimpin-pemimpin ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tanya, apa bezanya pengebom berani mati dengan orang yang memburukkan nama di luar negara dan juga persamaannya apa? Ha, saya jawab. Persamaan pengebom berani mati dengan orang yang memburukkan nama negeri ataupun nama negara di luar negara ialah sama. Kedua-duanya membawa kerosakan. Pengebom berani mati, orang mati, harta rosak, kalau yang memburukkan nama kita di luar negara persepsi rakyat di negara sana akan rosak, kita rugi dari sudut kedatangan pelancongan dan sebagainya, yang kedua, dua-dua fikir dia sahaja yang betul. Itu pasal dia sanggup bunuh diri, orang lain cakap semua salah, dia cakap dia betul ataupun orang cakap awak salah dia cakap dia

betul. Jadi inilah berlaku pasal dia terlalu jumud pemikirannya mengatakan dia sahaja betul. Majoriti cakap dia salah dia pun cakap dia betul. Jadi orang ini sanggup meletupkan diri pasal dia cakap dia betul. Begitu juga orang yang memburukkan negara, kita semua ok, kita semua tak ada masalah, kita semua hendak pembangunan tapi orang ini merasakan, eh! Kita semua salah dia sahaja betul. Jadi orang yang ini merupakan sama perangainya dengan orang yang berani mati tapi perbezaan dia Yang Berhormat Datuk Speaker, pengebom berani mati ni lepas dia bercakap dia buat kerja dia mati, habis tapi orang yang memburukkan negaranya Yang Berhormat Datuk Speaker, dia cakap sana dia ada dalam Dewan.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Kukup, sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini hingga pukul 11.50.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.25 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.50 pagi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula, jemput Kukup teruskan.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bismillahirrahmaanirrahim, terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Nada dah *slow* balik ni. Pembangkang tak ada ni, nak cakap tinggal dua, boleh? Ok, tak apa (Dewan Ketawa). Alhamdulillah Wa Syukur Lillah, kita baliklah pada tadi, bila saya tanya tu apa beza pengebom berani mati dengan orang yang memburukkan kerajaan di luar negara. Bila buruk-burukkan kerajaan ni sebenarnya kalau dalam istilah Inggeris *treason*, pengkhianat. Kalau kita lihat sejarah silam, orang pengkhianat ni dia layan macam-macam, pasal kita tahu bila luar negara burukkan negara tanpa memikirkan implikasinya, orang tak datang, duit tak datang dalam negara, pandangan luar negara pada negara jadi buruk, orang ni mengkhianat. Bila mengkhianat ni, kalau kita lihat sejarah, di Jepun, orang mengkhianat ni dia suruh harakiri *kirk* bunuh diri mati fasal mengkhianat negara.

YB Dato' Timbalan Speaker : Berdosa, berdosa.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Di Jepun, saya cakap di Jepun. Kalau di Cina masa zaman Maharaja Shih Wang Ti dulu Dinasti Ming bukan saja dibunuh yang mengkhianat ni satu keluarga, satu keturunan habis tapi cuma kat Malaysia ni tulah saya cakap bila pengkhianat hentam negara balik boleh jadi wakil rakyat lagi, boleh bercakap lagi, keluar negara lagi, balik lagi. Jadi ginilah, saya rasa Johor ni kita baik hatilah, kita murah hati, kita tak nak wakil rakyat kita yang saya sebutkan tadi tu bunuh diri ke, letak jawatan kita tak nak. Fasal bila letak jawatan bunuh diri dah kena pilihan raya kecil semula. Bila PRK

banyak pakai modal, kita kena lagi pilihan raya, belanja lagi, buat apa tu kertas undi dan sebagainya. Jadi saya rasa tak payahlah.

Jadi Kerajaan Johor begitu apa ni pro aktif. Kita sentiasa berfikiran positif. Kita nak menukar yang negatif itu jadi positif. Jadi kita lihat macam ini, kita mencadangkan, terlanjur mereka dah buat salah, terlanjur orang-orang ini dah buat pengkhianatan, buat salah, kita nak dia tebus balik kesalahan dia dengan satu cabaran, kerana dibuat dekat Taiwan, kita cabar dia pergi Taiwan balik. Tapi kali ini bukan memburukkan negara, kita nak dia tarik Taiwan, kita cabar dia satu tahun 5 juta pelancong Taiwan datang ke Johor ini. (Dewan bertepuk). Ada berani ke tidak? Positif kan. Bila pelancong Taiwan datang kita ada hasil. Jadi kita mintalah, jangan pandai cakap je. Kita minta dia buat kerja.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ini satu lagi tuduhan yang tidak bermaruah yang saya kena cakap. Dalam kata-kata yang telah dilontarkan semalam dalam ucapan bahas. Tuduhan yang tidak bermaruah yang saya rasa tak beramanah daripada Yang Berhormat Bukit Batu bila dia menzahirkan perkataan ini. "Dengan izin Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, hutang rumah tangga di Malaysia melonjak daripada 57% daripada GTP pada tahun 2002 kepada 86.8% daripada GTP, bukan GTP sebenarnya GDP (*Gross Domestic Product*). Pada tahun 2013, purata peningkatan setiap tahun adalah 12.7%. Justeru itu adalah tidak hairan Malaysia adalah negara yang mempunyai hutang rumah tangga yang tertinggi di seluruh rantau Asia, *number one*, Dato' Speaker".

Kemudian dia cerita pula tentang pendapatan negara. Di cerita pula hujung dia dengan perkataan dengan izin, hujung dia, "jelas kerajaan telah gagal untuk memajukan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rumah tangga di Malaysia". Ini satu fakta diambil statistik tapi diulas dengan cara penuh manipulasi, kalau orang biasa mungkin tak perasan, rakyat kat luar tak perasan. Dia lupa saya dah check dengan apa ini bank negara *davit colaration* maksudnya hubungan yang sangat lemah antara hutang domestik dengan pendapatan negara. Dia cerita peratus, maksudnya gini cerita dia. Kalau orang itu gaji RM1000.00 dahulu dia belanjakan 57% maksudnya RM570.00 yang lain tu mungkin dia simpan. Sekarang kata dia dah berbelanja lebih. Tidak ada hutang langsung kerajaan dengan peningkatan kadar hutang rumah tangga. Pasal, ini merujuk kepada stail atau pun budaya berbelanja atau pun kaedah berbelanja atau pun cara penghidupan sekarang. Dahulu mungkin kita kalau satu rumah tangga dia bayar sewa rumah, dia bayar makan minum itu saja. Sekarang kita ada *Astro*, kita nak bawa anak-anak jalan makan KFC, kita nak berpusing-pusing satu bandar melancong dan sebagainya. Tambang murah pun dah ada. Jadi cara perbelanjaan, corak perbelanjaan, pola perbelanjaan masyarakat dah berubah. Itu menyebabkan kadar hutang rumah tangga itu lebih tinggi. Tak ada kena mengena dengan kerajaan. Tapi telah dimanipulasikan mengatakan seolah-olah kerajaan salah. Saya rasa ini satu tuduhan yang cukup tidak beramanah.

Tuduhan kedua, yang dikatakan *twisted logic*. Dikatakan bukan saja saya tidak bangga kata dia, saya ulang balik dengan izin Dato' Speaker maaf bagi saya ini adalah satu *twisted logic* kata dia, bukan saja saya tidak rasa bangga malah sebagai seorang Malaysia saya rasa sedih dan kesal kecewa sebab selepas satu tahun bukan saja pendapatan rumah tangga tidak naik tetapi sebaliknya lebih ramai orang yang jatuh ke kategori yang memerlukan potongan ini. Jelas kerajaan telah gagal untuk memajukan ekonomi dan meningkatkan pendapatan rumah tangga di Malaysia. Ini merujuk kepada BR1M. Dia cakap bila bagi BR1M, pendapatan isi rumah tak meningkat, alamak, budak-budak sekolah pun tahu kalau dahulu kita dapat RM1.00 sekarang ada mak bagi RM0.50 tambahlah jadi RM1.50.

Kalau dahulu pendapatan isi rumah setahun mungkin RM10,000.00 kerajaan bagi BR1M RM700.00 sekarang ini, RM10,700.00. Matematik yang mudah, itulah pertambahan dalam pendapatan isi rumah. Bagaimana dia cakap tidak ada peningkatan langsung? Jadi, cukup-cukuplah. Saya rasa pembangkang tolonglah bila nak keluarkan bukti, keluarkan fakta statistik, keluarkan fakta ekonomi kena perhalusi. Kena faham makna setiap data-data itu sebelum kita manipulasi. Atau pun memang itu kot. Tujuan dia eh, saya pun tak tahu.

Kemudian dia cakap untuk melawan inflasi, bukan inflasi lawan, inflasi kita kena kawal. Bayangkan satu negara tak ada inflasi, harga beras daripada tahun 1950-an sampai sekarang 50 sen. Sampai sekarang boleh. Satu beg, satu pikul, mana mungkin. Tanpa kenaikan harga barang mana mungkin kita nak bayar kenaikan harga pekerja, gaji. Kita seorang pengeluar, katalah atau pun peladang. Pekerja tidak tahu nak naik gaji. Macam mana kita naik naikkan gaji kalau tanpa naikkan juga harga jualan. Dan kenaikan inflasi juga adalah disebabkan faktor luar. Import, eksport dan sebagainya. Jadi tolong, penggunaan istilah-istilah ini tolong diteliti. Jangan dimanipulasikan untuk kepentingan peribadi dan melalaikan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pelik, tapi inilah yang berlaku. Skudai telah memetik, daripada sumber dari Singapura oleh S. Rajaratnam, *school of international study* melalui laporan *Centre For Non Traditional, Securities, Studies* yang memaklumkan bahawa tambakan tanah di sekitar Johor ini telah menganggu hidupan dan sebagainya. Tapi mereka lupa yang dirujuk di Singapura. Dan kita lihat siapa yang paling banyak tambak tanah, agak-agak Kerajaan Singapura hairan ke dengan *studies* ni. Untuk makluman, Singapura sehingga sekarang telah menambak sebanyak 71,400 hektar. Tanah dia, *reclaim* tambak tanah, sampai sekarang 71 hingga 2030 dijangkakan 76,600 akan ditambak berbanding dengan di IRDA ini di mana kita mempunyai tiga kali ganda keluasan Singapura kita hanya menambak 5,171 ekar sahaja, dan 500 ekar saja dekat Pengerang. Itu saja kita tambak. Putus kancing saya. Jadi kalau kita lihat negara Singapura pun tidak pakai maklumat, tidak pakai analisa ini kita pula terhegeh-hegeh hendak ke sana kita hendak pakai ... dia orang. Tolonglah, janganlah pasal kita hendak menyokong pendapat kita yang terlalu cetek dan kali itu kita gunakan sumber-sumber yang kita pun tidak tahu ke

mana kesahihannya dan kita tidak melihat kepentingan yang lebih besar daripada kepentingan yang kecil itu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Senai pula kena, Senai cakap, pening kepala saya. Jadi, *twisted logic* dipusingkan secara logik, dia cakap nampaknya mungkin Pakatan Rakyat kata dia, segala-gala yang berlaku ini seolah-olah kata dia kesalahan pembangkang, pernah ke kita cakap macam itu? Dewan rakyat yang mulia ini janganlah salahkan pihak pembangkang Pakatan Rakyat, kapal terbang hilang pun salahkan Pakatan Rakyat, hujan tidak turun pun salahkan Pakatan Rakyat, lagi apa lagi? Mungkin pagi tadi, *mic* tidak hidup pun disalahkan Pakatan Rakyat. Pernah ke kita salahkan Pakatan Rakyat? Yang kita selalu dengar apa-apa saja berlaku dalam negara kerajaan salah. Banjir dekat Kelantan dia salahkan BN (Dewan Bertepuk). Tenang banjir kata dia kita sengaja doa supaya orang tak keluar undi supaya ADUN Tenang menang. Itu yang kita dengar selama-lama ini tak pernah kita salahkan pembangkang. Mana mungkin kita salahkan pembangkang. Kita pun tak hairan pembangkang berapa ekor aje. Maaf saya, berapa orang sahaja yang ada, tak pernah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tarik balik ekor tu. Berapa orang sahaja.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Berapa orang sahaja. Saya tarik balik perkataan tu. Berapa orang sahaja. (Dewan Ketawa). Jadi tolonglah. Janganlah pusing-pusing. Kemudian, satu perkataan, satu ayat yang saya rasa sangat tidak menyenangkan hati saya dan sangat tidak beramanah, apabila dikatakan "nampaknya mungkin Pakatan Rakyat lebih hebat daripada parti kerajaan kerana kami yang mempunyai kuasa, mempengaruhi lebih banyak isu dalam Dewan ini dan kat luar Dewan juga". Fuhhh, dahsyat ayat. Dia yang paling banyak, yang saya tahu, yang paling berbohong, yang paling banyak memanipulasi isu, merekalah, saksikanlah, bukti ada (Dewan bertepuk).

Kemudian saya nak cerita tentang PPSPA ini, bila Senai timbulkan isu kenapa tak biar Pihak Berkuasa Tempatan sahaja menguruskan sisa pepejal. Mungkin dia tidak buat semakan. Kenapa kerajaan pusat kawal. Saya ambil contoh Pontian, dekat Majlis Daerah Pontian, kos nak kutip sampah satu rumah itu RM14.80. Majlis Daerah Pontian bayar RM4.10 sahaja. RM10.70 kerajaan persekutuan tanggung, kalau benda ini kita nak pas balik atau pun kita nak suruh Majlis Daerah Pontian atau pun mana-mana majlis dalam negeri Johor menguruskan sampah sendiri, memang boleh tak ada masalah. Kosnya tinggi dan kos tinggi itu kita akan alih pada cukai harta. Kita akan naikkan cukai harta. Bila kita naikkan cukai harta dia juga yang bising, dia juga yang akan melatah. Jadi kita buat ini untuk kebaikan rakyat Johor. Kepandaian kitalah, kita memanipulasikan, berborak dengan persekutuan supaya tolonglah bagi subsidi pada kerajaan, kita nak pungut sampah rakyat kita, jangan kenakan kadar yang tinggi. Inilah yang kerajaan Johor telah berjaya laksanakan sekarang ini nak balik semula, ok kalau kita buat lepas ini, kita tahulah kita akan tulis kat media besar-besar pembangkang memang nak kos ini di *transfer* atau dipindahkan balik kepada rakyat dan biar rakyat tanggung semua kos

pungutan sampah. Kalau satu hari RM14.80 kali dengan 365 hari berapa cukai harta kita nak kenakan? Belum cerita lampu jalan, belum cerita potong rumput, kan dah marah dah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tak seronok saya kalau tak tegur rakan saya kat Pekan Nenas ini. Minta maaf Pekan Nenas, ada tak dia. Pekan Nenas cakap dia akan memperjuangkan satu jalan *by pass* melintasi Pekan Nenas supaya Pekan Nenas tak *jam*. Pekan Nenas tidak mengalami kesesakan dan dia akan pastikan benda ini terlaksana. Fuhh, cakap dahsyat. Benda ini kita dah bincang lima, enam tahun lepas dan kerajaan dah buat pun. Tak ada kena mengena dengan Pekan Nenas. Memang kita dah bincang dah perhalusi JKR dah buat *study* macam-macam. Tapi inilah cara dan kaedah mereka nak dapat nama. Kita dah buat dah, tak payah cakap. Kita dah buat. Jadi banyak perkara-perkara yang begitu juga jalan-jalan di kampung, jalan-jalan saya rasa yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang, semua telah dibangkitkan oleh ketua kampung, semua telah dibangkitkan oleh penghulu dan tidak kurang Wakil Rakyat-Wakil Rakyat BN telah bangkitkan sama ada kawasan kita atau pun bukan kawasan kita. Betul tidak? (Dewan bertepuk). Jadi..

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah mengah dah tu. Gulung. YB Kukup.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Ok, ok. Jadi ginilah. Dipendekkan cerita, saya mohon pihak pembangkang lebih berhemah dalam membuat tuduhan dan andaian dan juga kita mengharap pihak pembangkang, contohlah YB-YB yang lain, di kalangan pembangkang pun kita tengok YB Maharani bagus eh, bagi cadangan yang baik. Tidak kurang juga sahabat-sahabat kita daripada PAS. Baik, cara penyampaiannya pun baik. Kita dengar pun kita boleh timbangkan. Yang tak boleh, memang tak boleh buat. Kita dengar itu pun menusuk dalam kalbu. Jangan cakap kerajaan salah. Bermula dengan kerajaan paling tak bertanggungjawab. Ada satu ayat daripada YB Senai, "pernahkah kerajaan negeri ini menghargai jiwa rakyat? Seolah-olah kata dia, kita ini, rakyat nak mati, matilah. Tak pernah menghargai jiwa rakyat. Ayat ini sangat dahsyat. Saya nak minta dia tarik balik ayat ini. Pernahkah kerajaan negeri ini menghargai jiwa rakyat. Dia lupa, kalau kita tak hargai nyawa dia, daripada kecil kita tak bagi *inject* apa itu BCG, yang timbul kat tangan itu, kalau kita tak bagi rawatan percuma tak tahu, boleh tidak boleh mereka secantik ini sekarang, malah menjadi Wakil Rakyat di dalam Dewan yang begitu permai ini. Kalau kita tidak menghargainya. (Dewan bertepuk).

Dan saya percaya, kalau Yang Berhormat daripada pembangkang hilang di lautan, sesat di hutan ialah pergi panjat gunung, sesat. Sudah pasti kita akan bertungkus lumus menyelamatkan nyawa dia tanpa mengira pegangan agama dan juga pegangan politik. (Dewan bertepuk). Ini yang kerajaan kita buat. Tapi cara cakap ini, "Pernahkah Kerajaan negeri ini menghargai jiwa rakyat?". Saya tanya balik, pernahkah Kerajaan negeri ini tidak menghargai jiwa rakyat?. Ha, jawab. Pernahkah Kerajaan negeri ini tidak menghargai jiwa

rakyat?. Tak pernah. Jadi tolonglah penggunaan ayat haruslah berhemah dan saya harap supaya mereka dalam perbahasan kita pada kali ini lebih banyaklah memberi idea-idea yang bernas supaya mudah-mudahan kita boleh gunakan idea-idea itu untuk membangunkan negeri ini. Ayuh sama-samalah kita bangun membangunkan negeri yang tercinta ini. Sekian, saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, wasalamualaikum watrahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila, Bukit Naning.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Sulb (Bukit Naning) : Bismillahirahmanirrahim. (Berselawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat tengah hari dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan usul rundingan menjunjung kasih titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bukit Naning ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah mencipta sejarah dalam tempoh satu tahun pentadbirannya telah mencatat keuntungan RM485 juta berbanding defisit sejak tahun 2000 lagi. Tahniah juga kepada barisan EXCO Kerajaan negeri yang ada pada hari ini. Dan, tahniah juga kepada seluruh kakitangan kerajaan di Negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bukit Naning ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional kerana banyak menyalurkan peruntukan pembangunan dan bekalan khususnya di Bukit Naning.

Pelaksanaan kerja-kerja pembangunan sedang dan akan dilaksanakan dalam tahun ini dan terima kasih juga kepada seluruh kakitangan kerajaan yang terlibat melaksanakan projek pembangunan ini. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, begitu juga dengan kontrak kerja di Bukit Naning, sama nasibnya seperti di Pengerang. Kontraktor mengikut kelas dan kontraktor bekalan di Bukit Naning hanya menjadi penonton sahaja. Saya memohon berilah peluang kepada mereka. Berilah peluang kepada kontraktor di DUN Naning yang layak dan saya mohon belas ihsan daripada pihak yang berkaitan. Ini adalah kerana mereka juga perlu diberi peluang. Mereka juga ingin mencari nafkah kehidupan untuk anak dan isteri. Dan mereka ini juga ingin berbakti di Bukit Naning. Jadi Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Bukit Naning ingin mencadangkan kepada kerajaan agar kontrak kerja kerajaan di kawasan DUN mesti diberikan kepada kontraktor yang layak di DUN dan kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, fasa satu sistem pembetungan rumah ke rumah dari Batu 18 ½ hingga Batu 20, Jalan Air Hitam, Muar telah siap. Dan fasa dua dari batu 15 hingga Batu 18 ½ Jalan Air Hitam, Muar juga baru bermula awal bulan Jun. terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tujuan projek ini adalah untuk mengalirkan air sepanjang parit daripada Batu 15 hingga Batu 20 Jalan Air Hitam, Parit Sulong supaya keluar ke hulu Sungai Sarang Buaya. Bagi tujuan mengelakkan banjir di Bukit Naning, jadi fasa ketiga perlu dibangunkan pembetungan rumah ke rumah dari Parit Haji Karim hingga Parit Baru sejauh 4 kilometer dan dianggarkan menelan belanja lebih kurang RM4.5 juta.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bukit Naning ingin memohon peruntukan daripada Kerajaan negeri dari keuntungan yang diperolehi untuk projek fasa ketiga ini supaya masalah banjir di Bukit Naning dapat diatasi sepenuhnya dan masalah pemendapan jalan dapat diatasi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bekalan air di Bukit Naning pada hari kemuncak dan hari cuti selalu menghadapi kekurangan bekalan air. Ini masalah yang dihadapi oleh rakyat di Bukit Naning selama ini. Peruntukan RM2.1 juta telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah tahun lepas untuk membina tangki di Bukit Naning dan juga tapak tanah telah pun disediakan. Tetapi setakat hari ini pembinaannya masih belum diselesaikan. Bukit Naning ingin tahu, apakah tindakan setakat hari ini oleh pihak SAJ. Kalau peruntukan untuk membinanya tidak mencukupi, saya memohon agar Kerajaan negeri dapat menambah peruntukan ini untuk membangunkan tangki air di Bukit Naning dan menaik taraf sistem penyaluran air ke rumah-rumah. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tiga mantan Wakil Rakyat sebelum ini tidak jemu-jemu memperjuangkannya. Dan, tahun lepas di Dewan yang mulia ini, saya juga membawa usul yang sama. Jadi hari ini, saya memohon kepada kerajaan dapatlah kiranya dipertimbangkan permohonan ini agar masalah rakyat di Bukit Naning dapat diatasi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, musim kemarau, tiap-tiap tahun banyak berlaku kebakaran. 90% tanah di Bukit Naning adalah tanah gambut dan baru-baru ini 37 ekar tanah milik pekebun kecil telah terbakar. Dan, setakat hari ini belum mendapat bantuan dari mana-mana agensi atau pun jabatan yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk mengatasi kebakaran di Bukit Naning, diharap pihak JPS dapat membina pintu-pintu air di kawasan yang selalu terbakar supaya takungan air dapat dilakukan dan memudahkan kerja-kerja pemadaman. Selain daripada itu, pasukan bomba, sukarela Bukit Naning perlu dikemaskinikan dan di naik taraf dengan memberi peruntukan, dengan menaik taraf peralatan dan kenderaan supaya dapat membantu pihak bomba mengawal kebakaran di Bukit Naning dengan segera sebelum merebak.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kadar kemalangan di Bukit Naning sering berlaku dan saban hari meningkat. Kita mengakui, masalah ini adalah kecuaian pemandu dan juga tidak mematuhi peraturan undang-undang lalu lintas. Tetapi di Bukit Naning ada faktor lain yang juga menyumbang kepada

berlakunya kemalangan iaitu pemendapan jalan yang menyebabkan permukaan jalan tidak rata, kaki lima jalan yang terlalu rendah berbanding dengan paras jalan. Ketiga, pembetungan jalan yang meninggi dari paras jalan serta jalan berlubang-lubang dan ketiadaan lampu isyarat di simpang tiga Parit Haji Karim. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Bukit Naning memohon agar masalah ini dapat diatasi oleh jabatan-jabatan yang berkaitan terutama sekali JKR di bawah EXCO Kerja raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya kadar kemalangan ini dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkaitan dengan keselamatan. Setakat hari ini, di Mukim Air Hitam hanya terdapat dua orang anggota pegawai Polis yang berkhidmat di sini sedangkan penduduk Mukim Air Hitam berjumlah sekitar 15,090 orang. Ini bermakna satu pegawai menjaga lebih kurang 7,545 orang. Jadi, di sini saya ingin memohon kepada kerajaan agar ditambah bilangan anggota Polis di Mukim Air Hitam kepada empat ataupun lima anggota. Kerana akhir-akhir ini banyak kes kecurian motosikal, kecurian hasil-hasil pertanian, buah-buah sawit, ikan air tawar, ternakan seperti lembu dan kambing serta pecah rumah dan aktiviti penyeludupan rokok Gudang Garam sering berlaku di kawasan ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pusat Klinik Mukim Air Hitam juga tiada kemudahan ambulan. Dengan penduduk seramai 15,090 orang tiada satu ambulan pun disediakan di Pusat Kesihatan Air Hitam. Jadi, saya mohon Yang Berhormat EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar agar dapat memberi pertimbangan dengan sewajarnya agar dapat dihantar satu ambulan di Klinik Mukim Air Hitam.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mengenai pendidikan di Bukit Naning, terdapat dua pusat Pemulihan Dalam Komuniti di Bukit Naning. Satu buah PDK menumpang di balai serba guna Kampung Parit Baru, Air Hitam. Hari ini tanah wakaf telah diperolehi bagi tujuan membangunkan bangunan Pemulihan Dalam Komuniti ini, dan saya memohon kepada kerajaan agar dapat menyegerakan pembinaan ini kerana tanah dan peruntukan sudah diperolehi supaya masalah untuk meletak anak-anak kurang upaya ini dapat diletakkan dalam keadaan yang selesa dan baik.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ramai mahasiswa anak-anak Bukit Naning belajar di Jordan. Jadi, Bukit Naning mencadangkan kepada kerajaan supaya wang zakat Negeri Johor yang diberikan kepada pelajar tahun tiga diturunkan syarat tahun kepada tahun dua untuk memudahkan beban ibu bapa yang menghantar anak ke sana. Begitu juga dengan pinjaman boleh ubah. Setahun RM12,000.00 Yayasan Pelajaran Johor kepada mahasiswa di Jordan dapat dinaikkan. Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, adakah pihak kerajaan mengkaji semula untuk menaikkan kadar pinjaman ini mengikut kadar semasa. Dan kedua, adakah Kerajaan Johor mempunyai hasrat untuk membangunkan asrama pelajar Malaysia Johor di Jordan, Madinah ataupun di Mesir bagi kemudahan pelajar-pelajar kita di sana.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pusat Giat MARA telah beroperasi di Bukit Naning lebih kurang empat tahun dan menumpang di tanah bangunan milik persendirian selama 10 tahun. Selama empat tahun siswazah yang dihasilkan seramai 149 orang dan hari ini Bukit Naning ingin mohon kepada Kerajaan negeri agar meluluskan tanah di Bukit Naning seluas tiga ekar, 1 rol 14 pon, MLO 2538, Mukim Parit Jawa yang dimohon supaya bangunan Giat MARA ini dapat dibangunkan di tapak ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ada juga pelabur tulen yang ingin melabur di Batu 13, Bukit Naning, Air Hitam untuk membangunkan sebuah kolej universiti di sini. Dengan terbinanya kolej universiti ini nanti, ianya dapat membangunkan kawasan persekitaran Bukit Naning memberi peluang pendidikan pada masyarakat, memberi peluang pekerjaan dan juga memberi peluang perniagaan. Dan, dapat juga meningkatkan nilai harga tanah di kawasan persekitaran. Selain daripada itu juga dapat mewujudkan satu bandar baru tersusun di Bukit Naning. Bukit Naning ingin memohon kepada Kerajaan negeri agar dapat meluluskan permohonan ubah syarat dari pertanian kepada pusat pengajian bagi tujuan pembinaan kolej universiti tersebut untuk Lot PTD 4698, 4699, 4700 dan 4704 Mukim Parit Jawa, Muar seluas lebih kurang 686 ekar.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berhubung kait dengan perumahan. Kalau di Johor ada zon antarabangsa di wujudkan. Bukit Naning juga mencadangkan zon perumahan PPRT di Bukit Naning perlu diwujudkan juga di tanah kerajaan seluas 4 ekar di Bukit Naning lot 2971, Mukim Air Hitam. Mereka yang layak tidak ada tanah boleh dikumpulkan di sini sebagai perkampungan baru.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, untuk rumah PRIMA pula, tapak tanah telah dikenal pasti di Bukit Naning, mohon Kerajaan negeri dapat meluluskan tapak tanah kerajaan di Bukit Naning bagi tujuan pembinaan rumah PRIMA untuk rakyat Bukit Naning. Bagi Lot 2971 seluas 3.5 ekar telah digazetkan oleh Pejabat Tanah dan Bukti Naning memohon baki keluasan 8 ekar, 2 rot 24 pon agar dapat juga digazetkan untuk zon perumahan PRIMA dan PPRT.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, peruntukan untuk membina pasar kering dan menaik taraf pasar basah telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Bukit Bakri. Sejauh manakah status kedudukannya pada hari ini? Dan Bukit Naning ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri, agar ditambah satu lagi aktiviti di sini dengan mewujudkan satu pasar borong, tujuannya adalah untuk memasarkan produk-produk pertanian industri asas tani dapat dikumpulkan di sisi dan memberi peluang-peluang usahawan baru dapat dilahirkan di sini dan juga mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Pasar Awam Muar Bandar DiRaja.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pusat pelupusan sampah di Bukit Bakri, projek dimulakan pada 15.9.2011 dan tamat disiapkan pada Disember 2014. Kenapa sehingga hari ini masih terdapat aktiviti keluar masuk lori pengangkut sampah di kawasan ini?

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bukit Naning ingin tahu setakat hari ini, tapak pelupusan sampah baru di Pagoh, apakah kedudukannya dan adakah pada tahun 2015 dapat digunakan sepenuhnya? Kalau begitu, kedudukannya, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bukit Naning ingin mencadangkan agar Program Bekalan Makanan Negeri Johor untuk 100 tahun ke hadapan mestilah dirancang dan dipertahankan. Penekanan juga kepada bekalan makanan halal untuk rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bukit Naning ingin mencadangkan, daerah Segamat sebagai zon pertanian dan industri asas tani perlu dibangunkan segera dan TKPM yang ada di setiap daerah mestilah diberi peruntukan untuk membangunkan infrastrukturnya seperti jalan, perparitan, bekalan air, elektrik, khususnya TKPM Batu 8, Jalan Bakri, Mukim Jorak. Selain daripada itu, kaedah penggunaan teknologi moden dan terkini perlu diperluaskan di sektor pertanian, industri asas tani di negeri Johor. Kawasan baru yang dipohon oleh mana-mana pihak bagi tujuan Program Pengeluaran Makanan perlu diluluskan oleh kerajaan negeri. Dan selain itu, program meningkatkan pengeluaran daging lembu dan daging kambing perlu dipertingkatkan. Begitu juga dengan kawasan jelapang padi di Sewaring Teluk Rimba di kawasan Ledang, Sarang Buaya, Muar, Kluang dan Mersing dan lain-lain lagi, perlu dikekalkan dan dinaik taraf infrastrukturnya. Kawasan-kawasan pengeluaran makanan yang lain juga perlu dipertahankan seperti kawasan akuakultur baru di sepanjang Sungai Johor yang akan dibina kelak.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, program melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan muda di bidang pertanian dan industri asas tani perlu dipergiatkan. Begitu juga dengan program melahirkan lebih ramai peladang wanita di bidang pertanian dan industri asas tani kerana mereka-mereka inilah yang akan mewarisi aktiviti pertanian dan industri asas tani pada masa hadapan bagi menjamin pengeluaran makanan di negeri Johor mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bukit Naning juga ingin mencadangkan supaya diberi peruntukan tahunan yang lebih besar kepada EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membangunkan keperluan bekalan makanan halal di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bukit Naning juga mencadangkan usaha-usaha memerangi orang tengah yang mengaut keuntungan yang

berlebihan juga diperhebatkan di negeri Johor. Rantaian nilai perlu diwujudkan di kalangan usahawan-usahawan tani supaya usahawan-usahawan khususnya peladang, penternak dan nelayan mendapat pendapatan yang tinggi dan pengguna dapat harga yang lebih rendah. Pasar-pasar tani, pasar peladang, pasar-pasar nelayan, pasar malam, pasar borong, perlu diperbanyakkan lagi bagi mengurangkan peranan orang tengah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker...

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya Bukit Naning, sila gulung.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Bukit Naning juga mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya satu tabung pinjaman modal kebajikan diwujudkan bagi membantu usahawan-usahawan di bidang perikanan, di bidang pertanian, industri dan asas tani di negeri Johor. Peranannya lebih kurang sama seperti Tekun atau Amanah InterMalaysia dan bukan seperti peranan yang dilakukan oleh Along. Ini bertujuan bagi mengurangkan lagi peranan orang tengah.
Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pada hari ini, ramai di kalangan anak-anak muda khususnya di Bukit Naning adalah tergolong dalam kelompok bankrap kerana tidak dapat membayar balik pinjaman seperti *credit card*, pinjaman kereta, pinjaman perniagaan dan lain-lain pinjaman daripada pihak-pihak kewangan. Jadi pihak berkenaan telah mengenakan tindakan tersebut. Hari ini mereka-mereka ini adalah generasi muda hadapan Bukit Naning dan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ianya juga mungkin berlaku di seluruh kawasan-kawasan DUN di negeri Johor. Bukit Naning ingin tahu apakah langkah-langkah kerajaan di dalam menangani masalah ini, khususnya EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan, Warisan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, akhirnya Bukit Naning menyokong usul rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Pasir Raja.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila Semerah. Sila Serom.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Bismillah hirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera, salam muafakat satu Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Serom bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan izin limpah kurnia Nya dapat pada pagi ini, turut serta dalam rundingan perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku

sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang ke-13 yang telah diadakan pada tanggal 29 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Serom ingin mengaitkan dengan ucapan dari Kukup, Yang Berhormat Kukup dan menyambung apa yang dikata Kukup tadi di mana saya membawa sabda Rasulullah SAW, seslapa menghulurkan kepadamu sesuatu kebaikan, maka balasilah ia, jika kamu tiada apa-apa balasan, maka hendaklah kamu doakan kepadanya. Itulah yang Serom memikirkan bahawa dalam perbahasan perdebatan dalam tempoh 2,3 hari ini, di mana Serom lihat banyak perkara-perkara yang di perolehi melalui perdebatan ini tetapi Serom melihat bahawa kadang-kadang Serom hairan kepada pihak pembangkang, nampak macam cerdik tapi buat-buat tak tahu. Jadi sebelum itu, sebelum Serom menghuraikan Serom juga ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dan barisan EXCO yang telah berjaya buat julung kalinya dalam tempoh 13 tahun, telah pun merekodkan lebihan perbelanjaan, lebihan pendapatan sebanyak RM480 juta pada tahun ini dan Serom juga melihat bahawa walaupun perbelanjaan yang kita buat adalah dengan berhemah namun begitu, Serom melihat bahawa limpahan perbelanjaan itu untuk kos kawasan di DUN Serom berjalan dengan pesatnya. Umpamanya seperti pembangunan-pembangunan infrastruktur yang telah dijalankan, umpamanya pembinaan menaik taraf parit-parit, menaik taraf jalan-jalan, jalan-jalan sekitar bandar dan jalan-jalan di kampung dan apa yang lihat melalui maklumat yang Serom kumpulkan iaitu pada tahun ini sahaja, sebanyak RM5.6 juta telah dibelanjakan untuk menaik taraf infrastruktur di Serom.

Seperkara lagi, pagi tadi Serom bertolak daripada Bukit Gambir memasuki tol, Bukit Gambir menuju ke sini. Perjalanannya mengambil masa yang singkat kalau dibandingkan dahulu dan Serom terfikir bahawa inilah di mana kebaikan, di mana pihak kerajaan kita telah menyediakan kemudahan untuk rakyat. Teringat Serom pada zaman dahulu, masa kerajaan membina jambatan Pulau Pinang umpamanya, timbul persoalan dekat pembangkang, apakah gunanya pembinaan jambatan itu? Kan lebih baik membina jambatan ilmiah. Tetapi pada hari ini, jambatan kedua telah dibina. Jadi dulu masa pembinaan *highway*, dengan izin juga pihak pembangkang menyatakan kelemahan ada pembaziran dan sebagainya tapi sekarang lihat lah dan banyak lagi projek-projek mega yang dibuat oleh kerajaan, perubahan apa ni, lapangan terbang umpamanya, daripada Subang Jaya ke KLIA. Ini semuanya manfaat yang telah kita perolehi.

Serom ingin menarik perhatian kepada Pekan Nenas, dan juga Maharani, berkaitan dengan GST. Sebagai seorang akauntan bertauliah, Serom sangat tertarik dengan hujah-hujah yang dipilih oleh pembangkang berkaitan tentang GST ini. GST ini sebenarnya telah 10 tahun di negara kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dunia kita mempunyai 190 buah negara dan 160 buah negara telah mengamalkan aktiviti GST ini. Bukti kalau faktanya 80% telah mengamalkan GST dan untuk kita mempunyai 5 buah benua yang saya rasa

tak perlu disebutkan dan sebenarnya asal GST ini kita melihat dasar dan pelaksanaannya.

Saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, sekitar tahun sejak merdeka, hingga 70-an. Negara kita adalah negara yang dikenali sebagai negara pertanian. Kita berharapkan kepada hasil komoditi, getah umpamanya. Maka, pada tahun 70-an kita melalui proses, era perindustrian zaman perindustrian, di mana cukai-cukai itu hanya terletak, terkena kepada, pengusaha-pengusaha korporat umpamanya dan ia terus berjalan pada tahun 1980, kemudian pada tahun 1990, negara mendapat hasil bumi, limpahan dari Allah SWT di mana negara kita telah mendapat limpahan daripada hasil bumi yang diusahakan oleh Petronas. Di situlah pihak Petronas telah menyumbang kepada negara dan situlah hasil sumbangan kita buat pembangunan negara dan inilah dalam tempoh lebih kurang 23 tahun kita telah menikmati apa hasil-hasilnya dan pada tahun 2000 hingga sekarang, rakyat telah bertambah dari segi populasinya pun dah nak sampai 29 juta. Rakyat pun telah mula membangun, kalau dulu pendapatan saya mula bekerja RM370.00, jadi dengan pendapatan saya rasa semua ada pembangunan dan peningkatan tapi kita tak nafikan bahawa peningkatan itu melibatkan semua peningkatan tetapi apa yang kita nak lihat menjurus kepada GST, faktanya bahan-bahan asas ni tidak dikenakan dan lebih 600 barang-barang yang dikenakan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin menarik fakta bahawa kalau kita lihat di antara 600 barang yang disenaraikan, 10% ada kenaikan harganya. Manakala 40% turun harganya. Manakala 50% kekal harganya. Ini menunjukkan bahawa barang-barang ini, kalau dikatakan dengan fakta kenaikan harga dan sebagainya daya beli yang kurang dan pendapatan kurang dan sebagainya, perkara ini tidak menjadi persoalan, persoalannya hanya nak berhujah supaya menentang, supaya perkara ini jangan dibuat dan perkara yang begitu pelik lagi dunia telah membuat perkara ini.

Dan untuk makluman yang lain statistik yang kita ada bahawa kita akan laksanakan, Insya-Allah pada 1 April 2015 dan di mana kalau kita lihat negara jiran kita tidak termasuk Brunei dan Myanmar sedang mengkaji dan kita lihat bahawa Indonesia dan Singapura telah melaksanakan. Indonesia telah melaksanakan lebih awal daripada Singapura. Jadi, kalau kita lihat juga di mana kita kenakan sebanyak 6% dan kita bandingkan dengan fakta-fakta yang lain seperti Jepun dan Taiwan sekitar 5%. Negara Norway iaitu 21% hingga 25%, Afrika sebanyak 40%, Eropah belasan peratus hingga 20%. Jadi kadang-kadang bila bertanya macam tak faham, sebenarnya yang ini akan mengelirukan rakyat. Proses yang kita ambil telah masa yang lama 10 tahun dan kita akan laksanakan, Insya-Allah pada 1 April 2015.

Maka saya mengharapkan supaya kita marilah seperti titah Ke Bawah Duli Tuanku, marilah kita berbincang secara harmoni bahawa dengan adanya proses GST ini dapat dilaksanakan maka dapat dipungut hasil-hasil cukai dan pembangunan negara dapat dijalankan dan kita ketahui bahawa kita bukan sahaja Malaysia ini terdiri daripada Johor, kita terdiri dari Sabah dan Sarawak

dan kita terdiri dari Semenanjung dan terdiri beberapa negara dan banyak pembangunan untuk rakyat sekitar 28 juta. Maka perkara ini adalah satu perkara yang serius.

Dewan yang mulia, saya juga ingin menarik perhatian bahawa GST ini dikenakan kepada semua golongan. Baik daripada pembekal, pengusaha, peruncit, pembeli dan pengguna dan cukai ini dipungut dan diserahkan kepada rakyat. Cukai ini diambil daripada rakyat dan diserahkan kepada rakyat. Saya rasa asasnya tak perlulah saya panjangkan. Ringkasnya kita ada dengan izin, *proceeding*, kita ada contoh 160 buah negara, 82% perlu menjadikan satu hujah untuk kita melengah-lengahkan dengan izin, *management change*. *Management change* ini, dengan izin, kena ada *urgency*, kita nak buat *urgent*, kita nak meneruskan secepat tapi kita diperlengahkan. Inilah perkara yang saya tertarik dengan hujah yang diberi oleh Pekan Nanas kerana ini akan membebankan rakyat dan kalau Bukit Naning tak faham, saya rasa mungkin lepas ni kita boleh ambil masa yang panjang, selepas daripada ini saya akan menerangkan kepada...

YB Dato' Timbalan Speaker : Ada kelas khas untuk GST, Serom?

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Insya-Allah ada.

YB Dato' Timbalan Speaker : Percuma eh?

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Bukan Bukit Naning, minta maaf, Bukit Naning kata dia faham, kat mana Yang Berhormat bantu saya. (Dewan Ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Akauntan menggelabah juga?

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, DUN Serom adalah tempat di mana di antara pengundi yang ramai lebih kurang 25,000 orang dan DUN Serom juga mempunyai populasi yang agak besar dan dalam tiga mukim dan yang paling besar tanggungjawab, amanah yang kita dititahkan supaya kita memikul tanggungjawab dan amanah. Saya, Serom, secara peribadi selagi hayat dikandung badan maka kita memikul tanggungjawab itu dan banyaklah pengalaman-pengalaman yang kita lalui dalam melaksanakan pendekatan, pengalaman yang besar di tempat yang saya ambil ini adalah tempat Menteri Besar, jadi saya ini menteri kecil. Jadi itulah pengalaman-pengalaman yang ada.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bekas menteri besar.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Bekas Menteri Besar. Minta maaf. Jadi, namun begitu saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kepekaan terutama sekali barisan EXCO umpamanya daripada mohon kajian daripada

pihak kerajaan supaya memikirkan laluan Pekan Sungai Mati. Ini isu tempatan, Pekan Sungai Mati supaya kajian itu dapat dibuat. Alhamdulillah, saya percaya kajian telah dimulakan untuk mengkaji kerana waktu-waktu tertentu agar kawasan ini satu kawasan yang dengan izin, *peak area* atau dengan izin *bottle neck*, mengganggu lalu lintas jalan raya terutama pada waktu cuti, waktu perayaan dan waktu mereka bekerja dan anak-anak ke sekolah dan saya mengharapkan agar kajian itu dapat dijalankan dengan kadar segera dan dapat dipertimbangkan untuk kemudahan rakyat dan seterusnya Serom melihat bahawa berkongsi dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan negeri melalui Jabatan Parit Dan Saliran iaitu melihat *photo proggy* Lembaran Sungai Kesang yang mana data dan sukat air mengalir. Ini bertambah buruk jika kejadian air pasang. Jadi ini projek ini pun sedang dilaksanakan saya percaya dan tidak lain untuk memperlahankan air ini dan saya percaya ada strategi-strateginya untuk membina kolam takungan.

Akibat daripada pelaksanaan projek ini, pengalaman banjir pada 2006 dan 2011, Insya-Allah akan dapat diatasi. Inilah yang dinamakan Rakyat Diutamakan untuk kepentingan rakyat dan untuk kebaikan rakyat dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bahawa projek Sungai Kesang ini adalah sangat-sangat dinantikan. Sekian lama mereka yang berada di persekitaran Sungai Kesang ini adalah petani. Makna hasil-hasil tanaman seperti sawah padi dan juga kelapa sawit dan sebagainya ada getah. Jika bila ada keadaan banjir ini bukan sahaja mereka menghadapi kesukaran nak duduk kat rumah itu sendiri tapi hasil-hasil tanaman pendapatan mereka akan terjejas. Jadi saya percaya inilah usaha kerajaan yang telah dibuat untuk mendalamkan, melebarkan, mengindahkan dan seterusnya akan menjadikan sungai itu, saya percaya boleh mendatangkan hasil kepada masyarakat setempat, hasil-hasil sungai di Sungai Kesang itu dan saya juga difahamkan bahawa ini akan meningkatkan aliran sungai, aliran kapasiti aliran sungai sedia ada.

Satu perkara lagi yang berkaitan dengan saliran ini, Serom juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas perhatian dan perancangan yang dibuat untuk membuat pintasan di antara Kampung Kolam ke Kampung Belemang dan namun begitu, Serom menaruh harapan supaya kajian demi kajian terperinci perlu dibuat demi melegakan perasaan rakyat sekelilingnya kerana kita faham bila ada empangan kefahaman orang kampung apabila ada empangan, ada pintasan, takut-takut banjir serta merta berlaku. Ini jaminan daripada JPS, pakar-pakar daripada JPS dapat membantu untuk menemui penerangan kepada rakyat dan seterusnya di kawasan Tanjung Agas yang pesat dengan perindustrian. Alhamdulillah, Majlis Daerah Tangkak telah pun melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jalan-jalan dan menaik taraf lampu-lampu dan sebagainya dan saya juga mengucapkan terima kasih kerana menumpukan perhatian terhadap pembangunan perparitan dan mengalirkan air kerana ini juga akan menyebabkan pembiakan nyamuk denggi dan sekarang ini telah pesat dan terus berjalan.

Dan Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dalam hal anak muda ini, Serom ingin merakamkan setinggi-tinggi junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana memimpin sukan dan bersama EXCO Belia Dan Sukan, bola sepak kerana dengan adanya sukan ini rakyat Serom yang jauh daripada Johor ini turut serta. Kita tak dapat pergi stadium duduk tengok dekat skrin besar dan inilah yang dinamakan rakyat salah satu sukan ni boleh menyatupadukan tak kira agama, bangsa dan kaum, yang menyeronokkan bila ada aktiviti sukan ini, kita sukan kita bertambah kualiti dan kita faham bahawa sukan kita ini bukan sahaja nak mencapai Asia, serta nak mencapai peringkat dunia.

Jadi justeru itu, Serom terfikir juga kerana Serom tak ada stadium jadi saya mengharapkan supaya stadium adalah dibina untuk sekurangnya untuk bukan DUN Serom tapi DUN Gambir dan DUN Tangkak dapat sama. DUN Naning pun minta samalah sekali, senang stadium boleh dibuat untuk anak-anak muda kita dapat (Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Maharani tak sambungkan sekali? Maharani dengan Sungai Abong, tak campurkan sekali?

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Jemputlah yang mana yang dekat-dekat. Jadi satu perkara lagi yang anak-anak muda ini kita lihat bahawa dengan adanya sukan ini mereka sekarang ini bertambah sihat, bertambah berkawan dan ini memanglah aktiviti sukan ini tak dapat dinafikan bahawa sukan boleh menyihatkan, menyegarkan badan dan akhirnya menjadikan rakyat yang berketerampilan, rakyat yang sihatlah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkaitan dengan teruja saya dengan titah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan keadaan kita pada hari ini adalah disebabkan muafakat ibu bapa kita dan juga titah Tuanku mengharapkan kita supaya bersopan santun. Jadi dalam perkara ini di masyarakat di Serom lebih-lebih lagi nak menghadapi bulan puasa ini, jadi banyak aktiviti-aktiviti, kenduri-kendara yang akan berjalan daripada bulan puasa itu sampailah raya dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, muafakat yang ada di Serom, saya lihat satu muafakat yang tersendiri seperti pada hari ini ingin saya sebutkan bahawa muafakat kaum wanita di Serom ini, ibu-ibu wanita yang ada pada hari ini, dia ada aktiviti mengirai namanya. Mengirai, ini bukan mengirai kain, ini mengirai roti jala yang dibuat secara beramai-ramai pada petang sebelum hari majlis perkahwinan. Jadi kita nak lihat bahawa muafakat di Johor bersatu padu yang ada di Serom seperti adanya KRT, SRS dan adanya NGO-NGO bagi bangsa-bangsa yang lain mereka aktif dalam kegiatan beriadah umpamanya pada pagi-pagi dan berkaraoke pada malamnya. Ini juga suasana yang harmoni yang berada di Serom.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perkara kemajuan yang ada di Serom ini seperti laluan AMJ daripada Alor Gajah, Melaka sampai ke Johor. Jadi, daripada Alor Gajah, Melaka ke Johor itu

sempadannya saya ingat tak berkira *traffic light* nya. Kemudian daripada jambatan kedua tu sampai ke Batu Pahat pun tak terkira *traffic light* nya dengan izin, tapi yang hairannya daripada sempadan tu sampai ke jambatan tak ada *traffic light*, ini menyukarkan rakyat. Saya sebelum datang ke Dewan ini, rakyat kata cakap macam orang kampung aja YB, dia kata dulu kita hidup kampung sebelah menyebelah, menyusahkan kita. Kita tengok orang senang lalu, laju dan sebagainya tapi bagi orang kampung kurang faedahnya. Kena berjalan jauh waktu nak pergi subuh dulu jalan melintas jalan aja, sekarang dah ambil 3 kilometer, budak-budak ke sekolah pun begitu juga kena mengikuti lintasan yang ada.

Saya mencadangkan tak payahlah kita kaji-kaji lagi, pasang ajalah *traffic light* beberapa umpamanya, saya mencadangkan di setiap pangkalan umpamanya pangkalan masuk Pengkalan Kesang Laut, kalau masuk Parit Karang dan juga Taman Sri Fajar, ini adalah tempat-tempat yang dapat menghubungkan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dengan adanya *traffic light* ini ada beberapa perkara selain menjimatkan perjalanan rakyat tempatan, memudahkan rakyat tempatan berhubung antara satu tempat satu tempat, dia juga akan dapat mengurangkan kemalangan jalan raya kerana landasan itu yang ada lebih 5 kilometer memudahkan mat rempit merempit. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak keselamatan terutamanya pihak Polis telah saya lihat saban hari selalu buat sekatan jalan raya tapi kita faham masa nak menghabiskan banyak lagi kerja-kerja lain tapi saya mencadangkan *traffic light* ini dibuat segera kerana ini sangat berfaedah menjimatkan masyarakat, menguntungkan masyarakat tempatan, masyarakat setempat dan juga mengurangkan aktiviti-aktiviti merempit ini. Bila ada *traffic light*, saya pasti Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, mereka akan berhati-hati kerana dah jadi psiko dan psikologinya bila merah kena berhenti, hijau jalan.

Jadi, saya juga tidak terlewat Serom ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan negeri walaupun dilantik pada 10 April 2014 yang lalu, diperkenan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan kepada Yang Berhormat Dato Speaker, kita mendoakan agar Yang Berhormat Dato' Speaker diberi kekuatan untuk memikul tanggungjawab bersama kerana tanggungjawab diamanahkan kepada kami di bawah pimpinan Yang Berhormat Datuk Speaker lah, daripada semua Barisan yang ada pada hari ini kita dapat melaksanakan dan menunaikan janji-janji rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga tertarik kepada modal insan di mana titah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya Johor, Kerajaan Johor menyediakan modal insan untuk memenuhi peluang-peluang pekerjaan yang ada. Jadi modal insan ini saya merakamkan di Dewan yang mulia ini, kepada guru untuk mengucapkan Selamat Hari Guru yang telah berlaku pada 16 Mei yang lalu di mana Kerajaan negeri Johor telah mengadakan di Maktab Rendah Sains Mara di Pontian, jadi guru-guru inilah sebenarnya asas modal insan yang ada kepada pendidikan yang tinggi. Justeru itu, Serom ingin mencadangkan

kepada guru-guru ini selepas dia pencen, kita tak kenal dia, anak murid jer yang kenal. Jadi kalau guru-guru ini, saya boleh cadangkan untuk menghargai guru-guru, *recognition* dengan izin, mungkin nama saya ini, saya seorang guru, Abdul Razak bin Minhat. Kalau saya seorang akauntan, Abdul Razak bin Minhat C.A(M), maka kalau saya seorang guru, bila sebut pencen, pencen ini 25 tahun ke atas. Bila sebut pencen, Abdul Razak bin Minhat PAB. Pendidik Anak Bangsa. Jadi *recognition* itu kita kenal. Dan mungkin kita boleh mengenal pasti untuk faedah-faedah sebagai guru. Begitulah kita mengenang jasa sebagai seorang guru dalam Dewan yang mulia ini. Jadi kepada umat Islam, Serom juga ingin merakamkan selamat menyambut hari Isra' Mikraj di mana bulan Rejab ini adalah di antara bulan yang mulia dalam Islam. Peristiwa ini berlaku pada 27 Rejab Tahun Kedua kerasulan Nabi Muhammad SAW.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah masuk Syaaban sekarang ini.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Iyalah, tapi, nak merakamkan. Minta maaf Dato' Pengerusi. Teks ucapan ini dibuat sebelum Syaaban.(Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Ucapan Yang Berhormat yang paling panjang sekali.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Soal keselamatan di Serom.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat, sila gulung ya.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Boleh insya-Allah. Jadi kalau dah gulung ni saya ambillah pepatah yang mengatakan "Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Berat sama-sama dipikul, ringan sama-sama dijinjing." Jadi saya nak merujuk balik, sedikit kepada GST ini bahawa saya menyeru kepada terutama sekali kepada pihak pembangkang. Marilah kita sama-sama menjurus kepada pemikiran, kalaulah ada idea-idea yang umpamanya idea-idea untuk mempercepatkan, untuk membaiki umpamanya kajian harus dibuat terhadap 600 barangan itu di manakah ia boleh diletakkan barang-barang asas yang boleh dimasukkan berasal umpamanya beras dan hal-hal yang berkaitan kesihatan, hal-hal pendidikan. 600 itu boleh dibuat kajian dari masa ke semasa kerana rakyatlah yang maklum balas daripada rakyat itu penting. Jadi, akhirnya Serom sangat berminat berkaitan dengan buah kat Serom ini daripada EXCO Pelancongan datang ke Serom di, kaya dengan buah tapi datanglah lepas raya. Ini buah manggis tengah berputik, buah durian belum gugur. Jadi, akhirnya buah akal ialah ilmu pengetahuan, buah jiwa ialah iman, buah fizikal ialah kemajuan. Alangkah indahnya kalau ketiga-tiga anggota ini melahirkan buah dalam kehidupan. Kelemahan, keterlanjuran, saya Serom mohon maaf dan saya sudahi dengan wabilahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Waalaikumusalam. Jemput Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera, salam 1 Malaysia dan salam Muafakat Johor. Terima kasih diucapkan kerana memberi peluang Tenggaroh berucap dalam perbahasan Menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku Ahli Dewan Negeri, Tenggaroh amat terharu di atas keprihatinan Tuanku kerana telah berkenan menaikkan elaun bagi Ahli Dewan Negeri Johor Darul Takzim. Ianya akan membantu kepada semua Ahli Dewan Negeri untuk berkhidmat serta melaksanakan tugas dengan lebih baik dan berkualiti tinggi. Namun pada masa yang sama, di peringkat kawasan DUN dan daerah kita juga dibantu oleh Ahli-Ahli Majlis. Mereka banyak menyumbang untuk tujuan pembangunan kawasan dan daerah. Siang malam mereka bekerja dan buat masa ini elaun yang diterima oleh Ahli Majlis lebih kurang antara RM500.00 hingga ke RM1,000.00. Elaun ini adalah terlalu kurang bagi seseorang Ahli Majlis pada masa ini. Dan elaun yang diterima tidak berpatutan untuk kerja-kerja yang dibuat untuk rakyat dan kerajaan kita. Untuk itu Tenggaroh menyarankan supaya elaun Ahli Majlis juga dinaikkan sebanyak RM500.00 seorang setiap bulan. Ini akan menjadikan elaun mereka di antara RM1,000.00 hingga RM1,500.00 seorang untuk setiap bulan. Dengan kenaikan yang disyorkan sedikit sebanyak akan meringankan beban Ahli Majlis dan lebih penting akan menyemarakkan lagi Ahli-Ahli Majlis untuk bekerja lebih gigih lagi untuk rakyat, daerah dan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Bukit Batu telah menyatakan bahawa hutang rumah di Malaysia melonjak daripada 57% daripada GTP pada tahun 2002 ke 86.8% daripada GTP Negara pada tahun 2013. Ini menunjukkan Malaysia adalah Negara yang mempunyai hutang rumah tangga yang tertinggi di seluruh rantau Asia. Memang betul ianya tinggi. Tetapi hutang rumah tangga daripada GTP di Amerika Syarikat pada tahun 2007 adalah 130%. Manakala di China pula hutang rumah tangga daripada GTP adalah kurang daripada 25%. Di Korea adalah 86%, Singapura 70%, Jepun lebih kurang 60%. Apa yang boleh dirumuskan ialah negara yang mempunyai peningkatan populasi yang perlahan atau lebih banyak populasi tua akan menunjukkan ratio hutang rumah tangga daripada GTP yang rendah. Tambahan pula di Malaysia, populasi muda yang tinggi dan juga *rapid urbanization* dengan izin, membuat rakyat bekerja berkejar untuk memiliki rumah atau rumah kedai. Inilah, adalah antara sebab hutang rumah tangga yang tinggi di Malaysia. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia yang prihatin tetap akan mengenakan pelbagai kaedah untuk memastikan *ratio* hutang rumah tangga daripada GTP dikurangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebanyakan kritikan pembangkang terhadap Bajet 2014 lebih bersifat politik semata-mata. Antara yang menjadi sasaran ialah pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST yang akan dilaksanakan

pada 1 April 2015. Pembangkang mahu mengelirukan rakyat kononnya GST menzalimi dan membebankan kehidupan rakyat. Sepatutnya pembangkang melihat pelaksanaan GST secara holistik dan realistik. Antara kebaikan GST ialah kadar GST adalah lebih rendah iaitu 6% berbanding cukai jualan dan perkhidmatan SST pada kadar 10% dan 6%. SST adalah cukai berganda. Sebaliknya GST adalah satu cukai terhadap barangan dan perkhidmatan. Pada masa sekarang, pengguna tanpa mengira kelas pendapatan telah membayar cukai jualan dan cukai perkhidmatan ke atas perbelanjaan harian. Namun cukai yang dibayar itu terutamanya cukai jualan tidak tercatat di dalam resit kerana ia terselindung di dalam harga bayaran. Apabila GST dilaksanakan beban cukai yang ditanggung akan turun. Ini bermakna dengan perlaksanaan GST kebanyakan barangan dan perkhidmatan akan mengalami penurunan harga. Yang penting ialah apabila GST dilaksanakan, pihak peniaga seharusnya menyalurkan perkhidmatan tersebut melalui penurunan harga. Kajian yang dijalankan mendapati indeks harga pengguna, HIP akan mengalami penurunan sebanyak 8 hingga 10%. GST juga dapat meningkatkan aliran pendapatan negara. Kerajaan Pusat dijangka akan menjana lebih banyak pendapatan dengan pelaksanaan GST. Pendapatan kerajaan yang bertambah ini dapat digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Lebih ramai orang miskin akan dapat dibantu. GST juga membolehkan kerajaan mengurangkan cukai korporat dan pendapatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenggaroh juga ingin Menjunjung Kasih di atas ucapan Ke Bawah Duli Tuanku, yang prihatin terhadap masalah rakyat yang sedang menghadapi krisis air semasa musim kemarau panjang yang berlaku beberapa bulan yang lalu di daerah Mersing dan sebahagian DUN Tenggaroh khususnya penduduk sekitar bandar Mersing yang menerima bekalan air dari Empangan Congok sehingga kini masih terus terlibat dengan catuan air iaitu satu hari ada, satu hari yang lain tidak ada. Walaupun hujan sudah mula turun di kebanyakan kawasan Mersing, namun hujan yang turun masih lagi belum dapat mengisi empangan tersebut bagi bekalan air yang mencukupi. Sebelum ini di dalam Dewan yang sama, Tenggaroh pernah bertanyakan mengenai kemampuan Empangan Congok untuk menampung keperluan air di Mersing. Dan jawapan yang diberikan ialah ianya cukup. Tetapi kenapa ada catuan air sekarang. Oleh yang demikian, Tenggaroh suka menyarankan pihak Kerajaan negeri dan Syarikat Air Johor Holdings Berhad dapat memikirkan satu projek jangka panjang bagi menangani masalah air khususnya di daerah Mersing. Walaupun saya melihat sambungan baru paip air utama dari Nitar ke Mersing namun hingga sekarang kerja-kerja tersebut masih belum selesai. Tenggaroh juga mengharapkan pihak SAJ dapat mempercepatkan kerja tersebut bagi menjamin keselesaan penduduk yang sedang menghadapi masalah catuan air.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenggaroh ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Besar Johor, Dato' Khaled Nordin dan barisan kepimpinan Kerajaan negeri yang dapat memperbaiki baki defisit negeri kepada baki lebihan atau *surplus* yang agak

tinggi dalam masa satu tahun ini. Ini memang menunjukkan Kerajaan negeri Johor berada dalam tangan yang baik iaitu dalam Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan berjiwa rakyat. Sekarang ini kita melihat pembangunan Negeri Johor semakin rancak dan pesat ini perlu diberikan kepada rakyat Johor khususnya. Tambahan pula saya suka mencadangkan supaya Kerajaan Johor dapat melihat pembangunan industri kecil dan sederhana, IKS diperkembangkan di peringkat rancangan FELDA khususnya di Gugusan Tenggaroh dan Gugusan Nitar. Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat Tenggaroh. Sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan sehingga 2.30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Yang Berhormat Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

YB Datuk Speaker : Rundingan menjunjung kasih diteruskan dengan saya menjemput Yang Berhormat Tenggaroh meneruskan perbahasannya.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenggaroh juga ingin menyentuh satu isu FELDA di Gugusan Tenggaroh yang kerap kali berlaku. Di FELDA Tenggaroh bekalan elektrik kerap kali terputus khususnya pada hujung minggu, di mana pada ketika itu terdapat ramai penduduk mengadakan majlis kenduri kahwin. Ini bukan satu masalah yang rumit tetapi bila ia berlaku pada masa penduduk mengadakan kerja kahwin ini akan memarahkan rakyat terhadap Kerajaan.

Masalah ini sudah berlarutan sekian lama namun jalan penyelesaian untuk jangka masa panjang masih belum jelas. Tambahan pula kebanyakan simpang-simpang jalan di dalam FELDA Tenggaroh tidak mempunyai lampu jalan khususnya di Simpang Tanjung Leman. Tanjung Leman merupakan satu destinasi pelancongan negeri dan juga negara. Dan, ini merendahkan kerajaan apabila simpang ke destinasi pelancongan ini tidak mempunyai lampu jalan dan ianya menyusahkan rakyat di Tenggaroh dan juga pelancong-pelancong yang hendak ke sana pada waktu malam.

Pemuda dan pemudi yang balik ke kampung pada waktu cuti pun kecewa dengan kerajaan apabila satu keperluan *basic* seperti lampu di simpang jalan tiada di kampung mereka. Oleh yang demikian, dengan penuh harapan Tenggaroh ingin menyarankan kepada pihak Tenaga Nasional Berhad dan pihak kerajaan agar dapat melaksanakan proses penyelesaian untuk masalah bekalan elektrik dan lampu simpang jalan dengan kadar segera untuk

kesejahteraan rakyat Tenggaroh. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Tenggaroh mengakhiri ucapan dalam Dewan yang mulia ini, Tenggaroh ingin menyatakan bahawa semenjak Pilihan raya 2008 peratusan rakyat India menyokong Kerajaan Barisan Nasional kian hari semakin meningkat.

Baru-baru ini di Teluk Intan terdapat peningkatan sebanyak 10% dari kaum India menyokong Barisan Nasional. Oleh yang demikian Tenggaroh ingin memohon supaya Kerajaan negeri melihat dengan jelas tentang keperluan masyarakat India di negeri ini. Apa yang Tenggaroh maksudkan adalah berkaitan dengan pusat pembakaran mayat dengan izin, krematorium bagi kaum India. Buat masa ini terdapat beberapa pusat sedemikian, namun ianya diusahakan oleh pihak persatuan atau swasta dengan kadar bayaran tertentu dikenakan.

Walaupun bayaran dikenakan pihak persatuan khususnya tidak dapat menyelenggara tempat itu dengan baik dan kerap kali masalah ini akan dibawa kepada pihak Wakil Rakyat. Oleh yang demikian, saya mencadangkan pusat ini perlu dibina dan diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah di bawah Kerajaan Tempatan di mana terdapat ramai kaum India. Pihak Kerajaan Tempatan tidak perlu risau tentang kos penjagaan dan penyelenggaraan kerana pusat itu boleh menjana pendapatan bagi penjagaan dan penyelenggaraan pusat itu sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ekoran daripada pembinaan Pusat Pembakaran Mayat iaitu krematorium saya juga ingin menyuarakan supaya tempat khas bagi melaksanakan upacara mengingati ibu bapa atau saudara mara orang India yang telah meninggal dunia di sediakan di setiap daerah di dalam Negeri Johor ini. Tempat ini perlu disediakan di satu tempat khas yang berhampiran dengan sungai atau laut kerana upacara ini perlu dilakukan di tepi laut atau sungai seperti tempat yang disediakan di Port Dickson dan Kuantan.

Di Daerah Johor Bahru walaupun kelulusan untuk tempat untuk upacara orang India telah diberi tapi sampai sekarang tempatnya belum dikenal pasti. Kasihan Wakil-Wakil Rakyat India termasuk saya di dalam Dewan ini selalu disoal oleh rakyat melalui surat khabar Tamil. Oleh itu saya harap tempat ini boleh dikenal pasti dengan segera. Saya menyarankan tempat upacara kematian kaum India ini juga boleh di selenggara dan boleh dikawal selia di bawah Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran dengan kerjasama Persatuan Hindu Sanggam Negeri Johor. Dengan membina dan menyelenggara krematorium tempat melaksanakan upacara kematian orang India, sedikit sebanyak akan mengurangkan rintihan kaum India dan secara tidak langsung saya yakin kaum India akan lebih menyokong Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenggaroh akhiri ucapan dengan ucapan penghargaan dan terima kasih dan juga Tenggaroh menyokong usul yang dibawa ADUN Pasir Raja. Sekian, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tiram.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, di atas keizinan untuk turut sama perbahasan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, sempena dengan Pembukaan Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 29 Mei yang lepas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita panjatkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan keizinannya negara kita pada hari ini, negeri kita pada hari ini masih lagi nikmat kemakmuran Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya mendengar jugalah perbahasan daripada rakan-rakan Ahli Dewan termasuklah daripada pihak pembangkang. Kalau dengar perbahasan daripada pembangkang jarang sangat yang memuji kerajaan, yang dicari ialah kesalahan kerajaan. Tapi tak apalah, itu dah memang adat pembangkang, tapi tak apalah Yang Berhormat Datuk Speaker, saya hari ini nak sebut sikitlah kejayaan-kejayaan kerajaan kerana selama ini kita dengar macam seolah-olah buruk sangat kerajaan ini.

Apatah lagi gambaran yang diberi oleh pihak pembangkang ini bila terutamanya sebelum pilihan raya yang lepas. Kita dah setahun dah lepas pilihan raya. Macam kalau Kerajaan Barisan Nasional yang masih perintah negeri dan negara kita ini teruk sangat, akan berlaku musibah, akan berlaku suatu yang buruk terhadap negara kita, baik dari segi ekonominya, rakyatnya, kesejahteraan rakyat dan sebagainya. Tapi alhamdulillah Yang Berhormat Datuk Speaker, selepas setahun kita perintah selepas pilihan raya nampak ekonomi negara kita pun masih lagi pesat membangun.

Di Johor pertumbuhan ekonomi Negeri Johor tahun 2013 pada paras lebih daripada 6% malah lebih daripada pertumbuhan ekonomi negara kita. Dan, di Negeri Johor kita tarik pelaburan asing dan juga pelaburan tempatan yang berjumlah lebih daripada RM10 bilion pada tahun yang lepas. Dan, ini mengatasi jumlah pelaburan yang masuk ke Negeri Sarawak dan juga Negeri Selangor. Jadi, ini juga merupakan satu pencapaian yang berterusan dan kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Johor yang berjaya meneruskan pentadbiran negara untuk membawa kemakmuran kepada rakyat, walaupun mungkin banyak sudut orang boleh cari jugalah kelemahan dia sama ada disengajakan atau tak disengajakan, kerana dalam mentadbir negeri ini Yang Berhormat Datuk Speaker, bukanlah seorang dua yang terlibat.

Kita mempunyai kakitangan Kerajaan yang jumlahnya puluhan ribu malahan ratusan ribu Yang Berhormat Datuk Speaker. Dah tentulah sana sini ada juga sedikit-sedikit yang perlu kita perbaiki, yang perlu kita pertingkatkan prestasi dan

sebagainya. Tapi dengan usaha Kerajaan negeri untuk mencari pelaburan untuk membangunkan negara kita, kita dapat pastikan bahawa adanya peluang-peluang ekonomi, adanya peluang-peluang pekerjaan misalannya dengan pelaburan yang lebih daripada RM10 bilion pada tahun lepas Yang Berhormat Datuk Speaker, kita boleh mewujudkan lebih kurang 15,314 apa itu peluang pekerjaan di seluruh Johor dalam tahun 2013 Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada sebut tentang Wakil Rakyat naik gajilah. Tadi pasal kawan saya ada sebut sentuh pasal Wakil Rakyat naik gaji. Saya ucapkan ribuan terima kasihlah kepada Kerajaan negeri kerana setuju untuk naikkan sedikit elaun, yang saya rasa ialah kalau nak ikutkan memanglah tak cukup, tapi munasabah. Munasabah iaitu elaun naik, elaunnya bukan elaun pokok maknanya elaun macam telefon, yang mana memang itu sebenarnya perbelanjaan kita.

Jadi, kita bukan nak membazir atau pun kita nak menuntut sesuatu yang orang kata di luar batasan Datuk Speaker, tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau boleh *adjust* lagi sikit elaun pokok tu lagi baguslah. Kerana apa Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ni pun, permintaan kita tak melampau, tak macam setengah negeri...

YB Datuk Speaker : Saya macam setujulah.(Dewan bertepuk)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Jangan naik melambung-lambung. Kata, kita ni nak jaga duit rakyat, kita *collect* duit untuk kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan kita, tapi ada setengah pihak ni dia cakap tak serupa bikin Datuk Speaker. Saya nak pantun sikit, pantun dia bunyi ginilah, "gendang gendut tali kecapi, kisah sebuah Kerajaan negeri, Pasir Berdengung nama diberi, dapat kuasa ADUNnya naik gaji tinggi-tinggi, gaji EXCO macam gaji Menteri, maka kenyanglah perut senanglah hati".

Jadi ini ada satu negeri kat Malaysia, dia kata dia jaga rakyat, tapi bila dapat aje kuasa, naik gaji dua kali ganda, kalahkan gaji Menteri, Menteri Besar dia Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, itu satu perkaralah, jadi kadang-kadang kita kena rasionallah apa itu bab perbelanjaan kerajaan ni. Ada Kerajaan yang perbelanjaannya kita kena belanja Yang Berhormat Datuk Speaker, tapi tak melampau-melampau macam mana setengah negeri ini kata bela rakyat, apa itu jaga duit rakyat, tapi gaji dia sendiri dia naikkan tinggi-tinggi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak rujuk jugalah kepada, ialah bila hari Dewan ini saya dua tiga hari ini, saya dengar orang bercakap pasal GST aje Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, ada satu perbahasan daripada Senai kalau tak silap saya. Macam dia menyebut ni macam Barisan Nasional tak jujur, Barisan Nasional tidak menerangkan sistem cukai ini kepada rakyat dengan sikap yang jujur. Saya tak tahu apa maksud dia sikap yang jujur kerana mungkin

dia tak tengok Internet, dia tak tengok *website*, apa tu *custom* ke ataupun *website* yang menerangkan tentang GST, kerana mungkin tertutup hati dia. Tak taulah Datuk Speaker.

Kemudian dia kata ni, bila ada GST ini Barisan Nasional menggunakan duit rakyat, demi menguntungkan kroni sendiri Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, ini tanggapan-tanggapan negatif yang rasa tak perlu tak patut keluar daripada apa itu mulut Ahli Dewan, Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana Yang Berhormat Datuk Speaker, macam kawan saya cakap tadi GST ini dah dilaksanakan 160 negara. Kalau dah laksanakan 160 negara adakah ia satu sistem yang secara berterusan memberi keburukan kepada rakyat negara tersebut? Kalau berterusan memberi keburukan dah tentulah negara tersebut akan patah balik kepada sistem yang lama, kerana apa buruk kepada rakyatnya.

Memanglah bila sebut harga barang dan sebagainya, tadi kawan saya pun dah cakap memang tak ada dalam dunia harga barang akan turun, turun. Kita dulu pun Yang Berhormat Datuk Speaker, masa kita kecik-kecik, nasi lemak pun kata orang tu satu bungkus RM0.50 atau pun RM0.30. Tapi waktu tu rakyat tak mampu beli. Kemampuan rakyat terhad walaupun barang murah pada ketika itu. Yang lebih penting Datuk Speaker, macam mana kita nak tentukan negara kita ni terus membangun, negara kita ni boleh beri kemakmuran kepada rakyat, beri peluang ekonomi dan juga peluang pekerjaan kepada rakyat, beri peluang peniagaan dan juga pekerjaan kepada rakyat. Kalau barang murah tapi rakyat tak ada kuasa beli pun tak guna Yang Berhormat Datuk Speaker.

Sebab itulah hari ini Kerajaan nak bawa negara kita ini kepada negara berpendapatan tinggi. Jadi, dalam usaha nak bawa negara ke negara pendapatan tinggi kerajaan perlu ada sumber kewangan yang mencukupi, untuk membangunkan negara kita termasuklah menyediakan infrastruktur yang baik untuk negara kita. Kalau kita tak sediakan infrastruktur Yang Berhormat Datuk Speaker, mana pelabur nak masuk. Pelabur mana yang nak melabur dalam negara kita, kalau pelabuhan kita tak bagus, kalau *airport* kita tak bagus, kalau jalan raya kita tak bagus. Begitu juga kita kena sediakan kemudahan lain kepada rakyat macam klinik ke, macam hospital dan sebagainya Datuk Speaker.

Jadi, kalau tak ada sumber yang mencukupi kita asyik bercerita soal nak bagi subsidi nak bagi pengurangan itu nak bagi pengurangan ni, akhirnya kerajaan tak boleh belanja duit, sedangkan faktor-faktor untuk kita menjana apa itu pertumbuhan ekonomi ialah satunya faktor utama kerajaan. Yang keduanya sumbangan daripada sektor swasta Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, kita kena rasionallah bab ini Datuk Speaker. Sampaikan ada seorang ADUN itu Yang Berhormat Datuk Speaker, minta maaflah cakap, soal apa itu bil api, air. Bil api, air dekat rumah Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri pun dia nak pertikaikan, ikut laporan Audit.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ialah seolah-olah apa itu macam tak ada keperluan pula nak ada api dan air, apa itu dekat pejabat, dekat rumah kediaman rasmi, bukan rumah peribadi Perdana Menteri. Rumah Kediaman Rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Walaupun jumlahnya besar tapi takkanlah rumah Perdana Menteri nak bergelap. Takkanlah rumah Timbalan Perdana Menteri nak bergelap kecuallah Perdana Menteri ini tak ada rumah. Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi itu rumah rasmi kerajaan jadi kita kena rasionallah Perdana Menteri bukan dia sendiri petik suis, nak membazirkan elektrik, bukan dia buka kepala paip air, tapi ini rumah kerajaan di mana ada majlis-majlis rasmi diadakan di Kediaman Rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Saya tak tahulah kenapa pula yang Berhormat tadi tu yang membangkitkan ini dia tak apa tu tengok pula berapa jumlah bil elektrik dekat rumah Ketua Menteri Pulau Pinang ataupun berapa jumlah bil elektrik dekat rumah Ketua Menteri, Menteri Besar Selangor cuba buat perbandingan, cuba *calculate* ..... dia, tapi kita Yang Berhormat Datuk Speaker sebagai apa tu kerajaan kita pada sayalah benda-benda gitu buka isu, kita pun faham Menteri Besar Pulau Pinang ke Menteri Besar Selangor ke dia layak duduk rumah itu dan rumah tu digunakan untuk upacara-upacara rasmi.

Yang Berhormat Datuk Speaker jadi kadang-kadang benda-benda begini kalau saya malu nak bawa dalam Dewan ini. Fasal apa, benda-benda yang tidak rasional yang kita bangkitkan kadang-kadang pembangkang ini dia suka rujuk pada Laporan Audit. Laporan Audit ni Yang Berhormat Datuk Speaker memang kerajaan wujudkan Jabatan Audit ini semata-mata untuk cari apa tu dan juga mencadangkan, penambahbaikan, cari apa kelemahan itu memang kita yang buat. Sebab tu ada laporan-laporan untuk penambahbaikan ada laporan-laporan untuk mencari dekat mana kelemahan supaya kita boleh perbaiki dia orang guna laporan ini untuk hentam untuk cari *political mileage*, minta maaflah Datuk Speaker dengan izin. Jadi, saya rasa benda ini pun tak berapa kena. Sebenarnya Datuk Speaker kerana kalau katalah kita nak cerita yang baik sahaja kerajaan nak cerita yang baik tak payah ada Jabatan Audit. Kita wujud satu jabatan, Jabatan Mencari Kebaikan Kerajaan boleh gitu. Nak buat apa, nak buat apa. Jadi, kita buat Jabatan Audit untuk tentukan bahawa kita dapat pastikan mana ruang yang boleh kita perbaiki, mana kelemahan yang boleh kita ambil tindakan dan kerajaan ambil tindakan, bukan setakat berdiam diri sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana saya dulu pun pernah dalam kerajaan, saya tahu bila ada laporan melibatkan jabatan bawah kita, kadang-kadang kita pun dipanggil untuk beri penjelasan Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker itu antara perkara-perkaralah saya rasa kalau nak cerita banyak lagi yang dibangkitkan saya rasa tak rasional, kita pun kalau nak bangkitkan Datuk Speaker ialah tadi soal gaji, soal apa, kita di kerajaan negeri Johor ini terutama dalam belanja berhemah dalam Menteri Besar ke, EXCO ke kita tak, saya rasa tak adalah bermewah Datuk speaker, kalau kita nak banding kenapa tak Yang Berhormat daripada sebelah sana ni tanya kenapa Ketua Menteri Pulau Pinang tukar kereta selalu tanyalah

contohnya pakai kereta *Mercedes*. Apa tu Menteri Besar Kelantan pun pakai *Mercedes* tapi kita pun tak pertikaikan sangat kerana dia Menteri Besar, dia nak pakai kereta *Mercedes* pakailah, tapi kalau kita yang tukar wah, jadi *head line* dalam surat khabar yang warna biru tu yang ada apa tu dia punya muka depan tu selalu suka warna biru kadang-kadang sambut pula surat khabar yang ada hijau-hijau sikit, kadang-kadanglah Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker jadi kita kena bab-bab inilah kita kena rasional. Kita kadang-kadang Yang Berhormat Datuk Speaker, kita mentadbir kerajaan ini bukan mudah. Alhamdulillahlah Negeri Johor ni Datuk Speaker, macam-macam kita dah capai. Tadi apa tu saya sebut perkembangan ekonomi pelaburan Iskandar Malaysia 140 bilion sampai setakat ini Yang Berhormat Datuk Speaker tapi Cuma saya nak, saya tengok pelaburan yang masuk dalam negara kita Yang Berhormat Datuk Speaker tahun lepas, pelaburan Iskandar Malaysia daripada 140 bilion masih banyak lagi industri elektronik yang menyumbang di mana di masih lagi *contribute* lebih kurang 40 % daripada nilai pelaburan yang apa tu, masuk dalam negara kita, cuma kita harap selepas daripada ini mungkin industri elektronik ini boleh kita apa tu tarik pelaburan dia ke negara kita dengan syarat mestilah ianya berteknologi tinggi. Kalau katalah kita tarik industri elektronik yang masih lagi menggunakan tenaga kerja yang ramai, yang tidak mahir dan juga separuh mahir, mungkinlah ramai apa tu, pekerja asing akan masuk dalam negara kita.

Dan, kita tak dapat *transfer* teknologi daripada tersebut kepada apa tu, pelabur-pelabur tempatan Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, kalau masuk warga asing dan juga yang masuk siapa. Yang masuk orang negara jiran kita, Indonesia, Myanmar, Vietnam, dan termasuklah Bangladesh yang tidak mengundi Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya cakap Bangladesh tak mengundi ni fasal saya pernah cakap dulu Datuk Speaker Bangladesh ini dalam negara kita yang dapat warga negara mengikut statistik 12 orang aje. Sepanjang-panjang ini, 12 orang aja. Tapi tulah, dulu lagi teruk kita. Teruk kita, bila kata apa tu, orang muka macam Bangladesh aje, dia kata ini ha, kerajaan Barisan Nasional bawa Bangladesh pergi mengundi. Jadi kalau industri elektronik ni kita cari yang *hi tech* mungkin tak ramai Bangladesh yang masuk dalam negara kita Datuk Speaker.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga dalam soal apa tu, kerajaan nak mensejahterakan rakyat. Kita buat rumah mampu milik. Kita ada dasar apa tu, Rumah mampu milik kerajaan Johor yang mana pemaju kena buat rumah-rumah mampu milik, rumah murah untuk memenuhi permintaan rakyat Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan negeri kerana saya difahamkan 20,000 rumah mampu milik Johor akan dibina dalam tempoh 5 tahun daripada tahun 2013 hingga tahun 2018 Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi ini merupakan satu inisiatif, satu usaha kerajaan untuk mensejahterakan rakyat Yang Berhormat Datuk Speaker kita juga ada rakan kita daripada Bekok tak silap saya, dia bercakap seolah-olah kawasan dia dah teruk no, ada jenayah dengan apa, agaknya semenjak tukar Yang Berhormat

daripada BN ke pembangkang ni, jenayah makin banyak. Kalau dulu masa BN jadi Wakil Rakyat, jenayah bagus, kadar jenayah turun. Itu agaknya kita Datuk Speaker. Jadi, soal jenayah ini tanggungjawab semua dan kerajaan sendiri Yang Berhormat Datuk Speaker dan usahakan macam-macam.

Dan, Iskandar Malaysia aja Yang Berhormat Datuk Speaker saya difahamkan, saya ucapkan tahniahlah, dah ada 19,336 CCTV yang dipasang di 625 buah premis, sama ada di jabatan kerajaan, swasta, dalam kawasan Iskandar Malaysia. Saya ucapkan tahniah kerana ada 1,467 lagi CCTV akan ditambah. Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi bab jenayah ini kita sama-sama tangani. Bukan hanya berlaku di negeri kita, tapi negeri-negeri Kelantan pun berlaku jenayah, walaupun orang dakwa serambi Mekah dan sebagainya. Baru-baru ini kes lagilah, libatkan berapa, 38 orang lanyak satu, dua orang. Jadi, berlaku di negeri macam Kelantan dan sebagainya. Jadi, jenayah ini bukan kita boleh menyalahkan antara satu sama lain. Tapi kita sama-sama usaha dengan pihak kerajaan supaya kita boleh bendung masalah jenayah ini.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Agama Islam kerana memperkenalkan Skim Bantuan untuk pinjaman kitab kepada pelajar yang layak dan miskin.. ini satu juga usaha yang begitu baik Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau nak ceritakan, macam-macam Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kerajaan telah pun bantu rakyat. Tapi, cara kita bantu ialah kita tentukan keadilan berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bukan kita bantu semberono aja. Bukan kita bantu orang yang kaya. Sebab tulah bila kita cakap fasal subsidi, dulu saya cakap fasal air Selangor. Makna Wakil Rakyat pun dapat, apa tu, macam tak adillah. Begitu juga dengan yang lain Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, kita tentukan keadilan. Mana yang layak, dapat. Yang miskin, dapat bantuan lebih. Perumahan rakyat tadi untuk golongan orang yang berpendapatan rendah Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai contohlah. Begitu juga kita rasa rebat air, rebat air kepada orang susah saja.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak usaha-usaha kerajaan, tentang golongan OKU, Klinik 1Malaysia dan soal kesihatan dan sebagainya, jadi itu kebaikan-kebaikan. Kalaulah nak cerita-cerita kebaikan ini banyak. Tapi di dalam Sidang Dewan ini jarang kita dengar kebaikan, banyak apa orang kata tu, mencari kesalahan. Tak apalah, yang mana betul teguran tu saya rasa kerajaan akan bantu dan cuba untuk selesaikan Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga nak bawa satu dua perkara tentang pertamanya, cadangan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ni kawasan Iskandar Malaysia, kita nak kawasan kita nampak eloklah, nampak cantik, jalan rayanya cantik tapi banyak kawasan saya tengok *signboard signboard* kecilnya bertaburan di tepi jalan terutama bila dah sampai simpang aje kita nampak *signboard* hospital, *signboard* klinik swasta, *signboard* sekolah.

Kenapa tidak Pihak Berkuasa Tempatan ni satukan *signboard signboard* tersebut supaya tidak bercelaru apabila kita nak sampai simpang ni kita nak cari pun bercelaru. Saya tengok Majlis Daerah Kota Tinggi ada buat juga beberapa kawasan, mana ada *signboard* besar dekat situ semua ada. Jadi, mungkin PBT boleh selaraskan *signboard signboard* tersebut kerana tadi saya datang ke sini daripada *highway* Pasir Gudang, saya tengok bila nak turun ke bandar tu Datuk Speaker, jalan nak turun ke bandar banyak *signboard signboard* kecil. Jadi, kalau dapat diselaraskan saya rasa lebih eloklah kawasan kita bukan hanya di Iskandar Malaysia tapi juga di seluruh Negeri Johor, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi saya nak bangkitkan ialah mengenai jalan daripada Cahaya Baru ke Kongkong Laut. Jadi, Kongkong Laut ni Yang Berhormat Datuk Speaker, dia dah pun diiktiraf sebagai sebuah kampung di bawah IRDA untuk dipromosikan sebagai kampung di bawah *agro-tourism*. Maknanya pelancongan berbentuk lebih kepada pertanian, Yang Berhormat Datuk Speaker. Tapi kemudahan untuk sampai ke kampung tu memang dah ada tetapi penduduk kampung mohon sangatlah kalau boleh jalan daripada Kota Masai tu pergi ke Kampung Kongkong ni kenalah dilebarkan. Minta JKR ambil kira dalam menentukan projek-projek dalam RMK-9 ni supaya dapat lebarkan. Sekarang ni jalan tersebut dalam 14, 16 kaki lebar dia, tak cukup, bila kereta selisih aje mungkin boleh masuk ke tepi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Satu lagi saya nak bangkitkan nak minta JPS dalam RMK-10 ni, tolonglah, benda ini telah banyak juga saya bangkitkan, Sungai Tiram ni dalam kawasan saya, ini orang kampung pesan lagilah pasal apa saya pun selalu ke bandar Tiram tu, sepanjang Sungai Tiram ni terutamanya kawasan bandar kalau kita tengok memang tak elok sungai itu. Dulu saya bangkitkan tapi dapatlah juga *repair* untuk sebahagian daripada tanah runtuh tapi kita nak penyelesaian secara total dan juga untuk penambahbaikan serta untuk pastikan bahawa tebing-tebing sungai di sepanjang mana Tiram tu boleh dijadikan tempat rekreasi. Tak panjang sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, lebih kurang dalam mungkin bandar Tiram tu tebing sungainya 500 meter hingga 1 kilometer sahaja untuk buat rekreasi di mana petang-petang orang boleh bersantai dekat tebing Sungai Tiram kerana kalau nak ke bandar, pergi ke tepi laut mungkin jauh orang Sungai Tiram ni, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi, satu lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, tentang rumah terbengkalai ini. Yang ini saya tak dapat jawapan daripada pihak kerajaan yang lepas ini tentang perumahan rakyat untuk golongan termiskin. Yang mempunyai masalah sikit, rumah dah hampir siap tapi berlaku sedikit masalah dengan kontraktor dan juga berlaku vandalisme, 400 unit, lebih kurang dekat Taman Setia Indah. Dulu masa PM datang, PM dah setuju untuk beri sejumlah peruntukan tapi saya difahamkan peruntukan tersebut tak berapa mencukupi, RM2 juta lebih. Jadi saya mohon supaya suatu tindakan dan juga kalau kata tak cukup peruntukan tu mungkin boleh gunakan Tabung Perumahan untuk rakyat Johor ni untuk bantulah supaya menyiapkan rumah tersebut. Daripada 2

juta lebih kalau ada tambahan ke apa minta Kerajaan negeri bantulah daripada duit tabung tersebut Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, cakap ni sekejap sahaja. Saya rasa itu sahajalah Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi saya rasa saya amat terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker beri peluang kepada saya jadi akhirnya saya nak tutup dengan sedikit pantun Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya cakap setulus hati, kalau terasa cerminlah diri, baik yang bercakap atau di luar Dewan ini, bahasa yang saya gunakan halus dan tak terperi, hanya nak jelaskan tuduhan yang berapi-api, jangan risau perkataan celaka saya tak guna lagi, kerana saya berbudi pekerti. Sekian terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat sejahtera kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Speaker, Jementah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Kali Yang Ke-13 pada 29 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 31 Ogos 1970, Majlis Gerakan Negara di bawah pimpinan kerajaan perikatan pada masa itu telah mengumumkan dasar membentuk ideologi kebangsaan Malaysia dengan cita-cita yang murni yang objektifnya ialah untuk supaya menjayakan Malaysia di mana pimpinan pada masa itu mempercayai bahawa cita-cita murni ini dapat dicapai berdasarkan 5 prinsip utama iaitu Rukun Negara. Yang pertama ialah Kepercayaan Kepada tuhan, yang kedua ialah Kesetiaan Kepada Negara, yang ketiga Keluhuran Perlembagaan, yang keempat Kedaulatan Undang-Undang dan kelima Kesopanan dan Kesusilaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jementah hanya ingin menyentuh salah satu prinsip yang utama Rukun Negara iaitu Keluhuran Perlembagaan prinsip ini menekankan perlunya rakyat menerima, mematuhi dan mempertahankan keluhuran atau kemuliaan negara kita. Perlembagaan Negara kita adalah sumber perundangan yang tertinggi fungsinya adalah untuk memberi perlindungan kepada setiap rakyat negara kita. Akan hak dan keistimewaan mereka sebagai warganegara, setiap warganegara Malaysia dikehendaki menghormati, menghargai serta memahami maksud dan kandungan serta latar belakang dan sejarah pembentukan Perlembagaan Negara. Perlembagaan Negara adalah digubal berasaskan kepada kesepakatan semua kaum dan semua pihak di negara ini dengan demikian ia merupakan satu kontrak sosial rakyat yang tidak boleh dipersoalkan dan diganggu gugat oleh mana-mana individu atau mana-mana pihak. Perlembagaan Malaysia menentukan pola politik dan kedudukan sosioekonomi rakyat di Negara kita. Ia

adalah sumber rujukan bagi segala hak yang berkaitan dengan sistem pemerintahan, perundangan kedudukan dan hal sosioekonomi rakyat kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Negara Malaysia adalah sebuah negara Persekutuan dan sebuah negara yang bermasyarakat majmuk. Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan bidang kuasa Kerajaan negeri adalah termaktub dengan jelas masing-masing Jadual Kesembilan Perlembagaan Negara kita. Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut perkara Keempat Perlembagaan Persekutuan mana-mana undang yang berlawanan dengan peruntukan Perlembagaan adalah terbatal dan juga menurut Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan mana-mana perundangan negeri adalah berlawanan dengan sesuatu perundangan Persekutuan, maka adalah dipakai dan undang-undang negeri itu hendaklah terbatal. Contohnya, dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang berunsur jenayah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan bukannya bidang kuasa Kerajaan negeri. Justeru itu,. Jementah ingin menyeru semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, supaya tidak cuba membawa atau cuba mencadangkan mana-mana rang-rang undang-undang negeri untuk diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, di mana ia adalah bercanggah dengan Perlembagaan Negara kita. Jementah ingin menyeru semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersama-sama kita mempertahankan Keluhuran Perlembagaan Negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan supaya satu usaha iaitu kajian Suara Hati Rakyat Johor diadakan untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat bagi merangka polisi-polisi dan program-program yang bertujuan untuk merakyatkan kerajaan, meningkatkan muafakat antara rakyat dan kerajaan serta melestarikan pembangunan yang pro-rakyat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan akan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa untuk mengkaji membangun dan merangka polisi-polisi yang sesuai dan pelan-pelan tindakan dan juga pelan-pelan pelaksanaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dimaklumkan bahawa pelancaran hasil Suara Hati telah diadakan pada 31 Mei yang lalu. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetapi kecil sikit kerana Wakil Rakyat daripada pihak minoriti kita yang mewakili sebanyak 44% sokongan daripada rakyat Johor dalam Dewan Yang Mulia ini tidak dijemput sama sekali untuk bersama-sama menyertainya. Pada pendapat Jementah, ini ada bercanggah dengan semangat permuafakatan yang selalu dilaungkan oleh Kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Jementah masih berharap Kerajaan negeri dapat membentangkan satu laporan hasil kajian Suara Hati Johor tersebut di dalam Dewan Yang Mulia ini, mengenai struktur perangkaan polisi-polisi pelan-pelan tindakan pelan-pelan pelaksanaannya yang berkenaan. Sebagai satu tanggungjawab kepada rakyat Johor. Jementah berharap dapat memainkan peranan sebagai pemantau kalau boleh dan memberikan cadangan dan pendapat pihak kami terhadap sebarang

ketidaksempurnaannya yang belakang hari akan dilaksanakan untuk kepentingan bersama rakyat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada bulan Februari dan Mac yang lalu, kita telah mengalami musim kemarau yang terburuk sekali sejak tahun 1969 iaitu lebih kurang 70 hari tanpa hujan menurun keadaan ini mungkin disebabkan perubahan iklim global atau *global climate change* dengan izinnya. Jementah telah dimaklumkan bahawa akibat kekurangan air banyak tanaman-tanaman petani telah mati dan mereka menghadapi kerugian yang besar dan perlu menjalankan kerja menanam semula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerja menanam semula tanaman memerlukan modal yang agak besar dan kebetulan pada masa ini juga tanaman petani mereka tidak berhasil tambahan pula hasil-hasil tanaman semua akan mengambil masa beberapa tahun dan dalam masa tersebut petani akan menghadapi keadaan pendapatan yang tidak menentu. Oleh yang demikian, Jementah ingin mencadangkan supaya Kerajaan negeri mempertimbangkan untuk mengadakan satu skim bantuan dengan kerjasama antara pihak Kerajaan negeri dan Pihak Bank dengan menawarkan faedah pinjaman kewangan rendah kepada golongan petani ini untuk membantu mereka mengharungi waktu kesusahan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jementah juga menerima maklum balas daripada penghuni-penghuni kawasan berkenaan dengan kekurangan rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah di kawasan Jementah. Berdasarkan kenyataan Yang Berhormat EXCO Perumahan pada bulan November pada tahun yang lalu, dalam Dewan Yang Mulia ini, jumlah permintaan perumahan seluruh Negeri Johor adalah 34,987 Kerajaan negeri akan membina 28,000 unit rumah kos rendah dan rumah-rumah mampu milik Johor dalam tempoh 5 tahun ini. Jementah menyambut baik usaha Kerajaan negeri itu. Seperti sedia maklum, 20,000 unit rumah-rumah tersebut akan dibina di kawasan Iskandar dan bakinya 8,000 akan dibina di luar kawasan Iskandar.

Selain daripada itu, kita juga mengambil maklum bahawa projek Prima yang telah diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memenuhi permintaan perumahan yang tinggi di Johor. Jementah ingin mengetahui perkara-perkara yang berikut berkenaan isu rumah.

1. Apakah jumlah permintaan perumahan yang dipohon dan jumlah pembekalannya setakat ini menurut statistik daripada Jabatan Perumahan.

2. Apakah pecahan mengikut setiap daerah, lokasi-lokasinya dalam setiap daerah dan kategori harga rumah 8,000 unit rumah kos rendah dan rumah mampu milik Johor yang telah dikomitedkan akan dibina oleh Kerajaan negeri di luar kawasan Iskandar dalam tempoh 5 tahun ini dan jangka masa yang akan disiapkan.

3. Berapakah unit yang telah dikomitedkan untuk dibina oleh Prima setakat ini nampaknya kebanyakan projek Prima adalah kebanyakan dibina di JB atau di kawasan Iskandar adakah Prima sedia membina rumah di luar kawasan Iskandar? Sekiranya nyatakan lokasi-lokasi yang telah dikomitedkan untuk dibina oleh Prima di luar kawasan Iskandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jementah juga menerima aduan maklum balas rakyat jelata berkenaan dengan kenaikan tarif tenaga elektrik bermula bulan Januari 2014. Saya telah menyemak kadar peratusan kenaikan mengikut kadar blok pro rata yang telah dicajkan pada pengguna-pengguna dan Jementah mendapati bahawa kadar kenaikan yang ada lebih kurang antara 24.6% hingga 27% kalau berbanding dengan kenyataan TNB, ia hanya secara purata TNB mengumumkan ialah kenaikan hanya 14.89%. Ini ada sedikit perbezaan tapi apa yang penting ialah pro rata-pro rata ini sebenarnya yang cajkan dalam bil elektrik pengguna-pengguna. Ini yang sebenarnya, 24.6% hingga 27%.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa kenaikan tarif tenaga adalah bagi untuk membantu TNB untuk menghadapi masalah kos bahan api yang semakin meningkat supaya TNB tidak mengalami kerugian tetapi hakikat yang sebenarnya kita nampak hari ini ialah TNB telah mencapai rekod keuntungan yang besar contohnya pada tahun 2012 TNB telah mencatat keuntungan bersih sebanyak 1.014 bilion dan pada 2013, mencatat keuntungan 4.61 bilion iaitu sebelum kenaikan tarif tenaga elektrik yang bermula pada tahun ini. Sekiranya TNB perlu menanggung kos bahan api yang besar tentulah TNB tidak untung begitu banyak ini menunjukkan bahawa TNB tiada masalah untuk menangani kos bahan api malahan mencatat keuntungan yang besar. Persoalannya, mana duit yang untung besar TNB itu pergi? Ini persoalannya. Saya difahamkan TNB harus membayar berbilion ringgit kepada IPP, *Independent Plant Producer* yang menghasilkan tenaga berlebihan yang tidak digunakan setiap tahun menurut perjanjian TNB dengan IPP. Adakah ini sebab TNB walaupun untung besar tetapi masih perlu menaikkan tarif tenaga untuk menanggung bayaran yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat?

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh itu TNB sebagai sebuah syarikat GLC sebenarnya harus juga memikul tanggungjawab *corporate social responsibility* bukan semata-matanya untuk mengaut keuntungan dan menambah beban kepada rakyat. Saya kesal kerajaan tidak menggunakan kuasa dengan sewajarnya dalam perkara ini. Dan ia tidak selaras dengan slogan Program Transformasi Kerajaan. Rakyat Didahulukan yang dilaung-laungkan oleh kerajaan. Oleh itu, Jementah menyeru kerajaan supaya mengkaji semula kemungkinan untuk menurunkan tarif tenaga elektrik dengan kadar yang sewajarnya bagi meringankan beban rakyat yang semakin meningkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jementah sering menerima permohonan untuk peruntukan daripada pengundi yang miskin, perbadanan beragama dan

pelbagai persatuan daripada kawasan. Mereka mengalami atau sesiapa mereka yang mengalami bencana alam yang memerlukan bantuan kewangan kecemasan. Saya telah memaklumkan kepada mereka bahawa ADUN tidak diberikan hak untuk mengagihkan peruntukan kawasan dan perurusan peruntukan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah di bawah kuasa Pengurusan Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan terpulanglah kepada budi bicara Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk sama ada meluluskan atau tidak. Saya pernah tulis, menulis surat kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetapi nampaknya tidak ada maklum balas tentang beberapa surat yang saya tulis kepada mereka untuk meminta peruntukan kepada persatuan-persatuaan ini. Oleh itu saya ingin meminta keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar melihat dan mengkaji semula perkara ini supaya sebahagian, mungkin sebahagianlah daripada jumlah peruntukan kawasan boleh diagihkan oleh ADUN. Sebab kita yang lebih tahu keadaan yang sebenarnya yang berlaku di kawasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan isu-isu tempatan, Jementah selalu mengambil sikap terbuka untuk bekerja dengan sesiapa pun, mana-mana pihak pun untuk menyelesaikan masalah penduduk tempatan. Jementah merakamkan setinggi-tingginya penghargaan kepada pegawai kerajaan, pegawai GLC dan kontraktor yang berkenaan yang memberi kerjasama untuk menyelesaikan aduan-aduan tempatan. Akan tetapi ada beberapa isu tempatan yang ingin Jementah *highlight* kan di sini dengan izinnya, dan saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri dapat mengambil perhatian dan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Yang pertama ialah berkenaan dengan pemasangan lampu isyarat di simpang empat antara Jalan Batu Enam, Taman KSM dan Taman Sejati di Batu Enam, Segamat. Jalan ini memang dia di tengah-tengah kawasan Pekan Batu Enam dan kawasan ini selalu berlakunya kemalangan jalan raya. Dia adalah *black spot* dan telah ada pengguna jalan raya yang mengalami kecederaan parah. Saya pernah tengok dengan mata saya sendiri berlaku kemalangan di kawasan itu dan juga ada nyawa yang terkorban. Saya pernah menanya soalan yang berkenaan, sama adakah pemasangan lampu isyarat akan diadakan di kawasan ini kepada pihak JKR tetapi mendapat jawapan bahawa ia masih dalam peringkat kajian. Ini tahun yang lepas saya tanya. Selepas satu tahun, Jementah ingin tahu apakah kedudukan kajian itu dan sama adakah pihak JKR ada hasrat untuk memasang lampu trafik di tempat itu. Saya pohon satu jawapan yang jelas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat Jementah telah menyatakan kerisauan mereka terhadap pembinaan sebuah kilang memproses buah kelapa sawit yang akan dibina di sekitar kawasan Jementah, Kebun Baru, yang mungkin akan mendatangkan masalah pencemaran alam sekitar daripada sisa-sisa buangan dan juga masalah pencemaran udara. Rakyat Jementah amat

berharap projek ini dapat dibatalkan. Saya telah dimaklumkan oleh pihak MPOB bahawa lesen telah diluluskan untuk kilang tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan negeri telah melalui Pejabat Daerah, dia orang mengeluarkan satu notis untuk memberhentikan projek pembinaan tapak kilang itu. Jementah mengucapkan terima kasih ke atas keprihatinan Kerajaan negeri. Tetapi soalannya ialah saya Jementah ingin tahu sama ada notis yang dikeluarkan oleh Kerajaan negeri adalah satu notis sementara atau satu notis yang perintahnya bahawa ini, kilang ini tidak boleh lagi dibina di kawasan yang disasarkan itu. Ini juga saya berharap pihak Kerajaan negeri dapat memberi satu jawapan.

Yang ketiga, berkenaan dengan penaik taraf jalan raya Tangkak-Segamat. Ini satu usaha yang baik untuk menyempurnakan infrastruktur dan kemudahan awam di Daerah Segamat. Malangnya ada pelaksanaan kerjanya tidak begitu memuaskan seperti banjir kilat selalu berlaku di Kampung Baru Jementah dan juga banjir kilat berlaku di kebun-kebun getah petani. Saya ada berhubung dengan JKR tempatan dan ada cadangan-cadangan untuk menyelesaikan masalah dia tetapi jalan raya-jalan raya yang dibina strukturnya tidak begitu memuaskan di sepanjang Jalan Muar sebab terlalu tinggi. Permukaan jalan itu terlalu tinggi, lebih tinggi daripada jalan raya di Kampung Baru Jementah dan juga longkang-longkang yang dibina itu terlalu besar berbanding dengan longkang-longkang yang terlalu kecil di Kampung Baru Jementah. Dan ini mengakibatkan banjir kilat semasa hujan lebat. Pihak JKR ada memaklumkan jalan penyelesaiannya dan saya ingin menyeru pihak JKR supaya mengkaji semula struktur itu permukaan muka bumi di sepanjang Jalan Muar sama adakah itu jalan raya dapat dibina dengan lebih baik untuk keselamatan pengguna-pengguna jalan raya dan mengurangkan masalah-masalah seperti banjir kilat. Mengadakan satu solusi yang komprehensif dan impak negatifnya dapat diminimumkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, negara kita ini ada undang-undang. Sesiapa yang bercakap tidak sopan atau menghinakan sesuatu orang, kalau salah dari sisi undang-undang kita boleh membuat laporan Polis dan pihak yang berkuasa boleh mengambil tindakan tetapi janganlah kita mengadakan tindakan yang terlampau sangat. Memasuki Dewan Negeri seperti yang berlaku di Pulau Pinang. Ini satu menunjukkan satu mentaliti yang tidak menghormati Dewan yang mulia ini dan saya harap kita bersama-sama supaya kedaulatan undang-undang satu perkara yang penting, prinsip yang tadi saya nyatakan, Rukun Negara kita, kedaulatan undang-undang, kita ada undang-undang. Kalau sesiapa yang tidak berpuas hati, boleh ada undang-undang untuk menjalankan, untuk mereka membuat laporan Polis dan terpulanglah kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pohon pihak-pihak yang berkenaan kita dapat bersama-sama untuk memajukan Johor dan berharap Johor selalu

makmur dan selamat dan tenteram dan inilah sekian ucapan saya dan terima kasih, Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mengalu-alukan rombongan daripada Kampung Melayu Raya Sekijang Segamat yang bersama-sama dengan kita yang diketuai oleh Encik Ahmad Shamsul bin Haji Tumijan. Selamat datang. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Tangkak.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam sejahtera dan selamat petang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini. Tangkak ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sempena Pembukaan Rasmi Penggal Kedua Dewan Negeri Johor Ke-13. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 29 Mei yang lepas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Negeri Johor telah mengalami musim kemarau seperti yang telah disebut oleh YB Jementah tadi, pada dua bulan yang lalu, yang agak serius dan banyak sektor telah dijejas. Terdapat sesetengah rakyat Johor menghadapi gangguan bekalan air. Petani di Johor juga menghadapi kerugian hasil, padang lapang berlaku kes kebakaran, ada juga yang seperti yang dibangkit oleh YB Bentayan semalam. Rakyat Johor di kawasan Utara iaitu mereka yang tinggal berdekatan di sepanjang Sungai Muar, terpaksa mengguna dan meminum air masin selama dua minggu. Saya rasa ada beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang duduk di kawasan Muar juga menghadapi masalah yang sama iaitu minum dan pakai air masin. Krisis air ini, krisis air masin dari Sungai Muar ini disebabkan kerana paras air telah turun pada musim kemarau dan air laut telah masuk sejauh lebih kurang 70 kilometer dari laut ke tempat pengambilan air atau dengan izin, *intake point* loji air. Perasaan panik telah berlaku antara penduduk-penduduk di Ledang dan juga di Muar yang mengalami krisis air masin pada masa itu kerana tiada sesiapa yang bertanggungjawab termasuk pihak Syarikat Air Johor, SAJ pun tidak membuat sebarang pengumuman atau kemas kini keadaan tentang insiden tersebut.

Tangkak ingin mencadangkan kepada kerajaan, agensi-agensi kerajaan, anak-anak syarikat kerajaan GLC dan semua pihak yang bertanggungjawab supaya sentiasa mengumumkan keadaan terkini jika berlaku apa-apa insiden yang berkaitan dengan rakyat supaya tidak berlaku lagi perasaan panik dalam masyarakat. Tangkak juga meminta kerajaan menimbangkan supaya pengguna-pengguna yang terjejas oleh krisis air masin itu dapat dikecualikan bayaran bil air ataupun diberi rebat bil air untuk bulan tersebut. Petani-petani lagi susah pada masa itu, pada musim kemarau. Pada awal tahun ini, masa yang sama segala usaha dan air peluh mereka telah menjadi rugi kerana

disebabkan kekurangan air. Jabatan Pertanian harus menyediakan langkah-langkah atau rancangan-rancangan dengan segera untuk mengelakkan masalah ini terus berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut maklumat SAJ, paip air di, paip air di Negeri Johor berpanjang lebih kurang 20,000 kilometer. Antaranya terdapat sebahagian paip air terutama yang menyambung ke kawasan perumahan lama telah dipakai melebihi 20 tahun. Bagi pengguna-pengguna di kawasan tertentu, telah lama mereka menghadapi masalah tekanan air yang rendah dan jawapan dari SAJ ketika aduan dibuat, SAJ cakap, mereka terpaksa menurun atau mengurangkan tekanan air, kerana risau paip lama tu berlaku kebocoran. Kesiannya, sesetengah pengguna di kawasan tersebut, mereka perlu menggunakan masa yang lebih panjang untuk membuat kerja rumah. Contohnya, seorang suri rumah tangga, kalau dia hendak mencuci baju, dia perlu menunggu lebih kurang satu jam, cuma untuk memenuhkan air ke dalam mesin cuci. Kerajaan dan juga Syarikat Air Johor perlu mengambil tindakan segera untuk menukarkan paip-paip yang telah lama di kawasan yang kritikal bagi menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tangkak juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan bola sepak Johor Darul Takzim atas prestasi cemerlang mereka selama ini. Kerajaan harus ambil berat, dalam bidang memupuk minat pemain dan melatih lebih ramai anak johor untuk menyumbang kepada persatuan bola sepak. Ramai remaja di kawasan kampung terpaksa bermain bola sepak, di dalam padang kecil, di taman rekreasi ataupun di atas jalan raya kampung.

Jadi, Tangkak ingin bercadang supaya lebih banyak padang bola sepak disediakan ataupun stadium dibina di kawasan perumahan dan kawasan kampung. Begitu juga, bagi peminat-peminat aktiviti permainan bola lain, seperti badminton dan bola keranjang. Pemain-pemain menghadapi kekurangan gelanggang badminton. Ada pula terpaksa membayar lebih, buat bayaran yang lebih tinggi, cuma untuk menyewa satu gelanggang badminton. Kebanyakan gelanggang bola keranjang pula yang sedia ada, menghadapi kerosakan kemudahan, ada yang bumbung bocor, kerusi penonton rosak, ada juga masalah lantai tidak rata. Tangkak juga setuju dengan cadangan yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Sungai Balang semalam, untuk mengecualikan bayaran bil elektrik dan bil air untuk gelanggang-gelanggang bola.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penyakit denggi adalah satu masalah besar di seluruh Malaysia termasuk Negeri Johor. Johor juga telah mencatatkan kes kematian denggi paling tinggi pada awal tahun ini. Jabatan Kesihatan perlulah lebih mengambil berat tentang kes denggi supaya ia tidak hilang kawal. Salah satu, salah satu sebab adalah kerana terdapat terlalu banyak perparitan dan longkang-longkang di kawasan perumahan ataupun kawasan

perumahan yang telah lama, telah sumbat ataupun rosak, tetapi tindakan tidak, tindakan membaik pulih tidak dijalankan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kes kemalangan jalan raya di dalam kawasan perkampungan dan perumahan juga semakin meningkat dan membimbangkan. Seperti dalam titah baginda, antara penyebab utama berlakunya kemalangan adalah sikap pemandu yang tidak berdisiplin. Selain daripada mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih keras, keadaan jalan raya yang buruk dan bahaya di sesetengah dengan izin, *hot spot* kemalangan juga salah satu sebabnya. Terdapat pemandu yang tidak bertanggungjawab suka memandu dengan laju di kawasan perumahan. Ramai penduduk telah membuat permohonan kepada Kerajaan Tempatan untuk membinakan bonggol jalan bagi mengurangkan laju, kelajuan kenderaan. Malangnya berlakulah kes penduduk-penduduk terutama di kawasan Ledang, Tangkak yang telah membuat permohonan untuk membina bonggol jalan di kawasan Tangkak telah ditolak oleh Majlis Daerah Tangkak atas sebab terdapat kes mahkamah tentang bonggol jalan sedang dijalankan.

Selepas saya membuat siasatan, kes mahkamah yang dihadapi Majlis Daerah Tangkak kebelakangan ini tentang bonggol jalan, disebabkan kontraktor tidak mengecat bonggol jalan yang baru dibina dan telah menyebabkan pendakwa tersebut ditimpa kemalangan. Tetapi, ini tak ada kaitan dengan membuat, membina bonggol jalan baru bagi *hot spot* kemalangan, dengan izin.

Sistem letak kereta berbayar juga telah dilaksana oleh Kerajaan Tempatan di banyak tempat atau banyak daerah. Tujuannya memang adalah untuk mengelakkan pemandu yang meletakkan kereta dengan masa, dengan jangka masa yang panjang di sesuatu tempat terutama di tempat yang sibuk keadaan jalan raya. Satu lagi tujuan memang untuk menambahkan pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan. Tapi, ada sesetengah tempat seperti di kawasan perkampungan atau pekan kecil yang baru nak memajukan, juga dilaksanakan sistem letak kereta berbayar. Dan, ini telah membebankan orang kampung. Orang kampung terpaksa membayar, menanggung kos letak kereta sekurang-kurangnya RM0.40, RM.060 mungkin dia cuma hendak membeli senaskhah surat khabar atau minum secawan kopi. Tangkak berharap, Kerajaan Tempatan boleh membuat kajian semula tentang kesesuaian melaksanakan sistem letak kereta berbayar di kampung-kampung dan pekan-pekan yang tertentu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada Februari yang lalu, apabila saya membuat lawatan kerja di sebuah kampung di dalam kawasan Tangkak dan saya telah menghadiri kepada, ke satu program *Kospen* yang sedang dijalankan pada masa yang sama di kampung tersebut, dan telah dilayan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa JKKK dan juga Ketua Kampung tersebut tetapi dua minggu selepas saya hadir ke program itu, saya telah terima maklumat bahawa Ketua Kampung itu telah menerima amaran daripada pihak atasan supaya,

jangan lagi menjemput Wakil Rakyat terutama dari Pakatan Rakyat menghadiri ke program dalam kampung beliau. Dan juga, Ketua Kampung tersebut diugut mungkin akan dipecat. Jadi, masalah yang sama juga berlaku di dalam mesyuarat Kerajaan Tempatan, PBT juga. Rakan-rakan saya dari Pakatan Rakyat menghadapi masalah yang sama, juga tidak dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Bulanan Kerajaan Tempatan walaupun surat permintaan jemputan telah dihantar kepada mereka.

Satu lagi contoh, Yang Berhormat Datuk Speaker bersama dengan Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membuat lawatan kerja ke Daerah Ledang, Tangkak pada dua minggu yang lalu. Sebagai Wakil Rakyat tempatan, Tangkak juga tidak dijemput hadir ke lawatan kerja tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cuti mingguan baru Negeri Johor telah dilaksanakan selama 5 bulan. Sampailah masa untuk Kerajaan negeri Johor, untuk menjalankan kajian tentang isu ini seperti yang telah dicadangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah baginda. Ibu bapa yang tidak dapat meluangkan masa bersama anak-anak kerana cuti mingguan baru ini perlu diteliti oleh kerajaan.

Satu kajian yang melibatkan semua lapisan masyarakat di Negeri Johor harus dijalankan dan Tangkak bercadang supaya Kerajaan negeri Johor menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri Johor bagi mengkaji kesesuaian cuti mingguan ini diteruskan. Menurut *Employment Act 1955* dengan izin perkara 59(1), yang menyatakan dengan izin, *every employee should be allowed in each week a rest day as may be determined from time to time by the employer.*

Jadi, soalannya bidang, bidang kuasa Kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan yang berhak untuk menentukan cuti mingguan kepada sektor swasta. Jadi, terima kasih sekali lagi diucap kepada Yang Berhormat Datuk Speaker. Sekian, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Tangkak. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Rabu, 4 Jun 2014, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:50 petang.

HARI KELIMA,
RABU, 4 JUN 2014

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KELIMA	RABU, 4 JUN 2014	BIL. 5 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)
YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR

YB Datuk Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan di sambung semula.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1.

Minta penjelasan status pencapaian koperasi di Negeri Johor. Nyatakan bilangan koperasi mengikut daerah sehingga 31.12.22013. Nyatakan juga perolehan, keuntungan dan kerugian keseluruhan operasi koperasi Johor. Apakah pelan tindakan Kerajaan Johor membantu melonjakkan pencapaian koperasi di seluruh Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Rengit membangkitkan soal pencapaian koperasi di Negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga 31 Disember 2013 terdapat sebanyak 1,039 buah koperasi di Negeri Johor dengan jumlah anggota seramai 450,232 orang yang dibahagikan kepada 9 wilayah di seluruh Negeri Johor.

Wilayah yang mencatatkan jumlah koperasi tertinggi adalah Daerah Johor Bahru iaitu sebanyak 253 buah koperasi. Jumlah ini seterusnya diikuti dengan Daerah Muar iaitu 150 buah koperasi, Daerah Kota Tinggi 138 buah koperasi, Daerah Batu Pahat 120 buah koperasi, Daerah Kluang 112 buah koperasi, Daerah Segamat 83 buah koperasi, Daerah Kulaijaya 70 buah koperasi, Daerah Pontian 67 buah koperasi akhirnya Daerah Mersing sebanyak 46 buah koperasi.

Secara keseluruhannya, gerakan koperasi di seluruh Negeri Johor telah mencatat perolehan berjumlah RM520,930,917.00 Dari segi keuntungan 869 buah koperasi telah mencatatkan keuntungan berjumlah RM45,143,134.00 manakala ada sebanyak 170 buah koperasi telah mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM4,232,874.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan negeri Johor sangat komited untuk menjadikan gerakan koperasi ini sebagai sektor ketiga yang menjana ekonomi di Negeri Johor. Dengan demikian, Kerajaan negeri bersama-sama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan pelan tindakan bagi memfokuskan bidang-bidang tertentu untuk diceburi oleh koperasi ini sebagai untuk meningkatkan pendapatan dan juga memberikan pulangan kepada anggota koperasi tersebut.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Rengit jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh YB EXCO tadi. Kalau kita lihat di setengah negara maju, koperasi ini menjadi jentera ketiga dalam mengerakkan ekonomi seperti yang disebut oleh YB EXCO tadi. Dan di peringkat pusat kita dah ada kementerian, satu nama kementerian koperasi sendiri sekarang ini. Tapi kita lihat sumbangan koperasi terhadap mengerakkan, melonjakkan ekonomi negara ini masih lagi belum begitu mencapai tahap yang sepatutnya. Dan saya yakin, Kerajaan negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini, orang yang pernah terlibat sekali dengan koperasi ini, tentunya ada idea-idea yang komprehensif, untuk kita lonjakkan koperasi di Johor ini, yang boleh memainkan peranan utama, melonjakkan pencapaian ekonomi di Negeri Johor itu yang saya nak tahulah dari segi pelan komprehensif Kerajaan negeri. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk tahun 2014 kita telah mensasarkan 5 bidang utama supaya koperasi ini terlibat secara langsung dengan bimbingan dan juga sokongan daripada agensi-agensi kerajaan sama ada agensi di peringkat pusat atau pun agensi di peringkat negeri. Sektor yang pertama ialah kita berikan fokus kepada aktiviti pemborongan dan juga peruncitan. Sektor pemborongan dan peruncitan dikenal pasti kerana ia mampu memberi sumbangan yang signifikan terutama kepada perolehan koperasi itu sendiri.

Yang kedua boleh memberikan harga barang yang lebih kompetitif kepada anggota-anggota koperasi. Oleh yang demikian kita telah mengadakan bengkel yang menghimpunkan koperasi-koperasi yang terlibat dalam bidang peruncitan dan di Johor ini ada 22 koperasi, ada 273 kedai runcit dan pasar mini yang diusahakan oleh koperasi. Dan daripada 273 ini ada 22 koperasi telah terlibat menyertai bengkel ataupun menyertai program pemodenan kedai runcit ataupun disebut sebagai TUKAR yang mana pada tahun lepas *turn over* sebanyak RM5.3 juta. Kita telah mengadakan dengan izin ..... *workshop* peruncitan yang dikelolakan oleh SKM dan juga Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar bagi membantu supaya

koperasi-koperasi, sebanyak 22 koperasi ini untuk terlibat secara lebih dalam, dalam perniagaan peruncitan yang melibatkan soal pembekalan pemborongan, pengangkutan dan juga lain-lain.

Jadi kita harapkan dengan panduan dan sokongan daripada agensi kerajaan ini mereka akan dapat melebar luaskan lagi kedai-kedai runcit koperasi ini untuk membantu ke arah mengatasi kos sara hidup. Dalam masa yang sama juga kita cadang untuk menggabungkan sebahagian daripada koperasi ini juga dan menggalakkan lebih ramai masyarakat menganggotai gabungan koperasi peruncitan ataupun kedai runcit ini supaya lebih ramai orang akan dapat membeli dan menyokong ke arah kejayaan kedai runcit koperasi ini.

Fokus kita berikan di Daerah Johor Bahru. Aktiviti yang kedua yang kita beri fokus ialah aktiviti pertanian. Gerakan koperasi di Negeri Johor mempunyai tanah seluas lebih 11,300 ekar yang mana 90% daripada keluasan ini merupakan ladang kelapa sawit. Pada tahun 2013, koperasi yang terlibat dalam pertanian yang khusus seperti kelapa sawit telah mencatat perolehan berjumlah RM89.6 juta. Oleh yang demikian, kita juga telah mengadakan bengkel bagi memandu atau membantu koperasi-koperasi ini dari segi rantai nilai yang ada dalam aktiviti pertanian ini termasuklah juga soal-soal yang berkaitan dengan perniagaan dari segi input pertanian, nurseri kelapa sawit, baja, pengangkutan dan sebagainya.

Dengan keluasan tanah milik koperasi melebihi 11,300 ekar termasuk juga tanah-tanah milik ahli koperasi, kita harap perniagaan dalam, ataupun aktiviti dalam bidang pertanian ini akan dapat meningkatkan lagi apa nama itu, komitmen koperasi dan seterusnya meningkatkan pendapatan koperasi tersebut.

Aktiviti ketiga yang kita fokus adalah aktiviti penternakan ayam. Pada masa ini kita ada dua projek ternakan ayam yang dijalankan oleh koperasi iaitu satu di Daerah Mersing, satu lagi di Kota Tinggi. Projek ternakan ayam ini mendapat sokongan daripada agensi-agensi di bawah Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, RISDA dan lain-lain termasuklah juga daripada PPNJ – Pertubuhan Peladang Negeri Johor. Ini juga dilaksanakan dengan konteks gabungan atau pun koperasi sekunder yang mana projek ternakan air di Mersing, 8 buah koperasi telah bergabung yang mana projek ini diketuai oleh Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan iaitu KOPRIS, yang mana projek ini telah bermula pada Oktober 2012, yang mana setahun mereka boleh mengeluarkan 6 kali pusingan pengeluaran ayam, satu pusingan sebanyak 30,000 ekor.

Satu lagi projek ialah di Kota Tinggi iaitu, oleh Koperasi Kampung Mawai Baru Berhad, yang mana mereka juga mengeluarkan 6 kali pusingan ayam, yang mana satu pusingan sebanyak 40,000 ekor. *So*, setahun mereka mengeluarkan sebanyak 240,000 ekor ayam dan ini dapat membantu juga dari segi menjadikan Johor ini sebagai negeri pengeluar makanan khususnya dalam bidang ayam daging.

Seterusnya yang keempat, fokus dalam aktiviti perniagaan pajak gadai Islam ataupun Ar-Rahnu. Perniagaan Ar-Rahnu ini merupakan satu perniagaan yang mempunyai potensi yang baik yang mana perniagaan Ar-Rahnu di Johor dipelopori oleh Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor. Pada tahun 2013 mereka telah dapat *turnover* sebanyak RM35 juta, pinjaman yang dikeluarkan dengan pendapatan sebanyak RM450,000.00 dan hari "KPMJ" telah ada 3 cawangan Ar-Rahnu dan 1, insya-Allah akan dilakukan di Singapura yang mana mereka telah mengadakan MOU dengan Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Singapura.

Aktiviti kelima yang kita berikan fokus ialah dari segi sudut pelancongan. Pelancongan terbahagi kepada 3 :

1. *Homestay* atau inap desa

2. Perhotelan

Dan

3. Sebagai agen pelancongan

Dalam bidang *homestay* kita ada Koperasi *Homestay* Parit Bugis, Muar. Mereka ada hari ini menerima kunjungan antara 50 ke 80 orang pelancong daripada luar negara dalam seminggu, yang mana dalam konteks *homestay* atau inap desa ini mereka juga menyediakan program-program pertunjukan kebudayaan, penyediaan makanan, pengangkutan, cenderamata dan sebagainya. Perhotelan Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad sedang menyiapkan sebuah hotel yang mengandungi 48 bilik di Jalan Skudai, yang mana mereka juga ada perancangan untuk membina hotel 10 tingkat bertaraf 3 bintang yang mempunyai 130 bilik...

Satu lagi ialah dalam bidang agen pelancongan, Koperasi Permodalan Melayu Johor Berhad juga terlibat dalam bidang agensi pelancongan melalui anak syarikat dia iaitu Executive Travel & Tours Sdn. Bhd. yang mana milik penuh koperasi dengan tahun lepas mereka mendapat *turnover* sebanyak RM6,024,140.00. Kita harap pada tahun 2014 ini, kita dapat fokuskan pada kelima-lima bidang ini yang mana koperasi ini tak boleh dibiarkan mereka bergerak sendiri kerana mereka perlukan sokongan dan kita harapkan dengan bantuan daripada agensi-agensi Kerajaan negeri dan Pusat, mereka akan dapat berkembang lebih besar lagi.

YB Datuk Speaker : Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah dari kerajaan untuk melindungi pelabur koperasi-koperasi ini? Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jelas ke tidak? Boleh ulang apa Yong Peng? Yang Berhormat Yong Peng?

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Ok. Apakah langkah-langkah dari kerajaan untuk melindungi pelabur koperasi-koperasi ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, koperasi-koperasi terikat dengan peraturan-peraturan di dalam koperasi tersebut dan juga mereka terikat dengan di bawah Enakmen Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kita tak dapat nafikan bahawa ada setengah-setengah koperasi seperti yang saya katakan tadi berlaku penyelewengan dan sebagainya tetapi di peringkat Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari semasa ke semasa sentiasa memberikan perhatian pada gerakan koperasi ini, pemantauan. Sebab itu kita juga menggalakkan kepada anggota koperasi ini sekiranya berlaku apa-apa tindakan yang mungkin di luar kawalan ataupun ada kompelin dan sebagainya boleh mengadu atau pun buat laporan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Jorak.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2.

Penempatan dan penginapan pekerja asing telah menimbulkan masalah sosial, mereka tinggal di kongsi dan *hostel* yang sesak. Merbahaya di segi keselamatan dan kesihatan. Apakah dasar kerajaan dalam perkara ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jorak, saya maklumkan bahawa di dalam menggaji pekerja asing, majikan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal yang bersesuaian bagi memudahkan majikan mengawal dan memantau pekerja asing mereka. Ini adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya masalah perburuhan, sosial dan jenayah. Rata-ratanya majikan ada menyediakan tempat tinggal atau penginapan bagi pekerja asing mereka. Walau bagaimanapun, didapati ada majikan yang menyediakan penginapan yang tidak sesuai dan sesak dan ini telah menimbulkan rasa tidak selamat dan juga tidak selesa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pekerja asing yang bekerja di ladang-ladang, majikan sama ada majikan langsung atau kontraktor, perlu menyediakan penginapan percuma yang sesuai berpandukan kepada peruntukan Akta 446, iaitu Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990. Akta 446 ini adalah terpakai ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Manakala bagi lain-lain sektor pekerjaan,

penyediaan kemudahan penginapan adalah atas budi bicara majikan berkenaan. Sikap sambil lewa majikan dalam menyediakan penginapan telah menyebabkan terdapat beberapa pekerja asing yang bersesak dalam sebuah rumah ataupun bilik. Malah terdapat juga majikan yang hanya menyediakan sebuah katil untuk diguna secara bergilir-gilir antara pekerja syif siang dan juga syif malam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita tahu dan kita memahami bahawa keadaan ini telah pun menimbulkan suasana yang tidak sihat dan harmoni dan juga boleh menyebabkan berlakunya pergaduhan antara pekerja yang terlibat. Selain itu, keadaan ini telah menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja apabila mereka hadir bekerja dan juga kurangnya rehat dan juga penginapan yang kotor. Setakat hari ini kerajaan tidak mempunyai dasar yang memperincikan jenis penginapan, bilangan pekerja yang boleh ditempatkan di dalam sesebuah rumah atau bilik dan juga keluasan rumah bagi seseorang pekerja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan telah mengeluarkan satu garis panduan yang dinamakan sebagai Garis Panduan Penempatan Pekerja Asing Iskandar Malaysia 2008. Garis panduan ini digunakan sebagai rujukan, penyediaan penempatan pekerja asing secara kekal dan berpusat bagi semua Pihak Berkuasa tempatan di Iskandar Malaysia. Objektif pewujudan garis panduan ini adalah bagi memastikan penempatan yang dibangunkan ditempatkan di lokasi yang sesuai dan strategik. Selain itu, ia merupakan piawaian minimum yang perlu dipatuhi oleh pihak yang berminat untuk membangunkan penempatan pekerja asing. Sehingga kini terdapat beberapa buah pusat penempatan pekerja pihak swasta yang telah beroperasi khususnya seperti di kawasan Skudai, Senai, Pasir Gudang, Tebrau, Desa Cemerlang dan Kulaijaya yang mematuhi garis panduan ini dan telah menawarkan perkhidmatan penempatan pekerja kepada majikan-majikan yang memerlukan.

YB Datuk Speaker : Jemput Jorak.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Kita tahu bahawa penempatan pekerja asing ini:

1. Ketidakselesaan tempat tinggal mereka ini.

2. Soal kacau ganggu kepada penduduk tempatan.

Jadi, apa yang saya nak tanya ialah, setiap kilang yang memohon untuk pekerja asing ini :

1. Mereka memohon bilangan yang mereka inginkan.

2. Juga dalam permohonan itu mesti menjadi kewajiban bagi pihak kilang memberitahu pihak berkuasa di mana mereka hendak ditempatkan. Hanya jika kalau betul-betul pihak berkuasa berpuas hati bahawa mereka akan ditempatkan di suatu tempat dalam kawasan mereka yang digazetkan untuk penempatan pekerja asing, barulah mereka dibenarkan untuk membawa pekerja asing ini ke dalam negara.

Adakah ini menjadi amalan kita, mengikut garis panduan yang telah diberikan tadi? Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucap terima kasih di atas soalan tambahan. Sebenarnya kalau kita lihat agensi yang berkaitan yang sebenarnya menguruskan isu tersebut ialah Kementerian Dalam Negeri menerusi Jabatan Imigresen yang bertanggungjawab dalam urusan pengambilan pekerja asing dan ini juga meliputi urusan kemasukan dan balik pekerja asing tersebut dan memang pekerja asing hanya boleh bekerja dengan majikan yang telah diberi kelulusan yang mana maklumat majikan ini tercatat dalam permit kerja pekerja berkenaan. Memandangkan pekerja asing ini digajikan untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun, memang telah pun dinyatakan bahawa di manakah mereka akan duduk dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kebanyakan majikan apabila telah mendapat kelulusan mereka sebenarnya tidak menempatkan pekerja seperti di kawasan-kawasan yang telah pun dinyatakan dalam permohonan mereka. Dan ini yang menyebabkan agensi-agensi yang berkenaan termasuk Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Imigresen, PDRM, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat dari semasa ke semasa membuat operasi bersepadu dan juga operasi selaras dengan akta-akta yang diperuntukkan di Jabatan masing-masing untuk meninjau dan juga melihat keadaan dan juga sama ada tempat-tempat tinggal ini sesuai ataupun tidak dan sekiranya tidak, maka tindakan-tindakan diambil selaras dengan akta-akta yang termaktub dalam agensi-agensi yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, setakat hari ini kita belum ada satu garis panduan yang jelas berkenaan dengan isu-isu penempatan pekerja ini dan seperti yang telah pun saya nyatakan tadi. Kita mempunyai garis panduan hanya di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar dan daripada tinjauan kita, selepas terdapatnya garis panduan tersebut kita mendapati isu-isu pekerja asing dan juga permasalahan-permasalahan yang ditimbulkan khususnya di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar telah pun dikurangkan dan mengambil hakikat tersebut, maka kita mungkin dalam perancangan dalam masa-masa akan datang supaya garis panduan irii diperluaskan di luar kawasan Wilayah

Pembangunan Iskandar termasuk di seluruh kawasan Negeri Johor. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Serom.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 3.

Apakah perancangan kepada pembangunan masa hadapan padang sasar di Padang Tembak Telok Rimba Mukim Kundang supaya ianya dapat digunakan sebagai lapangan sasar latihan peringkat Negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat ADUN Serom iaitu berkenaan lapangan sasar padang tembak untuk Telok Rimba. Buat masa ini pihak Majlis Sukan Negeri Johor tidak mempunyai perancangan yang khusus untuk menjadikan Padang Tembak Telok Rimba sebagai pusat latihan peringkat Negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Serom, ini bukan soal kita untuk memilih kasih atau menidakkan kewujudan lokasi lapangan tersebut yang seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ADUN Serom tetapi ianya berdasarkan beberapa faktor

1. Tanah ini dimiliki oleh Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

2. Maklumat yang saya perolehi daripada Pejabat Daerah Ledang iaitu Pejabat Daerah telah mencadangkan kepada Kerajaan negeri untuk membina rumah mampu milik di lokasi tersebut.

3. Pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah memiliki Lapangan Sasar Tanjung Laboh, Batu Pahat sebagai pusat latihan peringkat negeri terutamanya ketika kita menghadapi kejohanan menembak termasuk SUKMA yang baru berlangsung kerana ianya lebih sesuai. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Bagus eh, Yang Berhormat Tiram.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 4.

Apa status projek rumah murah terbengkalai di Taman Mount Austin. Bila akan dipulihkan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker bagi menjawab YB daripada Tiram tentang status

projek rumah murah terbengkalai Taman Mount Austin, bilakah akan dipulihkan?

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk pengetahuan sidang hadirin di Dewan yang mulia ini, Projek Perumahan Rumah Murah Taman Mount Austin ini telah diisytiharkan terbengkalai pada 16 Mac 2012. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi Jabatan Perumahan Negara telah merangka pelan pemulihan projek bagi projek ini. Kerajaan negeri juga telah bersetuju untuk menyumbang dana sebanyak RM5.5 juta untuk membantu Jabatan Perumahan Negara bagi memulihkan projek tersebut. Walau bagaimanapun, pada Ogos 2013, pemaju asal iaitu Konsan Enterprise Sdn. Bhd. telah berjaya mengetepikan arahan pergulungan yang dikenakan terhadapnya sekali gus menyebabkan pelan pemulihan masih belum dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh itu pada bulan Mac 2014 saya bersama pihak Jabatan Perumahan Negara, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN), SUK Bahagian Perumahan dan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan telah mengadakan satu rundingan dengan pemaju agar projek rumah murah ini dapat diteruskan dan dipulihkan memandangkan projek tersebut telah mempunyai pembeli. Pihak pemaju akur untuk menyediakan satu pelan tindakan bagi memulihkan projek terbengkalai tersebut. Dari sejumlah 911 unit yang merangkumi 10 blok yang sepatutnya dibina, sebanyak 126 unit iaitu satu blok telah siap dibina dan 80% telah didiami oleh pembeli. Selain dari itu, sebanyak 92 unit 1 blok akan disiapkan sebelum 30 Oktober 2014. Manakala 73 unit 1 blok akan disiapkan sebelum 30 April 2015. 110 unit 1 blok akan disiapkan sebelum 30 Disember 2015, 92 unit 1 blok akan disiapkan sebelum 30 Mac 2016 dan baki 418 unit 2 blok dijangka akan disiapkan dibina sebelum 30 Disember 2016.

Sidang Dewan yang mulia ini, anggaran kos bagi memulihkan projek terbengkalai di Mount Austin ini dijangka menelan belanja RM8.5 juta melibatkan 911 unit. Daripada jumlah 911 unit tersebut, sebanyak 619 unit telah mempunyai pembeli dan telah menandatangani perjanjian jual beli dengan harga RM50,000.00 seunit. Sememangnya Kerajaan negeri memandang serius terhadap mana-mana projek pembinaan rumah kos rendah yang terbengkalai di Negeri Johor. Bagi projek rumah murah di Taman Mount Austin ini, satu perjanjian aku janji yang akan ditandatangani antara pihak kerajaan dan pemaju bagi memastikan projek ini dapat dipulihkan dan tidak diabaikan begitu sahaja. Sekiranya pihak pemaju gagal untuk memulihkan projek ini, Kerajaan negeri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atasnya.

Untuk pengetahuan tambahan, saya telah berjumpa dengan pihak *owner* Kong Sun dan dia berjanji untuk menyiapkan berdasarkan aset-aset yang dimiliki. Syarikat ini mempunyai satu pasar raya yang mempunyai pendapatan RM700,000.00 sebulan dan dijanjikan sebanyak pendapatan yang ada untuk

menyiapkan baki-baki projek yang telah dijanjikan berdasarkan laporan progres perjanjian baru yang akan ditandatangani.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, tadi saya dah mendengar jawapan daripada Pengerusi mengenai dengan cadangan progres, tapi memanglah saya pergi minggu lepas, tidak ada langsung kerja-kerja ataupun permulaan kerja dan berlaku *vandalisme* kepada blok-blok yang hampir siap dan juga ada, juga pembeli yang berjumpa dengan saya. Walaupun belum siap, dia kata nak masuk juga. Kerana apa, maklumlah dia dah kena bayar *interest* bank dan sebagainya. Jadi, kalaulah pemaju yang ada ini masih gagal lagi untuk laksanakan proses pemulihan ini, apa agaknya tindakan tegas daripada pihak kerajaan yang boleh lakukan yang dalam tempoh secepat mungkin bagi membantu pembeli-pembeli yang telah pun membeli unit-unit tersebut, Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Pada Yang Berhormat dari Tiram, kita memang satu peringkat, kita memang nak mengambil tindakan yang agak tegas juga dalam menangani projek ini dan apa yang kita, berdasarkan janji daripada pihak pemaju dan ikatan janji baru yang dikeluarkan sekiranya pemaju masih gagal untuk memulihkan projek rumah murah di Taman Mount Austin itu, kerajaan bagi, melalui peruntukan undang-undang yang dibenarkan akan mengambil tindakan denda sebanyak RM40,000.00 seunit bagi jumlah unit yang gagal dipulihkan dan akan meminta pemaju menyerahkan tanah kepada Kerajaan negeri. Wang tersebut akan dimasukkan ke dalam Tabung Perumahan Negeri Johor dan Kerajaan negeri akan mengambil alih pembinaan baki unit yang tidak dapat dipulihkan di atas tanah yang telah diserahkan oleh pihak pemaju tersebut. Sebab itulah ikatan serah hak perlu kita tandatangani dan pihak pemaju bersedia untuk menandatangani untuk kita memudahkan kerana sebelum ini terdapat tindakan undang-undang telah dibuat tetapi pihak pemaju telah dapat menggagalkan tindakan undang-undang tersebut. Jadi kaedah yang kita lakukan ini adalah kaedah yang secara kita mengetahui apa yang berlaku sebenarnya di kawasan tersebut dan kita dapat menangani masalah tersebut berdasarkan perjanjian yang tidak boleh melepaskan ikatan pihak pemaju itu sendiri.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada YB EXCO untuk jawapan dia. Soalan tambahan

saya Yang Berhormat EXCO, pemaju ini Kong Sun Enterprise memang mempunyai satu reputasi yang tidak begitu bagus. Selain daripada projek di Mount Austin, syarikat ini atau syarikat berkaitannya juga terlibat dengan beberapa lagi projek rumah terbengkalai di Kulai dan juga di Permas Jaya selepas Jambatan Permas Jaya. Dulu dia ada satu projek, so, saya cukup khuatir kalau kerajaan memberi peluang lagi kepada pemaju seperti ini. So soalan saya, soalan tambahan saya Yang Berhormat Datuk EXCO, adakah Kong Sun Enterprise ini telah di senarai hitam untuk projek-projek lain dan atau syarikat-syarikat yang berkaitannya.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat tak boleh soal yang lain, dan ini Mount Austin.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Bukan, yang syarikat pemaju ini. Sebab dia ada kesan kepada semua projek sebab syarikat ini memang terlibat dengan banyak projek. So, nampaknya dia, situasi sekarang ini memang dia tidak ada keupayaan lagi pun dia membengkalaikan projek di Taman Mount Austin, mengapa kerajaan tidak disenaraihitamkan dia atau saman senarai hitam atau terus dia kasi dia *chance* lagi, peluang untuk habiskan projek di Mount Austin.

YB Datuk Speaker : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat, saya sedia menjawab soalan ini. Memang kita sekarang ini pihak Kerajaan negeri telah menyenaraihitamkan projek, mana-mana projek Kong Sun yang dilaksanakan syarikat-syarikat bernama Kong Sun ataupun di mana-mana syarikat yang kita dapati Ahli Lembaga Pengarahnya terlibat dalam mana-mana syarikat. Sebab itu tiada isu kita cuba membantu syarikat ini, cuma dalam kaedah penyelesaian di projek Mount Austin ini sendiri kerana kita cuba mengikat berdasarkan tindakan undang-undang. Tapi untuk projek-projek baru tiada lagi kebenaran yang kita benarkan terutama dalam Pihak Berkuasa Tempatan. Di mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor. Kita telah *blacklist company* ini. Dan saya rasa tidak timbullah dan kita pun mengharapkan daripada pihak Dewan ini boleh mengemukakan kalau mereka menggunakan proksi kepada syarikat ini. Maknanya dia mempunyai proksi lain. Yalah kita tahu dalam perniagaan ini mungkin tidak boleh melakukan perniagaan tapi menggunakan proksi lain boleh memaklumkan kita untuk kita pastikan Pihak Berkuasa Tempatan menyenaraihitamkan terus jadi kita dapati syarikat ini mempunyai aset yang besar. Jadi sekurang-kurangnya dengan kaedah yang kita buat ini syarikat ini dia ingin membangun balik tapi dengan kaedah tindakan ikatan serah hak itu kita boleh mengenakan tindakan undang-undang yang lebih tegas dan kita tak nak berulang, kita menggunakan undang-undang oleh pihak Kementerian tetapi pihak pemaju telah dapat melepaskan ikatan daripada tindakan undang-undang tersebut. Dan inilah kaedah yang kita laksanakan dan kita akan laksanakan untuk projek Mount Austin ini untuk disiapkan berdasarkan aku janji yang terbaru pada tahun

2016 dan kita harapkan benda ini dapat terlaksana dengan tindakan undang-undang yang tegas daripada pihak Kerajaan negeri.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Encik Chen kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Memandangkan Kuil Kaca di Johor Bahru merupakan kuil kaca pertama di dunia dan berpotensi menjadi daya tarikan pelancong, bolehkah Kerajaan memuatkan pengenalan kuil dalam buku panduan pelancongan serta mendirikan papan tanda berwarna coklat (tempat pelancongan) di jalan masuk kuil?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Datuk Speaker, kita semua sudah sedia maklum bahawa Kuil Kaca adalah antara salah satu produk pelancongan yang utama di Negeri Johor dengan keunikan dan kelebihan sebagai Kuil Kaca yang pertama di dunia. Pastinya produk pelancongan ini telah dimasukkan di dalam setiap bahan-bahan promosi yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor melalui cetakan dan hebahan risalah-risalah pelancongan, buku panduan pelancongan, laman web pelancongan Negeri Johor, dokumentasi dan sebagainya. Sebagai contoh, buku panduan atau promosi pelancongan yang ada pada tangan saya sekarang ini telah memasukkan Kuil Kaca sebagai tarikan pelancongan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk maklumat Yang Berhormat Datuk Speaker serta Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, pada bulan Mac 2014 yang lepas, baru-baru ini saya telah mengikuti program promosi di India yang telah dianjurkan oleh pihak Tourism Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dengan sambutan yang menggalakkan daripada agensi-agensi pelancongan di sana. Kita telah melihat bahawa Kuil Kaca ini adalah antara produk yang menarik dan boleh diketengahkan dalam menarik pasaran pelancong dari dalam dan luar negara terutamanya di Negara India. Berkaitan permohonan pemasangan papan tanda pelancongan berwarna coklat di jalan masuk ke Kuil Kaca yang tersebut, pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan menyelaraskan bersama pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru dan pihak IRDA memandangkan kawasan Kuil Kaca ini telah termasuk di dalam Projek Pembangunan *Johor Bahru City Centre*, JBCC dengan izin.

YB Datuk Speaker : Jemput, Yang Berhormat Stulang.

YB Encik Chen kah Eng (Stulang) : Terima kasih jawapan yang diberikan. Saya mengalu-alukan inisiatif dan langkah yang akan dijalankan. Di sini saya ada satu soalan tambahan lagi berkenaan dengan tempat jalan masuk dan tempat *parking* Kuil Kaca tersebut. Bahawa tanah tersebut adalah milik tanah

Iskandar jadi adakah pihak Kerajaan negeri bercadang akan menggazetkan tanah tersebut ataupun menjamin tidak ada sebarang pembangunan lain kerana sekiranya ada pembangunan lain di kawasan tersebut yang akan mengongkong perkembangan tersebut sebagai tempat pelancongan. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Yang Berhormat Datuk Speaker, Kuil Kaca adalah satu rumah ibadat yang telah lama berada di tapak sedia ada dan di sekeliingnya oleh tapak-tapak berhak milik. Sekarang Kuil Kaca ini juga telah menjadi tarikan pelancongan dan dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara. Ini adalah satu perkembangan yang baik bagi industri pelancongan di Negeri Johor. Pada masa ini, perancangan bagi projek pembersihan Sungai Segget telah pun berada di peringkat akhir dan kerja-kerja fizikal akan dimulakan mengikut jadual yang telah dirancang. Projek ini telah pun mengambil kira aset jalan ke tapak kuil bagi memastikan pengunjung tidak terhalang untuk ke tapak kuil, malah projek ini akan memberikan aset yang lebih baik dari apa yang ada sekarang ini. Walau bagaimanapun, seperti mana rumah-rumah ibadat yang dibina di kawasan yang berada di kawasan pembangunan, tapak bagi tempat meletakkan kenderaan sememangnya terhad. Ia juga dihadapi oleh rumah-rumah ibadat yang juga menjadi tarikan pelancong seperti yang kita lihat di Jalan Trus, pihak pengurusan kuil telah bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan memastikan kenderaan dan bas yang melawat ke kuil dapat menurunkan penumpang dan meletakkan kenderaan mereka tidak jauh dari tapak kuil.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh, sila.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh): Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Datuk EXCO untuk jawapan yang jelas. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah pelancong asing dan penganut agama Hindu yang telah berkunjung ke Kuil Kaca dari tahun 2012 sehingga kini. Dan apakah kadar bayaran jika ada untuk masuk ke Kuil Kaca tersebut?.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk

makluman Dewan yang mulia ini, pihak pengurusan Kuil Kaca telah memaklumkan bahawa jumlah pelancong asing yang berkunjung ke Kuil Kaca pada tahun 2012 adalah seramai 3,115 orang. Manakala jumlah pada tahun 2013 adalah seramai 3,580 orang. Setakat bulan Mei tahun ini, jumlah pelancong asing adalah seramai 1,414 orang. Jabatan Pelancongan Negeri Johor juga dimaklumkan bahawa pelancong asing yang berkunjung ke kuil ini kebanyakannya adalah dari negara Jepun, China dan Hong Kong. Mengenai kadar bayaran untuk masuk ke Kuil Kaca, pihak pengurusan Kuil Kaca hanya mengenakan caj bayaran bagi pelancong bukan Hindu. Caj bayaran sebanyak RM10.00 dikenakan ke atas pelancong dewasa dan RM5.00 untuk kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun. Bagi jumlah pelancong asing beragama Hindu dan penganut Hindu tempatan, kemasukan adalah percuma. Jumlah anggaran bagi golongan ini adalah dicatatkan seramai 10,000 orang pada tahun 2012, 15,000 orang pada tahun 2013 dan 9,000 setakat bulan Mei tahun ini. Pihak Kuil Kaca juga memaklumkan bahawa masa kunjungan pelancong asing adalah dibuka dari 2.00 petang hingga 6.00 petang setiap hari.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Nusajaya, jemput.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Soalan saya soalan nombor 6.

Dalam isu Orang Asli di Kampung Simpang Arang, Gelang Patah, apakah tindakan JKOA bagi memantau aktiviti agama, kebudayaan, punca pendapatan dan pendidikan serta bagaimanakah langkah kerajaan negeri untuk memastikan Orang Asli ini tidak terpinggir daripada arus pembangunan terutama kediaman yang tersusun dan pekerjaan yang menjamin masa depan mereka?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat ADUN Nusajaya kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Simpang Arang, Gelang Patah.

Usaha kerajaan dalam membantu masyarakat ini sebenarnya sentiasa akan berterusan dari masa ke semasa. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, masyarakat Orang Asli yang tinggal di Kampung Simpang Arang, Gelang Patah merupakan Orang Asli keturunan etnik Orang Seletar. Jika dibandingkan dengan bilangan penduduk yang tinggal di kampung ini dahulu, bilangan mereka pada masa ini sudah tentu semakin ramai dan mengikut rekod JKOA, bilangan mereka kini mencecah kepada 636 orang dengan bilangan keluarga seramai 140 keluarga.

Dari segi aktiviti keagamaan, Jabatan Agama Islam Johor sentiasa menganjurkan aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan di kampung ini. Malah Jabatan Kemajuan Islam ataupun JAKIM telah meletakkan seorang penggerak masyarakat di kampung ini yang antara tugasnya ialah bertanggungjawab

melaksanakan aktiviti kerohanian dan sebagainya. Dalam hal budaya, di kalangan etnik Orang Seletar secara umumnya mereka masih boleh dikatakan tebal akan jati dirinya, dan jati diri inilah yang boleh dijadikan sebagai tembok penahan unsur-unsur negatif dari menyerap ke dalam budaya mereka. Sebagai contoh, sehingga kini mereka masih mengamalkan budaya dan adat resam keturunan mereka serta berkomunikasi menggunakan Bahasa Seletar di kalangan mereka dalam semua peringkat usia.

Secara tradisinya mereka yang tinggal di kampung ini bekerja sebagai nelayan tradisional. Namun hasil dari pembangunan dan perubahan masa yang agak pantas, ada di kalangan mereka yang mula bekerja di sektor perkilangan, perkhidmatan dan juga kakitangan kerajaan. Walaupun bilangan yang bekerja dalam bidang tersebut tidak begitu ramai, namun perubahan sikap dalam bidang pekerjaan bergantung hidup sepenuhnya sebagai nelayan tradisional mula berkurangan. Sebagai contoh bagi memberi kemahiran dalam sektor pembinaan, sehingga kini CIDB ataupun Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah melatih seramai 73 orang belia dari kampung ini dan golongan muda juga digalakkan mengikuti program latihan kerjaya dan kemahiran serta diberikan peluang mencari pekerjaan melalui Program Azam Kerja anjuran *Jobs Malaysia*.

Dalam bidang pendidikan, peluang sewajarnya juga diberikan kepada mereka. Bantuan pendidikan ini diberi kepada setiap anak-anak mereka tanpa mengira pendapatan keluarga. Dan untuk bantuan alat tulis anak-anak mereka yang bersekolah di peringkat sekolah rendah, mereka menerima sebanyak RM80.00 dan bagi untuk setahun permulaan persekolahan dan bagi pelajar sekolah menengah pula menerima RM120.00 dan bagi mereka yang tinggal di asrama dibantu sebanyak RM300.00. Dan kemudahan pengangkutan disediakan secara percuma untuk membawa anak-anak mereka ke sekolah yang berhampiran. Dan bagi anak-anak Orang Asli yang belajar di sekolah rendah dan mereka yang berada di Tingkatan Satu sekolah menengah, mereka akan diberi bantuan melalui Skim Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar ataupun KWAM. Dan untuk anak-anak Orang Asli yang melanjutkan pelajaran di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam, bantuan berupa biasiswa diberikan kepada mereka. Bukan sahaja pendidikan malah mereka juga menerima rawatan perubatan di hospital kerajaan yang diberikan rawatan secara percuma dan bantuan kebajikan kepada keluarga pesakit juga kita sediakan mengikut keperluan semasa. Bagi yang memerlukan bantuan alat sokongan juga disediakan seperti kerusi roda, gantian kanta mata dan sebagainya. Dan bantuan pengangkutan pesakit ke tempat yang tidak ada disediakan kemudahan ambulans juga disediakan oleh pihak jabatan.

Menyentuh bantuan rumah kediaman bagi etnik Orang Seletar di Kampung Simpang Arang, untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2006 sehingga kini, kerajaan melalui JAKOA telah membina rumah melalui Projek Bantuan Rumah ataupun PBR sebanyak 57 buah dan bantuan sedemikian akan diteruskan dari masa ke semasa mengikut keperluan semasa di kampung

tersebut. Dan dari segi infrastruktur dan juga kemudahan awam, boleh dikatakan bahawa Kampung Simpang Arang ini sudah menerima kemudahan-kemudahannya dan sehingga kini kemudahan perhubungan yang ada seperti jalan, kemudahan air bersih, kemudahan bekalan elektrik, surau, tabika, pusat tarbiah, sekolah agama, padang bola sepak, gelanggang futsal, pondok RELA dan juga jeti nelayan.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Nusajaya, jemput. Dia nak menyoal ni jangan teragak-agak ya, bangun aje.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat EXCO di atas jawapan berkenaan yang panjang lebar. Cuma soalan tambahan, adakah program atau aktiviti ekonomi khusus di kawasan setempat mereka untuk menambahkan pendapatan mereka?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih DUN Nusajaya. Sebenarnya untuk makluman bahawa pada masa kini kita juga telah memberikan bantuan kepada usahawan di Kampung Simpang Arang iaitu mereka menjalankan Projek Ikan Masin. Dan yang keduanya, kita juga menjalankan projek ekonomi iaitu tanaman limau nipis di kampung berkenaan untuk pendapatan penduduk-penduduk di kampung tersebut.

YB Datuk Speaker : Ya, Yong Peng lagi, jemput, jemputlah.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Ya, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat EXCO, mengikut definisi konsep *homestay* adalah membolehkan pelancong-pelancong asing atau pelancong tempatan untuk memahami dan belajar adat resam, kebudayaan dan cara hidup penduduk tempatan. Sejauh mana kerajaan menolong Orang Asli di negeri Johor dalam bidang ini yang boleh menambah pendapatan mereka?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat, sebenarnya soalan ini keluar daripada soalan asal tetapi..

YB Datuk Speaker : Kalau keluar tak boleh jawab.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Ok. Sebenarnya dari segi untuk menggalakkan mereka untuk menjalankan projek ini juga, dari semasa ke semasa, pihak jabatan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli akan memberikan bimbingan kepada masyarakat Orang Asli di seluruh Negeri Johor sebanyak 62 buah kampung ini untuk menjalankan program, menggalakkan untuk menubuhkan *homestay* di kawasan masing-masing.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Puteri Wangsa, jemput.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Mohon penjelasan berkenaan bilakah Masjid Taman Puteri Wangsa akan digunakan untuk solat Jumaat. Apakah status solat Jumaat di 2 surau iaitu Surau Az-Zakirin Jalan Lading dan Surau As Salam Jalan Badik sekiranya Masjid Baharu berjalan aktiviti solat Jumaat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa, Masjid Taman Puteri Wangsa dibina di atas tanah PTD 69320 Mukim Tebrau, Johor Bahru, Johor dengan kos RM1,770,117.00 telah dilaksanakan pembinaan oleh Johor Corporation, di mana tarikh mula kontraknya ialah pada 4 Februari 2013 dan telah disiapkan pada 3 Februari 2014. Setelah siap pembinaan masjid dan surau di negeri Johor, ianya hendaklah dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa, daripada Jabatan Mufti Negeri Johor. Begitu juga tauliah untuk mendirikan solat fardu Jumaat hendaklah juga merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa, yang mana permohonan ini hendaklah dilakukan sendiri oleh ahli Qariah, setelah mereka menubuhkan Jawatankuasa Masjid dan juga telah melantik pegawai-pegawai masjid. Permohonan ini hendaklah disalurkan kepada Pejabat Kadi Daerah mengikut keperluan mereka. Ini tertakluk sebagaimana Seksyen 98 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 dan juga Panduan Pentadbiran dan Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Johor. Dan di dalam rekod Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Johor, pihak kami tidak menerima sebarang permohonan untuk tauliah mendirikan solat Fardu Jumaat daripada ahli Qariah. Justeru itu, masjid tersebut masih belum ada tarikh untuk diberikan kebenaran untuk mendirikan solat Fardu Jumaat.

Kebenaran mendirikan solat Fardu Jumaat bagi Surau As-Syakirin dan juga Surau As-Salam yang berhampiran yang berada di dalam Taman Puteri Wangsa, Surau As-Syakirin di Jalan Lading dan juga Surau As Salam di Jalan Badik adalah tauliah yang bersifat sementara dan akan ditarik semula bagi tujuan pengimarahan masjid baharu tersebut setelah tauliah ataupun kebenaran mendirikan solat Fardu Jumaat telah diperolehi daripada Jawatankuasa Fatwa, Jabatan Mufti Johor. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Jemput YB.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih di atas jawapan YB EXCO Agama. Saya difahamkan ada sedikit perbincangan di kalangan penduduk-penduduk kawasan berhampiran. Jadi di antara lain surau yang paling hampir dengan masjid baharu itu ialah Surau As-Syakirin, Jalan Lading. Ada pun Surau As-Salam di Jalan Badik agak jauh daripada masjid baharu tersebut. Kedua-dua surau ini difahamkan masih berhasrat, kalau dapat diteruskan solat Fardu Jumaat memandangkan jumlah

penduduk yang ramai . Walau bagaimanapun, kalau kita lihat Surau As-Salam di Jalan Badik itu agak jauh daripada masjid baharu, barang kali lebih munasabah untuk sekiranya dibenarkan untuk meneruskan solat Fardu Jumaat. Jadi barang kali ada respons daripada Ahli Yang Berhormat EXCO Agama dalam perkara ini, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor : Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih juga kepada Puteri Wangsa di atas soalan tambahan tadi. Seperti yang sama maklumkan tadi bahawa yang berkaitan dengan Masjid Taman Puteri Wangsa yang telah siap dibina ini tadi, di mana keperluan masjid itu tadi telah pun dipohon oleh ahli Qariah, dan alhamdulillah Masjid Taman Puteri Wangsa ini telah pun siap dibina. Maka dengan sebab itu, saya sendiri telah memaklumkan kepada ahli Qariah melantik Jawatankuasa dan juga menyediakan pegawai masjid untuk dihantar kepada Jawatankuasa Fatwa untuk diberikan kebenaran mendirikan solat Fardu Jumaat. Dan saya juga telah pun dimaklumkan bahawa pada minggu ini mereka telah membuat permohonan di Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru.

Berkaitan dengan Surau As-Syakirin yang dikatakan berdekatan dengan Masjid Puteri Wangsa yang telah siap dibina, pada hemat saya, sekiranya ahli Qariah ataupun Ahli Jemaah Surau As-Syakirin, Jalan Lading ini masih ingin mengekalkan kedudukan mereka sebagai surau Jumaat, bukan sebagai masjid, sebagai surau Jumaat iaitu surau yang telah diberikan kebenaran yang bersifat sementara untuk mendirikan solat Fardu Jumaat, hendaklah juga membuat permohonan dan merujuk perkara ini kepada Jawatankuasa Fatwa.

Begitu juga dengan kedudukan Surau As-Salam. Walaupun disebut tadi, yang pertama As-Syakirin itu dekat dengan masjid yang baharu, As-Salam itu agak jauh tetapi kedua-dua perkara ini, dua surau ini tadi, As-Syakirin dan As-Salam ini, saya mohon kepada seluruh ahli Qariah, ahli jawatankuasa kedua-dua surau ini membuat permohonan terlebih dahulu sekiranya mereka ini ingin mengekalkan kedudukan mereka sebagai surau Solat Jumaat. Namun, ingin saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa sekiranya telah ada masjid, maka semua kebenaran kepada surau-surau untuk mendirikan solat Fardu Jumaat sebagai surau Jumaat itu, pihak Jabatan Agama Islam Johor akan mengisytiharkan, sebagai contoh, sekiranya pada Jumaat depan akan diadakan, makna dah diberikan kebenaran untuk mendirikan solat Fardu Jumaat bagi masjid yang baharu, maka Jumaat pada hari ini akan diumumkan bahawa Jumaat itu adalah Jumaat yang terakhir yang akan dilaksanakan di surau-surau tersebut. Sekian, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8.

Sekarang ini ramai warga asing yang bekerja di kedai atau restoran makanan. Apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan agar mereka ini tidak menyebarkan apa-apa penyakit semasa mereka lakukan perkhidmatan mereka menyediakan makanan kepada pelanggan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk makluman Dewan yang mulia, di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009. Menjadi tanggungjawab tuan punya premis makanan untuk memastikan semua pengendali makanan menjalani latihan pengendali makanan di sekolah latihan pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu mereka perlu diperiksa dari segi kesihatan dan diberi vaksin oleh pengamal perubatan berdaftar. Jika seseorang pengendali makanan itu menghidap atau merupakan pembawa penyakit bawaan makanan atau yang disyaki menghidap atau merupakan pembawa penyakit bawaan makanan adalah pengendali itu :

1. Tidak dibenarkan untuk memasuki premis makanan atau mengendalikan makanan.

2. Melaporkan dengan segera kepada pihak pengurusan premis makanan berkenaan dengan keadaan kesihatannya.

3. Digantung daripada bekerja di premis makanan sehingga dia disahkan sembuh dari penyakit dan sihat dari segi perubatan untuk bekerja oleh pengamal perubatan berdaftar sebelum dia dibenarkan untuk memasuki premis makanan itu ataupun mengendalikan makanan.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Soalan tambahan. Dalam memastikan pengendali makanan ini sentiasa mendapat fahaman yang jelas tentang prosedur pengendali makanan dari segi pengurusan, kebersihan dan kesihatan para pekerja. Jadi berapa jumlah minima pengendali yang perlu hadir di sekolah pengendali dan adakah sekolah itu dikendalikan sendiri oleh Kementerian Kesihatan Malaysia?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Machap. Sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan daripada kenyataan saya tadi bahawa setiap pengendali makanan ataupun mereka-mereka yang mengendalikan makanan harus diminta di bawah Akta Makanan 83 dan juga Peraturan Kebersihan Makanan Tahun 2009 agar tuan punya premis ataupun pengendali makanan untuk menghadiri latihan sekurang-kurangnya tiga jam di pusat ataupun sekolah latihan pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan

Malaysia yang sebenarnya sekarang ini dijalankan oleh pihak swasta. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Soalan tambahan. Bagi pengendali makanan tempatan, biasanya Pihak Berkuasa Tempatan mewajibkan supaya mereka diberi pelalian mencegah penyakit *typhoid* ni. Jadi bagi pengendali makanan warga asing ni, adakah mereka ini diwajibkan juga untuk mendapat diberikan pelalian *typhoid* ini sebab setakat ini saya di Muar ini, saya dapati ramai pengendali warga asing tetapi tidak pernah datang klinik saya lah mungkin dia pergi klinik Doktor Sheikh. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang saya katakan tadi bahawa setiap pengendali makanan ataupun mereka-mereka yang bekerja berkaitan tentang makanan perlu melalui proses yang sama. Jikalau pengendali makanan tempatan perlu mendapat vaksin pelalian dan sebagainya, mereka-mereka terutama mereka yang datang daripada luar negara yang datang untuk bekerja, mereka perlu melalui peraturan ataupun prosedur yang sama malah lebih ketat dan mereka perlu pergi FOMEMA dan sebagainya. Tetapi mungkin mereka datang tanpa izin dan sebagainya maka itu terkecuali. Tapi hakikatnya dia perlu melalui proses dan juga prosedur yang sama ataupun mungkin lebih ketat lagi.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat EXCO, penyakit-penyakit yang dibawa melalui makanan, ada satu lagi penyakit yang mungkin hari ini kita kena tengok. Penyakit hati. Apa yang berlaku, pengendali makanan ni, warga asing ni. Dia tak pandai berbahasa. Kemudian tak melayan dengan betul. Sampai jadi pergaduhan. Jadi, adakah pihak kerajaan ingin melihat perkara ini sebagai satu perkara penting pada masa depan supaya latihan-latihan bukan sahaja terhadap makanan tetapi hati pelanggan tu.

YB Datuk Speaker : Ni doktor soal ni.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Datuk Speaker, yang berkaitan tentang penyakit hati ni bukan sahaja dilakukan oleh pengendali makanan yang mungkin terdiri daripada pendatang asing. Orang tempatan pun kadang-kadang lebih memberikan sakit hati itu. Yang berkaitan tentang perkara ini seperti yang saya katakan tadi, sekurang-kurangnya tiga jam mereka ini perlu menjalani latihan di sekolah pengendali makanan dan di sekolah latihan pengendali makanan itu, memang sebahagian subjek yang diajar ialah cara-cara mengendalikan makanan, bagaimana untuk kita bersama melayan dengan pelanggan sebagainya selain

daripada menjaga dari segi kualiti makanan. Tetapi itu adalah merupakan latihan asas yang penting adalah sifat sikap individu. Jikalau mereka diberikan latihan tetapi sikap kita memang sentiasa masam maka ianya tidak akan berubah. Jadi itu tertakluk kepada individu. Tapi tugas kerajaan melalui sekolah yang kita kendalikan kita dah berikan sekurang-kurangnya tiga jam dengan kos yang diperlukan, maka mereka ini diberikan latihan dan itu adalah merupakan peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 9.

Setelah kenaikan cukai harta dikenakan terhadap rakyat, bolehkah kerajaan Johor memperuntukkan bajet untuk menaik taraf dan menukar paip air di kawasan taman-taman perumahan lama telah mulai reput?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Stulang bertanyakan tentang usaha kerajaan untuk menaik taraf dan menukar paip-paip di kawasan taman perumahan lama. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan pengguna mendapat bekalan air yang sewajarnya, program penyelenggaraan dirancang terutama bagi program penggantian paip-paip lama yang dikenal pasti boleh menyebabkan kekerapan paip pecah dan boleh menyebabkan gangguan bekalan. Pelaksanaan ini adalah mengikut keutamaan dan keperluan setempat. Bagi memastikan sistem perpaipan bekalan air dalam keadaan baik maka pelaksanaan bagi menggantikan paip-paip lama dilakukan secara berperingkat dan mengikut keutamaan. Rekod tahun 2010 sehingga tahun 2013, pihak SAJ telah melaksanakan program penggantian paip di seluruh negeri ini dengan melibatkan paip sepanjang 782.4 kilometer, manakala paip sepanjang 197 kilometer sedang di peringkat pelaksanaan yang keseluruhannya melibatkan kos berjumlah RM165 juta. Bagi daerah Johor Bahru khususnya, bermula tahun 2010 sehingga 2013 direkodkan kerja penggantian paip jenis asbestos simen sepanjang 138.67 kilometer telah siap pelaksanaannya dengan melibatkan kos sebanyak RM59 juta. Manakala 31 kilometer masih dalam proses pelaksanaan. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Selain air paip bawah tanah, setelah kenaikan cukai harta, ramai penduduk mempunyai ekspektasi ataupun mereka berharap bahawa infrastruktur-infrastruktur lain juga boleh ditingkatkan ini seperti sistem kumbahan tangki, taman permainan kanak-kanak, papan tanda jalan yang sudah rosak dan dirosakkan oleh along, parit dan sebagainya. Adakah kerajaan dalam hal ini dalam menyelenggarakan taman-taman perumahan lama ini akan lebih proaktif, bukan ada kompelin baru kita laksanakan *maintenance*. Adakah

kerajaan akan lebih proaktif dalam hal ini untuk mempertingkatkan prasarana-prasarana tersebut kerana mereka merungut bahawa cukai harta sudah naik dan sepatutnya prasarana ataupun infrastruktur sepatutnya dipertingkatkan. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Datuk Speaker. Pihak kerajaan akan senantiasa menjalin kerjasama dengan agensi-agensi lain bagi memastikan bahawa prasarana yang berada di sesebuah taman atau suatu kawasan adalah berada dalam keadaan baik malah terhindar daripada sebarang bentuk ancaman yang boleh mengganggu gugat kesempurnaan infrastruktur di kawasan-kawasan perumahan tersebut. Malah kita akan menambah baik lagi kerjasama ini dah khusus berkaitan dengan infrastruktur air, pihak kerajaan terus berhasrat melalui SAJ Holdings untuk memastikan rakyat menikmati prasarana yang berkualiti dari segi aspek pembangunan bekalan air. Tetapi saya ingin mengingatkan Dewan dan Ahli Yang Berhormat Stulang, bahawa setiap tambahan aset bekalan air sekiranya berlaku kerosakan. Jadi, kita Ahli Berhormat pun kena jaga jugalah bantu untuk memastikan kesempurnaan infrastruktur ini. Kerana setiap tambahan aset bekalan air atau penambahbaikan aset dan kapasiti bekalan air akan melibatkan kenaikan kepada nilai sewa pajak. Ia merupakan kos operasi yang besar pada masa ini dan perlu dibayar oleh operator bekalan air kepada pengurusan aset air berhad. Ini ada hubung kait dengan tarif air. Maka sekiranya kos ini semakin meningkat, maka kos pembekalan air juga meningkat dan ini akan menjadikan kerajaan perlu melihat semula kepada tarif air. Terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Mana-mana soalan lisan yang tak sempat dijawab diharap dapat dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini juga.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Datuk Speaker : Rundingan menjunjung kasih ini kita teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Selamat pagi dan selamat Sejahtera. Pengkalan Rinting mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Pengkalan Rinting juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 29 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bencana angin taufan Haiyan yang melanda Filipina akhir tahun lepas telah mencetuskan satu perbincangan berkenaan dengan perubahan klimaks cuaca sehinggalah ketika wacana perubahan klimaks Bangsa-Bangsa Bersatu dengan izin *United Nation Climate Stocks* baru-baru ini timbullah satu istilah yang dinamakan kegilaan perubahan klimaks ataupun dengan istilah Inggeris *Climax Change Madness* maka dalam laporan kelima panel perubahan *climate* antara kerajaan atau dengan izin *Fifth Inter Governmental Of Climate Change* telah menyatakan dengan kesan hijau kesan rumah hijau di global ini suhu muka bumi akan meningkat 2 hingga 4 darjah Celsius. Dengan peningkatan suhu muka bumi ini pelbagai fenomena cuaca yang aneh telah membawa bencana alam telah pun berlaku. Macamlah *El Nino* yang kita alami, *La Nina* pun kita pernah alami. Di mana satu ialah membawa cuaca yang kering yang kita tak ada air, yang satu lagi membawa hujan yang amat lebat.

Saya rasa apa yang dinamakan apa itu kegilaan perubahan klimaks ini telah pun dialami oleh negeri Johor sendiri. Di mana ada masanya hujan lebat yang menjadikan sebahagian daripada negeri Johor banjir dan ada kalanya cuaca yang kering menyebabkan bekalan air kita terganggu. Lebih aneh lagi, bencana angin di mana angin yang bertiup kencang telah pun berlaku di negeri Johor. Di mana ikut carian saya, Tangkak, Segamat, Simpang Renggam, Gelang Patah dan baru-baru ini iaitu pada 4 Mei yang lalu dekat DUN Pengkalan Rinting iaitu di Taman Bukit Indah, Taman Sri Yaakub serta Taman Jaya Mas telah pun berlaku dengan tiupan angin kencang yang membawa sedikit ceroboh kepada bumbung.

Saya menggunakan perkataan angin aneh kerana mengikut informasi daripada jabatan meteorologi rata-rata angin yang ditiup di Malaysia merupakan angin ringan. Jadi angin kencang yang boleh mencerobohkan bumbung dan menyebabkan pokok-pokok tumbang, papan tanda dimusnahkan memanglah sesuatu yang aneh. Fenomena-fenomena yang saya sebutkan di atas telah menjadi satu fakta dan kita telah mengalami kepadahannya. Ada kalanya kita sendiri pula yang menyumbang kepada apa yang terjadi ini, tetapi apa yang saya ingin mempertengahkan adalah isu kesediaan kita terhadap fenomena yang kita dapat dielakkan ini. Maklumlah fenomena *El Nino* banyak dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin membawa isu pada hujan yang lebat iaitu *La Nina* atau pun hujan yang lebat yang bakal kita hadapi. Jadi saya ingin mengetahui sama ada infrastruktur asas kita telah memadai piawai yang boleh menahan cuaca lasak terutamanya pada hujan yang terlalu lebat dan ini termasukiah sama ada pembersihan dan penyelenggaraan infrastruktur asas kita adalah sesuai dengan cuaca lasak ini.

Saya mengambil contoh dalam DUN Pengkalan Rinting di mana di Jalan Sungai Danga persimpangan Jalan Tan Hiok Nee dan Jalan Trus. Di mana di situ akan ada takungan air selepas sahaja hujan lebat dan juga kalau hujan lebih lebat

lagi dia akan berlakunya banjir kilat dan ini dipercayai berpunca daripada saliran air atau pun longkang yang tak dapat menampung air yang banyak dan ada kalanya kita percaya bahawa saliran air itu tersumbat. Satu contoh lagi, saya mengambil adalah juga dekat kawasan DUN Pengkalan Rinting di mana ialah Kampung Muhamad Amin yang terletak di sebelah Sungai Chat pernah dilanda banjir kilat selama dua kali selepas hujan lebat pada akhir tahun lepas. Walau pun dimaklumkan kepada saya bahawa hampir RM300,000.00 telah dibelanjakan dalam penyelenggaraan berkala Sungai Chat, tetapi banjir kilat tersebut masih berlaku lagi. Hal ini dipercayai bahawa perparitan yang sedia ada kini tidak dapat menampung lagi air hujan yang terlalu melimpah keluar dan banjir kilat pula berlaku.

Saya di sini ingin mencadangkan bahawa benteng sungai tersebut dibina lebih tinggi untuk menampung air yang lebih untuk mengatasi masalah ini. Untuk makluman Dewan, hujan yang lebat juga menyumbang kepada rosaknya turap jalan. Saya ambil contoh juga daripada kawasan saya di mana macam Jalan Bukit Indah, jalan baharu sahaja diturap tak sampai satu minggu selepas sahaja hujan lebat di sinilah permukaan jalan itu akan rosak lagi. Jadi di sini saya ingin menegaskan sama ada piawai atau pun *standard* infrastruktur termasuk jalan bolehkan ia menahan cuaca yang lasak ini? Akan tetapi ada kalanya ini tambahan sedikitlah jalan yang dipercayai rosak juga akibat daripada keluar masuk lori dari tapak pembinaan seperti di persisiran Taman Perling juga merupakan lori keluar masuk ini merupakan satu faktor jalan rosak yang cepat.

Di sini saya juga ingin menekankan bahawa pihak kerajaan cuba mengenal pasti dan memulihara kawasan hijau yang merupakan tadahan air semula jadi terutamanya di kawasan pesat membangun terutama di kawasan Iskandar. Saya ambil contoh di Taman Selesa Jaya juga daripada kawasan saya dengan tiadanya kawasan hijau di sebelah puncak bukit hasil daripada pembangunan ini air terus mengalir ke kaki bukit dan menyebabkan lokasi-lokasi berikut seperti di persimpangan Jalan Silat Cekak dengan Jalan Selesa Jaya, Jalan Silat Cekak 1, Jalan Silat Cekak 19 banjir kilat masih berlaku pada 4 Mei baru-baru ini, walaupun sebelum ini ada projek menaik tarat sistem perparitan dilakukan di situ.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi pembangunan yang membawa impak besar terhadap alam sekitar adalah penambakan sungai atau laut. Pada 14 April yang lepas berlakunya banjir kilat di Jalan Skudai Pantai Lido yang berdekatan dengan Danga Bay. Saya sini ada satu soalan di mana adakah banjir kilat itu disebabkan oleh penambakan di persisiran sungai Skudai yang sebelah daripada kawasan penambakan tersebut. Mengikut carian pihak saya, penambakan kawasan hilir atau pun muara Sungai Skudai Danga Bay dijalankan berdasarkan kelulusan Laporan Impak Alam Sekitar ataupun dinamakan EIA yang disediakan pada tahun 2002 dan adakah laporan tersebut boleh diguna sebagai rujukan untuk mengatasi kesan daripada

penambakan laut itu dan yang mungkin sudah tidak sesuai memandangkan jangka masa laporan tersebut terlalu lama.

Lanjutan daripada penambakan di muara Sungai Skudai ini, saya ingin mengemukakan soalan bahawa adakah penambakan ini akan menyebabkan banjir yang sudah pun berlaku ketika musim tengkujuh di perkampungan-perkampungan tepi Sungai Skudai seperti dekat kampung Skudai Kiri, Kampung Pengkalan Rinting, Kampung Pasir akan bertambah serius? Jika ya, apakah tindakan lanjutan untuk menyelesaikan masalah ini. Mengikut pemerhatian pihak saya juga pokok-pokok bakau akan mati hasil daripada penambakan laut seperti yang apa yang berlaku sekarang di hutan bakau sebelah dengan Kampung Bakar Batu. Adakah ini akan menyebabkan kesan yang lebih teruk kepada alam sekitar dengan tiadanya pokok-pokok bakau ini.

Di sini, saya juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan penambakan laut di sebelah barat selatan Johor berdekatan dengan pula melombong dengan lot no. PTD 4071, PTD 4090 dan PTD 4989 yang luasnya 4491. Terima kasih atas jawapan Menteri Besar dan suka cita saya mendapat balasan daripada pihak beliau. Tapi di sini, saya ingin mengemukakan berapa pandangan terhadap perkara ini juga.

1. Penambakan yang telah dijalankan ini dijangka akan mengancam hutan paya bakau atau pun kawasan RAMSAR Sungai Pulai yang berdekatan yang amat bernilai dan bermakna terhadap kita. Apakah tindakan yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini, ini satu.

2. Penambakan ini telah memusnahkan benteng, kawasan yang subur dengan pembiakan ikan hidupan laut dan terus memusnahkan tempat carian rezeki nelayan daripada perkampungan berdekatan. Maklumlah, projek ini milik syarikat asing dan mengapa kerajaan boleh membenarkan syarikat asing menambak beberapa ribu ekar dan telah membelakangkan kepentingan rakyat sendiri. Jadi di sini, saya minta penjelasan daripada kerajaan sama ada ini merupakan dasar pembangunan Kerajaan negeri Johor.

3. Projek penambakan ini dilakukan secara berfasa dan dimaklumkan bahawa tidak perlu laporan impak alam sekitar EIA, dan dimaklumkan juga ada inisiatif untuk mengatakan laporan EIA untuk pembinaan hotel secara berasingan dan saya menganggap ini satu perkara yang baik. Tapi saya tetap tidak setuju dengan laporan impak alam sekitar secara berfasa kerana jika keseluruhan kawasan lebih kurang 5000 ekar ini ditambak, impak atau kesannya sememangnya adalah impak lebih jauh besar daripada secara berfasa. Jadi di sini, saya mendesak supaya satu laporan impak alam sekitar keseluruhan untuk penambakan laut ini diperlukan untuk kepentingan orang ramai.

Jadi memandangkan banyak masalah alam sekitar yang disebutkan hari yang sebelum ini, dan untuk memastikan pembangunan secara lestari boleh dijalankan lebih sempurna, di sini saya juga ingin bercadang satu Jawatankuasa Khas Majlis Mesyuarat Kerajaan seperti di Negeri Perak terdiri daripada kedua-dua pihak Ahli Dewan untuk sama-sama berbincang untuk menyelesaikan masalah alam sekitar ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sini saya ingin ketengahkan satu isu lagi yang berkenaan dengan strata *title* atau pun pengurusan hartanah bertingkat. Memandangkan pembangunan hartanah bertingkat semakin bertambah terutamanya beberapa tahun ini, tambahan lagi dengan banyak lagi masalah pengurusan hartanah bertingkat belum lagi diselesakan. Jadi sini, saya rasa lebih perhatian perlu diambil untuk menyelesaikan masalah pengurusan strata *title* ini. Maklumlah Akta Pengurusan Strata 2013 telah memberikan kuasa-kuasa tertentu COB, Pesuruhjaya Bangunan dan PBT untuk menguatkuasakan penyelenggaraan hartanah bertingkat. Tetapi saya berasa pihak negeri dan PBT masing-masing perlu lagi pro aktif untuk mencari cara untuk mengendali penyelenggaraan dan jika boleh mencari cara kerja sama antara kerajaan persekutuan dalam pesuruhjaya bangunan ini. Hal ini ada kalanya saya berasa tidak cukupnya kakitangan untuk mengendali hartanah bertingkat yang semakin bertambah ini. Saya mengambil contoh MBJB, di mana MBJB perlu mengendali lebih kurang 400 atau strata *title* kalau tak silap saya dengan kakitangan yang terhad saja. Di sini saya sokong cadangan ketua pembangkang iaitu Skudai supaya satu Enakmen Pengurusan Strata *Title* negeri sebaik sahaja diluluskan secepat mungkin dengan memberikan garis panduan dan instrumen undang-undang yang lebih berkesan kepada COB dan PBT termasuklah memperingatkan tanggungjawab pemilik membayar yuran pengurusan insurans cukai tanah, cukai harta secara bersepadu serta menubuhkan Tribunal Strata di setiap PBT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan pesat membangun di daerah ini kampung-kampung Melayu tradisi telah menjadi satu warisan penting kita. Di sini saya ingin mengetengahkan dua masalah yang dihadapi di dua kampung dalam DUN Pengkalan Rinting. Sebelum ini, ini Bukit Gambir, Tenang telah menyebutkan berkenaan dengan masalah kera dekat Kampung Sungai Danga. Dalam DUN Pengkalan Rinting juga mengalami masalah yang sama. Di mana kera-kera itu melakukan menjadi kacau ganggu di mana senario yang sama seperti yang disebutkan sebelum ini berlaku. Jadi, saya mintalah pihak berkenaan untuk mengambil tindakan terhadap kera-kera ini. Dekat Kampung Sungai Danga ini juga, jalan-jalan dalam kampung dimaklumkan bahawa sudah lama tidak berturap dan lubang jalan di sana sini dan mungkin macam jalan batu di tengah-tengah London, Perancis tujuannya dan dimaklumkan oleh Kukup bahawa untuk memperlahankan kelajuan kenderaan, tapi di sini Malaysia dan kita perlukan jalan berturap untuk keselamatan dan keselesaan jalan. Tambahan untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalan batu dekat tengah-tengah bandar London, Perancis tak silap saya ini merupakan tempat bersejarah dan menjadi warisan pada negara–negara tersebut. Di mana

peribahasa orang putih *all road straight to Rome* dengan izin, ataupun dalam bahasa Melayu semua jalan menuju ke Rom terjadi, Dan ini, merupakan contoh yang kita boleh belajar untuk memelihara warisan kita. Dan, sini cuma dua kebarangkalian kenapa Kukup menggambarkan jalan berbatu itu. Satu, Kukup tak tahu dan dengan ikhlasnya saya menyebut atau memberi maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa ini merupakan warisan kepada London dengan Perancis. Yang kedua, sebaliknya Kukup ia memang tahu tetapi dengan sengaja Kukup menggunakan kaedah *twisted logic* yang disebutkan beliau sendiri dan mengelirukan Dewan yang mulia ini. Ok, saya teruskan dengan masalah dekat kampung. Jadi, tadi itu jalan dan satu lagi ialah berkenaan dengan jeti di mana jeti nelayan kampung tersebut juga mengalami lama tak selenggara jadi di situlah struktur jeti tersebut pun masalah dan tangga naik turun bot pun telah rosak, jadi minta perhatian pihak berkenaan untuk menyelesaikan masalah ini. Satu lagi, ialah dekat Kampung Pasir. Di mana ini ialah berkenaan dengan loji kumbahan najis yang mungkin akan dibina atas lot PTD 153805 iaitu dalam perkarangan Kampung Pasir. Saya dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan telah mengeluarkan notis untuk memberhentikan pembinaan loji najis tersebut. Saya menyokong tindakan ini dan haraplah projek ini terus tidak lagi dibangkit semula dan dibina atas tanah tersebut kerana di sebelah itu adalah tempat orang tinggal, kampung dan sebelah lagi ialah dekat Sungai Skudai dan saya bimbang pencemaran berlaku terhadap sungai tersebut.

Ok, tadi kampung sekarang saya sebut sedikit masalah dekat Bandar JB, Johor Bahru di mana yang saya nak sebut ialah dekat penjaja makanan di Jalan Meldrum yang telah lama di Bandaraya Johor Bahru. Di mana sejak lagi dahulu lagi ialah mereka berada di Jalan Ungku Puan. Lepas tu dan berpindah ke Jalan Tun Razak dan kini di lorong belakang kedai Jalan Meldrum. Maklumlah di situ ialah lorong belakang dan suasana kurang selesa di pusat penjaja itu. Dengan tambahannya penyumbatan longkang sepanjang lorong belakang dan menyebabkan bau kurang selesa untuk pusat penjaja tersebut. Jadi, bila ada ura-ura bahawa *Meldrum Food Village* akan dibina, sambutan baik daripada penjaja dan orang-orang berdekatan. Di sini saya ingin mengambil perhatian kerajaan untuk mencari jalan sama ada membina teruskan pembinaan *Meldrum Food Village* itu ataupun untuk masa terdekat menyelenggarakan kawasan tersebut dengan baik. Kita *clear*kan longkang itu atau apa. Dan, satu lagi masalah dekat-dekat bandar ialah masalah kutu rayau masih lagi menjadi isu di kawasan bandar di mana kutu rayau ini asyik kononnya menjaga tempat *parking* dan meminta duit terhadap tuan punya kenderaan dan ini pula telah menjejaskan pandangan kota raya kita, jadi harap maklum.

Yang Berhormat Datuk Speaker, IRDA sendiri ditempatkan satu contoh pembangunan ekonomi di negara kita. Malah di rantau kita tapi contoh yang baik boleh ditunjukkan di mana ikut fahaman saya lebuh raya persisiran pantai iaitu *Causeway Highway* yang dari JB ke sini disiapkan dalam masa yang ditetapkan, tetapi apabila sekarang ialah masuk fasa penyelenggaraan,

dukacita saya ingin maklumkan bahawa ada banyak ruang lagi kita ingin dibaiki. Saya ambil contoh *Causeway Highway* juga, saya berterima kasih terlebih dahulu bahawa bila adanya masalah lampu isyarat, lampu jalan bila saya buat, aduan adalah yang cepat-cepat menyelesaikan masalah itu tetapi sampai sekarang lampu jalan sepanjang *highway* tersebut masih lagi tak berfungsi. Dan sebelum saya akhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih selama setahun saya bertugas sebagai Wakil Rakyat pada pihak-pihak kerajaan yang bekerjasama untuk menyelesaikan masalah di kawasan DUN saya. Dan ini, ini sahaja daripada Pengkalan Rinting. Sekian, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Rinting. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga 11:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:05 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.30 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Mengkibol. Jemput Mengkibol. Dah tolak satu minit.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Salam sejahtera. Mengkibol amat bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, sempena Pembukaan Rasmi Penggal Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Pertama sekali, Mengkibol ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan junjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas titah Baginda pada Dewan yang mulia ini pada 29 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Dewan kita ini terdiri daripada banyak pihak. Termasuklah pihak daripada Parti Pemerintah dan juga Parti Pembangkang. Kita perlu hormat, saling sesama kita antara Ahli-Ahli Yang Berhormat sini bahawa kita sini mempunyai pendirian berlainan, itulah kita kata keindahan sistem demokrasi berparlimen. Dan, sebenarnya Tuhan buatkan kita daripada berlainan warna kulit, berlainan budaya dan agama supaya dunia ini nampak lebih indah, lebih ceria. Dengan itu, adalah penting di kalangan sama kita sendiri, perlulah kita saling menghormati antara satu sama lain walaupun kita mempunyai pendirian berlainan. Oleh itu, walaupun kita tak setuju dengan hujah-hujah ataupun kenyataan yang dibuat oleh sesetengah Ahli dalam Dewan ini, biarlah kita bahas ataupun dengan izin *debate* dengan berdasarkan fakta tetapi bukan auta. Di mana segala perbahasan itu biarlah berdasarkan alasan-alasan yang munasabah dan fakta-fakta yang sahih. Janganlah kita main caki-maki sahaja. Yang lebih teruk lagi ada juga yang membuatkan, mencipta fakta sendiri. Maka yang tu adalah tidak begitu betul. Saya bagi satu contoh...'

YB Dato' Timbalan Speaker : Kalau cipta fakta sendiri, Ahli Yang Berhormat boleh tegurlah ya. Fakta salah.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ya, memang itu dah lama itu. Kali pertama Mengkibol apa tu Mengkibol menyertai perbahasan, jadi tak berapa pengalaman masa tu jadi tak sempat nak tegur.

YB Dato' Timbalan Speaker : Oh, Sekarang sudah pandai eh.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Oh sekarang pun belum pandai lagi, perlu tunjuk ajar daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speakerlah dan juga Yang Berhormat Datuk Speaker juga.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat, bila *address* Speaker, Timbalan Speaker adalah jawatan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ya.

YB Dato' Timbalan Speaker : Kalau siapa duduk di sini walaupun Speaker tak ada, Timbalan Speaker tak ada, di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat menjadi orang yang mengendalikan mesyuarat ini, kena panggil Speaker.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Speaker ya. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bagi satu contoh, ada di kalangan Ahli-Ahli dalam Dewan yang mulia ini, ada timbul isu kata ada daripada pihak pembangkang yang menakutkan ataupun menakutkan pelabur asing ataupun memburuk-burukkan nama negara, sampai ke luar negara, contoh yang dibagi sampai ke Taiwan. Saya di sini ingin...

YB Dato' Timbalan Speaker : Itu fakta betul kan..

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Saya di sini saya ingin bagi sedikit sebanyak latar belakang berkenaan dengan ini isu di mana sebenarnya Ko Kuang kini di Taiwan pun, di Taiwan sendiri rakyat dia tak mahu. Rakyat dia sendiri tak nak Ko Kuang itu membuat kilang loji di negara mereka. Itu sebab dia sampai dia nak datang di Malaysia kita, buat kilang. Itu sebab dia datang. Dan, sebenarnya ini orang yang tak mahu boleh katakan sampai orang tak mahu, kita nak sapu buat apa. Malaysia ini bukan tong sampah. Benda yang kita tak nak, kita pun tak nakiah. Benda yang orang tak nak, kita pun jangan kita sambut dengan baik. Itu sebab. Yang membantah, membantah Ko Kuang datang ke Malaysia sebenarnya ada juga rakyat Ko Kuang, rakyat Taiwan yang menyuarakan bantahan mereka ke atas projek apa tu pelaburan ini. Sebenarnya yang membuatkan Ko Kuang tak datang bukannya kita kata dua tiga orang ADUN daripada Pembangkang ni, ada pengaruh yang begitu kuat sampai Ko Kuang tak berani nak datang, atau tak nak datang sebenarnya itu kekuatan rakyat Taiwan di mana Presidennya terpaksa menghadapi rakyat dia. Sekiranya dan pelaburan Ko Kuang ini berjaya di Malaysia, dia akan menghadapi kurang undi

dia dan dia terpaksa menghadapi kita kata *consequent* dengan izin, *consequent* politik, yang berikutan dia. Itu sebab saya cakap, Ko Kuang ini tak datang sebenarnya betul juga di kalangan ahli-ahli seperjuangan kami ada juga yang pergi, tapi cuma sebenarnya pergi melawat loji-loji petrokimia yang sedia ada di sana dan memahami apakah masalah, apakah masalah dihadapi oleh penduduk di sekitar, di sekeliling loji-loji petrokimia tersebut. Itu yang Mengkibol maksudkan tadi. Masing-masing kita di sini ada pendapatan atau pendirian yang berlainan tapi kita perlulah saling menghormati. Jangan kita kata ini bagi nama-nama yang buruk sampai perkataan pengkhianat bangsa atau pengkhianat pun boleh keluar, itu tak senonoh didengar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi yang saya nak sentuh berkenaan isu ini adalah ada juga Ahli-Ahli yang dalam Dewan yang mulia ini telah menghina atau merendahkan perjuangan sekumpulan penduduk untuk menyuarakan bantahan mereka ke atas Projek RAPID ini. Saya faham sebagai ADUN daripada parti pemerintah, pendirian mereka adalah menyokong projek ini. Tapi dalam satu kerajaan yang demokrasi kita janganlah menafikan hak orang lain, hak rakyat untuk menyuarakan pendapat yang berlainan. Jangan sampai kata yang jalan kaki itu jalan 1 kilometer, 2 kilometer sudah naik kereta, itu satu penghinaan yang tidak sepatutnya dilakukan, diamalkan oleh ADUN-ADUN di sini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Mungkin Ahli Yang Berhormat ada maklumat selepas 1 kilometer dia naik kereta, mungkin?

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Itu tidak betul, Yang Berhormat Dato' Speaker. Orang itu, sampai sekarang hari ini pun akan jalan dan esok untuk nak membuktikan bahawa ini betul ada jalan atau tidak jalan, Mengkibol sendiri bercadang nak ikut bersama-sama.

YB Dato' Timbalan Speaker : Wah! Kita doakan moga-moga YB Berjaya (Dewan Bertepuk).

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebab memang seperti yang saya katakana, tadi kita perlu menghormati satu sama lain walaupun pendirian kita tidak sama. Biarlah kita yakin pada Ahli-Ahli dalam Dewan yang mulia ini, bahawa semua kita berhujah adalah berdasarkan niat yang baik, bukan seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tiram semalam, kata pembangkang hanya mengutuk kerajaan sahaja ataupun mencari kelemahan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin terangkan di sini, di mana itulah sebenarnya peranan kami sebagai pembangkang. Sebab perkara-perkara yang baik sudah tentu akan dibangkitkan, dihebohkan oleh Ahli-Ahli Dewan yang datang daripada parti pemerintah. Itu sudah tidak lari dan kalau dari pihak pembangkang juga sebut sahaja yang baik, yang kelemahan itu tak disebut maka dalam Dewan ini seolah-olah semua kerajaan buat ini baik tapi

kita kena faham Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ini manusia masing-masing ada kelemahan, tak ada manusia yang sempurna, maka mesti ada kelemahan. Jadi, kita tak nak pembangkang di Johor ini serupa dengan pembangkang di Negeri Sembilan, di mana dalam DUN Negeri Sembilan, persidangannya yang kutuk kerajaan sebenarnya bukan pembangkang, sebenarnya *back bencher* Pakatan Rakyat yang kutuk kerajaan sendiri, itu kita tak nak. Biar, *back bencher* buat kerja *back bencher*, pembangkang buat kerja pembangkang. Kutuk kerajaan biarlah pembangkang yang buat (Dewan ketawa dan bertepuk). Jadi, janganlah sakit hati sangat, apabila pembangkang kutuk kerajaan ini, sebab kita kena faham memang ada kelemahan. Kelemahan itu mana-mana ada. Cuma kita berhujah berlandaskan fakta, itu sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi antara isu atau topik yang hebat dibincangkan untuk tiga hari yang lalu ini, antaranya adalah GST. Sampai ada di kalangan Ahli-Ahli dalam Dewan yang mulia ini kata harga durian pun naik walaupun tidak dikenakan GST. Betul durian itu tidak dikenakan GST, disebabkan penjaja durian itu tidak layak untuk dikenakan GST di mana pendapatan ataupun kita kata *cash flow* tahunan dia tak cukup, membuatkan penjaja itu tak layak untuk dikutip GST.

YB Dato' Timbalan Speaker : Cukup, tapi dia tak *declare* (Dewan ketawa).

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Itu mungkin juga, tak tahu, siapa tak tahu tetapi kita kena faham, untuk pokok durian itu berbuah kita perlu tabur baja, kita perlu jaga kena tabur racun kimia supaya makhluk perosak itu tak menyerang pokok-pokok durian itu. Semua bahan, benda-benda ini dia ada GST, itu yang menyumbang kepada secara tidak langsung barang-barang ini secara tidak langsung harga dia juga akan naik, walaupun orang yang menjual barang tersebut tidak dikenakan GST. Jadi, untuk menyelesaikan perbahasan ini, sebenarnya kita kata kita sibuk-sibuk bahas dalam Dewan ini, dia pun tidak akan menjejaskan keputusan kerajaan sama ada laksana atau berhentikan GST. Dan, rakyat pun bukan ada peluang untuk memahami isu ini. Jadi cadangan Mengkibol ini senang, kalau boleh masing-masing daripada Pakatan Rakyat dan daripada pihak BN, kita hantar wakil, mungkin YB Serom minat juga untuk sama-sama kita memperbahaskan, buat perbahasan tentang isu ini. Khas, fokus kepada isu GST ini dan terbuka kepada rakyat supaya sama-sama menilai dan memahami isu ini. Itu adalah, itu barulah kita kata, kita dapat menggalakkan budaya perbahasan berdasarkan fakta tetapi bukan dengan auta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini Mengkibol ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada penjawat-penjawat awam yang telah memberikan kerjasama dalam menyelesaikan masalah rakyat sepanjang setahun sejak Mengkibol dipilih sebagai Wakil Rakyat. Saya, Mengkibol sangat setuju dengan kenyataan ataupun hujah-hujah daripada Pemanis, di mana Wakil Rakyat ini sebenarnya dia menjadi satu tempat luahan, keluhan rakyat

kita. Segala masalah dia akan datang jumpa Wakil Rakyat. Mungkin satu hari nanti apabila orang itu tak dapat anak pun dia datang jumpa Wakil Rakyat juga (Dewan ketawa). Siapalah tahu?

YB Dato' Timbalan Speaker : YB bila nak dapat anak?

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Memang belum lagi. Tapi saya tak akan salahkan Kerajaan Barisan Nasional sebab saya belum dapat anak (Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Itu boleh jumpa YB Skudai, dia boleh bagi ubat untuk mendapatkan anak (Dewan ketawa).

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, kerjasama di antara Wakil Rakyat dengan penjawat awam sebenarnya amat penting. Di mana seperti yang diperkatakan oleh Pemanis, Wakil Rakyat ini sebenarnya tiada kuasa untuk melaksanakan segala dasar cuma yang boleh kita menyuarakan suara rakyat ataupun masalah rakyat kepada pihak-pihak berkuasa ataupun dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi sebenarnya Mengkibol tidak selesa sangat dengan cara sekiranya ada yang tidak *competent* atau gagal, lemah dalam menjalankan tugas mereka, nama mereka disebut dalam Dewan yang mulia ini. Biarlah kita, kita faham juga penjawat-penjawat awam ini kadang mereka ada batas mereka, *limit* mereka di mana kadang kuasa mereka ataupun bidang kuasa mereka tidak mengizinkan atau tidak membolehkan mereka menyelesaikan masalah yang ditujukan kepada mereka. Tetapi, yang penting bagi Mengkibol, mereka ini perlu memberikan jawapan ataupun maklum balas tidak semestinya positif. Walaupun kadang kala masalah itu tidak, bukan di bawah kuasa dia untuk diselesaikan. Kita faham, yang penting jawapan. Tetapi, kadang kala ada sesetengah penjawat awam ini apabila mereka ini tak dapat nak menyelesaikan masalah kita ini, mereka buat diam je. Mereka mungkin segan silu nak beritahu. Tapi itu saya rasa bukannya satu cara ataupun sikap yang sepatutnya diamalkan di mana segalanya kita perlu jujur dan ikhlas. Sekiranya memang betul kita tak dapat nak menyelesaikan masalah itu, biarlah jujur dan cakap tak dapat diselesaikan. Itu kita boleh terima yang rakyat mahupun jawapan sama ada boleh ke tak boleh, cakap saja. Itu penting dan juga ada setengah penjawat awam ataupun Ketua-Ketua Jabatan yang masih belum menyesuaikan diri dengan kehadiran Wakil Rakyat daripada pembangkang di tempat mereka dan Mengkibol pun faham seperti selalu kita kata tak kenal maka tak cinta.

Jadi, itu mengambil masa proses untuk berkenal suai ini, mengambil masa yang panjang dan Mengkibol bersedia untuk meluangkan masa ataupun menghabiskan masa yang lebih panjang untuk menjalin hubungan yang lebih baik dengan penjawat-penjawat awam ini ataupun ketua-ketua jabatan. Janji masalah rakyat dapat diselesaikan dengan berkesan tapi Mengkibol berharap proses ini tidaklah mengambil masa yang terlalu panjang sehingga 5 tahun

yang penting kita kata dalam menjalankan tugas kita. masalah rakyat haruslah sentiasa diberikan keutamaan dan diselesaikan dengan secepat yang mungkin.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Mengkibol, sila gulung. Saya dah bagi lama pasal YB lambat tadi.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Baru mukadimah saja Yang Berhormat Dato' Speaker, panjang lagi Yang Berhormat Dato' Speaker sebab ingatkan ada setengah jam untuk ucap belakang ni. Sediakan skrip setengah jam Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Kena ikut masa yang ditentukan ya, saya dah bagi lama tadi.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ok Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam Persidangan 3 hari yang lepas ini juga timbul beberapa perbincangan tentang penduduk setinggan yang selama ini digambarkan sebagai penjolok mata dalam sebuah bandar ataupun kawasan. Ini sebenarnya ada satu istilah yang baru yang diguna pakai oleh kumpulan-kumpulan NGO untuk menggantikan istilah setinggan ini iaitu mereka ini lebih dikenali sebagai peneroka bandar. Mengkibol tidak bercadang untuk menyentuh isu istilah yang mana yang lebih sesuai untuk digunakan dalam perbahasan kali ini. Memandangkan masa sudah tak cukup tetapi cuma ingin Mengkibol sebut bahawa kumpulan ini yang kadang kala mempunyai sejarah yang lebih lama. Malah, ada yang wujud penempatan mereka ini sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Golongan ini sebenarnya telah banyak menyumbang kepada pembangunan sesebuah kawasan tersebut. terutamanya dalam membekalkan tenaga kerja yang begitu penting dalam proses urbanisasi.

Isu yang turut timbul bersama selalunya adalah kumpulan ini, golongan ini tidak mendapat kurniaan hak milik tanah ke atas tanah yang didiami mereka sehinggalah mereka ini disifatkan sebagai penceroboh ke atas tanah kerajaan. Sebenarnya dengan kata lain yang menentukan mereka ini haram atau tidak haram sebenarnya adalah pihak kerajaan. Sekiranya mereka ini dikurniakan hak tanah ke atas tanah yang didiami turun temurun itu mereka ini tidak haramlah, maka apabila tanah tersebut dibangunkan yang dapat dituntut mereka ini hanyalah pampasan yang munasabah, yang ditetapkan oleh pihak kerajaan ataupun pemaju yang terlibat. Saya sebutkan satu contoh penempatan Haji Manan, berdekatan dengan Jalan Haji Manan, Kluang. Dalam kes Haji Manan ini, sebanyak 12 keluarga yang datang berjumpa dengan Mengkibol menyatakan bahawa nama mereka tercicir dalam senarai yang layak menerima pampasan. Dan Mengkibol pun cuba sedaya upaya yang boleh untuk membantu mereka termasuklah membuat rayuan kepada pihak-pihak berkuasa termasuk Kerajaan negeri. Bagaimanapun, rayuan tersebut masih belum diluluskan, walaupun kerja perobohan dan pengosongan

tapak telah ditamat pada bulan Mei yang lalu. Makna, rumah mereka telah diroboh dan tapak sudah kosong. Nama mereka masih tidak disenaraikan dalam senarai yang layak menerima pampasan.

Mengkibol ingin, dengan rendah diri ingin merayu kepada pihak kerajaan apabila buat rayuan ditujukan Kerajaan negeri, dapatlah Kerajaan negeri mempertimbangkan dan meluluskan rayuan tersebut. Dan, memberi pampasan yang sewajarnya sekiranya mereka ini layak berdasarkan dokumen-dokumen yang telah diberikan kepada pihak berkuasa. Dan di sini, Mengkibol ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pentadbir Tanah Daerah Kluang yang telah banyak membantu para penduduk dalam membuat rayuan dan menyuarakan isi hati mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kluang ini sebenarnya di satu bandar yang amat bertuah yang kerana dikurniakan tuhan, bentuk muka bumi yang begitu indah termasuklah gunung ganang yang begitu indah. Salah satu gunung yang menjadi tumpuan penduduk setempat dan juga sekelilingnya adalah Gunung Lambak. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan berita pencerobohan masuk ke Gunung Lambak oleh warga asing untuk melombong batuan di Gunung Lambak yang dikatakan, dipercayai mempunyai nilai pasaran yang begitu tinggi. Bagaimanakah warga asing ini dapat tahu terdapatnya batuan yang dicari-cari mereka ini di Gunung Lambak?. Sudah tentu ada orang tempatan yang menjadi pemandu ataupun *guide* kepada warga-warga asing ini untuk menceroboh masuk ke Gunung Lambak dan seterusnya mencuri rompak khazanah alam kita yang tidak ternilainya. Perbuatan mereka ini bukan sahaja menyebabkan kita kehilangan batuan yang bernilai tinggi, malah dah merosakkan keindahan pemandangan di Gunung Lambak ini. Dan juga..

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat dah buat *report* pada Polis atau Pejabat Tanah atau Pejabat Hutan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Ada. Sebenarnya Mengkibol ada bincang dengan beberapa pihak yang berkenaan termasuk, hari itu sempat berjumpa dengan Pengarah Perhutanan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Patut terus jer, jangan tunggu sampai Persidangan Dewan. Dah lambat...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Ya memang. Tak, itu cuma nak *highlight* beberapa isu berkenaan dengan Gunung Lambak ini. Itu sebenarnya Mengkibol juga faham kesulitan yang dihadapi oleh beberapa pihak berkuasa termasuk Pejabat Tanah dan Pejabat Perhutanan di Kluang di mana mereka mungkin menghadapi kesuntukan tenaga kerja dalam menjalankan penguatkuasaan atau pun rondaan secara rawak di Gunung Ledang ini. Dan pada hal, Mengkibol juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak-pihak berkuasa yang disebut tadi kerana telah dapat bertindak dengan cepat menangani isu ini termasuk Pejabat Hutan dan Pejabat Tanah.

Bagaimanapun, Mengkibol berpendapat bahawa tanggungjawab menangani isu ini tidak seharusnya diletakkan atas bahu badan-badan berkuasa yang tersebut tadi. Memandangkan kesuntukan tenaga kerja yang dihadapi mereka.

Pemuliharaan bentuk muka bumi semula jadi ini sebenarnya merupakan tanggungjawab kita semua. Dan amat bersyukur telah ada beberapa kumpulan NGO pencinta alam telah mendampingi Mengkibol menyatakan hasrat mereka untuk sama-sama dalam usaha mempertahankan Gunung Lambak ini, tapi mereka juga menyatakan masalah yang dihadapi mereka di mana kuasa penguatkuasaan itu bukan ada di tangan mereka. Maksudnya apabila mereka dapat mengesan ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sedang membuat pencerobohan ataupun kerja-kerja penguatkuasaan ke atas Gunung Lambak ini. Mereka tidak dapat membuat apa, tidak dapat tahan atau tangkap orang-orang ini. Dengan ini..

YB Dato' Timbalan Speaker : Senanglah tu, Pejabat Hutan tak payah *elaborate* lagi.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Maksudnya mereka ini, sekiranya sampai mereka buat laporan kepada Pejabat Tanah, apabila penguat kuasa ini datang, orang itu dah tak ada. Dan kadang apabila hujung minggu, perkara ini berlaku pada hujung minggu lagi tak sempat penguat kuasa ini untuk sampai. Maka, ingin Mengkibol mencadangkan supaya satu *hotline* dengan izin, diwujudkan dan terbuka 24 jam supaya orang awam boleh menghubungi nombor-nombor ini apabila mereka dapat mengesan ada sesiapa yang telah menceroboh masuk ke Gunung Lambak ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok..

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Berkenaan dengan..

YB Dato' Timbalan Speaker : Cukup.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Ada, ada banyak lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, minta..

YB Dato' Timbalan Speaker : Bagi can orang lain. Saya dah bagi Yang Berhormat terlampau panjang. Ok, gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Habiskan yang tentang Gunung Lambak ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah, semua orang dah faham (Dewan ketawa).

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Belum habis lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Orang dah faham. Saya minta jabatan-jabatan berkenaan mengambil tindakan termasuklah cadangan daripada Yang Berhormat. Sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol): Sebenarnya Gunung Lambak ini, dia bukan..

YB Dato' Timbalan Speaker : Eh, saya cakap sila gulung. Gunung Lambak dah faham (Dewan ketawa).

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Gunung Lambak ada isu kedua Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, walau pun kita kata Gunung Lambak ini telah menjadi tumpuan penduduk setempat selama ini, tetapi sebenarnya kalau kita kaji dengan betul, perbuatan kita memasuki Gunung Lambak walaupun tidak ada sebarang niat yang jahat, walaupun hanya untuk berladah dan berekreasi, sebenarnya itu juga boleh dianggap sebagai pencerobohan ataupun perbuatan itu adalah diharamkan di sisi undang-undang. Di mana, sebenarnya Gunung Lambak adalah sebahagian daripada Hutan Simpan Kekal Renggam. Di mana kalau ikut, menurut undang-undang peruntukan akta ini, sesiapa yang ingin memasuki hutan simpan kekal ini, dia harus mendapatkan kelulusan daripada pihak yang berkenaan iaitu Pejabat Perhutanan sebelum memasuki hutan tersebut. Maka, ingin Mengkibol mencadangkan supaya Gunung Lambak ini dikelaskan sebagai Hutan Lipur supaya kita dapat mengekalkannya sebagai tempat rekreasi *eco-tourism* dan untuk kesedaran masyarakat-masyarakat tentang perhutanan ini. Jadi..

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat, sila.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Okay. Jadi Yang Berhormat..

YB Dato' Timbalan Speaker : Tamatkan perbahasan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum mengakhiri perbahasan saya, ingin Mengkibol membuat satu cadangan memandangkan telah banyak isu yang berkaitan rapat dengan rakyat telah berlaku dan akan berlaku pada masa akan datang, termasuklah fenomena *El-Nino* yang akan melanda negara kita, Mengkibol ingin mencadangkan supaya Jawatankuasa *by partisan* ditubuhkan dalam Dewan yang mulia ini dan diketuai oleh salah seorang EXCO dalam Jawatankuasa *by partisan* ini. Antara isu-isu yang ingin Mengkibol cadangkan supaya ditubuhkan jawatankuasa *by partisan* ini adalah :

1. Jawatankuasa yang berkaitan dengan bekalan air.

2. Jawatankuasa yang berkaitan dengan pengangkutan awam sejajar dengan syor Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan isu ini.

3. Jawatankuasa Hal Ehwal Alam Sekitar.

4. Jawatankuasa memerangi jenayah. Sebab dengan penglibatan..

YB Dato' Timbalan Speaker : Sudah disebut oleh Ahli-Ahli termasuklah dari Skudai.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Sebenarnya ini, ini, ini bukannya satu perkara yang baru.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila tamatkan perbahasan. Sila.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila duduk.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Dengan ini Mengkibol.

YB Dato' Timbalan Speaker : Mengkibol duduk.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Persilakan, Parit Raja.

YB Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Waalaikumusalam.

YB Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, yang telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan rang undang, rundingan titah ucapan Duli Yang Maha Mulai Tuanku Sultan yang telah merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Kedua, Dewan Negeri Johor yang ke-13 pada hari Khamis yang lalu. Dalam sama-sama membahaskan rundingan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, pada hari ini saya ingin menyentuh beberapa perkara.

Pertama, saya ingin melahirkan rasa syukur dan gembira amat sangat dan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah berkenan menunaikan kenaikan elaun Wakil-Wakil Rakyat Negeri Johor. Saya rasa bangga kerana dengan kemurahan hati Duli Yang Maha Mulia Sultan dan juga kami terharu, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah memahami beban tugas kami sebagai Wakil Rakyat. Parit Raja mengucapkan Menjunjung Kasih kepada tuanku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi sepanjang perjalanan perbahasan ini, saya tidak nampak sahabat-sahabat saya dari sebelah parti pembangkang untuk mengucapkan terima kasih ataupun Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia atas elaun yang kita naik. Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat Parti Pembangkang tak suka.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak cukup (Dewan ketawa).

YB Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Ataupun Yang Berhormat

YB Dato' Timbalan Speaker : Dan tak cukup (Dewan ketawa).

YB Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Ataupun Yang Berhormat Parti Pembangkang nak naik macam kat Selangor? Tapi bila semalam, Yang Berhormat Titiwangsa, eh Titiwangsa pula (Dewan ketawa). Tersilap minta maaf. Yang Berhormat Tiram menyebutkan nak kasi elaun lebih, saya tengok parti pembangkang yang tepuk kuat. Maknanya dia suka, cuma malu nak cakap. Jadi Yang Berhormat, saya nak menyebutkan di sini kepada terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya nak mengulang ucap cakap-cakap Sudin dalam cerita Ali Baba Bujang Lapok. Kalau nak bagi itu biar berlebih-lebih kerana kita semua Wakil Rakyat, kerja pun lebih (Dewan bertepuk). Walau bagaimanapun, Parit Raja mengucapkan terima kasih dan mudah-mudahan rezeki yang kami dapat, mendapat berkat.

Yang kedua Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perbahasan ini saya juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin yang baru setahun lebih memimpin negeri ini telah berjaya menjadikan Negeri Johor bebas daripada hutang. Tak pernah berlaku dalam dunia, baik negara atau negeri bebas hutang. Bukan hanya bebas hutang tapi berlebihan duit, eh perbelanjaan. . . lebih duit bukan RM485.00 tapi RM485 juta. Jadi Parit Raja mengucapkan tahniah. Mudah-mudahan dengan keberanian Yang Amat Berhormat membuat perubahan-perubahan yang baru, Negeri Johor akan lebih maju dan makmur. Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang Yang Amat Berhormat menjadi pemimpin, saya menghayati ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat dalam kelembutannya ada ketegasan dan dalam ketegasannya ada keberanian dan apabila bercakap, Yang Amat Berhormat terang, jelas beginilah pemimpin yang kita harap. Jadi Yang Berhormat, saya sebagai wakil rakyat mendoakan mudah-mudahan hasrat dan azam Yang Amat Berhormat Menteri besar selaku ketua pemimpin negeri ini akan berjaya dan kita sebagai Yang Berhormat dan semua penjawat-penjawat awam akan membantu Yang Amat Berhormat untuk mencapaikan hasrat dan azam Yang Amat Berhormat supaya Negeri Johor lebih makmur dan berjaya.

Perkara yang ketiga saya ingin menyentuh, kita hari ini dah makmur, dah aman, dah bahagia dan kita menikmati segala-galanya. Kita boleh bekerja, kita boleh

bersidang dengan aman walaupun cakap-cakap, kita boleh. . . kita boleh, kita boleh ke mana-mana, kita boleh makan, kita boleh ngeteh kata orang jawa, kita boleh lakukan apa yang kita suka yang tidak menyalahi undang-undang dengan rasa gembira, kita boleh lakukan di negeri ini. Tapi jangan lupa ini adalah pengorbanan pihak-pihak anggota keselamatan kita, baik Polis, tentera ataupun pasukan keselamatan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, Parit Raja merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pasukan keselamatan yang memberikan kebahagian, kemakmuran dalam negeri kita ini. Macam contoh Yang Berhormat Yong Peng, saya *salute*. lalah kawan, kita yang baik cakap yang baik. Dia terima kasih dengan Bomba, dia berterima kasih kepada apa. . kepada Kerajaan Tempatan lepas tu dia mintak, betullah begitulah caranya sebagai pembangkang. Maharani cakap, Kukup cakap bagus, memang itu kita nak kan gitu. Jangan kita benda yang baik dia cakap tak baik, benda yang betul . . . tadi Mengkibol cakap, kalau betul mereka-mereka itu tidak sebagai pengkhianat kalau nak tolak sebagai apa, apa . . pelabur asing, kitakan pelabur asing tu tak baik tak apa kita suka, tapi cara yang baik. Tapi saya nak tanya dengan Mengkibol, kalau orang-orang tu semua menayangkan bendera Malaysia terbalik apa nama nya tu ? orang-orang tu juga lah (Dewan bertepuk). Saya minta maaf, kita nak berhemah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jangan Menyampuk

YB Tan Hong Pin (Mengkibol) : Tak Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab nama Mengkibol di sebut. . .

YB Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Minta maaf jangan menjawab, tak payah sebab ini *time* saya. . .

YB Dato' Timbalan Speaker : Mengkibol tu boleh sebut, bukan nama YB ye.

YB Tan Hong Pin (Mengkibol) : Dia. . dia. . Parit Raja tadi kata terbalikkan bendera . . .

Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker mengikut Peraturan 46, mana-mana Ahli ketika berucap, Ahli lain tak boleh mencelah. Sepanjang masa *you* cakap kita tak cakap pun, *so you* kena hormat orang lain bercakap.

YB Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Dua-dua pun tak boleh mencelah sebenarnya, berilah kebebasan saya nak cakap. Dulu, semalam pembangkang Kukup, parti... cakap.... Kukup Jawab. Kukup pun tak kacau, janganlah kacau saya punya cakap ok. (dewan ketawa). Dengar, dengar, dengar. Apa hilang dah jadinya kan. . . Jadi Yang Berhormat Dato Speaker biarlah kita bercakap dengan hati yang baik. Dulu saya cakap kalau hati kita

baik, hati kita bagus, kita akan sihat, bila sihat kita kuat bila kuat kita panjang umur . . .

YB Dato' Timbalan Speaker : Parit Raja pun memang sihat ya. .

YB Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Saya minta maaf Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi jangan mencelah saya tengah, eh Tuan Pengerusi pulak Speaker minta maaf (Dewan ketawa). Jadi Tuan Speaker, saya nak bercakap tentang bijak pandai menyatakan kalau kita mempunyai hati yang baik dan bersih dengan sendirinya kita akan berfikiran bersih dan yang baik. Apabila hati baik, fikiran baik, fikiran bersih kita akan bercakap benda-benda yang baik dan bersih. Bila kita bercakap dengan baik benda yang baik, benda yang bersih, Insya-Allah kita akan buat benda-benda yang baik. Rupanya begitu kuat sekali hati tu, hati baik bersih, fikiran baik bersih. Bila fikiran bersih kita bercakap bersih. Apabila kita bercakap baik bersih kita akan buat benda baik dan hasilnya pun jadi baik. Jadi saya harap tak kiralah dari penyokong ataupun pembangkang biarlah kita cakap yang baik.

Kerajaan bukannya macam, "oh, asal pembangkang cakap, tak bagus", tetapi pembangkang tak pernah cakap apa yang kita buat ni bagus, baik. Jadi inilah pengajaran. Kita ni nak panjang umur, kita ni nak sihat kita ni nak buat kerja baik Yang Berhormat Dato' Pengerusi, jadi saya agar kita sebagai wakil rakyat bercakap baik. Yang saya takut ni, minta maaf Tuan Pengerusi patut dalam Dewan yang mulia ni, kita cakap benda yang bagus jangan bohong-bohong, cakap benda yang betul, fakta. Dan yang saya takut bukan kat Dewan aje begini, kat luar Dewan pula menghasutkan pulak rakyat. Jadi kita ni Yang Berhormat Speaker, kita ni nakkan generasi dan pewaris yang baik. Macam kita tanam durianlah. Kalau kita tanam durian benih yang tak baik kita dapat buah durian yang tak baik. Tetapi jika kita menanam durian nama durian D24 ke, tembaga ke, kucing tanduk ke, apa-apalah tu apa. Saya memang suka durian, kita akan mendapat durian yang baik. Jadi saya mintalah sahabat-sahabat saya dari pembangkang, biar hati baik, fikiran baik, cakap baik hasil pun baik

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang keempat, Parit Raja memohon pada kerajaan walaupun telah dijawab oleh EXCO. Balai Polis Parit Raja minta dinaikkan taraf atau ditambahkan anggota. Pada hari ni anggotanya ada 17 orang. Dialah yang jaga, dialah yang menjaga lokap, dialah yang meronda, dialah yang menantikan giliran. Pasal balai Polis ni bekerja 24 jam bukan macam pejabat. Jadi saya berharap dengan kepadatan Pekan Parit Raja bukan DUN Parit Raja. Pekan Parit Raja ada 50 ribu penduduk di sekitar Pekan Parit Raja, tidak termasuk kampung-kampung sekitar yang ada 16, 17 kampung. Belum lagi termasuk pelajar-pelajar UTHM yang pelajar-pelajar UTHM, bukan daripada dalam negara dan dalam negeri sahaja. Tapi ada pelajar-pelajar yang dalam dan luar negara, daripada Arab, eh Arab? daripada yang hitam-hitam tu apa? Ha? Yang Afrika ke apa lah tu lah, macam-macam. Yang belajar di KUITHO itu, maknanya bertambah lagi. Bukan itu saja Dato' Speaker, pekerja-

pekerja di industri-industi kawasan Pekan Parit Raja tu, pekerja Banglanya, Indianya, Vietnamnya, Pakistannya, ramai. Belum lagi termasuk pekerja-pekerja yang halal dan haram, yang halalnya yang ada permit, yang haram ni masuk seludup daripada Sungai Rengit. Minta maaf, minta maaf sahabat saya, jangan marah. Tapi saya terpaksa cakap walaupun sahabat saya. Tapi dia menyeludup daripada Sungai Rengit. Jadi pendatang-pendatang haram tu yang membuat takut dibimbangkan kawasan Parit Raja yang aman, tenteram aman damai dengan kedatangan dan suasana ini saya bimbang akan berlaku-berlaku perkara. Jadi sebelum berlaku apa-apa saya mengharaplah kerajaan mempertimbangkan permohonan kami untuk Balai Polis Parit Raja.

Perkara yang kelima Yang Berhormat Dato' Speaker, Pusat Kesihatan Parit Raja. Saya ni diminta oleh penduduk dan juga kakitangan Pusat Kesihatan Parit Raja supaya Pusat Kesihatan Parit Raja ini dinaik tarafkan berkonsep poliklinik. Yang Berhormat Dato' Speaker sebagaimana yang saya nyatakan dengan jumlah penduduk sekitar Pekan Parit Raja, 50 ribu orang belum termasuk kampung-kampung yang berdekatan, kadang-kadang kampung yang bersempadan dengan Parit Raja, kampung-kampung kawasan Semarang pun minta bantuan ataupun suka datang meminta apa, membuat rawatan di klinik itu. Dengan jumlah pesakit yang mencecahkan 200 orang lebih kadang-kadang satu hari dan bangunan yang telah dibina sejak 1960, umur saya masa 5 tahun saya sekarang dah jadi wakil rakyat, tak kanlah bangunan yang 1960 tu masih ada lagi. Dengan pulak ruang pesakit, menunggu pesakit yangn sempit dan kurang selesa, kadang-kadang sampai keluar tempat menunggu. Belum lagi masuk ibu-ibu mengandung, belum lagi pesakit-pesakit gigi, jadi saya harap dipertimbangkanlah. Sekarang di Klinik Parit Raja tu ada 6 doktor, satu doktor pakar kesihatan keluarga, satu doktor ibu mengandung, 4 doktor biasa pembantu dan 2 doktor gigi. Jadi dengan keperlua-keperluan ini saya haraplah kerajaan menimbangkan permohonan Parit Raja pada pagi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang keenam mengenai Pulau Batu Putih. Parit Raja bersama-sama rakyat Negeri Johor dan juga sahabat saya Yang Berhormat menyokong atas tuntutan Pulau Batu Putih ini. Dan Parit Raja mendesak kerajaan agar segera menubuhkan jawatankuasanya ataupun pasukan khas untuk mendesak Kerajaan Pusat membuat rayuan bagi membatalkan keputusan yang telah dibuat oleh ICJ pada 2000 lalu. Jadi kalau boleh Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat pilihlah Jawatankuasanya yang betul-betul berani dan betul-betul ada jati diri sebagai rakyat Johor mudah-mudahan dengan bukti-bukti yang akan dicari Pulau Batu Putih akan menjadi hak Kerajaan negeri Johor.

Perkara yang seterusnya yang ketujuh Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin mencadangkan kalau dulu kerajaan telah mencadangkan, eh! saya tersalah baca pulak. Kalau dulu kerajaan mencadangkan supaya pusat judi ditutup memang menjadi kebanggaan dan rakyat mengalu-alukan keputusan itu. Saya harap secara beransur-ansur pusat judi ini akan dapat ditutup semuanya, supaya tidak menggalakkan rakyat kita berjudi. Saya ada satu

cadangan, Parit Raja, supaya tempat-tempat, kedai-kedai minum arak ataupun apa, pop, pop, pub atau kelab malam, saya pasal jenis bukan tu kan. Saya rasa semua agama pun tak suka orang-orangnya minum arak, pasal bila mabuk ni, dia tak ingat apa-apa, dan boleh je buat apa-apa. Dengan mabuk ni lah kita, boleh jadi rogol, dengan mabuk ni lah boleh jadi jual seks, dengan mabuk ni lah boleh macam-macam berlaku, dengan mabuk ni lah juga boleh berlaku kemalangan. Jadi, kalau bolehlah, Kerajaan Johor mengawal atau mengurangkan tempat-tempat yang menjadikan benda-benda yang maksiat dan jenayah ataupun benda yang tak baik ni. Kita semua tak, Wakil Rakyat, YB-YB semua tak mabuk kan, tak suka hisap,hisap apa, minum arakkan. Jadi apa pula nak tak sokong, benda yang baik kita buat. Jadi, saya harap supaya Negeri Johor satu persatu akan bersih daripada gejala-gejala yang tak baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya, walaupun, Dewan ini akan membincangkan tentang Enakmen Fasal Perumahan pada 9 hari bulan yang lalu, saya sebagai Wakil Rakyat Parit Raja ingin menyampaikan hasrat dan harapan penduduk-penduduk di sekitar kawasan Parit Raja supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas kepada pemaju-pemaju. Saya sokong lah sahabat-sahabat saya cakap tadi, tindakan tegas supaya pemaju-pemaju yang memang melambat-lambatkan atau nak melupakan untuk membuat rumah kos rendah dan sederhana ini diambil tindakan. Rakyat bukan nak rumah yang besar-besar, tapi rakyat nak kan rumah yang selesa. Jadi, kalau pemaju-pemaju yang memang di *black list* kan ataupun yang gagal untuk mendirikan atau membina rumah-rumah ni, saya rasa terpulanglah pada kerajaan bagaimana untuk menyampaikan hajat rakyat untuk mendapatkan rumah-rumah kos rendah tersebut. Saya menyokonglah, apa yang akan kerajaan buat, yang penting rakyat akan mendapat rumah-rumah itu. Yang Berhormat Dato' Speaker, ada masa lagi Yang Berhormat ya.

YB Datuk Speaker : Boleh.

YB Datin Azizah binti Zakaria (Parit Raja): Eh, boleh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker saya ni nak usik kawan, YB EXCO Belia lah, eh tak, minta maaf, terperanjat YB. Kalau semua, kalau YB Sungai Balang dah dapat sedikit barang-barang bola ke apa-apa ke apa, apa, apa. Takkan Parit Raja tak dapat. Tapi saya tak salahkan EXCO, saya salahkan pegawai-pegawai yang membantu EXCO inilah. Agaknya dia lupalah permohonan surat saya, jadi kalau lepas ni tu, jangan dilupa-lupakan lah. Ni tercatat ni dalam minit ni. Jadi, saya berharaplah, kerana saya bukan untuk saya, saya beri untuk pengundi-pengundi muda saya, supaya pengundi-pengundi muda saya tidak membuat sesuatu yang, perkara-perkara yang salah. Main bola, main sukan itu memang yang dihajatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak cakap satu ni tapi takut salah, tapi terpaksa cakap. Betul ke? EXCO Pendidikan tak ada EXCO Pendidikan tapi dia dengar ya. EXCO Pendidikan. Betul ke? Saya ni kadang-kadang jadi macam tak percaya tapi ni kawan saya bercakap dengan saya. Datin, ada pihak

pembangkang, jangan terasa sini taklah, sini taklah, dah menyatakan, ni PKR pembangkang PKR, mengatakan dengan rasa bangganya, semua guru-guru baik sekolah rendah atau menengah, guru-guru ni semua, menyokong kami PKR. Betul ke? Saya tak nak, benda yang tak betul, di cakap tapi saya minta EXCO Pendidikan atau Kementerian Pendidikan mengkaji pasal, guru selama ini telah memberikan perkhidmatan pendidikan pada anak-anak kita dengan cara baik, anak kita daripada tak pandai jadi pandai. Jadi, saya tak nak sampai guru-guru difitnah begitu. Dia kata guru-guru semua menyokong parti pembangkang di sekolah, dengan senangnya akan mempengaruhi anak-anak dan kita akan mendapat sokongan akan datang lebih besar. Jadi janganlah cakap gitu, jadi saya kalau betul ia dibetulkan, kalau tak betul makna saya puji terima kasih kepada guru-guru yang mempunyai hati yang baik untuk mendidik anak-anak kita. Jadi, itulah sedikit sebanyak Yang Berhormat Dato' Speaker dengan ini saya menyokong usul, menjunjung kasih yang di bawa oleh Yang Berhormat Pasir Raja. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi ta'ala hiwabarakatuh.

YB Datuk Speaker : Sungai Abong jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk berbahas dalam Dewan ini, dalam rundingan menjunjung kasih terhadap perkenannya Duli Tuanku merasmikan Persidangan dewan tempoh hari. Alhamdulillah. Yang Berhormat Speaker, kadang-kadang bila kita menegur orang menyangka kita ini memaki, bila kita kadang-kadang mengajar orang anggap kita ni menghina. Bila kita meminta kadang-kadang orang anggap kita ni mengemis, kadang-kadang bila kita memberi idea-idea, ada orang menganggap kita ni menunjuk-nunjuk. Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi, ini prinsip manusialah, bukan prinsip kami dan saya rasa inilah prinsip semua manusia, kalau ada prinsip ini maka saya rasa dunia ini akan lebih baik. Jadilah, kita bersetuju dengan bersyarat, kadang kita menentang atau nampak menentang ianya bersebab. Ha itu dia, berapa kata-kata, mungkin kata-kata pujangga, kalau nak kata-kata pujangga tapi kalau inilah prinsip manusia, tak kira siapalah pembangkang ke kerajaan ke pegawai-pegawai kerajaan ke maka ianya adalah *world class*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak ucapkan tabik tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak ada hari ini. Tabik *spring* nak bagi dia. Ya. Tentang lebihan surplus 485 juta dalam masa satu tahun pimpinan Yang Amat Berhormat di bantu oleh EXCO-EXCO yang ramai muka-muka baru, ya, nampak mudah ya Dato' Speaker. Setahun aje. Ini satu rekod. Tak, maknanya tak perlu nak, menambah lagi timbalan-timbalan EXCO-EXCO tak perlu lagi lah. Cukup yang ada ini, yang dibantu oleh penjawat-penjawat awam yang, saya rasa memang dedikasi berazam, cukup lah, tak perlu lagi. Tak perlu. Bukan bilangan itu yang menentukan kejayaan.

YB Datuk Speaker : Tak perlu pembangkang ke?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong): Ya. Pembangkang nanti dulu. Makna tak perlu, Negara Amerika Syarikat penduduknya 311 juta Menterinya hanya 18. Jepun 127 juta, Menterinya hanya 16. 16. Kita 28 juta, 36, nak tambah lagi dengannya, Menteri. Tambah satu lagi, mungkin dua lagi, pada MCA dan sebagainya. 28 juta hampir 40 Menteri. Ini satu rekod. Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar tolong sekolah sikitlah, mana-mana kerajaan negeri-negeri yang bukan bawah Barisan Nasional itu. Beritahu rahsia-rahsia bagaimana Johor dalam masa setahun boleh melangsaikan hutangnya dan surplus 480 juta, yang lebih penting lagi beritahu Putrajaya, tanpa GST tanpa cukai-cukai tambahan boleh mencapai kejayaan seperti ini. Tak perlu GST sebenarnya. Rasa semua orang tahu rahsia-rahsianya senang sahajalah. Ikhlas, amanah. Ya. Apa lagi, telus, banyak-banyak lagilah, saya rasa ini kita semua tahulah. Tapi yang jelasnya, seperti yang saya sebutkan dalam persidangan yang lepas, mereka ini adalah saya anggapkan seperti kereta baru, drebar baru, penumpang-penumpang baru, ya, laju keretanya, kami ni sebagai tukang bersih kereta jadilah supaya nampak kereta tu berkilat. Kadang-kadang kereta-kereta baru ni berlumpur, berlumut, ya. Jadi kami tukang bersihkan, jadilah. Supaya kereta ini nampak cantik berkilat dan jalan terus menuju ke arah yang dituju. Itu pembangkang, perlu. Dan, saya tekankan lagi bahawa kerajaan yang sihat adalah pembangkang yang kuat. (Dewan bertepuk)

YB Datuk Speaker : Bukan kuat, efektif dan..

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong): Ini *fact*. Jadi terima kasih. Saya tak segan nak tabik lagi tiap-tiap tahun, kalau ini lah pencapaian kerajaan negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Mungkin ada satu petua lain, tambahan saya nak bagi tahu lah, selain daripada baik usaha, idea-idea baru, kreativiti baru, tenaga muda yang baru keazaman dan sebagainya, ikhlas, amanah. Satu lagi (membaca surah dalam bahasa Arab). Sekiranya penduduk-penduduk negeri itu bertakwa, beriman, bertakwa kepada Allah, maka Allah akan bukakan segala pintu-pintu berkat daripada langit dan pintu-pintu daripada bumi-bumi. Maka ini saya nak ingatkan, tambah satu lagi bukan sebelum ini tidak beriman, tidak bertakwa tambah lagi, lebih lagi, insya-Allah.

Lebih-lebih lagi kita nak hadapi *El-Nino* ini, saya cukup bimbang *El-Nino* ni. Daripada jawapan EXCO itu hari, nampak beres, beres, rancangan dah pun di atur dan insya-Allah beres. *Last-last* sekali kita catu air. Bila berlaku musim kemarau awal tahun lepas, tak lama 2 bulan sahaja. Sebelum itu, adakah kita ingat musim yang luar biasa, kalau orang kata ini musim gila, iklim gila, ini tidak gila, Yang Berhormat Dato' Speaker, cuaca ini tak gila. Sebelum berlaku kemarau panjang 2 bulan, berlaku satu fenomena yang luar biasa, negara kita dilanda oleh kesejukan yang tak pernah kita alami sebelum ini. Sejuk. Vietnam ada salji, sejuk. Kita pun sejuk di Muar ni menggigil. Saya tak tau di Johor ni

macam mana. Tapi di Filipina panas kuat. Satu fenomena yang ahli-ahli pakar kaji cuaca tak dapat nak menerangkan, apakah punca ini. Ini mukadimah Dato' Speaker.

Rupa-rupanya udara kita ni dia ada angin panas dan sejuk yang berlaku di Vietnam berlaku di negara kita, angin sejuk melalui negara kita dia tidak bertembung dengan udara panas daripada Selatan selalunya dia akan bertembung dan cuaca itu akan menjadi nyaman tapi luar biasanya, sejuk bertiup di bawah, panas bertiup di atas, di Filipina pula sejuk di atas, udara angin panasnya lalu di bawah tak bertembung, ni luar biasa. Sampai sekarang ahli-ahli sains tak dapat nak beri jawapan terhadap fenomena ini. Maka jawapannya atas, ini kuasa Allah dan rakan kita alami *El-Nino* ini, bulan 6 ini yang mana dijangkakan panasnya selama 6 bulan kalau dulunya 2 bulan, 6 bulan.

Jadi, terangkanlah segala persiapan-persiapan yang akan kita hadapi. Terima kasihlah. Masalahnya kalau 2 bulan kita dah merasa begitu hebat keperitannya dengan air masinnya, catuan airnya, EXCO menjawab kalau berlaku ini kita akan ambil sumber daripada lain sumbernya daripada mana Singapura, Melaka boleh ambil air Johor, Selangor boleh ambil air daripada Pahang, Perak dan sebagainya, kita Johor ni Singapura ambil air daripada kita, Melaka ambil air daripada kita, kalau berlaku ini, kita mana nak ambil air? Dan kita kena ingat satu masalah besar yang akan melanda kita ialah masalah *aedes*. Bila 2 bulan berlaku cuaca panas teruk *aedes* melampau di negara ini melampau kerana kita faham bahawa bila cuaca panas, nyamuk ni dia aktif terlalu aktif nyamuk-nyamuk ini dia akan masuk ke dalam tempat-tempat sejuk bila luar panas dia akan cari di rumah-rumah kita untuk berlindung. Lebih malang lagi, virus itu lebih aktif pada musim panas maka dijangka *El-Nino* kali ini bukan masalah air sahaja. EXCO Kesihatan, kena memikirkan masalah yang akan kita hadapi iaitu wabak *aedes* yang lebih hebat, denggi dan apa yang saya nampak, kita kalah untuk menghadapi peristiwa ini. Walau bagaimanapun..

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Sungai Abong ada cadangan ?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya?

YB Dato' Timbalan Speaker : Bagilah cadangan.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Baik saya duduk sebelah sana. (Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Kata nak bagi idea yang bagus.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ada cadangannya tapi oleh kerana masa saya tak banyak, nak jawab lagi, Parit Raja.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak dapat pahala. Separuh sahaja bagi maklumat.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya akan bisik nanti dalam bilik rehat. (Dewan ketawa). Parit Raja, ya lah dia kata kita ni tidak bersyukur pada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, tak terima kasih pada kerajaan tentang elaun naik, tu saya kata bila kita minta nanti orang kata kita mengemis. Terima kasih kepada Duli Tuanku, terima kasih kepada Kerajaan negeri Johor. Ini adalah elaun bagi rakyat, bagi kami pembangkang ni oleh kerana rakyat kita tak ada peruntukan lain maka inilah peruntukan untuk rakyat bagi kawasan-kawasan yang kami wakil. Terima kasih. Walaupun naik tu tak banyak, tapi, juga Yang Berhormat Dato' Speaker, belah-belah sana pun selalu jumpa saya, "YB tolong minta lagi," dia kata. BN ini (Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Janganlah pecahkan rahsia tu. (Dewan ketawa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Bila saya kata masa kami dulu menang penggal yang lepas kami dapat ini dapat *briefcase*, kami dapat *laptop*, kami dapat *hand phone* dulu negeri kita berhutang banyak. (Dewan ketawa). Saya tanya Jurutulis, dia kata kalau ada duit insya-Allahlah. Jadi, saya bukan minta, ini luahan hasrat hati daripada sebelah-sebelah sana tu. (Dewan ketawa). Jadi tahniah Negeri Johor, saya pun peliklah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak boleh runding lagi. Pasal YB tak simpan rahsia. (Dewan ketawa).

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Bila negeri tak ada berhutang, Yang Berhormat sekalian kata baik, tapi di Putrajaya kata kalau negara kita berhutang, ini negara yang baik. Pelik, kita kata negara kita ada masalah, hutang dah sampai siling RM500 bilion lebih, maka jawapan dia beri negara yang berhutang, lagi banyak berhutang itulah negara lebih baik. Jadi, walau bagaimanapun, terima kasih kerana duit itu kami janji itu, duit elaun bagi rakyat, kami segan nak minta. Boleh buat satu cerita? mukadimah ni menarik kerana kita ni bukan Sayidina Abu Bakar.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bukan Khalifah Umar ?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Suatu hari, isteri Sayidina Abu Bakar, beritahu kepada Khalifah, "Khalifah, lama dah tak makan manis-manisan ni," jadi Khalifah kata, "mana ada duit lebih, inilah elaun khalifah banyak ini, nak beli manisan ini orang yang ada duit lebih bolehlah beli manisan," maka, isteri Khalifah kata "tak apalah saya akan jimat duit elaun Khalifah itu, jimat sikit-sikit, insya-Allah kita boleh beli madu manisan." Maka betul, setelah berjimat dan sebagainya boleh beli madu dan manisan untuk dimakan oleh isteri Khalifah dan Khalifah itu sendiri. Jadi, Khalifah Abu Bakar As Siddiq, dia kata, "wah, mewah sungguh Khalifah, dah boleh makan manisan. Kalau dulu tak boleh makan dengan elaun, ini dah boleh makan, ini mewah" dia kata. Maka Khalifah nak cadangkan elaun Khalifah ni dipotong lagi. Itu Khalifah, bukan kita, (Dewan ketawa). Dan contoh ini untuk Yang Amat

Berhormat sebenarnya, bukan kita ini, Dato' Speaker, ini EXCO-EXCO itu taraf-tarafnya, kita ni bukan. Dato' Speaker, kalau Dato' Speaker lalu ataupun pergi ke Sungai Abong khasnya ataupun Bandar Muar umumnya maka kita akan lihat pembangunan hebat. Rumah-rumah murah ni Dato' Speaker, dah besar-besar dah, garaj dah dibuat di luar-luar dah, dia akan tambah bilik-bilik banyak. Rumah-rumah murah yang dulunya 2 bilik dah jadi 3 bilik, 4 bilik. Kedai-kedai ni baru-baru ni, jangan ceritalah, kita hendak rumah, kedai yang naik. Rupa-rupanya bila kita tengok kenapa rumah-rumah ni makin lama makin besar rumah-rumah murah ni, rupa-rupanya dalamnya ada mak-bapa, menantu, anak yang dah kahwin semuanya di situ. Kita ingatkan ini adalah kemajuan,rupa- rupanya ini adalah manifestasi kerana tidak adanya rumah-rumah baru tidak ada nak beli pun tak ada nak menyewa pun tak ada, di Muar. Inilah dia, bila kita tanya rumah murah apakah rancangan sebagainya maka contoh-contoh yang diberi ialah Nusajaya, Wilayah Iskandar dan sebagainya. Bila kita tanya apakah rancangan keselamatan, *CCTV* ribu di Wilayah Iskandar. Cerita begini, rumah pekerja asing inilah contohnya, Wilayah Iskandar dan sebagainya.

Seolah-olah Johor ini, itulah dia Wilayah Iskandar, Kota Iskandar dan sebagainya. Dia lupa Mersing, Endau di hujung sana, Muar di situ, Segamat di hujung sana, Kluang hampir. Maka, inilah dia masalah kalau kita tumpukan sangat pembangunan di Wilayah Iskandar, kalau rumah *primity* ini Wilayah Iskandar serba-serbinya Wilayah Iskandar. Maka akibatnya apa yang berlaku, berlakulah di daerah-daerah yang lain, rumah murah. Dia belum meletup lagi dia akan meletup selepas ini. Kita harapkan rumah tapi kedai-kedai memang banyak kedai-kedai di Daerah Muar ini, pergi sahajalah ke tempat-tempat tak sepatutnya didirikan kedai-kedai, kedai-kedai tulah di naikkan tak apa. Kalau kita pergi negara-negara luar Yang Berhormat Dato' Speaker, Bandar-bandar itu, bawahnya kedai atasnya perumahan. Tak bolehkah kita cadangkan bahawa rumah-rumah kedai ini cuba di buat janganlah bawah tu kedai atas pun kedai juga. Fikir, rumah kedai di bawah cadangkanlah, fikirkanlah supaya di atas tingkat 2, tingkat 3, tu dia juga adalah boleh dijadikan rumah-rumah perumahan untuk rakyat. Jadi, bila orang menyewa kedai bawah, nak menyewa rumah atas pun tak boleh, kedai, fesyennya, *patternnya* kedai. Jadi, cuba fikirkan boleh buat kedai tak apa tapi atasnya ini juga perumahan, kita untung boleh save banyak. Pergi di bandar-bandar lain, contoh kalau pergi *Cairo* ke manalah, dalam bandar itulah perumahan sebab apa bawahnya kedai atasnya semuanya perumahan. Kerja pun senang, tak *jammed* sangat kerana yang kerja itu duduk dalam bandar-bandar, maka saya cadangkanlah pihak yang berkenaan, fikir-fikirkanlah perkara-perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Wilayah Pulau Batu Putih, ini ialah tragedi bagi kita. Saya ingat, Dato' Speaker ingat bila tahun 2008 diumumkan keputusan I.C.J ini, maka bila yang di atas kata inilah *win-win situation* maka pihak sebelah sana pun kata ini bijaknya kerajaan kerana mengatakan *win-win*, kita tak dapat semua kita dapat satu, ingat. Bila Yang Maha Mulia Tuanku mengutarakan masalah ini, maka kita pun sama-sama bangkit balik nak ambil balik Batu Putih

kalau dulu, tak ada. Inilah hebatnya kerajaan, menang kita menang, kita hilang Pulau Batu Putih, kita dapat batu tenggelam. Tak konsisten kita ni. Satu lagi Pulau Pisang, apakah statusnya sekarang ini? Dengar-dengarnya pulau itu sebahagian daripadanya disewa atau diberi secara apa pun saya tak faham diberi selagi ada bulan dan matahari kepada Kerajaan Singapura sebahagian katanya lebih teruk daripada Pulau Batu Putih tak payah pergi ICJ, dia dah dapat dah itu kerana apa, kita bagi selagi dunia ini tak kiamat. Tak apalah, dulu kita utarakan kebimbangan kita tentang Wilayah Iskandar ini, bila kita tak menentang, kita utarakan masalah yang akan dihadapi oleh Wilayah Iskandar yang begitu hebat. Kita bentangkan masalah-masalah ini tapi oleh kerana atas nama pembangunan, teruskanlah, kita beri amaran supaya jangan jadikan Wilayah Iskandar ini suatu perluasan negara-negara lain di negeri kita ini. Kita jaga betul-betul. Kita hampir-hampir nampak. Pembangunan perumahan dan sebagainya ekonomi bukan untuk milik rakyat-rakyat bawah-bawahan. Ini untuk, kalau untuk rakyat Negeri Johor ialah untuk elit, golongan elit yang mampu tinggal atau memiliki pembangunan di Wilayah Iskandar. Jadi tolong jaga tanah adalah kuasa. Dato' Speaker, ini adalah suatu amaranlah begitulah, cara lembutlah ni. Dato' Speaker, satu masalah yang sering ...

YB Dato' Timbalan Speaker : Panjang lagi Sungai Abong?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Berapa minit lagi Dato' Speaker bagi pada saya?

YB Dato' Timbalan Speaker : Lima minit lagi?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau Tanjung Surat kenal Dato' Speaker, 30 tahun Dato' Speaker bagi panjang. Saya kenal 45 tahun.

YB Dato' Timbalan Speaker : Panjang tu..

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya ringkaskan Dato' Speaker, pada EXCO Sumber Tenaga, Manusia. Khusus tentang pembantu-pembantu rumah ini daripada Indonesia yang beragama Islam. Kami tidak faham bagaimanakah mereka yang beragama Islam ini diizinkan bekerja di rumah-rumah yang bukan Islam, tetapi pembantu rumah yang bukan Islam tidak dibenarkan bekerja di rumah-rumah orang Islam. Maka timbullah masalah-masalah yang sosial yang kita hadapi. Lari daripada rumah. Mereka-mereka mungkin terpaksa membuat kerja-kerja yang tak sepatutnya mereka buat. Sebab itulah berlakunya lari. Pembantu rumah yang Islam ini bekerja di rumah yang tidak Islam. Bila tanya mereka ni kata kami tak tahu asal-asal kami kena kerja begini. Tak tahu. Kami ingatkan kami datang sini bekerja di rumah orang-orang Islam. Tak boleh ke beri penerangan, kalau kamu bekerja di rumah-rumah yang bukan Islam di Malaysia ni, inilah kerja-kerjanya. Yang bakal, mungkin berlaku. Kerana peraturan ini tidak adil sebenarnya. Tak adil. Tolong fikirkan lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita baru–baru ini kita bingung. Sehingga timbul keyakinan terhadap JAKIM tentang masalah isu halal haram dan sebagainya. Sehingga tak terkawal dia punya. Tak terkawal kalau kita baca dalam *facebook* dan sebagainya dimain-mainkan JAKIM. Dimain-mainkan pihak itu dan ini dan sebagainya. Kerana apa, kerana kita ini tidak cekap bertindak. Tak *smart*. Tak standard. Saya tak nak panjangkanlah. Benda yang tak nampak kita ambil berat sangat DNA. DNA tu tak nampak pun, tak da zat pun DNA. Benda-benda yang besar-besar depan mata kita ini, saya ambil satu, betul kita nak kira halal haram, saya minta pertama-tama pekerja-pekerja Islam dilarang walaupun orang Islam dilarang membeli arak tapi pekerja-pekerja Islam di larang juga menjual arak. Walaupun penjual itu bukanlah orang Islam, tokehnya bukan orang Islam, tetapi pekerja-pekerjanya adalah orang Islam. Di *super market*, apa salahnya letakkan satu *booth* untuk barang-barang yang tidak halal ini dan dijual oleh jurujual yang bukan Islam. Ini benda besar. Bandingan DNA tadi tu. Kalau DNA yang tak nampak kita boleh *highlight* macam ini, walaupun dia kadang ulama ni khilaf, DNA ni halal ke haram. Ada yang kata halal, tak ada zat. Tolong pertimbangkan. Ada masa lagi ni insya-Allah.

YB Dato' Timbalan Speaker : 1 minit

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : 1 minit. Semua nak cakap tentang GST dan sebagainya jadi saya nak pendekkanlah. Kami bukan menentang GST tapi kami nak namakan dia GST, bukan kami menentang cukai GST. Yang kami menentang adalah keperluan. Keperluan GST. Sama adalah ia perlu ataupun tidak. Tak pernah mana-mana Laporan Ketua Audit Negara yang menyatakan bahawa untuk menyelesaikan masalah kewangan mesti kita laksanakan GST. Semua laporan-laporan yang kita terima tiap-tiap tahun adalah pertama untuk menyelamatkan kewangan negara kita ini. Pertama jangan boros. Kedua berbelanja cara hemah. Berbelanja *value for money*, tender open, belanja tolong jimat. Orang pun bingung MRT di sekitar Lembah Klang yang berapa kilometernya bukan, berapa 50 km berharga lebih RM50 bilion tetapi landasan kereta api baru daripada Singapura ke Kuala lumpur yang panjangnya beratus-ratus kilometer berharga RM21bilion. Bila kita rancang sesuatu projek harga RM2 bilion, panjang masa tempohnya naik RM4 bilion.

Sepatutnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya suka tengok rancangan *Discovery* ke, khususnya tentang rancangan buat projek-projek besar di negara-negara luar ini , kita lihat bila berlaku sesuatu masalah teknikal ke cuaca ke, bila satu hari saja kontraktor tak dapat menjalankan tugas pembinaan itu, maka kontraktor rasa ini bahaya besar kerana apa, takut tak dapat menyiapkan dalam projek itu dalam masa yang ditentukan. Kalau 2 tahun, 2 tahun. Pasal apa, kami kena bayar balik kepada kerajaan. Denda, *fined* tapi ianya tak berlaku di sini. Soalah-olahnya kontraktor sengaja nak melambat-lambatkan projek itu tidak menyiapkan dalam masa yang ditentukan, supaya apa, supaya projek itu lebih gelembung lagi harganya.

Sepatutnya bila tak berlaku, bila tak dapat menyiapkan dalam satu-satu masa, kerajaan dapat duit. Tapi tak berlaku di sini. Kenapa? Saya harap sangat-sangat, pihak kerajaan, jabatan, tolong serah suatu projek pada kontraktor janji betul-betul. Berapa lama siap. Ini harganya. Tak siap ni dendanya. Beres. Tak siap ini duit kita denda. Maka belanja tak pun gelembung kita pun akan dapat hasil dan sebagainya.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Sungai Abong. Walaupun kenal daripada kecik, sebelum sunat lagi.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hormat Dato' Speakerlah. Adil dia. Jadi, saya sokonglah rundingan yang dibawa oleh Pasir Raja. Jadi, sekian terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jemput sedili.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat. Johor bumi berdaulat. Telah bertasbih kepada Allah apa-apa yang di langit dan apa-apa yang ada di bumi dan dia maha perkasa lagi maha bijaksana. Hai orang-orang mukmin. Mengapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu perbuat. Amat besar kebencian di sisi Allah SWT kerana kamu mengatakan sesuatu kerana kami mengatakan sesuatu yang tidak kamu perbuat. Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang-orang yang berpegang kepada jalannya dengan berbaris-baris. Seolah-olah mereka bangun, seolah-olah mereka bangunan tembok yang sangat rapat. Menjadi satu surah Al-Saf ayat 1 hingga 4.

Saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT bersama firman yang maha Esa, maka dengan itu kita dapat bersama di Dewan yang mulia ini, untuk membincangkan dan mencari permuafakatan dalam urusan-urusan berkaitan kemakmuran Negeri Johor dan kesejahteraan rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya asalnya saya tak nak nak cakap yang melalut-lalut tapi bila saya tengok Mengkibol tadi Dato' Speaker, saya teringat pepatah Cina, sudah minum air itu perigi, jangan racun itu perigi. Kalau pepatah Cina kata dia derhaka, kalau pepatah Melayu, baling batu sembunyi tangan. Saya amat terpanggil bila mana dia tujukan kat saya tu. Mengkibol tuju kat saya tu. Dia kata dia tuduh saya penderhaka. Pepatah Cina ada kata, sudah minum air itu perigi, jangan racun itu perigi. Saya ada gambar, 3 orang Wakil Rakyat yang pergi ke...

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah racun perigi itu sapa yang minum air perigi tu?

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Dia dah minum dulu, lepas tu dia racun. Tak kasi orang lain minum. Tapi saya pelik, hari ini, Mengkibol dah macam dia nak jadi kerajaan, nak menyelamatkan Johor. Pelik tu. Dia pergi Taiwan, pelabur Taiwan dia boleh tahu ini syarikat ini tak baguslah apa semua.

Dia dah macam kerajaan dah. Saya pun pelik juga ini ada sikit demam dia ni. Lepas tu dia kata dia nak selamatkan Johor kerana pelabur ni tak bagus, sedangkan dia kat sana dia memburukkan tanah air kita. Ini tanah air kita. Dato' Speaker, dia tergamak dia boleh buruk tanah air kita kepada negara luar dengan secara ekonomi salah satu daripadanya. Dia kata saya nak selamatkan Negeri Johor, kaedah dia. Jadi, saya pun pelik jugalah. Kenapa dia boleh saya ingat nanti dia ni demam, saya ingin Yang Berhormat Pengerusi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sedili, panjang lagi kan. Sebelum naik syeh, saya tangguhkan mesyuarat ini ke jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Sedili meneruskan.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi ruang kepada Sedili untuk membahas ucapan pembukaan sidang Dewan sebagai amanah yang saya wajib tunaikan. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin memaklumkan bahawa muafakat Johor yang di umum oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai pendekatan pentadbiran Negeri Johor mendapat perhatian dari segenap lapisan masyarakat rakyat Johor termasuk di Sedili. Slogan yang kerap ini disebut sebagai Salam Muafakat Johor senang diguna pakai hampir oleh hampir oleh semua kakitangan kerajaan dan rakyat di Johor dalam majlis-majlis masyarakat sama ada kecil dan besar dan ianya menjadi fenomena baru di negara kita bertambah menarik apabila kanak-kanak sekolah rendah juga memilih untuk mengungkapkannya. Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar memperkenalkan sebagai apa yang kita boleh sebut Dasar Muafakat Johor.

Daripada slogan yang mengungkapkan dasar saya diperhatikan gerak tugas merealisasikan inti pati muafakat Johor giat dilaksanakan sewajar dan seharusnya peranan kita sebagai wakil kepada rakyat menjelas dan memperinci butiran Muafakat Johor ini. Pelancaran Pelan Suara Hati Johor yang diadakan beberapa hari lalu merupakan imej keseriusan yang paling baik dituju oleh pentadbiran Kerajaan Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Bukanlah kita mahu memuji tetapi inilah realiti kesungguhan usaha pasukan Kerajaan Johor untuk mensejahtera dan memperkasa Johor dan rakyatnya supaya sentiasa lebih baik dari masa ke semasa. Walaupun perubahan dan rintangan serta halangan sentiasa ada di hadapan sana Wakil Rakyat wajib menjelas situasi ekonomi dan ancaman-ancaman domestik dan luar yang kita semua tahu dan terbeban supaya hasrat

baik pembangunan yang kita usahakan untuk kemakmuran dan kesejahteraan dapat direalisasikan.

Kesatuan hati dan pemahaman rakyat Johor terhadap usaha-usaha mendepani cabaran abad ini lebih mudah dapat kita capai dengan penyatuan melalui dasar muafakat Johor itu sendiri. Hanya dengan kesatuan rakyat maka kerajaan akan mampu bersama menggalas usaha *survival* bangsa Johor sama ada dari segi ekonomi, sosial mahupun antarabangsa. Justeru, *content* pelan suara hati Johor yang menumpu kepada tujuh fokus utama amat dialu-alukan dan menjadi tugas saya dan Yang Berhormat sekalian termasuk dari pihak sebelah sana menyampaikan perkara-perkara baik pelan ini atau pihak sebelah sana ingin terus kekal secara tradisi bukan saja tidak menghujah kebenaran malah terus menerus mahu memfitnah dan mengadu domba rakyat jelata. Saya kadang kala sangsi juga hal kewujudan rakan-rakan pihak di sebelah sana memang gamaknya sukar untuk bersatu walaupun untuk kebaikan. Kalau sukar sangat beli kamus dewan rujuk makna dan maksud muafakat Johor. Saya yakin dan pasti itu juga yang dituntut oleh semua ajaran agama dan sebagai umat Islam ia sewajarnya lebih mudah untuk dimengertikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya suka menyebut kembali tujuh fokus Pelan Suara Hati Johor yang kita semua seharusnya menyebar dan memberi faham rakyat tentang usaha memakmur dan mensejahterakan rakyat ini. Pertama, keselamatan kerana rakyat negeri ini mendambakan Johor yang bebas jenayah serta berasa selamat. Kedua, fokus pertumbuhan ekonomi yang mampan, eksklusif serta adil. Ketiga, hak rakyat memiliki rumah. Keempat, kos kehidupan rakyat yang munasabah dan sesuai dengan pendapatan sekali gus mekanisme ekonomi di Johor perlu dilaksanakan tanpa rakyat terasa terbeban. Kelima, meningkatkan kemudahan awam. Keenam, kemudahan kesihatan yang baik bermutu tinggi menyeluruh dan mudah didapati. Ketujuh, keperluan material dan asasi rakyat.

Secara keseluruhannya Kerajaan Johor telah melaksanakan berbagai usaha untuk kesejahteraan rakyat dari awal hinggalah sekarang. Tempoh-tempoh Barisan Nasional memerintah Johor namun fokus dan refokus ini adalah untuk mendaya usaha yang lebih ke arah keperluan rakyat terbanyak. Bersangkutan itu fokus ketiga adalah sesuatu Sedili ingin tekankan hari ini keperluan perumahan atau kediaman untuk rakyat adalah amat mendesak kini. Ia bukan saja isu Johor atau Malaysia malah kebajetan yang sama menghentam negara-negara Asian dan dunia.

Generasi muda bawah empat puluh tahun ke bawah yang semakin bertambah jumlah dan dinamik begitu tertekan mendepani situasi ini. Malaysia masih belum sampai tahap Jepun atau China di mana rumah kapsul perlu diperkenal di negara kita. Andai kita biasa membuka laman web dengan izin, ada berbagai jenis rumah kapsul, ada yang mewah tetapi yang ingin saya kisahkan ini kebanyakan pekerja muda graduan di Jepun dan China terpaksa

mendiami rumah kapsul biasa, rumah kapsul kos rendah yang sempit untuk cukup-cukup untuk seorang sahaja, sebuah katil dan tandas. Ini belum lagi yang terpaksa membina rumah-rumah kotak di gelandangan walhal bekerja dan memiliki ijazah. Malaysia atau Johor belum bajet hingga ke tahap itu. Namun fokus Suara Hati Johor yang meletakkan nilai tinggi kepada keperluan dan kediaman rakyat dan perumahan generasi muda adalah sesuatu yang wajar kita beri pujian. Kita tak boleh tunggu sampai boleh jadi seperti Jepun atau China. Kita juga tidak sanggup lagi menghadapi kesangsian dan kejumudan setinggan di bandar-bandar utama negara kita termasuk Johor seperti di Johor Bahru. Jika tiada langkah yang diambil suatu masa kita menyelesaikan masalah setinggan habis keringat dan daya. Walau masih ada tetapi kerajaan inilah Kerajaan Barisan Nasional inilah juga yang sama menyelesaikan dan pada ketika ini dengan fokus tumpu isu perumahan dan kediaman, maka sekali lagi kerajaan ini jugalah Kerajaan Barisan Nasional inilah juga yang tidak mahu berterusan rakyat dihimpit susah dan liat dengan isu perumahan. Justeru, Sedili memuji usaha murni kerajaan dalam kesiapsiagaan terhadap cabaran-cabaran perumahan yang seiring pertambahan jumlah generasi bangsa Johor pada masa mendatang. Kita mula sekarang, ada orang kata dah terlambat tetapi tanggapan Sedili sepatah kata orang Sedili lebih baik lambat, daripada tiada langsung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memperkatakan ini kerana kita boleh lihat nasib rakyat di Kelantan, Selangor apatah lagi di Pulau Pinang. Suatu negeri itu, tanah murah tetapi kerajaan negerinya tiada perancangan untuk rakyat. Nak buat macam FELDA konon atas nama ladang rakyat habis gagal. Dirancang hendak buat lebuh raya di nama lebuh raya rakyat hilang lebuh raya tidak dibuat terpacak batu peringatan seperti nisan tidak bertuan. Ada sebuah lagi negeri beria-ia bina rumah, beri air percuma, cuma-cuma air jadi masalah sampai kena catu, rumah pula harganya melambung tidak selesai-selesai setinggan tumbuh macam cendawan termasuk yang parti bina. Kisah sebuah negeri di utara ditadbir konon penuh kejujuran dan integriti. Rakyat merana harga rumah tidak masuk akal. Janji rumah rakyat murah hendak dibina. Terus menerus bina kediaman rumah habis gondol bukit-bukit di Pulau Pinang. Rakyat miskin dihalau keluar pulau duduk ke Bagan kawasan sebelah tanah besar Bukit Mertajam. Ini semua kisah benar. Inilah rintihan suara rakyat negeri yang ditadbir oleh rakan-rakan pihak sebelah sana. Walaupun Barisan Nasional Johor tetap ada kelemahan dalam menangani isu perumahan ini, bukan mudah memuaskan keperluan rakyat yang ramai tetapi apa yang mustahak Kerajaan Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dasar-dasar muafakat Johor melihat kepentingan isu perumahan ini dan bersungguh-sungguh dengan perancangan terperinci mendepani krisis perumahan ini.

Y.B. Datuk Speaker : Yang Berhormat, cara Yang Berhormat menyampaikan ucapan tu bagus. Tapi lebih baik kalau berucap. Cara berucap. Jemputlah teruskan.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Dia membaca tak boleh.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya ni Sedili kalau tak pakai teks ucapan teruk yang sebelah sana tu. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Ini nak mengajar keimanan saya. Saya nak mengajar keimanan saya.

YB Datuk Speaker : Itulah cara. Itulah cara.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Kalau saya tak pakai teks ucapan, seorang-seorang kena yang sebelah sana tu. Sebab tu Datuk Speaker jangan menjolok saya.

YB Datuk Speaker : Pandai-pandailah berlakon. Jangan tunduk saja. Dia dalam Dewan ni membaca tak boleh. Tapi catatan boleh. Jadi, pandai-pandailah berlakon. Ha ha. Sila teruskan.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Kita bercakap saja. Kerajaan Johor telah bersama Kerajaan Barisan Nasional pusat melaksana secara berperingkat...

YB Datuk Speaker : Speaker nampak muka tu dongakkan. (Dewan ketawa.)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : 25,500.00 rumah Prima di seluruh Johor. Kerajaan Johor telah menggubal dasar perumahan rakyat Johor dengan pelaksanaan Program Rumah Mampu Milik Johor. Dengan harga RM110,000.00 kepada keluarga berpendapatan RM5000.00 ke bawah. Kita sedang membina 600,050 unit buah rumah. EXCO Perumahan tak tahu. Tak ada pula. Kerajaan Johor juga memperkenalkan rumah komuniti Johor (KPKJ) Jenis A dan Jenis B, flat dan teres harga di antara RM45,000.00 hingga RM80,000.00 untuk keluarga berpendapatan antara RM3,000.00 hingga RM4,500.00. Ini yang kita maknakan dengan perancangan bukan cakap-cakap yang akhirnya menyeksa rakyat sebagaimana yang berlaku di Selangor dan Pulau Pinang.

Selain itu juga, Datuk Speaker. Oleh kerana Johor adalah negeri paling ramai warga FELDA dari keseluruhan 72 tanah Rancangan FELDA di Johor. Warga FELDA yang juga rakyat Negeri Johor melalui Kerajaan Pusat bersandar agensi terlibat iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), perancangan perumahan generasi FELDA adalah suatu usaha yang terpuji. Saya mohon kepada Kerajaan Johor supaya membantu mempermudah urusan kerjasama dengan pihak FELDA terutama status tanah supaya ia lebih lagi perumahan generasi kedua pada harga mampu milik boleh dibina. Pelaksanaan Program Sentuhan Kasih FELDA di Mersing juga amat saya puji mahu lihat ianya

diperkembangkan di kawasan-kawasan lain FELDA di Johor dengan pendekatan yang sama beri rumah dan beri kerja hal ini kelak akan diulas lanjut oleh Yang Berhormat EXCO berkenaan. Secara pukal bolehlah disimpul Kerajaan Johor dengan hubungan baik bersama Kerajaan Pusat. Insya-Allahlah. Negeri-negeri pembangkang harus mencontohi sepertimana Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga merakamkan jutaan tahniah kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor yang telah berjaya meningkatkan kutipan zakat dari setahun ke setahun hingga mencecah pada lebih RM170,000,000.00 untuk tahun 2012 dan lebih RM199,000,000.00 untuk tahun 2013. Ini tidak termasuk dengan simpanan tetap Majlis Agama Islam yang melebihi RM200,000,000.00 pada tahun 2013. Ini menunjukkan bahawa Majlis Agama Islam adalah agensi yang kukuh dari sudut kewangan, syukur alhamdulillah. Semakan saya di akhbar-akhbar juga mendapati bahawa Majlis Agama Islam Negeri Johor berjaya mengutip zakat yang ketiga tertinggi di seluruh Malaysia selepas Wilayah Persekutuan dan Selangor. Namun kejayaan kutipan zakat yang cemerlang ini perlulah seiring dengan agihan zakat agar asnaf yang memerlukan benar-benar merasai rahmat zakat dan Majlis Agama Islam dilihat oleh pembayar-pembayar zakat sebagai agensi yang bersungguh-sungguh dalam menjantungi asnaf zakat. Saya mengakui selama ini memang Majlis Agama Islam banyak menyalurkan bantuan kepada asnaf yang layak. Namun kita tidak terlepas dari kritikan yang bertujuan untuk menambah baik mutu perkhidmatan dan bukan untuk mengaibkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan dan mendesak Majlis Agama Islam Negeri supaya prosedur permohonan zakat dipermudahkan dan kelulusan disegerakan sebagai contoh permohonan bantuan sara hidup bulanan, bantuan dialisis tidak perlu lagi diluluskan oleh Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor kerana ia akan melambatkan proses kelulusan dan agihan zakat. Alangkah muminya sekiranya kelulusan itu dibuat di peringkat daerah saja. Maka permohonan dan kelulusan segera agihan zakat boleh dibuat pada bulan yang sama. Sekarang ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kelulusan dibuat setelah tiga bulan permohonan dihantar atau lebih tiga bulan sehinggakan ada pemohon-pemohon yang sudah meninggal dunia. Ini sudah berlaku di DUN Sedili dan juga di DUN, di DUN-DUN lain. Kelewatan kelulusan zakat ini mengakibatkan kebajikan asnaf lambat untuk disantuni. Saya insaf bagaimana kesungguhan Khalifah Saidina Umar Al-khatab yang berjalan pada waktu malam mencari golongan-golongan asnaf dan mengangkat gandum dengan tangannya sendiri serta melarang pembantunya mengangkat gandum untuk diserahkan kepada orang miskin. Kesungguhan Khalifah ini menyiasat sendiri dan terus memberi bantuan pada malam yang sama wajar menjadi ikutan supaya bantuan zakat ini segera diagihkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu isu yang tidak selesai-selesai sampai sekarang adalah kelewatan bantuan perumahan Majlis Agama Islam. Saya

faham dengan kesibukan Majlis Agama Islam serta staf yang terbatas tapi rakyat dan golongan asnaf sukar nak faham. Ini berlaku di dalam DUN Sedili, bantuan perumahan Majlis Agama Islam yang diluluskan sempena Kembara Mahkota Johor 2013 baru saja siap pada bulan April 2014 iaitu hampir setahun baru siap. Kelewatan dari sudut kelulusan, kelewatan dari sudut lantikan kontraktor, kelewatan dari sudut penyiapan rumah bantuan, kelewatan dari sudut pemantauan kerja dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mencadangkan sekiranya Majlis Agama Islam tidak mampu, serahkan kerja-kerja lantikan kontraktor, pengesahan kerja itu kepada Pejabat Daerah sebagaimana yang dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Saya penuh yakin pajabat daerah sedia membantu Majlis Agama Islam, yang paling penting kebajikan asnaf terbela bahkan imej Majlis Agama Islam Johor lagi mantap kerana segera menyalurkan bantuan. Sekiranya lambat banyak tanggapan negatif rakyat kepada Majlis Agama Islam. Adakah staf Majlis Agama Islam ada kepentingan dalam lantikan kontraktor? Ini bukan saya cakap Datuk Speaker tetapi masyarakat di dalam DUN Sedili yang cakap. Apatah lagi dengan janji Majlis Agama Islam untuk membina 250 buah rumah sebagaimana yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Pagoh pada bulan April yang lalu. Rumah bantuan sedia ada pun lambat bagaimana Program Bantuan Perumahan Khas 250 buah rumah Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah lancarkan. Majlis Agama Islam, tolonglah dengar nasihat saya kalau tak mampu Pejabat Daerah atau Majlis Daerah boleh tolong. Apatah lagi dengan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Pengarah Jabatan Agama Islam Johor adalah orang yang sama. Macam mana nak tertangan perkara ini? Jabatan Agama Johor adalah jabatan negeri yang paling ramai staf. Ada lebih 3,000 staf termasuk guru-guru agama maca mana Pengarah Jabatan Agama nak jadi Ketua Pegawai Eksekutif Agama Islam? Sudah tentu tidak terbuat, maka eloklah jawatan Ketua Pegawai Eksekutif disandang oleh orang yang berlainan supaya ia dapat menumpukan sepenuh masa kepada Majlis Agama Islam dan kebajikan asnaf akan lebih terbela, dengan kata lain kalau kita tidak mampu kahwin dua, kahwin satu sajalah nanti jadi dosa. Majlis Agama Islam tolonglah dengar nasihat DUN Sedili.

YB Datuk Speaker : Apa kena mengena kahwin dua ?

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Ada makna. Saya juga mendesak supaya Ahli-Ahli Majlis Agama Islam turun padang melihat bagaimana kesusahan rakyat khususnya di DUN Sedili bukan sahaja EXCO Agama tetapi Ahli-Ahli Majlis Agama Islam yang lain supaya melihat sendiri kesusahan, kedaifan mereka demi mencari sesuap nasi dan membesarkan anak-anak. Kadang-kadang Yang Berhormat Datuk Speaker kalau kita tidak tahu kesusahan asnaf, kita terkhilaf dalam membuat kelulusan dan keputusan. Allah sebut dalam Al-Quran Surah Az-Zyat Ayat 19 yang bermaksud, "Dan pada harta orang-orang Islam itu sebahagiannya adalah untuk orang miskin yang meminta

dan yang tidak meminta". Golongan yang tidak menerima, meminta inilah yang perlu dicari supaya rahmat zakat itu dapat dirasai oleh golongan asnaf.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya melihat kewujudan sekolah-sekolah agama tahfiz swasta satu perkembangan yang positif sekiranya dikawal oleh Jabatan Agama Islam Johor, Jabatan Agama Johor. Tetapi dari sudut yang lain saya mendapati rakyat amat berhajat kepada anak-anak mereka yang hafiz Al-Quran. Contoh di Kota Tinggi ada dua pusat tahfiz swasta tapi saya melihat Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam tidak menyambut hasrat murni rakyat ini dengan mewujudkan sekolah agama tahfiz di peringkat sekolah rendah atau menengah di setiap daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai langkah awal mewujudlah aliran tahfiz di sekolah-sekolah arab yang sedia ada di seluruh daerah. Setakat ini hanya ada aliran arab dan tahfiz hanyalah tempelan sahaja. Maknanya sekarang habis tingkatan lima, anak-anak kita belum lagi hafiz kerana pengajian tahfiz sekarang adalah tempelan saja dan bukan pengajian teras. Saya penuh yakin dan percaya bahawa Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam Johor mampu untuk laksanakan apatah lagi sekarang gaji guru-guru sekolah-sekolah arab telah dibayar oleh Kementerian Pendidikan. Dengan ada sekolah tahfiz di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam maka kurikulum pengajian lebih terjamin dan anak-anak kita lebih terjamin masa depannya di samping mengawal retorik dan fahaman pembangkang di sekolah-sekolah tersebut. Tak kanlah anak-anak lepasan tahfiz nak jadi ustaz semua Yang Berhormat Datuk Speaker. Siapa nak mentadbir negara? Sekurang-kurangnya jadilah EXCO Agama suatu hari nanti kita mampu melahirkan jurutera yang hafiz Al-Quran, Pegawai Daerah yang hafiz Al-Quran, *pilot* yang hafiz Al-Quran bahkan ADUN-ADUN yang hafiz Al-Quran dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Kerajaan Pusat telah melaksanakan bantuan BR1M sejak tahun lepas dan tahun ini diteruskan bahkan ditambah baik dengan menyediakan insurans kepada penerima bantuan BR1M. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mendesak supaya idea ini boleh diperluaskan kepada penerima-penerima bantuan Majlis Agama Islam kerana mereka golongan yang daif dan terdedah risiko seperti yang bekerja sebagai nelayan, buruh, pemandu teksi dan sebagainya. Sehubungan itu jika berlaku kematian maka waris akan menerima insurans yang dicarum oleh Majlis Agama Islam Johor. Contohnya RM10,000.00 atau RM20,000.00 ini sudah tentu mengurangkan beban waris dan mengembirakan waris yang dalam kesedihan.

Saya tertarik dengan kisah Khalifah Umar Abdul Aziz dalam ibtijadnya dalam mempelbagaikan agihan zakat. Apabila pihak Baitulmal memaklumkan kepadanya sudah tiada orang yang layak untuk menerima zakat sedangkan harta zakat masih banyak, Khalifah Umar Abdul Aziz memerintahkan supaya dibina rumah untuk rakyat dan yang tidak mempunyai rumah dengan wang zakat.

Rumah itu diberi secara percuma walaupun hakikatnya orang yang diberi rumah itu bukanlah asnaf miskin. Apabila pihak Baitulmal memaklumkan kepadanya bahawa zakat masih banyak sedangkan semua rakyat sudah memiliki rumah maka Khalifah Umar Abdul Aziz memerintahkan supaya dibuatkan bancian kepada mereka yang belum mempunyai kenderaan lalu mereka dibelikan kenderaan dengan wang zakat seperti kuda dan haiwan yang sesuai dengan mereka ketika itu. Bahkan pernah berlaku di zamannya apabila dimaklumkan oleh pihak Baitulmal bahawa semua rakyat sudah memiliki rumah dan kenderaan tetapi duit zakat masih melimpah ruah maka Khalifah Umar Abdul Aziz memerintahkan membiayai pernikahan kepada meraka yang belum berkahwin, yang dah kahwin tak sebut. Para sejarahwan membuat kesimpulan antara sebab berlaku peningkatan dana zakat di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz adalah keyakinan rakyat untuk membayar zakat kepada Baitulmal di samping fleksibiliti Khalifah Umar Abdul Aziz dalam meraikan perubahan zakat. Ini meninggalkan kesan yang positif kepada umat Islam ketika itu. Mungkin juga tidak tiada rakyat yang mahu menerima zakat ketika itu adalah kerana kekayaan hati mereka yang terhasil daripada didikan terus dari Khalifah sehingga mereka merasa kecukupan dengan kehidupan yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga dengan Majlis Agama Islam sekiranya kelulusan agihan zakat disegerakan, Majlis Agama Islam fleksibel dalam agihan zakat sesuai dengan keperluan semasa maka kepercayaan rakyat kepada Majlis Agama Islam akan terus meningkat dan seterus meningkatkan lagi kutipan zakat Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Sedili sila gulung.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Yang Berhormat Datuk Speaker, DUN Sedili rakyatnya bersatu, rakyat hidup penuh muafakat, kalau umat saling membantu, rahmat Allah berlipat-lipat. Laksa sedili laksa tersedap, sekali makan teringat-ingat, mohon maaf salah dan silap, moga Allah terus merahmat. Buah pelam buah selasih, *thank you*, terima kasih, sekian, terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sedili, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor, Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kerana memberikan ruang, peluang, kesempatan dan masa untuk saya turut sama membahaskan ucapan menjunjung kasih, ucapan titah ucapan Baginda Tuanku semasa merasmikan Penggal Kedua Dewan Yang Ke-13 pada 29 Mei yang lepas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam titah ucapan Baginda, Baginda mahu semua urusan rakyat ini diselesaikan. Rakyat perlu diberikan keutamaan, rakyat perlu diberikan perhatian sepanjang masa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, antara titah ucapan Baginda, semua masalah yang dihadapi rakyat perlu diberikan keutamaan. Jadi marilah kita Yang Berhormat Datuk Speaker berdoa agar Johor dibawah pimpinan pemerintahan Baginda Tuanku terus makmur lagi aman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selama empat hari kita berada dan bersidang dalam Dewan ini, mendengar hujah, mendengar ucapan daripada semua pihak daripada pihak kerajaan dan kepada pihak pembangkang tapi yang saya cukup terasa bila pembangkang berucap ni, beri hujah ni seolah-olah negara ni buruk sangat Yang Berhormat. Kerajaan yang dipimpin oleh terasnya oleh orang Melayu tak reti nak mentadbir negara. Tapi tak semua Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau macam Yong Peng tu dia bercakap lembut, Penggaram ok lagi lah, tapi kalau Senai dengan Mengkibol ni kita rasa tiap-tiap patah tu menggambarkan seolah-seolah kerajaan yang dipimpin terasnya oleh orang Melayu ni macam tak reti nak mentadbir negara. PAS saya ucapkan terima kasihlah, dia kalau dia ada yang tak setuju dia komen dalam bentuk kias, sindir kita terima Yang Berhormat, kita setuju. Walaupun tak bersetuju pendapat dan pandangan tapi kena caralah. Tapi kalau pembangkang DAP ni setengahnya ayat-ayatnya tu seolah-olah selama 57 tahun selepas merdeka ni kita gagal membawa apa juga kemajuan kepada negara ni. Tak ada langsung! Seolah-olah kita dilihat, seolah macam menindas rakyat. Tak ada peluang diberi, tak ada kebebasan dibagi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Hari ni saya nak bawa fakta dan juga data Yang Berhormat Datuk Speaker bukan auta. Dan, data ni bukan Barisan Nasional yang sediakan, bukan UMNO yang sediakan dan kalau DAP sediakan, lagi saya tak boleh percaya angka ni Yang Berhormat Datuk Speaker. Sebab, DAP nak kira dia punya C, WC pun salah Yang Berhormat Datuk Speaker, Jawatankuasa *Executive* dia pun, dia pun salah kira, terpaksa mesyuarat balik. Macam mana boleh kira salah tu, padahal 2,000 aja perwakilan. CWC, CEC, bukan CC eh, CWC, CEC *sorry... Central Executive Community, CEC,* salah kira Yang Berhormat. Data yang saya nak bawa ini, dalam Dewan ini ialah data yang disediakan oleh badan-badan penerapan antarabangsa, WHO, IMF, lagi apa, Legatum Institute, ini badan yang diiktiraf oleh peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam laporan prospektus indeks 2013, dia ukur 142 negara seluruh dunia termasuk Malaysia, termasuk Singapura, Thailand, Nigeria, Ghana, apa lagi negara, Bogota, Venezuela, 1 dunia ni. Daripada 142 negara ni Yang Berhormat dia ambil dari segi asas ekonomi dia, *governance* dia dengan izin. Dari segi pendidikan yang disediakan untuk rakyat dia macam mana? Kesihatan, keselamatan peluang-peluang untuk mendapatkan usahawan, dia ambil ukuran dia. Formula dia saya tak tahu Yang Berhormat.

kalau nak beritahu formula ini, kena sediakan 3 hari, saya boleh terangkan, tapi kena bayar saya lebih sikitlah.

YB Datuk Speaker: Kena buat Dewan sendirilah.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, dari segi ekonomi saya bacakan Yang Berhormat Datuk Speaker, Malaysia menduduki tangga ke-8 daripada 142 negara. (Dewan bertepuk)Apa ni tak baik ke? Tak bagus ke kita menguruskan ekonomi selama ni Yang Berhormat Datuk Speaker? Kalau tak ada, tak bagus, takkan kita dapat nombor 8, Indonesia 35 Yang Berhormat Datuk Speaker, Filipina 39, Taiwan 16, Jepun 5, Vietnam 43. 8 daripada 142 maknanya baiklah. Tak baik ke? Baik Yang Berhormat Datuk Speaker. Tapi kalau kita dengar cakap pembangkang ni, fuhh... tak ada yang baik langsung.

Ha, lagi satu saya nak bagi contoh dari segi *governance*, kerajaan ini, Malaysia nombor 31. Ha, yang tu saya cakap tadi kita bukan sempurna. Kita nak baiki, kita ada kelemahan. 57 tahun negara ni, negara muda Yang Berhormat Datuk Speaker. 57 tahun ni, muda lagi. Kalau bandingkan negara-negara lain yang tamadunnya beratus tahun Yang Berhormat Datuk Speaker, Jepun, Amerika Syarikat, beratus tahun. Ini 57. Tambah lagi dalam negara kita ni terpaksa menguruskan rakyat yang berbilang kaum yang begitu kompleks, majmuknya. Kaum Bumiputera 67%, kaum Cina 24% Yang Berhormat, India 7.3% dan lain-lain 0.7% . Bukan senang. Tak ada negara yang contoh macam ni bang. Tapi kita boleh uruskan negara ni dengan baik. Apakah ini tak baik? Tak cekap ke kerajaan yang ada selama 57 tahun ni? Saya beri contoh Yang Berhormat, pendidikan. Saya main angka ni, ni angka bukan saya yang buat, bukan Barisan Nasional yang buat, bukan UMNO yang buat. Pendidikan kita dapat nombor 40. Negara maju yang depan kita berapa ramai lagi? Apa ni tak baik juga? China, Negara China 54, Indonesia 55, Thailand 71, Hong Kong 43, Singapore 37, Jepun 21. Hah ini bukti, orang lain iktiraf apa yang kita buat, orang lain nampak apa yang kita buat. Tapi yang peliknya Yang Berhormat cara mereka bercakap dalam Dewan ni, termasuk di media sosial, di surat khabar, seolah-olah kerajaan semuanya tak betul. Kerajaan yang diplmpin teras oleh orang Melayu ni semua tak betul. Saya kadang-kadang fikir apa agenda sebenarnya yang tersirat ni Yang Berhormat. Macam ada sesuatu agendalah, dia mula sejak 2008, kita dah nampak agenda.

Satu lagi Yang Berhormat saya nak tunjukkan angka aja ari ni. Dari segi *human development index*, dengan izin Yang Berhormat, kita dikategorikan sebagai *high human development*, dia punya indeks dia, 70.769. Bilangan yang 64 Yang Berhormat, daripada 187. Ini bukti. Kadang-kadang kita ni cakap kadang-kadang tak tengok, tengoklah kadang-kadang, saya pun segan nak cakap dalam Dewan. Kadang-kadang cermin mengejek saya ke, nak menguruskan sebuah rumah ni pun kadang-kadang kita tak dapat Yang Berhormat, nak sapu sampah tak dapat, rumah kita berserak, bila cakap depan

ramai, seolah-olah dia saja yang betul. Dia ajelah yang cekap, dia aje lah yang baik. Mana ada Senai, tak ada pun Senai ni.

YB Datuk Speaker : Tak apalah teruskan.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Hah, yang ni Yang Berhormat Datuk Speaker angka-angka. Saya bukan kata angka ni berdasarkan apa yang direka dari segi pendapatan per kapita negara, hari ini kita berada, kita pendapatan kasar kita, pendapatan per kapita kita ialah USD10,710.76. Banding dengan Thailand USD5,674.00, Indonesia USD3,759.00. Banyak lagi kalau nak bagi *figure* ni Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, dulu kita dapat buat semua ni kerana kita bertolak ansur Yang Berhormat. Pemimpin lama buat berdasarkan muafakat yang ada di kalangan pemimpin-pemimpin lama. Ini saya nak ucapkan terima kasihlah kepada MCA, pemimpin lama MCA, pemimpin lama GERAKAN, MIC, dan lain-lain parti eh, yang berpakat bersama-sama nak membangunkan Negara ini. Kita tahu, dalam perlembagaan Negara yang dirangka memang ada semua sekali benda tu Yang Berhormat, hak kebebasan semua kaum, eh... ada. Ada disebut dalam Perlembagaan dengan jelas Yang Berhormat Datuk Speaker. Cuma yang saya nak sebutkan, saya lihat macam ada satu agenda sejak 2008. Kalau boleh saya kena cakap terus terang, saya tak nak simpan-simpan lagilah dalam Dewan ni. Ada orang kata kena *reserve, reserve, reserve, reserve*, saya takut negara yang kita bina begini lama dengan baik, dengan rasa tolak ansurnya akan musnah Yang Berhormat. Kerana segala-galanya dilihat kelemahan kerajaan yang diteraskan oleh orang Melayu Yang Berhormat Datuk Speaker.

Semalam Jementah ada sebut, Yang Berhormat Datuk Speaker dia kata kita kena menghormati, menghargai Perlembagaan Negara, berasaskan Rukun Negara. Saya setuju. Tapi saya nak tanyalah, siapa yang selama ni yang mempertikaikan banyak Perlembagaan Negara? Siapa yang selama ni banyak merosakkan Rukun Negara?

Saya nak beri contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Perlembagaan Negara ini Yang Berhormat Datuk Speaker, dia ada 4 tiang seri Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang pertamanya ialah soal Raja-Raja Melayu. Dalam Perlembagaan Negara ni ada 4 perkara pokok atau merupakan tiang seri kepada Perlembagaan Negara:

1. Raja Melayu.
2. Agama Islam.
3. Bahasa Melayu, dan
4. Hak istimewa orang Melayu.

Saya nak tanya dalam Dewan yang mulia ni, yang suruh hapuskan Dasar Ekonomi Baru, yang menyerang Dasar Ekonomi Baru siapa? Pihak mana? Pihak

mana yang menyerang? Yang kalau besok dia jadi kerajaan, katanya semua kakitangan Melayu ni separuhnya akan dibuang. Padahal benda itu ada dalam Perlembagaan Negara. Siapa yang cakap benda ni? Jangan sembunyilah, kita dah tahu dah. Kita dah tahu sekarang. Sekilas ikan di air, kita dah tahu jantan atau betina. Kita dah tahu surat khabar punya serangan, media sosial punya serangan terhadap kepimpinan kerajaan Melayu pada hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker, yang diteras oleh kerajaan Melayu pada hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau Negara inilah menindas, kerajaan yang ada sekarang menindas, kita tak akan nampak, tak akan nampak ramai yang dalam Dewan ni Yang Berhormat Datuk Speaker. Dulu ada disebut, kerajaan ni *Apartheid*, saya tak tahulah faham ke tak faham. Dasar *Apartheid* tu, sebab tu suburnya demokrasi di Malaysia ni ramai yang dapat boleh bercakap, bebas bercakap, cakaplah.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya risau keadaan yang ada ni sejak 2008 ni. Rasa tolak ansur, kita dah nampak dalam bahang retak perpaduan ni dah mula sampai ke bawah Yang Berhormat Datuk Speaker. Cara bercakap pun dah lain Yang Berhormat Datuk Speaker. Bara-bara api dah mula berterabur kat sana, percik dia kat sana sini Yang Berhormat. Jadi, kalau benda ni tak dapat dikawal, kita dah bina 57 tahun negara ini, dia akan jadi rosak Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi mudah-mudahan ya, kita dapat kekalkan perpaduan yang ada di Negara ni Yang Berhormat Datuk Speaker.

Perkara kedua yang saya nak bangkitkan Yang Berhormat Datuk Speaker ialah soal keselamatan Yang Berhormat Datuk Speaker. Risau, kita dengar dalam berita dan media sekarang ni, budak kecik dipenggal kepala Yang Berhormat Datuk Speaker. Budak diculik dibakar, dan saya pernah bercakap sejak 2004 saya dah bercakap soal keselamatan. Kita tak boleh serah bulat-bulat perkara ni kepada pihak berkuasa, pihak polis. Kena ada Gerakan Massa, supaya semua rakyat terlibat Yang Berhormat. Bukan serah polis, ok, jaga keselamatan kena ronda 3-4 kali, satu tempat tu. Kat Bandar untunglah, ada *CCTV*. Kat kampung, tempat Rengit ni Yang Berhormat, Semarang ada *CCTV*?

Apakah nyawa orang-orang Melayu kat kampung tu murah harga dia? Polis kena kawal, kena *round*. Tapi kita buat tak tahu, kita tak kisah pun langsung soal keselamatan. Jadi, Rengit ingin mencadangkan supaya Kerajaan Pusat, Kerajaan negeri kena buat Gerakan Massa baru soal keselamatan ini menjadi tanggungjawab bersama dan kena kawal masuk ni. Orang-orang yang daripada luar datang ni Yang Berhormat Datuk Speaker, macam bebas sangat masuk. Saya ingat masa kita nak, saya nak melawat ke Jepun, tak boleh, tak semudah Yang Berhormat kena dapatkan visa. Kena tengok akaun. Ehh... ya ini kelemahan, kita mengaku ini kelemahan kita, kita kena cakap Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan kalau kita keadaan ini tak dibendung ya, dia akan membahayakan Negara pada masa yang akan datang. Saya mohon,

maknanya kita kena buat Kempen Rakyat Prihatin, negara aman Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang kedua Yang Berhormat Datuk Speaker, Rengit ingin membuat cadangan, kalau mengikut statistik JPJ ni Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga 2013, kenderaan yang berdaftar, dengan izin *registered vehicle*, di seluruh negara hampir 17 juta Yang Berhormat. Berbanding dengan penduduk negara kita ni, sebanyak hampir 30 juta, 29, 30 juta lah sekarang. Ini kerana apa yang berlaku Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana dari segi dasarnya, dari segi pengangkutannya kita tak cekap Yang Berhormat. Bilangan yang mati setahun lebih kurang 6,000 orang melibatkan kerugian harta benda lebih kurang RM2 bilion Yang Berhormat. Kalau salah ni *figure* ni tak berapa jelas Yang Berhormat. Jadi saya ingin mencadangkan, Rengit ingin mencadangkan supaya pelan tindakan untuk pengangkutan awam perlu dipercepatkan Yang Berhormat Datuk Speaker. Soal bas, teksi, kalau kita nak buat *subway, monorail*, LRT ni memakan kos yang tinggi. Kita perlu fikirkan dalam dasar pengangkutan ni kita bukan nak menggerakkan kenderaan. Kita yang kita nak gerakkan ni ialah manusia. Yang kita selalu nampak ni, lebarkan jalan, buat *flyover*, buat *subway*, semua nak buat, apa, lebarkan jalan ni kerana kita nak fikirkan gerakan kenderaan. Patutnya kita fikirkan bagaimana kita nak menggerakkan manusia ni. Jangan nak fikir macam mana nak gerakkan kenderaan.

Saya tertarik dengan *public transport* di Bogota. Dia menggunakan kekuatan *resources* yang ada. Dia dapat menggerakkan ratusan ribu manusia. Jadi kalau boleh saya minta EXCO yang bertanggungjawab ni, kena fikirkan,tengok, kalau perlu pergi Bogota, pergilah Bogota. Jangan lupa bawa saya dengan Yang Berhormat Datuk Speaker. Sungai Abong tadi bagi ada benda kan? Terima kasihlah eh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi ialah yang saya nak sebutkan soal alam sekitar ni Yang Berhormat. Dari segi, saya tak nak sebut CO2 lagi lah Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya nak sebutkan soal pemanasan global dia akan beri kesan kepada perubahan cuaca dan dia akan memberi kesan kepada tanaman ni Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan mengikut kajian pihak bank dunia, pengeluaran makanan akan terjejas. Jumlah kuantiti dia kan terjejas. Sebab tu kita tengok sekarang ni, ikan pun sebab hujan yang turun ke laut dan jadi asid, ikan pun dah jadi rasa lain Yang Berhormat Datuk Speaker. Jadi, harga barang ni pun juga akan meningkat bila barang kurang, harga barang pun akan meningkat. Jadi kita tak nak besok DAP jangka panjang salahkan kerajaan Barisan Nasional eh. Semua kerajaan, lori rosak Barisan Nasional, barang naik Barisan Nasional, durian murah, durian mahal eh? Barisan Nasional. Ini perlu diingat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di peringkat negeri ni saya nak ucapkan tahniah la kepada Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Dalam tempoh setahun ini dah banyak berlaku perubahan dan banyak berlaku perubahan kepada harapan rakyat pun berubah Yang Berhormat Datuk

Speaker. Tadi disebut lebihan surplus, pendapatan. Tapi itu saya tak nak sentuh lah eh. Tapi yang saya nak sebutkan tentang perumahan ni Yang Berhormat Datuk Speaker. *Figure* ni yang saya dapat Yang berhormat Datuk Speaker, jumlah rumah kos rendah dan kos sederhana yang tak dibina dari tahun 2003 hingga 2013, jumlah dia 174,000 Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang gagal dibuat pemaju. Jumlah ni besar Yang Berhormat Datuk Speaker. Bukan sikit ni. Johor Bahru saja Yang Berhormat Datuk Speaker, 97,000 rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah, tak dibuat. Kulaijaya 37,000, Muar, Sungai Abong , 876 aje. Muar sikit sebab tanah tak cukup. Batu Pahat 10,000 Yang Berhormat. Dan Kluang ada 10,000 rumah kos rendah dan kos sederhana yang tak dibuat. Kalau rumah ini dapat dibuat dalam tempoh 10 tahun Yang Berhormat, tak ada masalah ni. Jadi, saya tak tahu kenapa boleh berlaku benda ni dan saya nak ucapkan terima kasih, tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan EXCO Perumahan yang memperincikan semua perkara ini dan akan mengambil tindakan dan saya tak nak, saya Rengit ingin mencadangkan jangan ada perjanjian dari segi setuju nak bina, tapi, setuju bina, setuju bina. Sampai masa besok tak bina-bina juga. Mana-mana pemaju perumahan yang gagal bina rumah ni, kita kena ambil tindakan saja lah. Kalau tak, suruh dia bayar balik lah. Kalau bayar ni pun Yang Berhormat, kalau 174 kira satu rumah saja RM40,000.00 satu rumah, dia akan dapat hasil hingga RM7 hingga RM8 bilion. Lagi besar tu. Tapi kita tak akan cakap macam tu lah. Kita nak pemaju buat dulu Yang Berhormat Datuk Speaker. Ini pun dasar saya pun tak faham kenapa boleh sampai macam ini sekali dan tak ada, peraturan dah ada kenapa penguatkuasaan tak dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Perumahan, kenapa tak buat benda ni.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang isu-isu yang saya nak sebutkan lagi ialah tentang isu pembangunan pro rakyat ni. Tadi dah disentuh. Saya nampak selepas Yang Amat Berhormat memimpin negeri ini selama satu tahun, tumpuan dia, fokus dia kepada masalah rakyat. Dan sebenarnya perkara ini kita dah bangkitkan Yang Berhormat sejak daripada dulu memang ada dalam perancangan. Dan insya-Allah dalam pimpinan Menteri Besar baru ni yang berhormat, saya yakinlah benda ini akan dapat kita jayakan dan insya-Allah masalah di Johor ini dapat kita atasilah.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker ialah soal, isu lokal ni. Klinik Kesihatan Rengit Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya dah bangkit isu ni tahun 2004. Ha, ni nak beritahu pembangkang, bukan kita cakap kat Dewan ni semua boleh selesai. Saya dah cakap kat Dewan ni 2004, 2006 hari tu. Klinik kesihatan ni. Mungkin kerajaan ada banyak lagi tempat-tempat yang lebih teruk. Tadi kata Parit Raja kena bina klinik kesihatan dia. Klinik Kesihatan Rengit ni dibina pada tahun 1952, Parit Raja tahun 62 Yang Berhormat. Makna nak bina Parit Raja, ketepikan Rengit memang saya tak setujulah. Klinik ni tahun 52 dah 62 tahun. Pergilah Klinik Kesihatan Rengit tu. Orang pun tak nak datang dah. Kalau Parit Raja nampak lagi dari luar cantik. Kat Rengit tak nampak, klinik pun tak nampak. Klinik tu pun tak nampak. Tapi orang Rengit ni sabarlah Yang Berhormat Datuk Speaker. Dia tak kisah.

YB Datuk Speaker : Saya setujulah Rengit buat dulu.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha, betul. Terima kasih Yang Berhormat. (Dewan ketawa). Parit Raja jangan marah la eh? Dan kemudian ni Yang Berhormat Datuk Speaker yang menyebabkan rakyat, penduduk ni dia tak, dia ambil kemudahan-kemudahan lainlah. Dan kalau nak pergi ke Batu Pahat ambil masa 45 minit Yang Berhormat. Dulu, klinik dah macam itu, ambulan pun tak ada. Ada yang bawa pakai lori Yang Berhormat Datuk Speaker. Tapi kita berjayalah maknanya ada keutamaan lagi tempat-tempat lain yang lebih teruk. Tak apa lah. Kita bagi dulu, tak kisah. Tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, masa EXCO Kesihatan dan Pengarah Kesihatan datang, dia kata dia dah setuju, setuju masuk dalam Rancangan Malaysia ke-11. Dulu saya dengar macam itu juga kan. Setuju masuk dalam Rancangan Malaysia ke-10, setuju masuk dalam Rancangan Malaysia ke-9. Tapi kali ni saya nak minta betul lah Yang Berhormat, perhatian, perkara ini dapat diberi perhatianlah. Sebab isu dulu ialah kita terima, masalah tapak. Sekarang ni dah selesai Yang Berhormat Datuk Speaker ya. Isunya dah selesai, tapak tanah kerajaan. Tak perlu lagi ambil tanah-tanah orang lain. Ini sebab perancangan yang salah, data yang salah, akhirnya menyebabkan 10 tahun, 15 tahun kita tak dapat kemudahan ni Yang Berhormat Datuk Speaker.

Satu lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, isu lokal yang saya nak sebutkan dalam titah ucapan baginda Tuanku, baginda Tuanku ada sebut tentang landskap ni Yang Berhormat Datuk Speaker. Baginda Tuanku pesan supaya kadar landskap ini dapat dipelihara. Saya nak kongsi sikit pengalaman saya di Dewan yang mulia ini. Saya pernah mula-mula nak buat perkara ni Yang Berhormat Datuk Speaker memang tak dapat sokongan. Ya lah, Rengit tu luar bandar. Semua landskap ni semua kat bandar. Orang kat luar bandar ni tak dapat perhatian Yang Berhormat. Bandar dapat macam-macam. Lampu cukup. Longkang konkrit, CCTV ada, Polis kawal, kampung tak dapat Yang Berhormat. Nak dapatkan pokok landskap pun tak ada, tak dapat. Tapi sokongan kita pada kerajaan walaupun tak bagi, tetap. Saya minta dengan Jabatan Landskap Negara nak buat benda ni tak dapat. Walaupun Jabatan Landskap Negara tu pernah bekerja di Johor Barat. Surat kita hantar pun tak layan. Tak apa. Saya tak kisah sangatlah benda ni, saya cuba buat sendiri Yang Berhormat Datuk Speaker. Ambil belanja dulu RM20,000.00, sikit, sikit, sikit. Saya ambil pendekatan yang paling mudah, peribahasa pepatah orang Melayu sebut, sikit, sikit, lama-lama jadi bukit, sehari selembar benang, lama-lama jadi kain. Dulu memang kawasan Rengit tu tak nampak apa. Rumput eh, bersepah kawasannya. Tapi hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker datang Rengit, dia macam Kashmir. Kita tanam pokok janda kaya Yang Berhormat Datuk Speaker. Pokok janda kaya ni Yang Berhormat Datuk Speaker, bila dia berbunga, dia punya merahnya lain macam Yang Berhormat Datuk Speaker. Janda kaya ni pula Yang Berhormat susah nak cari. Dah makin susah nak cari. Pokoklah, janda kaya yang lain saya tak tahu Yang Berhormat. Bab ni saya tak berapa pandai Yang Berhormat Datuk Speaker. Pokok, benih janda kaya ni

Yang Berhormat Datuk Speaker susah nak dapat. Jadi saya buat program, suruh orang kampung ni tanam pokok janda kaya dan pokok-pokok landskap.

YB Datuk Speaker : Kenapa nama janda kaya ah?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Sebab janda orang kaya ni saja yang pandai simpan duit Yang Berhormat. Lelaki tak berapa reti lah.

YB Datuk Speaker : Eh?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Orang lelaki ni bahagian menghabiskan duit je. Sebab itu dinamakan janda kaya. Dia tak ada pun nama duda kaya. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker akhirnya, saya dapat sokongan. Ni saya ucap terima kasih kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat yang peringkat awalnya memberikan sokongan dan akhirnya mereka bantu saya Yang Berhormat Datuk Speaker. Bukan setakat jalan utama, jalan persekutuan, kiri dan kanan. Sekarang kita dah buat di seluruh di kawasan Rengit Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita dah boleh buat. Itu pendekatan kita, kita buat sikit, sikit nak mengubah keadaan. Kalau nak dapatkan projek yang besar-besar Yang Berhormat Datuk Speaker, minta Jabatan Landskap, dia layan pun tidak. Bukan Jabatan Landskap Negeri Johor, Jabatan Landskap Negara yang banyak duit. Dia buat Landskap semua kat bandar, kat kampung ni tak diberi perhatian Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ada beberapa perkara yang nak saya tanyalah. Dalam Dewan ni, di sebuah negeri sejak dia ambil alih, di negeri air, tarif air, kadang-kadang kita nak bercakap ni nak kena tengok juga ya. Kita kata kerajaan ni teruk, tapi bila kita tengok ni kawan kita pun, tarif air naik 120%. Rumah teres satu tingkat 25 x 75, RM780,000.00. Tapi kalau cakap kat sini, fuh, kerajaan ni tak betullah, mahallah, macam-macamlah. Itu kadang-kadang pepatah Melayu sebut, ayam jantan ni, dia punya kokok dia tu berderai, tapi ekornya penuh dengan taik Yang Berhormat Datuk Speaker. Cukai premis perniagaan naik 80%. Roboh perumahan Melayu, naikkan rumah RM1 juta. Ini contoh Yang Berhormat. Jadi kalau nak bercakap tu Yang Berhormat, kita tengok tempat lain. Kawan kita buat macam mana. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak beri kesempatan kepada pengerusi saya gulunglah. Gulung, lipat lepas ni. Saya sikit aje Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi saya mohon maaflah, kalau pada Dewan ni, kalau ada terlebih bicara. Dan Insya-Allah Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita muafakat Yang Berhormat Datuk Speaker, kita bincang, macam Sungai Abong, dia selalu bincang. Sungai Abong bagus Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya kena puji. Saya bincang perkara-perkara yang tertentu, dia bawa perkara-perkara yang, kita bawakan juga perkara dia eh. Lepas tu lain sikitlah dia nampak. Memang lain. Dia memang lain sikit. (Dewan ketawa). Tengok muka dia, lain aje nampak. Ok Yang Berhormat Datuk Speaker, orang baik Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya' dengan ini

menyokong usul yang di bawa oleh Pasir Raja. Sekian, saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Datuk Speaker : Waalaikumusalam. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga 3.45 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.25 petang.

Persidangan di sambung semula pada jam 3.45 petang.

Y.Berhormat Datuk Speaker mengetuai Persidangan.

YB Datuk Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Meneruskan Rundingan Menjunjung Kasih ini. Saya persilakan Yang Berhormat Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, bismillahirrahmanirrahim(selawat). Salam sejahtera, salam hormat, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana Tanjung Puteri juga diberi kesempatan untuk turut serta bagi perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sebagaimana di awal Pembukaan Rasmi Dewan pada 29 Mei 2014 (Batuk). Tanjung Puteri pun kurang sihat ni mungkin kerana Pemanis itu hari dah sampaikan *virus*. (Dewan ketawa).

Pertamanya Tanjung Puteri berterima kasih kepada Kerajaan negeri Johor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang begitu prihatin dengan permasalahan rakyat sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di awal-awal perenggan menyatakan Baginda bersyukur kerana Negeri Johor terus makmur dan maju serta rakyatnya hidup dengan aman sentosa, bermuafakat dan bersatu padu. Kepada semua Ahli Dewan Negeri tempoh satu tahun perkhidmatan telah pun berlalu, rakyat sudah pastinya boleh menilai prestasi perkhidmatan yang telah diberikan setakat ini. Baginda juga berharap prestasi yang baik ini dapat lah dikekalkan kerana Baginda tidak suka Kerajaan yang berhutang. Sebelum saya meneruskan ucapan saya Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya tertarik hati dengan Rengit yang mengatakan ataupun menceritakan bagaimana pengalaman beliau menanam pokok Janda Kaya. Di kawasan saya ada juga satu kawasan yang dinamakan Persisiran Herba di Kampung Melayu Majidee.

YB Datuk Speaker : Apa nama dia? Nama dia apa?

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Persisiran Herba. Persisiran Herba ini kita buat tempat kita pilih yang mana rumah-rumah setinggan di dalam bandar, di belakang rumah-rumah setinggan ini ada parit dahulunya, kita tukar parit tersebut menjadi sungai yang cantik melalui kerjasama dengan

Majlis Bandaraya Johor Bahru. Persisiran herba ni kita tanam herba banyak, pokok-pokok herba. Selain daripada itu, kita juga, ha, saya nak cakap dengan Rengit kita juga memperkayakan tanaman pokok-pokok janda ni tapi masalahnya sikit beza ianya pokok Janda Merana...

YB Datuk Speaker : Ha? (Dewan ketawa)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Pokok Janda Merana ini, pokok dia menurun gitu, kalau kita tengok malam memang seram tapi kalau siang ia meredupkan kawasan tersebut, jadi kita pilih pokok tersebut, bukan saya yang pilih tetapi bersama-sama dengan Majlis Bandaraya, Majlis Bandaraya memilih pokok Janda Merana ini kerana ianya menyejukkan kawasan dan juga parit yang dari dulunya ikan tak nak hidup, sekarang ikan-ikan keli liar di dalam sungai tersebut. Ha, ini ianya menelan belanja lebih kurang RM2 juta untuk membetulkan parit ini menjadi sungai yang cantik di dalam bandar yang di belakang rumah-rumah setinggan. Penduduk-penduduk rumah setinggan ni kalau kita *educate* dia orang baik-baik, cerita dengan baik apa semua sekarang ni belakang rumah mereka ni yang dulunya ada rumah kecil yang ada saluran terus ke parit dah tukar semua. Dia punya *fasard* tu belakang rumah sekarang dah jadi depan, bermakna kalau kita lalu di bawah pokok Janda Merana ini kita akan rasa aman, tenteram, sejuk di siang hari. Jadi kalau malam berbahaya pasal ianya seram sikit.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya mengulang kembali tadi apa yang saya nak bincangkan adalah Titah Baginda tentang tidak suka Kerajaan yang berhutang. Tanjung Puteri ingin menarik perhatian mengenai soal hutang di Kawasan Tanjung Puteri seperti Program Perumahan Rakyat dan Rumah Pangsa Awam yang disediakan kepada rakyat dalam Negeri Johor. Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, Rumah Pangsa Awam yang disewakan kepada rakyat ini banyak membantu rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500.00 sebulan dan juga dapat menyelesaikan masalah perpindahan sementara penduduk-penduduk di setinggan dalam Parlimen Johor Bahru dan juga DUN Tanjung Puteri malahan rumah sewa ini juga banyak membantu anak muda yang baru berumah tangga untuk memulakan penghidupan dan berhijrah ke Bandar raya Johor Bahru. Dan setelah beberapa tahun sewa rumah ini, mereka berhijrah ke rumah yang mereka mampu milik selepas itu. Di kawasan Tanjung Puteri iaitu di Rumah Pangsa Awam Larkin terdapat 1160 unit rumah yang disewakan pihak Kerajaan yang berharga lebih kurang RM70.00 yang disewakan, RM130.00 dan juga RM150.00 yang Kerajaan tetapkan untuk harga sewaan. Sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2013, di dalam Laporan Pengurusan Syarikat Kerajaan negeri, kutipan yang tertunggak kepada kutipan sewa Rumah Pangsa Awam Larkin adalah mencecah kepada RM234,548.00 setahun. Mengikut kiraan saraan ataupun sasaran, kutipan sewa setahun boleh dikutip sebanyak RM1,717,080.00 dan purata kutipan diperolehi pada tahun 2012 hanya sebanyak RM1,482,532.00. Sebagaimana yang dilaporkan sehingga April 2013 jumlah tunggakan sewa bagi penyewa aktif sebanyak RM2,860,937.00. Ini

mengikut tunggakan sewa antara 1 bulan hingga 135 bulan. Manakala bagi penyewa pasif pula, sehingga April 2013 sebanyak RM3,493,673.00 mengikut tunggakan sewaan antara 1 bulan hingga 191 bulan. Bermakna kalau kita hitung balik selama 16 tahun tunggakan bagi penyewa aktif dan juga penyewa yang pasif ini di Rumah Pangsa Larkin sahaja dianggarkan sebanyak RM6,354,610.00.

Di seluruh Negeri Johor, pula kalau kita kira *collectively* dengan izin hutang terkumpul bagi Program Perumahan Rakyat dan Rumah Pangsa Awam hingga April 2013 sebanyak RM21.07 juta. Saya nak *highlight* kan dengan izin perkara ini adalah begitu prihatin Kerajaan kita ini tak da orang pun kena apa saman tak ada orang kena dipenjarakan oleh kerana banyak hutang ini. Bagi mengatasi masalah hutang ini saya berpendapat pertamanya kepada penyewa yang aktif mereka enggan membayar hutang ataupun sewa ini, kerana penyelenggaraan kepada rumah pangsa tidak bagus, lif rosak tidak dibaiki berbulan-bulan, keceriaan kawasan dan juga kebersihan tidak dijaga dengan baik dan sebagainya, perkara-perkara keselamatan dan sebagainya. Sekiranya perkara ini dapat diatasi, insya-Allah mereka akan senang membayar sewa tersebut. Bagi penyewa pasif pula pelbagai bantuan disalurkan, kerjasama wakil rakyat dan juga SUK Perumahan berusaha mendapatkan bantuan untuk mereka melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Johor dan juga Yayasan Bandaraya. Kerana mereka ini ada dua, tiga kategori. Pertamanya juga ini cerita janda juga janda yang banyak anak, janda yang sudah tua dan juga janda yang tidak bekerja, yang muda-muda. Jadi masalah mereka apabila perkara kejadian kematian suami ataupun ditinggalkan suami, akhirnya beginilah jadinya mereka tidak dapat membayar hutang. Tetapi alhamdulillah, kita berbincang dengan pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan maklum dan tidak dikenakan tindakan drastik kepada mereka ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya bersetuju sekiranya pihak SUK Perumahan mengambil tindakan, iaitu saya bersetuju sekiranya penyewa di rumah Program Perumahan Rakyat dan Rumah Pangsa Awam ini dibuat pemutihan menyeluruh. Untuk benar-benar memastikan yang layak sahaja boleh menyewa rumah ini kerana didapati ada penyewa-penyewa di tempat ini memiliki kereta-kereta yang mewah. Bagaimana mereka boleh dikategorikan layak menyewa sekiranya mereka mempunyai pendapatan yang lebih. Kalau ada kereta mewah tu makna pendapatan mereka lebih daripada RM3,000.00, saya rasa. Ada yang mengatakan mereka ini sewa atas sewa dan ada sindiket yang mendalangi perbuatan mereka. Kepada mereka yang miskin tegar dan betul-betul layak, saya cadangkan pihak Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Majlis Agama Islam Johor menguruskan sewaan mereka ini tak payah lagi kita dolak-dalik ataupun kita nak selidik panjang. Kalau di peringkat wakil rakyat dah mengatakan mereka ini benar-benar layak, ianya layak. Dan juga sekiranya boleh, kita buatkan rumah-rumah ataupun rumah-rumah pangsa awam ini untuk mereka duduki kerana

kita faham Kerajaan kita begitu prihatin begitu mengambil berat tentang rakyat-rakyat termiskin ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada bulan Mac 2014, UMNO Bahagian Johor Bahru telah membuat bancian kepada anak-anak muda yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000.00 tetapi berminat membeli rumah dalam Bandar raya Johor Bahru. Kami dapati lebih 2 ataupun 3 ribu orang berminat membeli rumah yang berharga bawah daripada RM100,000.00. Oleh yang demikian, saya menyarankan kepada pihak Kerajaan agar diperbanyakkan perumahan mampu milik yang berharga bawah daripada RM100,000.00, mungkin RM50,000.00 ataupun rumah murah yang berharga RM42,000.00 di dalam Bandar raya Johor Bahru ini walaupun ianya di atas tapak tanah antarabangsa ataupun di atas tapak tanah-tanah rizab Melayu itu sendiri. Pada masa ini, didapati pembinaan apartmen yang banyak dalam Daerah Johor Bahru ini dan juga rumah yang mahal yang berharga lebih daripada RM4,000.00 dibina dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru dan akan mengundang tidak kesamarataan penguasaan pemilikan hartanah dalam bandar raya. Maka, satu undang-undang saya berharap kerajaan, satu undang-undang patutlah digubal agar penduduk Bandaraya Johor Bahru dipenuhi oleh semua lapisan masyarakat dari yang berpendapatan rendah, sederhana rendah ataupun mereka yang berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tanjung Puteri mengucapkan tahniah kepada kumpulan JCorp, Johor Corporation kerana menempa sejarah apabila mencatatkan keuntungan sebelum cukai mereka melepasi paras RM1 bilion iaitu jumlah RM1.36 bilion, sementara perolehan kumpulan mereka sebanyak RM6.38 bilion pada tahun 2013.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya percaya dalam kawasan pentadbiran Yang Berhormat lain juga ada terlibat dengan perniagaan yang dijalankan oleh kumpulan JCorp ini. Di kawasan Larkin Terminal yakni saya dapat aduan ataupun permintaan ataupun rayuan daripada masyarakat ataupun penyewa-penyewa di dalam kawasan Terminal Pengangkutan Awam Bas dan Teksi. Juga terlibat dengan pengurusan dan juga hutang piutang ini. Pengurusan anak Syarikat JCorp iaitu Damansara Asset Sdn. Bhd. di dalam kawasan ini terlibat dan juga dalam kawasan perkhidmatan awam ini sudah ditukar kerana pengkorporatan ataupun *re-branding*. Mereka namakan kawasan ini bukan lagi pengangkutan awam tetapi dah tukar jadi Larkin Sentral. Jadi, semenjak Larkin Sentral ditadbir urus oleh kumpulan Johor Corporation ini, banyak perubahan berlaku kepada prasarana tempat perniagaan. Kalau dahulunya ianya seperti bazar-bazar sahaja, sekarang ia bertukar corak menjadi seperti kompleks membeli belah yang mungkin setanding dengan Kompleks Angsana di Bandar Baru UDA. Apa yang membimbangkan setakat ini, sudah ramai peniaga gulung tikar dan menghadapi hutang yang banyak kepada Damansara Asset, kerana sewa yang tinggi dikenakan iaitu 1 kaki persegi ianya mencecah RM10.00. Peniaga melaporkan yang perniagaan mereka tidak sebaik seperti di kompleks membeli

belah kerana kawasan ini dikunjungi masyarakat yang berpendapatan rendah yang menggunakan perkhidmatan awam untuk ke destinasi masing-masing bukan untuk berbelanja dan membeli belah. Saya berharap untuk mengekalkan prestasi tadbir urus korporat yang baik dengan keuntungan kumpulan yang tinggi, JCorp perlulah juga ada sikap yang boleh dicontohi seperti mempunyai modal insan cemerlang dalam perniagaan sebagaimana di terapkan kepada pekerja-pekerja JCorp itu sendiri. Jadi, saya berharap kajilah dia punya sewaan, kerana sewaan RM10.00 sekaki mungkin begitu tinggi di dalam kawasan yang kita tahu ianya sebuah kompleks awam, Kompleks Pengangkutan Awam Bas dan juga Teksi.

Peniaga-peniaga di sini berbilang bangsa dan berniaga kecil-kecilan seperti barangan di pasar malam. Mereka bermohon agar sewaan hendaklah selaras bagi satu jenis perniagaan seperti penjualan pakaian sepatutnya tidak sama dengan perniagaan makanan dan bukan seperti masa-masa ini menggunakan sistem tender. Siapa tawar tertinggi akan dapat berniaga di Kompleks Larkin Sentral ini. Saya minta pihak-pihak yang berkenaan duduk berunding, jangan sampai kompleks pengangkutan awam jadi seperti kompleks membeli belah yang besar. Pengurusan baik segalanya baik tetapi rakyat merana. Saya harap perkara ini diambil perhatian. Kadar yang dikenakan, kadar naikkan yang dikenakan juga tinggi sebanyak 10% setiap tahun. Setakat ini yang boleh bertahan di kawasan ini hanyalah peniaga makanan dan juga penjualan tiket bas dan mereka yang mempunyai perniagaan sampingan lain seperti pasar malam ataupun berniaga di tempat-tempat lain dapatlah bertahan di tempat ini dengan keuntungan sebenarnya dari tempat lain. Mereka beri saya satu jadual ataupun kira-kira yang mereka buat selama setahun. Kedai sewa mereka berlebih kurang RM1,200.00, gaji 2 orang pekerja RM900.00 seorang, dah jadi RM1,800.00. Jumlah kutipan sebulan RM3,000.00. Jadi setahun dah ada RM36,000.00. Mereka berniaga satu hari nak dapat RM50.00 pun susah. Kadang-kadang dapatlah sampai RM100.00. Kalau kita kirakan selama satu bulan ianya dapat lebih kurang RM36,000.00, RM30,000.00. Jadi kadang-kadang mereka ini, tauke ni, tauke Melayu, tauke Cina dan India ini di pengangkutan awam ni, mereka kadang-kadang kata cuma ngam-ngam je, kadang-kadang terpaksa mereka memberhentikan pekerja. Dah rugi lagi seorang pekerja bagi anak kita bekerja di kompleks ini, untuk kerana tauke dia nak dapat RM1,000.00 gaji tiap-tiap bulan. Jadi, saya berharap perkara ini dapat diperbincangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat kerajaan agar mengambil satu pendekatan yang baik jangan sampai mereka ini menjadi liabiliti pula pada kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya masyarakat memerlukan di dalam Tanjung Puteri, kawasan Tanjung Puteri. Masyarakat di dalam kawasan saya juga memerlukan tambahan Ketua Kampung yang boleh berkhidmat di kawasan Bandar Baru UDA kerana kawasan ini sudah mempunyai penduduk seramai lebih daripada 15,000 orang. Mungkin apa yang mereka hendak, apabila anak-anak mereka, UDA ni dah lama, maka anak-anak mereka dah besar-besar, ada yang nak cari Surat Pengakuan Bujang. Mereka nak cari

Ketua Kampung tak ada di kawasan Uda ni BBU, tak ada Ketua Kampung. Ketua Kampungnya jauh di Larkin, maka mereka terpaksa seberang ke Pulai mencari Ketua Kampung di Pulai. Malahan Ketua Kampung di Pulai pula boleh menjawab yang mana penduduk-penduduk di UDA ni mereka tak kenal, macam mana mereka nak sahkan. Ini pengesahan yang kena benar-benar Pengesahan Bujang. Kalau mereka dah berumah tangga pun dia mengaku bujang. Ketua Kampung di Pulai sana tak tahu, dah sain, tak tahu boleh jadi satu perkara yang musibah pula kepada kita. Jadi, bagi kawasan-kawasan seperti ini di UDA ni, saya berharap pihak Pejabat Daerah dan juga kerajaan boleh mengadakan seorang lagi Ketua Kampung di situ. Begitu juga bagi kawasan Rumah Pangsa Awam yang saya ceritakan tadi di Larkin. Rumah Pangsa Awam ini pula diperlukan seorang Ketua Masyarakat agar segala keperluan seperti mengesahkan dokumen persekolahan anak-anak, bantuan kebajikan, dapat disalurkan dengan tepat kerana penduduk di kawasan ini adalah mereka yang berpendapatan rendah yang sebagaimana yang saya kata kan tadi janda-janda yang susah-susah, ada orang yang tidak bekerja dan sebagainya. Dan, ada juga yang mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka tak ada kenderaan untuk mencari Ketua Kampung untuk mendapatkan pengesahan dan sebagainya. Jadi, perkara ini juga minta diambil inisiatif oleh Pejabat Daerah supaya meluluskan permohonan saya ini.

Seterusnya saya ingin katakan, iaitu sistem persekolahan di DUN Tanjung Puteri amat memuaskan. Tahniah kepada Kerajaan. Dari Sekolah Rendah hingga Sekolah Menengah dan juga Kolej Pendidikan Teknikal juga sudah ada di dalam DUN Tanjung Puteri. Bagi memenuhi permintaan penduduk dalam kawasan Larkin, di cadangkan Sekolah Menengah St Joseph, Larkin sudah patut menjadi sekolah ditadbirkan oleh Kementerian Pendidikan sepenuhnya. Dan, kekal di kawasan tersebut kerana dapat menampung pelajar Sekolah Menengah dalam kawasan Larkin dan DUN Tanjung Puteri. Perkara ini dah banyak kali dibincangkan, saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar nanti bantulah, kerana tanah, masalah tanah sekolah ini adalah tanah *private land*, tapi tanah pendidikan *institution land* oleh satu badan. Jadi minta kerajaan kalau boleh ambil alih sekolah ini dijadikan Sekolah Menengah bantuan penuh oleh kerajaan.

Bagi mengimbangi taburan sekolah yang ada dalam negara, ada pandangan sekiranya selain dari Sekolah Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, bahasa kebangsaan. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan India juga ada dalam Malaysia ini, ada pandangan-pandangan. Banyak pandangan sekolah aliran Inggeris patut diwujudkan semula kerana ada di kalangan ahli politik sudah menakut-nakutkan kaum-kaum mereka agar tidak menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan kerana kata mereka anak-anak mereka ini akan diislamkan.

YB Datuk Speaker : Tanjung Puteri, sila gulung.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ada beberapa perkara yang penting tetapi sebelum tu sistem Sekolah Agama Islam di Negeri Johor adalah sistem yang teratur bagi peringkat rendah Darjah 1 hingga Darjah 6 dan Kelas Khas. Begitu juga dengan Sekolah Rendah Bersepadu sebagaimana yang diterangkan oleh EXCO Agama. Program Pengajian Lanjutan akan diperkenalkan selepas itu. Sistem Sekolah Agama Kerajaan negeri Johor patutlah diteruskan dengan Sekolah Menengahnya dan diteruskan ke peringkat lebih tinggi seperti diadakan Universiti diwujudkan di Negeri Johor ini. Mungkin boleh dicadangkan bangunan bersejarah seperti bangunan kerajaan seperti Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan sesuai dijadikan Universiti Pengajian Islam Johor yang pertama. Dengan adanya sebuah Universiti Pengajian Islam sendiri di Negeri Johor kemungkinan besar Johor akan lebih tersohor dan membangun maju dengan acuan tersendiri. Tanjung Puteri menyokong dengan saranan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Sultan Johor agar cuti mingguan bagi Negeri Johor diselaraskan bagi semua sektor, kerajaan dan juga swasta. Sebab itu saya mengatakan tadi kalau kita dah ada universiti dan sebagainya dan pada masa ini kita dapat lihat anak-anak kita yang tahfiz Al-Quran di berikan ganjaran RM1,000.00 sebulan sekira ia melepasi ujian yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Johor. Mereka akan diberi elaun. Tiap-tiap tahun mereka akan di nilai semula tentang tahfiz mereka dan mereka akan di beri sebulan RM1,000.00. Tetapi ada yang menyatakan kepada saya elaun mereka ada yang tak dapat. Jadi, saya minta EXCO Agama supaya tengok-tengokkanlah agar anak-anak kita yang tahfiz ini yang menjadi menjaga Al-Quran ini supaya kita beri dia apa yang kita patut berikan.

Akhir kata, sebelum saya menghabiskan ucapan saya, saya ingin juga turut serta memberi pandangan tentang GST ini. GST ini ramai daripada rakan-rakan kita membicarakan kerana pengguna akan rugi, kerana rakyat akan apa, rakyat akan merana, kerana GST meningkatkan kos pihak swasta, kadar inflasi akan naik. Dan juga dipertikaikan kajian *CIMB Research* yang mana mengatakan GST pada kadar 6% akan menjana pendapatan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM12 bilion setahun. Kita selalu lihat kepada orang bawahan. Saya tak tahu ada agenda ataupun tidak kepada mereka-mereka yang menentang ataupun yang tak mahu GST ini dilaksanakan. Cuba kita fikir tentang siapa yang menjadi pengeluar, siapa yang menjadi pemborong, siapa yang menjadi peruncit dan akhirnya kita pengguna.

Kalau kita kajikan, kalau kita lihat, pada masa ini, pada sekarang ini, jualan pengeluar ini, pengilang, pengilang membuat satu barang, dijual dengan harga RM100.00. Kerajaan akan kenakan cukai 10%, maka jadi RM110.00 lah harganya. Di peringkat pemborong pula, biasanya pemborong ini dia ambil keuntungan, 20% margin dia cari. 20% ditambah daripada RM110.00 ini harga jualan dia, pemborong ini sudah jadi RM132.00. Jadi, di sini adakah pemborong ini dikenakan cukai? Malahan cukai jualan yang tersembunyi sebenarnya RM10.00 x 12 – RM10.00 cukai yang dikenakan, sebanyak RM2.00. Kalau

RM100.00 punya barang daripada mula di kilang. jadi RM2.00 dia dah lari cukai, tak kena cukai...

YB Datuk Speaker : Sila tamatkan perbahasan.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Selepas pemborong, di peruncit pula...

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat, sila tamatkan perbahasan.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya rasa, belum habis saya beri penerangan ini,

YB Datuk Speaker : Mana boleh habis, masa mula, mula seperti itu memang tak boleh habis. Setengah jam pun tak boleh habis.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Baiklah, Yang Berhormat Speaker. Saya akhiri dengan satu perkara, peruncit pula juga kalau kita bandingkan tadi...

YB Datuk Speaker : Kan saya kata tadi habiskan...

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yalah, lepas peruncit ini aja, saya berhentilah...

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri...

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Peruncit ini...

YB Datuk Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, sila tamatkan perbahasan.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Baik Yang Berhormat Speaker. Tanjung Puteri akhirnya menyokong usul yang dibawa oleh Pasir, Raja. Sekian terima kasih.

YB Datuk Speaker : Terima kasih Tanjung Puteri. Sekarang saya persilakan yang terakhir, Yang Berhormat Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan selawat). Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk terlibat sama dalam perbahasan atas rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai pembahas yang ke-44, memang dah nasib saya dapat bilangan yang terakhir secara kebetulan. Walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah kepada semua yang telah mengambil bahagian bersama. Dan, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khususnya kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri, khususnya kepada mereka yang disebut sebagai penyokong kerajaan yang telah tidak tertinggal untuk menyokong usul yang dibawa oleh Pasir Raja.

Saya nak tekankan perkara ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana usul ini adalah usul membawa rundingan bahawa satu ucapan menjunjung kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah dibawa oleh Pasir Raja. Justeru, tahniah kepada 23 orang *back benchers* ataupun penyokong kerajaan yang telah menyokong untuk menyokong atas rundingan ucapan menjunjung kasih untuk dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Dan, saya juga secara khusus ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Sungai Abong yang menjadi satu-satunya pihak pembangkang yang menyokong usul untuk menjunjung kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia. (Dewan bertepuk). Ini kena faham Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang kita bahaskan ini bukan berterima kasih untuk berbahas semata-mata. Yang kita bahas ini adalah untuk mengadakan satu usul atas rundingan ucapan menjunjung kasih untuk dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Jadi, ingat-ingatlah kepada mereka yang belum, mudah-mudahan akan datang akan menyokong usul ini. Takkan menjadi kudis dan menjadi sopak untuk menyokong usul ini Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya setuju dengan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 31 Mei yang lalu. Yang menyatakan bahawa menjadi satu sejarah kepada Kerajaan negeri Johor kerana pada hari itu hasrat Kerajaan negeri untuk melakukan transformasi bagi mendukung Muafakat Johor, Pembangunan Pro Rakyat dan Merakyatkan Kerajaan kini disembahkan dalam bentuk pelan. Saya setuju. Apatah lagi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memang saban tahun tidak pernah tertinggal untuk mendengar dan mengingati janji-janji kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Melalui ucapan dalam belanjawan, ucapan bajet dan belanjawan, saban tahun yang menerangkan tentang rancangan dan janji-janji untuk kesejahteraan rakyat jelata. Dalam setahun kepimpinan Yang Amat Berhormat ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau beliau berikrar pada 23 November yang lalu Yang Berhormat Datuk Speaker dalam dewan ini untuk membawa Negeri Johor kepada satu pembangunan yang bersifat *inclusive* lagi sepakat, pentadbiran yang mesra rakyat lagi telus, membentuk dasar-dasar ekonomi dan pembangunan berasaskan limpahan yang saksama serta pembangunan yang mengutamakan pencapaian pada para 10 ucapan beliau. Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat kita ini istiqamah dengan ikrarnya. Dan, dilaksanakan pada 31 hari bulan dengan pelaksanaan pelan yang dikatakan Suara Hati Johor ini.

Saya tidak berhasrat untuk memuji, tetapi sekadar untuk mengingatkan kita semua. Pada mereka yang datang mendengar, mungkin tidak menghayati. Pada mereka yang menghayati tapi tak mengingati apatah lagi kepada mereka yang dengar, faham tapi sengaja tak faham. Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya iltizam transformasi bagi mendukung Muafakat Johor, Pembangunan Pro Rakyat dan Merakyatkan Kerajaan diterjemahkan dalam bentuk pelan. Kita dengar macam-macam rancangan, tetapi retorik semata-mata. Tapi Alhamdulillah, istiqamahnya Yang Amat Berhormat, kepimpinan yang ada ini, kali ini ia diterjemahkan dalam bentuk Pelan Suara Hati, satu pelan berlandaskan pemantauan ukuran yang berstrategi bagi menangani segala permasalahan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inilah dia yang kita nak. Apa lagi? Apa lagi? Kerajaan menterjemah hasrat rakyat. Melaksanakan dasar dan program yang selari dengan kehendak dan hasrat yang, kehendak sebenar rakyat. Ini dia. Apa lagi? Apatah lagi beliau ingat ikrar beliau. Beliau ingat janji beliau. Alhamdulillah. Saya tidak mahu untuk meneruskan menerangkan tentang 7 fokus utama yang daripada keselamatan hingga memperkukuhkan akidah. Tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengajak diri saya dan semua yang ada dalam Dewan ini, baik Ahli-Ahli Yang Berhormat mahupun kakitangan kerajaan yang diberi amanah untuk memahami tentang perkara yang telah diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat ini. Kita dengar Yang Berhormat Datuk Speaker, tentang pelbagai *tag line-tag line* muafakat pembangunan dan pengagihan, merakyatkan kerajaan, permohonan pro rakyat. Ini semua tidak boleh dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Melainkan komitmen dan respons positif daripada semua pihak khususnya para EXCO, kakitangan kerajaan Wakil Rakyat dan rakyat jelata Yang Berhormat Datuk Speaker.

Justeru itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya melihat bahawa inisiatif kerajaan dalam masa setahun memperkenalkan 25 perkara. Pembangunan pro rakyat ini, saya rayu, saya harap agar ianya difahami dan dihayati bersama. Memang tidak ada satu kerajaan, satu orang yang *perfect*, sempurna segala-galanya. Tetapi, pada masa yang sama kita harus mengambil inisiatif agar mengiakan yang benar dan membetulkan yang salah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam hal ini Yang Berhormat Datuk Speaker, pelannya telah terangka, tanggungjawab yang paling besar adalah merealisasikan komitmen yang ada. Ini adalah cabaran yang cukup besar dan serius untuk kita tanggung bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus faham kerajaan serius untuk buat perubahan. Serius. Sebab itu saya sengaja mengulanginya kerana saya ingin memaklumkan kepada kerajaan bahawa kita faham, kita melihat dan kita sedang memerhatikan tentang *performance-performance* nya dari masa ke

semasa. Walaupun, pencapaian ini nanti akan dinilai oleh *IMPRESS*, satu badan yang dikenal pasti dan diperkenalkan oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, segala-galanya ini, inilah yang dikatakan institusi kerajaan moden. Ini dia. Inilah dia institusi kerajaan moden yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat pemimpin kita. Fahami, yang lalu, lalu, yang bagus diteruskan. Yang kurang bagus, diperbetulkan. Dia bukan retorik. Dia merupakan institusi kerajaan moden. Pemerintahan yang moden yang bagaimana? Kerajaan moden yang menuntut pendekatan dan kaedah moden. Dan, ini semua menuntut ketelusan integriti serta pencapaian. Untuk ini, kita semua akan dinilai. Kita akan dinilai. Kita melihat setiap Pengerusi Jawatankuasa Portfolio kita, menyerahkan janji-janji kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada waktu itu. Pada 31 hari bulan. Kita melihat dengan penuh minat dan serius. Kita mahu hasrat ini dilaksanakan. Kita mahu niat dan nawaitu yang baik ini mudah-mudahan dimakbulkan oleh Allah SWT dengan keikhlasan yang ada pada setiap diri kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin juga menyentuh, respons kepada perkara yang telah dimaklumkan oleh sahabat saya, Sg. Abong. Saya percaya, saya setuju seperti mana yang dinyatakan kereta ini kereta baru. Pemandunya baru, penumpangnya baru dan mereka dan menjadi tukang bersih kereta. Terima kasih kerana sudi membersihkan kereta kita. Tetapi pada masa yang sama, sebagai tak jadi pemandu hanya sekadar penumpang dalam kereta yang baru ini, kita juga sebenarnya bertekad untuk menjaga kereta ini supaya tahan lama dan berjalan lebih jauh lagi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Justeru itu, kita bertekad untuk sama-sama jaga kereta yang ada ini untuk kebaikan bersama dan mudah-mudahan kita sampai ke destinasi yang kita cita-citakan. Pada masa yang sama juga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga setuju dengan kerajaan yang dikatakan setengah setuju tentang kenyataan yang menyatakan bahawa kerajaan yang sihat adalah pembangkang yang kuat. Kalau pembangkang terlebih kuat dia dah jadi pemerintah Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kita harapkan adalah teguran ikhlas terima kasih kepada sahabat saya. Dan pada masa yang sama juga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tadi dapat mendengar, bukan sahaja mendengar bukan membaca verbatim tentang perkara yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Mengkibol kita. Pihak Mengkibol saya tak tahu mungkin ada satu perkara yang dia tak konsisten dengan apa yang dia cakap. Kalau orang kampung cakap 'kalau tak ting tak tu', sekejap ya sekejap tidak, mungkin ada masalah. Mereka mengakui bahawa mereka telah pergi ke luar negara, tidak menidakkan kerana menentang penglibatan sebuah syarikat untuk melabur di Pengerang dan dia menyatakan *company* itu pun tidak diterima oleh pihak negara tersebut. Dia pun buatlah kat sana. Tetapi saya juga melihat gambar-gambar binatang yang mati yang menjadi sebagai sebahagian daripada yang dipamerkan. Ada ke binatang mati sedangkan benda belum buat? Belum mula. Kalaupun dia berjaya menahan sebuah

syarikat yang tidak boleh dipakai untuk melabur di negara kita, apa yang susah-susah pula sekarang ni nak berjalan sampai Putrajaya dan berjaya dah. Sebenarnya apa yang ditentang ni? Apa yang nak ditentang? Kalau ditentang perkara yang tak baik ok tetapi kalau perkara yang ditentang pun dia tak faham, ianya satu pembaziran dan manipulasi kedudukan kita terhadap orang-orang yang naif di bawah sana.

Yang Berhormat Datuk Speaker, *statement* tentang pembangkang akan terus membangkang, *back benchers* akan terus menahankan sokongan kerajaan. Ini ke *stand* pakatan pembangkang? Boleh ke ni? Dia kata nak terus membangkang tetapi kenapa pula meminta kita untuk mengadakan jawatankuasa dan dia sebagai salah satu daripada jawatankuasanya? Kadang-kala benda-benda ini bertentangan dengan apa yang dinyatakan. Sekali lagi ia menggambarkan bahawa ianya tidak konsisten.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara-perkara inilah yang kadang kala kita ini macam berbalas pantun ya Datuk Speaker, orang jual pantun kita beli, itu je. Tak jawab kata kadang kala kita kata tak pandai berpantun, orang pantun kita jawablah pantun, itu saja dan pantun ada pantun jenaka, ada pantun juga pantun belasah pun ada juga Yang Berhormat Datuk Speaker..

YB Datuk Speaker : Hem...

YB Datuk Haji Samsolbari Bin Jamali (Semarang) : Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam hal ini kita tak kisah pihak kerajaan tak kisah, jangan samakan kita jangan marah pula penyokong kerajaan pula di sebuah negeri yang lain dia kata dia bantai pihak Kerajaan, eh? Kalau dah salah takkan nak katakan betul, we *are not typical politician* sebagai dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker, penyokong kerajaan kita juga akan membetulkan yang kita rasa perlu dibetulkan, yang baik katakan baik, salah katakan salah itu dinamakan adil, adil meletakkan sesuatu pada tempatnya. Kalau kita tak boleh berlaku adil pada diri kita jangan harap kita minta orang lain untuk berlaku adil kepada kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bukanlah seorang yang *anti* wanita, saya suka wanita lebih-lebih lagi kalau wanita muda Yang Berhormat Datuk Speaker... (Dewan ketawa)

YB Datuk Speaker : Sama denganlah.

YB Datuk Haji Samsolbari Bin Jamali (Semarang) : Sebab saya tengok pun orang rumah saya pun sentiasa muda, tiada masalah tetapi wanita yang macam mana? Muda yang macam mana? Betul, kita kena tahu muda tak semestinya kuat, tua tak semestinya lemah, muda tak semestinya pandai, tua tak semestinya bodoh. Tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai ni kalau inilah contoh orang muda yang untuk kita harapkan untuk masa depan negara Yang Berhormat Datuk Speaker, saya takut Yang Berhormat Datuk Speaker,

saya takut negara yang pelbagai kaum ini akan terjerumus tentang perkara jadi perkara-perkara yang tidak baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ini apa cerita ni menuduh Kerajaan Barisan Nasional menggunakan duit rakyat demi menguntungkan kroni sendiri ni apa benda ni? *Yes*, Siapa kroni kerajaan? Kroni kerajaan adalah rakyat jelata di bawah sana. (Dewan bertepuk) Siapa kroni kerajaan? Kroni kerajaan adalah mereka yang menyokong kerajaan khususnya. Siapa yang menyokong kerajaan tidak semestinya dia ahli MCA, MIC, UMNO, BPP, tidak, ramai lagi yang tidak berparti yang menyokong kerajaan makanya kerajaan berdiri teguh seperti adanya ini Yang Berhormat Datuk Speaker.

Itulah kroni kita ada kroni yang terima kasih, ada kroni yang tidak berterima kasih tetapi tugas kita mereka adalah kroni kita, anak-anak kita yang di bawah sana tu, di desa di ceruk rantau ini adalah kroni-kroni kita. 'Menguntungkan kroni' inilah perkataan-perkataan jijik yang saya dengar di bawah sana. Kalau dalam Dewan ini beliau boleh bercakap begitu rupa, tuan-tuan ketua-ketua jabatan sekarang bayangkan bagaimana mereka bantai kerajaan di bawah sana. Mulut inilah esok yang akan dibalas dalam pilihan raya yang akan datang.

Sekarang mereka dah tunjukkan belangnya Yang Berhormat Datuk Speaker, kadang kala *body language* perkataan ini semua menggambarkan siapa beliau yang sebenarnya. Tolong sikit. Demi menguntungkan kroni. Kalau orang lain cerita pasal GST. Apa sibuknya sangat GST ini? GST adalah satu mekanisme baharu sistem percukaian yang nak dilaksanakan untuk kerajaan kita ini dan kita adalah di kalangan yang terkebelakang yang tertinggal setelah 110 negara buat Yang Berhormat Datuk Speaker, malaslah saya nak cerita lagi. Tetapi itulah dia, mereka sengaja memutarkan belit fakta menakut-nakutkan kerajaan, menakut-nakutkan rakyat kononnya kita menzalimi rakyat yang menjadikan lebih 60% rakyat yang miskin akan membayar cukai.

Cukai, ini semua adalah perkara-perkara yang tidak betul, sewajarnya kita bergembira kerana pelaksanaan GST ini nanti akan membongkar segala penyelewengan dan kecurangan golongan-golongan peniaga yang tidak jujur yang ada sebelum ini (Dewan bertepuk). Sepatutnya kita suka yang selama ini larikan cukai, membuat spekulasi-spekulasi yang liar, yang tidak jujur dan selama ini hidup mewah hasil penipuan mereka dalam perniagaan (Dewan bertepuk). Dan mereka kita namakan pengkhianat ekonomi, saya nak menjadi contoh tiba-tiba baru-baru ini ada menyatakan daging lembu akan naik harga sampai RM40.00. Ini siapa yang cakap ni? Yang bela lembu ke yang jual daging lembu? Saya tunjukkan satu contoh aje yang mudah, makanya sebab itu kita adakan yang kita namakan yang dinamakan 'jihad orang tengah' ini dia sengaja mereka baling kan idea ini supaya masyarakat bersedia menerima harga yang mereka tentukan oleh sindiket-sindiket. Kena faham. Sewajarnya kenapa kita banteras seleweng subsidi sekarang ini? Nah kerajaan buat program buat gerakan sepatutnya kita pula terlibat sama sepatutnya kita ajar

pengguna-pengguna mengguna kuasa mereka jika mereka menaikkan harga sewenang-wenangnya sepatutnya kita nyatakan kepada umum melalui tak kira apa cara, apa media sekalipun kita nyatakan tak wajar naik cekik darah kita beli tempat lain yang murah tetapi mereka memilih untuk menyalahkan kerajaan kerana menyalahkan rakyat tidak popular, tetapi menyalahkan kerajaan lebih popular kepada mereka ini dia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus *concern* dengan izin kepada pihak yang selama ini telah memungut 6% tapi tak disampaikan kepada Kerajaan dah tak semena-mena baru-baru ini ada berita pula di Selangor *parking* pula dah bayar GST pula, ada GST pula dah mulakan dekat Selangor, dekat Pasar Borong Selayang, ada lagi satu tempat *parking* mana , ada pula tertera pula lagi *plus* GST eh? Pula. Yang Berhormat Datuk Speaker ini semua perkara-perkara sebenarnya bukan membantu kerajaan, sebenarnya untuk kepentingan mereka kerana mereka takut nak menyalahkan rakyat yang paling mudah menyalahkan kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak buatkan satu contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, kalaulah pihak pembangkang ini marah sangatlah benci sangatlah kepada GST sehinggakan kerajaan ini tumbang saya percaya dia akan buat selepas ini. Saya nak bagi contoh ada 3 negara dalam dunia ini, saya bawa 3 sahaja. Dekat Gana Yang Berhormat Datuk Speaker, pada Mac tahun 1995 dia mulakan GST dengan 17% bulan Mei yang sama dia batalkan kerana pembangkang marah dan mereka racun rakyat supaya membenci. Tetapi apabila dia memerintah dia buat GST pula Yang Berhormat Datuk Speaker. Macam mana? Dan, pada masa yang sama pula Yang Berhormat Datuk Speaker pada Disember 2013, Parlimen Gana dah luluskan pula daripada 15% kepada 17% pula kerana mereka terpaksa menaikkan GST kerana itulah pendapatan yang ada pada Gana yang rasa paling menguntungkan.

Negara Republik Marta, GST 1995 15% dibatalkan juga kerana tentangan pembangkang, tetapi pada tahun 1999 pembangkang naik sampai sekarang dia kenakan GST 18%. Dekat sikit Vietnam, GST pernah dibatalkan pada tahun 70-an kerana *anti* barat pada waktu itu, kerana contohnya GST ini ikut barat maka dibatalkan GST namun pada tahun 1999 di bawah pembaharuan *Doi Moi* setelah sistem yang ada gagal maka dilaksanakanlah pula GST. Bermakna pembangkang-pembangkang dalam 3 negara ini cakap tak serupa bikin Yang Berhormat Datuk Speaker. Tetapi saya rasa tak tahulah yang dekat sini ini macam mana.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh soal ketirisan. Kita amat prihatin tentang ketirisan dan ketirisan ini Yang Berhormat Datuk Speaker bukan sahaja dalam perbelanjaan semata-mata saya ingin menarik perhatian dan ingin meminta kepada pihak kerajaan supaya kita lebih *concern*, lebih prihatin tentang ketirisan-ketirisan daripada hak hasil-hasil ataupun potensi-potensi yang boleh menjadi hasil kepada kerajaan. Selain daripada yang ada untuk dibelanjakan seharusnya kita juga pastikan ketirisan-ketirisan dan

minimumkan ketirisan-ketirisan. Dan pada masa juga hasil-hasil yang perlu dipungut, dipungut dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soal hudud, tolonglah jangan lekatkan stigma menolak hudud pada setengah-setengah pihak. Dipendekkan cerita Yang Berhormat Datuk Speaker, syukur alhamdulillah Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak kerajaan pusat iaitu siapa lagi kalau tidak UMNO, telah bersetuju untuk bersama-sama menghulur tangan berada dalam jawatankuasa teknikal untuk menilai hudud itu sendiri bersama dengan PAS. Maka kita harus kenal siapa kawan siapa lawan. Justeru itu, tidak timbul fitnah antara kita yang boleh memburukkan lagi keadaan sesama kita di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menekankan tentang program keseimbangan pembangunan antara wilayah Johor, antara ECERnya, dengan RAPIDnya, dengan Nusajayanya. Kita harap harapan kita untuk melihat keseimbangan dalam pembangunan ini akan dapat dirasai oleh Wilayah-Wilayah yang lain di bawah kepimpinan yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengingatkan diri saya dan semua pihak kepada mereka yang membawa *tagline uphold the constitution*, dengan izin. Harus seperti mana rakan saya tadi menyatakan harus melihat tentang perilaku mereka sendiri. Jangan cakap lain buat yang lain dan kita harapkan perkara ini tidak berlaku di masa yang akan datang. Kalau kita sayangkan negara kita ini yang berbilang kaum menjadi apa yang kita harapkan, sewajarnya kita mulakan dari sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, insya-Allah kita akan masuk ke Rancangan Malaysia yang Ke-11. Saya yakin kerajaan kita, kerajaan negeri Johor berpeluang untuk memperkemas dan memperkasa Pelan Pertumbuhan Strategi Johor dengan adanya Pelan Pertumbuhan Strategi Johor, Pelan Suara Hati Johor dan pertumbuhan Iskandar ECER ini. Kita harapkan saya sengaja nyatakan hari ini kerana untuk membawa perkara ini dalam perbincangan dalam perbahasan bajet yang akan datang ianya mungkin terlambat. Saya harapkan apa yang ada ini akan menjadi satu perkara yang tidak tertinggal untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia yang Ke-11 agar Rancangan Malaysia yang Ke-11 nanti akan lebih urmnya, akan lebih memberi kemanfaatan kepada kerajaan dan negeri Johor keseluruhannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga berharapkan bahawa kita semua tidak dapat nafikan bahawa kita tidak dapat lari daripada kenyataan iaitu kita harus memberi pendidikan yang lebih kepada rakyat jelata. Kenapa Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila rakyat jelata kurang pendidikan, kurang pengetahuan, kurang penerangan, kurang informasi, ia mudah diperkotak-katikkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru itu, kita harus ikhlas untuk menyampaikan yang betul, jangan memutarbelitkan perkara-perkara yang tidak betul dan untuk ia lebih penting meneruskan perpaduan yang ada ini Yang Berhormat Datuk Speaker. Jabat tangan tidak boleh berlaku

dengan sebelah tangan saja Yang Berhormat Datuk Speaker, ia memerlukan dua belah tangan daripada dua belah pihak untuk berjabat, untuk menyatakan perpaduan dan silaturahim. Dalam erti kata yang lain, kita tidak boleh bertepuk sebelah tangan, sewajarnya semua pihak harus menjalankan peranan yang sewajarnya untuk benar-benar menemukan perpaduan yang sejati yang kita harapkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mengambil kesempatan di sini Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk menyatakan bahawa perkara-perkara yang kadang kala disampaikan di sebelah bawah sana tentang soal hutang yang menakutkan rakyat tentang hutang negara berbanding dengan GDP Malaysia begitu banyak sampai 56%, sampai 170 bilion, kita kena cerita sebenarnya, cerita sampai habis. Daripada hutang yang kita ada ini 87% adalah hutang domestik dan hutang untuk luar sahaja 13%, kalau kita bandingkan dengan yang lain Yang Berhormat Datuk Speaker, Singapura 422.7% daripada GDP. Nak bezakan dengan Hong Kong 396.8% daripada GDP, itulah perbezaan kita. 87% daripada hutang ini adalah daripada *Personal Financing*, dengan izin. Perumahan 44%, bukan perumahan 8%, kenderaan yang kita beli 18%, kredit kad 4%, *personal use*, kegunaan individu 17%, keselamatan 6% dan yang lain-lain 3%. Dalam hal ini, mereka tidak akan cerita tentang hal ini semua. Mereka tidak akan cerita tentang apa yang dihadapi oleh rakyat tetapi ada pihak hanya lebih menumpukan kepada soal kerajaan kerana seperti mana yang saya nyatakan tadi adalah tidak popular untuk memperingati dan menegur rakyat kerana yang mudah disalahkan adalah kerajaan semata-mata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mengambil kesempatan di sini, satu perkara baru yang lama mungkinnya tetapi yang harus kita kenalkan Yang Berhormat Datuk Speaker. Iaitu berkenaan dengan *Indoor Air Quality*, dengan izin ataupun Kualiti Udara Dalaman, Yang Berhormat Datuk Speaker. Tata Amalan Kualiti Udara Dalaman diperkenalkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan pada tahun 2005 dengan tujuan untuk memberikan garis panduan dan menetapkan standard minimum dalam melindungi kesihatan pekerja dan penghuni serta kawasan bertutup yang dilengkapi sistem pengalih udaraan mekanikal atau penyaman udara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jabatan ini telah memperkenalkan amalan industri kualiti udara dalaman dalam tahun 2010. Justeru itu, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan sebagai sebuah kerajaan yang dinamik, yang juga mempunyai pembangunan-pembangunan di kawasan hijau, kenapa tidak kita mulakan untuk menekankan soal *Indoor Air Quality* ataupun Kualiti Udara Dalaman ini dalam semua bangunan khususnya tempat kakitangan-kakitangan kerajaan dan juga swasta dalam negeri Johor ini. Walaupun ia tidak dikuatkuasakan serta-merta, sewajarnya perkara ini diketengahkan untuk diperbincangkan dan diperkenalkan kepada pihak majikan-majikan dan juga pekerja-pekerja serta kakitangan-kakitangan yang ada dalam seluruh negeri Johor ini. Dengan harapan supaya masalah soal virus yang dinyatakan oleh Tanjung Puteri tadi tidak akan berlaku di mana-mana. Pada masa yang sama

kita mahukan bahawa bukan sahaja negeri Johor ini membangun fizikalnya secara difizikalnya tetapi kita juga melihat tentang perkara-perkara kecil mikro yang memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Justeru itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya merasakan bahawa perkara ini sewajarnya untuk diketengahkan.

Dan seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kesempatan yang ada ini, saya mengajak semua pihak khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk menjiwai apa yang telah diketengahkan oleh kerajaan ini. Kita sekali lagi saya ingatkan bahawa adalah sebahagian daripadanya. Memang benar Yang Berhormat Datuk Speaker, ada setengah pihak mungkin rasa kecewa kerana merasakan bahawa apa yang diperkatakan tidak diterima ataupun dilaksanakan oleh pihak kerajaan tetapi saya harapkan mereka tidak akan bosan untuk terus mengetengahkan yang baik kerana itu adalah sebahagian daripada amanah kita kerana kita berada di sini. Mungkin kita juga akan diduga dengan kedudukan kita, dengan kuasa kita dan dengan jawatan yang sedang kita sandang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberikan kerjasama yang baik dan menjalan tugas yang baik dalam perbahasan ini dan saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Speaker kerana telah menjalankan tugas yang licin dan menegur kepada perkara yang perlu ditegur. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan itu juga saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Pasir Raja. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Datuk Speaker : Waalaikumsalam. Terima kasih Yang Berhormat Semarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang kita mulakan daripada 1 hari bulan yang lalu sehingga petang ini. Dan insya-Allah pada 8 Jun 2014, hari Ahad, pihak kerajaan akan menggulung dalam rundingan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Ahad, 8 Jun 2014, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

HARI KEENAM,
AHAD, 8 JUN 2014

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEENAM	AHAD, 8 JUN 2014	BIL. 5 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahir rahmannir rahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita teruskan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Kukup, jemput.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Soalan saya soalan nombor 1.

Terdapat banyak rungutan rakyat mengenai pengawal keselamatan sekolah di Negeri Johor yang tiada di tempat kawalan dan kualiti pengawal yang disediakan tidak memuaskan. Apakah punca-punca dan apakah tindakan proaktif yang telah dibuat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Selamat pagi, salam sejahtera. Pertama sekali bagi pihak rakan-rakan nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana telah dapat gelaran Tan Sri... (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih...

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dia macam kelu sikitlah (ketawa)... Kerajaan amat menyedari bahawa sering kali wujud rungutan berhubung kualiti kerja pengawal keselamatan di sekolah yang kurang memuaskan. Sebagai makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pengawal keselamatan sekolah adalah dilantik dan diurus oleh pihak syarikat keselamatan yang mendapat tender menyediakan kawalan keselamatan di sekolah-sekolah yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan. Setiap kontraktor yang dilantik adalah tertakluk dan perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Antaranya Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang meliputi skop perkhidmatan, tanggungjawab serta bidang tugas. Begitu juga dengan garis panduan penilaian prestasi kontraktor

perkhidmatan yang menekankan aspek kualiti mutu kerja dan pemantauan terhadap kontraktor yang dilantik.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan, di antara faktor yang dikenal pasti berlakunya perkara tersebut ialah di mana syarikat gagal untuk membayar gaji dalam waktu yang ditetapkan sehingga menyebabkan ada pengawal keselamatan yang berhenti secara mengejut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan kontrak perjanjian, setiap pengawal keselamatan diwajibkan memiliki sijil tapisan keselamatan daripada Kementerian Dalam Negeri. Dan proses ini mengambil tempoh masa yang agak lama untuk diluluskan. Sekiranya permohonan gagal, keadaan ini menyebabkan pihak kontraktor terpaksa menghadapi masalah untuk mencari pengganti dalam kadar yang segera. Di samping itu, faktor pemilihan pengawal keselamatan yang diambil untuk bekerja oleh pihak kontraktor tanpa menyelidiki latar belakang individu tersebut juga menyumbang kepada faktor kelemahan tersebut. Sering kali berlaku pengawal keselamatan yang dilantik hanyalah untuk bekerja secara sementara sahaja. Bagi mengatasi masalah tersebut, syarikat pengawal keselamatan yang tidak memenuhi syarat-syarat seperti ditetapkan dalam terma perjanjian, yakni selepas menandatangani kontrak akan dikenakan tindakan seperti amaran dan denda. Begitu juga dengan syarikat yang berprestasi rendah, tindakan menamatkan kontrak boleh diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor sebagai pihak yang bertanggungjawab mengawal selia kontraktor keselamatan juga telah membangunkan sistem penilaian prestasi syarikat-syarikat kawalan keselamatan secara berkomputer bagi memantau prestasi syarikat yang diberikan kontrak tersebut. Di samping itu, pemantauan secara berterusan seperti lawatan secara mengejut di pos-pos kawalan di sekolah juga sering dijalankan dengan kerjasama pihak Jabatan... pihak Pejabat Pendidikan Daerah bagi memastikan segala terma kerja kawalan keselamatan sentiasa dipenuhi.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Kukup.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya ialah ibu bapa sekarang ini amat-amat mendambakan keselamatan terutama bila kita hantar anak kita ke sekolah sebagainya, kita mahu supaya anak kita ini sentiasa dijaga dan tidak ada faktor-faktor luar yang boleh mengganggu-gugat keselamatannya. Kalau kita lihat pelantikan kontraktor berpusat di mana Pusat Melantik Kontraktor bayangkan satu sekolah di Kukup contohnya mendapat kontraktor daripada Kuala Lumpur dan pengawal bertugas yang akan digunakan adalah orang tempatan. Mana mungkin pengawasan dan penyeliaan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Jadi soalan saya, boleh tidak Jabatan Pelajaran, Pendidikan Negeri Johor mencadangkan supaya pelantikan kontraktor, pengawal keselamatan untuk di Negeri Johor ini biarlah Johor yang buat. Ataupun sekurang-kurangnya kita pecahkan lagi kepada daerah, mengikut daerah masing-masing. Biarlah pelantikan itu mengikut pelantikan daripada kalangan pengawal keselamatan, maksud saya syarikat pengawal keselamatan mengikut daerah supaya mudah mereka mengelola dan mudah mereka untuk menyelia pengawal-pengawal keselamatan. Kerana pengawal keselamatan ini begitu penting untuk menjaga keselamatan anak-anak kita. Sekian, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memang kita di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri kalau boleh hendakkan supaya pengawal keselamatan itu datang daripada daerah yang berkenaan. Tetapi isu dia ialah tak semua daerah ada mempunyai syarikat-syarikat keselamatan ini. Yang kedua, dalam satu sekolah mungkin memerlukan hanya beberapa orang sahaja pengawal keselamatan. Jadi kalau satu syarikat itu cuma dapat kontrak untuk mengawal beberapa sekolah dan tak cukup untuk dibuat *rolling* modal dia, mungkin juga menjejaskan prestasi syarikat.

Saya setuju cadangan daripada Kukup supaya sekurang-kurangnya syarikat keselamatan ini kalau tak pun dalam daerah, sekurang-kurangnya di dalam Negeri Johor supaya pihak Jabatan mudah untuk mengawal selia dan memanggil kontraktor ataupun syarikat ini dari semasa ke semasa sekiranya berlaku prestasi yang tidak memuaskan.

YB Tan Sri Speaker : Yong Peng.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yong Peng, Yong Peng...

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Yong Peng. Dia mesti soalan tambahan lagi.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Soalan tambahan saya, Pusat Khidmat Yong Peng menerima banyak aduan dari pengawal keselamatan di Kawasan Yong Peng, bahawa mereka tidak menikmati gaji minimum RM900.00 dan caruman KWSP ditolak dari gaji mereka, tetapi tidak dibayar ke KWSP. Adakah ini sebagai satu punca utama dan bagaimana Kerajaan negeri boleh menolong pengawal-pengawal keselamatan ini? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dah katakan tadi memang antara isu pengawal keselamatan ini ialah bila dia tak dapat gaji ikut masa yang ditentukan ataupun gaji yang dibayar itu tak cukup sepertimana yang Yong Peng sebutkan. Hal yang berkaitan dengan pengawal keselamatan ialah bidang tugas Kementerian dan dia melibatkan kontrak antara syarikat yang dilantik dengan Kementerian. Jadi pihak Kerajaan negeri tak boleh nak tolong bayar ke dan sebagainya. Sebab ini adalah dari Kementerian kepada syarikat itu *direct*, tak ada kaitan dengan Kerajaan negeri secara *direct*.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Soalan tambahan...

YB Tan Sri Speaker : Bukan soalan tambahan. Soalan...

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Ok soalan nombor 2 Tan Sri Speaker.

Berapa buah Rumah Mampu Milik yang berharga RM150,000.00 yang telah ditempah oleh rakyat yang mampu berdasarkan kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain serta bila dijangka siap?

YB Tan Sri Speaker : Dan Yang Berhormat Gambir.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Rumah Mampu Milik merupakan antara agenda utama Kerajaan negeri Johor sejak setahun lalu. Berapakah rumah yang telah dibina mengikut daerah dan berapa unit yang telah diagihkan sehingga kini?

YB Tan Sri Speaker : Jawab sekali.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Speaker, orang yang berpengalaman dalam...kalau, saya keturunan Banjar. Keturunan Banjar campur sikit-sikit Bugis. Kalau orang tua kita panggil *patuhak*, jadi kalau orang yang berpengalaman dekat Dewan ini seperti Datuk Speaker ini kita panggil *patuhak*...

YB Tan Sri Speaker : *Patuhaknya*...

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bersamaan orang-orang yang bijaksana...

YB Tan Sri Speaker : Bersamaan...

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Jadi sebagai ucapkan tahniah, saya mengucapkan tahniahlah kepada Tan Sri Speaker...

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : ...kerana telah dianugerahkan Yang DiPertuan Agong. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjawab bagi kedua-dua soalan secara bersekali.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan negeri telah pun menentukan dasar dalam pembahagian rumah kos rendah dan rumah mampu milik Johor. Pembahagiannya adalah seperti berikut – Kaum Melayu 65%; Kaum Cina 25%; Kaum India 10%; jumlah adalah 100%. Sepertimana dia adalah mengikut komposisi kaum di Johor Bahru, di Johor. Dasar yang di atas, dasar yang di...saya beritahu tadi adalah dibuat berdasarkan pada jumlah penduduk Negeri Johor di mana komposisi kaum ataupun nisbah sesuatu kaum dengan di mana kaum yang lain adalah seperti berikut. Mengikut rekod yang diperolehi daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan, jumlah pemohon yang berdaftar untuk memiliki rumah kos rendah dan rumah mampu milik Negeri Johor adalah seramai 52,988 orang. Pecahan mengikut kategori rumah adalah berikut – Rumah kos rendah RM42,000, permohonan sebanyak 11,802 orang; rumah kos sederhana rendah untuk harga RM80,000 berjumlah 21,058 orang; jumlah mampu milik Johor RM150,000 ke bawah sebanyak 20,128 orang. Di mana jumlah keseluruhan adalah 52,988 orang.

Mengikut jumlah yang berdaftar untuk memiliki rumah mampu milik Johor mengikut komposisi kaum pula ialah seperti berikut – Melayu, 8,655 orang; Cina, 10,064 orang; India, 1,400 orang; jumlah keseluruhan 20,128. Ini adalah di antara RM80,000 hingga RM150,000.

Bilangan rumah mampu milik yang telah ditawarkan mulai bulan Mei 2013 sehingga Mei 2014 mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut, yang telah ini bermaksud yang telah kita keluarkan sijil kepada penama-penama – Johor Bahru, 893 unit; Muar, 142 unit; Batu Pahat, 135 unit; Kluang, 390 unit; Segamat, 78 unit; Ledang, 113 unit; Kota Tinggi, 58 unit; Pontian, 99 unit; jumlah keseluruhan adalah 2,150 unit.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih kepada EXCO yang telah memberikan penjelasan. Pertama sekali, adakah Kerajaan sedar berdasarkan kepada data yang diberikan iaitu permohonan berdasarkan kepada jenis rumah, kos rendah memiliki ataupun telah dipohon sebanyak 42,000. Sedangkan apa yang kita maklum, kebanyakan ataupun ada beberapa projek khususnya di DUN tempat saya, mereka lebih menumpukan

kepada rumah mampu milik. Sedangkan rumah mampu milik ini ramai di kalangan rakyat khususnya pasangan muda yang baru mendirikan rumah tangga tidak mampu memiliki rumah, membeli rumah yang berharga RM150,000.00 kerana mampu milik istilahnya. Jadi apakah alternatif untuk memperbanyakkan kos rumah murah ini yang rata-rata sebahagian besarnya adalah mereka yang berpendapatan rendah, kerja sendiri, kerja kilang, kerja potong buah...buah kelapa sawit. Jadi ini antara rungutanlah rakyat di tempat saya. Jadi, saya ingin penjelasan apakah tindakan kerajaan untuk membantu golongan sedemikian? Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ia kita, Kerajaan negeri Johor dalam kategori kita melaksanakan Rumah Mampu Milik Johor ni, ada kategori kita menentukan penentuan di mana rumah murah sebanyak RM42, yang harga berharga RM42,000.00 adalah lebih kurang 5% ataupun 10% mengikut dalam bandar, dalam Iskandar dan luar Iskandar. Jadi, tidak timbul kita tidak memikirkan kepada kategori yang kurang mampu. Berdasarkan kepada pendaftaran yang kita dapat di pihak SUK Kerajaan Tempatan pun, jumlah kos rendah yang mengikut kategori gaji, rumah kos rendah ni, adalah mereka yang bertangga gaji adalah RM2,000.00 ke bawah maknanya ada 11,802 unit. Dan, kita juga memikirkan bagaimana kaedah kita ingin membantu mereka-mereka yang kurang berkemampuan terutama generasi baru berkahwin, dengan kita membina rumah PPR daripada Kerajaan Pusat dan pada tahun ini kita akan melaksanakan sebanyak 3,800 rumah PPR ataupun rumah transit, yang kita kategorikan untuk mereka-mereka yang baru bermula ataupun mereka yang perlu menyewa di peringkat awal dan satu peringkat Kerajaan negeri seperti yang saya jawab pada jawapan yang lepas, kita pun telah, sedang memikirkan bagaimana kita ingin memilih satu kawasan untuk kita jadikan PPR itu sebagai rumah sewa beli untuk mereka-mereka ini, kita boleh dapat memastikan ada ruang untuk generasi muda ni, yang berpendapatan rendah ni, boleh kita bantu.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Gambir.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Pengerusi tadi. Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengikut statistik Yang Berhormat Pengerusi tadi, nyatakan lebih daripada 20,128 orang, ada mohon rumah di bawah RM150,000.00. Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan masa depan yang telah dibuat ataupun dalam projek-projek yang sedang berlaku pembinaan ini, mampukah pembinaan ini memenuhi permintaan 20,000 itu dalam jangka masa 3 hingga 4 tahun daripada sekarang? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada rakan, Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah perumahan mampu milik yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam tempoh 2013 hingga 2016, adalah sekarang ini ada sebanyak 11,600 unit, ini dalam bentuk pembinaan. Yang tadi, yang saya maklumkan tadi, yang telah dikeluarkan pendaftaran. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

1. Johor Bahru 5,423 unit

2. Kulaijaya 801 unit

3. Muar tak banyak 3 unit tapi ada lagi pendaftaran-pendaftaran lain yang akan menyongsong

4. Batu Pahat 1,621 unit

5. Kluang 1,508 unit

6. Segamat 180 unit

7. Ledang 192 unit

8. Kota Tinggi 1,244 unit

9. Mersing 420 unit

10. Pontian 239 unit.

Ini adalah tindakan bila kita buat secara *task force* dan memanggil setiap pemaju yang telah menukar kepada Program Rumah Mampu Milik Johor. Maknanya, peningkatan dari segi pendaftaran untuk melaksanakan rumah ni, berdasarkan kerja tolak tanah, *piling* ini, jumlahnya dah 11,600 unit. Dan, Kerajaan negeri menetapkan sasaran pembinaan Rumah Mampu Milik bagi tempoh 5 tahun adalah sebanyak 28,000 unit iaitu 20,000 unit adalah di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar manakala 10,000 unit lagi untuk di Wilayah di luar Iskandar. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada tindakan secara *task force*, tindakan secara mesyuarah, tindakan secara perundangan kita gunakan, *black list*, benda ni dah telah bertambah berdasarkan kelulusan yang kita keluar dalam bentuk KM dan akan dilaksanakan berdasarkan janji baru dan mengikut data yang dikumpul oleh setiap PBT, sasaran untuk pembinaan dan dijangka siap antara tahun 2013 hingga 2018, adalah sebanyak 48,332 unit iaitu sebanyak 35,819 unit dalam Wilayah Iskandar manakala bakinya 12,513 unit pula adalah di luar Wilayah Iskandar.

Jadi, berdasarkan jumlah keseluruhan yang kita buat tindakan berperingkat-peringkat ini, bertambah setiap, setiap bulan, kita tidak masalah dan kita akan berjanji untuk mencapai 28,000 seperti yang kita janjikan. Dan mungkin, kita akan mendapat tambahan berdasarkan tindakan yang agak drastik berdasarkan jumlah 180,000 rumah murah yang tidak dibuat menggunakan kaedah kita memberi peluang kepada pihak pemaju menukar kepada Program Rumah, Segmen Rumah Mampu Milik Johor.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senggarang.

YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta, soalan tambahan.

YB Tan Sri Speaker : Tak apa, tak apa, saya dah panggil Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Mengapa proses untuk mendapatkan bantuan memperbaiki rumah mahupun bantuan zink agak lama untuk diluluskan oleh pihak MAIJ atau Baitulmal khususnya kepada mereka yang amat memerlukannya.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di atas pengurniaan pingat Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran Tan Sri daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang DiPertuan Agong.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Untuk menjawab soalan ini, Yang Berhormat Senggarang, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui Program Bantuan Perumahan Majlis Agama Islam Negeri Johor telah pun disediakan dalam 2 bentuk bantuan iaitu Bina Baru 3 bilik, 2 bilik dan 1 bilik dan juga Bantuan Baik Pulih di antara RM11,000.00 sehingga RM20,000.00. Bagi bantuan baik pulih, setiap permohonan akan dinilai dan ditentukan melalui spesifikasi yang ditetapkan meliputi penggantian bumbung, lantai, dinding dan kerosakan yang tidak melibatkan struktur tanah.

Bagi lebih mempercepatkan proses pembinaan dilaksanakan mulai tahun 2014, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah memohon kebenaran daripada Pegawai Kewangan Negeri Johor supaya proses penganugerahan kerja baik pulih kepada kontraktor dibuat melalui lantikan terus. Dan, pada tahun 2014, Majlis Agama Islam menyasarkan pembinaan 250 unit rumah baru dan membaik pulih sebanyak 350 buah rumah yang sebahagiannya sedang dalam proses

pelaksanaan. Di antara permasalahan yang menyebabkan kelewatan dalam kelulusan bantuan rumah ini adalah sebagaimana berikut:-

1. Pemohon bantuan, sama ada bantuan rumah ataupun baik pulih rumah tidak mempunyai status tanah sendiri untuk dijadikan rumah ataupun rumah yang mereka diami itu, yang mereka sewa itu, adalah rumah sewa bukan milik sendiri.

2. Status tanah yang dikemukakan tidak jelas seperti mereka ini menumpang di atas tanah orang lain ataupun kediaman itu di atas tanah rizab kerajaan ataupun dikategorikan sebagai setinggan.

3. Pemohon tidak mengemukakan surat akuan bersumpah bagi kebenaran membina rumah di atas tanah orang lain.

4. Pemohon memiliki tanah pusaka yang berkongsi nama dengan penama lain dan tidak mendapat persetujuan dari waris-waris yang lain.

5. Keadaan pemohon yang juga telah uzur dan usia pemohon yang telah lanjut sehingga 80 tahun dan ianya tinggal bersendirian.

Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya adakah Kerajaan negeri memikirkan mekanisme baru yang boleh mempercepatkan proses kelulusan tersebut? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Senggarang. Seperti mana yang ditanyakan tadi tentang mekanisme bagi mempermudahkan khususnya bantuan memperbaiki ataupun baik pulih rumah, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor baru-baru ini telah meluluskan ataupun telah membuat dasar menambahkan peruntukan bantuan segera kepada seluruh Pejabat Kadi Daerah, khususnya daerah-daerah Johor Bahru sehingga RM50,000.00 dan daerah-daerah lain sehingga RM30,000.00 dalam tempoh sebulan.

Namun, untuk proses peruntukan segera ini perlu merujuk kepada Amil Baitulmal Daerah, Kadi Daerah di mana peruntukan ini boleh disalurkan. Selain daripada itu juga, pihak Majlis Agama Islam juga melalui Program Insaniah bersedia membantu mana-mana pemohon-pemohon, yang mana proses baik pulih ini dilaksanakan secara gotong-royong dengan masyarakat setempat dengan

diseliakan oleh Briged Ansar iaitu di dalam satu program yang dinamakan dia Program Insaniah. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan bagi memastikan nasib pekebun getah tidak terjejas teruk ekoran harga komoditi getah yang rendah?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Machap bertanyakan usaha kerajaan bagi memastikan nasib pekebun getah tidak terjejas ekoran harga komoditi getah yang rendah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, usaha-usaha kerajaan bagi tujuan membantu pekebun apabila harga komoditi getah itu rendah ialah dengan menstabilkan pendapatan pekebun-pekebun kecil ini dengan melaksanakan beberapa program antaranya bantuan khas akibat kejatuhan harga getah iaitu:

1. Pemberian bantuan *One Off* RM500.00 bagi setiap pekebun kecil bagi membantu mereka yang terjejas pendapatannya akibat kejatuhan harga yang ketara.

2. Peningkatan program, Program Peningkatan Produktiviti Getah. Insentif awal penorehan berjumlah RM500.00, bagi setiap hektar bagi setiap pekebun dengan pemberian peralatan penorehan seperti pisau toreh, batu asah, mangkuk, sudu, *spring* serta alat pelindung hujan dan racun rumpai supaya penorehan dilaksanakan bagi kebun-kebun yang mencapai tempoh 4 tahun setengah dan bertujuan menurunkan kos pengeluaran pekebun kecil.

3. Program Insentif, Skim Insentif Produktiviti Getah, tadi peningkatan produktiviti, ini Skim Insentif ialah dengan pemberian baja, bahan rangsangan, cuka getah kepada kebun-kebun getah yang matang bagi membantu peningkatan produktiviti kebun.

4. Program Infrastruktur Pemasaran iaitu menyediakan infrastruktur pemasaran seperti depoh pengumpulan sekerap dan *latex* serta pusat timbang dan stor bagi memastikan pekebun kecil membuat jualan secara berkelompok dan mencapai harga jualan hasil yang terbaik.

5. Program Aktiviti Ekonomi Tambahan ialah menyediakan kemudahan bantuan modal RM10.000.00 bagi setiap projek kepada pekebun kecil untuk menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi lain yang berdaya maju.

Dan, yang akhir ialah:

6. Program biasiswa kepada anak pekebun kecil iaitu pemberian bantuan sebanyak RM500.00 bagi setiap orang setahun, kepada anak-anak pekebun kecil sebagai galakan dan rangsangan kepada mereka yang berpotensi dalam bidang akademik bagi meningkatkan prestasi pelajaran mereka ke arah melahirkan generasi pekebun kecil yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi...

Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri...

YB Tan Sri Speaker : Semua dah dibantu tu.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Suatu masa dulu, harga getah beku ataupun getah ojol hampir mencecah RM7.00 sekilo tetapi sekarang saya diberitahu harga dalam sekitar RM1.80 sekilo. Jadi, kejatuhan itu begitu ketara dari segi harga kejatuhannya. Jadi apakah punca, punca utama yang menyebabkan harga komoditi getah jatuh begitu mendadak?

YB Tan Sri Speaker : Sebab getah jatuh.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Machap. Penentuan harga komoditi getah ini adalah berasaskan kepada permintaan dan penawaran. Pada waktu ini, negara kita bersama-sama dengan negara Thailand dan juga Indonesia di bawah badan yang dinamakan ITRC iaitu *International Tripatype Rubber Council* adalah badan yang bertindak untuk bersama-sama menentukan dan mempertahankan harga komoditi getah yang dikeluarkan oleh ketiga-tiga negara ini.

Walau bagaimanapun, sebagaimana saya nyatakan tadi, harga komoditi getah adalah berasaskan kepada pasaran terbuka, berdasarkan kepada permintaan dan penawaran. Maka sebab itu kerajaan menyediakan program-program untuk menstabilkan pendapatan, oleh kerana harga getah adalah dibawah kawalan pasaran terbuka. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Dato' Speaker, eh Tan Sri Speaker. Tahniah.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Berapakah jumlah subsidi yang telah didahulukan oleh Kerajaan negeri Johor untuk membantu pekebun getah setakat kini dan berapakah jumlah permohonan bantuan subsidi yang dimohon oleh pekebun getah dan berapakah jumlah orang pekebun getah telah berjaya memohon serta mendapat bantuan setakat kini? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bekok adalah amat khusus, saya akan memaklumkan kepada Yang Berhormat statistik yang diperlukan. Walau bagaimanapun, ingin dinyatakan di sini bahawa dalam usaha kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil menangani soal harga komoditi getah ini, pendekatan yang diambil oleh kerajaan adalah sesuatu yang bukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Tetapi sebagai contoh, bantuan khas akibat kejatuhan harga bagi peruntukan tahun 2014 sebanyak RM6,788,000.00 disediakan.

Bagi Program Peningkatan Produktiviti Getah bagi peruntukan bagi tahun 2014, sebanyak RM436,000.00 disediakan. Sementara Insentif bagi meningkatkan produktiviti getah, peruntukan dalam tahun 2014 disediakan sebanyak RM1,294,800.00. Program Infrastruktur Pemasaran pula, peruntukan dalam tahun 2014 disediakan sebanyak RM350,000.00 bagi mengemas ataupun meningkatkan infrastruktur kawasan penanaman. Dan, Aktiviti Ekonomi Tambahan sebanyak RM1,140,000.00 disediakan bagi membantu pekebun-pekebun kecil menjalankan aktiviti-aktiviti lain sebagai pendapatan tambahan.

Jadi dengan ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak kerajaan telah pun menyediakan peruntukan yang besar dan secukupnya bagi menjaga kebajikan pekebun-pekebun kecil. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sebenarnya saya berdiri tadi cuma nak ucapkan tahniahlah kepada Speaker...

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : dan juga saya harap kalau boleh Speaker, atas jasa baik Speaker kalau nak tanya soalan tambahan pandang ke sebelah sini lebih kerap sikit, mungkin dua kali sana, satu kali sini...

YB Tan Sri Speaker : Tak, pasal yang menyoal sana, saya pandang sana, yang jawab sana, pandang ke sana. Dan, yang ini sekarang saya dah pandang Yang Berhormat Skudai...

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...bukan, sekarang nak buat apa punya, nak ucapkan tahniah dan juga...

YB Tan Sri Speaker : Ok, ok, ok...

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...tanya soalan tambahan untuk kebaikan seluruh rakyat Negeri Johorlah.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 6.

Apakah pengeluaran hasil perikanan sangkar air tawar, air masin dan tangkapan laut pada tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013 dari segi hasil dalam bentuk kuantiti tan metrik dan pendapatan wang ringgit Malaysia di pasaran domestik dan eksport?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga hendak mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker di atas kurniaan pingat PSM yang membawa gelaran Tan Sri.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan Yang Berhormat DUN Skudai bertanyakan tentang hasil pengeluaran ikan sangkar air masin, sangkar air tawar dan tangkapan laut.

Untuk makluman Yang Berhormat DUN Skudai, berikut adalah jumlah pengeluaran hasil perikanan. Jadi, saya hari ini main angka untuk menerangkan jawapan kepada DUN Skudai. Pengeluaran hasil perikanan bagi sangkar air masin pada tahun 2010; sebanyak 7,164.27 tan metrik membawa nilai RM122.65 juta. Bagi tahun 2011; sebanyak 6,535.5 tan metrik membawa nilai RM138.46 juta. Manakala, hasil pengeluaran bagi 2012: 6,623.6 tan metrik membawa nilai RM126.2 juta, manakala 2013; hasil sangkar air masin sebanyak 5,277.88 tan metrik membawa nilai RM101.96 juta.

Manakala sangkar air tawar pada 2010; hasil tangkapan sebanyak 84.21 tan metrik membawa nilai RM0.793 juta, 2011; 49.53 tan metrik membawa nilai RM0.289 juta, manakala hasil tangkapan sangkar air tawar pada 2012: 56.64 tan metrik membawa nilai RM0.55 juta dan juga pada 2013 sebanyak 80.86 tan metrik membawa nilai RM0.62 juta.

Manakala tangkapan laut, hasil perikanan sebanyak 109,540 tan metrik membawa nilai RM538.1 juta, 2011; 109,739 tan metrik membawa nilai RM662.3

juta, manakala tangkapan laut bagi tahun 2012; 124,823 tan metrik membawa nilai RM682.5 juta dan akhir sekali tahun 2013; 130,920 tan metrik membawa nilai RM772.1 juta, Yang Berhormat.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Nampaknya statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi ada yang pada waktunya khasnya perikanan sangkar air masin, walaupun kuantiti hasilnya menurun dari tahun 2012 hingga 2013 tapi nilai bertambah. Ini maknanya harga ikan itu semakin meningkat dan tapi sebaliknya berkurangan hasil perikanan dan juga termasuk perikanan laut pada kuantiti hasilnya semakin menurun tetapi harga semakin meningkat. Adakah Kerajaan negeri telah membuat kajian sama ada pembangunan ekonomi khasnya di Iskandar Malaysia dan di Selat Melaka hingga Selat Tebrau telah menjejaskan alam sekitar hingga menjejaskan perikanan. Sebab harga ikan ini semakin meningkat dan kuantiti hasilnya semakin menurun.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita mengakui kos operasi untuk tangkapan ikan ini semakin meningkat disebabkan oleh antaranya kalau ikan dalam sangkar ini sebab daripada kos makanan ataupun ikan baja yang semakin tinggi di pasaran dan juga harga ikan juga dipengaruhi oleh permintaan dan bekalan yang agak tinggi di pasaran. Jadi, pihak Perikanan, kita sentiasa memantau apa jua keadaan yang berlaku dalam sektor perikanan dalam Negeri Johor dan juga Kerajaan negeri, kita telah minta jabatan-jabatan yang terlibat untuk bersama-sama kita memperhalusi apa jua pemasalahan yang berlaku dan insya-Allah dalam masa yang terdekat Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan sama-sama untuk kita jayakan, untuk membantu nelayan-nelayan laut khususnya nelayan Johor Selatan untuk kita bantu untuk mengurangkan permasalahan yang mereka hadapi, Yang Berhormat.

YB Tan Sri Speaker : Semua tak makan ikan ke, yalah. Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Heng (Stulang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tahniah juga, satu penganugerahan yang cukup membanggakan Dewan...

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Encik Chen Kah Heng (Stulang) : Ya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 7.

Apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh Kerajaan Johor terhadap tapak rumah warisan Wong Ah Fook yang telah dirobohkan?

YB Tan Sri Speaker : Nombor 7, soalan. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya pun disini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri di atas kurniaan darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat ADUN Stulang. Bila saya tengok, dia dah senyum ya. Saya tahu soalan ni memang dalam masa sebulan dua yang lepas agak hangat dan saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat ADUN Stulang di atas keprihatinan dalam membangkitkan isu ini dan juga kepada Dr. Boo tempoh hari pun ada membangkitkan perkara yang sama.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setelah bangunan yang dipercayai milik Wong Ah Fook dirobohkan, kerajaan melihat tiada keperluan untuk kita bangunkan semula bangunan tersebut dan juga untuk kita mewartakan tapak tersebut sebagai tapak warisan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Stulang.

YB Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih, memberi jawapan pendek sangat yang diberikan (ketawa), untuk, banyak lagi simpan dekat belakang (ketawa). Walau bagaimanapun, di sini, walau pun tidak ada niat untuk membina replika dan sebagainya. Di sini saya ingin tahu, sebenarnya dalam ucapan saya juga banyak persoalan juga ditimbulkan berkenaan dengan apakah tindakan susulan dan juga sama ada apakah hukuman yang diberikan kepada pemaju dan sebagainya. Apakah status tanah sekarang? Sama ada tanah sekarang ini tengah di, di, dipohon untuk dibangunkan dan sebagainya atau pun dalam proses pertimbangan ataupun sudah diluluskan, kerana rakyat semua mahu tahu sama da tapak tersebut hendak dibina hotel ke, nak bina kondominium ke yang menjadikan rumah tersebut dirobohkan.

Dan akhirnya sekali, adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk menggubal garis panduan yang lebih jelas dalam mengekalkan tapak warisan di mana bangunan tersebut terletak di atas tapak persendirian, kerana kita tidak ada nampak masalah kalau tapak, bangunan warisan terletak di atas tanah kerajaan. Kalau di atas tanah persendirian, macam mana kita nak menyediakan insentif ke kepada swasta dan sebagainya untuk mengekalkan bangunan-bangunan warisan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Stulang. Soalan Yang Berhormat sebenarnya pada saya pendek saja, tindakan susulan. Jadi jawapan saya pun pendek. Jadi Yang Berhormat ADUN Stulang, sebenarnya apa yang dirasakan oleh Yang Berhormat sebenarnya, kesedihan Yang Berhormat, kalau sekali Yang Berhormat sedih, saya sepuluh kali rasa sedih dan apabila dirobohkan bangunan Wong Ah Fook tersebut. Walau pun seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat ADUN Stulang, sebenarnya apa yang kita nak lakukan pada peringkat awal iaitu kita nak mempertahankan bangunan, bukan mempertahankan tanah yang ada tersebut kerana apa, bila bangunan itu dirobohkan, jadi kita lihat bahawa tiada keperluan untuk kerajaan membuat sesuatu tindakan selanjutnya.

Dan apa yang kita lihat bahawa warisan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ADUN Stulang adalah bangunan yang dipercayai oleh Wong Ah Fook. Sebenarnya sehingga kini kita masih sangsi bahawa sama ada benar atau tidak Wong Ah Fook tinggal di rumah tersebut, kerana ikut makluman daripada Pejabat Tanah yang kita semak yang terkini iaitu rekod pemilihan tanah tersebut dimiliki oleh 12 individu yang berasal daripada Singapura, tak ada satu nama pun yang menyebut Wong Ah Fook di situ. Jadi saya lihat bahawa kerana kita memikirkan bahawa keperluan sebagai keutamaan kerajaan pada hari ini adalah bagaimana kita untuk membela rakyat, keutamaan bagaimana kita nak membela rakyat dengan perkara-perkara pembangunan yang lebih diutamakan. Jadi saya pada peringkat awal negeri Johor memang bersungguh-sungguh dan saya lihat bila Yang Berhormat ADUN Stulang sendiri telah beberapa kali ke tapak yang dipercayai rumah Wong Ah Fook. Jadi bila Yang Berhormat berulang kali datang ke kawasan tersebut, akhirnya saya lihat akan timbul satu ketakutan kepada pemilik tanah tersebut dan mereka dengan mudah pada ketika itu bila 1.00 pagi telah merobohkan bangunan.

Sebelum itu sebenarnya Yang Berhormat ADUN Stulang, pihak kerajaan memang amat-amat bersungguh dan kita dengar apa juga pandangan dan juga yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di Stulang. Dan kita telah pun, telah mengambil apa, satu tindakan iaitu membuat semakan di Pejabat Tanah dan juga kita telah membuat satu rangka kerja untuk kita mengambil alih tanah tersebut. Tetapi malangnya oleh kerana kerakusan yang kita lihat bukan berlaku di Bandaraya Johor Bahru sahaja, kalau Yang Berhormat tahu, di Melaka, di Pulau Pinang sendiri pun berlaku perkara yang sama.

Jadi di sini, saya ingin tekankan bahawa selain daripada kita kerajaan berusaha untuk mempertahankan satu tapak warisan atau bangunan. Tanggungjawab sebenarnya perlu kita lihat, perlu dimainkan oleh rakyat itu sendiri. Jadi saya telah berbincang dengan pihak Majlis Bandaraya Johor

Bahru dan saya telah pun dimaklumkan bahawa tindakan di bawah apa, Akta Perancang bahawa bangunan ini, apa, pemaju pemilik yang telah merobohkan boleh dikenakan tindakan denda hingga RM500,000.00, dan kita harap selepas ini kita tahu walau pun dalam keadaan saya tahu, Wong Ah Fook ini secara asasnya sebenarnya tidak mempunyai sejarah-sejarah yang kita bukukan. Jadi, Yayasan Warisan Johor mengambil kira pandangan Yang Berhormat ADUN Stulang dan kita telah meminta, saya telah meminta Yayasan Warisan Johor untuk buat kajian kesahihan kewujudan Wong Ah Fook dan juga bangunan tersebut sama ada ia benar-benar jadi milik Wong Ah Fook. Dan juga saya ingin cadangkan kepada kerajaan, setelah selesai kita buat kajian iaitu kita akan cuba mendokumentasikan sejarah beliau dan juga kita akan mempamerkan dalam arkib ke, dalam bentuk galeri di tempat yang sesuai seperti di Muzium Yong Hua atau tempat lain yang dirasakan sesuai.

Percayalah Yang Berhormat ADUN Stulang, kita tidak memilih sama ada Wong Ah Fook atau siapa-siapa pun kaum lain dalam negeri Johor dan bila kita rasakan bahawa Wong Ah Fook ini mempunyai kaitan yang cukup kuat, In Sya Allah kita akan cuba bukukan menjadi tatapan generasi akan datang. Dan sebelum ini pun, kita lihat di Bandaraya Johor Bahru sendiri kalau Yang Berhormat ADUN Stulang, walau pun sejarah Wong Ah Fook masih kita sangsi tetapi kewujudan Jalan Wong Ah Fook telah mengiktiraf sumbangan beliau sebelum ini. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tahniah.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih atas jawatan Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memang kita faham bahawa apabila, sebenarnya ini memang berlaku selalunya seperti yang dikatakan Yang Berhormat EXCO, di mana di Pulau Pinang pun berulang kali berlaku di mana ada pemilik bangunan atau tanah tersebut, dia mendapat sebarang maklumat bahawa kerajaan berniat mengelaskan, mengiktirafkan tapak tersebut sebagai tapak warisan, dengan cepat-cepat mereka akan merobohkan segala tapak warisan atau pun bangunan warisan yang ada di sana. Soalan Mengkibol adalah, apakah kerajaan, strategi yang dirancang oleh kerajaan negeri untuk mengelakkan atau pun mengurangkan kepada tahap yang minimum perkara ini berulang pada masa akan datang.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih diucapkan kepada ADUN Mengkibol. Saya lihat pihak Pembangkang

memang amat prihatin dalam kita melihat perkara ini sebagai satu apa, perkara yang perlu diberi keutamaan.

Dan, apa yang kita telah laksanakan sebelum ini, dalam kita mewartakan dan juga untuk kita, kalau dalam bahasa Inggerisnya kita gazet iaitu perkara utama kerana tanah apa, bangunan-bangunan tersebut adalah di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Kalau kita lihat bangunan Wong Ah Fook sendiri di bawah Majlis Bandaraya Johor Bahru. Dan saya di sini telah memaklumkan kepada pihak Yayasan Warisan Johor yang mana bertanggungjawab dalam kita menjaga, menjaga bangunan-bangunan yang kita nilaikan sebagai sejarah dan saya telah meminta pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru atau juga Pihak Berkuasa Tempatan yang ada dalam negeri Johor itu sendiri, untuk sama-sama memberi penekanan dan juga keutamaan jika ada bangunan-bangunan yang kita rasakan menjadi bangunan yang boleh kita iktirafkan sebagai bangunan warisan dan saya dimaklumkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru itu sendiri bahawa tindakan tegas selepas ini akan diambil bagi kita dapat menguatkuasakan apa juga peraturan yang ada termasuk seperti mengenakan denda kepada pemilik-pemilik yang ingkar dengan arahan daripada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Dan saya harap pihak Pembangkang atau pun pihak Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini, kita akan terus bekerjasama untuk kita memastikan kerana percayalah apa yang kita ada pada hari ini memang perlu kita pertahankan, kalau itu menjadi kepentingan kepada generasi yang akan datang. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senggarang, jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 8. Sejauh manakah penglibatan orang ramai dalam mengikuti kursus-kursus yang dikendalikan oleh kolej-kolej komuniti setempat dari tahun ke tahun.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu objektif penubuhan kolej komuniti adalah untuk menyediakan pembelajaran sepanjang hayat kepada individu atau masyarakat setempat bagi meningkat kualiti hidup. Bagi merealisasikan hasrat ini, kolej komuniti telah merancang dan menyediakan pelbagai program dan latihan kepada masyarakat setempat dengan pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh diikuti oleh semua peringkat umur, dengan tujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keterampilan individu, seterusnya menyumbang kepada masyarakat dan alam pekerjaan.

Kursus-kursus yang ditawarkan juga bersesuaian dengan kehendak semasa selaras dengan aspek pembangunan modal insan untuk mewujudkan masyarakat yang berdaya saing selain dari meningkatkan taraf ekonomi

masyarakat setempat. Tenaga pengajar yang mahir dalam bidang-bidang masing-masing di ketengahkan dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh kolej komuniti agar dapat memberi ilmu serta khidmat terbaik kepada masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat seramai 130,606 orang peserta telah mengikut kursus-kursus yang dikendalikan oleh kolej semua komuniti di negeri Johor daripada tahun 2011 hinggalah 21 Mei 2014. Antara kluster kursus yang ditawarkan adalah Grafik dan Multimedia, Komputer dan Teknologi Maklumat, Elektrik dan Elektronik, Bakeri dan Kulinari (Masakan) yakni katering dan Sajian, Kecantikan dan Dandanan , dan juga Jahitan Pakaian dan Langsir. Kursus yang diberikan adalah dinamik serta berkualiti kepada semua peringkat masyarakat untuk menyediakan mereka ke alam kerjaya yang diceburi dan seterusnya meningkatkan tahap sosial ekonomi setempat secara keseluruhan.

YB Tan Sri Speaker : YB Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apa yang saya difahamkan bahawa kolej-kolej komuniti ini dibangunkan di peringkat daerah, mungkin saya fikir kerajaan boleh mengembangkan lagi penubuhan kolej-kolej komuniti ini ke peringkat Parlimen. Dan, Alhamdulillah di daerah Batu Pahat, kolej komuniti itu terletak di kawasan saya, DUN Senggarang. Soalan saya di sini ialah, secara keseluruhannya apakah kursus-kursus yang popular yang diikuti oleh pelajar-pelajar di kolej tersebut. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kursus-kursus yang popular ini bergantung kepada kolej komuniti tertentu, umpamanya di Kolej Komuniti Segamat, dia popular dengan Kursus Pemasangan Elektrik. Di Kolej Komuniti Ledang umpamanya, dia popular dengan Kursus Pastri, kemudian di, juga servis kenderaan ringan. Di kolej komuniti yang lain, bidang pemasangan elektrik, bidang-bidang, kebanyakan bidang-bidang ini adalah bidang-bidang yang berkaitan dengan orang-orang muda untuk dia dapatkan nilai tambah supaya mereka boleh bekerja, kalau, contohnya bidang elektrik dia boleh bekerja dengan syarikat-syarikat elektrik, pendawaian dan sebagainya. Kalau apa nama ni, servis kenderaan ringan dia boleh buka bengkel, kalau yang berkaitan dengan masakan pastri dia boleh sama ada bekerja dengan restoran atau pun mereka boleh buka apa nama ni, perniagaan makanan mereka sendiri.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Tahniah. ADUN-ADUN sebelah sana minta saya menyampaikan permintaan belanja makan.(Dewan ketawa).

YB Tan Sri Speaker : Bayar belum tahu siapa.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih daripada jawapan YB EXCO tadi. Tujuan kolej komuniti menyediakan kajian yang berbentuk kemahiran. Saya difahamkan bahawa penuntut-penuntut kolej ini diberi kepada anak-anak muda yang memerlukan pengajian dalam bentuk kemahiran. Soalan saya, adakah bercadang kolej ini dibuka kepada orang dewasa contohnya macam ibu-ibu tunggal, bapa-bapa tunggal, orang-orang pencen yang memerlukan kemahiran untuk mencari nafkah dan sebagainya. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam jawapan saya, saya dah nyatakan tadi bahawa kursus-kursus sama ada jangka panjang ataupun jangka pendek ini memang dibuka kepada semua. Bukan hanya orang muda aja, termasuk juga ibu-ibu tunggal. Contohnya di Kolej Komuniti Kluang, kursus ibu tunggal antaranya yang popular, jahit maniklah, sulam, baju Melayu dan juga kursus apa nama ni, urut-urutan. Memang...

YB Tan Sri Speaker : Ibu tunggal tu muda ke tua? (Dewan ketawa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Orang muda boleh, orang tua boleh. Malah ada setengah kolej komuniti juga menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan urusan jenazah dan sebagainya. Jadi, bermakna kolej komuniti ini bukannya orang muda, tetapi majoritinya memang sasarannya orang muda.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah saja soalan-soalan lisan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Mana-mana soalan yang telah disenaraikan tetapi belum dijawab, saya harap akan dapat dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang tibalah masanya penggulungan ataupun jawapan daripada Pengerusi-Pengerusi yang berkenaan. Saya persilakan satu persatu, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirahmannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya dan saya yakin sahabat-sahabat Ahli-Ahli Dewan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Speaker di atas kurniaan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM)...

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang membawa gelaran Tan Sri, sempena Ulang Tahun Hari KePutraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada 7 Jun 2014.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tak kan terima kasih aja?

YB Tan Sri Speaker : (Ketawa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Penat kita sebut, kita...

YB Tan Sri Speaker : Tak, saya pun nunggu juga, tak kan tahniah aja. Tak ada ke epal ke, limau, sate ke. (Dewan ketawa). Sila Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Kita tak de masalah Tan Sri. Yang Berhormat Tan Sri, Alhamdulillahlah terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran terhadap Allah yang masih memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk turut sama di dalam rundingan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika merasmikan pembukaan Persidangan Penggal Kedua bagi Dewan Negeri Johor Ke-13. Tentunya, titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia mampu mendorong untuk kita bermuhasabah, menilai kekuatan dan kelemahan serta melakar strategi masa depan, di samping merapatkan ukhuwah menjalin persahabatan, mengukuh silaturahim antara kaum, untuk menjadikan Johor Darul Ta'zim sebuah negeri yang penuh kesejahteraan dan seterusnya mendapat keampunan Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol ada membangkitkan bahawa kita jangan jadi sebagai tuhan. Dan, itulah adalah merupakan kenyataan yang sepatutnya kita sebagai manusia biasa mengakuinya. Bukan sekadar cuma kita tidak boleh menjadi tuhan tetapi yang penting kita jangan ambil alih kerja tuhan. Kerana ada sebahagian daripada rakan-rakan kita, kita seolah-olah mengambil kerja tuhan. Kita mengkafirkan orang, kita ambil hukum dengan menghukum pahala, dosa, orang tu masuk neraka, seolah-olah dia sahaja yang masuk syurga. Maka ini cukup penting kerana sebagai manusia biasa seharusnya kita tahu akan batasan yang seharusnya diri kita ini sebagai manusia biasa, dan Allah sahajalah yang Maha Besar. Tuan-tuan, hai tuan-tuan pula.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya yang ingin saya maklumkan di sini ialah apabila kita mengakui bahawa kita adalah merupakan manusia biasa, bukan tuhan ataupun mengambil kerja tuhan, maka sewajarnya kita sudah bersedia untuk menerima apa sahaja dan di dalam Islam dalam Rukun Iman,

Qada dan Qadar tentang apa yang berlaku. Yang penting kita berusaha sedaya upaya untuk melakukan sesuatu kerja dengan sempurna dan terbaik dan akhirnya kita bertawakal kepada Allah. Jikalau ada perkara-perkara yang selepas itu yang mungkin memberikan kesan kepada kita, kita jangan menuding jari kesalahan itu kepada kerajaan dan juga kepada orang-orang yang lain. Saya ambil contoh Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada 2007, di kawasan saya berlaku banjir terutamanya di Taman Cempaka. Parit tersebut selepas itu kita dapat peruntukan daripada JPS, ketika, sebelum dibaiki ataupun dinaik taraf banjir tersebut 2 kaki tingginya. Tetapi setelah kita lebarkan, kita buang kelodak, kita dalamkan dan sebagainya, banjir 2011 air banjir tersebut naik lebih daripada 4 kaki. Adakah kita tidak berusaha untuk melakukan kebaikan kepada masyarakat? Sedangkan, hakikatnya kita telah berusaha tetapi kita tidak boleh melawan hukum ataupun kuasa Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Nusajaya ada menyebutkan tentang kegusaran, kebimbangan yang berkaitan tentang Undang-Undang Jenayah Islam. Saya faham sebagai EXCO Kesihatan, saya maklum bahawa setiap pengamal perubatan terutamanya mereka yang menjalankan klinik persendirian, mereka tertakluk di bawah MMA. Mungkin kalau Nusajaya tidak berani, mungkin sahabat kita Sungai Abong dan juga Maharani boleh secara sukarela untuk melakukannya. Agaknyalah. Namun begitu, ingin saya nasihatkan kepada sahabat saya, bahawa ini adalah merupakan hukum Allah. Kita jangan persendakan, kita jangan perlekehkan, kerana saya yakin dan percaya tuan-tuan dan puan-puan sekalian, apabila kita mengubah dasar, insya-Allah pada masa yang akan datang, dengan sendirinya Allah akan membantu kita agar mereka-mereka ini yang mempunyai keimanan dan juga ketakwaan kepada Allah akan membantu agama Allah ini. Jikalau kita tidak mempunyai maklumat, tidak mempercayai ilmu, lebih baik kita diam kerana kita khuatir ianya akan merobek keimanan dan juga ketakwaan kita kepada Allah (SWT). (Dewan bertepuk)

Firman Allah (SWT) dalam Surah Muhammad, ayat yang ke-7 yang bermaksud " Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela agama Allah, nescaya Allah membela kamu untuk mencapai kemenangan dan meneguhkan pendirian kamu". Dan, inilah sebenarnya hasrat kita walaupun mungkin perjalanan kita jauh tetapi yang lebih penting, kita sebagai orang Islam, sebagai orang Muslim, sebagai orang Melayu yang mengamalkan Islam, kita perlu patuh, kita perlu akur dengan perintah Allah.

Yang Berhormat Tan Sri, Sungai Abong dan Tangkak membangkitkan masalah denggi yang meningkat, berlaku di negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi Minggu EPID 21, Tahun 2014 sebanyak 2,050 kes dicatatkan dengan kenaikan 85% berbanding tempoh yang sama tahun 2013 iaitu mencatatkan 1,123 kes. Kumulatif kematian denggi pula sebanyak 12 kematian dengan peningkatan sebanyak 7 kes berbanding tahun 2013 bagi tempoh yang sama, yang mencatatkan kematian. Kebimbangan berkaitan cuaca *El Nino* akan meningkatnya jumlah kes denggi ada kebenarannya. Ingin saya

jelaskan, sepatutnya apa bila cuaca panas atau kemarau berlaku, jumlah kes denggi sepatutnya menurun kerana tempat-tempat pembiakan aedes yang terdedah akan kering kerana pancaran matahari dan takungan akan menjadi kering...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mengalu-alukan rombongan UMNO Cawangan Senggarang seramai 10 orang bersama-sama kita pagi ini. (Dewan bertepuk) Selamat datang Yang Berhormat Pengerusi, sila sambung.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang saya jelaskan tadi apabila cuaca panas dan juga kemarau sepatutnya kes denggi ini menurun. Tetapi seperti apa yang dinyatakan oleh Sungai Abong, apabila cuaca panas, nyamuk ini akan mencari tempat yang selesa seperti tempat yang mungkin berteduh, diteduh ataupun mungkin dalam keadaan ianya tidak dipancari cahaya matahari. Orang pun sama, orang apabila panas dia cari bilik yang ada air-con, macam nyamuk juga. Dan nyamuk-nyamuk aedes ini akan mencari tempat yang sejuk dan selesa seperti di premis-premis perniagaan, rumah ataupun bangunan-bangunan awam. Maka di sinilah keperluan untuk kita melihat tentang kemungkinan bagi memastikan bahawa tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes ini dapat kita hapuskan.

Tangkak, membangkitkan bahawa punca kepada peningkatan kes denggi ini disebabkan oleh parit-parit yang tersumbat. Ingin saya jelaskan di sini kenyataan yang dilakukan, yang dibuat oleh Tangkak itu tidak tepat. Kerana apa tuan-tuan sekalian, kerana nyamuk aedes ini membiak di kawasan, di tempat ataupun di air yang jernih dan juga bersih. Di kawasan-kawasan longkang dan sebagainya, kebanyakan, kebarangkalian untuk air bersih adalah rendah. Dan nyamuk yang ada di kawasan parit yang kotor adalah selalunya adalah nyamuk *culex*, maka tuan-tuan sekalian, kalau Wakil Rakyat pun tak faham di mana tempat yang sesuai nyamuk aedes ini membiak, macam mana rakyat nak faham? Sering kali jabatan kerajaan, sejak dulu bercakap, berkata menerangkan bahawa di sinilah sebenarnya tempat pembiakan aedes. Bagaimana untuk kita mengurangkan aedes, jikalau kita sebagai pemimpin, Wakil Rakyat dan sebagainya tidak faham tentang perkara itu? Dan apabila itu berlaku, sememangnya mudah untuk kita halakan permasalahan itu terhadap kononnya, kegagalan jabatan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Tanpa kita memikirkan bahawa kita juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang berkaitan tentang pembiakan nyamuk aedes itu adalah merupakan tanggungjawab kita bersama, kerana nyamuk aedes ini tidak memilih sama ada dia daripada Barisan Nasional ke, ataupun daripada Pakatan Rakyat. Tiba-tiba meninggal, dan ketika itulah baru kita sedar betapa seriusnya penyakit denggi ini yang disebabkan oleh nyamuk aedes.

Maka, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, eh, tuan-tuan pula. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara perkara ataupun langkah-langkah agresif yang dilakukan oleh pihak jabatan adalah dengan mewujudkan *COMBI* di setiap *locality*. *COMBI* ini adalah *Communication* dengan izin, *Communication for Behavorial Impact*, maknanya komunikasi bagi menghadapi perubahan, kesan perubahan tingkah laku. Di Negeri Johor kita telah pun menubuhkan 400 *team COMBI* di setiap *locality* dan baru-baru ini pada 24 Mei, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun melancarkan *COMBI* ini dan kita namakan *COMBI* ini, 710. Kenapa 710? Kerana kita mengharapkan 7 hari yakni seminggu, kita ambil sehari dalam tempoh 10 minit untuk kita melihat persekitaran rumah kita, untuk kita memantau sama ada adakah takungan, adakah tempat-tempat tertentu pembiakan nyamuk aedes. Dan, di peringkat jabatan sejak dulu apabila saya mengambil alih sebagai EXCO Kesihatan, saya telah pun mengarahkan jabatan bahawa tiada kompromi terhadap kompaun yang telah pun diberikan kepada mereka-mereka yang didapati bahawa mereka ini sebagai orang yang membiak ataupun yang menyediakan tempat dari segi pembiakan nyamuk aedes, RM500.00 dan saya mintak supaya selepas ini, Wakil-Wakil Rakyat apabila orang kampung jumpa, dia minta supaya surat untuk mengurangkan kompaun kalau boleh, janganlah dilayan.

Bukan kita hendak menghukum mereka. Bukan kita hendak mendera mereka, kerana sudah lama kerajaan melalui Jabatan Kesihatan memberikan penerangan tentang betapa seriusnya penyakit denggi ini, tetapi ianya diambil mudah oleh masyarakat secara keseluruhan. Ini adalah merupakan satu proses pengajaran, satu proses untuk mereka memahami disiplin diri agar jikalau mereka tidak mahu membayar kompaun RM500.00, alangkah baiknya mereka ini sedar dan juga insaf untuk memastikan bahawa persekitaran rumah mereka, premis perniagaan mereka berada dalam keadaan yang bersih dan juga sempurna. Dan melalui KPI EXCO, kita mencadangkan, kita bercadang untuk mewujudkan sekurang-kurangnya dua lagi COMBI di setiap PKD, daerah setiap tahun untuk memastikan bahawa hasrat dan juga kehendak YAB Menteri Besar bagi memastikan masalah denggi ini dapat diturunkan akan tercapai.

YB Tan Sri Speaker, Rengit, Parit Raja dan juga Nusajaya membangkitkan keperluan untuk menaik taraf klinik kesihatan yang sedia ada. Saya telah pun melawat Klinik Kesihatan Rengit baru-baru ini dan untuk makluman Dewan yang mulia, sejak Rancangan Malaysia ke-8 lagi, klinik ini telah dipohon untuk dinaik taraf memandangkan klinik ini terhimpit dengan bangunan baru Pejabat Tanah dan Daerah Kecil Rengit serta kuarters JKR. Permohonan ini diulang lagi dalam tahun, dalam Rancangan Malaysia yang ke-10. Purata kedatangan harian ke klinik ini lebih kurang 100 orang sehari.

Rengit membangkitkan bahawa kenapa berulang-ulang Rancangan Malaysia, tapi tidak dapat? Ingin saya jelaskan di sini masalahnya adalah berkaitan tentang tanah. Setelah saya turun, berbincang dan melihat bersama dengan Pengarah dan juga Rengit, kita telah pun berjaya mengatasi masalah tanah. Jikalau Rengit boleh mengatasi masalah tanah ini 30 tahun yang lalu, saya

yakin dan percaya 30 tahun yang lalu juga, Klinik Kesihatan Rengit ini telah pun dinaik taraf (Dewan bertepuk). Jenis klinik yang sesuai dibina adalah klinik kesihatan jenis IV dan akan dimasukkan sebagai keutamaan dalam Rancangan Malaysia yang ke-11. Jikalau dalam Rancangan Malaysia yang ke-11 penghujungnya tidak ada, Rengit kalau dipanjangkan lagi, untuk jadi Wakil Rakyat, timbulkan lagi.

YB Tan Sri Speaker : Hah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri : Dan, saya harapkan ketika ditimbulkan itu, Rengit akan mengatakan bahawa terima kasih kepada EXCO Kesihatan kerana permohonannya telah berjaya (ketawa). Sabar.

Kawasan Parit Raja, Klinik Kesihatan Parit Raja di Batu Pahat. Kawasan Parit Raja di Batu Pahat pesat membangun selari dengan kewujudan pusat pendidikan dan industri. Kepesatan pembangunan ini menjadikan beban kerja KK Parit Raja turut meningkat. Menyedari situasi ini, Jabatan telah mengemukakan permohonan menaik taraf KK Parit Raja kepada KK jenis III sesuai dengan beban kerja sedia ada dan jangkaan beban kerja 10 tahun yang akan datang. Permohonan naik taraf ini telah dikemukakan sejak Rancangan Malaysia ke-9 diulang dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan Insya-Allah akan dimajukan lagi bersama dengan KK Rengit menjadi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11.

Bagi pihak jabatan juga bercadang menaik taraf KK Gelang Patah sedia ada kepada KK Jenis III di tapak yang ada sekarang ini. Pihak jabatan juga mengambil maklum, berkaitan keperluan ambulan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan ADUN yang lain di dalam Dewan ini dan kita akan cuba yang terbaik memenuhi segala permintaan kerana saya yang ia menjurus kepada perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Skudai meminta agar dibentangkan Projek Pembinaan Tembok Laut di sepanjang Tanjung Piai yang telah pun diluluskan. Sukacita dimaklumkan, fasa 1 kerja-kerja tersebut telah pun ditenderkan dan sekarang dalam proses pembiayaan, penilaian oleh Jabatan Pengairan Saliran Malaysia. Dijangkakan kerja akan dimulakan pada bulan Ogos 2014 merangkumi pembinaan pelindung hakisan pantai, dengan izin, *rock revetments* sepanjang 1.3 KM dan pembinaan struktur pemecah ombak, *break water* sepanjang 800 M.

Pengkalan Rinting pula membangkitkan isu banjir di Sungai Skudai dan penambakan muara Sungai Skudai. Kawasan ini sering dilanda banjir kilat kerana kawasan ini terletak di Lembangan Sungai Skudai yang merangkumi Kampung Skudai Kiri, Kampung Laut dan Kampung Pasir. Ketiga-tiga kawasan tersebut berada di kawasan rendah, iaitu di dalam kawasan dataran banjir, *floodplain area*, dengan izin. Ketika air pasang, aras tanah atau tapak

kediaman penduduk di kawasan tersebut adalah lebih rendah daripada aras air sungai. Ini menyebabkan kediaman akan mudah dinaiki air ketika air laut pasang dan hujan lebat. Bagi mengurangkan masalah banjir di kawasan tersebut, pihak JPS telah menaikkan taraf pintu air, menambahkan kapasiti dan keupayaan pam, memasang sistem *water level* secara *online* dan membuat penjadualan tugasan kakitangan bagi memantau dan membuka pam ketika hujan dan air pasang selama 24 jam. Membuat kerja penyenggaraan sisa pepejal di dalam parit secara berkala, mengorek kelodak dan membuang kambang serta penyelenggaraan lain dari masa ke semasa.

JPS juga menasihatkan agar penduduk memberikan kerjasama kepada usaha yang dilakukan supaya menjaga kebersihan dengan tidak membuang sampah-sarap di tebing-tebing sungai yang boleh menyebabkan sampah-sarap tersebut masuk ke sungai dan seterusnya mengganggu aliran sungai ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak JPS telah meluluskan kajian hidraulik yang merupakan sebahagian daripada syarat-syarat kelulusan EIA yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi kerja-kerja menambak muara Sungai Skudai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir, Senggarang dan Tenang membangkitkan isu gangguan kera, monyet ataupun dan juga gajah. Isu konflik kera atau monyet yang dibangkitkan oleh Gambir amat unik berbanding dengan aduan kes monyet atau pun kera di kawasan-kawasan lain.

YB Tan Sri Speaker : Hah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hanya monyet ataupun kera di Gambir sahaja, ianya mengganggu ibu-ibu tunggal (Dewan ketawa).

YB Tan Sri Speaker : Hah. Ganas itu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Mungkin agak istimewa, monyet ataupun kera ini. Kera miang ni..

YB Tan Sri Speaker : Di Gambir.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri : Di Gambir. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya, gangguan kera dan monyet di Gambir saya yakin ini mudah diselesaikan. Saya menyarankan agar Gambir mencarikan pasangan yang sesuai untuk ibu-ibu tunggal ini agar kera dan monyet tidak akan mengganggu lagi (Dewan ketawa).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jabatan PERHILITAN telah mengambil tindakan dan berjaya menangkap pindah 29 ekor kera, monyet ini. Ketika ini, PERHILITAN masih memasang perangkap di kawasan tersebut. Difahamkan penduduk

kampung juga mempunyai perangkap sendiri yang diusahakan sendiri sebagai salah satu usaha bersama jabatan, ADUN yang berkaitan dan juga JKK bagi mengatasi masalah ini. Pihak jabatan juga akan berusaha sedaya upaya menyelesaikan konflik ini dan bantuan serta kerjasama penduduk dan Wakil Rakyat tempatan amat diperlukan. Tanggungjawab bersama ini penting kerana ini adalah merupakan masalah bersama. Pihak jabatan juga mengalu-alukan cadangan Senggarang agar ditubuhkan atau diwujudkan Pejabat PERHILITAN di Batu Pahat dan jabatan mengharapkan Kerajaan negeri bersedia untuk memberikan tapak yang bersesuaian untuk ditubuhkan sebuah pejabat di lokasi ataupun di Batu Pahat.

Masalah gajah, adalah masalah yang sering dibangkitkan terutama di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan hutan. Antara faktor yang menyebabkan gajah mengganggu penduduk dan merosakkan tanaman, adalah disebabkan habitat mereka diganggu oleh pembangunan.

Di kawasan DUN Tenang, gangguan gajah masih berlaku walaupun telah dipasang pagar elektrik. Ingin saya maklumkan, sebelum pagar elektrik dipasang pada tahun 2010, Jabatan PERHILITAN telah memindahkan sejumlah 13 ekor gajah yang dianggap memberikan masalah kepada kawasan ini. Namun setelah pagar elektrik dipasang, dikenal pasti sejumlah tiga ekor gajah yang masuk dan keluar kampung berhampiran akibat segelintir penceroboh yang menutup dan juga memotong wayar pagar elektrik tersebut. Terdapat juga kesan pokok tumbang yang memusnahkan pagar elektrik dan kerosakan tersebut, semuanya telah pun dibaiki oleh pihak jabatan. Sekiranya masih terdapat gangguan gajah liar berlaku, disarankan pihak penduduk membuat aduan segera kepada Pejabat PERHILITAN Daerah Segamat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhirnya Kerajaan negeri sentiasa prihatin dalam soal menjaga, memulihara dan memastikan kelestarian alam sekitar di Negeri Johor. Sememangnya usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sentiasa dilakukan terutama di kawasan-kawasan yang digazetkan sebagai Taman Negara Johor untuk diwariskan kekayaan khazanah flora dan fauna untuk dinikmati generasi akan datang. Pada masa yang sama, kita tidak boleh menolak keperluan pembangunan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada masyarakat. Jabatan Alam Sekitar komited untuk terus bekerja kuat dan bekerjasama dengan jabatan kerajaan yang lain, khususnya Perbadanan Taman Negara Johor bagi merealisasikan hasrat dan tujuan murni Kerajaan negeri merencanakan pembangunan secara seimbang dengan mengambil kira kelestarian alam sekitar.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat kerana berminat memberikan pandangan dan juga pendapat berkaitan tentang jabatan-jabatan di bawah EXCO saya dan saya yakin dan percaya segala pandangan, pendapat, cadangan itu amat dihargai dan akan diambil kira untuk kita membuat suatu

perancangan pada yang akan datang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menyokong.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar. Sekarang saya persilakan, Ahli Yang Berhormat Pengerusi yang lain. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan Selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Wa'alaikumussalam.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang saya kasihi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan usul rundingan menjunjung kasih titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Negeri Johor di Majlis Pembukaan Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor Ketiga Belas.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dapat bersama-sama untuk memberikan idea, cadangan dan mengemukakan permasalahan serta isu-isu yang berkaitan dengan Portfolio Belia, Sukan dan Warisan Negeri Johor. Walaupun pada peringkat awal saya agak khuatir apabila melihat seramai 56 Ahli Dewan Undangan Negeri di Negeri Johor, mungkin kurang membangkitkan isu-isu tentang belia, tentang sukan dan juga kebudayaan dan warisan, tetapi Alhamdulillah, selama beberapa hari ini saya sempat mengumpul beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi saya menjawab kerana saya lihat bahawa kepentingan pada hari ini belia amat penting bagi kita untuk membangunkan Negeri Johor pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Gambir iaitu keperluan *Wifi* di lokasi yang menjadi tumpuan belia. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan hari ini sebenarnya amat memahami akan pentingnya teknologi maklumat dan juga komunikasi kepada belia pada hari ini terutama dalam proses kita menyediakan generasi masa depan yang berinformasi, kreatif serta inovatif. Suka saya ingin berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat di sini, kemudahan *Wifi* seperti mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebenarnya kita tidak boleh hanya lihat atau nilai melalui apa saja yang perlu Kerajaan negeri lakukan tetapi ianya perlu juga kita mengambil kira peranan dan juga sumbangan yang telah dimainkan serta dilaksanakan oleh Kerajaan

Pusat kepada kita semua terutama kepada golongan belia di Negeri Johor. Contoh terbaik yang telah dibuktikan oleh Kerajaan Pusat sebelum ini iaitu dalam pembentangan bajet pada bulan September tahun 2013, Perdana Menteri telah mengumumkan di Bawah Pakej Komunikasi Belia, kerajaan menyediakan insentif dengan memberikan rebet RM200 kepada belia untuk pembelian telefon pintar atau *smartphone*. Kerajaan negeri Johor di bawah portfolio, saya amat berterima kasih dengan usaha Kerajaan Pusat dan bagi menyokong usaha ini, Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah mengkaji kewajaran perlunya memberi kemudahan *Wifi* percuma kepada belia agar telefon pintar yang telah dibeli dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh setiap belia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang kita semua sedia maklum terdapat dua cara untuk kita mencapai Internet, sama ada secara berbayar atau tidak berbayar. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya rasa tidak perlulah untuk saya terangkan satu persatu mana yang percuma atau mana yang perlu dibayar. Melalui inisiatif awal, Kerajaan negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri telah mencadangkan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan *Wifi* percuma di tiga lokasi iaitu:

1. Kompleks Belia dan Sukan di Larkin, Johor.

2. Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara Desaru, Kota Tinggi yang mana Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah mengesahkan kepada saya bahawa kelulusan pelaksanaan di kawasan di atas. Ianya dijangka dilaksanakan pada bulan November tahun 2014.

3. Kerajaan negeri Johor telah meluluskan untuk mewujudkan 26 pusat komuniti belia atau *southern hub* di setiap Parlimen yang lengkap dengan kemudahan *Wifi* dan ianya masih dalam proses penyediaan dan Insya-Allah ianya dijangka akan beroperasi di seluruh 26 lokasi sebelum akhir tahun ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, manakala untuk perancangan jangka panjang, Kerajaan negeri Johor juga akan sentiasa berusaha untuk memperluaskan lagi kemudahan *Wifi* ini. Dengan melihat perlunya *Wifi* di kawasan riadah belia, di kawasan luar bandar seperti di dewan badminton, gelanggang futsal, masjid-masjid dan juga surau-surau yang terpilih terutamanya di kawasan luar bandar. Pelaksanaannya bergantung kepada kesesuaian dan juga hasil kajian yang akan kita lakukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Sungai Balang, izinkan saya menjawab satu persatu kerana banyak persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ADUN Sungai Balang. Pertamanya berkenaan penubuhan makmal transformasi. Untuk makluman Yang Berhormat, perlaksanaan makmal transformasi belia hanya dibuat di peringkat kementerian. Kemudian, hasilnya akan dijadikan sebagai

strategi untuk perlaksanaan di peringkat negeri. Tujuannya ialah bagi menilai keberkesanan program-program yang dijalankan dan juga dijadikan pusat rujukan untuk belia. Walau bagaimanapun, untuk Negeri Johor, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor atau *Johor Youth Development Centre*, dengan izin, dengan ringkasan nama JOYDEC iaitu seramai 62 orang kakitangan kontrak yang dilantik di bawah Kerajaan negeri Johor dan ditempatkan di pusat ini. Pusat ini mempunyai 6 unit.

1. Unit Modal Insan.

2. Unit Usahawan Muda.

3. Unit Sukarelawan Darul Ta'zim.

4. Unit Sukan dan Infrastruktur Sukan.

5. Unit Media dan Acara.

6. Unit Pentadbiran.

Manakala untuk merangsangkan perlaksanaan program di peringkat akar umbi, pusat pembangunan belia daerah diwujudkan di setiap daerah dalam Negeri Johor. Alhamdulillah, bagi tahun pertama operasinya pusat ini telah menerima peruntukan sebanyak RM3.4 juta dari Kerajaan negeri bagi tahun 2014. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada peringkat awal penubuhan pusat ini, kita akan memberi penekanan dan penumpuan kepada kekuatan dalaman dan juga luaran belia-belia itu sendiri seperti mana yang sering disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Terutama untuk membangkitkan semangat kesukarelawanan di kalangan belia dengan menubuhkan Sukarelawan Darul Ta'zim.

Walaupun kerja-kerja sukarela ini dilihat suatu yang biasa, tetapi dengan kerjasama dan penyelarasan setiap aktiviti sukarela antara jabatan, agensi kerajaan termasuk GLC ianya dilihat akan lebih tersusun. Manakala setiap aktiviti serta program yang akan dilaksanakan akan menepati pada sasaran dan dijiwai oleh belia-belia yang terlibat. Secara asasnya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita juga akan dapat melahirkan belia yang lebih berkualiti, lebih bertanggungjawab kepada masyarakat, lebih kreatif dan mempunyai kebebasan memberi idea serta berani memberi pandangan yang membina kepada kita semua terutama kepada pihak kerajaan tanpa mengira belia itu kaum Melayu, belia Cina ataupun belia India. Alhamdulillah, dalam tempoh dua bulan sahaja, Sukarelawan Darul Takzim telah berjaya mengumpulkan hampir lima ribu ahli yang berdaftar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab soalan kedua Yang Berhormat ADUN Sungai Balang, iaitu berkenaan tanggungjawab menyelenggara

kerosakan gelanggang futsal 1Malaysia atau GF1M. Ahli-Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa gelanggang futsal ini telah dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Kemudiannya apabila telah siap, pengurusannya akan diserahkan kepada Persatuan Belia di kawasan yang berkenaan. Di Negeri Johor sendiri, sama ada kita sedar atau tidak, keseluruhannya kita mempunyai 248 buah gelanggang futsal. Hasil daripada keprihatinan kerajaan pada hari ini. Sehingga bulan Mac tahun 2014, 95% iaitu 234 gelanggang masih boleh digunakan dan sebanyak 14 gelanggang telah rosak dan dalam perhatian pihak Kementerian Belia dan Sukan dan seperti yang telah saya maklum ketika sidang Dewan Negeri yang lalu, bagi kerosakan kecil seperti mentol terbakar, pam tandas rosak, pagar tercabut, kepala paip rosak, ianya akan ditampung oleh setiap persatuan berkenaan menggunakan hasil kutipan yang diperolehi melalui sewaan penggunaan gelanggang futsal 1Malaysia.

Selain itu, bagi penyelenggaraan kerosakan dan pembaikan gelanggang futsal 1Malaysia yang memerlukan peruntukan yang besar, permohonan akan dipanjangkan ke Bahagian Pembangunan, Kementerian Belia dan Sukan. Sehingga hari ini, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah mengenal pasti setiap kerosakan dan permohonan pun telah dibuat kepada Bahagian Pembangunan, Kementerian Belia dan Sukan untuk tindakan lanjut. Insya-Allah dalam masa terdekat kita akan dapat peruntukan yang kita hajatkan.

Manakala tentang pertanyaan YB berkenaan dengan pembayaran bil elektrik di gelanggang futsal 1Malaysia di kawasan DUN Sungai Balang, saya ingat Yang Berhormat Tan Sri Speaker, banyak juga masalah di ADUN Sungai Balang. Saya nak merangka jawapan itu, saya lihat semuanya hampir 70% di Sungai Balang tapi Alhamdulillah kita ada Ahli Yang Berhormat yang prihatin. Bagi sebarang bil utiliti di gelanggang futsal 1Malaysia sama ada bil elektrik atau bil air, sebenarnya ianya ditampung oleh setiap persatuan yang telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan gelanggang futsal 1Malaysia tersebut menggunakan hasil kutipan yang diperolehi melalui sewaan penggunaan gelanggang. Sebenarnya Yang Berhormat, perkara ini telah dipersetujui dalam perjanjian penyerahan gelanggang atau MOU yang telah ditandatangani dan diserahkan kepada setiap pengurus, penyelia gelanggang semasa mereka menerima gelanggang tersebut. Sebenarnya tiada soal kata siapa yang bertanggungjawab atau sebagainya. Kerana mereka sebenarnya sedia maklum tapi mungkin mereka merahsiakan apa jua perjanjian dalam perjanjian yang telah dibuat.

Untuk kes yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di ADUN Sungai Balang, terdapat 4 gelanggang yang telah dibina. Maklumat mengenai gelanggang, penyelia dan status adalah seperti berikut, saya secara ringkas saya maklum kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sempat catit, sila catit, kalau tak sempat, rujuk kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor.

1. Gelanggang futsal 1Malaysia Parit Bugis iaitu Parit Begelan. Diseliakan oleh Kelab Sukan Rekreasi Desa Murni.

2. Gelanggang futsal 1Malaysia Kompleks Penghulu Sungai Balang. Diselia oleh Persatuan Gerak Muda Sungai Sudah. Kalau ikut maklumat yang saya terima, akaun bil elektrik sudah ditutup pada bulan Julai 2013. Jadi, kalau ikut daripada jumlah yang sepatutnya dibayar saya ingat tak ada masalah Yang Berhormat DUN Sungai Balang boleh bantu.

3. GF. Gelanggang futsal 1Malaysia Paya Lebar. Diselia oleh Encik Omar bin Idris. Nanti Yang Berhormat boleh berjumpa saya untuk mendapatkan nombor *handset*.

4. Gelanggang futsal 1Malaysia Parit Bulat. Diselia oleh Ketua Kampung Parit Bulat iaitu Encik Jawahir bin Yamin.

Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat, kalau masalah seperti ini tidak selesai dan tidak dapat diuruskan dengan sempurna, salah satu pilihan yang boleh dilakukan untuk memudahkan pengurusan gelanggang ini, adalah kerjasama dengan Kelab Sukan dan Rekreasi Parlimen yang ditubuhkan khas untuk menggerakkan aktiviti sukan dan rekreasi di setiap Parlimen. Untuk DUN Sungai Balang yang berada di Parlimen Muar, presidennya adalah saudara Salihuddin bin Haji Satar. Untuk makluman lanjut, Yang Berhormat boleh berhubung seperti yang saya maklum tadi berhubung dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya amat tertarik dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Naning iaitu mengenai masalah golongan muda yang bankrap atau gagal dalam perniagaan. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah ini sebenarnya dihadapi oleh sebahagian belia pada hari ini. Kerajaan negeri Johor sendiri menyedari akan keadaan ini dan bila kita lihat dari sudut luaran mungkin perkara ini disebabkan oleh sikap individu itu sendiri tetapi sebagai kerajaan yang prihatin kepada masalah rakyat terutamanya belia, kerajaan telah merangka beberapa program bagi membendung masalah ini daripada berleluasa kerana ianya juga sebahagian daripada jihad kerajaan untuk memberi yang terbaik untuk rakyat. Apa yang boleh kita laksanakan hari ini, kerajaan bukan sahaja memikirkan bagaimana hendak mengurang dan membendung masalah ini, tetapi ianya juga perlu dicegah sebelum jadi virus yang cukup merbahaya dan ianya boleh merencatkan pembangunan belia terutamanya di Negeri Johor pada masa akan datang.

Yang Berhormat ADUN Bukit Naning, antara langkah pro aktif kerajaan iaitu dengan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, Perbadanan Usahawan Johor Berhad, Perbadanan Islam Johor pelbagai program telah dilaksanakan antaranya:

1. Memberi kursus pengurusan kewangan.

2. Kursus asas keusahawanan.

3. Kursus perancangan perniagaan.

4. Kursus pemasaran.

5. Kursus motivasi.

6. Khidmat nasihat dan kaunseling.

Dengan kaedah ini, kita berharap ianya akan dapat membantu belia-belia bermula daripada peringkat asas dan akhirnya mereka boleh berdikari, berani membuat keputusan, boleh berdaya saing dan belia yang dalam kedudukan minda kelas pertama, Insya-Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengenai cadangan Yang Berhormat ADUN Serom pula, ketika ucapan perbahasan peringkat awal ADUN Serom ini mohon stadium untuk kawasan Yang Berhormat sahaja, tapi bila sebelah Bukit Naning mohon, jadi saya dah banyak menerima sampai 4 permohonan. ADUN Serom, ADUN Gambir pun termasuk juga. ADUN Tangkak dan juga ADUN Bukit Naning. Saya ingin maklumkan di sini bahawa Kerajaan negeri pada hari ini sentiasa melihat pembangunan yang perlu diutamakan yang akan menjadi keutamaan kepada rakyat. Seperti yang telah saya katakan ketika menjawab soalan lisan daripada Yang Berhormat Datuk Samsolbari, ADUN Semarang. Bukan bermaksud kerajaan hari ini menafikan pembangunan sukan dengan tidak perlu kemudahan sukan atau tidak perlu membina stadium tetapi dengan kemudahan yang telah tersedia di setiap daerah, saya mencadangkan dan saya amat berharap agar ianya dapat digunakan sebaiknya secara bersama kerana ianya juga adalah hak rakyat.

Yang Berhormat ADUN Serom, jangan sedih ya. Bagi pihak Kerajaan negeri, Insya-Allah jika pihak Yang Berhormat mempunyai cadangan yang sesuai seperti tapak bersesuaian, strategik dan mengikut prosedur permohonan yang lengkap, kita akan bantu dan kita akan majukan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk tindakan selanjutnya. Sebagai EXCO Belia dan Sukan dan bagi pihak Kerajaan negeri Johor, pastinya saya akan memberi sokongan sepenuhnya kepada Yang Berhormat ADUN Serom.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat DUN Skudai yang bertanya tentang tapak-tapak atau bangunan warisan ketara atau tidak ketara yang terdapat di seluruh Negeri Johor. Yang Berhormat DUN Skudai sebenarnya dia amat prihatin, kalau kita lihat dalam hal-hal tentang warisan yang ada dalam Negeri Johor dalam soalan lisan, soalan bertulis membangkitkan perkara yang sama. Yayasan Warisan Johor telah menyenaraikan sebanyak 170 tapak sejarah dan monumen sejarah di seluruh Negeri Johor. Daripada jumlah tersebut sebanyak 22 bangunan telah diluluskan dalam Surat Kerajaan negeri. Dalam Bilangan 75 dalam YWJ/6 Jilid 2 untuk diwartakan. Draf warta telah dikemukakan kepada

Pegawai Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan dan tindakan selanjutnya. Sehingga kini sebanyak 6 tapak bangunan dan monumen telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba 1976 Perintah Monumen Lama Dan Tapak Tanah Bersejarah Nombor 2 1981 seperti mana yang akan saya sebut sebentar nanti. Manakala 2 tapak telah diisytiharkan sebagai tapak di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang akan saya sebutkan sebentar lagi. Untuk yang pertama, tapak dan monumen Negeri Johor yang telah diwarta sebagai tapak warisan. Kita ada enam :

1. Kota Batu Johor Lama terletak di Kota Tinggi.

2. Istana Besar Johor Bahru, Johor Bahru.

3. Masjid Sultan Abu Bakar pun juga terletak di Johor Bahru.

4. Bangunan Pejabat Kerajaan Muar dalam daerah Muar.

5. Bangunan Sekolah Tinggi Muar.

6. Sekolah Tinggi Segamat.

Tapak Negeri Johor yang telah diisytiharkan sebagai tapak warisan ada dua :

1. Taman Negara Gunung Ledang terletak di Daerah Muar.

2. Taman Negara Tanjung Piai yang terletak di Daerah Pontian.

Pihak Yang Berhormat boleh merujuk kepada Yayasan Warisan Johor dan saya maklum sebelum ni pun Yang Berhormat ADUN Stulang pun ada melawat Yayasan Warisan Johor. Saya ucap terima kasih kerana prihatin untuk melawat Yayasan Warisan Johor dan saya mengalu-alukan bukan kata daripada Barisan Nasional daripada pihak pembangkang pun kalau nak melawat Yayasan Warisan Johor pun saya alu-alukan bila-bila cuma buat temu janji kerana masa kita kadang tak sesuai. Jadi kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat DUN Skudai, rujuk kepada Yayasan Warisan Johor dan kita ingin mendapatkan senarai 148 lagi bangunan yang masih dalam proses pewartaan, kita akan beri kepada pihak Yang Berhormat DUN Skudai.

Yang Berhormat ADUN Skudai juga ada bertanya sama ada Bandar raya Johor Bahru dalam perancangan untuk diwartakan supaya bandar raya sebagai warisan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan masih lagi fokuskan untuk mewartakan bangunan dan tapak warisan di Negeri Johor dan belum ada perancangan untuk mewartakan Bandar raya Johor Bahru sebagai warisan negara. Namun begitu, cadangan Yang Berhormat ADUN Skudai tetap akan diambil kira dan kajian akan dilakukan untuk mengkaji kewajaran Bandar raya Johor Bahru diwartakan seperti mengadakan seminar,

mendengar pandangan pakar dan juga mengambil kira pengalaman Bandar-bandar warisan seperti di Negeri Melaka dan juga Pulau Pinang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini perkara yang terakhir dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu daripada Yang Berhormat Parit Raja mengenai permohonan alat sukan. Sebenarnya saya agak berat untuk saya menjawab soalan Yang Berhormat Parit Raja. Mohon izin Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya rasa ingin menjawab dalam serangkap pantun. Yang Berhormat Sungai Balang membuka cerita, disambut oleh Yang Berhormat Puan Sri yang bijaksana, walaupun mulut ingin berbicara dan bersuara, tetapi lebih baik saya bisik-bisik sahaja. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi kesempatan kepada saya berdiri kerana bagi memberi ucapan penggulungan. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menjawab isu-isu yang di bawah portfolio saya yang telah dibangkitkan. Semoga jawapan saya dapat memberi, menjawab segala persoalan yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Insya-Allah kita akan berjumpa lagi pada masa-masa yang akan datang. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan atas penggulungan tadi. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi yang berikutnya, Pertanian.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan usul rundingan menjunjung kasih titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor di majlis Pembukaan Penggal di Persidangan kedua bagi Dewan Negeri Johor Ke-13.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dapat bersama-sama memberikan idea, cadangan dan mengemukakan permasalahan serta isu-isu yang berkaitan dengan pertanian dan industri asas tani Negeri Johor. Saya juga akan mengambil kesempatan ini untuk menerangkan beberapa maklumat terkini mengenai program dan status perkembangan sektor pertanian yang sedang dibangunkan dalam negeri Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan negeri melalui jabatan dan agensi yang berkaitan untuk membangunkan sektor pertanian dan industri asas tani di Negeri Johor. Salah satu daripadanya adalah untuk adalah melalui Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan yakni TKPM. Program ini merupakan projek yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian di dalam usaha untuk menjamin kelestarian kawasan pertanian dan bekalan makanan yang berterusan kepada

pengguna di dalam keadaan di mana banyak kawasan pertanian ditukar kepada kawasan pembangunan perindustrian dan perumahan.

Program ini dijayakan dengan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan yang menyediakan pembiayaan kewangan terhadap keperluan pembangunan, kemudahan infrastruktur di dalam sesuatu kawasan TKPM. Manakala kerajaan negeri menyediakan kawasan tanah yang sesuai untuk dibangunkan dengan tanaman yang berkepentingan untuk keperluan semasa. Pembangunan fizikal kawasan TKPM memerlukan perancangan yang teliti agar dapat memenuhi keperluan aktiviti perladangan seperti jalan ladang, sistem pengairan dan saliran, bangunan ladang dan juga kemudahan pemasaran dan tempat tinggal usahawan yang terlibat. Adalah diharapkan projek TKPM menjadi projek yang mampu mengeluarkan bahan makanan yang berterusan untuk kegunaan penduduk di kawasan yang berhampiran dan membantu keperluan kawasan lain.

Kesungguhan kerajaan untuk mewujudkan projek TKPM dan sehingga kini sejumlah keluasan keseluruhan projek TKPM adalah 1,377.81 hektar. Kesemua TKPM ini diusahakan dengan tanaman makanan seperti sayur-sayuran, tanaman kontan, buah-buahan dan juga sayur dedaun. Dengan adanya tanaman makanan ini, ianya dapat membantu meningkatkan industri makanan di negeri Johor. Selain itu, terdapat juga TKPM baru iaitu di Kota Tinggi berkeluasan 278.45 hektar dan diusahakan dengan tanaman pisang, nangka, sayur-sayuran dan tembikai. Manakala TKPM baru di Mersing yang berkeluasan 814.556 hektar akan diusahakan dengan tanaman betik, nangka, belimbing dan pisang yang turut memberi sumbangan dalam peningkatan pengeluaran industri makanan negeri Johor. Dimaklumkan bahawa seluas 284.8 hektar kawasan di negeri Johor telah dibangunkan dengan projek TKPM iaitu di daerah Batu Pahat, Kota Tinggi, Mersing, Segamat dan Muar. Hasil pengeluaran projek TKPM sedia ada adalah di antara 1,600 metrik tan ke 3,200 metrik tan bagi tempoh keluaran 2008 hingga 2013. Manakala sehingga Mei 2014, keluaran hasil TKPM sebanyak 501 metrik tan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman dari Gambir, bagi TKPM negeri Johor yang sedia ada terdapat dua orang pengusaha India, iaitu satu di TKPM Sri Pantai Mersing dan satu syarikat TKPM Sekijang, Segamat. Manakala lapan lagi pengusaha kaum India akan mengisi kekosongan yang ada di TKPM baru iaitu tiga dari syarikat dan lima dari individu. Daripada lapan peserta tersebut, dipecahkan mengikut lokasi TKPM seperti berikut, iaitu TKPM Sri Jemaluang seramai lima orang peserta daripada kaum India. Manakala TKPM Sri Pantai melibatkan satu orang peserta. Selain itu, satu syarikat dan seorang individu dari kaum India terlibat sama menjadi peserta di TKPM Sri Tenggaroh. Secara keseluruhannya, peserta dari kaum India yang terlibat dalam projek TKPM Jabatan Pertanian Negeri Johor adalah seramai 10 orang.

Selain daripada TKPM pertanian, sukalah saya maklumkan bahawa pada masa ini terdapat juga pengusaha-pengusaha kaum India yang terlibat dengan

penternakan di TKPM seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di kawasan yang dahulunya dikenali sebagai kawasan padang ragut. Di daerah Segamat terdapat lapan orang penternak tenusu dan seorang penternak kambing. Sementara itu, terdapat pengusaha lembu tenusu dan lembu pedaging di Kota Tinggi. Selain itu juga, sejumlah 13 orang penternak tenusu di Daerah Kluang yang tersisih disebabkan pembinaan landasan kereta api berkembar juga telah dipindahkan ke kawasan TKPM daerah Kluang. Daripada statistik yang saya sebutkan tadi, jelas menunjukkan bahawa pengusaha dan penternak India juga turut mengambil bahagian di dalam aktiviti pengeluaran makanan di TKPM seliaan kerajaan.

Projek TKPM hanya dibangunkan di tanah kerajaan, tanah milik Kerajaan persekutuan dan tanah-tanah di stesen-stesen pertanian sahaja. Yang Berhormat, Gambir menaruh harapan yang tinggi untuk saya mengumumkan atau memaklumkan peluang untuk menduduki tanah TKPM bagi memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha yang lain. Buat masa ini tiada kekosongan lagi di TKPM. Walau bagaimanapun, kami mengalu-alukan pengusaha-pengusaha yang berminat dalam bidang ini untuk meluaskan tanaman makanan di negeri Johor. Saya penuh yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bersedia untuk mempertimbangkan penambahan kawasan TKPM di Negeri Johor. Kita juga mengalu-alukan pengusaha-pengusaha tanaman untuk menyertai program pembangunan tanah terbiar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada TKPM, Kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian Asas Tani juga memperkenalkan program tanah terbiar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah keluasan tanah terbiar yang dikenal pasti di seluruh Negeri Johor sesuai untuk dibangunkan sektor pertanian adalah seluas 2,565.56 hektar melibatkan 2,155 lot dan seramai 2762 orang pemilik. Data tersebut adalah merupakan data yang telah dikemaskinikan sehingga 20 Mei 2014 oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

1. Daerah Ledang dengan keluasan 56.81 hektar iaitu 67 lot
2. Johor Bahru 112.98 hektar iaitu 148 lot
3. Kulaijaya seluas 226.91 hektar 101 lot
4. Batu Pahat 592.73 hektar iaini 485 lot
5. Pontian 211.71 hektar melibatkan 189 lot
6. Kluang 318 hektar melibatkan 133 lot
7. Kota Tinggi 171.0 hektar melibatkan 136 lot

8. Mersing 290.79 hektar melibatkan 272 lot

9. Muar; 281.95 hektar melibatkan 224 lot

10. Segamat; 472.36 hektar melibatkan 400 lot.

Jadi, inilah peluang kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat, kalau ingin melibatkan peserta-peserta boleh mengunjungi jabatan ataupun Pejabat Pertanian Daerah masing-masing untuk peserta-peserta Yang Berhormat, untuk terlibat sama memajukan tanah-tanah terbiar yang mana kita boleh bekerjasama bersama dengan pemilik-pemilik tanah.

Untuk makluman sidang Dewan, tanah terbiar ni membawa maksud tanah darat atau tanah sawah yang berkeluasan minimum 0.4 hektar ke atas sama ada bersambungan ataupun bertaburan yang merupakan tanah milik individu atau kerajaan atau rizab pertanian yang tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi mengurangkan jumlah tanah terbiar sedia ada di Negeri Johor, melalui peruntukan Pejabat Menteri Besar, Jabatan Pertanian telah melaksanakan peruntukan Program Pembangunan Tanah Terbiar di bawah Program Galakan Usahawan (PGU). Program ini dirancang dengan teliti dan berperingkat agar ia dapat memberi impak dan mencapai objektif kerajaan dalam menangani isu membangunkan tanah terbiar sekali gus meyakinkan petani terhadap penggunaan teknologi tinggi bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman.

YB Tan Sri Speaker : Panjang lagi Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Panjang lagi.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan saya tangguhkan sehingga 11.50 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.50 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sila Pengerusi Jawatankuasa Pertanian.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberi ruang untuk saya meneruskan menggulungkan perbahasan.

Peruntukan pembangunan tanah terbiar bagi Program Kerajaan negeri Johor dibahagikan kepada tiga kategori iaitu :

1. Pembangunan Tanah Terbiar (PTT)

2. Meningkatkan Pengeluaran Tanaman Makanan (MPTM)

3. Projek Tanaman Fertigasi (PTF).

Projek Tanaman Fertigasi adalah merupakan program baru yang untuk kita melibatkan semua pihak khususnya apabila tanah-tanah terbiar yang tidak besar keluasannya boleh dimanfaatkan melalui tanaman fertigasi.

Selain daripada program Kerajaan negeri, Jabatan Pertanian Malaysia juga sedang giat mempromosikan Kempen Tanah Terbiar di seluruh Malaysia. Tanah-tanah terbiar yang telah dikenal pasti ini akan dipadankan dengan projek di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan kemudian dicadangkan kepada pengusaha pertanian yang berminat dengan mendapat persetujuan daripada pemilik tanah. Secara tidak langsung, usaha ini akan meningkatkan pengeluaran dan bekalan agro makanan serta mengurangkan keperluan import di samping dapat meningkatkan pendapatan petani, penternak dan peladang serta pemilik tanah melalui konsep penyewaan.

Penglibatan masyarakat amat digalakkan melalui skim-skim atau program yang diperkenalkan. Bagi pihak yang berminat dengan program-program ini dapat kiranya berhubungan dengan Pejabat Pertanian Daerah masing-masing. Kita penuh yakin dengan penglibatan masyarakat khususnya pengusaha-pengusaha tanaman dan ternakan akan memastikan peningkatan kapasiti pengeluaran bahan makanan negara dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari DUN Bekok, bagi memajukan bidang pertanian di kawasan Labis, Jabatan Pertanian mengambil pendekatan membantu petani-petani kecil dengan memberi peruntukan melalui projek-projek pembangunan pertanian. Selain itu, Jabatan Pertanian juga sentiasa memberi khidmat nasihat kepakaran dalam bidang pertanian dan kepada semua golongan sasar seperti pekebun kecil dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam projek pertanian. Ketika ini, jabatan sedang giat menjalankan Program Pemulihan Dusun di mana pokok-pokok buahan yang tidak lagi berpotensi mengeluarkan hasil dan tidak ekonomi dalam pengeluaran diganti dengan menanam *variety* tanaman yang lebih baik demi menjamin bekalan pengeluaran hasil buah-buahan yang berterusan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah menyatakan hasrat untuk menjadikan daerah Segamat sebagai Pusat Industri Asas Tani semasa lawatan beliau ke daerah ini pada 27 Januari 2014. Sehubungan itu, pihak Kerajaan negeri melalui UPEN sedang dalam

usaha untuk mengumpulkan maklumat daripada Jabatan-jabatan yang terlibat seperti Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pejabat Daerah, Pejabat Pertanian Daerah Segamat, Pejabat FELDA Wilayah Selatan, FELCRA, RISDA dan juga Perbadanan Usahawan Negeri Johor Sdn. Bhd. bagi tindakan selanjutnya oleh Pentadbiran ini.

Berdasarkan maklumat yang telah dikumpulkan ini, satu kajian terperinci akan diusulkan supaya hasrat Menteri Besar Johor untuk menjadikan daerah Segamat sebagai Pusat Industri Asas Tani terlaksana dengan jayanya. Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyatakan komitmen untuk membantu menyediakan peruntukan bagi menjayakan hasrat ini. Begitu juga Kerajaan negeri Johor bersedia untuk membantu bagi mencapai hasrat ini dan kita menjangkakan awal September, kita akan melancarkan pelan tersebut.

Seterusnya, isu bantuan kepada pekebun yang mengalami kerugian akibat daripada bencana alam iaitu kemarau yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bekok. Jabatan Pertanian Negeri Johor telah membuat permohonan bantuan dan juga pampasan kepada Ibu Pejabat Pertanian Malaysia di Putrajaya untuk petani yang terjejas akibat kemarau panjang pada awal tahun ini. Mengikut prosedur, permohonan dari Jabatan Pertanian Negeri akan melalui Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Malaysia, Putrajaya dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum dibawa ke Parlimen.

Sehingga kini, masih belum ada perkembangan terkini berkaitan bentuk bantuan atau pampasan yang dikenal pasti. Walau bagaimanapun, merujuk kepada bantuan atau pampasan akibat bencana alam banjir, pada tahun 2013, petani mendapat bantuan ataupun pampasan berbentuk wang tunai atau cek yang disampaikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang mengikut daerah yang terlibat. Senarai petani yang menerima bantuan atau pampasan adalah daripada hasil bancian Jabatan Pertanian Negeri Johor melalui Pejabat Pertanian Daerah di mana petani yang mengusahakan tanaman makanan sahaja layak diberi bantuan atau pampasan.

Senarai tanaman makanan adalah tanaman sawah padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Permohonan bantuan ataupun pampasan tersebut dibuat di setiap Pejabat Pertanian Daerah. Untuk makluman, hanya permohonan yang lengkap sahaja yang diproses. Permohonan yang lengkap, wajib menyertai borang diisi dengan lengkap, gambar bertarikh dan juga laporan polis.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat ADUN Bukit Naning supaya mencadangkan agar Program Bekalan Makanan Negeri Johor untuk 100 tahun ke hadapan. Adalah dimaklumkan Kerajaan negeri seiring dengan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan keselamatan bekalan makanan sentiasa terjamin. Secara realistiknya perancangan perlulah dibuat dengan ditambah baik dalam satu jangka masa

sebagaimana Rancangan Malaysia, RMK7, RMK8, RMK9 dan RMK10 dan seterusnya RMK11. Ini bagi memastikan rancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan berkesan bersesuaian dengan kehendak semasa yang dipengaruhi oleh permintaan produk yakni kadar pertumbuhan penduduk, perubahan cuaca dan iklim, pembangunan teknologi, kedapatan kawasan penanaman dan permintaan terhadap produk hijau dan selamat untuk dimakan serta lain-lain perkembangan semasa.

Yang Berhormat, Negeri Johor sebenarnya telah melaksanakan usaha-usaha yang berterusan untuk memastikan supaya pengeluaran dan bekalan makanan khususnya keperluan dalam negeri sejak beberapa dekad yang lalu melalui program berskala besar seperti Zon Pengeluaran Makanan (ZPM), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Pembukaan Ladang Pertanian Moden dan Pembangunan Ladang Bio-Desaru. Namun, penglibatan para petani dan usahawan tani tidak dipinggirkan malah terus diberi bimbingan dan bantuan agar mereka terus dapat bergiat secara aktif dan berterusan untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian seperti buah-buahan, tanaman kontan, sayur-sayuran dengan memaksimumkan penggunaan tanah di kawasan kebun mereka yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai keperluan mengekalkan kawasan tanaman padi dan dinaik taraf infrastruktur sawah di daerah Ledang, Muar, Kluang dan Mersing oleh Yang Berhormat DUN Bukit Naning juga, ianya amat bertepatan kerana beras merupakan makanan ruji rakyat Malaysia. Dalam usaha untuk mengekalkan dan meningkatkan pengeluaran padi di daerah-daerah yang berkenaan, Jabatan Pertanian melalui Program Pembangunan Padi telah melaksanakan beberapa aktiviti seperti menaik taraf infrastruktur seperti pembersihan perparitan sawah melalui JPS, perataan tanah sawah, penggunaan benih padi yang bermutu tinggi dan bahan input tambahan. Aktiviti menaik taraf infrastruktur seperti peralatan sawah ini akan dapat membantu pengagihan air di dalam sawah dengan lebih cekap dan seragam. Ia amat penting dan amat baik untuk pertumbuhan pokok padi.

Di dalam kerja-kerja perataan sawah ini juga, nilai pH tanah kurang dari 5.5. Pengapuran juga perlu dilakukan. Keasidan tanah yang terlalu tinggi atau terlalu rendah menjejaskan pertumbuhan tanaman seperti akar-akar tanaman tidak dapat tumbuh dengan baik bagi menyerap zat-zat makanan dari tanah. Penggunaan benih padi yang tintang kepada serangan perosak dan penyakit juga amat penting dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil padi. Antara *variety* yang digunakan adalah MR220CL, padi wangi MRQ74 dan juga MRQ76. Penyiasatan pengeluaran padi (CCS), sentiasa dijalankan oleh Pejabat Pertanian Daerah Ledang bagi mendapatkan data yang betul serta menepati piawaian atau standard yang ditetapkan. Data yang diperolehi ini amat penting untuk menentukan anggaran pengeluaran hasil padi bagi setiap musim. Sekiranya hasil yang diperolehi mencapai sasaran, maka amalan pertanian dan teknologi yang dilaksanakan memadai dan boleh diperbaiki lagi. Sebaliknya, jika hasil yang diperolehi amat rendah, maka kajian perlu

dibuat untuk memperbaiki dan meningkatkan hasil pengeluaran. Penggunaan mikrob berfaedah juga membantu memperbaiki keadaan fizikal mikrob dan biologi tanah. Seterusnya, dapat meningkatkan kebolehan tanaman untuk mengambil zat nutrien dari tanah dan juga membantu pengeluaran penyakit yang disebabkan oleh kulat. Ketidaktentuan cuaca juga akan kita ambil kira untuk mewujudkan kawasan takungan air di kawasan sawah yang mempunyai keluasan yang besar ini bagi perancangan jangka panjang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat DUN Bukit Naning juga ingin mengetahui apakah program bagi mempergiatkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan muda yakni belia dan peladang wanita dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan akan terus memberi galakan kepada golongan muda untuk berkecimpung dalam bidang pertanian dan kita harus mengakui hakikat bahawa akhirnya mereka inilah yang akan mengambil alih dan meneruskan kesinambungan dalam bidang pertanian ini.

Antara langkah-langkah yang diambil di mana kita ada dua pusat pertanian, pusat latihan iaitu Pusat Pertanian dan Institut Pertanian. Setiap tahun Pusat Pertanian, kita menyediakan ataupun kita membuat pengambilan sebanyak 100 orang peserta dan Pusat Pertanian Air Hitam kita mengambil 150 orang. Jadi setiap tahun kita melahirkan belia-belia yang akan menceburi bidang pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak kerajaan melalui pelbagai agensi dan institusi ada menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman dan pembiayaan untuk melaksanakan projek-projek pertanian komersial. Sebagai contoh, pihak Agro Bank ada menyediakan kemudahan pinjaman seperti Dana Pinjaman Usahawan Pertanian, Tabung untuk Makanan, Skim Belia Tani ataupun Skim Belia Niaga dan akhir sekali dari segi TEKUN. TEKUN juga menyediakan pembiayaan untuk pertanian.

Selain daripada itu, bagi menanamkan minat golongan belia dalam bidang pertanian pada peringkat awal, di peringkat sekolah menengah juga ada mata pelajaran Sains Pertanian yang mana subjek ini akan memberi kesedaran awal kepada mereka tentang keperluan dan pentingnya keselamatan jaminan bekalan makanan kepada Negeri Johor khasnya dan Malaysia amnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan masalah lalat dan bau akibat penggunaan tinja ayam tidak terawat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Gambir, sukalah saya maklumkan bahawa memang benar tinja ayam adalah merupakan bahan yang amat baik digunakan sebagai baja organik bagi penanaman sayuran, buah-buahan dan kelapa sawit. Oleh yang demikian, penggunaan tinja ayam yang tidak terawat boleh menyebabkan lalat turut membiak di kawasan kebun dan di mana ianya digunakan di samping ladang-ladang ayam itu sendiri. Untuk makluman sidang dewan, kita juga ada program-program ataupun pelaksanaan iaitu penubuhan pasukan

petugas untuk menyembur lalat di mana ladang-ladang yang telah dikenal pasti berlakunya kacau ganggu lalat, kita juga mengenakan penguatkuasaan Enakmen Kawalan Dan Perlesenan Ladang Unggas 1997 yang mana kita mengenakan kompaun bagi ladang-ladang yang menghadapi masalah.

Kita juga memberi peningkatan iaitu menggredkan ladang-ladang yang mana kalau ladang mempunyai sistem yang kurang memuaskan ataupun Gred E, ladang itu akan diberi notis untuk penutupan. Bagi permohonan ladang-ladang baru, kita akan buat ataupun kita akan luluskan lesen bagi ladang yang tertutup sahaja. Pada masa yang sama, Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah mengenal pasti kekurangan yang terdapat di dalam Enakmen Kawalan Dan Perlesenan Ladang Penternakan Unggas 1997. Hari ini isu enakmen amat hebat dikatakan di luar, kita juga ada enakmen. Enakmen yang kita sentiasa perkenalkan ini adalah akhirnya memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Johor. Jadi, tidak perlulah disensasikan setiap kali isu-isu enakmen yang Kerajaan negeri ingin perkenalkan, kita perlu faham apa jua enakmen yang kita Kerajaan negeri ingin perkenalkan, akhirnya adalah manfaat untuk rakyat Negeri Johor.

Tuan-tuan dan puan-puan, pihak Veterinar telah mengemukakan pandangan daripada pihak Penasihat Undang-Undang berhubung dengan penambahbaik Enakmen Kawalan Dan Perlesenan Ladang Penternakan Unggas-Unggas 1997 dengan memasukkan klausa yakni kesalahan membawa keluar dari ladang, membuang sisa unggas yang tidak terawat dan melepaskan sisa unggas atau sisa kumbahan unggas ke dalam sungai dan anak sungai dan lain-lain. Bagi membolehkan cadangan penambahbaikan ini boleh dikuatkuasakan, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar sedang memperhalusi kaedah-kaedah perujian dan makmal bersesuaian bagi menentukan tinja tersebut di rawat atau sebaliknya. Perujian yang diperlukan termasuklah penentuan kandungan air di dalam tinja, penurunan bahan-bahan kimia di dalam tinja dan penentuan mikro di dalam tinja. Kebolehan menjalankan ujian ini adalah penting untuk penambahbaikan enakmen ini. Saya menegaskan di sini, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Gambir adalah di dalam perhatian dan tindakan Jabatan Veterinar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Machap ada menyuarakan berkenaan nasib nelayan-nelayan di kawasan Empangan Machap yang terhenti akibat penangkapan ikan mereka ekoran daripada penguatkuasaan Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959. Memang tidak dapat dinafikan bahawa nelayan tersebut telah lama menjalankan aktiviti penangkapan ikan di kawasan berkenaan iaitu sejak tahun 1990, namun begitu apabila timbul isu sebegini, maka kita perlu memikirkan jalan penyelesaian dengan memberi peluang lain yang lebih bersesuaian untuk masa hadapan nelayan-nelayan di Empangan Machap.

Berdasarkan dalam usaha untuk membantu nelayan-nelayan kehilangan punca pendapatan di Empangan Machap, saya difahamkan ketika ini pihak

Jabatan Perikanan sedang menyediakan kertas cadangan untuk mendapatkan pertimbangan Kerajaan negeri mengenai pelan penyelesaian kepada nelayan-nelayan berdaftar dan aktif.

Yang berhormat Dato' Speaker, yang akhir sekali saya ingin kita berkongsi bersama iaitu kita bersedia, kita juga sedia maklum bahawa pembangunan yang pesat di kawasan pesisir pantai dan Perairan Johor sedikit sebanyak telah menyebabkan nelayan-nelayan hilang mata pencarian mereka. Menyedari hakikat tersebut, Kerajaan negeri ketika ini sedang merangka satu pelan insentif untuk membantu nelayan-nelayan berkenaan. Pelan ini perlu diwujudkan untuk, bagi membantu nelayan-nelayan terjejas kerana kerja-kerja penambakan laut khususnya di kawasan Selatan Johor sebagai permulaan. Pelan ini juga diharapkan akan dapat membantu mengurangkan beban dan kerugian yang ditanggung oleh nelayan-nelayan yang berada di kawasan yang terlibat dan mereka akan mendapat pembelaan sewajarnya. Jadi, apabila perkara ini telah dimuktamadkan dan mendapat kerjasama semua pihak yang terlibat, ianya akan diumumkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Kita juga mahu para nelayan ini terus menjadikan perairan ini sebagai sumber mata pencarian mereka dan dalam masa yang sama masyarakat di negeri kita ini dapat menikmati hasil tangkapan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri di Dewan yang mulia ini, di sepanjang segmen perbahasan. Saya memohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang ada terlepas pandang dalam penjelasan saya. Sekian akhir sekali saya mengucapkan banyak terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong usul titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

YB Dato' Speaker : Sila Pengerusi yang selanjutnya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrohmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah terima kasih diucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan dan permasalahan dalam sesi perbahasan menyokong usul menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, ketika merasmikan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Ke-2 Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Semua perkara yang telah dibangkitkan telah di teliti oleh semua ketua jabatan di bawah portfolio saya untuk diambil tindakan sewajarnya bagi menjamin taraf hidup kesejahteraan dan keselesaan hidup rakyat Johor selaras dengan slogan Muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor perumahan dan kerajaan tempatan adalah antara tunjang utama yang mendekatkan rakyat dengan pihak kerajaan. Cabaran dan kesungguhan Kerajaan negeri bagi memastikan segala permasalahan dalam sektor ini dapat diselesaikan tidak berbelah

bahagi lagi. Kemasalahan dan keselesaan rakyat menjadi tunjang utama portfolio saya yang mempunyai pasukan yang menjanjikan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Amanat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Mohamad Khalid bin Nordin, sebelum ini menyeru agar sudah tiba masanya untuk kita merakyatkan kerajaan. Zaman kerajaan tahu segala-galanya telah berlalu. Maka, dengan itu Muafakatan Johor mencerminkan fokus utama Kerajaan negeri Johor dibawah kepimpinan beliau. Dengan amanat itu, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, semestinya kehendak dan keperluan rakyat amat Kerajaan negeri utamakan. Kita berusaha gigih bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan memberi impak jangka panjang yang terbaik untuk Agama, Bangsa dan Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keperluan rakyat untuk memiliki sebuah rumah yang selesa, murah dan mampu milik telah menjadi satu tanggungjawab utama Kerajaan negeri untuk menyediakan. Di peringkat nasional, Kerajaan Pusat telah menyasarkan 1 juta unit rumah mampu milik yang akan dibina dalam tempoh 2013-2018. Manakala di peringkat negeri pula, sasaran rumah mampu milik yang akan dibina adalah sebanyak 28,000 unit, di mana 20,000 unit dalam kawasan Iskandar Malaysia, manakala bakinya 8,000 akan di bina di luar Iskandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan negeri amat yakin sasaran bagi membina 28,000 unit rumah mampu milik berjaya dilaksanakan. Sehingga kini, projek perumahan yang dalam pembinaan dan dijangka akan di siapkan dalam Tahun 2016 adalah sejumlah 11,600 unit. Manakala sasaran siap untuk tahun 2016-2017, adalah sebanyak 15,480 unit dan untuk tahun 2017-2018 pula adalah sebanyak 21,263 ribu unit.

Pecahan mengikut Wilayah Pembangunan Iskandar pula senarai projek dalam pembinaan 2013-2016 pula adalah sebanyak 6,224 unit. Tahun 2016-2017 sasaran siap adalah sebanyak 9,373 unit. Pada tahun 2017-2018 pula sasaran siap adalah sebanyak 35,819 unit di mana sasaran asal adalah sebanyak 20,000. Ini adalah kuantiti yang kita tetapkan berdasarkan 20,000 tetapi kita memantau sebanyak 35,819 unit.

Bagi kawasan luar Iskandar Malaysia pula, projek dalam pembinaan dan dijangka siap pada 2013-2016 adalah sebanyak 5,373 unit, untuk tahun 2016-2017 sasaran siap adalah sebanyak 6,095 unit. Manakala tahun 2017-2018 pula, sasaran siap adalah sebanyak 1,041 unit menjadikan sasaran pembinaan rumah adalah sebanyak 12,315 unit dan kalau ikut kita punya dalam lima tahun adalah sebanyak 8,000. Sehingga bulan Mei 2014, jumlah pemohon rumah mampu milik yang berdaftar di SUK Bahagian Perumahan adalah sebanyak 43,522 permohonan manakala permohonan secara *online* melalui laman sesawang *e-rumahjohor.gov.my* adalah sebanyak 17,310 permohonan.

Bagi jumlah unit rumah yang telah siap dibina daripada Tahun 2000-2013 adalah sebanyak 49,728 unit yang mencakupi 34,426 unit rumah di Wilayah Iskandar Malaysia, manakala di luar Wilayah Iskandar Malaysia pula sebanyak 15,302 unit. Bagi sasaran siap pembinaan rumah kos rendah atau mampu milik bagi tempoh lima tahun adalah seperti berikut: iaitu Johor Bahru; 34,281 unit, Kulaijaya; sebanyak 1,558 unit, Muar; sebanyak 342 unit, Batu Pahat; sebanyak 3,351 unit, Kluang; sebanyak 2,648 unit, Segamat; sebanyak 1,103 unit, Mersing; sebanyak 452 unit, Pontian; sebanyak 808 unit, dan jumlah keseluruhan bagi seluruh Negeri Johor adalah sebanyak 48,332 unit. Bagi sasaran siap pembinaan rumah kos rendah atau rumah mampu milik di kawasan Iskandar Malaysia dalam tempoh 5 tahun adalah sebanyak 12,513 unit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut rekod yang diperolehi daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri Bahagian Perumahan, jumlah permohonan yang berdaftar untuk memiliki rumah kos rendah dan mampu milik di seluruh Johor adalah seramai 52,988 orang. Jumlah ini dijangka bertombah dengan pengenalan sistem daftar rumah secara dalam talian atau *online*, dengan izin, yang dilancarkan pada 16 April 2014 yang lalu. Dengan adanya statistik permohonan memiliki rumah kos rendah dan mampu milik ini, maka Kerajaan negeri akan mempunyai perancangan yang lebih tepat dan terancang untuk membina rumah-rumah berkaitan mengikut keperluan, satu-satu kawasan atau penawaran memenuhi permintaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 telahpun dibentangkan di Parlimen. Di dalam laporan tersebut telah dinyatakan mengenai laporan pengurusan Projek Perumahan Rakyat, PPR di Negeri Johor. Di Negeri Johor terdapat empat projek perumahan kos rendah PPR bertingkat yang telah melantik syarikat swasta bagi MC, pengurusan penyelenggaraan dan mengutip bayaran sewa. PPR yang mempunyai MC ialah PPR Sri Stulang, PPR Sri Iskandar, PPR Kempas Permai, PPR Desa Mutiara.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan telah pun mengambil tindakan secara terus dengan menamatkan perkhidmatan MC yang bermasalah dan melantik syarikat baru untuk tempoh sementara sebelum lantikan baru di buat. Di samping itu, Kerajaan negeri yang diketuai oleh SUK Bahagian Perumahan telah merangka Program Pemutihan yang dijalankan secara berkala bagi penyewa-penyewa yang melanggar syarat-syarat di dalam perjanjian penyewaan di antara penyewa dan SUK Bahagian Perumahan. Seperti kes sewa atas sewa ataupun sub dengan izin serta pendapatan penyewa yang melebihi kelayakan maksimum iaitu RM1,500 ke atas. Siasatan dan juga pemantauan berkala telah dijalankan melalui aduan-aduan yang diterima oleh penyewa-penyewa dan juga syarikat pengurus yang dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan sekiranya berlaku kes-kes pelanggaran syarat perjanjian.

Sehingga Mei 2014, sebanyak lebih kurang 100 kes sewa atas sewa dicatatkan dan tindakan telah diambil dengan membatalkan perjanjian sedia ada. Sekiranya tiada rayuan munasabah diterima oleh penyewa.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pemutihan sentiasa dijalankan dari masa ke semasa demi memastikan kes-kes sedemikian tidak berulang pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab pertanyaan daripada YB Bentayan, pengagihan rumah kos rendah ini adalah mengikut sebagaimana syarat yang telah ditetapkan semasa pemohon permohonan ingin mendaftar. SUK Bahagian Perumahan akan melihat kepada dokumen yang dilampirkan, kelayakan serta menyemak sama ada pemohon telah memiliki harta kediaman yang lain atau tidak. Sekiranya memiliki harta, maka mereka adalah tidak layak untuk mendaftar dan sekali gus untuk ditawarkan rumah kos rendah. Kerajaan negeri amat menitikberatkan pembinaan rumah kos rendah dan rumah mampu milik bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana ini masih mampu untuk memiliki rumah kediaman mereka.

Kerajaan negeri sedar akan peningkatan kos sara hidup dan tekanan harga rumah yang melambung tinggi amat membimbangkan rakyat terutamanya golongan muda yang baru ingin memiliki rumah kediaman mereka. Oleh sebab itu, bagi memastikan pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik ini segera dilaksanakan, Kerajaan negeri telah menubuhkan *Task Force* Perumahan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang bermatlamat untuk memastikan perancangan pembangunan rumah kos rendah dan mampu milik ini berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

Di dalam *Task Force* Perumahan ini, Kerajaan negeri bekerjasama dengan rakan-rakan pemaju untuk memastikan pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik menjadi keutamaan untuk disiapkan. Pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik luar Iskandar juga bergerak selari dengan perancangan pembangunan melalui Task Force Perumahan di peringkat daerah-daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah. Perancangan sistematik ini membuahkan hasil dengan peningkatan jumlah penyediaan rumah kos rendah dan mampu milik di luar kawasan Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan negeri sememangnya memandang serius terhadap pemaju ingkar dan cuba mengelakkan daripada membina komponen rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Sehingga pertengahan 2013, Kerajaan negeri mendapati sebanyak 180,000 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah tidak dibina oleh pemaju di Negeri Johor.

Oleh sebab itu, Kerajaan negeri telah pun mengenal pasti mana-mana pemaju yang langsung tidak membina rumah kos rendah sedangkan pembinaan rumah selain dari kos rendah telah siap 100%. Dan telah menyenaraihitamkan

pemaju yang terbabit dalam kes seperti yang saya sebutkan di atas. Pemaju-pemaju yang ingkar ini akan diberhentikan serta-merta. Segala bentuk cadangan peruntukan pembangunan bab yang baru serta permohonan pelepasan lot Bumiputera bagi projek yang sedia ada pun ditahan.

Dalam pada masa yang sama, Kerajaan negeri telah memanggil pemaju-pemaju yang terbabit untuk berbincang kaedah penyelesaian. Majlis Perbandaran Kulaijaya misalnya, telah menandatangani perjanjian persefahaman bersama 5 pemaju yang terbabit dan pastikan pembangunan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah ini dibina dengan kadar yang segera. Begitu juga dengan Pihak Berkuasa Tempatan dengan memberi ikatan serah hak daripada pemaju-pemaju yang telah menjanjikan untuk menyiapkan rumah-rumah mampu milik yang telah kita janjikan.

Berkenaan dengan cadangan mengenai kerjasama syarikat GLC dengan Kerajaan negeri bagi pembinaan rumah kos rendah ini, sebenarnya telah lama berlangsung. Syarikat-syarikat GLC seperti Johor Corporation telah menandatangani satu perjanjian persefahaman MoU rancangan dan sasaran JCorp dalam memastikan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan rumah mampu milik berjaya dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya mengenai cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Alam Sekitar dan juga Pembangunan Ekonomi Lestari bagi memastikan pembangunan ekonomi di Negeri Johor tidak menjejaskan alam sekitar, adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar merupakan salah satu daripada jawatankuasa wajib yang mengadakan mesyuarat setiap bulan bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan alam sekitar di sekitar kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Laporan bertulis dari Jabatan Alam Sekitar Negeri dan Bahagian Alam Sekitar Jabatan Kejuruteraan MBJB akan dibentangkan untuk dibincangkan oleh jawatankuasa.

Ianya mencakupi isu-isu berkaitan dengan pencemaran air, udara, bunyi dan pencemaran yang dihasilkan oleh pembangunan yang memberi impak dari segi kehidupan masyarakat sama ada dari aspek sosial, ekonomi dan fizikal yang menjurus terus kepada pembangunan ekonomi lestari satu kawasan dan masyarakat dalam kawasan MBJB.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2012 di Negeri Johor serta penubuhan Tribunal Pengurusan Strata bagi menyelesaikan perselisihan antara para penghuni dengan badan pengurusan sepertimana yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai dan Pengkalan Rinting. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, parlimen telah meluluskan Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi menggantikan Akta Pembangunan Dan Harta Bersama Penyelenggaraan Dan Pengurusan 2007 Akta 663 di mana RUUPS 2012 tersebut telah diwartakan sebagai Akta Pengurusan Strata 2013 pada 18 Februari 2013. Akta ini menunjukkan dua mekanisme yang penting iaitu mekanisme penyelarasan

sempadan berkenaan dengan peranan dan tanggungjawab pengurusan yang lebih jelas antara akta-akta yang berkaitan dengan pengurusan bangunan strata serta mewujudkan mekanisme rayuan yang lebih sistematik melalui kewujudan Tribunal Pengurusan Strata. Pelaksanaan akta ini juga dapat memperkemaskan dan memperkasa peranan pembeli atau pemilik rumah berstrata dalam urusan penyelenggaraan dan pengurusan pembangunan strata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) bersama dengan Tribunal Pengurusan Strata dijangka akan dikuatkuasakan pada bulan Julai 2014. Dan, Kerajaan negeri bercadang untuk menubuhkan Tribunal Pengurusan Strata di peringkat negeri dan akan diletakkan di bidang tugas Lembaga Perumahan Negeri yang akan ditentukan kelak.

Mengenai cadangan zon enakmen tempat beribadat dan majlis pengurusan bukan Islam adalah dimaklumkan dalam mengiktibahkan suatu pembangunan yang komprehensif, penyediaan rezab-rezab kemudahan awam termasuk tapak ibadat adalah diwajibkan kepada semua pemaju perumahan dengan berpandukan kepada piawaian perancangan dan garis panduan pembangunan yang ditimbal guna oleh pihak Majlis. Penentuan tapak kemudahan ini dibuat pada peringkat pelan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak pemaju di mana bilangan keluasan tapak dibuat secara amnya berdasarkan kepada bilangan tampungan penduduk yang akan dijanakan dalam sebuah kawasan kemajuan dengan mengambil kira profil kedudukan dan komposisi mengikut saiz umur, kaum, agama dan beberapa kriteria semasa dan unjuran yang akan digunakan.

Penyediaan kemudahan masyarakat ini adalah merupakan satu keperluan yang perlu dipatuhi oleh setiap pemaju bagi memastikan masyarakat setempat dapat menikmati kemudahan yang selesa dan harmoni. Seterusnya rezab-rezab kemudahan yang disediakan oleh pemaju ini perlu diserahkan sepenuhnya kepada kerajaan dan agensi pelaksana selepas memperolehi kelulusan Serah Balik Kurnia Semula (SBKeS) di peringkat kedua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab masalah banjir lumpur dan banjir kilat di taman perumahan khususnya di sepanjang Jalan Minyak Beku berdasarkan rekod Majlis Perbandaran Batu Pahat, kawasan bukit yang ditarah di Jalan Minyak Beku adalah merupakan satu kemajuan yang telah lulus peringkat kebenaran merancang. Pertama, melibatkan lot 1194 seluas 19 ekar dari Hub Seng Building Sdn Bhd bagi tujuan kuari. Manakala, yang kedua melibatkan tanah lot 113, 1316, 1390 dan 7.71 seluas 22 ekar daripada Ling Wan Hong Dan Eng Hwang Tong.

Tujuan untuk pecah lot kepada dua lot industri, kedua-dua pemaju didenda sepuluh kali nilai FI permohonan kerana telah menjalankan kerja-kerja tanah. Bagi pemajuan kuari, pemohon disyaratkan mematuhi syarat-syarat Jabatan Alam Sekitar dan EA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai status lupus sampah Saleng dan masalah kebakaran yang dikemukakan oleh ADUN Senai yang menceritakan dengan panjang lebar yang dibangkitkan pada Dewan yang mulia ini, tapak pengurusan sisa pepejal Saleng digunakan oleh Majlis Daerah Kulai bagi melupuskan sisa pepejal pada tahun 1987 hingga April 2003. Tapak tersebut berkeluasan 12.19 ekar dan terletak di sebelah kanan Jalan Batu 17, Jalan Persekutuan 1 dari Johor Bahru ke Air Hitam. Tanah tersebut kini berstatus tanah persendirian.

Bermula 1 Mei 2013, Majlis Perbandaran Kulai melupuskan sisa pepejal di tapak pelupusan *sanitary* Seelong yang dikendalikan oleh pihak SWM Environment Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya menjelaskan mengenai isu kebakaran yang berlaku di tapak pelupusan Saleng. Tapak pelupusan tersebut kerap kali terbakar. Apabila tiba musim kering terutamanya pada pertengahan tahun. Hasil dari perbincangan bersama Jabatan Alam Sekitar, didapati kebakaran tersebut berpunca daripada gas Metana yang terbakar di dalam tapak pelupusan tersebut. Sifat gas Metana yang mudah terbakar ini menyebabkan kebakaran yang berlaku di tapak pelupusan tersebut sukar dipadamkan dan pelupusan sampah yang dibuat secara haram ke atas berkenaan.

Justeru, satu mesyuarat bagi menyelesaikan isu kebakaran tapak pelupusan Saleng telah diadakan pada 18 Mei 2014 dan diselaraskan oleh Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya yang turut dihadiri oleh Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Majlis Perbandaran Kulai, berikut adalah tindakan pendidikan yang boleh saya ringkaskan di mana tindakan jangka pendek Jabatan Alam Sekitar mengeluarkan notis kepada pemilik tanah dan membuka kertas siasatan tindakan pendakwaan di mahkamah.

Perbadanan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam melakukan intipan penguatkuasaan ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di kawasan berkenaan. Manakala Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan masalah berkenaan bersama tuan tanah dan keseluruhan agensi kerajaan terlibat.

Tindakan sederhana pula, kita buat berdasarkan Jabatan Alam Sekitar, tindakan pendakwaan di mahkamah, tindakan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pengurusan Awam memastikan kesemua kilang di kawasan berkenaan melantik kontraktor pembuangan sampah yang berdaftar dengan PPSPA.

Manakala, Pejabat Daerah Kulaijaya menyelaras urusan penyerahan balik tanah kepada Kerajaan negeri. Dan, tindakan jangka panjang kita Majlis Perbandaran Kulai membuat permohonan selamat tapak pelupusan sampah kepada JPSPN. Dan, JPSPN pula akan menjalankan projek pelupusan selamat

tapak pelupusan Saleng. Adalah diharapkan dengan adanya perancangan menyeluruh ini, masalah yang dibangkitkan akan dapat diselesaikan.

Mengenai isu peniaga kurang minat berniaga di pasar awam yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Kulai, terdapat empat buah pasar awam di kawasan Majlis Perbandaran Kulai iaitu Pasar Awam Senai Utama, Pasar Awam Saleng, Pasar Awam Kulai dan Pasar Awam Kelapa Sawit.

Untuk makluman seisi Dewan yang mulia, pihak Majlis Perbandaran Kulai menyedari sejak 5 tahun kebelakangan ini, semakin kurang peniaga berminat untuk berniaga di pasar-pasar awam yang dikendalikan oleh pihak Majlis.

Perkara ini berlaku adalah berikutan dengan trend membeli-belah penduduk-penduduk di Daerah Kulaijaya yang lebih gemar membeli barang-barang harian keperluan mereka di pasar raya-pasar raya dan pasar raya-pasar raya besar. Ia juga seiring dengan jumlah pasar raya dan pasar raya besar termasuk pasar-pasar pagi yang dikelolakan oleh Persatuan Penjaja termasuklah Pasar raya Econsave Senai, Pasar raya TJ Mart, Saleng Pasaraya, Mydin Kulai, Pasar raya Besar Tesco Kulai dan Pasar raya Econsave Kulai. Pihak MPKU telah mengambil inisiatif mengiklankan kekosongan gerai di pasar awam MPKU melalui laman web rasmi MPKU. Walau bagaimanapun, sambutan masyarakat setempat tidak menggalakkan. Dari segi kerja-kerja pembersihan pula, kesemua pasar awam MPKU di bersihkan dan di pungut sampah setiap hari. Manakala kerja cucian pasar awam pula dilakukan sekali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin. Kutipan sisa pepejal di kawasan pasar itu dilakukan 6 kali seminggu oleh pihak SWM Environment Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai masalah pusat perjudian mesin kuda beroperasi dalam kompleks membeli-belah dan pusat hiburan keluarga di MPKU. Pusat hiburan keluarga dilesenkan di bawah Lesen Enakmen Hiburan Keluarga 1998 yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Kulaijaya selang pengusaha PHK mendapat Lesen Hiburan Keluarga daripada Pejabat Daerah Kulaijaya barulah permohonan lesen permit PHK dibuat kepada MPKU. Terdapat 12 pusat hiburan keluarga beroperasi di Kulai pada masa ini. Antaranya, di Jusco, Tesco, IOI Mall dan juga di TJ Mart. Kesemua PHK ini dilesenkan di bawah Enakmen Hiburan Keluarga 1998 yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Kulai. Pemantauan bersama antara Bahagian Penguatkuasaan MPKU dan Pejabat Daerah Kulai mendapati bahawa mesin permainan video yang ada di PHK berkenaan adalah sebagaimana yang dilesenkan dan tidak mempunyai unsur perjudian sebagaimana ulasan pihak Polis dan juga PDRM. Aduan penyalahgunaan PHK sebagai pusat judi kuda adalah di bawah bidang kuasa PDRM. MPKU sehingga hari ini tiada menerima maklumat daripada pihak PDRM berhubung penyalahgunaan lesen. Dan kita mengharapkan kali ini kita akan terus melakukan *enforcement* dengan izin, supaya pelanggaran syarat dalam melaksanakan lesen yang dikeluarkan untuk dapat kita ambil tindakan berdasarkan undang-undang yang telah kita ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sementara di Daerah Muar, Majlis Perbandaran Muar sentiasa menjalankan pemantauan terhadap kegiatan judi yang berselindung di sebalik pusat hiburan keluarga. Pihak MPM juga telah membatalkan 3 lesen premis hiburan keluarga pada 30 Oktober 2013 dan seterusnya telah membekukan pengeluaran lesen pusat hiburan keluarga yang baharu. Tindakan penutupan premis akan dilaksanakan secara bersepadu antara Pejabat Daerah, MPM dan Polis. Selain itu, mengenai aktiviti mesin slot judi yang menawarkan hadiah berharga di pasar raya, hasil siasatan mendapati perniagaan mesin slot tidak lagi beroperasi di Daerah Muar terutama di kompleks perniagaan hasil daripada tindakan pihak polis. Untuk makluman, pihak MPM telah mengeluarkan lesen perniagaan. Untuk makluman, pihak MPM tidak mengeluarkan lesen perniagaan bagi mesin slot ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai isu yang dibangkitkan oleh ADUN Pekan Nenas mengenai masalah struktur bangunan Pusat Komersil Pekan Kukup. Untuk makluman Dewan yang mulia, permohonan 55 unit kedai, pejabat 3 tingkat untuk projek pembangunan di atas Lot 1419 Mukim Serkat ini adalah projek penswastaan antara Majlis Daerah Pontian dengan Tetuan Rektor Mulia Sdn. Bhd. Pelan kerja tanah, jalan, perparitan telah diluluskan pada Mesyuarat Majlis Daerah Pontian pada 21 Januari 2001. Manakala pelan bangunan telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Daerah Pontian pada 16 November 2000 dan Mesyuarat Penuh pada 30 November 2000. Merujuk kepada kerosakan yang berlaku terhadap binaan sebahagian blok D, pihak Majlis Daerah Pontian telah melantik Juru perunding bagi mengenal pasti punca masalah dan pihak yang bertanggungjawab terhadap masalah yang berlaku. Pihak Kerajaan akan mengambil tindakan selanjutnya berdasarkan laporan akhir yang akan dibentangkan oleh Juru perunding yang telah dilantik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya jelaskan mengenai lesen perniagaan yang memerlukan deposit RM5,000.00 yang dikenakan kepada peniaga seperti yang dibangkitkan ADUN Stulang. Tuduhan menyatakan Kerajaan, tuduhan menyatakan PBT Negeri iaitu MBJB dikatakan telah mengambil wang rakyat. Untuk secara mudah mengenakan kadar RM5,000.00 kepada peniaga-peniaga adalah tidak menepati apa yang patut dikatakan. Kerana untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Daerah Johor Bahru telah bersetuju mengenakan bayaran deposit kepada 17 jenis perniagaan yang dikategorikan sebagai lesen sensitif, di mana untuk RM5,000.00 ini kita kenakan, bukan sebarang perniagaan yang kita kenakan. *"Lacing plan"* ia adalah kerana kita tahu *lacing plan* akan berlaku pencemaran kacau ganggu.

Yang kedua, barang lusuh dan terpakai dikenakan level boo kerana masalah berlaku banyak berlaku pencemaran. Agensi nombor ramalan kerana banyak berlaku lalu lintas dan perlanggaran syarat. Pusat servis kenderaan, berlaku kebanyakannya kekotoran kacau ganggu halangan. Cuci kenderaan, pencemaran berlaku pencemaran. Pusat hiburan keluarga, karaoke, pub, hotel rumah tumpangan, refleksologi, pusat hutan tradisional, spa dan

persolekan, *cyber café*, pusat Internet, kilang industri, restoran mamak 24 jam dan restoran di medan-medan selera di pasar-pasar raya, yang kita kenakan inilah menepati kepada perkara-perkara yang boleh mendatangkan pelanggaran syarat. Jadi, makluman kerana kita kenakan kepada semua peniaga adalah tidak benar. Rujuk kepada Undang-Undang Kecil Parlimen.., merujuk kepada Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tren Perniagaan dan Industri MBJB 2014, Perkara 27 membolehkan Majlis Bandaraya Johor Bahru mengenakan deposit tunai kepada pelesen-pelesen premis perniagaan. Justeru itu, kita Kerajaan negeri bukan di bawah PBT, bukan sewenang-wenangnya mengenakan deposit RM5,000 ini, tetapi 17 kategori jenis perniagaan ini adalah berisiko tinggi. Tujuan pembayaran deposit dikenakan adalah pengawalan aktiviti perniagaan agar sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

Yang keduanya, pelanggaran syarat memberikan kesan negatif kepada orang awam seperti gejala sosial, pelacuran, judi, gengsterisme, pencemaran alam sekitar, melalui penghasilan sampah yang banyak dan tidak terurus dengan baik. Pengeluaran kos yang tinggi untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan kerosakan sebuah struktur yang disebabkan oleh pelesen. Jumlah lesen premis untuk pengetahuan, jumlah lesen premis perniagaan ini adalah hampir 6,356 premis bersamaan dengan 21% daripada jumlah keseluruhan 30,000 jumlah lesen perniagaan yang berdaftar di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Tidak kesemuanya dikenakan sebanyak RM5,000.00 cuma 21% sahaja yang dikenakan. Namun begitu, pemakaian kadar deposit ini hanya berkuat kuasa mulai Februari 2014 bagi pemohon, permohonan lesen-lesen sensitif yang baru. Manakala lesen-lesen sedia ada diberi kelonggaran berkuat kuasa pada tahun 2015 selaras dengan pembaharuan lesen yang sensitif tahunan kelak. Jadi tidak timbul kita cuba menekan pihak-pihak peniaga, tetapi inilah berdasarkan apa yang kita rasai berdasarkan disiplin peniaga-peniaga yang melakukan 17 perniagaan yang berisiko tinggi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya izinkan saya menjawab isu yang berkaitan dengan ADUN Bentayan iaitu mengenai kekurangan kawasan letak kereta disebabkan oleh projek Uptown Maharani. Adalah dimaklumkan projek Uptown Maharani tidak mengurangkan jumlah tempat letak kereta. Terdapat 21 petak letak kereta sebelum projek ini dilaksanakan dan jumlah tersebut masih kekal selepas selesai pembinaan Uptown Maharani. Pihak Majlis Perbandaran Muar belum ada pewartaan untuk melaksanakan tempoh had masa yang mengehadkan pengguna mem'*parking*' kenderaan di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, satu kajian secara bersepadu perlu dilakukan bagi mengkaji kesesuaian cadangan tersebut berdasarkan keadaan semasa dan akan datang. Pihak MPM juga bersedia menerima sebarang cadangan yang bersesuaian.

Hasil kutipan bayaran sumbangan oleh pemaju dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Infrastruktur dengan izin Wang Infrastruktur *Service Fund* (ISF) di mana Kumpulan Wang tersebut merupakan satu kumpulan wang yang

dikhaskan bagi penyediaan infrastruktur seperti pembaikan jalan-jalan yang rosak, lampu-lampu awam yang rosak dan semua pembaikan kemudahan awam yang disediakan kepada orang awam. Tiada kumpulan wang yang khas bagi untuk tujuan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab ADUN Maharani telah membangkitkan mengenai projek Maharani Central. Adalah dimaklumkan bahawa cadangan mewujudkan Terminal Pengangkutan Bersepadu telah dirancang dalam Kajian Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Muar yang telah diwartakan pada 16 Ogos 2012. Cadangan ini juga merupakan satu inisiatif transformasi bandar ke arah memperbaiki sistem *circulacy* dan menyediakan rangkaian sistem pengangkutan awam yang komprehensif bagi memenuhi keperluan rakyat, selaras dengan gagasan rakyat di bawah NKRA6. Walau bagaimanapun, masalah dihadapi oleh pihak MPM ialah untuk mencari dengan izin, *stakeholder* ataupun dengan izin, *master builder* yang sanggup membuat pelaburan, memikul tanggungjawab bersama, memajukan perancangan ini kerana melibatkan banyak tanah-tanah bermilik, tanah-tanah besar-besar amat sukar ditemui. Manakala tanah-tanah Kerajaan yang tersedia juga untuk pembangunan sebelum ini telah lama tiada. Namun demikian, pihak pengurusan MPM masih meneruskan usaha untuk mohon peruntukan Kerajaan melalui pelbagai saluran, dengan harapan ada peruntukan yang bakal diterima dari Rancangan Malaysia Ke-11 kelak. Dengan sokongan kewangan dari Kerajaan, pelaksanaan projek ini diharap akan menjadi satu kenyataan dan merupakan rahmat yang dinantikan oleh seluruh warga Perbandaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kena apa, tak kesemua saya akan jawab tapi saya akan cari dalam...dalam apa, saya akan jawab dalam soalan, dalam jawapan bertulis. Tetapi secara ringkasnya, saya ingin maklumkan sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan saya ini, Kerajaan negeri akan sentiasa memastikan visi dan misi bagi menyediakan rumah kos rendah dan mampu milik serta memberikan perkhidmatan yang bermutu kepada rakyat menjadi fokus utama. Saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan dan membangkitkan isu-isu daripada rakyat di Persidangan Dewan kali ini. Segala isu yang dibangkitkan akan diserapkan ke dalam *Key Performance Index* (KPI) saya serta KPI Pihak Berkuasa Tempatan agar ia dapat diselesaikan dengan segera.

Berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan dan yang telah pun dijawab oleh saya dalam penggulungan ini, kita dapati kesalahan-kesalahan dari aspek kebersihan dan penyalahgunaan lesen menjadi tajuk yang cukup popular dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kesalahan-kesalahan yang berlaku ini sepatutnya tidak hanya diletakkan di bahu Kerajaan semata-mata dan sepatutnya peranan oleh pihak-pihak terdiri daripada Wakil Rakyat, Ketua-Ketua Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), golongan peniaga dan lain-lainnya hendaklah bersama-sama membantu dalam mengatasi masalah ini. Sebagai

contohnya, sebahagian besar kesalahan pembuang sampah, penyalahgunaan lesen dilakukan oleh peniaga terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Peraturan dan garis panduan telah jelas sepatutnya telah pun dihayati oleh golongan tersebut. Namun, ianya masih berlaku. Oleh yang demikian, saya selaku EXCO yang dipertanggungjawab dalam perkara ini menyeru kepada pihak-pihak berkenaan agar dapat bersama-sama dengan Kerajaan negeri untuk memastikan persekitaran hidup masyarakat dari aspek kebersihan dapat di kecapi dan gejala sosial dapat dikurangkan.

Mana-mana jawapan yang tidak dapat saya jawab secara lisan, akan dijawab sebagai jawapan bertulis. Dengan ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong usul menjunjung kasih titah Tuanku Sultan Johor. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila Pengerusi yang berikutnya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Kalau dapat ringkaskan ya...

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahir rahmannir rahim. (Bacaan Selawat) yang bermaksud "Barang siapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangkanya."

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah inayah dan kurnianya yang maha luas, saya dapat menyampaikan ucapan penggulungan. Pada Persidangan kali ini, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam ucapan penggulungan perbahasan di atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-13. Terima kasih juga diucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini di atas pandangan, cadangan, idea dan pertanyaan yang diajukan berkaitan dengan portfolio Jawatankuasa Agama sepanjang sesi soal jawab dalam perbahasan kali ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang telah menyentuh mengenai status Sekolah Agama Sarang Buaya Darat yang mana ianya telah dibina pada tahun 2012. Sarang Buaya Darat...betul ya? Bukan Sarang Buaya Darat ya? Sebelah Darat, bukan Sarang Buaya Darat ya. Sebelah darat bukan laut. Yang mana ianya telah dibina pada tahun 2012 dan dibina semula kemudian. Dan terhenti pada bulan Jun 2013, yang mana dikatakan pembinaannya yang masih terbengkalai.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Balang, Sekolah Agama Sungai Buaya Bahagian Darat sebelum ini menumpang di Sekolah Kebangsaan Sarang Buaya Darat yang diguna sama. Apabila Sekolah Kebangsaan Sarang Buaya Darat menerima bangunan baru, peruntukan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, maka bangunan yang sedia ada adalah kosong dan tidak digunakan lagi oleh pihak pengurusan Sekolah Kebangsaan Sarang Buaya Darat. Dan ini disebabkan bangunan ini masih baru, sudah cukup, sudah mencukupi untuk menampung keperluan murid-murid sekolah kebangsaan yang sedia ada.

Memandangkan bangunan lama Sekolah Kebangsaan Sarang Buaya Darat masih elok dan kukuh binaannya serta selamat digunakan, maka Jabatan Agama Johor melalui Bahagian Pendidikan Negeri Johor telah membuat permohonan kebenaran untuk menggunakan bangunan tersebut kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Johor untuk digunakan sepenuhnya oleh Sekolah Agama Kerajaan Johor di bawah pentadbiran dan pengurusan Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor. Dan atas kelulusan dan kebenaran tersebut, maka Sekolah Agama Sarang Buaya Darat beroperasi sehingga ke hari ini di bangunan lama Sekolah Kebangsaan Sarang Buaya Darat di bawah DUN Sungai Balang.

Di atas keprihatinan Kerajaan negeri agar penduduk DUN Sungai Balang menerima arus pembangunan pendidikan agama sama seperti kawasan-kawasan yang lain, maka Kerajaan bersetuju membina sebuah bangunan baru Sekolah Agama Sarang Buaya Darat di bawah Projek 121 dalam fasa yang ke-3 di bawah Pengurusan MysysNet Development Sdn. Bhd.

Projek sekolah tersebut telah pun dilaksanakan oleh pemaju yang dilantik oleh MysysNet Development Sdn. Bhd. pada tahun 2012 dengan kos sebanyak RM1.893 juta Ketua Pegawai Eskekutif MysysNet Development Sdn. Bhd. telah memaklumkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Jabatan Agama Johor pada 15 Mei 2014 dalam satu sesi mesyuarat berhubung kemajuan Sekolah-Sekolah Agama Projek 121, bahawa kemajuan kerja pembinaan Sekolah Agama Sarang Buaya Darat sehingga kini iaitu 65% dan bangunan tersebut dijangka siap pada November 2014 ini.

Oleh yang demikian, kerajaan tidak sekali-kali lalai dan leka dari tanggungjawabnya memberi kemudahan dan keselesaan pendidikan agama kepada seluruh anak-anak Negeri Johor yang beragama Islam di sekolah-sekolah agama negeri Johor sama ada ianya sekolah Kerajaan negeri mahu pun sekolah agama swasta.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat sendiri dalam ucapan beliau ada mencadangkan bahawa Sekolah Agama Rendah Negeri Johor, Darjah 1 hingga Darjah 6 dan juga Kelas Khas dilanjutkan pengajiannya

ke tahap Sekolah Menengah Agama Johor dan seterusnya ke peringkat tinggi, seperti diwujudkan Universiti Negeri Johor, jawapannya begini.

Terlebih dahulu juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Sedili di atas cadangan. Maka untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya kini dalam kajian untuk memperkasakan sistem pendidikan agama Negeri Johor iaitu dengan cadangan menyediakan peluang kepada para pelajar lepasan Darjah Khas Agama Negeri Johor untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Darjah Khas Lanjutan. Cadangan ini telah pun dibentang di dalam Persidangan Multaqa Ulama dan Ilmuwan Negeri Johor yang telah diadakan pada bulan Disember tahun lalu, dan telah dijadikan sebagai Resolusi Multaqa. Untuk itu, satu siri perbincangan telah pun diadakan pada awal bulan lalu bagi memperhalusi resolusi tersebut, sebuah sekretariat juga telah dibentuk yang akan dianggotai oleh pensyarah dan pegawai daripada Kolej Pengajian Islam Johor iaitu MARSAH, Bahagian Pendidikan Jabatan Johor dan beberapa tokoh akademik yang dikenal pasti. Secara umumnya Darjah Khas Lanjutan yang dicadangkan ini menyediakan satu platform baru kepada pelajar sebagai alternatif untuk mereka mengikuti pengajian agama secara formal dalam sistem pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan negeri hingga ke peringkat Sijil Tinggi Agama, STAM dan selanjutnya melayakkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma atau Ijazah dalam bidang keagamaan sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Hasil kajian ini nanti akan dibentang kepada kerajaan dan penelitian serta pertimbangan mengenainya akan dilakukan termasuk mengenai cadangan untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam di Negeri Johor. Namun untuk maklumat Yang Berhormat Ahli Dewan sekalian, di Negeri Johor ini telah pun ada sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam negeri iaitu MARSAH yang telah berjaya mengeluarkan ramai graduan untuk peringkat Diploma Usulluddin, syariah, pendidikan Islam dan juga Tahfiz Al-Qurannul Karim. MARSAH juga telah menjalin perjanjian persefahaman dengan beberapa buah universiti dalam dan luar negara bagi membolehkan program-program ijazah daripada universiti-universiti tersebut, dijalankan di MARSAH selain daripada menghantar para pelajar lepasan MARSAH melanjutkan pengajian ke universiti-universiti berkenaan. Kerajaan negeri komited untuk terus memperkasakan MARSAH bagi menjadikannya sebuah institusi pengajian tinggi agama terulung di Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Tanjung Puteri juga mencadangkan untuk mewujudkan sekolah tahfiz di daerah, di bawah kawalan MAIJ ataupun Jabatan Agama Islam Johor supaya kurikulum anak-anak tahfiz lebih terjamin dan berkualiti. Tidak seperti aliran Arab dan tahfiz yang ada sekarang, yang hanya kelihatan sebagai tempelan sahaja kerana kebanyakan pelajar Tingkatan 5 dari sekolah-sekolah ini tidak dapat menghafaz al-Quran selengkapnya sedangkan mereka adalah lepasan sekolah-sekolah Arab dan juga Tahfiz.

Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Puteri di atas cadangan yang diberi. Namun untuk maklumat Yang Berhormat Tanjung Puteri, memang benar tidak dapat dinafikan bahawa fenomena yang berlaku sekarang menampakkan kecenderungan para ibu bapa adalah menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah Tahfiz. Di Negeri Johor, kerajaan telah pun menyediakan aliran pengajian Tahfiz tersusun di peringkat sekolah menengah iaitu Program Tahfiz Imam As-Shafie di Maahad Johor. Program ini menetapkan kurikulum penghafazan al-Quran 30 juzuk untuk tempoh pembelajaran 3 tahun, di samping kurikulum asas Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain itu, kerajaan juga telah menjalankan program aliran hafazan Imam Ibnu Sinna, di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor di Kluang di mana program ini menetapkan hafazan 15 juzuk untuk tempoh pembelajaran 5 tahun. Program ini adalah penyediaan calun pelajar aliran Sains tulin bagi mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di universiti-unversiti Timur Tengah yang memasukkan silibus hafazan al-Quran sebagai satu mata pelajaran wajib.

Kerajaan juga telah menjalankan pengajian aliran tahfiz di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Rakyat yang kini telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan SABK silibus yang diperkenalkan di sekolah-sekolah ini hanyalah hafazan 10 juzuk untuk tempoh 5 tahun. Matlamat perwujudan aliran ini adalah untuk membekalkan pelajar untuk mengikuti Program Diploma Tahfiz di MARSAH atau lain-lain pusat seumpamanya selepas SPM. Kerajaan menyambut baik cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat untuk mewujudkan beberapa buah sekolah tahfiz yang ditadbir sepenuhnya oleh Kerajaan negeri. Namun ini merupakan satu cadangan bagi projek jangka panjang yang perlu kepada penelitian dalam pelbagai aspek. Untuk peringkat awal ini satu kertas cadangan akan dibawa kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor, bagi menaik taraf sistem pengajian tahfiz aliran Imam As-Syafiee di Maahad. Johor supaya pengurusan pentadbirannya adalah lebih tersusun. Kemudahan prasarana dipertingkatkan dan pengambilan pelajar ditambah. Bagi sekolah-sekolah tahfiz swasta, kerajaan tetap memantau perkembangannya dengan mewajibkan sekolah-sekolah berkenaan berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor. Nasihat dan bimbingan pengurusan sentiasa diberikan namun dari sudut pencapaian pelajar ianya lebih dipertanggungjawabkan kepada pihak pengurusan sekolah itu sendiri untuk terus memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Sedili dalam ucapan beliau ada menyentuh mengenai Majlis Agama Islam Negeri Johor, supaya memudahkan prosedur permohonan bantuan zakat dan tidak lagi perlu diluluskan oleh ibu pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor dan hanya diluluskan di peringkat daerah sahaja supaya pemohon tidak perlu menunggu lama sehingga ada di antara golongan asnaf meninggal dunia dan tidak sempat menerima bantuan dan di atas kelewatan yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, Pejabat Daerah sedia membantu.

Ahli Yang Berhormat sekalian, Majlis Agama Islam Negeri Johor sentiasa mengambil perhatian terhadap setiap permohonan bantuan zakat yang dikemukakan oleh anggota masyarakat, namun perlu diingat, bahawa setiap permohonan juga tertakluk kepada syarat dan peraturan kelayakan yang ditetapkan dan tidak semestinya setiap pemohon akan dapat sekiranya mereka tidak layak dari sudut hukum syarak.

Oleh yang demikian, masyarakat perlu faham bahawa syarat dan peraturan yang diletakkan, bukanlah untuk menyusahkan dan menghalang mereka daripada mendapat bantuan zakat. Bahkan ianya adalah untuk menjaga keadilan sosial juga. Pelbagai langkah telah diambil oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk mempercepatkan kelulusan bantuan zakat ini termasuk membuat penurunan kuasa kepada Amil Baitulmal Daerah, seperti bantuan pendaftaran ke pusat pengajian dengan kadar RM1,000.00, bantuan segera bagi kecemasan yang meliputi bantuan sara hidup RM500.00, bantuan bencana alam RM2,000.00, bantuan perubatan RM2,000.00, bantuan musafir RM300.00 dan bantuan tambang pelajar RM500.00. Semua ini tidak perlu dirujuk kepada ibu pejabat Majlis Agama Islam dan kelulusan serta bayaran boleh dibuat terus atau dengan izin, *on the spot* di kaunter Majlis Agama Islam Daerah sekiranya pemohon mengemukakan dokumen yang lengkap. Malahan bagi menampung permohonan yang semakin meningkat di setiap daerah, Majlis Agama Islam juga telah menaikkan jumlah wang bantuan panjar segera, di setiap daerah bagi memastikan pejabat Majlis Agama Islam Daerah di dalam Negeri Johor mempunyai tunai yang cukup untuk keperluan asnaf yang memerlukan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Tanjung Puteri telah menyentuh mengenai pelajar Tahfiz al-Quran diberi ganjaran RM1,000.00 sebulan, sekiranya melepasi ujian yang dijalankan oleh Jabatan Agama Johor, tetapi ada yang menyatakan mereka tidak menerima elaun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker dan juga Yang Berhormat Tanjung Puteri, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah mewujudkan insentif khas kepada penghafaz al-Quran bagi galakan mereka kepada masyarakat Islam Negeri Johor untuk menghafaz al-Quran. Setiap pelajar yang mendaftar akan dikenakan ujian oleh Jawatankuasa Galakan Iswad Hafazan Negeri Johor, kategori terimaan-terimaan elaun hafaz al-Quran di negeri Johor ini adalah dibahagi kepada 5 kategori iaitu Juzuk 1 hingga 5, Juzuk 1 hingga 10, Juzuk 1 hingga 15 Juzuk. Juzuk 1 hingga 20, Juzuk 1 hingga 30, jumlah elaun RM1,000.00 sebulan layak diterima oleh mereka yang menghafaz al-Quran penuh 30 Juzuk dengan syarat melepasi 90% ketika ujian oleh Jawatankuasa Galakan Iswad Hafazan. Sekiranya mereka mendapat markah di bawah 90, elaun yang diberikan adalah sebanyak RM450.00 sebulan. Sehingga 31 Disember 2013, seramai 87 orang adalah penghafaz 30 Juzuk al-Quran, di mana 61 menerima elaun sebanyak RM1,000.00 dan 26 menerima elaun sebanyak RM450.00.

Secara keseluruhannya, sehingga kini seramai 344 orang penghafaz al-Quran di seluruh Negeri Johor, menerima elaun galakan ini di seluruh Negeri Johor dengan perbelanjaan RM1.4 juta setahun. Dan untuk makluman Yang Berhormat sekalian, pihak kami Majlis Agama Islam sentiasa menyalurkan bantuan-bantuan sekolah tahfiz, bantuan yang telah disalurkan kepada Madrasah tahfiz swasta di seluruh Negeri Johor yang telah berdaftar sebanyak RM81,100.00 setahun dan begitu juga bantuan kepada sekolah swasta yang dalam proses untuk mendaftar sebanyak RM81,100.00, yang dah berdaftar RM219,600.00 setahun dan yang dalam proses daftar RM81,100.00 setahun dan yang masih belum daftar sebanyak RM49,299.87 setahun.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya telah cuba untuk memberi jawapan yang terbaik berdasarkan soalan yang dibangkitkan dan cuba menerima teguran dan mempertimbangkan segala cadangan yang diberi dan mengucapkan ribuan terima kasih dan jika ada perkara yang terlepas pandang akan saya beri perhatian dan mengambil tindakan susulan di atas perkara tersebut. Saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat, khususnya yang beragama Islam untuk bersama-sama memperkasakan dan memperjuangkan syiar Islam serta memartabatkannya di dalam Negeri Johor untuk generasi yang akan datang. Dan marilah kita juga berganding bahu bagi menyahut dan merealisasikan Pelan Suara Hati Johor yang telah diwartakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor supaya barisan kepimpinan yang ada pada hari ini lebih kukuh dan mampan, insya-Allah. Untuk akhirnya, terimalah serangkap pantun dari saya, "Hitam manggis putih isinya, berbatu jauh bau cempedak, berbuat baik sesama manusia, janganlah kita tolak menolak". Sekian terima kasih, saya mohon untuk menyokong. Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jemput, Pengerusi berikutnya. Ringkaskan YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi saya peluang menjawab serta menjelaskan perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sesi perbahasan ini. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan

beberapa perkara yang menyentuh tentang perpaduan khususnya oleh Yang Berhormat daripada Penawar, Serom, Sedili.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sememangnya diakui bahawa telah timbul pelbagai isu yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak selepas Pilihan Raya Umum yang Ke-13. Kesedaran mengenai perkara tersebut, kerajaan telah berusaha merapatkan jurang yang ada dalam di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum bagi memastikan pencetusan isu-isu ini tidak mengganggu-gugat keharmonian yang telah kita bina bertahun-tahun lamanya. Melalui setiap program kerajaan yang komprehensif dan sentiasa dikemas kini mengikut peredaran zaman. Pada masa kini di peringkat Persekutuan, Majlis Konsultasi Perpaduan Negara, MKPN telah ditubuhkan pada 11 September 2013 susulan daripada Pilihan Raya Umum yang Ke-13. Ia sebagai usaha penyatuan nasional, *National Reconciliation*, dengan izin, untuk mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Tujuannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks, bagi merintis jalan untuk mencari penyelesaian dan merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Kepelbagaian yang wujud di dalam sesebuah negara masyarakat majmuk menjadikan MKPN menyandang tugas dan tanggungjawab yang amat besar dan penting. Setiap perbincangan dan jalan penyelesaian yang dicadangkan perlu mengambil kira pelbagai sudut pandangan, mempunyai perspektif yang seimbang, mampu memberi pandangan yang konstruktif dan boleh menyumbang kepada usaha memupuk, memelihara, meningkat dan mengukuhkan penyatuan dan perpaduan nasional. Berpandukan asas-asas berkenaan, terma rujukan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara yang boleh dijadikan panduan ialah antaranya bertindak sebagai badan penasihat kepada kerajaan dalam hal-hal perpaduan dan integrasi nasional, menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran bagi menentukan hala tuju dan dasar perpaduan negara dan integrasi nasional, mengesyorkan bidang kajian yang berkaitan dengan bidang perpaduan negara dan integrasi nasional.

Manakala di peringkat negeri Johor, melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor Muafakat Johor telah pun diperkenalkan. Muafakat Johor yang merupakan inspirasi Rakyat Negeri Johor dalam membentuk budaya masyarakat Johor yang bersatu padu di samping taat setia di bawah Duli Tuanku Sultan Johor adalah salah satu usaha proaktif bagi mengimbangi kesederhanaan yang ada pada masyarakat Johor sejak berkurun lagi.

Melalui itu, Kerajaan juga melalui Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Johor dengan kerjasama Iskandar Regional Development And Authority (IRDA) dan kumpulan penyelidik Suara Hati Johor dari Universiti Teknologi Malaysia telah mengadakan dan akan mengadakan beberapa siri *mini lab* dengan izin *Mini Lab* Muafakat Johor. Di mana siri pertama, sesi pertama telah pun diadakan pada bulan Mac yang lalu dan kebetulan pada hari ini iaitu 8 dan 9 Jun sesi kedua sedang dilaksanakan dan pada akhir bulan Jun akan datang lagi sesi yang ketiga bagi tujuan membincangkan aspek-

aspek pelaksanaan konsep Muafakat Johor merangkumi bidang-bidang ekonomi, pendidikan, keselamatan, sosial, budaya, politik dan persefahaman antara penganut agama.

Seterusnya Majlis ini akan merangka dan menyediakan Draf *Blueprint* Muafakat Johor dan akan melaksanakan penubuhan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor yang mana fungsinya tidak jauh berbeza dengan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara Malaysia. Cuma ia lebih fokus dalam konteks yang lebih kecil di peringkat negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker...

YB Dato' Timbalan Speaker : YB panjang lagi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Separuh lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Separuh sambunglah petang eh?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia: Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan ke 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.04 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Jemput Yang Berhormat sambung.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia: Terima Kasih Tan Sri Datuk Speaker, memandang Tan Sri Speaker sudah berada di sini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tan Sri semoga murah rezeki, panjang umur, kahwin lagi (Dewan ketawa)...

YB Tan Sri Speaker : Eh?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia: Saya ingat Parit Raja tak da tadi.

YB Tan Sri Speaker : Yang kahwin lagi tu pelan-pelan sikit. (Dewan ketawa). Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia: Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya terus kepada soalan yang berkaitan dengan sumber manusia dan juga ingin menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat terutamanya rakan saya daripada Gambir, Tanjung Surat

dan juga Semerah. Dan antara isu yang dibangkitkan adalah peluang pekerjaan sebanyak 50,000 peluang pekerjaan yang ada di negeri Johor khususnya kawasan Iskandar Malaysia dan Pengerang dan berapa ramaikah rakyat Johor setakat hari ini telah pun berpeluang untuk melibatkan diri dalam sektor pekerjaan di industri-industri ini dan juga peranan kolej-kolej teknikal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kementerian Sumber Manusia menerusi *Jobs Malaysia (JMC)* dan juga *Jobs Malaysia Point (JMP)* telah melakukan dan menjalankan banyak aktiviti-aktiviti penempatan pekerjaan. Pada tahun 2010, seramai 9,654 pencari kerja telah mendapat pekerjaan di seluruh negeri Johor termasuk di Iskandar Malaysia. Manakala pada tahun 2011, seramai 13,084 penempatan telah dapat direkodkan dengan kebanyakan tawaran pekerjaan dari sektor pembuatan dan perkhidmatan. Bagi tahun 2012 pula, terdapat peningkatan dalam bilangan pekerjaan yang ditawarkan dengan seramai 22,122 orang telah berjaya mendapat pekerjaan.

Sejak PRU yang ke-13 iaitu semenjak Mei tahun 2013 sebanyak 16 program telah dijalankan di seluruh negeri Johor, termasuk di kawasan-kawasan luar bandar dan juga di rancangan FELDA. Antaranya, adalah *Azam Kerja Night Career Fair 2013* yang diadakan di Pandan pada bulan November 2013. Untuk memenuhi kehendak selera orang yang mencari pekerjaan khususnya golongan muda, kita menjalankan program ini di sebelah petang. Kita bermula jam 4.00 petang hingga jam 12.30 malam Karnival pekerjaan ini dilakukan. Dan dalam karnival tersebut, sebanyak 1,948 penempatan telah pun direkodkan. Bagi tahun 2013, seramai 23,177 orang pencari kerja telah mendapat peluang pekerjaan dan peluang pekerjaan ini adalah sektor-sektor seperti berikut pembuatan, perkhidmatan dan pekerjaan berkemahiran. Jumlah penempatan yang tinggi ini adalah hasil daripada jumlah pelaburan sama ada daripada pelaburan tempatan dan luar negara yang masuk ke Negeri Johor.

Bagi tahun 2014 pula, sebanyak 10 program telah dijalankan setakat 31 Mei 2014. Program ini adalah program meliputi Program Karnival Kerjaya Istimewa Peringkat Negeri Johor 2014 yang telah dijalankan pada bulan Mac yang lalu untuk memenuhi dan memberi peluang-peluang kepada orang-orang kurang upaya (OKU), pesara, suri rumah tangga, ibu tunggal dan bekas banduan untuk mendapat peluang-peluang pekerjaan. Dan penempatan sebanyak 283 orang telah pun direkodkan. Pusat *Jobs Malaysia* juga telah menjalankan kerjasama bersama UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam mengadakan Karnival Johor Mahir dalam bulan April yang lepas di Stadium Perbandaran Pasir Gudang dan uniknya karnival ini ialah program yang memberi keutamaan kepada penempatan pekerjaan yang memerlukan kemahiran sahaja dan peluang latihan dalam bidang kemahiran. Dalam bidang ini, seramai 1,265 orang telah pun mendapat pekerjaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain itu pusat Jobs Malaysia juga telah menjalankan 6 siri program Johor Untuk Johor yang menumpukan aktiviti

pendaftaran pekerja baru dan perkongsian maklumat peluang kerjaya melalui Pembangunan Negeri Johor. Program ini telah diadakan di kawasan-kawasan seperti di Kampung Mulia Sg. Tiram, Majidee Baru, di Tampoi, Senai, Parit Pasir, Pontian dan juga di Paloh. Jumlah pencari kerja yang telah mendapat pekerjaan bagi tahun 2014 iaitu sehingga 31 Mei 2014 ialah seramai 11,533 orang. Pembangunan modal insan ini diberikan keutamaan dengan tumpuan kepada sektor pembuatan kreatif selain daripada sektor *oil* dan gas atau gas dan minyak dalam memastikan bakal pekerja yang dikeluarkan adalah berkemahiran tinggi yang mendapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan.

Usaha-usaha ke arah ini telah dan sedang dipergiatkan oleh Kerajaan melalui penyediaan latihan kemahiran di bawah kemahiran kementerian dan agensi kerajaan yang dikenal pasti. Kementerian Sumber Manusia menawarkan peluang latihan secara sepenuh masa dan separuh masa melalui Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang terdiri daripada 22 buah pusat Institut Latihan Perindustrian (ILP) di mana di negeri Johor kita mempunyai 3 pusat iaitu di Pasir Gudang, Mersing dan Ledang bagi program peringkat sijil dan diploma. Dan, kita mempunyai 4 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi yang dipanggil ADTEC, termasuk sebuah di Batu Pahat bagi program peringkat diploma dan diploma lanjutan. Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI) yang terletak di Pasir Gudang adalah sebuah lagi pusat latihan yang turut menyediakan latihan dan kemahiran lanjut kepada tenaga kerja industri di negeri Johor serta mendapat pengiktirafan dari Kementerian Sumber Manusia. Antara kursus yang ditawarkan ialah teknologi penyelenggaraan, teknologi plastik, elektronik, industri dan elektrikal. Ada difahamkan kira-kira 80 hingga 90% pelatih PUSPATRI mendapat pekerjaan setelah tamat latihan mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, manakala Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pula dengan kerjasama majikan, menjalankan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang memberikan 70 hingga 80% latihan amali di dalam situasi pekerjaan sebenar dan 30 hingga 20% kelas teori di pusat latihan yang berkaitan. Dan, latihan ini adalah didasarkan selaras dengan kehendak dan keperluan industri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya juga ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Abong iaitu berkenaan dengan pembantu rumah dari Indonesia yang beragama Islam. Dan bagaimana mereka yang beragama Islam ini diizinkan bekerja di rumah-rumah yang bukan Islam dan maka timbullah masalah-masalah sosial selaras daripada itu. Pada masa kini Tan Sri Speaker, hanya 6 sektor pekerjaan yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing iaitu 5 sektor formal merangkumi sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian. Manakala satu sektor informal adalah pembantu rumah asing. Majikan adalah dibenarkan untuk menggaji pembantu rumah asing ini daripada negara-negara sumber seperti berikut sahaja iaitu Indonesia, Thailand, Filipina, Sri Lanka, India, Vietnam dan Laos.

Walau bagaimanapun, pembantu rumah asing dari negara Indonesia yang paling ramai digajikan oleh majikan-majikan di Malaysia. Dalam urusan penggajian pembantu rumah asing khasnya yang melibatkan mereka daripada Indonesia, Jabatan Tenaga Kerja adalah bertanggungjawab dalam perkara yang melibatkan penggajian yang meliputi kontrak perkhidmatan termasuk cuti, kadar upah dan notis bagi penamatan perkhidmatan. Permohonan bagi mendapatkan pembantu rumah asing Indonesia hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan majikan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan.

Antara syaratnya ialah, majikan beragama Islam dibenarkan menggaji pembantu rumah asing beragama Islam sahaja. Bagi pembantu rumah asing beragama Islam pula yang akan bekerja dengan majikan yang bukan Islam ada syarat-syarat tertentu yang telah pun ditetapkan oleh garis panduan menggaji pembantu rumah asing yang dikeluarkan Jabatan Imigresen. Majikan bukan Islam yang menggaji pembantu rumah asing yang beragama Islam mestilah menghormati sensitiviti agama pembantu rumah tersebut dengan membenarkan pembantu rumah tersebut melakukan ibadah seperti sembahyang 5 waktu, puasa ketika bulan Ramadhan dan tidak disuruh melakukan kerja-kerja rumah yang bertentangan dengan agama Islam. Majikan yang telah diberi kelulusan pembantu rumah asing tetapi gagal mematuhi syarat-syarat di atas, akan disenaraihitamkan dari mendapat kemudahan pembantu rumah asing pada masa-masa yang akan datang termasuk tindakan-tindakan yang berkaitan.

Akhirnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya percaya, saya telah pun cuba sedaya upaya untuk menjawab seberapa banyak soalan yang mungkin dan juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah *portfolio* saya dan saya telah cuba untuk memberi jawapan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh Ketua-Ketua Jabatan saya. Semoga yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan, yang kurang ditambahkan. Dan saya dengan ini ingin mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun, bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari disusun maaf dipinta. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Dan Sumber Manusia. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat seterusnya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

YB Tan Sri Speaker : Salam.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membuat penggulungan lanjutan daripada perbahasan menjunjung titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat Pasir Raja berkaitan Jawatankuasa Kerja Raya Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Parit Yaani, ADUN Penggaram, ADUN Pengkalan Rinting dan ADUN Yong Peng, sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat berhubung dengan kerja-kerja penyelenggaraan jalan, di mana Kerajaan akan berusaha untuk memastikan jalan raya sentiasa berada di dalam keadaan baik dan selamat digunakan oleh semua pengguna jalan raya. Kerja-kerja pembaikan secara rutin seperti memperbaiki jalan yang berlubang akan diambil tindakan segera, sementara kerja-kerja penyelenggaraan berkala seperti membaharui semula semua permukaan jalan akan dilaksanakan mengikut keutamaan. Jumlah peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada Jabatan Kerja Raya pada tahun 2014 adalah sebanyak RM120 juta untuk menurap semula jalan sepanjang lebih kurang 370 kilometer. Manakala Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk menurap semula jalan-jalan persekutuan yang mengalami kerosakan. Sementara kerja-kerja pembersihan longkang di tepi jalan di semua jalan-jalan negeri dan persekutuan akan dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi memastikan longkang tidak tersumbat hingga menyebabkan banjir kilat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat memohon pemasangan lampu isyarat di simpang-simpang jalan di kawasan masing-masing. Antaranya, Yang Berhormat ADUN Bukit Batu, Yang Berhormat Bentayan, Yang Berhormat Bukit Naning, Yang Berhormat Serom dan Yang Berhormat Jementah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan lampu isyarat di simpang-simpang jalan hanya akan dilaksanakan sekiranya jumlah kenderaan yang melalui sesuatu simpang melebihi 500 kenderaan dalam satu arah untuk tempoh satu jam. Faktor-faktor lain yang diambil kira adalah jalan atau simpang keluar masuk sentiasa sesak terutamanya pada waktu puncak dan kerap berlaku kemalangan di simpang-simpang tersebut. Namun begitu, cadangan Yang Berhormat ADUN Bentayan supaya di pasang lampu isyarat di Persimpangan Jalan Salleh,Jalan Hospital Sultanah Fatimah tidak dapat dilaksanakan kerana telah terdapat lampu isyarat di persimpangan Jalan Salleh, Jalan Bakariah yang jaraknya di antara persimpangan tersebut lebih kurang 200 meter sahaja. Jika lampu isyarat di pasang di persimpangan tersebut ia akan mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang lebih teruk.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan pemendapan jalan di kawasan tanah gambut yang kerap mendap dan beralun terutamanya di kawasan pembetung yang merentangi jalan memerlukan perbelanjaan yang

tinggi untuk mengatasinya. Pembaikan akan dibuat secara berkala dengan mengaras semula permukaan jalan supaya berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan oleh pengguna jalan raya. Berhubung dengan cadangan naik taraf jalan-jalan utama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pekan Nenas dan ADUN Tiram, terdapat 17 senarai jalan-jalan dalam Negeri Johor yang diberikan keutamaan tinggi yang kini dalam makluman ibu pejabat Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung masalah kelewatan projek-projek pembinaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tenang, Yang Berhormat ADUN Jementah dan Yang Berhormat ADUN Johor Jaya, pihak JKR sebagai agensi pelaksana akan memastikan setiap projek pembinaan jalan baru dan naik taraf jalan akan dipantau sepenuhnya supaya kerja-kerja dapat disiapkan mengikut jadual dan kerja-kerja juga dipastikan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Keselamatan pekerja dan pengguna jalan raya sentiasa diambil berat supaya tidak berlaku kemalangan di tapak bina semasa kerja-kerja pembinaan dilaksanakan. Pelan Pengurusan Trafik telah dimasukkan dalam kontrak dan kegagalan pihak kontraktor mematuhinya, maka pihak Jabatan Kerja Raya akan melantik pihak ketiga untuk melaksanakan Pelan Pengurusan Trafik tersebut. Pihak Jabatan Kerja Raya juga akan memastikan kerja-kerja naik taraf jalan dan pembinaan jalan baru tidak akan menimbulkan masalah kepada penduduk setempat seperti masalah banjir dan masalah jalan keluar masuk supaya projek yang dilaksanakan memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Senggarang, ADUN Semerah dan juga ADUN Pekan Nenas berkaitan kerja-kerja menaik taraf jalan, jambatan dan simpang-simpang, jalan di jalan-jalan kampung. Senarai jalan-jalan kampung untuk dibina atau dinaik taraf oleh infradesa atau Pejabat Daerah atau Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah akan dibekalkan di Pejabat-Pejabat Daerah dan Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh lah mendapatkan jadual dan senarai kerja-kerja yang bakal dilaksanakan di Pejabat-Pejabat Daerah yang berkaitan. Jalan-jalan utama yang dilalui oleh banyak kenderaan akan dilebarkan mengikut keutamaan. Pihak kerajaan juga akan memastikan jalan-jalan pertanian di seluruh Negeri Johor akan didaftarkan di dalam MARRIS supaya peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan diterima dan kerja-kerja penyelenggaraan jalan boleh dilaksanakan pada setiap tahun. Dalam masa yang sama, Kerajaan negeri telah mengambil inisiatif mengumpulkan semua maklumat daripada daerah berkaitan jalan luar bandar untuk dimajukan ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dn Wilayah bagi tempoh perancangan 5 tahun bermula tahun 2014.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Stulang mengenai isu pampasan Projek EDL, bayaran pampasan tol kepada pihak syarikat konsesi adalah kerana perjanjian konsesi yang ditandatangani antara pihak kerajaan dengan pihak syarikat konsesi

yang masih lagi sah dan terpakai. Nilai bayaran pampasan tersebut adalah berdasarkan kepada jumlah trafik sebenar yang menggunakan lebuh raya ketika pembukaan pada tahun 2012 tanpa mengambil kira sebarang pertambahan trafik secara tahunan. Ketika ini, pihak konsesi juga masih menjalankan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan bermula sejak April 2012 selaras dengan ketetapan perjanjian walaupun kutipan Tol tidak dibenarkan untuk dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perbincangan berhubung isu Lebuh raya EDL masih lagi diteruskan di peringkat penelitian Kerajaan Pusat. Dalam hal ini, Kerajaan negeri Johor bekerjasama sepenuhnya di dalam memberikan input selaku pihak berkepentingan. Untuk makluman, cadangan pengambilalihan Lebuh raya EDL di peringkat penelitian Kerajaan Pusat mengambil kira asas-asas pampasan seperti kos pembinaan, kos pengambilan balik tanah, bayaran kadar faedah dan juga sedikit keuntungan kepada pihak syarikat konsesi. Keputusan lanjut berhubung isu pengambilalihan Lebuh raya EDL akan dimaklumkan setelah keputusan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman jumlah kemalangan yang berlaku di Daerah Segamat dari Januari sehingga April 2014 adalah sebanyak 828 kemalangan, walaupun ini menunjukkan penurunan sebanyak 5.4% berbanding 875 kemalangan untuk tempoh yang sama pada tahun 2013. Jumlah kematian yang dicatatkan pada Januari hingga April 2014 adalah 16 berbanding 27 yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2013. Ini juga menunjukkan penurunan sebanyak 40.7%. Penurunan ini berlaku hasil dari kerjasama semua agensi yang terlibat secara langsung dengan pengguna jalan raya iaitu Jabatan Keselamatan Jalan Raya, PDRM, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain. Untuk makluman, kajian dari Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) mendapati bahawa kemalangan berlaku berpunca daripada sikap manusia, 86%, disebabkan oleh persekitaran 10%, dan disebabkan oleh kenderaan, 2%. Menyedari hakikat ini, Jabatan Keselamatan Jalan Raya berperanan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya berkaitan keselamatan dan pemanduan berhemah. Bagi tujuan tersebut, Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah melaksanakan pelbagai program. Selain itu, kerajaan juga akan memperkukuhkan lagi fungsi Majlis Keselamatan Jalan Raya di peringkat daerah-daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai-Pegawai Daerah. MKJR akan diaktifkan untuk menangani isu-isu berkaitan keselamatan jalan raya di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya berbesar hati dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Bentayan dan Yang Berhormat Sungai Abong kerana mengambil berat tentang sumber air di Negeri Johor. Sebenarnya kita semua perlu bimbang dan mengambil berat tentang sumber air kerana ia merupakan nadi kehidupan rakyat dan rakyat juga perlu bekerjasama dengan kerajaan untuk memelihara sungai kita daripada dicemari. Untuk makluman, negeri kita mempunyai kawasan tadahan air seluar 157,000 hektar dengan jumlah hujan

yang banyak tetapi tidak sepanjang tahun. Ini bermakna hujan yang turun pada musim kemarau adalah sedikit dan pada musim tengkujuh adalah banyak sehingga menyebabkan banjir tetapi tidak disimpan untuk kegunaan pada musim kemarau. Ini menunjukkan bahawa jumlah sumber air di Negeri Johor lebih daripada mencukupi hingga kita mampu untuk membekalkan air ke Singapura dan Melaka. Apa yang penting ialah bagaimana kita mengurus sumber air sepanjang tahun termasuk isu kuantiti dan kualiti. Bagi menguruskan sumber air dengan lebih berkesan, Kerajaan negeri sedang membuat pindaan terhadap Enakmen Air 1921. Jika pindaan ini diluluskan, maka pengurusan sumber air dapat dibuat dengan lebih cekap di mana kerajaan boleh menentukan aktiviti yang dibenarkan dan dilarang dalam kawasan tadahan air, larangan aktiviti pencemaran sungai dan menghalang pengambilan air oleh petani dan industri jika menjejaskan loji rawatan air. Bagi mereka yang ingkar dan melanggar peruntukan-peruntukan dalam enakmen tersebut, mereka boleh didenda sehingga RM500,000.00 atau penjara selama 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan Kajian Air Negeri Johor tahun 2010 hingga 2060 pula, isu-isu berkaitan *salinity* di Sungai Muar dan Sungai Johor, pencemaran air di Sungai Benut dan Sungai Skudai, kekurangan bekalan sumber air di Daerah Kluang, Mersing, Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi dan Johor Bahru telah diambil perhatian. Masalah *salinity* di Sungai Johor akan diatasi dengan pembinaan *barrage* yang sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 2017. Untuk mengatasi masalah *salinity* dan meningkatnya air di Sungai Muar, Kerajaan negeri telah memohon pada Kerajaan Persekutuan untuk membuat kajian pembinaan Empangan Segamat dan Empangan Meda. Begitu juga untuk meningkatkan sumber air terutama sekali ketika musim kemarau dengan pembinaan Empangan Kahang di Daerah Kluang dan menaik taraf Empangan Bekok di Daerah Batu Pahat. Cadangan lain yang disyorkan dalam kajian tersebut adalah pembinaan Empangan Sedili dan Empangan Jenggeli untuk memenuhi permintaan bekalan air dari Daerah Kota Tinggi dan Johor Bahru dan akhirnya pembinaan Empangan Mersing bagi mengatasi masalah kekurangan sumber air di Empangan Congok.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan bekalan air yang dibangkitkan Yang Berhormat Tenggaroh, Machap dan Tangkak juga berkait dengan soal bekalan air. Isu-isu bekalan air di negeri ini harus dilihat dari aspek sumber bekalan air mentah serta bekalan air terawat. Dalam isu sumber air mentah di Mersing, Empangan Congok yang merupakan sumber utama bekalan air mentah di Mersing masih tidak cukup untuk menampung permintaan penduduk apabila musim kemarau yang mengakibatkan empangan terbabit berada di paras kritikal. Operasi bekalan air berjadual adalah satu langkah jangka pendek sahaja yang diusahakan oleh pihak SAJ bagi meringankan beban penduduk. Dengan adanya Loji Mersing yang baru yang mula beroperasi sejak tahun 2006, masalah ini dapat dikurangkan apabila loji berkapasiti 10 juta liter sehari itu dapat menampung sebahagian daripada kawasan liputan Loji Tenglu. Kerajaan sedar akan keperluan masa depan Daerah Mersing, maka satu kajian

kemungkinan untuk meningkatkan takungan Empangan Congok dicadangkan. Tambahan kapasiti empangan itu bakal menaikkan simpanan sebanyak 540 milion liter daripada kapasiti yang ada sekarang. Mudah-mudahan inisiatif itu akan membantu penduduk Mersing khususnya di musim kemarau. Di Machap pula Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah dan penyelesainya agak berbeza. Loji Rawatan Air Simpang Renggam terpaksa dihentikan pengeluarannya akibat masalah Ammonia di Sungai Benut. Yang Berhormat Machap pula mencadangkan lojinya dipindahkan. Namun, kerajaan mempunyai pandangan yang lebih berkesan selain daripada memindahkan loji, Kerajaan negeri berhasrat memindahkan muka sauk loji terbabit melalui inisiatif pihak BAKAJ, Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ). Projek ini sedang dalam pemantauan Kerajaan negeri dan perlaksanaan itu nanti bakal menyelesaikan banyak masalah bekalan air penduduk Renggam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sungguh pun isu air masin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangkak sudah saya jawab dalam sidang Dewan pada 3 Jun 2014, namun ingin saya menyimpulkan di sini iaitu isu yang berlangsung 5 hari itu dapat diselesaikan dengan berhemah. Air yang dibekalkan masih mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sungguh pun dari segi estetiknya penduduk merasakan airnya payau, namun penduduk masih mempunyai pilihan untuk mendapatkan air minuman yang ada di pasaran. Selain itu, isu kebersihan juga adalah keutamaan untuk mengelakkan berbangkitkan isu-isu kesihatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ada melaksanakan projek-projek yang menyediakan capaian Internet Jalur Lebar asas kepada kawasan-kawasan luar bandar yang tiada atau kurang liputan perkhidmatan komunikasi seperti projek Kampung Tanpa Wayar yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010. Dalam masa yang sama, Kerajaan negeri juga telah memikirkan beberapa inisiatif yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat Johor. Antaranya memberikan perkhidmatan Wifi percuma di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Johor. Untuk permulaan 5 kawasan *hot spot* di kawasan terbuka, setiap 15 PBT akan dipasang dengan kemudahan *Wifi*. Ini melibatkan lebih kurang 75 kawasan *hot spot* terutamanya lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai seperti Dataran, Terminal Bas, Pejabat Kerajaan, kawasan perniagaan dan lain-lain lagi. Mulai 1 Jun yang lepas, sebanyak 4 lokasi telah dipilih di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Pulai untuk dilaksanakan perkhidmatan *Wifi* secara percuma selama tempoh percubaan satu bulan. Setelah penilaian dilaksanakan, Kerajaan negeri selanjutnya akan memperluaskan lokasi pemasangan tersebut di seluruh Negeri Johor sebagaimana perancangan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak kerajaan melalui MCMC sentiasa tegas dalam menangani isu-isu penyalahan Internet ini. Bahkan bukan hanya melalui MCMC, tetapi pihak Polis juga merupakan agensi penting dalam menangani isu

ini. Tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi di bawah Akta Komunikasi 1998, bagi beberapa kes yang melibatkan kesalahan penggunaan Internet iaitu sebanyak 8 kes bagi penghantaran komen yang jelik serta tuduhan palsu terhadap Sultan dan 3 kes bagi penggunaan aplikasi lucah untuk tujuan komersil bagi sepanjang tahun 2013. Manakala bagi suku pertama tahun 2014, sebanyak 4 kes dalam proses di Mahkamah dan yang mana 3 daripadanya adalah kes yang melibatkan isu Sultan dan Yang Dipertuan Agong.

Selain itu, undang-undang Malaysia yang lain seperi Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948 dan Akta Fitnah 1957 yang di bawah bidang kuasa Polis juga diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan berkenaan kandungan dalam talian termasuk yang berunsur penghinaan kepada agama, institusi Diraja dan kerajaan yang boleh menggugat keselamatan keamanan negara. Sebagai contoh kes Alvin Tang dan Vivian Lee, mereka didakwa atas 3 akta iaitu Akta Penapisan Filem kerana mengeluarkan bahan lucah yang tidak ditapis, Akta Hasutan kerana mengeluarkan kata-kata yang boleh menimbulkan kemarahan umat Islam dan Kanun Keseksaan kerana menimbulkan keadaan yang boleh menimbulkan huru-hara di antara masyarakat. Selain undang-undang bagi menangani budaya penggunaan Internet yang negatif ini, pihak MCMC juga mempunyai program kesedaran yang dipanggil Klik Dengan Bijak, iaitu program yang memberi panduan keselamatan dalam melayari Internet. Oleh yang demikian, adalah dengan adanya program ini orang ramai di harap dapat memikirkan dahulu implikasinya sebelum membuat sesuatu semasa menggunakan Internet.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung isu kenaikan tarif tenaga elektrik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Jementah. Adalah dimaklumkan bahawa keseluruhan kenaikan kepada purata tarif adalah bersamaan dengan 4.99 sen setiap kilowatt sejam. Namun demikian, 78% atau 4.09 sen setiap kilowatt sejam daripada kenaikan tarif ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga gas iaitu daripada RM13.70 / MMBTU kepada RM15-20 / MMBTU dan juga kenaikan harga LNG manakala 3% kenaikan harga arang batu juga menyebabkan kenaikan tarif tersebut. Cuma 18% sahaja daripada kenaikan tarif ataupun bersamaan 0.90 sen setiap kilowatt sejam adalah untuk membolehkan TNB menampung kos operasi serta pelaburan yang diperlukan dalam infrastruktur industri bekalan elektrik, agar bekalan tenaga elektrik yang mampan dan berdaya harap dapat dikekalkan.

Kadar kenaikan kepada tarif purata sebanyak 14.89% adalah purata kepada semua sektor termasuk domestik, perindustrian, perdagangan, perlombongan dan pertanian. Kategori pengguna domestik yang menggunakan elektrik di bawah 300 kilowatt sejam sebulan, tidak mengalami kenaikan tarif. Di mana untuk penggunaan 200 kilowatt sejam pertama, kadarnya dikekalkan pada 21.8 sen. Tidak berubah semenjak tahun 1997. Manakala untuk penggunaan 100 kilowatt sejam berikutnya, kadar dikekalkan pada 33.4 sen setiap kilowatt sejam. Kadar ini juga tidak berubah sejak tahun 2009.

Kenaikan tarif bagi pengguna domestik adalah menaik secara berperingkat bergantung kepada penggunaan bulanan. Contohnya kalau mengguna 500 kilowatt sejam akan merasai kenaikan sebanyak 15%. Kalau mengguna 1,000 kilowatt sejam pula kenaikan dalam bil adalah sebanyak 23%. Kalau mengguna penggunaan melebihi 10,000 kilowatt ke atas, kenaikan dalam bil bulanan adalah 25%. Secara ringkasnya lebih banyak penggunaan, peratus kenaikan bil bulanan akan lebih tinggi. Pihak kerajaan juga menggalakkan agar pengguna-pengguna menggunakan elektrik secara berhemah. Penggunaan peralatan elektrik yang cekap tenaga adalah sangat digalakkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keuntungan yang diperolehi oleh Tenaga Nasional berada dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini adalah sangat kecil berbanding dengan aset Tenaga Nasional Berhad yang berjumlah RM104 bilion. TNB membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk modal atau CAPEX memperkukuhkan infrastruktur rangkaian penghantaran dan pembahagian elektrik. Untuk tahun 2011, sebanyak RM5.6 bilion, untuk tahun 2012 RM7.3 bilion, untuk tahun 2013, RM8.5 bilion dibelanjakan untuk memperkukuhkan rangkaian infrastruktur. Projek-projek penghantaran yang dimaksudkan bagi kerja-kerja infrastruktur merangkumi talian voltan tinggi dari 500 kilowatt sehinggalah 132 kilowatt untuk sistem grid Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perbelanjaan modal untuk bahagian pembahagian pula merangkumi Pelan Induk Rangkaian Pembahagian di mana ianya menjadi asas untuk unjuran CAPEX bagi mempertingkatkan keupayaan sistem termasuklah projek-projek khas pembahagian-pembahagian PNB di Iskandar Malaysia iaitu bekalan elektrik ke Iskandar Malaysia Johor. Selain daripada itu beberapa inisiatif diambil untuk menggunakan teknologi terkini untuk memperbaiki tahap daya harap bekalan elektrik yang antara lainnya automasi talian pembahagian, *supervisory control and data acquisition* (SCADA) dan lain-lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perbahasan juga tempoh hari Tenggaroh ada menyatakan ada kerap kali berlaku gangguan bekalan elektrik di kawasan FELDA Tenggaroh. Perkara ini pernah dibangkitkan dalam sesi yang lepas, TNB telah mengenal pasti kelemahan-kelemahan di kawasan Tenggaroh yang menjadi punca kekerapan gangguan bekalan elektrik. Untuk itu 5 projek bernilai RM5 juta telah dirancang dan telah pun dilaksanakan. 3 projek akan siap pada hujung bulan Jun 2014 ini, tak beberapa hari lagi Yang Berhormat. Sementara 2 projek lagi akan siap pada bulan Ogos 2014. Di samping itu Tenaga Nasional sedang melaksanakan kerja-kerja menukar sambungan kabel-kabel bawah tanah, membuat pengujian kabel secara berkala, senggaraan pencawang-pencawang dan menukar terus kabel-kabel yang mengalami kerosakan secara berulang. Tenggaroh juga memaklumkan bahawa keadaan yang gelap di sepanjang jalan menuju Gugusan Tenggaroh dan Pusat Peranginan Tanjung Leman, Mersing yang memerlukan bekalan elektrik ataupun bekalan lampu jalan yang secukupnya. Saya akan bekalkan Yang

Berhormat dengan senarai lampu-lampu jalan yang telah dipasang dan jumlah lampu di jalan dan persimpangan yang berkaitan.

Pada masa ini juga, pihak UPEN Johor sedang mengumpul maklumat keperluan lampu-lampu jalan kampung di seluruh negeri untuk dimajukan kepada pihak Kementerian. Kerajaan negeri telah memikirkan inisiatif bersama agensi-agensi berkaitan untuk mengadakan perbincangan bersama Ketua Setiausaha Kementerian bagi permohonan ini supaya mendapat pertimbangan untuk pelaksanaan pada tahun ini dan hadapan melalui peruntukan khas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembangunan perumahan akhirnya berkaitan permohonan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, pembangunan perumahan di bandar-bandar baru dan perumahan tersusun yang dilaksanakan oleh KEJORA di atas tanah-tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan negeri kepada KEJORA, sememangnya perancangan awal telah pun dibuat dan telah mengambil kira pembangunan infrastruktur termasuk bekalan air, api dan jalan bagi kemudahan dan keselesaan pemilik rumah. Bagi tanah-tanah yang dikurniakan kepada individu di dalam kawasan KEJORA, pihak KEJORA tidak terlibat dengan perancangan keseluruhan tanah tersebut. Walau bagaimanapun keperluan-keperluan bagi melengkapkan infrastruktur jalan, api, jalan dan bekalan air, dilaksanakan oleh KEJORA hanya selepas tanah-tanah tersebut di bangunkan dengan rumah dan diduduki dan peruntukan itu akan diperolehi melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Begitulah sedikit sebanyak ulasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Seperti mana biasa Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mana-mana jawapan yang kurang jelas, jawapan secara bertulis atas permintaan untuk huraian lanjut akan saya ambil tindakan. Perkara yang berbangkit yang masih lagi dalam perbincangan di peringkat jabatan, maka penjelasan akan dimaklumkan kemudian. Terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Wa'alaikumusalam. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor. Sekarang dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam Muafakat Johor. Sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan saya ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tan Sri speaker atas kurniaan Darjah Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri bersempena dengan hari kePutraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong semalam.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terlebih dahulu saya ingin merakam kan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang ,mulia ini kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bukit Batu membangkitkan mengenai sasaran pelancong yang pernah saya sebutkan di dalam media iaitu sebanyak 4.6 juta pelancong untuk tahun 2014. Yang Berhormat berpendapat bahawa bilangan ini adalah terlalu rendah berbanding dengan angka sebanyak 28 juta pelancong bagi Malaysia keseluruhannya.

Ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa angka yang saya sebutkan bukanlah satu sasaran yang dibuat tanpa mana-mana rujukan. Ia dibuat setelah kajian yang teliti dijalankan oleh pihak Universiti Teknologi Malaysia dan diterjemahkan kepada Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023 yang baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Sabtu yang lepas. Unjuran ini adalah berdasarkan kepada pertumbuhan ketibaan pelancong sebanyak 8% setahun di antara 2013 dan 2020, berbanding dengan hanya 5% sebelum 2012. Pelan Induk Pelancongan juga menyasarkan pertumbuhan ketibaan pelancong meningkat ke 12 % selepas 2020. Semua unjuran ini dibuat setelah mengambil kira pembangunan-pembangunan projek *flagship* dengan izin, di kawasan Iskandar Malaysia, di pantai timur Johor dan projek-projek komited di seluruh Negeri Johor.

Kerajaan negeri Amat telus di dalam perkara ini dan tidak berselindung di sebalik angka ketibaan pelawat melalui pintu masuk dari Singapura yang tidak dikategorikan sebagai pelancong. Dengan mengambil kira bilangan pelancong yang bermalam dan berbelanja di Negeri Johor, Kerajaan negeri telah membuat satu unjuran yang sangat munasabah dan tidak mengelirukan rakyat. Pada masa yang sama, kita juga menikmati perbelanjaan pengunjung harian ke selatan Negeri Johor, yang mana walau pun mereka tidak menginap, mereka masih berbelanja dan memberikan sumbangan kepada aktiviti ekonomi di Negeri Johor.

Pelan Induk menganggarkan ketibaan pengunjung domestik dan antarabangsa seramai lebih 18 juta orang dengan pelancong bermalam seramai 4.9 juta orang bagi tahun 2015.

Yang Berhormat Bukit Batu juga menyatakan tarikan utama di Johor seperti Legoland lebih banyak dilawati oleh pelancong tempatan berbanding dengan pelancong asing. Perkara ini bukanlah satu yang memalukan. Malah, ia membuktikan bahawa rakyat tempatan mampu untuk berkunjung ke taman tema ini. Dan, sekali gus menolak kenyataan bahawa rakyat tempatan hanya melihat sahaja pembangunan yang dibina di Iskandar Malaysia.

Pembangunan Taman Tema di selatan Negeri Johor ini juga adalah selaras dengan *kluster* pembangunan pelancongan "*Family Fun*", dengan izin dan sememangnya menarik ahli keluarga sama ada dari dalam atau luar negara.

Tarikan ini juga dilawati oleh pengunjung-pengunjung berkualiti tinggi yang mempunyai daya berbelanja yang tinggi dan datang dari negara-negara ASEAN, China dan India. Nasihat saya kepada Yang Berhormat Bukit Batu, janganlah mencari perkara semata-mata untuk di bangkang. Jika ramai pelancong tempatan, ditanya di mana pelancong luar negara. Jika ramai pelancong luar negara, dikata rakyat tempatan tidak berpeluang untuk menikmati tarikan pelancongan di negara sendiri. Marilah kita bersama-sama membangunkan industri pelancongan di Negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Oleh sebab kedudukan negeri Johor yang bersebelahan dengan Singapura, Negeri Johor mencatatkan angka yang tinggi bagi lawatan harian ke Negeri Johor. Adalah menjadi sasaran Pelan Induk Pelancongan untuk meningkatkan lagi bilangan pelancong sebenar. Sasaran bagi tahun 2012 antara lain adalah bagi meningkatkan peraturan kedatangan pengunjung antarabangsa melalui sub sektor pakej pelancongan dari 11% ke 25%. Perkara ini dibantu dengan tawaran pakej-pakej pelancongan mengikut berbagai-bagai minat pelancong yang juga telah dilancarkan pada hari Jumaat lepas hasil kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan Tourism Malaysia Johor.

Pakej ini juga disesuaikan mengikut minat pengunjung, termasuk pakej pelancongan berbasikal yang semakin meningkat di Negeri Johor. Selain daripada itu, percutian singkat keluarga juga disasarkan akan meningkat dari 11% ke 30%. Dengan peningkatan dua sub sektor ini, walaupun bilangan pelawat harian masih dijangka terus bertambah pada tahun-tahun akan datang, peratusan sumbangan sub sektor lawatan harian di dalam segmen pelancong antarabangsa dijangka menurun dari 37.5% ke 20%. Trend ini diharapkan akan dapat meningkatkan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kadar penginapan dan perbelanjaan pelancong antarabangsa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Senggarang membangkitkan sektor pelancongan diberikan penekanan di peringkat daerah dan diterajui oleh Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

Untuk makluman Dewan yang mulai ini, kerajaan negeri sememangnya telah menubuhkan Jawatankuasa Pelancongan daerah yang diterajui oleh Pejabat daerah masing-masing. Beberapa daerah juga telah mengambil inisiatif melalui Pihak Berkuasa Tempatan untuk menubuhkan pusat informasi pelancongan, walaupun menghadapi berbagai kekangan. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah berjaya menubuhkan pusat informasi ini. Dan, kerajaan akan terus membantu untuk membuka pusat-pusat informasi di semua daerah.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Nusajaya, Tenang, Sungai Balang dan Serom yang telah memberi pandangan yang membina dan positif sepanjang sesi perbahasan ini khususnya kepada Yang Berhormat Kukup, apabila dia menyentuh soal peranan yang dimainkan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dalam sektor pelancongan Negeri Johor.

Sebagai seorang Wakil Rakyat, kita perlu sedar akan tanggungjawab kita untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan berdasarkan fakta dalam Dewan yang mulia ini.

Pada penggal yang lepas, saya telah terangkan prestasi Senai Airport (dengan izin) yang semakin baik kepada Dewan yang mulia ini. Dalam usaha menjadikannya satu hab pengangkutan udara yang berdaya saing khususnya berbanding dengan lapangan terbang antarabangsa di seberang sana, Kerajaan negeri sememangnya tidak pernah lepaskan tangan malah menerusi Jabatan dan agensi kerajaan berusaha bagi sentiasa mendapatkan penerbangan sewa khas dan penerbangan terus untuk promosikan Senai Airport, dengan izin. Justeru itu, sebagai seorang Wakil Rakyat yang prihatin dan bertanggungjawab, Yang Berhormat Kukup memahami secara terperinci tentang statistik dan perkembangan terkini mengenai lapangan terbang antarabangsa Senai. Tahniah Yang Berhormat Kukup.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman dewan yang mulia ini, satu inisiatif iaitu lawatan ke semua 10 buah daerah Negeri Johor telah dilengkapkan dalam masa 2 bulan di mana tujuan utama lawatan ke daerah-daerah adalah untuk mengetahui dan menerokai produk-produk pelancongan yang mempunyai potensi untuk diketengahkan, memahami isu-isu semasa yang berkaitan dengan industri pelancongan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang timbul. Lawatan ini turut melibatkan agensi-agensi kerajaan dan swasta serta badan-badan bukan kerajaan untuk membantu memberikan input-input yang berguna dalam usaha pembangunan produk-produk pelancongan yang terdapat di daerah-daerah. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberikan kerjasama yang baik kepada Ahli Jawatankuasa Pelancongan Daerah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Negeri Johor meletakkan bahawa kadar purata penginapan atau *'length of stay'* (dengan izin) dapat meningkat dari 1.8 malam pada tahun 2010 ke 2.3 malam pada tahun 2015. Justeru itu, Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Johor, Tourism Malaysia dengan pihak pengusaha industri pelancongan telah berusaha untuk membangunkan pakej-pakej pelancongan yang merangkumi produk-produk pelancongan yang ikonik di setiap daerah. Selain itu, lawatan ini juga bertepatan dengan objektif untuk menjadikan Jawatankuasa Pelancongan Daerah agar terus relevan di dalam

menyalurkan maklumat-maklumat terkini khasnya yang bersangkut-paut dengan sektor Pelancongan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan pada hari ini dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua ahli yang berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu bawah portfolio saya dalam perbahasan mereka di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan kepenggunaan. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker pertamanya ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana anugerah darjah kebesaran kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang keduanya terima kasih kerana telah diberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker Yang Berhormat ADUN Yong Peng telah pun membangkitkan mengenai dengan penubuhan pusat jagaan anak-anak di setiap agensi kerajaan, di taska dan memohon kerajaan negeri turut memberikan subsidi kepada syarikat yang mewujudkan pusat asuhan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi keutamaan pihak kerajaan untuk menggalakkan supaya lebih banyak Pusat Jagaan Kanak-Kanak atau Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) ditubuhkan khususnya di tempat kerja sektor awam mahu pun swasta.

Inisiatif ini bertujuan untuk membantu pasangan dwi pekerjaan mendapat perkhidmatan pengasuhan dan penjagaan anak yang *affordable* dan *accessible* sewaktu mereka bekerja.

Banyak inisiatif dan galakan oleh kerajaan untuk menggalakkan majikan menubuhkan Pusat Jagaan Harian Kanak-Kanak dan taska di tempat kerja bagi

memudahkan ibu dan bapa yang bekerja menghantar anak-anak mereka bagi mendapatkan pengasuhan yang berkualiti.

Namun demikian, penubuhan taska di tempat kerja juga bergantung kepada permintaan daripada ibu bapa yang bekerja di sesebuah agensi, dan juga mengambil kira faktor-faktor kemudahan pengurusan dan pengoperasian kepada majikan atau agensi terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan negeri Johor telah melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah menubuhkan 2 buah TASKA seperti berikut:-

i) TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bukit Timbalan

ii) TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Wisma Persekutuan

Tujuan penubuhan kedua-dua TASKA ini adalah bagi membantu kakitangan pelbagai Jabatan kerajaan yang memerlukan perkhidmatan penjagaan anak yang berdekatan dengan tempat kerja mereka. Walau bagaimanapun, operasi TASKA di Bukit Timbalan telah ditutup berikutan semua jabatan Kerajaan negeri di Bangunan Sultan Ibrahim telah berpindah di Kota Iskandar mulai tahun 2009.

Manakala di Wisma Persekutuan di teruskan sehingga kini. Dan pihak Yayasan Keluarga Darul Takzim ada perancangan membina sebuah TASKA di kawasan Kota Iskandar. Ini adalah berdasarkan satu kajian yang dilaksanakan oleh Yayasan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia berkenaan keperluan TASKA dan TADIKA di kawasan Kota Iskandar dan mendapati lebih 70 % kakitangan awam yang bertugas di Kota Iskandar bersetuju dan memerlukan pembinaan TASKA dan TADIKA di kawasan Kota Iskandar.

Dan selebihnya memerlukan perkhidmatan transit. Mengenai subsidi yang disediakan oleh kerajaan yang berkaitan dengan taska dan pusat jagaan, bagi menggalakkan penubuhan taska di sektor awam dan juga swasta, kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan kepada semua pihak terutamanya ibu bapa dan keluarga yang mempunyai anak yang perlu mendapatkan perkhidmatan pengasuhan di taska. Dan objektif utama subsidi adalah untuk meringankan beban ibu bapa ataupun penjaga yang berpendapatan rendah dan sederhana bagi menampung kos yuran pengasuhan taska.

Selain daripada itu, ianya bertujuan untuk meningkatkan enrolmen dan peluang kepada lebih ramai kanak-kanak untuk mendapat asuhan dan didikan awal yang berkualiti di taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan secara tak langsung akan menyokong penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan dengan penyediaan sistem sokongan bagi asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Antara beberapa kemudahan dan subsidi yang boleh dinikmati oleh ibu bapa dan keluarga adalah seperti berikut:

1. Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak taska institusi sektor swasta

2. Bantuan khas kanak-kanak taska swasta

3. Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak taska tempat kerja sektor awam

4. Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak taska tempat kerja sektor swasta

Yang Berhormat Pemanis membangkitkan mengenai dengan pengisian borang kaji semula bantuan JKM. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaji semula merupakan satu proses bagi menilai keadaan semasa *client* dan bantuan kewangan akan diteruskan sekiranya masih layak mengikut syarat-syarat yang telah pun ditetapkan. Dan kaji semula perlu dibuat tiga bulan sebelum bantuan tamat bagi mengelakkan berlaku kelewatan bayaran bantuan. Dan bermula pada 5 Mac 2013, bagi proses kaji semula JKM telah melaksanakan penggunaan Borang JKM 20 dan dilengkapkan oleh penerima bantuan dan tujuan pengenalan kepada borang ini adalah untuk mendapatkan maklumat asas yang lengkap bagi membantu mempercepatkan proses siasatan serta memberi kemudahan kepada *client* untuk mengisi maklumat yang sahih serta menurunkan perakuan sebagai justifikasi kepada permohonannya. Dan pemakluman kepada mereka yang akan berjaya berkaitan keputusan kaji semula dihantar melalui surat ataupun dihubungi melalui telefon.

Yang Berhormat ADUN Bekok membangkitkan mengenai dengan garis panduan permohonan untuk bantuan ibu tunggal dan juga permohonan bantuan alat pendengaran ataupun alat bantuan OKU. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memproses dan meluluskan setiap permohonan bantuan malapetaka ataupun bencana alam mengikut kadar yang telah ditetapkan dan siasatan akan dibuat dengan menggunakan borang siasatan yang ditetapkan bagi menentukan kerugian yang dialami oleh mangsa bencana di peringkat daerah dan seterusnya permohonan lengkap berserta laporan akan dihantar ke peringkat negeri bagi tujuan kelulusan.

Dan siasatan akan terus dibuat sejurus aduan sesuatu bencana diterima dan tempoh penyediaan dokumen dan laporan sebelum dihantar untuk kelulusan di peringkat negeri adalah dua minggu dari tarikh aduan berkenaan. Dan setelah kelulusan pembayaran akan dibuat terus ke akaun penerima. Dan sebagai makluman, jumlah penerima bantuan bencana alam terutamanya kejadian ribut di Negeri Johor daripada Januari hingga Mac 2014 mencatatkan seramai 72 orang dengan jumlah bantuan sebanyak RM50,100.00. Dan bantuan kewangan JKM yang disalurkan kepada ibu tunggal adalah sebagaimana berikut:

1. Ibu tunggal yang mempunyai anak bantuannya adalah antara RM100.00 hingga RM450.00 sebulan.

2. Bantuan memulakan perniagaan hanya kepada kes penerima bantuan OKU, bantuan dan juga OKU yang maksimumnya RM2700.00

3. Bantuan Am Negeri RM150.00

4. Bantuan orang tua sebanyak RM300.00 sebulan.

Dan syarat bagi kelulusan bantuan di atas adalah berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan ataupun PGK semasa iaitu RM720.00 sebulan untuk Warganegara Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi bantuan alat tiruan ataupun alat sokongan adalah satu bentuk bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan bantuan ini bertujuan dengan pemakaian alat berkenaan akan membolehkan Kumpulan Sasar Jabatan meningkatkan keupayaannya dan seterusnya dapat menjalani kehidupan tanpa bergantung kepada orang lain. Dan dokumen sokongan yang diperlukan ialah salinan kad pengenalan, salinan kad OKU, slip pendaftaran sementara OKU bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada OKU, dan juga pengesahan ataupun surat sokongan daripada doktor ataupun pakar perubatan dan sebut harga barangan tersebut. Dan semua permohonan hendaklah diproses melalui sistem E-Bantuan. Mengikut Piagam Pelanggan Jabatan Kebajikan Masyarakat, keputusan permohonan alat tiruan ataupun sokongan hendaklah dimaklumkan dalam tempoh dua bulan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima.

Yang Berhormat ADUN Bukit Naning memohon supaya menyegerakan pembinaan bangunan Pemulihan Dalam Komuniti. Adalah menjadi dasar Kerajaan negeri Johor, semua permohonan membina PDK baru akan dipertimbangkan dengan syarat, Pengerusi PDK di kawasan berkenaan telah mengenal pasti tapak yang sesuai dan telah ditentukan status tanah agar tidak timbul kekeliruan dan JKM Negeri Johor, hanya mempertimbangkan tapak bagi pembinaan PDK yang berstatus tanah JKM Negeri Johor, tanah warta dan diberi kuasa oleh agensi atau jabatan tertentu dan rizab Kerajaan negeri Johor yang telah diwartakan. Dan pembinaan PDK baru adalah secara *one-off* iaitu mendapat kelulusan Kerajaan negeri sebelum pembinaan dibuat dan ia mestilah dilaksanakan dan disiapkan pada tahun semasa.

Yang Berhormat ADUN Sungai Balang mencadangkan agar diberi kursus kepada petugas PDK. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat sememangnya akan mengadakan kursus-kursus pemantapan diri serta program-program motivasi kepada semua petugas PDK. Dan Pada tahun ini dengan kerjasama dengan LPPKN Negeri Johor, petugas PDK akan mengikuti Program Kemahiran Keibubapaan Anak Berkeperluan Khas.

Yang Berhormat ADUN Skudai membangkitkan mengenai tanah rizab Orang Asli yang perlu diwartakan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, dari segi status tanah dari tahun 1957 sehingga kini, Kerajaan negeri Johor telah mewartakan 18 perkampungan Orang Asli di seluruh Negeri Johor manakala dari tahun 1990 hingga sekarang, Kerajaan negeri Johor telah mewartakan 7 kawasan sebagai rizab kawasan Orang Asli. Dan begitu juga bagi kawasan-kawasan yang lain, masih lagi di dalam proses pewartaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Dan akhirnya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ADUN Bekok membangkitkan mengenai perlindungan hak asasi Orang Asli. Untuk makluman masyarakat Orang Asli yang tinggal di Negeri Johor terdiri daripada kumpulan kaum Melayu Asli ataupun Melayu Proto. Kumpulan ini dipecahkan kepada enam etnik iaitu etnik Orang Kuala, etnik Orang Seletar, etnik Orang Jakun, etnik Orang Temuan, etnik Orang Kanaq dan etnik Orang Semelai. Daripada enam etnik tadi hanya satu sahaja etnik yang tidak terdapat di Negeri Johor iaitu etnik Orang Semelai. Dan etnik ini hanya terdapat di negeri Pahang dan juga Negeri Sembilan. Kepentingan masyarakat Orang Asli di negeri Johor dan Semenanjung Malaysia amnya sudah tentu diberikan perhatian oleh kerajaan. Ini dapat dibuktikan dengan wujudnya akta yang secara langsung membela kebajikan mereka. Antara lain ialah bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan mereka. Begitu juga sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan Negara kita.

Jabatan Kemajuan Orang Asli yang diwujudkan sejak tahun 1954 dan kini diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah merupakan Jabatan yang dipertanggungjawabkan secara langsung bagi membangunkan masyarakat Orang Asli. Walaupun di awal wujudnya Jabatan ini lebih kepada kepentingan keselamatan negara, namun sejak tahun 1960 selepas tamat zaman darurat, sedikit demi sedikit peranan Jabatan lebih menjurus kepada kepentingan pembangunan dan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli.

Di samping itu juga, kerajaan sedar pembangunan material bukanlah satu pencapaian yang mutlak. Lantaran itu pembangunan minda dan semangat jati diri di kalangan masyarakat Orang Asli wajar dikekalkan. Ini termasuklah budaya adat resam dan pantang larang yang masih diamalkan sehingga kini. Kita maklum, etnik-etnik Orang Asli yang berada di Negeri Johor ini, sebenarnya mereka sebahagian besarnya masih berkepercayaan animisme dan bertutur dalam bahasa masing-masing yang berlainan antara satu sama lain. Sudah tentu keunikan ini wajar dikekalkan oleh mereka. Dan sehingga kini kita dapati tidak ada cubaan pengaruh luar bagi melupuskan budaya dan adat resam mereka. Walaupun setengah dari etnik ini menganut kepercayaan lain selain daripada animisme dan pihak JAKOA telah memberikan perhatian agar budaya dan adat resam etnik Orang Asli ini terutamanya Orang Jakun dijadikan tarikan pelancongan lebih-lebih lagi mereka yang kini tinggal di Kampung Selai dan Kemidak yang bersebelahan dengan Taman Negara Selai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhirnya saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih tak terhingga kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Saya juga berharap agar Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberikan sokongan, pandangan dan juga teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio dan tanggungjawab saya demi kemajuan pembangunan Negeri Johor ini. Sekian, wabilahitaufik walhidayah wasalamualaikum waramaturrallahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Dan seterusnya Ahli Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan untuk saya memberikan penggulungan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan soalan-soalan pendidikan, pembangunan usahawan dan koperasi dalam Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-13. Saya hendak ucapkan terima kasih juga kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan usul-usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyentuh sama ada memberi pandangan ataupun mempersoalkan perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Gambir ada menimbulkan berkaitan dengan cadangan untuk penempatan Pejabat Pendidikan Daerah Ledang. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bahawa pada masa ini pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor belum dapat lagi untuk mewujudkan perkara tersebut oleh kerana masih lagi belum mendapat kelulusan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi dalam masa yang sama Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah memasukkan cadangan ini semula ke dalam Rancangan Malaysia yang Ke-11 sebagai status projek yang sepatutnya diberi keutamaan selaras dengan Daerah Ledang yang telah diwartakan sebagai salah sebuah daerah di Negeri Johor.

Yang Berhormat Tenang ada membangkitkan soal yang berkaitan dengan Kuarters Pendidikan yang telah pun ditinggalkan tanpa pengurusan di Labis. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jabatan Pendidikan Johor telah melalui Pejabat Pendidikan Daerah Segamat telah memantau, sentiasa memantau dan menyelenggara kuarters ini. Dan pada dasarnya pihak Jabatan Pendidikan Johor tidak ada halangan, yang mana pihak Kolej Komuniti Segamat 2 yang beroperasi di Bandar Segamat telah pun bercadang untuk menjadikan tempat ini sebagai kolej komuniti yang mana pada 2 April 2014, pihak kolej komuniti telah mengadakan lawatan. Dan pihak Jabatan

Pendidikan Johor tidak ada halangan sekiranya kuarters ini akan dijadikan kolej komuniti oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Senai ada membangkitkan tentang statistik perpindahan guru yang keluar daripada Negeri Johor yang tertinggi dalam negara. Beliau juga telah mengaitkan masalah disiplin pelajar dan juga kos sara hidup sebagai faktor kepada perpindahan guru daripada Johor ke negeri lain. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jumlah keseluruhan guru di Negeri Johor pada masa ini ialah seramai 45,563 orang. Daripada jumlah tersebut, guru sekolah rendah seramai 27,063 orang manakala guru sekolah menengah adalah seramai 18,814. Keadaan ini menunjukkan bahawa Negeri Johor adalah di antara negeri yang mempunyai bilangan guru yang paling ramai dalam negara ini. Dengan memiliki jumlah bilangan guru yang ramai, maka sudah tentulah ianya melibatkan pelantikan serta penempatan guru-guru daripada negeri-negeri yang lain ke Negeri Johor. Oleh yang demikian, setiap tahun akan terdapat guru-guru yang memohon berpindah dari negeri Johor untuk berkhidmat di negeri masing-masing dan dengan alasan untuk balik kampung, mengikut suami, masalah kesihatan, menjaga ibu bapa yang telah uzur, ataupun mereka ini memang telah lama berkhidmat di Negeri Johor dan memang telah layak untuk mereka balik ke negeri masing-masing. So, alasan perpindahan ini disebabkan oleh kos sara hidup adalah tidak ada kena mengena langsung. Bermula daripada Januari 2014 hingga 31 Mei 2014, sebanyak 135 orang guru sekolah rendah telah diluluskan permohonan pindah iaitu dia mewakili lebih kurang 0.5% sahaja daripada keseluruhan guru. Di peringkat sekolah menengah, seramai 111 orang telah diluluskan berpindah, juga lebih kurang mewakili 0.6% daripada jumlah keseluruhan guru-guru sekolah menengah.

Walaupun perpindahan guru-guru Negeri Johor berlaku perpindahan guru-guru namun, ianya tidak melibatkan jumlah yang begitu besar. Apa yang lebih penting untuk memahami bahawa proses pertukaran guru sebenarnya ialah proses pertukaran biasa. Proses pertukaran ini tidak akan mendatangkan kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana kekosongan ini akan ditampung oleh guru-guru yang sememangnya ada juga anak-anak Johor yang nak balik ke Negeri Johor, termasuk juga pelantikan guru-guru baru yang dilantik, ditempatkan di Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi merujuk isu disiplin yang dibangkitkan pula, jumlah keseluruhan murid Negeri Johor ialah 629,574 orang yang terdiri daripada 352,661 murid sekolah rendah dan 276,913 murid sekolah menengah. Merujuk kepada data sistem salah laku disiplin murid di Jabatan Pendidikan Johor sehingga 31 Mei 2014, jumlah murid yang melakukan pelbagai kesalahan disiplin di sekolah ialah 7,161 orang iaitu hanya lebih kurang 1.14% sahaja daripada keseluruhan jumlah murid. Ini menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil murid yang terlibat dalam salah laku disiplin dan ia hanyalah melibatkan kesalahan ringan ataupun kenakalan murid-murid sahaja. Dalam masa yang sama, Jabatan Pendidikan Johor juga sentiasa melaksanakan

program-program bagi mengurangkan masalah disiplin seperti kem jati diri dan sahsiah pelajar, kem remaja berwawasan, program membasmi gejala ponteng sekolah dan lain-lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tanjung Puteri ada mencadangkan agar Sekolah Menengah St. Joseph Larkin ditadbir oleh Kementerian Pendidikan sepenuhnya dan seterusnya menjadi sekolah menengah bantuan penuh oleh kerajaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sekolah Menengah Kebangsaan St. Joseph berdasarkan sejarah penubuhannya ialah sebuah sekolah yang ditubuhkan oleh pihak *Missionary*. Walau bagaimanapun, berdasarkan Akta Pendidikan 1996, semua sekolah di Malaysia diwajibkan mengikuti dan mengamalkan Kurikulum Kebangsaan berdasarkan Akta Pendidikan juga, semua sekolah *Missionary* yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan telah diserapkan sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan di mana kerajaan menyediakan segala keperluan guru, gaji guru, kokurikulum pengajaran dan bantuan per kapita bagi tujuan pengurusan sekolah. Namun, bangunan sekolah, tanah dan kawasan sekolah masih kekal dimiliki dan di selenggara oleh pihak Lembaga Pengurus Sekolah yang berkenaan.

Kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya mengubah status sekolah berkenaan kepada sekolah kerajaan, melainkan ada permohonan daripada Lembaga Pengelola untuk menyerahkan sepenuhnya pentadbiran sekolah kepada Kementerian Pendidikan mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu.

Yang Berhormat Pasir Raja, menyarankan agar Kerajaan negeri bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan prasarana pendidikan khususnya luar bandar, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memang Kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Johor khususnya dari segi untuk menyelaraskan keutamaan projek-projek pembangunan pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 termasuklah prasarana di luar bandar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Naning agar Yayasan Pelajaran Johor mempertingkatkan kadar tajaan pelajar-pelajar di Jordan mengikut kadar semasa. Kerajaan negeri Johor mengambil maklum dan memahami keperluan untuk meningkatkan kadar tajaan pelajar-pelajar seiring dengan kos sara hidup. Yayasan Pelajaran Johor setelah membuat kajian, telah memutuskan untuk menaikkan kadar tajaan bagi pelajar-pelajar bukan sahaja di Jordan, malah pelajar-pelajar di luar negara yang lain dengan syarat institusi itu diiktiraf oleh kerajaan dan mengikut kadar-kadar keperluan masing-masing.

Yang Berhormat Pasir Raja telah mengusulkan agar dilaksanakan semula pemberian biasiswa kepada golongan Bumiputera yang layak bagi

melanjutkan pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Kerajaan turut menyedari keperluan tersebut mulai tahun 2014, Yayasan Pelajaran Johor telah menawarkan biasiswa yang dinamakan Biasiswa Sultan Ibrahim yang mana boleh dipohon oleh pelajar-pelajar yang telah mendapat surat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian di peringkat ijazah sarjana muda, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta iaitu Universiti Multimedia, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tenaga Nasional, *Management and Science University*, dengan izin, sahaja. Dan dalam masa yang sama, Yayasan Pelajaran Johor tidak lagi menawarkan skim yang membolehkan peminjam bayar balik mengikut kadar-kadar bayaran balik yang dipotong melalui pencapaian masing-masing tetapi menawarkan pinjaman boleh ubah daripada pinjaman kepada biasiswa, kepada peminjam ijazah sarjana muda yang berjaya mendapat keputusan kelas pertama sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bukit Naning membangkitkan persoalan mengenai hasrat Kerajaan negeri untuk membangunkan sama ada Kerajaan negeri berhasrat untuk membangunkan asrama pelajar Malaysia Johor di Jordan, Madinah ataupun Mesir bagi kemudahan pelajar-pelajar di sana. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, buat masa ini kerajaan tidak ada rancangan untuk perkara tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada cadangan daripada Yang Berhormat Pasir Raja agar kerajaan mempertingkatkan institusi Kolej Yayasan Pelajaran Johor kepada taraf Kolej Universiti. Matlamat Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor adalah untuk memberi peluang pendidikan dan latihan kepada belia lepasan sekolah bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir di Negeri Johor. Telah sejak 18 tahun, KPYPJ melaksanakan program tersebut dan kerajaan tidak ada rancangan untuk menaikkan ke taraf Kolej Universiti tetapi memperkukuhkan KPYPJ ini untuk terus mengeluarkan tenaga mahir dan separa mahir dalam pelbagai sektor bagi memenuhi keperluan perkembangan ekonomi di seluruh Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang memohon agar dibina sebuah hab pendidikan kemahiran di Sungai Balang pada lot tanah PTD 8177. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Giat MARA memang telah mencadangkan untuk diwujudkan Giat MARA Muar di tapak berkenaan pada Rancangan Malaysia ke 10 tetapi tidak mendapat kelulusan. Walau bagaimanapun, pihak MARA melalui Giat MARA telah mengambil tindakan untuk memasukkan sekali lagi projek ini ke dalam Rancangan Malaysia ke-11 yang akan datang.

Yang Berhormat Bukit Naning mengusulkan perkara yang sama tetapi tidak serupa iaitu mengusulkan agar bangunan Giat MARA yang baru dapat dibangunkan di Lot MLO 2538 Mukim Parit Jawa. Pihak Giat MARA Johor telah berusaha untuk mendapatkan tapak kekal untuk semua Giat MARA di Johor. Oleh yang demikian, sekiranya Yang Berhormat Bukit Naning ingin supaya tapak tersebut dijadikan sebagai Giat MARA maka bolehlah Yang Berhormat

memanjangkan dan membantu pihak Giat MARA untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan dengan tapak tersebut.

Yang Berhormat Bukit Naning juga memohon agar Kerajaan negeri dapat meluluskan permohonan ubah syarat bagi pertanian bagi Pusat Pengajian Tinggi, tujuan pembinaan sebuah Kolej Universiti di Lot PTD 4698, 4699, 4700, 4701, empat Mukim Parit Jawa, Muar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kerajaan negeri tidak ada halangan sekiranya permohonan itu memenuhi segala syarat yang diperlukan dan permohonan itu haruslah dimajukan ke Pejabat Tanah Daerah Muar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Pemanis dan Semarang ada membangkitkan soal pentingnya pemberian penerangan dan pendidikan dalam menyampaikan agenda kerajaan kepada rakyat. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semua agensi di bawah yang berkaitan dengan penerangan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia dengan kerjasama Unit Media Pejabat Menteri Besar akan menerima baik saranan tersebut dan akan bekerjasama dan menggembleng tenaga bagi menyampaikan maklumat-maklumat kepada rakyat Negeri Johor secara bersepadu khususnya bagi menyampaikan apa pun dasar-dasar yang baik yang telah dilakukan dan akan dilakukan oleh kerajaan sama ada peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kerana diberikan peluang dan terima kasih kepada semua Yang Berhormat telah memberikan pandangan terhadap portfolio yang berkaitan dengan Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, sekiranya ada perkara-perkara yang tertinggal pihak jabatan berkaitan akan memberikan jawapan secara bertulis. 'Indahnya Kota Iskandar Pusat Pentadbiran, diintai dijeling yang tidak seiringan, Pelan Suara Hati Johor Terjemahan Kepimpinan, Manifestasi Aspirasi Rakyat akan diutamakan. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menggulung Usul Menjunjung Kasih ini. Dipersilakan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertamanya marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita masih lagi diberi kekuatan, kesihatan dan kecekalan untuk terus berada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya bersyukur kerana dengan peluang dan ruang waktu yang ada maka dapat saya menggulung perbahasan dewan ke atas usul menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Pada kesempatan ini juga saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker atas Anugerah Darjah PSM oleh Yang Dipertuan Agong. (Dewan bertepuk)

YB Datuk Speaker : Terima kasih.

YAB Menteri Besar : Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua kerana telah turut serta dalam Sesi Perbahasan terutamanya yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya sepanjang Persidangan Dewan yang mulia ini berlangsung.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Pasir Raja telah mengajak semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini untuk memastikan rakyat di negeri ini bersedia untuk, *mindset change*, dengan izin, supaya kita dapat menghadapi segala cabaran sekali gus tidak tercicir daripada arus pembangunan negeri yang semakin pesat ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Raja kerana menyentuh perkara-perkara yang saya rasa amat penting demi masa depan Johor yang lebih cemerlang.

Kita tidak boleh menafikan bahawa *mindset change* itu adalah amat mustahak. Hari ini rakyat Johor berada di tengah-tengah di persimpangan pembangunan yang begitu pesat dan cabaran yang begitu getir. Rakyat merasa khuatir terhadap pembangunan dan pelaburan khususnya pelaburan asing yang masuk ke Negeri Johor. Apa yang lebih penting, mereka terkenang untung nasib anak cucu mereka dan arah tuju negeri ini pada masa yang akan datang.

Maka, di sinilah rakyat perlu mempunyai *the right mindset*, dengan izin, dan sikap yang betul untuk berhadapan dengan cabaran. Hakikatnya, sama ada suka atau tidak, memilih pembangunan memang mengundang cabaran. Namun, sekiranya kita membelakangi pembangunan, kita pula akan berhadapan dengan masalah. Ketiadaan pembangunan bermakna tiadanya pertumbuhan ekonomi. Ini sudah pasti akan mengakibatkan tiadanya peluang pekerjaan, pengangguran yang tinggi, taraf kehidupan akan menjadi lebih rendah dan tidak mungkin usaha-usaha menyusun dan meningkatkan tahap sosioekonomi rakyat dapat dilakukan.

Atas sebab itu, antara masalah dan cabaran Kerajaan negeri serta seluruh rakyat Johor, saya percaya sudah pastinya lebih rela untuk memilih cabaran. Belum pernah dalam sejarah Johor tunduk kepada cabaran atau takut mengambil risiko untuk menguruskan cabaran. (Dewan bertepuk) Justeru, antara *mindset* betul yang perlu disemai dan ditanam dalam pemikiran rakyat ialah pembangunan itu wajar, perlu dan didambakan. Disinilah peranan Kerajaan untuk merancang dengan baik dan melaksanakan dengan berkesan segala apa yang telah dirancang.

Manakala tiada rakyat yang akan ketinggalan ataupun tercicir, sekiranya mereka bekerja kuat dan mempunyai *mindset* yang tepat untuk menghadapi cabaran pembangunan. Dalam hal ini, wakil-Wakil Rakyat boleh memainkan peranan utama menyeru kepada perubahan sikap dan *mindset* tersebut. Sebagai seorang mendekati rakyat secara terus, *mindset change* mestilah digarap dan difahami sebaik mungkin. Kita memerlukan Wakil Rakyat yang bukan sahaja tahu perubahan, tetapi bersedia melakukan perubahan. Kita mahukan Wakil Rakyat yang objektif pendiriannya, bukan hanya pandai spekulatif. Kita inginkan Wakil Rakyat yang moden pendekatannya, bukan lagi cara kerja lama. Lebih utama dari itu, kita mengharapkan Wakil Rakyat yang berinovasi lagi kreatif, berfikiran kritis lagi positif, bukan lagi kritis tetapi negatif serba- serbi. Yakinilah *mindset change*, yang didasari dengan ilmu pengetahuan dan diamalkan dalam kehidupan akan berupaya akan berupaya membentuk Bangsa Johor yang mampu bersaing dengan sesiapa sahaja tidak kira sama ada sesama mereka mahupun dikalangan masyarakat antarabangsa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kerajaan negeri sedar akan kebimbangan rakyat terhadap peningkatan kemasukkan pelabur-pelabur asing di negeri ini. Terutamanya dalam sektor hartanah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Raja dan Yang Berhormat Kempas. Sungguhpun kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mengimbangi pasaran hartanah dan mengawal pemilikan asing, Kerajaan negeri sudah tentulah tidak mempunyai kuasa menghalang mana-mana urusniaga hartanah milik persendirian termasuk penjualan tanah oleh orang Melayu sendiri. Dalam menyedari kerancakkan pembangunan hartanah dan pembelian oleh warga asing di Negeri Johor, percayalah semakin rancak juga usaha-usaha yang dilakukan Kerajaan dalam sektor ini. Seperti yang telah saya tekankan sebelum ini, Kerajaan negeri telah menetapkan sasaran pembinaan 28,000 unit Rumah Mampu Milik dalam masa 5 tahun di Negeri Johor pada hari ini. Tidak cukup dengan itu, kita kenakan *charge* dan menyenarai hitamkan mana-mana pemaju yang gagal membina Rumah Mampu milik selepas 2 tahun mendapat Kebenaran Merancang. Secara automatik juga segala projek pembangunan pemaju yang telah disenarai hitamkan tersebut dibekukan serta-merta. Bagi pemaju yang mendapat pelepasan Kuota Bumiputera, mereka terpaksa pula membayar 7.5% dari harga yang dinyatakan dalam perjanjian jualbeli.

Kerajaan negeri juga sedang merangka mewujudkan Zon Antarabangsa di kawasan Iskandar, dimana dengan adanya zon ini, Kerajaan akan mengawal dan menghadkan peratusan warga asing diluar zon tersebut. Ini supaya mereka tidak bersaing untuk membeli rumah dengan orang tempatan. Kita juga telah menerima pakai keputusan Kerajaan Persekutuan dalam menetapkan RM1 juta seunit bagi pemilikan hartanah warga asing bermula 1 Mei yang lalu.

Bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dari pelbagai kaum berpeluang memiliki Rumah Mampu Milik, Kerajaan negeri telah secara adil dan saksama memutuskan kuota pemilikan mengikut kaum. Orang Melayu 6.5%,

Cina 2.5% dan India 1%. Selain itu, setiap kawasan yang ditambak memberi peluang kepada Kerajaan negeri untuk menambah kawasan Rizab Melayu dan Kerajaan juga sedang merangka mewujudkan Kawasan Lingkaran Melayu dalam bandar. Semuanya untuk memastikan Melayu tidak berpindah dari bandar kesan proses pembangunan yang pesat. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak cukup dengan itu, Kerajaan negeri juga akanmemperkenalkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor bagi memantap dan menentukan keberkesanan matlamat untuk memperbanyakkan Rumah Mampu Milik di Negeri Johor. Malangnya, Enakmen ini telah dipolitikkan dan disalahertikan. Kononnya ia bertentangan dengan Perlembangaan serta melanggar Prinsip Raja Berpelembagaan yang diamalkan sejak sekian lama di negara kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk maklumat Ahli-Ahli Dewan sekelian, Negeri Johor merupakan negeri pelopor kepada amalan sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Sebelum negeri-negeri lain di Malaysia. Malah sebelum Kerajaan Persekutuan mengguna pakai konsep Raja Berpelembagaan, Negeri Johor seawal tahun 1895 telah pun mengguna pakai dan mengiktiraf amalan Sistem Raja Berpelembagaan ini. (Dewan Bertepuk)Bagaimana yang kita semua sedia maklum juga, Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 telah wujud di zaman pemerintahan Almarhum Sultan Abu Bakar dan menjadi Perlembagaan Negeri yang pertama di Malaysia. Jika dilihat secara keseluruhannya, peruntukkan-peruntukkan yang ada di dalam Undang-Undang Tubuh ini, secara komprihensifnya ia telah menggariskan satu sistem perundangan yang jelas berkaitan Kuasa Raja dalam sistem Pentadbiran Negeri Johor. Perkara ini jelas berdasarkan Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh ini, yang memberi tafsiran kepada perkatan 'Raja' iaitu Yang Maha Mulia Tuanku, Raja-Raja Yang Dipertuan, Sultan Yang Dipertuan dan Sultan.' Maknanya, Sultan Yang Dipertuan Bagi Kerajaan Dan Jajahan Johor Dan segala daerah takhluknya. Berdasarkan peruntukan ini, Raja diberi kuasa untuk menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya sebagai sultan bagi Negeri Johor. Namun persoalan yang menjadi isu adalah, sejauh mana kuasa yang diperuntukan kepada Raja dalam menjalankan kuasanya? Adakah Raja mempunyai kuasa eksekutif?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bagi membincangkan isu ini, rujukan haruslah dibuat kepada Bahagian 2, Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, Fasal 7(1) memperuntukan bahawa 'Raja hendaklah mengikut nasihat, pada menjalankan kewajipannya mengikut Undang-Undang Tubuh ini atau sebarang undang-undang atau sebagai seorang Ahli Majlis Raja-Raja, maka raja hendaklah mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seseorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang menjalankan kewajipannya menurut Kuasa Am Majlis Mesyuarat Kerajaan dikecualikan jika ada lain-lain syarat diuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan atau oleh Undang-Undang Tubuh ini. Tetapi, adalah ia berhak, boleh meminta apa jua keterangan yang ada Majlis Mesyuarat Kerajaan berkenaan dengan pemerintahan negeri ini'.

Perkara berkaitan ini juga adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan di bawah Artikel 40 yang mana memperuntukan bahawa Yang Dipertuan Agong hendaklah bertindak atas nasihat. Lanjutnya di bawah Fasal 7(2) Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, menjelaskan bahawa raja hanya mempunyai kuasa budi bicaranya sendiri dalam 7 perkara sahaja, iaitu:

1. Melantik Menteri Besar.

2. Menangguhkan persetujuan terhadap permintaan, meminta dimansuhkan Dewan Negeri.

3. Meminta diadakan Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan perkara-perkara kebebasan-kebebasan taraf kedudukan, kehormatan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia atau berkenaan dengan perkara-perkara, upacara-upacara atau istiadat agama.

4. Apa-apa jua kewajipan sebagai ketua agama Islam atau berkenaan dengan adat istiadat orang Melayu.

5. Melantik ganti atau ganti-gantinya permaisuri, pemangku raja atau jemaah pangkuan raja.

6. Melantik orang menjadi Orang Besar-Besar Negeri dan Dato'-Dato' dan menetapkan kewajipannya.

7. Membuat peraturan berkenaan dengan Majlis-Majlis Diraja dan Istana.

Berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah disebutkan sebentar tadi, jelas bahawa konsep Raja Berpelembagaan di Johor tidak sama sekali memberi kuasa eksekutif kepada Raja. Atas sebab itu, amat menghairankan bila Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah di Negeri Johor ini hendak dibentang, terdapat bangkangan dan kritikan. Kononnya, antara lain Raja akan diberi kuasa mutlak, Raja akan berada akan berada dalam Lembaga bersama dalam Mesyuarat. Raja akan mengurus perjalanan Lembaga ataupun Raja mempunyai kuasa eksekutif. Dan ada juga yang mengatakan bahawa Enakmen ini melanggar Perlembagaan, bahawa Enakmen ini membelakangkan prinsip Raja Berpelembagaan.

Tan Sri Yang Dipertua, dan hujah-hujah yang digunakan untuk membangkang ataupun mengkritik Akta ini mungkin kerana peruntuk-peruntukkan yang terdapat Rang Undang-Undang Enakmen ini, antara lain memberi kuasa raja melantik, memberi kuasa kepada Raja untuk menetapkan gaji dan elaun dan sebagainya. Dan seperti yang telah dijelaskan tadi, kita dalam Dewan yang mulia ini menegaskan bahawa fasal-fasal dan peruntukan yang terdapat dalam enakmen ini tidak, tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan, tidak

membelakangkan Prinsip Raja Berpelembagaan kerana seperti yang telah di hujahkan:

1. Ianya perlu dibaca dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan negeri, mengikut Fasal 7(1)dimana, apa saja yang dilakukan oleh Raja, Raja bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat ataupun Menteri Besar.

2. Kita memperkatakan bahawa ia tidak melanggar Perlembagaan ataupun melanggar Prinsip Raja Berpelembagaan, kerana semua peruntukan ini adalah diambil daripada Enakmen Johor Corporation, yang telah juga diluluskan oleh Dewan ini sebelum daripada ini. Yang mana kesemua Peruntukan itu serupa, sebiji sebagaimana yang terdapat dalam Enakmen Johor Corporation.

3. Semua peruntukan yang terdapat dalam Enakmen ini ianya turut dipakai dalam akta-akta diperingkat Persekutuan. Antara akta-akta yang menunjukkan kuasa yang Dipertuan Agong melantik, terdapat dalam Akta Hak Asasi, dalam Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Akta Suruhanjaya Koperasi, Akta Bank Negara dan pelbagai akta lagi yang mungkin tak perlu untuk saya sebutkan satu-persatu.

Dan begitu jugalah dalam soal untuk menetapkan gaji dan saraan, ia juga terdapat dalam akta-akta di peringkat Persekutuan. Misalnya Akta Suruhanjaya Hak Aksasi Manusia, Fasal 8(1), Pengerusi Pesuruhjaya hendaklah dibayar saraan dan elaun yang ditentukan oleh Yang Dipertuan Agong. Begitu jugalah, Suruhajaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, dalam Fasal 6, Seseorang Pesuruhjaya hendaklah dibayar apa-apa saraan dan juga elaun yang ditentukan oleh Yang Dipertuan Agong.

Kalau Enakmen Johor adalah bertentangan dengan Perlembagaan, maka semua Akta Persekutuan itu juga bertentangan dengan Perlembagaan. (Dewan bertepuk). Walaupun begitu, mungkin hujah yang saya kemukakan ini hanya bersifat akademik, memandangkan bahawa terdapat pelbagai tohmahan dan kekeliruan yang timbul mengenai enakmen ini. Dan bagi maksud untuk memperkukuh dan memelihara sistem Raja Berperlembagaan di Negeri Johor ini, maka saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kita akan lakukan pindaan. Pindaan akan dibuat terhadap enakmen yang akan dibentangkan pada hari esok. Khususnya yang melibatkan peruntukan yang menyentuh peranan Raja. Ada yang akan dipinda dengan dinyatakan secara khusus peranan Raja adalah atas nasihat Menteri Besar, khususnya dari segi pelantikan. (Dewan bertepuk). Dan yang paling penting, lain-lain fasal semuanya ditiadakan. Hanya itu sahaja yang ada menyentuh pada Raja iaitu Raja melantik dengan nasihat Menteri Besar. Lain-lain semua digantikan dengan Pihak Berkuasa Negeri. Jadi tidak ada. (Dewan bertepuk).

Apa sebab kita lakukan ini? Semua ini adalah untuk menunjukkan bahawa kerajaan berniat ikhlas dan tak ada langsung usaha untuk beri kuasa eksekutif

kepada Raja. (Dewan bertepuk) dan mengganggu gugat sistem Raja Berperlembagaan, walaupun kandungan enakmen ini serupa dengan enakmen yang terdapat yang telah kita luluskan dahulu, dan juga ia serupa dengan beberapa peruntukan yang memang dapat dalam akta-akta di peringkat Persekutuan. (Dewan bertepuk). Apatah lagi, kita berharap dengan itu tak timbul apa-apa masalah bagi kita menyokong enakmen ini kerana ianya adalah untuk rakyat, demi rakyat, bagi rakyat. (Dewan bertepuk) Jadi kita akan tengok pembangkang esok sokong ataupun tidak. (Dewan ketawa).

Tan Sri Speaker, mengenai Pulau Batu Putih yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, Kerajaan negeri bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang akan dikelolakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor bagi mengkaji dan mendapatkan bukti-bukti baru mengenai Pulau Batu Putih. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan Artikel 61(5) *chapter* 3, *Statute of the International Court of Justice* dengan izin, menyatakan bahawa permohonan untuk menyemak kembali penghakiman perlu dibuat, sebelum tempoh sepuluh tahun daripada tarikh penghakiman itu dibuat. Di dalam kes ini, tarikh penghakimannya adalah pada 23 Mei 2008. Ini bermakna tempoh rayuannya akan tamat pada 23 Mei 2018. Maka, dengan tertubuhnya jawatankuasa ini, ia dapat mengkaji serta mengumpul segala bukti baru yang tidak dikemukakan pada proses penghakiman terdahulu. Ini selari dengan Artikel 61(1) akta yang sama yang menyatakan bahawa setiap rayuan hendaklah disertakan dengan bukti-bukti baru yang kukuh. Bagaimanapun harus diingat oleh Dewan yang mulia ini, segala rayuan yang hendak dibuat kepada Mahkamah Antarabangsa, hendaklah dibuat menerusi Kerajaan Persekutuan, memandangkan penghakiman yang dibuat itu adalah di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura. Begitu juga segala perbelanjaan bagi isu ini, sudah tentulah Kerajaan negeri akan memohon kerjasama Kerajaan Pusat.

Tan Sri Speaker, Kerajaan negeri sedar mengenai kebimbangan rakyat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangkak dan Maharani, terhadap kurangnya masa bersama keluarga apabila cuti mingguan antara agensi kerajaan dan swasta tidak diseragamkan. Kita semua tahu, hasrat murni Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang bertitah supaya cuti mingguan ditukarkan kepada hari Jumaat dan Sabtu, adalah untuk menerapkan nilai-nilai agama di dalam institusi keluarga, terutamanya yang melibatkan masyarakat Islam. Maka, dengan itu, Kerajaan negeri akan mula membuat kajian bagi mengkaji kesesuaian pelaksanaan penyeragaman cuti mingguan di antara agensi kerajaan dan agensi swasta. Kajian itu akan melihat kepada kesesuaian pelaksanaannya di sektor-sektor swasta seperti perindustrian, perbankan kewangan selain faktor keluarga dan sosial serta membandingkan pemakaiannya dengan negeri-negeri lain yang telah lama mempraktikkannya seperti Kedah, Terengganu dan juga Kelantan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kempas, mengenai kemungkinan wujudnya pusat kasino di negeri

ini. Ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan negeri tidak akan sesekali membenarkan pusat kasino beroperasi (Dewan bertepuk) di Johor selagi saya menjadi Menteri Besar (Dewan bertepuk) di negeri ini. Itu adalah ikrar saya dan janganlah pula ada pihak yang terus mempertikaikannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan negeri telah awal-awal lagi bertindak untuk menghindari budaya judi di kalangan rakyat di Negeri Johor. Ini dapat dilihat dengan pemberhentian pemberian permit hiburan keluarga bagi memastikan gejala judi di kalangan rakyat di negeri ini dapat dibendung. Ini kerana pusat hiburan keluarga ini, secara tidak langsung membenarkan aktiviti judi di lakukan di premis-premis mereka. Bagaimanapun kita akui, selain penguatkuasaan yang lemah, mungkin ada pusat judi yang masih beroperasi di negeri ini, yang sebenarnya merupakan pusat judi haram. Bukan yang kerajaan lesen kan. Jadi, manalah kerajaan nak tahu, kerana dia haram. Yang ada semua kita sudah tidak lagi luluskan lesen. Yang dulu, semua kita sudah tidak luluskan lesen. Yang ada sekarang ialah yang haram. Dan kita tahu rakyat kritik seolah-olah kerajaan cakap tak serupa bikin. Tak ada lagi yang dilesenkan, yang ada semua haram. Dan hanya Yang Berhormat juga yang tahu, sebab semua banyak di kawasan masing-masing. (Dewan bertepuk). Jadi untuk itu, saya seru kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jika ada terlihat mana-mana pusat judi di kawasan masing-masing, laporkan kepada pihak berkuasa supaya dapat diambil tindakan terhadap premis tersebut.

Mengenai pemberian kontrak keselamatan di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar kepada sebuah syarikat asing seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kempas, ingin saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan negeri tidak pernah memberikan apa-apa kontrak kepada mana-mana Syarikat Keselamatan luar untuk menjaga keselamatan negeri seperti yang didakwa. Segala permit membabitkan Syarikat Keselamatan, memerlukan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Dalam Negeri. Jadi, adalah tidak benar untuk menuduh ataupun membuat sangkaan, Kerajaan negeri akan menyerahkan soal keselamatan negeri ini untuk dikawal oleh syarikat asing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Jementah dan Senai yang mengalu-alukan Pelancaran Pelan Pembangunan Suara Hati Johor. Secara sepintas lalu, pelan ini adalah satu pelan yang lahir hasil rundingan dengan rakyat melalui kajian Suara Hati Johor. Melalui kajian tersebut rakyat telah menyuarakan masalah. Mereka telah meletakkan harapan, dan mereka juga inginkan perubahan. Kerajaan negeri sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, menggenggam Gagasan Merakyatkan Kerajaan, Pembangunan Pro-Rakyat dan Muafakat Johor, telah respons dengan mengambil pendekatan yang tersusun lagi sistematik untuk menangani masalah rakyat. Melalui pelan ini, Kerajaan negeri menerusi Unit Indeks Penilaian Prestasi, akan memastikan setiap jabatan, unit, agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan akan dipantau dari semasa

ke semasa, diukur prestasi pencapaian mereka dan melakukan perubahan pengurusan serta menentukan pelaksanaan kerja demi pembangunan pro-rakyat.

Namun begitu, Yang Berhormat Senai dan Jementah telah mempersoalkan kenapa mereka dan juga ADUN-ADUN yang lain daripada pihak pembangkang, tidak dijemput menghadiri Majlis Pelancaran dan Hari Terbuka Pelan Suara Hati Johor dan kenapa majlis tersebut diadakan di Mall of Medini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, hari tersebut adalah hari terbuka. Dan sebagai hari terbuka, sudah semestinya semua orang dari segenap lapisan masyarakat terutamanya rakyat Johor, berpeluang untuk menghadirinya. Perlu saya ingatkan, pelan ini adalah untuk rakyat dan keutamaannya terletak pada rakyat. Sebagai wakil dan seorang yang berkhidmat untuk rakyat, kita seharusnya tak perlu dijemput untuk menghadiri sesuatu hari terbuka. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan majlis tersebut diadakan di Mall of Medini, ini adalah kerana pelan ini adalah pelan transformasi dan Kerajaan negeri ingin mempersembahkannya dalam bentuk dan nafas yang baru bagi menarik kehadiran orang ramai. Kita tidak mahu ianya berbentuk terlalu *government centric*. Selain itu, hari terbuka tersebut jatuh pada minggu pertama cuti persekolahan. Secara kebiasaannya, bukan sahaja rakyat Malaysia di luar Johor dan rakyat Johor akan datang, tetapi rakyat Johor dari pelbagai peringkat dan latar belakang akan mengambil peluang untuk mengunjungi Nusajaya serta datang ke kawasan tersebut. Di atas sebab itulah, kita mengadakannya di Mall of Medini.

Tan Sri Speaker, sekian sahaja sesi penggulungan saya buat kali ini. Saya percaya banyak perkara yang telah dijawab oleh rakan-rakan EXCO saya, dan bagi mana-mana perkara yang saya tidak berkesempatan untuk menjawab, saya akan beri dalam bentuk penulisan. Sekian terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat. Demikianlah ucapan jawapan dan penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Suatu ucapan yang terang, jelas menjelaskan apa sahaja keraguan dan salah faham yang timbul tiga empat hari ini. Dan mudah-mudahan ucapan ini, akan memberi keyakinan kepada rakyat kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Khaled Nordin, Menteri Besar, dalam membawa negeri dan rakyat Johor ke arah kemercuan yang berjaya, pada masa-masa yang akan datang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan di hadapan Dewan ini ialah, supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, suatu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut. Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini, mengambil ketetapan, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha

Mulia Tuanku, berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Yang Ke-13.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan itu dipersetujukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 9 Jun 2014, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan jam 4.25 petang.

HARI KETUJUH,
ISNIN, 9 JUN 2014

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETUJUH	ISNIN, 9 JUN 2014	BIL. 5 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM. PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Datuk Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)
YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Encik Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Encik Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaratuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan pada hari ini kita sambung semula.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat dari Tanjung Puteri, jemput.

YB Dato' Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan saya nombor 1.

Berapa ramai kes kanak-kanak autisme umur lebih 18 tahun yang direkodkan yang ada dalam Daerah Johor Bahru dan apakah langkah pendidikan yang diberikan kepada mereka?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Puteri. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung, Puteri, sehingga 23 hari bulan Mei 2014, seramai 1,246 orang adalah orang kurang upaya kategori masalah pembelajaran di Daerah Johor Bahru yang berumur melebihi 18 tahun. Walaupun mereka ini adalah orang kurang upaya, mereka ini tetap diberikan akses kepada pendidikan sepertimana Seksyen 28 Akta Orang Kurang Upaya.

YB Dato' Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pertamanya saya tak berapa *clear*lah EXCO yang menjawabnya kerana pendek sangat.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pendek lagi bagus. (Dewan ketawa).

YB Dato' Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Pertamanya memang pendidikan penyakit kepada anak-anak ini, autisme ini, memang kita lihat memang ada di kalangan apa, pelajar ataupun di PDK kita masing-masing.

Soalan tambahan saya, adakah vaksin *MMR, Measles, Mumps* dan *Rubella* yang penyebab menjadi kanak-kanak ini berpenyakit autisme. Kerana kebimbangan dunia sekarang ini daripada 1% daripada 150 anak-anak yang mempunyai penyakit autisme ini sedang berlaku dalam 3 tahun yang lepas ini.

begitu ramai. Hingga 30% dalam dunia ini mempunyai anak-anak yang autisme ini. Saya ingin bertanya tadi, adakah ianya berasal daripada vaksin *MMR* iaitu *Measles, Mumps* dan *Rubella* ini yang menjadi penyebabnya? Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ini sama ada YB nak jawab tak.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Ok. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya soalan yang dikemukakan kepada saya itu adalah berkaitan dengan kes kanak-kanak ini dan langkah pendidikan. Yang kita buat di PDK adalah setakat kita, kanak-kanak di situ dan kita memberikan mereka pendidikan ya, dia mengikut kemahiran mereka masing-masing. Dan dari segi untuk punca sakit ini ataupun punca kanak-kanak ini autisme, ini kita kena rujuklah kepada Kesihatan dan insya-Allah saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat mengenai dengan Daerah Johor Bahru ini, kita akan buat secara bertulis apabila saya mendapatkan lebih maklumat daripada pihak yang berkenaan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Lain. Ini bagi *chance* ini... YB Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Soalan saya soalan nombor 2.

Berapa peruntukan tahunan untuk senggara pembersihan longkang atau parit bagi DUN Parit Yaani dan berapakah kekerapan pembersihan dilakukan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebanyak RM169,000.00 diperuntukkan setiap tahun bagi kerja-kerja pembersihan parit yang pihak JPS memberikan kerja-kerja tersebut dilakukan oleh pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di kawasan Parit Yaani. Kerja pembersihan ini dibuat 4 pusingan setahun. Selain itu, kerja-kerja penggalian juga dibuat dengan kos RM300,000.00 setahun.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Soalan tambahan Dato' Timbalan Speaker. Pertama sekali, apabila berlaku akhir tahun biasanya, kita dapati bahawa akhir-akhir tahun hujan, yang memang menjadi lumrah di negara kita. Di mana apabila akhir tahun ini hujan, ada beberapa tempat di kawasan ataupun DUN Parit Yaani, khususnya satu Perumahan Peladang, Batu 7. Majoritinya rumah yang berkenaan adalah rumah kakitangan Kerajaan. Setiap kali hujan, tak sampai masa musim hujan pun dah banjir. Persoalan saya, apakah bila akhir tahun ini selalu dah habis peruntukan dan untuk membersihkannya jadi masalah. Persoalannya, apakah langkah yang perlu diambil oleh JPS ataupun JKR, yang memang saya tahun JPS dan JKR ini satu agensi yang boleh dibahagikan tabik, hebat. Bila kita adu, dia akan turun

pegawainya, ambil gambar bersama. Memang Alhamdulillah, tahniah pada JPS dan JKR. Tapi dia akan menjawab dia kata, YB peruntukan dah habis. Jadi apa yang boleh dilakukan sekiranya peruntukan habis. Tapi masalah rakyat kita nak bantu. Sekian, persoalan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terima kasih kepada Parit Yaani kerana satu-satunya Wakil Rakyat yang ucap tahniahlah secara terus kepada JPS. Jadi kita oleh kerana dah beri tahniah tu insya-Allah kita akan beri tumpuan tentang isu yang dibangkitkan oleh Parit Yaani. Insya-Allah kita akan beri peruntukan khas kepada Parit Yaani. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pendek aje jawapan... (Dewan ketawa). Yalah soal-soal spesifik macam ini tak memberi peluang untuk ADUN lain mencelah eh... (Dewan ketawa). Jadi cuma Parit Yaani dengan Pengerusi Kesihatan sahajalah. Jadi tak berkembang soalan-soalan itu. Lain kali kalau nak buat soalan, soalan yang buat orang lain boleh mencelah, tak spesifik macam ini eh. Jadi, tak ada soalan tambahan lain? YB Bukit Batu jemput.

YB Encik Jimmy Puan Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan MARRIS (APJM) sehingga Disember 2012 adalah RM551.16 juta. Apakah jumlah baki terkini dan mengapa terdapat begitu banyak baki di dalam akaun yang patut disalurkan untuk kerja penyelenggaraan jalan raya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Bukit Batu bertanyakan tentang Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan MARRIS yang dikatakan terdapat begitu banyak baki.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan, baki akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan MARRIS Negeri Johor sehingga 30 April 2014 adalah sebanyak RM538.87 juta. Pada tahun ini 2014, sejumlah RM534.73 juta telah diagihkan kepada semua agensi pelaksana untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan jalan MARRIS yang perlu diselesaikan sebelum bulan November 2014.

Untuk makluman Ahli Dewan, peruntukan MARRIS adalah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Ianya khusus untuk digunakan bagi menyelenggara jalan-jalan. Ianya mempunyai garis panduan. Ianya mempunyai penggunaan secara tertentu dan ianya tidak ada fleksibiliti. Dalam erti kata ianya tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan selain daripada penyelenggaraan. Ini bererti bahawa ianya mempunyai kaedah pelaksanaan yang tertentu dan amat khusus secara terperinci. Oleh kerana peruntukan MARRIS ini juga apabila menyebut tentang soal penyelenggaraan, maka ini bererti bahawa agensi-

agensi pelaksana sebagai contoh Jabatan Kerja Raya, Infra Desa Johor, Pejabat Daerah-Pejabat Daerah di dalam Negeri Johor dan juga Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Parit dan Saliran, Perairan dan Saliran merupakan agensi-agensi pelaksana bagi penyelenggaraan jalan-jalan menggunakan peruntukan MARRIS.

Jadi dengan baki di dalam Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan MARRIS ini tidak dapat diselesaikan sepenuhnya kerana terdapat agensi pelaksana yang perlu memperincikan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang kadangkala menyebabkan kelewatan. Sebagai contoh jalan-jalan kampung, ianya memerlukan izin lalu bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja yang melibatkan pelebaran ataupun yang melibatkan kerja-kerja tambahan. Maka untuk mendapatkan izin lalu, kaedah-kaedah yang perlu dilalui oleh agensi-agensi pelaksana perlulah dilaksanakan. Maka menyebabkan pendekatan ini, menyebabkan peruntukan tahun semasa kadangkala tidak dapat, tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya.

Tindakan bagi mengurangkan baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan MARRIS ini akan terus diambil dengan mengagihkan peruntukan kepada semua agensi pelaksana pada awal tahun bagi membolehkan kerja-kerja siap dilaksanakan dan pembayaran dapat dibuat dalam tahun yang sama, itu pun setelah kaedah-kaedah penggunaan wang MARRIS itu dipenuhi sepenuhnya oleh agensi pelaksana.

Selain daripada itu, pihak agensi pelaksana sebagai usaha Kerajaan juga telah diberi tempoh penyiapan kerja untuk memastikan bahawa kita dapat membelanjakan sepenuhnya peruntukan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Dan tempoh ini, untuk menyiapkan kerja dan penyerahan dan menyerah tuntutan bayaran selewat-lewatnya pada akhir November setiap tahun dan dengan ini harapan kita ialah tidak akan ada lagi peruntukan yang diberi itu tidak dibelanjakan. Terima kasih.

YB Encik Jimmy Puan Wee Tse (Bukit Batu) : Soalan tambahan Dato' Speaker. Terima kasih YB EXCO yang memberi jawapan yang agak lengkap Dato' Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Lengkap nak buat apa soal lagi?

YB Encik Jimmy Puan Wee Tse (Bukit Batu) : Ada juga. Tapi tidak seperti soalan Parit Yaani, soalan saya ini adalah untuk kesemua orang Johor. Saya ingat semua Wakil Rakyat pun ada manfaat daripada soalan saya ini.

YB EXCO, RM500 lebih juta itu memang satu jumlah yang begitu besar. Dan di Johor memang ada banyak lagi jalan-jalan, tidak kiralah jalan persekutuan ke jalan bandar ke jalan kampung, yang perlukan penyelenggaraan dengan segera. Misalnya di tempat saya juga, di DUN saya juga, di Kampung Ayer Manis, sudah hampir 1-2 tahun, jalannya lembap, kerja penyelenggaraan itu

masih boleh dikatakan bukanlah begitu sempurna. Tetapi bagaimanapun, saya pun ingin mengambil peluang ini untuk mengucap tahniah dan terima kasih kepada JKR Kulai dan JPS Kulai kerana sudi dalam satu tahun ini bekerja dengan sama saya untuk menyelesaikan banyak-banyak isu.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ha, baguslah kalau betul, terima kasih.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Memang, memang, memang harap yang dikatakan oleh YB Ayub tadi tu boleh kasi tumpuan sikitlah kepada DUN Bukit Batu. (Dewan bertepuk). Tetapi walau bagaimanapun soalan saya senang saja. Saya hanya nak mintak YB EXCO ni tolonglah ada satu mekanisme atau menggubal satu pelan rancangan untuk lagi cepat kita salurkan duit ini kepada jabatan-jabatan berkenaan agar jalan-jalan ini penting untuk semua rakyat. Jalan-jalan ini diselenggarakan dengan secepat mungkin agar rakyat boleh hidup dengan lebih senang. Diharap pihak EXCO boleh mengambil perhatian ini. Terima kasih Dato'.

YB Dato' Timbalan Speaker : Nak jawab, tapi YB Bukit Batu jangan takut, jangan khuatir bahawa peruntukan MARRIS di Negeri Johor ini digunakan untuk tujuan MARRIS bukan tujuan-tujuan yang lain. (Dewan bertepuk).

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Saya tidak takut Dato' hanya nak duit itu dikeluarkan dengan lebih cepat aje.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat ADUN Bukit Batu. Kita akui bahawa kesegeraan merupakan faktor penting dalam kita memastikan keberkesanan perlaksanaan satu-satu usaha. Walau bagaimanapun kita terikat dengan peraturan, dan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita akan memastikan bahawa setiap garis panduan sebagai contoh untuk penyelenggaraan jalan-jalan kampung, garis panduan tatacara pengurusan pemberian jalan negeri yang bertujuan untuk memastikan pengurusan peruntukan jalan negeri yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri diurus dengan baik dan cekap.

Pada peringkat ini bukan hanya usaha Kerajaan negeri untuk mempercepatkan penggunaan peruntukan tersebut, malah yang lebih penting ialah supaya kaedah garis panduan yang ditentukan itu dapat mempermudahkan usaha pelaksanaan. Sebagai contoh kita Kerajaan negeri telah pun membincangkan pelaksanaan penyelenggaraan jalan kampung dengan agensi-agensi pelaksana, untuk tujuan supaya kadar harga bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan di Negeri Johor ini dapat di *standardize*, dapat disamakan bagi membolehkan kaedah-kaedah pemberian kerja dalam bentuk undian, dalam bentuk tender itu akan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang pendek, tidak mengambil masa yang terlalu panjang. Maka saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Batu dan insya-Allah

kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempercepatkan peruntukan. Terima kasih.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamali (Renggit) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan tambahan saya. Kawasan saya ini ada 328 kilometer jalan kampung, jalan ini muat dia untuk satu kenderaan sahaja. Kalau tengok sini ada RM551.16 juta peruntukan MARRIS. Soalan saya, boleh tak dia, jalan kampung ni buat satu kereta sahaja, kalau berselisih kena masuk rumput, silap-silap masuk parit. Saya dah bangkitkan perkara ini lama, boleh tak melalui peruntukan MARRIS ini penyelenggaraannya untuk dilebarkan jalan sedikit, Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Rengit. Boleh, peruntukan yang ada di bawah kegunaan MARRIS membolehkan jalan-jalan yang sedia ada dinaik taraf dalam erti kata pendekatan yang pada ketika ini diambil ialah dengan mengagihkan peranan kepada agensi pelaksana supaya tidak atau supaya kerja-kerja pelebaran sebaik sahaja izin lalu diperolehi, dilaksanakan secara teratur. Sebagai contoh agensi seperti Pejabat Daerah, Pejabat Daerah dalam Negeri Johor memberi tumpuan lebih kepada soal pelebaran, atau membina lebai untuk membolehkan kereta berselisih di jalan-jalan kampung yang berkenaan khususnya.

Dan selain daripada itu, pihak Kerajaan juga dengan adanya izin lalu telah memastikan bahawa agensi-agensi yang terlibat tidak bertindih dari segi peranan mereka, sebagai contoh Infra Desa menumpukan kepada kerja-kerja penyelenggaraan seperti penyelenggaraan secara berkala ataupun secara rutin, sementara Pejabat Daerah sebagai salah satu agensi menumpukan kepada kerja-kerja pelebaran, kerana difikirkan bahawa Pejabat Daerah adalah lebih sesuai untuk berinteraksi dengan masyarakat kampung, bagi mendapatkan izin lalu terlebih dahulu sebelum kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan. Jadi, sebagaimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit, saya percaya perkara ini ada dalam pengetahuan kerajaan dan kita akan menambah baik lagi pendekatan untuk melebarkan jalan-jalan kampung ini dari masa ke semasa. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Dato' Speaker. Selalunya ada sebahagian jalan yang diselenggara oleh PBT itu dalam keadaan yang sangat tidak memuaskan. Alasan yang selalunya diberikan adalah kekurangan peruntukan, jadi Mengkibol berharap pihak Kerajaan negeri dapat membantu PBT dalam aspek dan ini sebenarnya mukadimahlah. Soalan saya apakah strategi pihak Kerajaan dalam menyelesaikan masalah di mana ada setengah-setengah jalan bahu jalan dia tidak berturap dan juga kadangkala ada juga jambatan yang tidak disediakan bahu jalan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Mengkibol. Soal kerja-kerja yang tidak memuaskan dan juga kerja-kerja tambahan yang perlu dilaksanakan. Kita akui bahawa mutu kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik ini perlu ditambah baik dari masa ke semasa. Maka atas dasar itu, selain daripada usaha Kerajaan untuk menyelaras agensi-agensi pelaksana ini, supaya tidak berlaku pertindihan dari segi peranan, ialah dengan menambah baik spesifikasi kerja-kerja yang dilaksanakan.

Dan, ini telah pun dilakukan yang mana pihak Jabatan Kerja Raya telah mengeluarkan spesifikasi yang terkini untuk membolehkan agensi-agensi pelaksana menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dengan lebih baik. Sebagai contoh kalau jalan itu berlubang, ianya tidak hanya ditampal sahaja dengan begitu, tetapi ianya memerlukan ada kaedah yang lebih berbentuk jangka panjang. Dalam masa yang sama pihak Kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk membentuk satu jawatankuasa, supaya koordinasi antara pihak-pihak yang terlibat, sebagai contoh yang paling ketara ialah syarikat-syarikat utiliti. Apabila siap sahaja jalan-jalan maka kerja-kerja syarikat utiliti seperti kerja-kerja pengorekan dibuat, tetapi kerja-kerja membaik pulih itu masih lagi boleh dibaiki.

Maka Kerajaan telah pun mengambil usaha-usaha yang sewajarnya, supaya syarikat-syarikat utiliti ini akan lebih teliti dalam melantik kontraktor-kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerja sebaik sahaja selesai, sebagai contoh pemasangan kabel ataupun pemasangan paip-paip air dan sebagainya. Jadi saya percaya bahawa kerja-kerja di bahu jalan khususnya yang banyak dijalankan oleh syarikat utiliti ini akan dapat dikemas kini, apabila jawatankuasa pemantau yang kita namakan sebagai *road inspector* ini akan memantau dengan lebih berkesan supaya kerja-kerja pengorekan, kerja-kerja menambah baik di kawasan-kawasan seperti *right of way* ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sementara kerja-kerja yang melibatkan *road furniture* ini seperti jambatan ataupun *railing* yang dianggap, yang disarankan supaya dapat ditambah baik, pihak Kerajaan juga dengan adanya *road inspector* itu tadi yakin bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi itu adalah sebahagian daripada garis panduan *road inspector* yang akan ditubuhkan oleh kerajaan. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya, YB Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya tertarik juga dengan soalan yang diberikan kerana Disember 2012 masih ada berbaki sebanyak itu, RM551.00 juta. Saya nak tanya adakah duit ini boleh *carry forward* dengan izin, kepada tahun yang berikutnya dan juga kita tengok kalau ada agensi pelaksana yang mana menghantar

permohonan seperti ini sepatutnya dia kena selesaikan kerja itu. Ini duit daripada Persekutuan ini, kalau tak habis biasanyalah akan ditarik balik. Jadi saya nak tanya kepada EXCO yang berkenaan, adakah boleh di *carry forward*. Dan sekiranya duit ini masih ada diminta dihantar kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana tak cukup untuk diperbaiki dan juga dibuat turapan kepada kawasan Bandaraya Johor Bahru. Sekian.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Peruntukan yang diturunkan ini dan dimasukkan ke dalam akaun amanah. Ini bererti bahawa peruntukan tersebut akan berada di akaun amanah penyelenggaraan jalan MARRIS ini sehingga ianya digunakan sebagaimana garis panduan yang telah ditetapkan. Dan, Yang Berhormat tidak timbul tentang soal lebihan ini tidak digunakan, tapi sebaliknya seperti mana yang saya katakan tadi bahawa garis panduan yang telah ditetapkan itu, agensi pelaksana perlu mengambil pendekatan supaya ianya tidak ditambah rumit lagi agar peruntukan yang dah disediakan ini dapat dibelanjakan.

Maka, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa peruntukan dalam akaun amanah penyelenggaraan jalan MARRIS ini dapat dibelanjakan dan akhirnya rakyat akan dapat manfaat yang besar daripada adanya infrastruktur yang baik dari masa ke semasa.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Dari jawapan Yang Berhormat EXCO tadi, menandakan bahawa kita tidaklah kekurangan peruntukan untuk jalan-jalan di Negeri Johor ini. Daripada apa yang biasa kita dengar jawapan daripada Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan bahawa bila kita ajukan permohonan maka jawapannya ialah menunggu peruntukan.

Satu lagi perkara Yang Berhormat Dato' Speaker, selalunya berlaku di akhir-akhir tahun Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan ni meminta supaya ADUN-ADUN ini mencari tempat-tempat supaya nak buat projek *emergency*. Suruh kita cari taman-taman dalam bandar-bandar, luar-luar bandar, pinggir-pinggir bandar untuk diturapkan jalan. Jadi, saya nyatakan bahawa biasanya jalan-jalan di, ni tidak ada apa-apa yang rosak, lalu diturap juga khususnya di taman-taman perumahan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Termasuk taman dalam kawasan Yang Berhormatlah.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi, yang kita tak minta pun yang jalannya baik pun diturap juga. Bila saya kata...

YB Dato' Timbalan Speaker : Baiknya Kerajaan Barisan Nasional eh, yang dah baik pun tambah baik lagi eh.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan baik, ni mungkin nak habiskan duit tu. (Dewan ketawa). Yang kita ajukan, merayu inilah tanah-tanah, jalan-jalan di luar bandar. Jadi, jawapannya luar bandar lain, kita hendak dalam taman-taman. Maka, berlakulah penurapan jalan-jalan di taman-taman yang saya rasa yang tak berapa memerlukan hinggalah jalan-jalan di taman ini terlalu kerap diturap maka dia telah menjadi lebih tinggi daripada rumah kita ni. Jadi timbul masalah, adakah ini standard arahan ataupun garis panduan yang telah ditetapkan oleh jabatan ini untuk menghabiskan peruntukan yang ada. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Oklah, kali ini peruntukan MARRIS pada *Local Authority* kena kurangkan sikitlah terutama sekali di Muar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Sungai Abong. Kita sedia maklum bahawa penjelasan yang saya buat tadi adalah berkaitan dengan peruntukan yang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah bagi penyelenggaraan Jalan MARRIS. Kita juga sedia maklum bahawa sumber-sumber atau peruntukan-peruntukan lain juga diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan khususnya bagi tujuan menyelenggara jalan-jalan dan infrastruktur yang ada dalam kawasan pentadbiran PBT.

Setiap peruntukan itu mempunyai garis panduan yang berbeza-beza. Jadi Yang Berhormat, saya percaya bahawa Pihak Berkuasa Tempatan ada garis panduan yang perlu dipenuhi tapi dari segi untuk kewangan wang MARRIS ini ianya dapat digunakan sepenuhnya. Dan, dalam masa yang sama ianya adalah khusus sebagaimana yang saya katakan tadi, khusus untuk kerja-kerja di bawah garis panduan. Jadi, soal jalan dibina pada hujung-hujung tahun akaun semasa, saya percaya pihak kerajaan ada sebab-sebab yang terpaksa perkara itu dilaksanakan. Tapi, saya beri jaminan Akaun Amanah Wang MARRIS ini akan digunakan mengikut jadual dan dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin dan dengan harapan tidak akan ada niat untuk menyimpan dalam akaun itu, sebab ini bukan sama dengan Akaun Negeri kita akan belanjakan sepenuhnya untuk faedah rakyat.

YB Dato' Timbalan Pengerusi : Yang Berhormat Parit Raja, jemput.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Adakah kerajaan bercadang untuk menambah bangunan-bangunan IKS di tiap-tiap satu kawasan (DUN Parit Raja) bagi memberi galakan kepada

pengusaha-pengusaha kecil yang beroperasi di rumah untuk dapat ke IKS dan juga mendapatkan kemudahan Sijil Halal.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga kini jumlah Perusahaan Kecil Sederhana di Negeri Johor adalah seramai 68,874 PKS, yang merupakan negeri ketiga tertinggi yang mempunyai jumlah bilangan IKS ini setelah Selangor dan juga Kuala Lumpur. Menyedari kepentingan sumbangan PKS ini, Kerajaan negeri memang akan terus komited untuk meningkatkan dan membantu supaya mutu produk PKS ini dapat ditingkatkan bukan sahaja untuk menembusi pasaran domestik tapi yang lebih luas pada pasaran global. Oleh yang demikian, Kerajaan negeri sedang merancang satu dasar untuk, dalam pembangunan hartanah untuk menambah bangunan-bangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana ini di seluruh negeri khususnya di kawasan-kawasan bandar kecil ataupun pinggir bandar supaya mereka lebih berjaya dalam meningkatkan produktiviti serta perkhidmatan serta membolehkan untuk mendapat Sijil Halal dan juga memperoleh pengiktirafan Amalan, *Good Manufacturing Practice*, dengan izin.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya, Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Nanti, Maharani duduk dahulu. Jemput Parit Raja.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya, kebanyakan pengusaha-pengusaha kecil yang diusahakan di rumah-rumah untuk mendapatkan Sijil Halal ni terlalu sukar, kerana tempat-tempat yang disediakan untuk bangunan-bangunan untuk pengusaha-pengusaha kecil terlalu terhad. Jadi, soal saya adakah pegawai-pegawai yang meluluskan untuk Sijil Halal ni turun ke padang? Kerana sedia maklum pengusaha-pengusaha kecil yang ada di kampung-kampung ni semuanya orang Islam dari segi kebersihan dan halal ni memang terjamin. Jadi, saya ingin maklumat tersebut. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk dapat Sijil Halal antara perkara yang diambil kira ialah: Pertama, dia mesti ada Lesen Perniagaan. Yang kedua, biasanya Lesen Perniagaan dikeluarkan oleh Majlis Tempatan, yang mana diambil kira juga tentang tempat.

Sebab itu perusahaan-perusahaan kecil yang berada di belakang-belakang rumah ni biasanya memang tak menepati dari segi standard untuk dapatkan Sijil Halal. Sebab itu, kerajaan memang saya katakan tadi, kita tengah rancang supaya di kawasan-kawasan ini kita akan sediakan pusat-pusat PKS ni, supaya mereka boleh berpindah. Sebab dia orang ni nak pindah, suruh masuk ke kilang-kilang SME yang disediakan oleh SME Bank, oleh JCorp dan sebagainya

mungkin jauh dan mungkin terlalu besar. Jadi, kita sedang kaji untuk wujudkan pusat-pusat PKS ini di tempat-tempat yang saya katakan tadi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dengar bahawa Industri Kecil dan Sederhana di Negeri Johor ni telah berkembang dengan begitu pesat dan kita cukup berbanggalah dengan usaha rakyat kita sendiri yang ingin mempertingkatkan hasil. Dan, dengan usaha yang dibantu oleh pihak kerajaan seperti yang dimohonkan supaya bangunan-bangunan IKS ini ditambah. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan berpuas hati dengan adanya IKS yang begitu banyak, adakah ia akan dikekal sebagai IKS saja ataupun ada usaha untuk menjadikan IKS ini suatu industri besar dan tidak setakat IKS saja kerana dia difahamkan adalah dicadangkan untuk meluaskan pasaran hingga ke peringkat dunia. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan memang sentiasa memberikan tumpuan dan sokongan kepada PKS ini. Sebab tu, kita bukan hanya di peringkat Kerajaan Pusat, kita di peringkat Kerajaan negeri pun berikan tumpuan khususnya selaras dengan Pelan Suara Hati Johor, polisi yang ketujuh kita nak menggalakkan supaya masyarakat ni terlibat dalam bidang keusahawanan supaya mereka tak bergantung kepada pekerjaan makan gaji dan sebagainya.

Oleh yang demikian, Kerajaan negeri telah menubuhkan apa yang disebut sebagai Pusat Pembangunan Usahawan ataupun dengan izin, *Entrepreneurs Development Centre*, yang dipelopori oleh Perbadanan Usahawan Johor Berhad. Yang mana dalam *EDC* ini, dengan izin kita akan kumpulkan atau selaraskan semua program-program yang berkaitan dengan pembangunan usahawan yang melibatkan semua agensi-agensi keusahawanan ini sama ada agensi di peringkat Kerajaan Pusat ataupun di peringkat Kerajaan negeri. *So*, dengan adanya penyelarasan ini maka program-program jabatan ini dia tak buat sendiri-sendiri, maknanya siapa yang fokus untuk pelabelan, siapa yang fokus untuk *packaging* dengan izin, pemasaran dan sebagainya. Jadi, kita sedang susun dan insya-Allah dalam masa akan datang PKS ini akan berkembang dan antara penyumbang kepada ekonomi di Negeri Johor ini.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya, Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, selalunya berlaku masalah atau aduan daripada setengah IKS-IKS ni, di mana terutamanya bagi kawasan-kawasan perindustrian kecil dan sederhana, di mana keadaan infrastruktur yang tidak memuaskan. Jadi, soalan Mengkibol adalah, apakah usaha dan rancangan pihak kerajaan dan membantu meningkatkan dan menaiktarafkan infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian sederhana kecil ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi infrastruktur kalau melibatkan soal-soal yang berkaitan dengan jalan dan sebagainya itu berkaitan jabatan-jabatan yang berkaitanlah. Kalau industri itu berada di kawasan Majlis Tempatan, maka Majlis Tempatanlah yang akan bantu, kalau melibatkan saliran dan sebagainya eh, saliran kalau kawasan PBT, maka Majlis Tempatan akan bantu, kalau melibatkan di luar bandar mungkin melibatkan JPS dan sebagainya. Jadi, jabatan-jabatan yang tertentu inilah yang akan memberikan sokongan. Sebab itu saya kata tadi, dalam membangunkan PKS ini kita selaraskan semua jabatan-jabatan yang ada kaitan dalam nak membangunkan PKS ni akan saling bantu antara satu sama lain.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pasir Raja, jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

Adakah inisiatif RM200 sebulan dan subsidi diesel berjaya menjadikan nelayan kita berdedikasi serta berjaya menambah pendapatan mereka. Berapakah jumlah nelayan yang menerima bantuan bulanan dan subsidi dalam Negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat DUN Pasir Raja, saya ingin mengambil peluanglah iaitu semalam kita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Seharusnya, kita juga mengucapkan tahniah kepada barisan pelapis kita, SUKMA yang diketuai oleh Yang Berhormat YB Ali Mazat selaku Ketua Kontinjen dan juga YB EXCO yang telah berjaya melepasi pingat yang disasarkan iaitu sebanyak 23 pingat emas. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan daripada Yang Berhormat DUN Pasir Raja iaitu mengenai jumlah nelayan yang menerima bantuan bulanan dan subsidi dalam Negeri Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya bantuan RM200.00 sebulan yang dipanggil Elaun Sara Hidup Nelayan sedikit sebanyak dapat membantu nelayan meringankan beban perbelanjaan mereka terutamanya bagi nelayan tradisi. Bantuan ini juga bertindak sebagai bantuan kecemasan semasa mereka tidak dapat menjalankan aktiviti tangkapan pada musim tengkujuh. Subsidi diesel, petrol juga membantu nelayan khasnya pemilik *vessel* menampung keperluan operasi harian. Harga, kadar harga subsidi diesel, petrol semasa ialah RM1.45 yakni super subsidi dan juga RM2.20 yakni bagi normal subsidi. Bagi *vessel* laut dalam C2 ke atas berbanding dengan harga di stesen minyak iaitu RM2.10 bagi petrol dan RM1.90 bagi diesel. Perbezaan sebanyak RM0.65 dan RM0.45 bagi setiap liter minyak petrol dan diesel ini dapat membantu nelayan menjalankan operasi tangkapan dengan lebih kerap dan lebih jauh seterusnya membawa pulangan

hasil tangkapan yang lebih banyak dan meningkatkan hasil pendapatan mereka.

Sebagai maklumat tambahan, LKIM juga ada memberi insentif tangkapan untuk setiap kilo hasil tangkapan bagi pemilik *vessel* Zon A, B dan C sebanyak serta RM0.20 bagi pemilik *vessel* Zon C2 ke atas.

Di samping itu, penerima elaun bantuan sara hidup, nelayan juga dilindungi oleh Skim Insurans Takaful Nelayan bagi mereka yang berusia di bawah 72 tahun. Bagi nelayan yang menerima elaun sara hidup dan subsidi nelayan yakni pada, sehingga pada April 2014 di seluruh Negeri Johor ialah sebanyak :

1. Elaun sara hidup seramai 7018 orang
2. Yang menikmati subsidi minyak :
   - 2.1 1,082 orang subsidi diesel
   - 2.2 4,183 orang subsidi petrol

Jadi, jumlahnya 5,265 orang.

Bagi mendapatkan data terperinci mengenai kesan bantuan ke atas nelayan ini, pihak LKIM telah menjalankan satu kajian yang dipanggil Kajian Impak Projek Pembangunan dan Bantuan Nelayan yang telah dimulakan pada bulan Disember 2013 hingga Februari 2014. Kajian ini meliputi nelayan di seluruh Malaysia untuk semua peringkat yakni pemilik, pekerja, nelayan tradisi dan nelayan komersil. Semoga hasil kajian ini dapat memberi fakta sebenar apabila siap dianalisis nanti.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya, Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Dato' Speaker, kepada Pengerusi Jawatankuasa yang menjawab. Soalan saya berkisarkan kepada insentif dan juga subsidi yang menyebabkan nelayan-nelayan boleh menambahkan pendapatan mereka. Tentu sekali kita nak tanya kesan daripada subsidi dan juga bantuan ini, berapa banyakkah permohonan naik taraf daripada nelayan-nelayan kecil ini kepada nelayan lebih jauh? Kerana mereka dapat subsidi, dapat bantuan, tangkapan bertambah. Dan, kalau tangkapan tak bertambah adakah sesuatu yang mungkin kita tak duga seperti mereka menjalankan kegiatan menjual subsidi minyak di luar daripada pantai dalam juga di lautan, perkara ini juga perlu ditanya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini melibatkan jumlah, jadi nanti saya akan bekalkan secara bertulis kepada Yang Berhormat DUN Pasir Raja. Walau bagaimanapun, untuk kita sentiasa ingin menaik taraf para nelayan kita disebabkan isu pembangunan khususnya di Johor Selatan, nelayan-nelayan kita telah kita naik tarafkan daripada tangkapan yang berdekatan, kita minta mereka membuat tangkapan yang lebih jauh lagi. Itu sebab kita memberi bantuan-bantuan

peralatan supaya mereka tidak tersekat untuk mencari nafkah hidup, jadi dengan adanya bantuan-bantuan berbentuk peralatan mereka boleh membuat tangkapan yang lebih jauh lagi. Begitu juga, bukan sekadar di Johor Selatan, kita juga membantu nelayan-nelayan di Pengerang yang terlibat dengan pembangunan, insya-Allah kita akan libatkan di tempat-tempat lain.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Soalan tambahan Dato' Speaker.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya, Tiram.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ada soalan tambahan. Bila ada bantuan sara hidup RM200.00 sebulan ini ramai yang nak jadi nelayan. Kat tempat saya orang kerja kilang pun yang pergi ke laut mungkin sebulan sekali pun kata dia nelayan. Jadi, banyak permohonan untuk menjadi nelayan melalui Persatuan Nelayan. Jadi, saya cuma nak tanyalah Yang Berhormat Dato' Speaker adakah pihak Jabatan ataupun Persatuan Nelayan secara bersama bercadang membuat semakan terhadap senarai mereka yang benar-benar layak saja untuk menerima bantuan sara hidup ini. Kerana ada juga yang hari ini nelayan dia dapat je bantuan, dia dah kerja kilang pula. Jadi, saya nak tanya adakah cadangan untuk buat semakan semula untuk senarai nelayan tulen yang layak menerima bantuan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap nelayan yang menerima elaun sara hidup mereka ini akan sentiasa dikemaskinikan berdasarkan tuntutan mereka terhadap resit hasil tangkapan. Apabila mereka menerima bantuan subsidi, mereka juga perlu membawa hasil tangkapan dan hasil tangkapan yang dijual kepada Persatuan Nelayan adalah bukti mereka ini ke laut. Jadi, apabila tiada bukti ini mereka ini akan disemak semula, jadi nelayan-nelayan yang berbentuk sementara ini tidak layak sebenarnya menerima insentif sebegini. Itu sebab kita memberi insentif sebegini adalah kita nak menggalakkan nelayan ini terus memberi tumpuan terhadap tangkapan atau mereka terus ke laut untuk mendapatkan hasil tangkapan.

Buat masa ini kita melihat juga kajian yang saya terangkan tadi, hasil kajian itu tadi kita akan menilai nelayan-nelayan yang kita kata nelayan sementara ini kerana nelayan sementara ini juga merupakan pihak yang menyumbang kepada tangkapan ikan. Kemungkinan, kalau perkara ini boleh kerajaan pertimbangkan untuk insentif-insentif yang bersesuaian untuk kita bantu nelayan-nelayan sementara walau bagaimanapun kita terus berpegang elaun sara hidup kita bagi kepada nelayan yang benar-benar ke laut berdasarkan hasil tangkapan yang mereka berikan kepada Persatuan Nelayan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, Yang Berhormat Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Apa aktiviti dan perancangan dari Kerajaan untuk menarik pelancong ke Pekan Yong Peng?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan negeri melalui agensi-agensi berkaitan sentiasa mempertingkatkan usaha dari semasa ke semasa untuk menarik lebih ramai pelancong datang bermalam dan berbelanja ke Negeri Johor. Usaha ini termasuklah memantapkan promosi produk-produk pelancongan utama dan menarik yang berhampiran dengan kawasan Yong Peng seperti Pekan Seramik Air Hitam, Tugu Peringatan Parit Sulong, Taman Botani Johor, Taman Organik Zenxin, UK Farm dan sebagainya.

Di samping produk pelancongan yang berpotensi, terminal persinggahan Yong Peng telah dikenali sebagai hab persinggahan bas ekspres dan bas persiaran yang popular yang bersebelahan dengan Lebuh raya Utara-Selatan. Pusat ole-ole yang terletak di terminal tersebut memasarkan barangan berasas makanan industri kecil dan sederhana tempatan yang membolehkan para pelancong bas ekspres dan bas persiaran singgah untuk membeli ole-ole tersebut.

Selain itu, bandar Yong Peng amat terkenal dengan produk makanan komuniti Fu Zhou terutamanya mi, mi suah, biskut, kek tradisional, bebola ikan, kepala ikan pelaga dan sebagainya yang menjadi tarikan utama kepada para pelancong domestik dan luar negara khususnya pelancong negara Singapura yang merupakan golongan sasaran terbesar.

Antara usaha-usaha Kerajaan negeri melalui agensi-agensi berkaitan termasuk pihak swasta serta badan-badan bukan kerajaan untuk menarik pelancong ke Negeri Johor adalah sepertimana berikut :

1. Memperhebatkan kempen promosi dan pemasaran produk pelancongan di dalam serta di luar negara.

2. Memperbanyakkan penganjuran acara pelancongan bertaraf nasional dan antarabangsa.

3. Menganjurkan program *fam-trip*, dengan izin, kepada agensi pelancongan dan media masa tempatan serta luar negara.

4. Memperhebatkan kempen promosi dan penyaluran maklumat pelancongan secara bercetak serta *online*, dengan izin, melalui laman sesawang, *facebook*, *twitter*, dengan izin dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker juga, baru-baru ini saya bersama-sama beberapa agensi kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan dan media masa telah mengadakan lawatan kerja ke semua daerah Negeri Johor. Selain untuk melihat sendiri produk-produk pelancongan yang terdapat di setiap daerah, saya juga mengadakan perjumpaan serta perbincangan dengan agensi-agensi di peringkat daerah termasuklah pengusaha produk pelancongan bagi mendengar perancangan dan permasalahan yang dihadapi di dalam usaha memajukan industri pelancongan daerah.

Melalui lawatan kerja tersebut, saya dapati untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Johor adalah dengan memperbanyakkan pakej-pakej pelancong ke Negeri Johor termasuk kawasan Yong Peng. Justeru itu, Kerajaan negeri bercadang untuk memperbanyakkan program lawatan kerja ini dengan membawa sekali agensi-agensi pelancongan swasta dan badan-badan bukan kerajaan pelancongan dalam dan luar Johor untuk bersama-sama di dalam lawatan kerja tersebut bagi memberi pendedahan dan sebagai platform kepada agensi serta pengusaha produk untuk bekerjasama bagi mewujudkan pakej pelancongan berkenaan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ya, Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih YB EXCO. Bahagian Sungai Bekok yang melintang jambatan Yong Peng di Jalan Muar dari dataran Yong Peng ke Kampung Paya Yong Peng, dengan kurniaan Tuhan ini, bolehkah kerajaan memberi peruntukan untuk menaik taraf kawasan tersebut untuk menjadikan ia sebagai satu tempat tarikan pelancong?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mana-mana tempat kalau sesuai kita ambil kira dan kaji lebih teliti dan kita mengalu-alukan Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Yong Peng, apa-apa cadangan baik kita sambut baik, boleh menyampaikan maklumat kepada pihak saya. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli Yang Berhormat, ha, Pengkalan Rinting, ada? Ok.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang): Stulang, Stulang.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ha, Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang): Terima kasih. Di sini ada satu cadanganlah. Memandangkan Yong Peng merupakan tempat laluan dan singgah ramai pengguna lebuh raya PLUS dari seluruh Malaysia dan juga pelancong asing. Jadi, bolehkah kerajaan merancang untuk membina satu tapak jamu selera yang menyediakan makanan seluruh Malaysia dan antarabangsa, mungkin jamu selera antarabangsa yang mengumpul semua makanan-makanan sedap

dari Malaysia dan antarabangsa. Ini, langkah ini pasti akan dapat meningkatkan aktiviti perniagaan dan pelancongan di Yong Peng di samping menambah lagi satu lokasi pelancongan di Negeri Johor khususnya di Yong Peng. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng memang satu, terima kasihlah kepada Yang Berhormat Stulang. Memang Yong Peng adalah satu tempat mempunyai lokasi yang baik kerana berdekatan dengan lebuh raya dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita mempunyai terdapat dua tempat persinggahan bas yang popular di pekan Yong Peng iaitu Lucky Garden dan Ming Ann. Memang ramai banyak juga bas ekspres selalu bersinggah di sana. Kalau mengadakan cadangan itu memang kena mencarikan pengusaha-pengusaha swasta untuk menjalankan apa cadangan yang telah disampai oleh Yang Berhormat Stulang.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesi soal jawab telah pun tamat. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN BERTULIS

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Dewan ditangguhkan hingga jam 10.40 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10.30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10.40 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula.

Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2014

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon membawa Rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2014 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bi. 19 Tahun 2014 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang pertama bagi tahun 2014. Tambahan peruntukan

pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM101,540,000.00 di bawah tiga jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor sebanyak RM8,640,000.00.

2. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, RM3,900,000.00.

3. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor sebanyak RM89,000,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Pengerusi : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3.9 juta bagi maksud P.53, Kerajaan Tempatan Negeri Johor dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, saya dengan ini membentangkan bagi Maksud Pembangunan P.53 Kerajaan Tempatan memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM3,900,000.00 bagi menampung pembelian kepada Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Perbandaran Muar dan Majlis Daerah Kota Tinggi.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

YB Tan Sri Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM8,640,000.00 bagi maksud P.56, Pejabat Menteri Besar Johor dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Pembangunan P.56, Pejabat Menteri Besar Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM8,640,000.00 di mana sebanyak RM3,000,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja pembangunan yang dilaksanakan di Negeri Johor manakala selebihnya sebanyak RM5,640,000.00

diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja kecil di seluruh Negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM89,000,000.00 bagi maksud P.60, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud Pembangunan P.60 Jabatan Kerja Raya Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan berjumlah RM89,000,000.00. Sebanyak RM10,000,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran kerja-kerja yang telah dilaksanakan di Rumah Rasmi Kerajaan dan kerja-kerja ubah suai di pejabat-pejabat Kerajaan negeri. Sebanyak RM79,000,000.00 pula diperlukan bagi menampung pembayaran kerja-kerja yang dilaksanakan bagi bangunan-bangunan istana di Negeri Johor khususnya bagi persiapan Majlis Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor di mana sebanyak RM64,000,000.00 ditampung melalui pinjaman mudah daripada Kerajaan Persekutuan dan selebihnya sebanyak RM15,000,000.00 adalah peruntukan langsung daripada Kerajaan negeri.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Ahli yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2014 telah pun selesai ditimbangkan, maka saya membawa Rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2014. Dari itu saya membawa Rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM101,540,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2014 itu diluluskan oleh Dewan ini. Dan dengan

ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM101,540,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2014 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat yang tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Ahli yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2014

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2014 dibaca kali yang Pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang Pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang Kedua

sekarang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tambahan peruntukkan ini merupakan tambahan yang pertama bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2014. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM5,731,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah tiga Jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor sebanyak RM1,162,000.00.

2. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor sebanyak RM4,475,000.00.

3. Jawatankuasa Agama Negeri Johor sebanyak RM94,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang Kedua sekarang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang Kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YB Tan Sri Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa

Jurutulis : JADUAL

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM42,000.00 bagi maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Dewan Negeri Johor dan RM94,000.00 bagi Maksud B.04 Perbendaharaan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Dewan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM42,000.00 bagi menampung bayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara pada tahun 2014. Di

bawah maksud Bekalan B.04 Perbendaharaan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM94,000.00 bagi menampung bayaran emolumen bagi Tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,475,000.00 bagi maksud B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM4,475,000.00 bagi menampung bayaran pertambahan bilangan penerima bantuan khas dan bantuan am Negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM60,000.00 bagi maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM60,000.00 bagi menampung bayaran pembelian aset jabatan.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM94,000.00 bagi maksud B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani mewakili YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM40,000.00 bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM54,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran bagi kakitangan kontrak jabatan.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM215,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, Johor; RM60,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar, Johor; RM607,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, Johor; dan RM84,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, Johor; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, Johor diperuntukkan sebanyak RM215,000.00 yang diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar, Johor diperuntukkan sebanyak RM60,000.00 bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, Johor diperuntukkan sebanyak RM598,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2014. Manakala selebihnya sebanyak RM9,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota yang bersara pada tahun 2014. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, Johor diperuntukkan sebanyak RM84,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen bagi tahun 2014.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan.

Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2014 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :-

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2014.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN AIR (PINDAAN) 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Air 1921 (Enakmen No.17/1921)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan di bawah Peraturan Tetap 58, agar rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Enakmen Air 1921 telah digubal adalah bertujuan untuk mengawal aktiviti di sungai seperti larangan membuat kerja-kerja yang boleh menjejaskan sungai seperti menebang pokok, menghalang aliran air, membuat binaan dan mengubah haluan air kecuali mendapat lesen daripada Pihak Kuasa Negeri.

Enakmen Air 1921 telah pun melalui beberapa siri pindaan seperti dalam Enakmen Bil.14 Tahun 1971, Enakmen Bil.10 Tahun 1975, Enakmen Bil.6 Tahun 1976 dan Enakmen Bil.6 Tahun 1994 yang telah meminda peruntukan-peruntukan antaranya berkenaan takrifan sungai, larangan daripada mengotorkan sungai dan kuasa mengkompaun.

Walau bagaimanapun, setelah semakan dan penelitian dibuat, didapati terdapat beberapa peruntukan Enakmen Air 1921 perlu dipinda. Dengan ini dibentangkan Rang Undang-Undang Enakmen Air (Pindaan) 2014. Pada dasarnya Rang Undang-Undang ini mengandungi 20 Fasal yang meminda 44 peruntukan dalam Enakmen Air 1921.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Fasa 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi pindaan am.

Fasal 3 bertujuan meminda Seksyen 2, Enakmen No. 17/1921 untuk memotong takrifan yang tidak digunakan dalam Enakmen memperuntukkan takrifan-takrifan perkataan kepada beberapa ungkapan yang digunakan dalam Enakmen dan meminda beberapa takrifan yang sedia ada.

Fasal 4 bertujuan memasukkan Seksyen baru 3A dan 3B ke dalam Enakmen No. 17/1921 untuk memperuntukkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik Pengarah Sumber Air, yang akan bertanggungjawab untuk mengawal selia Enakmen ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Fasal 6 bertujuan meminda Seksyen 5 Enakmen No.17/1921 dengan memperuntukkan kuasa Pengarah untuk mengeluarkan lesen di bawah Seksyen 5 dengan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menambah baik perjalanan pentadbiran air di negeri Johor. Fasal ini juga memasukkan peruntukan baru berkenaan penalti bagi pelanggaran peruntukan Seksyen 5.

Fasal 7 bertujuan meminda Seksyen 7 Enakmen No. 17/1921 untuk meluaskan kehendak pelesenan yang merangkumi pengambilan air sungai kecuali bagi tujuan domestik. Pindaan ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan lesen bagi mengubah haluan air atau

mengambil air sungai bagi maksud penjanaan elektrik atau bekalan atau perkhidmatan air di bawah Akta Industri perkhidmatan Air 2006. Tujuan lain pindaan ini adalah untuk memberi kuasa kepada Pengarah sebagai orang yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk mengubah haluan air atau mengambil air bagi tujuan selain daripada penjanaan elektrik atau bekalan dan perkhidmatan air.

Fasal 8 bertujuan meminda Seksyen 7A Enakmen No. 17/1921 untuk meluaskan larangan pencemaran sungai untuk merangkumi pelepasan apa-apa bahan yang boleh mengubah warna air ke dalam sungai sehingga menyukarkannya untuk dirawat dan pelepasan apa-apa bahan minyak, buangan atau selainnya ke dalam sungai serta penalti yang boleh dikenakan. Pindaan ini juga bertujuan untuk menggantikan Setiausaha Kerajaan negeri dengan Pengarah sebagai orang yang bertanggungjawab memberi lesen di bawah Seksyen 7A dan bertujuan meminda ahli dalam Lembaga Rayuan kepada jawatan Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri.

Fasal 10 bertujuan menggantikan Seksyen 8 Enakmen No. 17/1921 untuk membolehkan pemegang lesen masuk ke mana-mana tanah selain tanah Kerajaan bagi maksud membina atau menyenggara apa-apa pemasangan selepas memberi notis 24 jam kepada penghuni tanah berkenaan atau kepada Pentadbir Tanah sekiranya tanah tersebut adalah tanah rizab.

Fasal 11 bertujuan memasukkan Seksyen baru 8A hingga 8E ke dalam Enakmen No. 17/1921. Kemasukan seksyen baru ini memperkatakan pemegang lesen hendaklah membayar pampasan penuh mengikut Seksyen 10 kepada semua orang yang berkepentingan kerana apa-apa gangguan, kerosakan atau kecacatan yang mungkin disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan atau pemasangan yang dibuat dan memberi hak kepada pihak yang berkepentingan untuk membuat bantahan. Pentadbir Tanah akan membuat siasatan dan membuat keputusan berkenaan dengannya dan apa-apa keputusan itu boleh dirayu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal 13 bertujuan menggantikan peruntukan Seksyen 10 Enakmen No. 17/1921 untuk memperuntukkan kuasa Pentadbir Tanah untuk mentaksirkan pampasan bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pemegang lesen menurut kuasa di bawah Seksyen 8A hingga 8D dan proses rayuan oleh mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pentadbir Tanah.

Fasal 14 bertujuan memotong Seksyen 11 kerana tugas Pentadbir Tanah, sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen tersebut, telah pun dimasukkan dalam Seksyen baru 8B.

Sementara Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A Enakmen No. 17/1921 untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui

arahan dalam Warta mengecualikan mana-mana orang daripada kehendak lesen, fi dan apa-apa bayaran lain di bawah Enakmen.

Fasal 17 bertujuan meminda Seksyen 14 Enakmen No.17/1921 untuk meningkatkan jumlah penalti yang boleh dikenakan bagi kesalahan membina dinding dan bangunan di atas tebing sungai di bawah seksyen ini.

Fasal 18 bertujuan memasukkan seksyen baru 14A, 14B, 14C dan 14D ke dalam Enakmen No. 17/1921. Seksyen 14A dan 14B bertujuan memperuntukkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengisytiharkan kawasan tadahan air dan menetapkan kuasa-kuasa Pengarah dalam kawasan tersebut. Seksyen 14C dan 14D bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan perintah kemarau dan perintah penjagaan air bagi menjamin kecukupan bekalan air dan kualitinya.

Fasal 19 bertujuan untuk menggantikan Seksyen 15 Enakmen No. 17/1921 untuk menetapkan semua pertuduhan bagi kesalahan di bawah Enakmen dan kaedah-kaedah di bawahnya hanya boleh dibuat dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Fasal 20, bertujuan memasukkan seksyen baru 15(a) dan 15(b) ke dalam Enakmen nombor 17/1921. Seksyen 15(a) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah enakmen. Seksyen 15(b) pula, bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pengarah untuk mengkompaun kesalahan di bawah Enakmen ini dan perundangan *subsidiari* di bawahnya dan prosedur yang perlu dipatuhi.

Fasal 22, bertujuan menggantikan Seksyen 17 Enakmen nombor 17/1921, 1921 untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat.

Fasal 23 bertujuan memasukkan seksyen baru 17(A) hingga 17(R) ke dalam Enakmen nombor 17/1921. Seksyen 17(A) yang dicadangkan bertujuan untuk membolehkan Pihak Berkuasa Negeri memberi kuasa kepada Pengarah atau mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen, sementara Seksyen 17(B) hingga 17(P) memberikan kuasa yang berhubung, berhubungan dengan penyiasatan, penggeledahan dan penyitaan kepada Pengarah dan pegawai yang diberi kuasa. Seksyen 17(Q) memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 terpakai bagi Pengarah, pegawai, pengkhidmat dan ejennya, sementara Seksyen 17(R) pula memperuntukkan bagi perlindungan Pengarah dan pegawainya, ejennya dan orang lain yang menjalankan apa-apa kuasa di bawah enakmen daripada guaman, tindakan undang-undang jika tindakan itu dilakukan dengan suci hati.

Fasal 24, bertujuan menggantikan Seksyen 18 untuk meluaskan kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Negeri, untuk membuat kaedah-kaedah mengenai perkara yang dinyatakan di dalamnya dan apa-apa perkara lain yang perlu untuk melaksanakan dan memberi kuat kuasa penuh kepada Enakmen dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Enakmen dan kaedah-kaedah itu boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi RM300,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

Fasal 25, bertujuan untuk memasukkan Jadual-jadual yang digunakan di bawah Seksyen 8A dan *sub-section* 10(1) Enakmen. Cadangan pindaan kepada Enakmen Air 1921 ini akan memantapkan perjalanan pentadbiran Badan Kawal selia Air Johor (BAKAJ), dan di samping dapat mengukuhkan enakmen ini sejajar dengan keperluan semasa dan membolehkan BAKAJ berfungsi dengan kemas, teratur dan selaras dengan penambahbaikan yang dibuat serta selaras dengan Peruntukan Undang-Undang dalam Enakmen.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 59, maka bolehlah dibahas akan Rundingan itu tetapi hendaklah dihadkan perbahasan itu kepada Dasar-dasar dan Faedah-faedah Rang Undang-Undang itu sahaja. Perbahasan atas Rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Air Pindaan 2014, saya akan mulakan sebentar lagi. Saya membenarkan 8 orang daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, 5 daripada kerajaan dan 3 daripada pihak Pembangkang. Nama-namanya ada pada saya ini dan saya benarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan 8 orang ini untuk berbahas tidak lebih, tidak lebih sepuluh minit sahaja, kalau kurang lagi baik. Jadi saya mulakan memanggil secara bergilir-gilir dimulai dengan Yang Berhormat Buloh Kasap.

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya daripada ADUN Buloh Kasap menyambut baik dan amat positif terhadap langkah Kerajaan negeri untuk membuat pindaan terhadap pindaan Enakmen Air ini yang sekian lama kita nantikan, walau ia sedikit terlambat kerana negeri lain telah pun berbuat demikian, tetapi terkadang apa makna punyai jiran, lebih elok jaga yang kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita semua menyedari dan tahu bahawa sumber air adalah satu khazanah air yang sangat berharga kepada semua kehidupan di muka bumi ini. Ianya merupakan sumber yang banyak. Sesungguhnya telah memberi kebaikan dalam kehidupan di muka bumi terutamanya sekali kepada manusia, dan sebagai manusia kita memerlukan

sumber air yang baik, yang bersih, menjaminkan kesejahteraan rakyat kita. Namun begitu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di dalam Enakmen yang akan dibentangkan ini, saya melihat ketidakjelasan terhadap bentuk penguatkuasaan, terhadap kawalan keselamatan di kawasan tadahan atau pun punca air.

Oleh itu, saya mohon agar BAKAJ diberi penelitian terhadap aspek penguatkuasaan, terhadap punca pencemaran air atau kawasan tadahan air di negeri kita ini. Hal ini saya melihat tidak ada perincian yang kukuh dan jelas kaedah penguatkuasaan terhadap perkara ini. Hatta, Pengarah diberi kuasa untuk menentukan perkara tersebut tetapi saya kira perlu ada fasa-fasa yang lebih jelas terhadap tindakan atau penguatkuasaan undang-undang terhadap perkara ini. Perlu ada fasa yang jelas yang boleh memberi kuasa kepada Pengarah untuk mengambil tindakan dan menjalankan kaedah penguatkuasaan yang tegas.

Saya kira Enakmen ini perlu memperuntukkan agar Pengarah untuk melantik atau memperketatkan kawalan keselamatan di kawasan tadahan air. Langkah ini perlu kerana pengawalan dan penguatkuasaan untuk mengelak pencerobohan kawasan tadahan air adalah amat penting. Hal ini kita tidak mahu kejadian pencemaran punca utama contohnya, Empangan Bekok oleh perbagai aktiviti seperti pertanian atau penternakan yang telah memusnahkan tumbuh-tumbuhan hutan simpan, yang sebenarnya dapat mempertahankan sumber air sewaktu musim kemarau atau menapis bahan-bahan pencemaran yang terjadi hingga menyebabkan rakyat tidak dapat menikmati bekalan air yang bersih dan berkemungkinan berhadapan dengan masalah catuan air.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada itu saya melihat di dalam Enakmen ini tidak diperincikan juga mengenai tindakan sekiranya terjadi pencemaran air sungai. Kita maklum, air sungai sumber kebanyakan daripada sungai-sungai. Sungai merupakan elemen yang sangat penting dalam sejarah tamadun manusia. Sungai yang mengalirkan air adalah satu sumber air yang penting yang disalurkan ke setiap rumah, bangunan, kawasan tertentu. Pencemaran air telah berlaku menyebabkan kawasan mengalami masalah bekalan air. Air boleh dikatakan tercemar apanya, apabila berlakunya penurunan ke atas kualiti yang sedia ada dan berlakunya perubahan dari segi fizikal, warna air dari segi biologi iaitu hidupan akuatik di dalam air sungai, dan kimia yang terkandung di dalamnya nutrien atau plektrum di dalamnya.

Menurut Jabatan Alam Sekitar, sumber ini dikatakan mengalami pencemaran apabila berlakunya perubahan secara langsung atau sebaliknya dalam kandungan air yang disebabkan oleh kegiatan manusia dan sumber ini tidak sesuai untuk kegunaan kita. Saya melihat perlu ada tindakan atau undang-undang yang lebih tegas dan serius menangani isu ini. Isu ini sering dibahaskan dan diberikan perhatian tetapi tidak dilihat tindakan yang benar-benar tegas bagi mengurangkan berlakunya masalah ini. Malah dalam Enakmen Air yang bakal dibentangkan tidak ada perincian yang jelas mengenai masalah

pencemaran sungai. Kita tidak mahu masalah ini semakin teruk sehingga sungai yang sepatutnya menjadi punca air, kita tidak dapat berfungsi lagi. Sebagai contoh di Selangor mempunyai 26 batang sungai yang menjadi sumber air kepada penduduk sekitar, tetapi hanya 8 batang sungai sahaja yang dikategorikan air yang sangat bersih, manakala 7 lagi dikategorikan sebagai sungai yang mati, yang selebihnya boleh dikategorikan sebagai tercemar sederhana.

Tahun 2010 yang membuat, daripada kajian yang telah dibuat didapati 16 sungai di Malaysia di kategori tercemar dan hampir mati. Antara sungai yang didapati mengalami keadaan tersebut berada di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Johor itu sendiri.

YB Tan Sri Speaker : Buluh Kasap, sila gulung.

YB Puan Norshida binti Ibrahim (Buluh Kasap) : Oleh itu, saya mohon agar terperincian dibuat dan kita dapat membendung bersama. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ucapan saya hanyalah pandangan dan sama-samalah kita perbaiki apa yang kurang kerana saya percaya pasti ada semua tidak mahu perundangan hanya dilihat sebagai alat peranan, bukan hanya cantik tersusun cantik ayatnya di atas kertas, bukan hanya seronok disebut. Kita punya undang-undang tetapi tidak mampu dikuatkuasakan secara maksimum, tiada had yang membatasi penguatkuasaan. Akhirnya Buluh Kasap mohon menyokong. Sekian, wabillahiltaufik walhidayah, wassaslamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Buloh Kasap. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tan Sri Speaker, kerana memberi peluang untuk Jementah mengambil bahagian dalam Perbahasan Enakmen Air 1921 (Pindaan). Yang Amat Berhormat Tan, Tan Sri Speaker, air..

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat sahaja.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Tan Sri Speaker : Ha...tak ada Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat, Menteri Besar saja.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Air merupakan sumber yang paling asas untuk membolehkan kehidupan manusia yang berterusan dan ia juga merupakan satu asas yang amat penting untuk pembangunan ekonomi sesebuah negara. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Johor, kita negeri ini kita mempunyai banyak sungai dan kawasan perhutanan dan, yang nampaknya adalah sumber bekalan air mentah untuk negeri kita. Dan sebenarnya kita kaya dengan bekalan air mentah ini dan kita boleh nampak sampai, bahawa

Negeri Johor ini kita dapat memberikan bekalan air mentah kepada Negeri Melaka dan juga kepada negara jiran kita, Singapura berdasarkan Perjanjian, Perjanjian pada 1962 dan Perjanjian dengan negara Singapura sehingga 2016, tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa Negeri Johor, negeri kita ini kita kaya dengan sumber bekalan air, tetapi hakikatnya ialah bekalan air yang cukup ini kita tidak terasa oleh rakyat kerana tarif air yang telah terlalu tinggi.

Negeri Johor ini sekarang kita menghadapi masalah tarif air yang tertinggi di seluruh Malaysia berbanding dengan negeri-negeri yang lain dan ini satu perkara yang perlu dititikberatkan oleh Kerajaan negeri Johor supaya mengambil tindakan susulan untuk menurunkan tarif air. Memandangkan kita mempunyai bekalan air mentah yang mencukupi dan tidak seharusnya rakyat dibebankan lagi dengan kos-kos asas ini, sebab pada tahun depan ini kita akan laksanakan GST. Ini satu beban lagi kepada rakyat.

Dan yang kedua ialah berkenaan dengan pencemaran sungai. Pencemaran sungai yang tak seperti yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Buloh Kasap. Ini juga menjadi satu masalah kepada kita, daripada jawapan yang saya dapat daripada Jabatan Alam Sekitar bahawa di Negeri Johor sekarang mempunyai 18 sungai yang tercemar dan juga daripada Jabatan Pengaliran dan Saliran Johor bahawa 3 batang sungai utama di mana salah satunya ialah Sungai Skudai merupakan kawasan yang membekalkan air mentah kepada loji-loji rawatan SAJ untuk membekalkan air kepada pengguna-pengguna pun menjadi satu sungai utama yang dicemarkan. Dan ini dua perkara yang kita mesti menitikberatkan dan diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya telah membaca Enakmen Undang-Undang ini dan ia sungguh saya nak katakan ini satu Rang Undang-Undang yang cukup menyeluruh. Daripada kawasan tadahan air sehingga seperti perintah semasa musim kemarau dan juga ada perintah perlindungan air, *water protection order*. Ini satu enakmen yang agak menyeluruh tetapi juga ada kekurangan dan kelemahan dalam enakmen tersebut yang saya nak bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

1. Berkenaan dengan pampasan, *compensation*. Menurut Seksyen 10(2) dan saya *quote* sekarang, "*any person aggrieved with the Land Administrator's assessment under subsection (1), may within twenty-one (21) days after the assessment appear to the State Authority whose decision shall be final*". Ini bermaksud, pemilik tanah tiada jalan yang lain untuk membuat rayuan sekiranya Pihak Berkuasa Negeri sudah membuat keputusan terhadap pampasan yang akan diberikan kepada pemilik tanah. Dan ini adalah saya nampak adalah sedikit bercanggah dengan Akta Pengambilan Tanah Seksyen 37. Di mana pengambilan tanah kalau dilakukan, pemilik-pemilik tanah masih berhak untuk membawa rayuan ke mahkamah dan dalam kes ini, Seksyen 10, tiada, bermaksud Pihak Berkuasa Negeri keputusannya adalah muktamad dan tiada ruangan untuk pemilik tanah untuk membuat rayuan. Dan ini kalau kita tengok

Seksyen 10(3) di mana pemegang lesen, kalau ada sebarang, saya *quote*, *"revocation and alteration of the license"*, bermaksud, sekiranya ada apa bantahan, bantahan kepada lesen mereka atau ada sebarang pertukaran kepada pemegang lesen, mereka boleh membuat bantahan dan membuat rayuan kepada mahkamah dan ini adalah bercanggah dengan hak-hak pemilik tanah. Bermaksud, pemilik tanah tidak diberikan hak untuk merayu tetapi pemegang lesen diberikan hak pula untuk merayu kepada mahkamah. Ini *point* yang pertama.

2. Seksyen 12A(1)(a) di mana bahawa, saya *quote* Tan Sri Speaker di mana *"power to exempt from requirement of license"*. Ini saya nampak ada kebocoran dalam Seksyen ini sebab pemegang lesen, dia boleh dikecualikan, pemberian lesen boleh dikecualikan berdasarkan kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan tetapi dalam Seksyen 12A(2), dikatakan lesen tersebut boleh dikeluarkan tetapi pemegang lesen ini mesti mengikut *duty obligation of the licensee*. Ini memang betul tetapi pada akhirnya dia kata, *"unless otherwise specified in the exemption order"*. Ini memberikan satu ruang kepada Pihak Berkuasa Negeri sekiranya ada sesiapa yang dikatakan tidak menjalankan kuasa dengan sebaik-baiknya, boleh menggunakan kos ini untuk *exempted*. Ini yang kedua.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Jementah, sila gulung.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada satu lagi berkenaan dengan akta ini ialah Seksyen 14A. Kawasan tadahan air, *water catchment area*. 14A ini saya setuju bahawa 14A ini, Pihak Berkuasa Negeri berhak untuk mewartakan kawasan-kawasan tadahan air supaya digunakan. Tetapi bagaimana dengan pembatalan warta *degazette*? Gazet memang Pihak Berkuasa Negeri boleh ada kuasa tetapi *degazette* macam mana? Saya di sini ingin mencadangkan bahawa kalau ada sebarang pembatalan warta ke atas kawasan tadahan air, ia mesti dibawa ke Dewan yang mulia ini supaya kita semua tahu bahawa kawasan tadahan air ini sudah dibatalkan dan tidak ada pihak-pihak yang berkepentingan, ada *interest*, dengan izinnya, dalam perkara ini.

Dan ini beberapa kelemahan yang saya dapat lihat dalam Enakmen Rang Undang-Undang ini dan saya berharap pihak kerajaan supaya meneliti semula semua seksyen-seksyen yang akan dibawa dalam Rang Undang-Undang ini. Mana-mana kelemahan, seharusnya diperbetulkan dan saya menyokong usaha baik Kerajaan negeri untuk mengadakan satu akta yang lebih menyeluruh supaya rakyat Negeri Johor dapat menikmati air yang lebih bersih, air yang mencukupi, tiada masalah semasa kekurangan air apabila musim kemarau tetapi ada kelemahan-kelemahan yang perlu diperbetulkan.

Dan saya mencadangkan supaya Kerajaan negeri Johor mengambil kira perkara yang saya bangkitkan tadi dan kalau boleh membuat kajian yang

secara lebih teliti supaya enakmen air ini kita dapat bersama-sama dimanfaatkan oleh rakyat semua Negeri Johor. Sekian, perbahasan saya, terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama dengan kita di Dewan ini pada pagi ini ialah ahli Rombongan UMNO Cawangan Mersing berjumlah 10 orang dan pemerhati daripada Ahli Jawatankuasa Pemuda yang dianggotai oleh ketua-ketua Pemuda UMNO bahagian-bahagian seluruh Johor Bahru seramai 26 orang. Selamat datang.

YB Tan Sri Speaker : Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Pemanis.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker di atas peluang yang diberi kepada saya untuk ambil bahagian. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pindaan yang kita usahakan hari ini merupakan satu usaha terhadap satu enakmen yang digubal pada tahun 1921. Kalau kita kira hampir 100 tahun, sudah 93 tahun. Walaupun, pada satu sudut kita nampaknya hilang puluh-puluh tahun, tetapi pada satu sudut lagi, kita dalam usaha membuka bab baru dalam hal perlindungan sumber air di Johor khasnya dan amnya di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita pernah dikejutkan dengan laporan pembalakan haram di Cameron Highlands. Walau bagaimanapun, setiap kali kebelakangan ini orang pergi sana, perkara yang sama seolah-olah tetap berlaku. Baru-baru ini, saya terkejut bila, juga menakjubkan saya, pertama kali dalam hidup saya, saya tengok air terjun yang berwarna coklat dan saya susah nak imaginasikan kalau bukan saya nampak sendiri. Saya rasa apa yang berlaku di Cameron Highlands itu, kita perlu ambil iktibar dan kalau kita dapat jawapan terhadap segala yang berlaku di sana, saya percaya dari segi perlaksanaan dan penguatkuasaan, kita dapat menjayakan usaha perlindungan air kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun kita agak lewat sedikit dalam pembaharuan enakmen berbanding dengan negeri tertentu tetapi pada keseluruhannya, saya rasa parit-parit di Negeri Johor dijaga pada keseluruhannya pada tahap yang baik. Kalau tengok kawasan daerah yang mempunyai banyak parit, biasanya kalau kita lalu, contohnya kampung-kampung, pekan-pekan di Muar ataupun bila saya balik kampung asal saya Batu Pahat memang banyak parit ya. Pada keseluruhannya parit itu masih saya dapat air yang jernih. Saya balik kampung sahaja, saya sentiasa tengok parit ya. Jadi, pada keseluruhannya, saya ingin ambil kesempatan ini untuk memberi penghargaan kepada usaha kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sumber air bukan sahaja untuk manusia dan enakmen itu dengan bijaknya telah mengesahkan ini dan kita perlu melindungi sumber air dan juga selain daripada sumber air, kita perlu ambil berat tentang

haluan air. Dan dalam hal ini, saya harap kerajaan mesti mengambil berat tentang haluan air yang diubah kerana penambakan untuk tujuan perumahan ya dan walaupun dah puluh-puluh perkara ini tetap berlaku.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya rasa untuk melengkapi usaha kita untuk melindungi punca air, perkara-perkara berikut saya cadangkan untuk kita adakan. Di antaranya satu mekanisme dan satu badan bersepadu untuk tujuan berikut:

1. Pembangunan keupayaan, dengan izin, *capacity building*. Pada peringkat akar umbi untuk pengurusan sumber air setempat.

2. Kita perlu ada satu sokongan teknikal dan profesional yang bermutu tinggi dalam hal pengurusan. Contohnya, perlaksanaan Seksyen 3A dan 3B, di mana kita dapat memberikan sokongan dan bukti yang kukuh kerana saya rasa mungkin ada banyak pertikaian yang berlaku pada banyak peperangan guaman yang akan berlaku pada peringkat teknikal. Ini juga akan memastikan bahawa kita memberi peluang kepada mereka yang dituduh untuk menegakkan keadilan.

3. Perkara ketiga yang kita perlu adakan ialah usaha R&D, penyelidikan dan pembangunan untuk menerokai dan memelihara sumber air, kita perlu juga ada usaha berterusan pemulihan air. Kita juga perlu pendidikan untuk memupuk kesederhanaan di kalangan masyarakat dan kita perlu mempergiatkan segala usaha konservasi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menyimpulkan hujah saya dengan memberi satu cabaran kepada Kerajaan negeri supaya kita sama-sama, bersama dengan Kerajaan negeri, kita sama-sama menjernihkan Sungai Segget kerana pada saya inilah satu tanda pencapaian usaha perlindungan air. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan ini Pemanis mohon menyokong. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 12.00 tepat.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12.00 tengahari.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Salam sejahtera dan terima kasih Mengkibol ucapkan kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana diberi

peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Air Pindaan Tahun 2014.

Mengkibol ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil inisiatif dalam meminda Enakmen Air Tahun 1921 yang telah 93 tahun usianya. Selama ini hal ehwal pengurusan air di Negeri Johor telah menampakkan banyak masalah. Mahu dari segi pembekalan air hinggalah pencegahan banjir. Banyak punca yang menyumbang kepada kelemahan pengurusan air di Negeri Johor ini. Antaranya perundangan yang ketinggalan zaman. Maka, inisiatif kali ini adalah satu usaha untuk, apa kata untuk menangani punca utama yang telah menyumbang kepada kelemahan yang kita alami selama ini. Walaupun dalam lebih 90 tahun yang lalu, telah berlakunya empat kali pindaan dijalankan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi. Tapi pindaan-pindaan yang tersebut hanyalah pindaan-pindaan yang kecil, yang melibatkan beberapa fasal sahaja. Pindaan kali ini bolehlah dikatakan satu langkah yang wajar dan melibatkan pindaan yang begitu besar. Bukan sahaja dari segi bilangan fasal yang akan dipinda malahan juga kualiti pindaan yang secara menyeluruh. Bolehlah kita sifatkan pindaan kali ini sebenarnya boleh kita terus wujudkan satu enakmen yang baru berkenaan dengan air.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Rang Undang-Undang kali ini merupakan satu pindaan yang menyeluruh yang memperketatkan hukuman dan denda ke atas siapa yang bersabit di bawah enakmen ini dan juga telah menggabungkan konsep moden dalam pengurusan sumber air termasuk perlindungan kawasan tadahan air. Kerajaan telah diberikan kuasa dan mengenal pasti dan menentukan kawasan tadahan air dengan jelas serta memberikan keutamaan dalam memelihara dan melindungi sumber air. Kesemua yang tersebut di atas sebenarnya adalah wajar dan sangat penting dalam usaha melindungi dan memelihara sumber air supaya kita dapat memastikan bahawa sumber air mentah kita adalah sentiasa bersih dan selamat.

Antara perkara yang menarik perhatian Mengkibol adalah dalam Rang Undang-Undang kali ini ada pindaan berkenaan dengan pewartaan kawasan tadahan air. Sebenarnya pada 28 April yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan satu peruntukan sebanyak RM36 juta untuk memastikan bekalan air yang mencukupi dan berpanjangan di sekitar Daerah Batu Pahat. Sehingga tahun 2050, laporan, menurut laporan media telah memetik kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa dalam peruntukan yang diperuntukkan ini, sebanyak RM22 juta digunakan untuk memelihara kawasan sekeliling Empangan Bekok.

Mengkibol menganggap bahawa wang yang sejumlah RM22 juta ini akan digunakan untuk memelihara kawasan tadahan air. Sebenarnya pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan tadahan air empangan adalah begitu penting sekali. Ianya dapat memastikan kemampanan bekalan air kita. Oleh yang demikian, jumlah peruntukan tersebut mungkin digunakan untuk pengambilan

balik tanah sesetengah tanah yang melibatkan tanah milikan peribadi atau tanah milikan swasta. Mengkibol berharap bahawa dalam proses membayar pampasan dan pengambilan balik tanah tersebut, baiklah pihak kerajaan adakan lebih banyak rundingan dengan pemilih tanah supaya situasi semua menang atau dengan izin, *win-win solution* dapat dicapai dan tidak menimbulkan rungutan daripada pemilik tanah atau rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2011 telah mendedahkan ada 3 empangan yang utama di sekitar Wilayah Johor Tengah ini berlakunya aktiviti pencerobohan. Seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Buloh Kasap tadi, Empangan Bekok, Empangan Sembrong dan Empangan Machap. Daripada peta kita dapat perhatikan bahawa di sekeliling tiga-tiga empangan ini tiada hutan simpanan kekal di sekeliling empangan ini. Maka ini adalah suatu kerosakan ataupun suatu usaha yang perlu dipertingkatkan lagi supaya seboleh-bolehnya kawasan di sekitar empangan ini kalau boleh sampai keseluruhan kawasan tadahan air ini akan diwartakan sebagai bukan sahaja kawasan tadahan air tetapi sebagai hutan simpanan kekal yang menjadi kawasan larangan kepada ramai.

Maka dalam kes tiga empangan yang tersebut tadi, guna tanah yang seluas 533 kilometer persegi atau pun 131,706 ekar terutamanya tanah-tanah di sekeliling empangan ini haruslah distruktur semula dan kerajaan haruslah menyegerakan proses mewartakan kawasan rizab empangan ini dan kawasan tadahan air. Mengkibol berharap, pihak kerajaan dapat memberikan keutamaan dalam usaha memelihara kawasan tadahan air ini. Apa yang tersirat ataupun tidak ternyata, dinyata dalam Rang Undang-Undang kali ini adalah berkenaan isu yang disebut juga oleh Yang Berhormat Jementah, iaitu kita mewartakan, kita enakmen ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri atau pun kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan tadahan air. Tapi apa yang tersirat adalah siapakah yang diberi kuasa sekiranya berlakunya keperluan untuk pembatalan warta itu.

Ini adalah satu perkara yang penting di mana kita kadang kala tidak dapat mengelakkan sesuatu kawasan ataupun tanah yang bawah kawasan tadahan air akan digunakan. Mengkibol berpendapat bahawa perkara ini harus dinyatakan dengan jelas dalam enakmen yang akan ataupun diluluskan nanti. Maka adalah penting sekiranya dapat pembatalan warta tersebut dapat dijalankan atau dilakukan dalam Dewan yang mulia ini.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung, Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Mengkibol juga setuju dengan cadangan daripada Pemanis bahawa satu badan bersepadu perlu diwujudkan. Memandangkan pengurusan berkenaan air, isu air dan tadahan air ini dia melibatkan banyak jabatan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kesihatan, Pejabat Tanah, Jabatan Perhutanan dan sebagainya. Seboleh-bolehnya badan bersepadu ini kalau boleh ditubuhkan satu

Jawatankuasa *bipartisan* yang melibatkan juga keanggotaan daripada pihak pembangkang dan juga NGO-NGO yang berkenaan. Dengan ini hanyalah kita dapat capai satu pandangan yang menyeluruh dan komprehensif.

Bagaimana pun, Mengkibol nampak satu kelemahan dalam kita kata pembentangan Rang Undang-Undang kali ini, di mana bagi satu Rang Undang-Undang yang begitu penting melibatkan yang akan menjejaskan kehidupan harian jutaan rakyat Johor, kita tidak diberikan masa yang mencukupi untuk mengkaji fasal demi fasal tentang Rang Undang-Undang ini. Di mana bayangkanlah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semua Ahli dalam Dewan ini hanya dibekalkan dan dimaklumkan tentang pindaan Enakmen ini tujuh hari sebelum Persidangan Dewan bermula. Pindaan yang sebesar ini, yang melibatkan 37 muka surat, 25 pindaan utama, 3 jadual baru. Adakah masa sebanyak lebih kurang 7 hari ini cukup untuk kita mengkaji dan meneliti setiap fasal dan selok belok tentang pindaan Enakmen ini. Apatah lagi kita perlu mendapatkan pendapat daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Jadi, Mengkibol berharap pihak kerajaan haruslah memberikan lebih masa untuk meneliti Rang Undang-Undang yang akan dibentangkan dalam masa akan datang.

Bagaimana pun, Mengkibol menganggap bahawa penggubalan ataupun enakmen yang baru ini dia sebagai satu titik permulaan. Kerajaan haruslah memulakan kerja penerangan dan pendidikan secara menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat setelah Rang Undang-Undang ini diluluskan. Kami menyaran supaya dapat kerja-kerja yang tersebut tadi dapat dijalankan secepat mungkin di semua daerah dan juga pekan-pekan utama di Negeri Johor. Walaupun kami sebagai wakil rakyat daripada pihak pembangkang, kami juga sudi dan bersedia menghulurkan bantuan dan kerjasama dalam usaha memahamkan rakyat tentang enakmen yang baru ini, supaya kita dapat betul-betul melaksanakan apa yang diperuntukkan di bawah enakmen baru ini dan penguatkuasaan dapat dijalankan dapat berkesan dengan adanya kerjasama dan sokongan daripada rakyat. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok. Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Gambir.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apabila kita perbincangan mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Air ini, menurut Seksyen 2 Enakmen Air 1921, takrifan sungai sebagai sumber air adalah begitu ringkas. Tetapi melalui pindaan Enakmen Air 1921 ini, takrifan sungai ini telah diperluaskan kepada semua jenis aliran air semula jadi bukan sahaja di permukaan bumi, tetapi termasuklah air bawah tanah, termasuk perigi dan sebarang bentuk pengubah haluan air. Jadi, di bawah pindaan Seksyen 7 Enakmen 1921 ini, sebarang pengambilan air sungai perlu mendapatkan kebenaran atau lesen daripada pihak berkuasa negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini amat perlu. Perlesenan ini amat perlu untuk memastikan sumber air kita sentiasa cukup dan tidak di manipulasi oleh pihak-pihak tertentu yang menyukarkan pelbagai pihak yang berada dalam jangkauan sesuatu sumber air terutamanya sungai. Jadi, kenyataan Jementah tadi tentang pencemaran 18 sungai di Johor itu tadi saya rasa selepas pindaan enakmen ini, perkara itu akan mendapat perhatian. Seharusnya orang pertama yang menyokong enakmen ini, Jementahlah yang patut sokong. Sebab enakmen ini nanti akan memastikan bahawa sungai tidak di *manipulate* lagi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Malaysia sebenarnya bernasib baik kerana terletak di kawasan lembap tropika yang kaya dengan sumber air. Johor juga tidak terkecuali daripada keadaan tersebut. Sumber air ini sebenarnya terdiri dari air permukaan dan air bawah tanah. Air permukaan adalah air yang mengalir di permukaan bumi, ini termasuk air dalam sungai, tasik, pantai dan air larian permukaan. Manakala air dalam tanah dikenali sebagai air dalam tanah dikenali sebagai air bawah tanah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sumbangan sumber air ke arah kepentingan negara kita dapat kategorikan dalam pelbagai kegunaan termasuklah domestik, industri dan pengairan dalam sekitar pertanian. Air juga digunakan dalam akuakultur, ekopelancongan, aktiviti sosial, perlombongan dan pengeluaran hidro elektrik secara tidak langsung. Jadi, kita kena lihat kepada isu dan cabaran pengurusan sumber air ini dengan sebetulnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kekurangan bekalan air di beberapa tempat sering berlaku. Fenomena ini disebabkan oleh hujan yang tidak sekata antara kawasan di negara kita. Akibat ketidakseragaman taburan hujan ini, aliran permukaan air terutama di sungai-sungai berbeza dari segi kuantiti dan kelajuan. Jadi, dalam membangunkan di kawasan di mana bekalan air besar diperlukan air permukaan semasa kemarau tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan bagi air.

Walau bagaimanapun, semasa musim tengkujuh pula bekalan air melebihi daripada permintaan manakala sungai-sungai yang sedia ada pula mempunyai banyak air. Jadi, apa yang berlaku ia mengakibatkan banjir. Satu lagi fenomena yang jelas mengancam sumber air negara kita adalah penurunan kualiti air sungai. Air sungai tidak tercemar pada awalnya.

Walau bagaimanapun, kemerosotan air ini akan berlaku di kawasan yang mempunyai komposisi penduduk yang tinggi. Kemerosotan kualiti air juga berlaku dengan pembangunan sesuatu kawasan. Bagi mengawal kedua-dua fenomena ini seperti kawalan banjir dan fungsi pencegahan, ianya dilakukan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia. Jabatan inilah yang merancang dan melaksanakan beberapa projek tambatan banjir seperti empangan bagi kawalan banjir,

kawasan tadahan air, penambahbaikan saliran sungai, saluran lencongan dan sebagainya.

Projek-projek ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dibiayai oleh kerajaan persekutuan Malaysia tetapi dikendali dan diselenggara oleh Kerajaan negeri masing-masing. Maka selaras dengan itulah pindaan Enakmen Air 1921 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengawal dan menyelia bekalan air ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jadi sehubungan dengan itu BAKAJ harus diberi kuasa untuk terus melaksanakan tanggungjawab mengurus sumber air di samping memungut hasil daripada sumber-sumber air bawah tanah. sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, air bawah tanah boleh diambil sebagai sumber alternatif. Baru-baru ini menurut Menteri sumber Asli dan Alam Sekitar bahawa air alternatif ini boleh dilaksanakan jika ianya dilakukan dengan kaedah yang betul dan tidak menjejaskan alam sekitar. Katanya sebelum sumber air di bawah tanah dikeluarkan kajian yang komprehensif mesti dilakukan. Kementerian Sumber Asli melalui Jabatan Mineral dan Geosains dikatakan telah lama terlibat mengkaji potensi sumber air bawah tanah negara malah beberapa lembangan air tanah yang dikaji menunjukkan potensi yang tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita tengok di kawasan Sabah dan Sarawak di mana kita tidak dapat membawa kemudahan paip di sana, air bawah tanah ini menjadi satu sumber alternatif. Jadi, pihak Kerajaan negeri bolehlah memikirkan di samping kita mengalami ataupun terpaksa hadapi isu dan cabaran pengurusan sumber air maka sumber air bawah tanah ini boleh difikirkan sebagai satu alternatif.

YB Tan Sri Speaker : Gambir, sila gulung.

YB Encik M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, empangan Muar dikatakan terlibat dalam kajian Jabatan Mineral dan Geosains dan Kementerian jadi BAKAJ boleh lihat kepada potensi tersebut termasuk banyak telaga pengeluaran air bawah tanah lengkap dengan sistem penapisan ringkas boleh difikirkan. Dan cadangan kaedah susupan tebing sungai juga boleh difikirkan sepertimana yang dicadangkan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia sebagai satu alternatif pembangunan sumber air alternatif.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semua ini perlu kita laksanakan demi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat yang tidak mahu mengalami masalah kemarau. Lebih-lebih lagi dalam masa-masa seperti *El Nino* yang dijangka berlaku dalam masa terdekat ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir berharap peranan BAKAJ dapat diperkasakan melalui pindaan Enakmen Air 1921. Seterusnya Enakmen Air ini disokong sepenuhnya. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Ya, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kerana Pengkalan rinting diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Pemindaan Enakmen Air 2014.

Pengkalan Rinting berpendapat bahawa Enakmen Pemindaan Enakmen Air ini adalah tepat pada masanya. Satu, kita asyik terima pencerobohan tadahan air kita *buffer zone* kita. Kedua, ialah perubahan cuaca yang drastik di negeri kita sendiri di mana ada kalanya hujan lebih, ada kalanya kita tidak ada hujan untuk sepanjang masa. Saya di sini saya ucapkan syabas atas usaha kerajaan untuk menjaga ataupun meningkatkan bekalan air di negeri kita. Sini saya mengalukan wujudnya Seksyen 14A dan B di mana Enakmen berkenaan peruntukan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengisytiharkan kawasan tadahan air dan menetapkan kuasa Pengarah Sumber Air dalam kawasan tersebut jadi segala kawasan tadahan air diwartakan dengan jelas di bawah Seksyen 14A akan dikawal oleh Pejabat Pengarah Sumber Air termasuk usaha mengawal pencerobohan kawasan tadahan air dan pencemaran air.

Walaupun Seksyen B memberi kuasa untuk Pengarah mengenakan hukuman kepada penceroboh kawasan tadahan kaedah mengawal pencerobohan air tidak jelas dalam rang Undang-Undang Enakmen yang dibentangkan ini :

Pertama, fasa-fasa yang jelas diperlukan bagi memperuntukkan kuasa Pengarah Sumber Air untuk menubuhkan Pihak Penguasa contoh Polis Bantuan, khasnya untuk tujuan mengawal keselamatan di persekitaran di kawasan tadahan air. Pengawalan dan penguatkuasaan untuk mengelakkan pencerobohan kawasan tadahan air amatlah penting. Misalnya pencerobohan empangan Bekok, Sembrong, Machap oleh aktiviti pertanian dan penternakan telah memusnahkan tumbuh-tumbuhan hutan simpanan yang sebenarnya dapat mempertahankan sumber air sewaktu musim kemarau dan menapis bahan-bahan pencemar, ini adalah penapis ataupun bertahan semula jadi kepada kita. Dan, salah satu kekurangan Rang Undang-Undang Enakman Air 2014 adalah ketiadaan sebarang fasa mengkehendaki usaha memelihara hutan simpanan di persekitaran empangan dan hulu sungai yang akan mempertahankan sumber-sumber air biar pun semasa kemarau. Oleh itu penglibatan Jabatan Perhutanan adalah diperlukan untuk mengawal hutan-hutan simpan yang akan mempertahankan sumber air negeri kita.

Dengan ini juga diharapkan pewartaan empangan-empangan Bekok, Machap, Sembrong sebagai kawasan tadahan air dan tebatan banjir akan diisytiharkan secepat mungkin untuk menambahbaikkan pendawaian

empangan-empangan tersebut sebagai empangan pelbagai kegunaan yang diseliakan oleh pelbagai agensi kerajaan termasuklah JPS, JPA, Jabatan Perhutanan, BAKAJ dan lain-lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pajakan tanah di persekitaran empangan Bekok, Sembrong dan Machap telah pun tamat pajakannya pada tahun 2005 dan peruntukan telah diberi untuk mewartakan empangan-empangan tersebut sebagai kawasan tadahan air dan tebatan banjir. Pengkalan Rinting berharap dengan kelulusan Enakmen ini pewartaan kawasan tadahan air di seluruh Negeri Johor khasnya di ketiga-tiga empangan tersebut.

Walau bagaimanapun, pewartaan hutan simpanan kekal dan kawasan tadahan air boleh dilakukan oleh pengarah-pengarah yang berkenaan dengan kuasa pentadbiran kerajaan tetapi sini Pengkalan Rinting ingin berkata segala pembatalan warta kawasan tadahan air hutan simpanan kekal taman negara sepatutnya dibentangkan dan diperbahaskan dan dengan kelulusan Dewan ini sepatutnya menjadi satu kewajipan untuk kepentingan rakyat semua.

Jadi, sebelum mengakhiri perbahasan, saya di sini juga, Pengkalan Rinting ingin menegaskan bahawa, yang tadi Mengkibol juga telah sebut bahawa penjelasan di kalangan rakyat jelata bahawa berkenaan dengan Enakmen ini perlulah dijalankan untuk kepentingan kita semua dan di sini juga ingin menegaskan bahawa penguatkuasaan terhadap Enakmen ini kalau selepas diluluskan juga perlu dijalankan secara tegas dan ini adalah sedikit daripada Pengkalan Rinting. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Rinting. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Jorak.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertama saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang bagi tujuan bagi meminda Enakmen Air 1921 ini. Dan, saya mengucapkan juga tahniah kepada pihak Kerajaan negeri yang berusaha untuk membawa pindaan untuk membawa satu kebaikan tentang kawal selia air bagi Negeri Johor ini. Dengan adanya Pindaan ini dengan satu badan, BAKAJ sudah tentu akan menjadi satu badan yang boleh menyelaraskan agensi-agensi yang ada hubung kait dengan soal air ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sesungguhnya Kerajaan negeri memang mengambil berat tentang keperluan sumber air dalam Negeri Johor ini. Dan kita semua juga rasa bimbang tentang kualiti dan kuantiti air. Jika berlaku sesuatu perkara di mana kuantiti air berkurangan dan juga ada pencemaran berlaku hingga terhasil satu keadaan di mana pencemaran air, sumber air kita berlaku. Oleh itu dengan adanya satu badan BAKAJ ini, maka perkara-perkara

ini dapat, Insya-Allah diatasi. Tetapi saya ingin juga menjelaskan rasa kebimbangan saya iaitu pada bila-bila masa dan keadaan juga kita boleh kekurangan air. Keadaan cuaca yang tidak menentu akan boleh menyebabkan kemarau yang panjang sebenarnya. Katakanlah kalau kita mengambil satu andaian pada masa akan datang, berlaku kemarau yang panjang, setahun kemaraulah katakan. Mungkin katakanlah mungkin tidak terfikir di fikiran kita di manakah sumber air yang kita boleh dapat, ataupun ada satu keadaan di mana banjir yang sangat besar. Sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jika berlaku banjir yang besar, air banyak tetapi juga kita tidak boleh menggunakan air ini kerana airnya adalah kotor. Oleh itu sama ada ia merupakan satu fenomena *El Nino* ataupun ia fenomena *La Nina* satunya kemarau satunya banjir, sebenarnya kita akan berhadapan dengan masalah ini, iaitu masalah kekurangan air.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan dengan adanya pindaan ini yang saya rasa komprehensif. Takrifan air, sumber air, bukan sahaja merangkumi sungai dan apa disebut sebagai *river and stream*, dengan izin. Tetapi juga merangkumi bahawa sumber air itu juga merangkum dengan air laut. Jadi, saya ingin meminta Pihak Berkuasa Negeri memikirkan untuk kita pertamanya merancang untuk mengguna sumber air laut sebagai satu perancangan strategik masa depan. Dan keduanya ialah untuk kita mengguna pakai atau merawat air yang telah kita pakai. Sebenarnya air dalam dunia ini tidak berkurang dan juga tidak berlebih. 97% air dalam dunia ini adalah air laut. Hanya 1% sahaja adalah air di permukaan air dan di bawah permukaan bumi. Air di permukaan bumi dan di bawah bumi hanya 1% sahaja. 2% lagi adalah air di kutub utara dan kutub selatan dalam bentuk air beku oleh air salji.

Oleh itu, perlulah Pihak Berkuasa Negeri memikirkan bahawa kita pada masa akan datang jika berlaku sesuatu yang tidak kita ingini, kita sudah bersedia dengan suatu perancangan untuk menentukan bahawa kuantiti air yang bersih dan mencukupi untuk kita semua. Kita tidak boleh mengharapkan hanya kepada sungai di atas permukaan bumi dengan membina empangan sahaja. Tetapi juga kita harus juga membina loji-loji air yang boleh merawat air-air loji juga. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin juga membuat satu cadangan kepada enakmen ini iaitu satu fasal yang diperuntukkan khusus untuk tanggungjawab individu untuk menjaga sumber air ini kerana tidak ada tanggungjawab individu yang saya lihat dalam enakmen ini. Tanggungjawab individu untuk menjaga memelihara sumber air. Dan juga satu fasal khusus untuk mengenakan kesalahan kepada mana-mana individu yang boleh didakwa jika mereka melakukan kesalahan mencemarkan sumber air.
Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perokok pun dikenakan denda.

YB Tan Sri Speaker : Ha..

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Orang merokok, Tan Sri Speaker pun kena denda, apatah lagi sumber air Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jangan terasa pula Yang Berhormat Tan Sri ye. Jadi oleh itu, satu Fasal khusus

kepada sesiapa individu yang mengotorkan, mencemarkan sumber air. Ini kalau individu pun dah kena dakwa, apatah lagi rumah, domestik, taman-taman, segala-galanya dan isu yang dibawakan oleh rakan-rakan yang mengatakan bahawa kita ada 18 sungai yang tercemar saya rasa dengan adanya peruntukan ini, Insya-Allah boleh mengawal punca air kita,

Yang Berhormat Tan Sri. (Dewan bertepuk). Saya rasa itu sahajalah yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan ini dan satu lagi mungkin tertinggal ialah soal enakmen ini enakmen air 1921,enakmen ibu ini ditulis dalam bahasa Inggeris. Jadi saya harapkan jika ada pindaan yang berikutnya ada satu pindaan juga yang mengatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam enakmen ini ialah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Yang Berhormat Tan Sri, itu saya yang dah saya usulkan. Jorak menyokong pindaan ini.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jorak. Sekarang yang akhir saya persilakan Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang diberikan kepada Pasir Raja untuk membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Air Pindaan 2014. Kita mengucapkan berbanyak-banyak kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kali ini kerajaan dapat membawa juga Rang Undang-Undang Enakmen Air ini ke Dewan yang mulia ini.

Kata orang putih, *long overdue 1921*, dengan izin. Perkara ini telah dibentangkan kali pertama seperti kata YB Pemanis 93 tahun kita dapat juga meyakinkan bahawa rang undang-undang ini perlu diadakan kerana zaman berubah, iklim berubah dan juga kita dapati Enakmen pertama yang ditubuhkan tujuannya atau spiritnya hanyalah untuk mengawal air dan aliran tetapi kegiatan-kegiatan zaman berubah ini melibatkan perniagaan. Sebab itu Pasir Raja yakin rang undang-undang ini akan disokong oleh seluruh rakyat Johor sama ada daripada kerajaan ataupun pembangkang nanti mintak lah kalau boleh angkat tangan sekali sokong atas prinsip memberikan satu ruang untuk mewariskan kepada generasi akan datang betapa kerajaan hari ini sanggup berusaha memastikan fungsi sebaik mungkin untuk mengawal dan mengatur peruntukan bekalan air mentah dari mana-mana punca air dalam negeri ini.

Dato' Speaker, saya ingin terus merujuk ke kawasan yang ada mana mengambil air mentah iaitu di Sungai Johor. Dan Alhamdulillah sebab saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana dari Pasir Raja lah tiga pembekal air mentah beroperasi di kawasan Pasir Raja iaitu di Sungai Johor. Dan kita bersama-sama dengan ADUN Johor Lama dan ADUN Sedili tentu akan menyokong rang undang-undang ini kerana apa? Perkara yang nak diberitahu di sini ialah berkaitan bagaimana kita patut menjaga sumber ini sebaik-baik mungkin kerana sekiranya tidak dijaga, ianya akan memberikan kesan yang paling ketara terhadap bekalan air terawat. Kalau kita ambil air tak terawat

untuk bekal pada orang ramai senang tetapi akhirnya Tan Sri Speaker kita nak memberikan bekalan air terawat. Sebab itu kita nak melihat tiga perkara. Pertama , di kawasan yang telah pun digazetkan atau pun diwartakan kawasan untuk mengambil air.

Pertama dia perlu diwartakan dengan bersungguh-sungguh. Maknanya adakah enakmen ini menyatakan kawasan itu sebagai kawasan keselamatan ataupun dalam bahasa Inggeris, *security area*. Ada orang nak ceroboh kita kena lihat. Hari ini pencerobohan boleh dikatakan berlaku juga terutama sekali di sekeliling sungai-sungai dan definisi atau pun takrifan Fasal 3 mengatakan sungai ini bukan sahaja sungai tapi *tributaries* iaitu aliran yang kecil-kecil ini. Di situ pun berlaku pencerobohan sama ada mereka menebang pokok-pokok membiarkan ia terbiar tanpa diurus ataupun menanam kelapa sawit ataupun menanam sayur. Kesan daripada penanaman tersebut tentu ada bahan-bahan atau pun bahan-bahan yang digunakan masuk dalam *tributaries* tersebut atau pun ke dalam sungai dan akhirnya tempat nak mengambil air untuk dirawat terpaksa melihat kaedah bagaimana nak proses air itu supaya bersih dan juga boleh diminum.

Yang kedua, Tan Sri Speaker, berkaitan dengan kegiatan dalam kawasan tadahan iaitu nelayan. Ada nelayan-nelayan ni Tan Sri Speaker, dia bukan memancing ataupun pakai jala. Dia pakai bom. Ini berlaku di kawasan yang saya nak cakap ni la. Bom ikan, dia bom ikan Tan Sri Speaker, timbul ikan semua. Bukan yang kecil, besar-besar semua keluar. Saya rasa dalam tanah tu keluar semua lah apa disebut ni barium, arsenik, kadmium, premium, plumbum, merkuri, selenium, perak semua mungkin keluar daripada tempat bom tu. Yang kedua dia pakai tuba. Tuba tu kalau masuk dalam tempat sedut air tu, agak-agak pengendali air tau tak tu tuba? Ini pun masalah juga. Jadi, kita mahu melihat undang-undang ini ada tak mengatakan bahawa Pengarah Sumber Air ni menentukan supaya patrol maknanya ada orang yang lalu kat sungai ni hari-hari. Macam kat sempadan Singapura tu. Saya tengok kat Singapura tu saya tengok kat Singapura ada je Polis dia patrol. Kita nak tau juga kat sungai-sungai kita ni ada tak orang patrol? Tak ada Tan Sri Pengerusi. Saya nak dengan ada enakmen ini, kita boleh mewajibkan supaya ada patrol sungai-sungai yang diwartakan tempat pengambilan air. Gunakanlah bot kecil ke pakai nanti boleh lah beli *hovercraft* ke jet ski ke, bolehlah saya pun boleh menumpang juga. Supaya patrol ini berlaku dan dia boleh mengawasi serta satu lagi nak dikaitkan dengan undang-undang ini Tan Sri Pengerusi. Nak lapor pada Polis, lapor ke lapor pada lembaga air? Kita nak tahu juga.

Akhirnya lembaga air pergi pada Polis. Polis dakwa pada AG. Sekarang kita nak lapor pada Polis dulu ke pada lembaga dulu? Orang ramai nak tahu ni. Saya pun nak cadangkan juga supaya enakmen ini diberitahu pada orang ramai dengan begitu meluas. Kerana apa, nanti salah lapor, pergi polis nanti polis akan merujuk lembaga pengarah sumber air. Pergi kepada Pengarah Sumber Air dia akan pergi mintak PTD, Pegawai Tanah Daerah untuk menyiasat. Jadi nak kena betul-betul perasan benda ni supaya jangan orang nanti

tersalah tempat lapor. Dua kali lapor, susah dia kata. Awak tak boleh lapor sini awak lapor kat Polis. Kat Polis kata eh ini bukan kita punya laporan, awak kena laporkan kat lembaga apa tu Pengarah Sumber Air.

Yang ketiga Tan Sri Pengerusi, akhir, ialah berkaitan dengan adakah enakmen ini menentukan perkara yang paling pokok *tributaries* tadi itu, mata air, kata sumber air ni dalam tanah, bawah tanah, *subterrance*, sungai, laut. Mata air Pengerusi. Kita selalu sebut dalam orang kampung selalu sebut

YB Tan Sri Speaker : Mata air ke mat tahir?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Nak kena sebut betul-betul, mata air. Bukan mat tahir, mata air. Sumber air pertama yang keluar. Kita pergi New Zealand. New Zealand tempat mata air Tan Sri Pengerusi. Dia kawal, dia biakkan ikan di situ, dia jadikan sebagai kawasan pelancongan. Dan dia tak beri sumber yang ada mata air itu kepada individu, kepada sesiapa juga, kerajaan kawal. Tetapi dibangunkan supaya ia tidak dicemari atau diceroboh. Jadi, enakmen ini perlu melihat di dalam negeri Johor ini berapa banyak mata air yang ada dalam negeri Johor ini, mesti nak tahu. Pakai GPS ke pakai *google* ke apa mesti ada. Kota tinggi ada satu mata air iaitu di Gunung Batu Empat. Kawasan tersebut adakah dipelihara betul-betul? Kita nak Pengarah Sumber Air ni memastikan bahawa dalam enakmen ini, enakmen fasa 3 ini menyatakan bahawa kita mahu perkara ini dilihat.

Akhir sekali Tan Sri Pengerusi, saya yakin perkara ini diperasan oleh pembangkang. Kita tak mahu soal air ini soal remeh. Sebab itu kalau kita lihat apa yang berlaku di Penang dan Selangor, di bawah pentadbiran pakatan pembangkang sering cerita perkara yang tak memuaskan antaranya catuan air, kenaikan tarif air sampai 130%.

Yang ketiga yang jarang berlaku di Johor ialah kata-kata nak menggunakan air lombong Tan Sri Pengerusi. Akhir sekali, dah tak ada air, dah tak boleh nak bagi guna air lombong. Saya nak beritahu Tan Sri Pengerusi bahaya air lombong ni :

1. Apabila kita minum air lombong, apabila ada arsenik kesannya kepada saya harap ditulis dalam verbatim ini supaya jadi warisan dilihat cucu-cicit kita. Arsenik ini kalau dia bahayakan kesihatan dia menyebabkan kanser kulit, paru-paru, hati dan pundi kencing. Ini arsenik ni, bahaya arsenik.

2. Barium menyebabkan tekanan darah tinggi. Yang ni kadang-kadang kita tengok wakil rakyat semua darah naik rupanya ada barium dalam badan. Lepas tu Tan Sri Pengerusi takut perubahan dalam rentak jantung atau boleh menyebabkan lumpuh atau kemungkinan maut.

Bahan bahaya yang saya sebut:

3. Kadmium. Pendedahan jangka panjang Tan Sri Pengerusi, boleh menyebabkan penyakit buah pinggang. Ha, ni saya rasa dalam Negeri Johor ni ramai orang sakit buah pinggang, dialisis ni ada kadmium dalam air agaknya. Kromium, ulser hidung, hidung berair dan masalah pernafasan.

4. Plumbum, ha ni paling penting *lead* atau plumbum, pendedahan paras tinggi boleh menyebabkan kerosakan otak dan buah pinggang serta maut. Kalau ni ada plumbum ni.

5. *Mercury*. Ha ni banyak dalam lombong ni. Pendedahan paras tinggi boleh menyebabkan kerosakan otak dan buah pinggang dan perkembangan fetus. Selenium, pendedahan paras tinggi boleh menyebabkan kesukaran bernafas, sakit perut dan batuk.

6. Perak, perak ni barang kita pakailah. Pendedahan paras tinggi boleh menyebabkan masalah pernafasan paru-paru, sakit perut dan batuk-batuk.

Tan Sri Speaker..

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Akhir sekali, saya yakin dengan adanya Rang Undang-Undang pindaan ini, kita akan dapat tingkatkan hasil Kerajaan negeri walaupun tak berapalah, saya rasa. Dan yang paling penting, kita minta kerajaan sering mengingatkan pengusaha-pengusaha berkaitan air agar ingat. Sebenarnya dalam dunia ni ada undang-undang yang perlu mereka patuhi bila berurusan dengan kerajaan, yang diberi mandat oleh rakyat. Dan, kita sebagai rakyat nak mengingatkan kerajaan negeri atas tanggungjawab besar menjaga bekalan air dan kawasan sumber air. Dan, yang paling penting hari ini saya menyeru kepada semua Wakil Rakyat di sini, sama ada kerajaan atau pembangkang menyokong Rang Undang-Undang ini.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Yang Berhormat Pengerusi, jemput.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan yang mulia, yang telah membahaskan bertentangan pindaan Enakmen Air 1921 yang dibentangkan pada pagi ini. Sebagai huraian kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Buloh Kasap, berkaitan dengan penguatkuasaan. Yang Berhormat Buloh Kasap telah membangkitkan soal kebimbangan terhadap pengawalan, keselamatan di kawasan-kawasan tadahan dan juga berhasrat untuk memastikan bahawa aktiviti yang boleh melibatkan pencemaran ini dapat diberikan penekanan dan juga perhatian melalui pindaan akta ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Buloh Kasap, berkenaan dengan isu penguatkuasaan di kawasan tadahan air, Pengarah ada kuasa. Pengarah Badan Kawal Selia ada kuasa di bawah Seksyen 14B. Dan juga BAKAJ, Badan Kawal Selia Air Johor akan mewujudkan Unit Penguatkuasaan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa kita akan dapat mengawal dan juga menjaga kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai kawasan tadahan air. Berkenaan dengan pencemaran air seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Buloh Kasap, fasal-fasal juga telah menekankan pada kaedah ataupun kategori pencemaran. Tapi juga saya diingatkan bahawa berkaitan dengan soal pencemaran ini, terdapat juga undang-undang lain yang terpakai. Sebagai contoh Akta Alam Sekitar 1974, juga membolehkan penguatkuasaan diambil tindakan, tindakan diambil terhadap pihak-pihak yang mencemarkan air di sungai-sungai kita.

Ahli Yang Berhormat Jementah, juga menyatakan bahawa kita banyak dan kaya dengan sumber air. Saya amat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat. Memang Johor, kita bersyukur sebagai sebuah negeri yang mempunyai sumber air yang cukup banyak. Satu rahmat yang diberikan oleh Allah SWT dan kita berhasrat untuk menjaga sumber air ini. Dan pindaan yang kita lakukan pada hari ini adalah berkaitan dengan sumber air yang memberi hak dan kuasa yang lebih kepada pihak berkuasa Kerajaan negeri. Maka, atas dasar itu, soal kenaikan tarif Yang Berhormat bangkitkan itu adalah satu perkara yang berbeza. Oleh kerana sebaik sahaja negeri kita Johor beralih kepada rejim perlesenan, kita telah memindahkan segala hutang-hutang yang berkaitan dengan soal penyediaan sistem bekalan air, untuk membekalkan air terawat kepada Kerajaan Persekutuan. Maka, melalui pelaksanaan rejim perlesenan ini, segala kos bagi pembangunan aset-aset bagi memproses membekalkan air terawat ini, adalah terkandung di dalam *business plan* Syarikat Air Johor yang mengambil kira pelaburan terhadap pembangunan infrastruktur dan juga *revenue* yang bakal kita perolehi dari pembekalan air terawat. Maka dengan itu, isu tarif air akan sentiasa dikawal oleh Kerajaan negeri supaya ianya tidak membebankan rakyat.

Berkenaan dengan kebimbangan Yang Berhormat Jementah, sekiranya pampasan sebagaimana Seksyen 10, pindaan perlembagaan, perlu dibezakan antara pampasan yang dimaksudkan di dalam Fasal 10 ini, di mana ianya tidak bolehlah disamakan dengan pengambilan balik tanah. Kerana dalam hal pindaan Rang Undang-Undang yang kita bawa, ianya adalah berkaitan dengan soal izin lalu ataupun ianya seperti kebenaran yang diberikan oleh tuan-tuan punya tanah, dalam segi kebenaran untuk merentang kabel elektrik dan sebagainya. Ianya bukan sesuatu yang bersabit dengan soal pengambilan balik tanah seperti sebagaimana Seksyen 10. Itu adalah akan tertakluk kepada Akta Kanun Tanah Negara, kalau ianya terlibat. Tetapi peruntukan yang dinyatakan di dalam pindaan ini adalah sama seperti Akta Bekalan Elektrik, sebagai contoh.

Seterusnya Yang Berhormat, beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah khususnya Yang Berhormat Mengkibol dan juga Yang Berhormat Pengkalan Rinting tadi, membangkitkan kebimbangan tentang soal menggazet atau *degazette* kan kawasan-kawasan tadahan ini, supaya dapat dibincang atau dibawa ke Dewan yang mulia ini. Mungkin Yang Berhormat, apa yang perlu kita berikan perhatian ialah proses kita menggazet hari ini pun tidak kita bentang dalam Dewan. Jadi, nak *degazette* tak kan kita nak bentang dalam Dewan pula. Jadi, proses kita menggazet, kita berikan penelitian dan juga sekiranya untuk *degazette* kan pula, ianya haruslah melalui proses yang sama.

Yang Berhormat Jementah juga ada membangkitkan tentang soal tidak adanya hak untuk merayu dan sebagainya. Saya percaya sekiranya kita melihat kepada soal pampasan, sekiranya kita melihat kepada soal kuasa yang kita benarkan kepada Pengarah, Pegawai-pegawai yang terlibat untuk memasuki sesuatu kawasan, untuk menjalankan sebarang kerja, maka proses itu sekiranya melibatkan pampasan yang tidak diterima atau tidak dipersetujukan, maka proses rayuan boleh lagi dibuat, sehingga kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Yang Berhormat Pemanis telah membangkitkan tentang beberapa perkara yang lebih kepada mengingatkan supaya dengan adanya pindaan kepada enakmen ini, aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan kualiti air, sebagai contoh pembalakan haram di Cameron Highlands, adalah satu cadangan yang baik, yang saya percaya akan dapat memperkukuhkan lagi Fasal 8 di dalam akta yang kita pinda, untuk membolehkan kita mengelak daripada mengalami nasib yang sama di kawasan-kawasan di mana tempat-tempat tadahan ini di ganggu-gugat oleh aktiviti-aktiviti pembalakan. Saya menyahut cabaran Yang Berhormat Pemanis supaya Sungai Segget itu, dalam kerja-kerja pembersihan pada waktu ini Yang Berhormat, yang menelan belanja sebanyak RM200 juta ini, saya pun sama dengan Yang Berhormat harap-harap airnya akan jernih. Bukan setakat jernih, kalau boleh manis juga Yang Berhormat airnya, macam Yang Berhormat Pemanis juga. Ialah RM200 juta bukan satu jumlah yang sikit untuk membersihkan sungai yang berkenaan.

Yang Berhormat Mengkibol ada membangkitkan perkara-perkara yang, pertama terima kasih kerana melihat bahawa pewartaan ini ataupun pindaan enakmen ini adalah menyeluruh. Itulah harapan kita Yang Berhormat, melihat supaya pengawalan sumber air, penguatkuasaan dan pemuliharaan sumber air ini dapat kita laksanakan melalui pindaan ini. Jadi, Yang Berhormat Mengkibol meminta supaya sehingga adanya satu jawatankuasa bersama untuk melihat kepada pelaksanaan enakmen ini, saya kira pada peringkat ini Yang Berhormat dilihatkan pindaan enakmen ini atau pelaksanaan enakmen ini tidaklah begitu *complicated* sangat. Saya kira ianya agak jelas dari segi peranan dari segi akta-akta yang menyokong pindaan enakmen air ini. Maka, semua pihak ada. Alam sekitar pun terlibat. Akta Bekalan Industri Air juga terlibat. Banyak akta-akta lain termasuk Kanun Tanah Negara juga, menjadi sebahagian daripada pihak yang bertanggungjawab untuk mendukung dan

menyokong enakmen ini. Maka, kita berilah peluang kepada enakmen ini untuk ianya dilaksanakan, kerana saya percaya bahawa dengan kita memberi kuasa yang lebih kepada Pengarah BAKAJ, kita akan dapat melihat pengawalan, pemuliharaan dan juga penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Bila kita susun semula dan struktur semula BAKAJ nanti, Yang Berhormat Mengkibol akan dapat berpeluang melihat kesungguhan kerajaan dan keupayaan kerajaan untuk melaksanakan enakmen ini.

Yang Berhormat juga menyatakan tentang perlu kita memulakan kaedah untuk mengenal pasti sumber alternatif bagi menghadapi cabaran dan juga bagi menghadapi ancaman-ancaman terhadap sumber air. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, dan saya percaya bahawa kajian sumber air yang dibuat untuk tempoh 2010 hingga 2060 ini, akan melihat pendekatan pembangunan sumber air ini secara menyeluruh dan untuk jangka masa 50 tahun itu, kita akan dapat memantapkan lagi pembangunan sumber air negeri Johor.

Yang Berhormat Pengkalan Rinting menyatakan tentang soal bahawa tiada Fasal yang menjaga kawasan hutan simpan. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, Yang Berhormat bahawa Enakmen Pindaan Air 1921 ini adalah juga dibaca bersekali dengan akta-akta lain. Maka perkara yang bersabit dengan soal menjaga kawasan-kawasan hutan simpan yang terdapatnya atau pun yang wujudnya kawasan-kawasan tadahan ini. Saya percaya ianya merupakan salah satu daripada akta yang akan dapat membantu pengukuhan Enakmen Bekalan Air ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Jorak dan Yang Berhormat Pasir Raja telah mengemukakan beberapa pandangan dan juga harapan berkaitan dengan pindaan ini. Saya amat mengalu-alukan cadangan supaya kita menjangkau persiapan ini bukan hanya dalam keadaan biasa, mungkin kemarau boleh berlanjut sehingga setahun lamanya, mungkin juga banjir besar boleh melanda kerana bila musim kemarau pun, kita akan menghadapi bekalan air yang merosot. Malah, bila banjir air besar pun kita tiada air bersih yang cukup. Maka, Yang Berhormat Jorak mencadangkan supaya ada strategi masa depan ataupun kita melihat kepada sumber-sumber lain juga termasuklah membangunkan sistem *desalination* sebagai salah satu daripada kaedah. Kita berdoa Yang Berhormat, mudah-mudahan sebagai negeri yang dirahmati dengan sumber air yang banyak seperti mana yang saya katakan tadi, kita tak perlu nak beralih sehingga kepada buat *recycle* air, air kumbahan ini sebagai sumber air ataupun kita perlu nak melaksanakan *desalination*, tetapi pada kajian yang dibuat, sumber-sumber air daripada Empangan Endau sebagai contoh atau kawasan tadahan Endau adalah merupakan kawasan sumber air yang mampu untuk meningkatkan keupayaan menjaga bekalan air di negeri kita.

Kalau Yang Berhormat Pasir Raja tadi mengatakan bahawa sumber air di Sungai Johor termasuk Sungai Lebam adalah merupakan sumber yang besar.

Betul Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Johor mampu sehingga membekalkan air mentah kepada negara Singapura sebanyak 250 juta gelen sehari. Itu adalah kerana sumber daripada

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat banyak lagi? Panjang lagi menjawab?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Dah nak habis ini Tan Sri Speaker. Sumber daripada Sungai Johor ini adalah sesuatu yang akan kita pertahankan. Malah, dengan pembinaan *barrage* itu, adalah satu pendekatan untuk menjaga sumber air di negeri Johor.

Saya harap penjelasan yang dibuat dapat menjawab sedikit sebanyak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, diucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Segala teguran, peringatan dan cadangan yang diberikan akan diambil kira dalam kita merangka kaedah-kaedah pelaksanaan pindaan Akta Bekalan Air 2014, yang dibentangkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan kita ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, ahli yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Rang Undang-Undang Enakmen Air Pindaan 2014.

YB Tan Sri Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1 Hingga Fasal 25.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1 hingga Fasal 25 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli yang tidak bersetuju, Fasal 1 hingga Fasal 25 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. (Dewan bertepuk).

Jurutulis : Jadual Pertama.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Jadual Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Jadual Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Jadual Kedua.

YB Tan Sri Pengerusi: Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Jadual Kedua bagi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Jadual Kedua jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Jadual Ketiga.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Jadual Ketiga jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Jadual Ketiga jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini, telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Air (Pindaan) 2014, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang ini. Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan. (Dewan bertepuk).

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Air (Pindaan) 2014.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan ini saya tangguhkan, saya mempersilakan Ketua-Ketua Jabatan atau wakil-wakilnya baik di peringkat jabatan, peringkat negeri dan juga di peringkat negara untuk jemput ke jamuan yang disediakan di Dewan Jamuan kita selepas Dewan ini ditangguhkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehinggan jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.05 petang.

Persidangan dimulakan pada jam 2.30 petang

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula.

Jurutulis : Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor 2014.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya rang undang-undang ini dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang undang-undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor yang bertujuan untuk menggalak dan melaksanakan pemajuan perumahan dan hartanah di Negeri Johor dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan di bawah Peraturan Tetap 58, agar rundingan ini untuk bacaan kali kedua bagi rang undang-undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya rang undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullah hi wabakatuh. (bacaan selawat)

Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang Lembaga Harta Tanah dan Perumahan Johor 2014 ini adalah idea yang ditunaskan oleh kerajaan Barisan Nasional. Iaitu untuk menubuhkan sebuah badan yang akan dikenali sebagai Lembaga Perumahan dan Harta

Tanah Johor dan mengadakan undang-undang berkaitan pengawalan pemajuan perumahan dan harta tanah Negeri Johor. Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk pertamanya memantapkan urusan-urusan kawalan terhadap pemaju-pemaju perumahan dan harta tanah di dalam negeri.

Yang keduanya, menambah baik lagi perundangan sedia ada yang telah diwujudkan oleh kerajaan persekutuan mengikut keperluan Negeri Johor. Ia selari dengan Teras 3 Dasar Perumahan Negara. Iaitu untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan memastikan pematuhan kepada sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan perumahan. Lembaga ini akan menjadi satu-satu agensi Kerajaan negeri yang bertanggungjawab berkenaan pemantauan pemajuan perumahan dan harta tanah termasuk isu-isu perumahan komuniti Johor, rumah mampu milik Johor dan kedai kos sederhana yang mesti dibina oleh pemaju-pemaju perumahan di bawah dasar perumahan rakyat Johor. Secara tidak langsung kewujudan lembaga ini adalah kesinambungan daripada dasar perumahan rakyat Johor di Iskandar Malaysia yang telah diperkenalkan dan telah juga diluaskan dengan ubahan-ubahan yang sesuai ke seluruh negeri Johor yang ideanya juga ditunaskan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini fungsi-fungsi pemantauan dan kawalan kerja negeri ke atas pemajuan perumahan dan harta tanah dan isu-isu berkaitan berada di pelbagai agensi Kerajaan negeri. Unit Perancang Ekonomi Johor atau UPEN melakukan fungsi-fungsi membuat dasar-dasar berkenaan pemajuan perumahan dan harta tanah dan menjadikan pusat rujukan berkenaan dasar-dasar tersebut.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan pula melaksanakan dasar-dasar perumahan yang telah disediakan oleh pejabat UPEN. Isu setinggan ditangani oleh Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan. Isu pengurusan dan penyelenggaraan rumah sewa dan sewa beli dan rumah awam Kerajaan negeri dilakukan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan. Isu penyelenggaraan rumah strata swasta ditangani oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan. Isu kemajuan harta tanah komersial terbengkalai ditangani oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan dan isu-isu berkaitan atau pun strata swasta 2013 dan berkaitan kawasan dengan izin, *gated and guarded* juga ditangani oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan.

Kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa adalah lebih baik sekiranya fungsi-fungsi ini disatukan dan dilakukan oleh satu agensi kerajaan negeri, pemantauan dan kawalan kerajaan negeri pada fungsi-fungsi dan isu-isu ini akan menjadi lebih baik kerana semua pengetahuan berkenaan disatukan dan diuruskan oleh orang-orang yang sama yang akan duduk di dalam satu Lembaga. Bukan saja itu, setelah fungsi-fungsi Kerajaan Negeri menjadi lebih tersusun dan teratur Lembaga tersebut akhirnya boleh menjadi pusat rujukan

setempat berkaitan isu-isu berkaitan pemajuan perumahan dan harta tanah bagi negeri Johor. Tiada lagi pertindihan tugas atau kekeliruan tentang tanggungjawab di antara agensi Kerajaan negeri. Bagi isu-isu perumahan yang disokong oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara seperti isu pemajuan perumahan terbengkalai, isu penyelenggaraan perumahan strata dan lain-lain lagi. Usaha-usaha bersama tersebut akan menjadi lebih baik kerana Jabatan Perumahan Negara hanya akan perlu berurusan dengan satu agensi Kerajaan negeri. Lembaga Perumahan juga telah diwujudkan di Negeri Melaka pada tahun 2002 dan semasa Selangor di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2001di bawah enakmen mereka sendiri masing-masing. Hasil daripada lautan sambil belajar yang telah dibuat menunjukkan bahawa sistem satu agensi pemantau bernama Lembaga Perumahan yang telah dihasilkan di negeri tersebut adalah lebih berkesan di dalam menangani dan memantau isu-isu berkaitan pemajuan perumahan dan harta tanah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang-Rang Undang ini terbahagi kepada 6 bahagian dan mengandungi 51 Fasal dan 3 Jadual -

Bahagian I mempunyai 2 fasal yang merangkumi fasal-fasal permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Rang Undang-Undang yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi tafsiran beberapa penyataan yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan.

Bahagian II berkenaan penubuhan Lembaga yang mempunyai 9 fasal (Fasal 3-11).

Fasal 3 memperuntukkan tentang penubuhan Lembaga.

Fasal 4 memperuntukkan tentang keanggotaan Lembaga.

Fasal 5 memperuntukkan tentang meterai Lembaga.

Fasal 6 memperuntukkan tentang fungsi dan kuasa Lembaga.

Fasal-7 memperuntukkan tentang kuasa Lembaga untuk menubuhkan suatu perbadanan.

Fasal 8 memperuntukkan berkenaan kuasa Lembaga untuk mewakilkan fungsi, tanggungjawab dan kuasanya kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Pengarah, mana-mana jawatankuasa, atau pihak berkuasa awam atau mana-mana orang lain.

Fasal 9 memperuntukkan tentang kewajipan Lembaga untuk melaksanakan arahan-arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal 10 memperuntukkan berkaitan tanggungjawab Lembaga untuk membekalkan maklumat berhubung harta dan kegiatannya kepada Pihak Berkuasa Negeri seperti yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal 11 memperuntukkan tentang pembentangan projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Bahagian III berkenaan dengan pelantikan Pengarah, Pegawai dan Pekhidmat Lembaga yang mempunyai 11 fasal (Fasal 12-22).

Fasal 12 memperuntukkan tentang pelantikan Pengarah, pegawai dan pekhidmat.

Fasal 13 memperuntukkan tentang tugas Pengarah.

Fasal 14 memperuntukkan berkenaan kuasa Lembaga untuk membuat peraturan berkenaan penggajian pegawai dan pekhidmatnya dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal 15 memperuntukkan tentang kuasa tatatertib Lembaga dan menjalankan kawalan menurut Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Negeri Johor) 2001.

Fasal 16 memperuntukkan tentang kewajipan Lembaga atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Enakmen yang dicadangkan untuk menzahirkan kepentingan.

Fasal 17 memperuntukkan Lembaga hendaklah menerima pakai mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan negeri.

Fasal 18 memperuntukkan tentang kuasa Lembaga untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa untuk membantunya melaksanakan fungsi dan kuasanya.

Fasal 19 memperuntukkan berkenaan kuasa Lembaga untuk mengambil kerja ejen dan penasihat teknikal untuk menguruskan apa-apa urusan atau perbuatan yang dikehendaki dijalankan bagi maksud Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 20 memperuntukkan bahawa semua anggota Lembaga dan jawatankuasanya, semua pegawai, pekhidmat dan ejen Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574]

Fasal 21 memperuntukkan tentang pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] bagi maksud apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga.

Fasal 22 memperuntukkan berkenaan perlindungan daripada tanggungan peribadi bagi apa-apa tindakan yang dilakukan oleh Perbadanan dengan suci hati.

Bahagian IV adalah berkenaan peruntukan kewangan Lembaga yang mempunyai 12 fasal (Fasal 23-34)

Fasal 23 memperuntukkan tentang penubuhan Kumpulan Wang bagi Lembaga termasuk perkara-perkara yang terkandung di dalam Kumpulan Wang tersebut dan perkara-perkara yang boleh dibelanjakan melalui Kumpulan Wang.

Fasal 24 memperuntukkan tentang kuasa Lembaga untuk menerima apa-apa pemberian yang diberi kepada Lembaga bagi maksud yang dinyatakan dalam Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 25 memperuntukkan tentang kuasa Lembaga untuk meminjam dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal 26 memperuntukkan tentang tatacara kewangan Lembaga berkenaan anggaran perbelanjaan dan anggaran perbelanjaan tambahan.

Fasal 27 memperuntukkan tentang kuasa Lembaga untuk memberi pinjaman wang dan biasiswa kepada pegawai atau pekhidmat Lembaga.

Fasal 28 memperuntukkan tentang sekatan bagi menubuh atau menganjurkan penubuhan atau pembesaran syarikat, pemberian bantuan kewangan, membeli atau memiliki saham dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian atau meminjam wang atau memberi jaminan yang melibatkan liabiliti kewangan kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal 29 memperuntukkan Kumpulan Wang Lembaga yang tidak dibelanjakan boleh dilaburkan atau disimpan di mana-mana institusi kewangan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Fasal 30 memperuntukkan tentang aset tidak boleh di lupus atau ditukar bagi ganjaran lain melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal 31 memperuntukkan tentang kewajipan Lembaga untuk menyimpan akaun dan lain-lain rekod mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengannya.

Fasal 32 memperuntukkan tentang tahun kewangan dan akaun Lembaga hendaklah diaudit.

Fasal 33 memperuntukkan tentang kewajipan Lembaga untuk memberi buku, akaun dan urus niaga Lembaga kepada orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat penyiasatan.

Fasal 34 memperuntukkan tentang kewajipan Lembaga untuk mengemukakan laporan kegiatan Lembaga tidak lewat 30 Jun setiap tahun kewangan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dibentangkan oleh Menteri Besar di dalam Dewan Negeri.

Bahagian V adalah berkenaan dengan peruntukan-peruntukan pemajuan perumahan dan hartanah di dalam negeri Johor yang mempunyai 5 fasal (Fasal 35-39).

Fasal 35 memperuntukkan tentang tanggungjawab Lembaga untuk pemajuan perumahan dan hartanah dalam Negeri Johor.

Fasal 36 memperuntukkan tentang kuasa Lembaga dan Pengarah untuk menghendaki mana-mana orang, pihak berkuasa awam, pemaju perumahan atau pemaju hartanah atau penghuni mana-mana premis untuk memberikan apa-apa maklumat.

Fasal 37 memperuntukkan tentang pendaftaran orang atau pihak berkuasa awam yang menjalankan pemajuan perumahan atau hartanah.

Fasal 38 memperuntukkan tentang kuasa Lembaga untuk mengambil alih pemilikan kosong atau mengusir mana-mana orang dari premis yang disewakan atau dijual oleh Lembaga sekiranya pemilik atau penghuni melanggar peruntukan di bawah enakmen yang dicadangkan.

Fasal 39 memperuntukkan berkenaan pengambilan tanah yang bukan tanah Kerajaan negeri yang boleh diambil mengikut peruntukan undang-undang bertulis berkaitan pengambilan tanah yang pada masa itu berkuat kuasa.

Bahagian VI adalah berkenaan peruntukan-peruntukan Am yang mempunyai 12 fasal (Fasal 40-51)

Fasal 40 memperuntukkan tentang pelantikan Pegawai Penguat kuasa.

Fasal 41 memperuntukkan tentang kuasa Pegawai Penguatkuasa atau pegawai yang diletak hak dengan kuasa Pegawai Penguatkuasa untuk memasuki, membuat pemeriksaan dan siasatan, menyoal periksa atau mana-mana kuasa lain yang perlu bagi melaksanakan Enakmen yang dicadangkan ini.

Fasal 42 memperuntukkan berkenaan sesiapa yang menghalang pelaksanaan tugas di bawah kuasa Enakmen yang dicadangkan ini adalah satu kesalahan.

Fasal 43 memperuntukkan tentang kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengarahkan Lembaga digulung dan dibubarkan melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Fasal 44 memperuntukkan Lembaga disifatkan sebagai Melayu bagi maksud Enakmen Rizab Melayu Johor 1936.

Fasal 45 memperuntukkan tentang kuasa Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat peraturan-peraturan melalui pemberitahuan dalam Warta.

Fasal 46 memperuntukkan berkenaan kesalahan dan penalti am bagi setiap peninggalan atau kelalaian dalam mematuhi dan setiap perbuatan atau percubaan untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan Enakmen yang dicadangkan ini atau peraturan di bawahnya yang mana tiada penalti secara khusus diperuntukkan.

Fasal 47 memperuntukkan tentang kesalahan oleh perbadanan di bawah Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 48 memperuntukkan tentang pendakwaan yang hanya boleh dimulakan dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Fasal 49 memperuntukkan tentang kuasa Pengarah dengan izin bertulis Pendakwa Raya untuk menawarkan kompaun tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan terhadap Enakmen yang dicadangkan ini atau peraturan di bawahnya.

Fasal 50 memperuntukkan tentang halangan kepada anggota Lembaga atau jawatankuasa, Pengarah, pegawai atau pekhidmat Lembaga daripada menggunakan apa-apa maklumat untuk mendapat faedah tidak wajar.

Fasal 51 memperuntukkan tentang tatacara penyampaian notis atau perhubungan lain yang dikehendaki disampaikan di bawah Enakmen yang dicadangkan ini.

Rang Undang-Undang ini mempunyai **3 Jadual.**

Jadual Pertama dalam Enakmen yang dicadangkan adalah dirujuk dalam Sub Fasal 4(4) dan 18(3) yang memperuntukkan berkenaan pembatalan anggota dan perkara-perkara berkaitan mesyuarat.

Jadual Kedua dalam enakmen yang dicadangkan adalah dirujuk dalam Fasal 7 yang memperuntukkan perkara-perkara berkenaan penubuhan perbadanan.

Penggubalan Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor telah menjadi satu keperluan. Ianya akan dapat melancarkan urusan perundangan dan pentadbiran isu-isu pemajuan perumahan dan hartanah dan isu-isu berkaitan. Ianya bukan setakat untuk melicinkan lagi perlaksanaan fungsi-fungsi Kerajaan negeri tetapi akan juga akhirnya memberikan manfaat kepada penduduk-penduduk negeri Johor berkaitan keperluan untuk memiliki perumahan dan kawasan perumahan yang harmoni dan lebih terancang dan tersusun dengan keperluan-keperluan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum mesyuarat dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa. Saya ingin mengusulkan tentang beberapa perenggan perubahan di mana perenggan b, sub Seksyen 41 ... Lembaga. Lembaga hendaklah terdiri daripada tidak lebih dari 4 orang wakil daripada apa-apa perbadanan agensi atau mana-mana orang yang membawa manfaat kepada Lembaga dilantik oleh Raja diganti kepada Keanggotaan Lembaga hendaklah terdiri daripada tidak lebih daripada 4 orang wakil daripada apa-apa perbadanan agensi atau mana-mana orang yang membawa manfaat kepada Lembaga yang dilantik oleh Raja atas nasihat Menteri Besar.

Perkara 2 Sub Seksyen 42, seorang anggota Lembaga kecuali sesiapa yang disebut di dalam perenggan a, b dan c hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak dilantik semula melainkan jika dia terlebih dahulu meletak atau mengosongkan jawatan atau pelantikan terlebih dahulu dibatalkan oleh Raja. Digantikan pindaan kepada seorang anggota Lembaga kecuali sesiapa yang disebut di dalam perenggan a, b dan c hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan layak dilantik semula melainkan jika tidak terlebih dahulu meletak atau mengosongkan jawatan atau pelantikan terlebih dahulu dibatalkan oleh Raja atau Menteri Besar.

Sub Seksyen 43, Ahli Lembaga boleh dibayar saraan atau elaun seperti yang ditentukan oleh Raja. Pindaan, Ahli-Ahli Lembaga bolehlah dibayar saraan atau elaun seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Seksyen 7, kuasa untuk menubuh perbadanan. Lembaga boleh dari semasa ke semasa dengan kuasa Raja menubuh satu badan menurut Jadual Kedua dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Lembaga untuk menjaga, membangun, mengurus apa-apa rancangan kemajuan projek skim atau perusahaan yang ditentukan oleh Lembaga. Pindaan kepada kuasa untuk

menubuh perbadanan, Lembaga bolehlah dari semasa ke semasa dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri. Menubuh sesuatu perbadanan menurut Jadual Kedua dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Lembaga untuk menjaga, membangun, mengurus apa-apa perancangan kemajuan projek skim atau keputusan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Sub Seksyen 12(2), pelantikan pengarah, pegawai dan pekhidmat. Segala pelantikan pengarah hendaklah dengan terlebih dahulu mendapat keputusan raja. Dipinda kepada pelantikan pengarah, pegawai dan pekhidmat. Segala pelantikan pengarah hendaklah dengan terlebih dahulu mendapat kuasa raja atas nasihat Menteri Besar.

Sub Seksyen 26(6) kewangan. Lembaga hendaklah sebelum permulaan Julai menyerahkan kepada Raja dan Pihak Berkuasa Negeri anggaran perbelanjaan untuk tahun hadapan dalam bentuk dan berserta butir-butir yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah sebelum bulan September setiap tahun memberitahu Lembaga berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk perolehan secara am ataupun berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk setiap jenis perbelanjaan. Dipinda kepada kewangan, Lembaga hendaklah sebelum bulan julai menyerah kepada Pihak Berkuasa Negeri anggara perbelanjaan untuk tahun hadapan dalam bentuk dan berserta butir-butir yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah sebelum bulan September setiap tahun memberitahu Lembaga berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk perbelanjaan secara am ataupun berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk setiap perbelanjaan.

Sub Seksyen 32(3), tahun kewangan dan akaun beraudit. Lembaga hendaklah dalam enam (6) bulan selepas berakhirnya tiap-tiap satu tahun kewangan mengaudit akaunnya dan menghantar kepada raja dan Pihak Berkuasa Negeri bersama-sama dengan satu salinan ataupun pandangan yang dibuat oleh Audit Negara atau Juru Audit yang dilantik di bawah sub seksyen atas apa-apa kenyataan atau akaun Lembaga bersama dengan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam Seksyen 34'.

Sub Seksyen 33, Siasatan Terhadap Akaun. Raja atau pihak berkuasa negeri boleh pada bila-bila masa mengarah orang tertentu yang dilantik olehnya untuk membuat siasatan terhadap buku akaun dan urusniaga Lembaga dipinda kepada 'Siasatan terhadap akaun Pihak Berkuasa Negeri boleh dan bila-bila masa mengarah orang tertentu yang dilantik olehnya untuk membuat penyiasatan terhadap buku, akaun dan urusniaga Lembaga.'

Sub Seksyen 34(1) Laporan Tahunan Lembaga hendaklah tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun kewangan menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Raja dan Pihak Berkuasa Negeri satu laporan menyentuh kegiatan Lembaga pada tahun yang lepas, dipinda kepada 'Laporan Tahunan Lembaga hendaklah tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun kewangan menyebabkan

dibuat dan dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri satu laporan menyentuh kegiatan Lembaga pada tahun yang lepas.'

Sub Seksyen 4(3) Penggulungan dan Pembubaran. Raja boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta, mengarah supaya Lembaga digulung dan dibubarkan, dipinda kepada 'Penggulungan dan pembubaran Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengarahkan supaya Lembaga digulung dan dibubarkan'.

Berdasarkan perkara yang berikut Yang Berhormat Speaker, saya memaklum beberapa penerangan yang telah dimaklumkan tadi.

YB Tan Sri Speaker : YB Jais.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong perundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 59, maka bolehlah dibahaskan akan Rundingan itu. Tetapi hendaklah dihadkan perbahasan itu kepada dasar-dasar dan faedah-faedah Rang Undang-Undang itu sahaja. Perbahasan atas rundingan atas bacaan bagi kali yang Kedua, Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor 2014 dimulakan sekarang. Saya nak mengingatkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat telah melantik seramai 8 orang yang menjadi pembahas dalam Rang Undang-Undang ini, 5 daripada Barisan Nasional dan 3 daripada parti pembangkang. Saya akan memanggil satu persatu dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang diminta berbahas ini tak boleh lebih daripada 10 minit seorang sahaja.

Jadi... Tapi sebelum saya memanggil Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Rang Undang-Undang ini, sukacita saya mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya semasa sesi perbahasan bacan kali Kedua ini dan di peringkat Jawatankuasa, peraturan-peraturan berbahas di bawah Perkara 45 perlu juga diberikan perhatian. Antaranya saya mengingatkan, nama Raja-Raja Melayu tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Dewan Negeri dan perangai serta tingkah laku Raja-Raja Melayu, sahsiah Raja-Raja tidak boleh disentuh kerana menyalahi Peraturan Mesyuarat. Dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Tiram, 10 minit, jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor 2014 pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan negeri atas pembentangan Enakmen Lembaga

Perumahan dan Hartanah Johor yang sememangnya ditunggu-tunggu oleh rakyat Johor. Malah cadangan Lembaga Perumahan ini telah pun dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional semenjak beberapa tahun yang lepas. Kalau enakmen ini dilihat dari sudut tujuan, matlamat dan fungsinya, ianya amatlah baik di dalam usaha kerajaan memantapkan urusan pembangunan hartanah terutama yang melibatkan golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Saya juga difahamkan bahawa apabila enakmem ini diluluskan dan Lembaga diwujudkan, maka fungsi Cawangan Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri, Unit Perancang Ekonomi, Cawangan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri, berkaitan pembangunan perumahan dan hartanah juga dipindahkan kepada Lembaga yang bakal diwujudkan nanti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya amat setuju dengan perubahan Lembaga ini, akan wujud sebuah entiti yang bakal menguruskan hal-hal yang berkaitan perumahan atau kediaman rakyat negeri Johor secara lebih berkesan berpusat dan berfokus. Johor sebuah negeri yang pesat membangun, tidak boleh dinafikan bahawa apabila pembangunan berlaku, maka akan adanya kesan seperti kenaikkan nilai hartanah di mana kawasan pembangunan itu berlaku. Kewujudan daya tarikan baru seperti Legoland, Educity, Medini dan pembangunan disepanjang Teluk Danga, yang berlaku di dalam kawasan Iskandar menyebabkan pelabur di dalam bidang hartanah juga mencari peluang untuk menjana keuntungan dan merancakkan pembangunan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tidak boleh menghalang pembangunan yang berlaku termasuklah pembinaan kondominium ataupun *apartment* mewah. Ini kerana pembangunan sebegini tertakluk kepada permintaan dan penawaran. Kalau ada permintaan barulah ada penawaran. Kalau penawaran melebihi permintaan, maka dengan sendirinya akan berlaku pembetulan dari segi pasaran.

Namun begitu saya bersetuju dengan Kerajaan negeri bahawa perlu ada sedikit kawalan dari sudut pemilikan asing di negeri Johor ini. Kalau tidak ada rumah mewah, maka kita juga bimbang mereka yang mampu akan turut sama mengejar dan membeli rumah yang lebih murah yang sepatutnya dimiliki oleh golongan kurang berkemampuan. Apa yang lebih penting ialah pembangunan ini mestilah juga dituruti dengan penawaran rumah murah dan mampu milik yang mencukupi untuk rakyat terbanyak. Sehubungan dengan itu, langkah Kerajaan negeri mempertingkatkan usaha menambah penawaran rumah murah dan rumah mampu milik amatlah dihargai. Saya berharap Lembaga ini nanti dapat melihat secara keseluruhan keperluan perumahan bagi rakyat negeri Johor, terutamanya dari golongan berpendapatan rendah. Kajian terperinci mengenai permintaan dan penawaran rumah murah dan mampu milik harus dibuat melibatkan semua daerah di Negeri Johor bagi memenuhi kehendak rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga mengharapkan agar Lembaga ini juga, dapat mengenal pasti tanah-tanah di bandar yang munasabah dari segi lokasi dan nilainya untuk dibangunkan dengan rumah mampu milik. Ini penting untuk kita tentukan bahawa semua golongan dapat berada di kawasan di mana berlakunya pembangunan. Keuntungan bukanlah motif utama di dalam menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat, tetapi peluang rakyat memiliki rumah juga adalah merupakan satu pulangan yang tidak ternilai kepada rakyat dan kerajaan. Kecenderungan pemaju untuk meletak dan mengasingkan rumah murah dan mampu milik di tempat yang berbeza akan menyebabkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah terpinggir. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan sekiranya ada pemaju sedemikian yang cuba mengasingkan rumah murah dan rumah mampu milik di tempat yang jauh dari projek, dari tapak projek utama mereka, maka seharusnya permohonan mereka itu hendaklah ditolak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam masa sama juga saya berharap dengan wujudnya Lembaga ini, maka pengurusan rumah-rumah pangsa di bawah Program Perumahan Rakyat atau PPR dapat diperkemaskan. Saya difahamkan di Negeri Johor sahaja, jumlah PPR yang telah dibina melebihi 11,000 unit dan akan bertambah sesuai dengan permintaan semasa. Sebuah jabatan yang khusus mengurus PPR ini perlu diwujudkan oleh Lembaga Perumahan. Walaupun mungkin kita terpaksa mengambil kakitangan yang agak ramai.

Pada masa ini, beberapa PPR diuruskan oleh pihak swasta di mana pada hemat saya kebanyakannya gagal, malah ada yang berhutang dengan kerajaan dengan jumlah mencecah jutaan ringgit. Perlu diwujudkan satu unit kutipan dan penguatkuasaan yang berkesan bagi menentukan penyewa yang diberi peluang menduduki rumah tersebut membayar sewa mengikut jadual yang ditetapkan. Ketidakcekapan kutipan sewa bulanan menyebabkan sebahagian dari penyewa mengambil kesempatan, tidak menjelaskan sewa bulanan yang hanya pada kadar RM100.00 hingga RM124.00 sebulan. Bagi yang benar-benar tidak berkemampuan atau mempunyai masalah, saya berharap Lembaga ini juga memainkan peranan membantu penyewa-penyewa ini dengan mendapatkan bantuan dari pihak ketiga. Sama ada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Program Membasmi Kemiskinan Bandar ataupun pihak Majlis Agama Islam Negeri. Dengan adanya sistem kutipan yang cekap dan penguatkuasaan yang tegas, tetapi berhemah, saya yakin masalah tunggakan yang banyak akan dapat diselesaikan dan dana yang dikumpul ini bolehlah dipulangkan kepada penyewa dalam bentuk perkhidmatan yang lain seperti kebersihan dan mencantikkan kawasan persekitaran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mencadangkan agar kita mempunyai undang-undang yang jelas mengenai pengurusan rumah-rumah pangsa ataupun pangsapuri swasta. Kebanyakan rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah tidak dapat diuruskan dengan baik oleh Jawatankuasa

Pengurusan ataupun dengan izin, *Management Committee* atau dengan ringkasannya MC. Antara punca kegagalan pihak Jawatankuasa Pengurusan ini, ialah tidak ada satu peraturan atau undang-undang yang boleh digunakan bagi menentukan pemilik membayar yuran bulanan untuk pengurusan rumah-rumah pangsa ini ataupun pangsapuri tersebut. Akibatnya banyak rumah pangsa menjadi kawasan yang tidak selesa diduduki sekali gus sebenarnya tidak menambah nilai selaras dengan kenaikkan nilai hartanah di negeri ini. Dan bagi projek pembangunan swasta, saya mencadangkan agar pihak pemaju bagi pembangunan rumah pangsa atau bertingkat diwajibkan menubuh Jawatankuasa Pengurusan secara bersama atau *Joint Management Committee* dengan izin, di kalangan penduduk dalam tempoh 6 bulan dari Sijil Menduduki diperolehi. *Joint Management Committee* ini diwakili oleh pihak pemaju dan wakil penduduk dan di dalam tempoh kecacatan ataupun dengan izin *defect period*.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak pemaju tidak boleh mengenakan sebarang bayaran terhadap pemilik. Dan yuran atau sumbangan penduduk hanya boleh dikutip 2 tahun selepas tertubuhnya Jawatankuasa Pengurusan Bersama ini. Jikalau lambat pihak pemaju menubuhkan *Joint Management Committee* ini, maka pemaju dikehendaki menanggung apa juga kos penyelenggaraan rumah pangsa tersebut.

Pihak pemaju juga dicadangkan, agar dapat terus menganggotai Jawatankuasa Bersama ini selama tempoh 5 tahun sebelum diserahkan sepenuhnya kepada penduduk. Pihak Lembaga juga seharusnya diberi kuasa lebih besar untuk menentukan jumlah sumbangan yang perlu dibayar oleh pemilik rumah mengikut kategori masing-masing.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan supaya kajian dibuat, agar dirangka satu undang-undang yang boleh dikuatkuasakan mengenai dengan kewajipan menyumbang dana oleh pemilik rumah pangsa kepada pihak Jawatankuasa Pengurusan yang diwujudkan. Ini amat penting bagi menentukan kita dapat mewujudkan komuniti perumahan yang mempunyai persekiran yang baik dan selesa. Saya juga mencadangkan agar satu undang-undang kecil yang lebih tegas mengenai dengan *vandalism* yang kerap berlaku di rumah-rumah pangsa, supaya ia juga perlu dikuatkuasakan agar kegiatan ini dapat dibendung.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperkara lagi yang kita harus bagi tumpuan ialah mengenai dengan projek-projek terbengkalai di negeri Johor. Pada masa ini kita amat bergantung kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar untuk menangani isu projek terbengkalai ini. Biasanya sesebuah projek terpaksa melalui tempoh yang agak lama sebelum dikategorikan sebagai terbengkalai. Ini amat membebankan pembeli yang terlibat, mereka terpaksa menanggung bayaran bulanan faedah dari pihak bank dan dalam masa yang sama mereka juga mungkin terpaksa membayar sewa rumah yang mereka duduki. Saya berharap dengan wujudnya Lembaga

Perumahan Dan Hartanah Johor 2014 ini, kita dapat menangani masalah projek terbengkalai dengan lebih cepat. Dan, satu mekanisme baru perlu difikirkan untuk membantu rakyat yang terlibat agar mereka tidak terlalu lama menanggung bebanan. Kerjasama erat di antara lembaga dan pihak kementerian secara berfokus mungkin dapat membantu pemulihan projek dan ianya dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan keterbatasan masa memang terlalu banyak kebaikan yang akan diperoleh oleh rakyat dengan tertubuhnya Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor 2014 ini. Sehubungan dengan itu, saya amat berharap rakyat positif dengan lembaga ini yang mempunyai matlamat yang amat baik untuk rakyat khususnya golongan berpendapatan sederhana dan juga rendah. Dan, saya sebelum akhirnya ingin menyampaikan serangkap pantun Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Biduk lalu kiambang bertaut, Muafakat Johor membawa berkat, kelulusan enakmen tak perlulah ditakut, ianya dibuat semata-mata untuk rakyat (Dewan bertepuk). Saya dengan rasa tidak berbelah bagi menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor 2014. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

YB Tan Sri Speaker : Waalaikumusalam.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : (Selawat). Terima kasih kepada Tan Sri Datuk Speaker, saya mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Johor 2014 yang mana isu ini menjadi perhatian seluruh Malaysia. Selang beberapa minggu yang lepas ianya menjadi suatu perkara yang begitu merunsingkan. Sehinggakan kami di peringkat Pakatan Rakyat tidak berani membuat kenyataan-kenyataan terbuka sebab melibatkan kuasa-kuasa tertentu dan juga saya merasakan bahawa Rang Undang-Undang ini memang dan sewajarnya kita sebagai pimpinan di peringkat Negeri Johor perlu berhati-hati kerana melibatkan semua pihak.

Namun demikian, apa yang dapat kita lihat bahawa ada pihak-pihak tertentu yang telah memberikan satu gambaran yang agak mengejutkan kita walaupun ada di kalangan rakan-rakan yang mengatakan bahawa pembangkang yang memperbesarkan isu ini untuk menekan sesuatu pihak. Dan, saya merasakan bahawa dalam kenyataan- kenyataan akhbar secara

terbuka pimpinan utama ataupun bekas-bekas pimpinan UMNO utama sendiri yang menekan pihak-pihak yang tertentu termasuk Yang Amat Berhormat Datuk Seri Khaled Nordin Menteri Besar kita, jadi saya rasa kesianlah dekat Yang Amat Berhormat dan saya pun terpaksa pusing nak buat ucapan pada petang ini (Dewan ketawa). Kalau dulu kita hujahnya lain jadi kalau dah ubah begini jadi suatu perkara yang susah pula nak bercakap. (Dewan ketawa)

YB Tan Sri Speaker : Sokong ajelah. (Dewan ketawa)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Tan Sri Speaker, pindaan yang dicadangkan saya mengharapkan adalah berniat baik dan telus terutama kita memelihara nama baik dan kemuliaan Institusi Raja-Raja di dalam negara kita sebagai simbol ketua negara, Keadilan, kesaksamaan dan juga simbol perpaduan. Jika Yang Maha Mulia Baginda Sultan terlibat secara langsung dalam pentadbiran Kerajaan negeri khususnya dalam industri perumahan dan pelaburan hartanah di Johor, maka secara tidak langsung kita akan mendedahkan institusi raja-raja kepada kritikan dan kemungkinan fitnah khususnya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Namun saya dapat nyatakan kita dapat menyaksikan institusi raja-raja dalam kerangka Raja Berperlembagaan sedia ada telah berperanan dan berfungsi sangat baik. Sebagai contoh dalam kes terdapat usaha pihak-pihak tertentu untuk mengharamkan penggunaan nama Islam pada parti politik khususnya Parti Islam Semalaysia (PAS), maka Majlis Raja-Raja telah tampil ke hadapan dengan tegas menyatakan bahawa mana-mana pertubuhan termasuk parti politik dibenarkan menggunakan perkataan Islam.

Sebaliknya dalam kes rampasan kuasa politik Kerajaan Perak ada pihak parti tertentu ada cuba mengheret isu raja dengan menggunakan kaedah luar dari perlembagaan untuk membenarkan atau menjustifikasikan rampasan kuasa yang berlaku. Balik kepada Rang Undang-Undang yang kita bincangkan pada petang ini.

Pertama sekali, saya berpendapat adalah tepat dan pada tepat Masanya Kerajaan negeri menubuhkan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor kerana perumahan adalah merupakan keperluan pada setiap keluarga sama ada mereka datang daripada kumpulan berpendapatan rendah, sederhana atau tinggi. Industri perumahan sentiasa diselubungi dengan pelbagai masalah seperti projek perumahan terbengkalai, perumahan siap tidak mengikut jadual, perumahan yang dibina tidak berkualiti, kekurangan rumah kos rendah atau mampu milik, tunggakan sewaan perumahan PPRT, harga perumahan yang terlalu tinggi, pembelian kediaman oleh warga asing, peruntukan lot Bumiputera, pengurusan dan penyelenggaraan bertingkat (strata) dan sebagainya. Sebelum ini, masalah-masalah perumahan ini ditangani oleh pelbagai pihak secara berasingan dan kurang berkesan. Dengan tertubuhnya lembaga ini ianya boleh berperanan sebagai dengan izin, *one stop agency* sebagai pemudah cara atau perunding kepada semua pihak dan agensi

kerajaan supaya proses penyelesaian sesuatu isu berkaitan perumahan dan pembangunan hartanah boleh diselesaikan secara lebih cepat dan berkesan. Sebagai contoh walaupun telah disebut oleh EXCO tadi Negeri Selangor dan Pulau Pinang telah menubuhkan walaupun Selangor dulu di bawah Barisan Nasional. Dan, alhamdulillah hari ini Barisan Nasional mengemukakan 4 tahun kita akan maju ke depan ambil alih (Dewan ketawa). Bergurau (Dewan ketawa). Diluluskan Selangor pada 2001 dan berkuat kuasa pada 2002, Pulau Pinang pada 2010, Melaka pada 2003. Di mana, dengan tertubuhnya lembaga ini Negeri Selangor dapat menyelesaikan pelbagai masalah isu yang berkaitan dengan perumahan secara menyeluruh dan lebih berkesan.

Yang kedua saya berharap Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor ringkas selepas ini saya akan sebut LPHJ, dapat menguatkuasakan Polisi Perumahan Kerajaan negeri di mana bagi pembangunan kediaman yang melebihi 5 ekar, maka 40% daripada unit kediaman yang dibina hendaklah terdiri daripada Perumahan Kos Rendah dengan harga antara RM35,000.00 hingga RM45,000.00. Penguatkuasaan polisi ini bagi memastikan rakyat yang berpendapatan rendah khususnya bawah RM2,000.00 sebulan boleh memiliki rumah termasuk di bawah kuota perumahan kos rendah adalah rumah kos sederhana rendah yang berharga RM70,000.00 hingga RM80,000.00 bagi rakyat yang berpendapatan tidak melebihi RM3,500.00 sebulan dan Rumah Mampu Milik A yang berharga RM120,000.00 hingga RM150,000.00 bagi rakyat-rakyat berpendapatan tidak melebihi RM4,500.00. LPHJ juga hendaklah memastikan bahawa jumlah pembangunan kediaman mampu milik jenis B dalam lingkungan harga RM160,000.00 hingga RM220,000.00 dapat dilaksanakan mengikut keperluan rakyat Johor terutama mereka yang berpendapatan pertengahan dengan gaji yang tidak melebihi RM6,000.00 sebulan. Usaha ini boleh dilakukan dengan kerjasama daripada pemaju perumahan swasta dan juga agensi-agensi Kerajaan.

Perkara yang keempat, LPHJ perlu membantu bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pihak pemilik kediaman bertingkat. Antara masalah yang sering berlaku adalah kelewatan dalam mengeluarkan hak milik strata, penubuhan *joint management body*, dengan izin, penubuhan *management corporation*, isu yuran penyelenggaraan, *sinking fund*, isu penyelenggaraan bangunan, *tribunal* pengurusan strata dan sebagainya. Yang kelima memastikan keseimbangan pembangunan di Iskandar Malaysia di antara pemilik tempatan dan warga asing. Kita memang memerlukan pelabur asing datang ke negara kita bagi merancakkan ekonomi serta sektor hartanah. Walau bagaimanapun, perlu ada mekanisme kawalan kemasukan pelabur asing dalam negara sama ada sebagai pembeli hartanah, kediaman atau sebagai pemaju perumahan. Jika kawalan tidak dilakukan maka kesannya akan ditanggung oleh rakyat tempatan dalam bentuk kenaikan kos sara hidup, di samping harga hartanah kediaman akan melambung tinggi. Seperti yang kita alami sekarang ini di Iskandar Malaysia.

Nisbah atau peratus pemilikan warga asing ke atas hartanah mesti ditetapkan supaya tidak berlaku warga asing akhirnya memiliki 50% pembangunan atau lebih di sesuatu kawasan. Kerajaan sepatutnya belajar daripada pengalaman Palestin di mana warga Yahudi membeli tanah melalui broker tempatan yang akhirnya tanah Palestin berjaya dimiliki oleh Yahudi. Bagaimana ini boleh berlaku? Berdasarkan Peraturan Antarabangsa mengenai syarat sebuah negara, negara tadi boleh isytiharkan negara Palestin daripada Negara Palestin kepada negara Yahudi kerana mereka mempunyai tanah mereka ada rakyat, mereka ada pemimpin perlembagaan dan kedaulatan dan diakui oleh negara sekitarnya atau negara-negara lain.

YB Tan Sri Speaker : YB, sila gulung.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Sikit lagi. Diganggu dah terberhenti dah (Dewan ketawa). LPH boleh berperanan untuk memberi khidmat runding kepada pihak-pihak pemilik-pemilik hartanah khususnya di kalangan Bumiputera supaya tidak semudahnya melepaskan pegangan hartanah mereka kepada warga asing semata mata disebabkan tawaran harga menarik. Seterusnya saya mencadangkan supaya LPHJ meletakkan tempoh pajakan *lease hold* kepada pemilik hartanah warga asing yang tidak melebihi paling tinggi 99 tahun di mana rakyat Johor sendiri duduk di tanah pajakan atau *lease hold*. Seperti Kampung Melayu, Kampung Melayu Kangkar Pulai begitu juga Kampung Baru bagi penduduk -penduduk Cina. Dalam tempoh tertentu maka amat wajar pemilikan warga asing terhadap hartanah Johor juga dibuat sedemikian rupa. LPH perlulah membantu dalam mewujudkan pembangunan lestari supaya seperti yang diputuskan dalam Persidangan Bangsa Bangsa Bersatu di Rio de Janero, Brazil pada tahun 1992.

Terpaksa lompat Tan Sri. Akhir sekali, saya ingin mengulas mengenai pengambilan tanah untuk penggunaan awam sebagaimana yang tertulis pada Seksyen 39 RUU iaitu Rang Undang-Undang yang nak digubal. Saya ingin melahirkan beberapa kebimbangan terhadap isu pengambilan tanah rakyat secara paksa atas nama pembangunan sedangkan masih ada tanah kerajaan yang boleh di naikkan pembangunan yang berkenaan. Persoalannya mengapa ambil tanah rakyat? Sedangkan rakyat hanya memiliki tanah tersebut sejak turun temurun. Sebagai contoh tanah di Pengerang sebagaimana ucapan Tanjung Surat minta maaf perkara tersebut, dalam sesi perbahasan Titah Menjunjung Kasih Sultan terdapat beberapa kelemahan dan kepincangan. Pertama tanah penempatan orang kampung telah diambil dengan dijanjikan pemindahan ke kawasan penempatan baru tetapi penempatan baru belum siap sedangkan penduduk sudah diarah untuk berpindah.

Yang kedua, mutu kerja kontraktor yang teruk menyebabkan penduduk yang berpindah tidak dapat masuk ke kediaman penempatan baru akibat kerja baik pulih yang terpaksa dibuat sedangkan tempoh pemindahan telah berlaku. Yang ketiga harga tanah seekar mencecah jutaan, ini hasil daripada apa yang

telah dinyatakan oleh Tanjung Surat dalam tempoh tidak lebih 2 tahun sedangkan pengambilan tanah dahulunya baru sekitar RM200,000.00 seekar, jadi inilah maka saya mengharapkan jika LPHJ ini diluluskan pengambilan tanah penempatan rakyat perlu dielakkan supaya kehidupan yang harmoni selama ini tidak mengganggu kehidupan generasi seterusnya...

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Jadi, saya akhirkan ucapan saya. Insya-Allah kita mendapat keberkatan dengan penubuhan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk)

YB Tan Sri Speaker : Salam, terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Permai.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Bismillahirrahmanirrahim (Selawat). Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bagi menyampaikan maksud perbahasan saya untuk Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor ini, suka di awal perbahasan ini, saya ingin menyampaikan Perenggan ke-43, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan sewaktu Perasmian Penggal Persidangan Ke-2 Dewan Negeri Johor Yang Ke-13, iaitu yang berbunyi Negeri Johor adalah hak rakyat Johor dan hanya orang Johor yang tahu keadaan dan keperluan untuk Negeri Johor. Mengapa ada orang luar cuba campur tangan atau hendak mengajar kita tentang apa yang patut kita buat di negeri kita sendiri?

Inilah titah ucapan Sultan Johor sewaktu perasmian Dewan yang lalu. Jadi berhubung kait dengan enakmen ini, Yang Berhormat Tan Sri, suka saya nak mengingatkan kepada orang-orang yang di luar daripada Negeri Johor, supaya jangan memandai-mandai dan cuba nak mengajar kepimpinan Johor tentang bagaimana nak mentadbir Negeri Johor. Walhal petang semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun membuat kenyataan penggulungan yang cukup panjang lebar. Rupanya malam tadi ada lagi media-media yang menyiarkan komen-komen pemimpin negeri lain yang memandai-mandai mengatakan berbagai kritikan tentang enakmen ini. Sebab itu hari ini saya nak ucap setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana meneruskan pembentangan enakmen pada hari ini. Kerana enakmen ini dibuat Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor ini ditubuhkan kerana setelah kita mendengar suara hati rakyat Johor.

Pada Penggal Pertama Dewan Yang Ke-13, hampir majoriti wakil-wakil rakyat yang ada dalam Dewan yang mulia ini bercakap tentang masalah harga, harga hartanah di Negeri Johor. Baik daripada Barisan Nasional dan juga wakil rakyat pembangkang. Tetapi apabila pihak kerajaan yang prihatin ini mengemukakan suatu bentuk langkah yang boleh mengawal harga dengan

menubuhkan Lembaga Perumahan ini ada pula pihak yang sibuk nak mengaitkan enakmen ini dengan raja-raja supaya enakmen ini ditangguhkan dan sebagainya. Sebab itu dalam Dewan yang mulia ini, saya juga nak mengambil kesempatan menuntut supaya setengah-setengah media yang begitu lancang yang mengeluarkan kenyataan yang tidak bertanggungjawab menghasut dan kenyataan provokasi yang memburukkan kerajaan dan raja yang mengganggu gugat keharmonian rakyat, kononnya enakmen ini akan mendatangkan masalah kepada rakyat Johor. Hari ini saya bawa keratan akhbar, saya bawa surat khabar. Pada saya surat khabar ini tidak patut dengan gambar Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan satu perkataan wajarkah dan satu tanda soal yang begitu besar. Ini merupakan provokasi kepada rakyat Negeri Johor terhadap institusi raja kita. Sebab itu saya menuntut supaya akhbar ini memohon maaf kepada Kesultanan Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya akan menstruktur ucapan saya dalam masa yang ringkas ini kepada dua perkara penting, iaitu yang pertama berkenaan dengan kawalan harga rumah dan juga pembiayaan pinjaman perumahan. Kerana hari ini matlamat dan tujuan Lembaga Perumahan ini adalah untuk mengawal pembinaan rumah-rumah dan juga premis-premis yang nak dibeli oleh rakyat Negeri Johor. Sepatutnya pemimpin di luar sana memikirkan kenapa enakmen ini ataupun Lembaga ini ditubuhkan. Kenapa? Kerana hari ini, agensi-agensi kerajaan persekutuan ataupun GLC yang terlibat dalam pemajuan hartanah gagal untuk menjadi penimbang ataupun *check and balance* dengan izin, berkenaan dengan harga-harga hartanah. Kita lihat sahaja bagaimana UEM Land, UEM Land ini sebuah anak syarikat berkaitan kerajaan tetapi hartanah yang dibina di Nusajaya mendapat cemuhan rakyat Johor kerana terlalu mahal, rakyat Negeri Johor tak mampu nak beli. Jadi justeru, bagaimana kita nak harap lagi, siapa yang kita nak harap kalau GLC berperanan sama macam pemaju lain? Sepatutnya GLC apabila nak majukan tanah, kena memikirkan kepentingan rakyat. Bukan GLC sama perangai macam Mah Sing Group, sama perangai macam IOI Properties, sama perangai macam mana lagi, nak disebut, Genting Property, sama, tak boleh, GLC patut nak buat perumahan kena fikirkan kepentingan rakyat. Pemaju swasta ni, Yang Berhormat Tan Sri, kalau harga rumah tu RM200,000 dia akan jual RM400,000. Tapi kalau UEM, sebuah GLC berperanan yang sama, siapa yang nak bantu rakyat.

Sepatutnya margin keuntungan itu diturunkan. Barulah ada kawalan harga rumah. Hari ini harga rumah tak ada siapa boleh kawal. Tak ada satu badan yang boleh mengawal harga rumah. Pemaju boleh jual ikut suka hati berapa mereka nak jual. Patut ini peranan GLC. Jadi kerana kegagalan GLC daripada Kerajaan Persekutuan, itu sebab, Kerajaan negeri Johor hari ini melaksanakan, menubuhkan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor. Saya harap nanti bila tertubuhnya Lembaga ini, kita boleh buat hartanah yang mampu dimiliki oleh rakyat Negeri Johor. Dari segi keuntungan, kita jangan berperangai macam swasta. Mereka ini memang rakus, dan mereka memang kerjanya nak cari duit sahaja. Dia tidak fikir masalah rakyat.

Yang kedua iaitu berkenaan dengan pembiayaan pinjaman perumahan. Hari ini kita bercakap tentang rumah mampu milik. Bila bercakap rumah mampu milik, dia berkenaan dengan golongan berpendapatan rendah. Adakah masalah penawaran ataupun masalah mendapatkan pembiayaan pinjaman? Yang itu kalau kita nak menyesuaikan masalah perumahan, golongan berpendapatan rendah, kita kena melihat kedua-dua perkara ini. Saya bercakap ini kerana saya ada pengalaman. Pada tahun 2000, tahun 1999, rumah murah Kerajaan Johor ini bernilai RM25,000.00. RM25,000.00 rumah murah Kerajaan Johor tawarkan kepada rakyat. Tetapi akhirnya surat tawaran yang SUK Perumahan keluarkan itu, habis begitu sahaja hingga tarikh luput. Mereka gagal untuk mendapatkan pinjaman kerana institusi kewangan yang ada di Malaysia ini tak tolong orang susah. Mereka tolong orang kaya. Kalau penjual cendol, anak empat orang, purata pendapatan RM1,500.00 sebulan, dia dapat tawaran rumah RM25,000.00, pergi ke bank nak buat pinjaman RM22,500.00, saya yakin, tak akan dapat kelulusan kerana tak ada penyata kewangan, kerana bank melihat pelbagai perkara. Bank tak tolong orang susah. Yang ini yang menjadi masalah kepada golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan rumah kos rendah.

YB Dato' Speaker : YB, sila gulung.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Jadi, untuk membawa maksud yang lebih bermakna kepada lembaga ini, mari kita lihat 60 tahun ke belakang. Bagaimana Kerajaan Persekutuan melihat masalah orang miskin di kampung dengan menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, ataupun orang sebut FELDA. FELDA ini dah selalu orang sebut FELDA, orang tak sebut lembaga. Tapi sebenarnya ia sebuah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Dulu orang Melayu miskin, susah, tanah pusaka hidup 10 orang adik beradik dalam satu lot tanah. Masalah kemiskinan luar bandar, kerajaan menyusun semula bagi tanah, bagi apa, tetapi orang ini miskin, dia tak boleh nak bayar premium tanah, tak boleh nak bina rumah, sebab itu FELDA, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan buatkan rumah bagi peluang kepada orang ini bayar setiap bulan. Pembayaran balik peneroka kepada FELDA dibuat melalui Pejabat FELDA. Lama-kelamaan, selepas 30 tahun, selepas 40 tahun, akhirnya keluarga ini ada rumah dan ada tanah. Begitu juga masalah sekarang. Masalah sekarang kemiskinan dalaman dah. Orang miskin dekat bandar, satu rumah sampai ada tiga, empat keluarga. Bagaimana kita nak bantu? Jadi saya harap Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor ini boleh berperanan macam FELDA dulu. Kita buat satu kawasan kemajuan rumah, bagi untuk rumah-rumah golongan berpendapatan rendah, letakkan Pejabat Lembaga Perumahan dekat situ.

YB Dato' Speaker : Ok

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Buat kutipan bulanan dari segi duit tanahnya, premiumnya, duit rumahnya. Tak apalah biar sampai 30, 40 tahun

pun. Habis bayar, bagi geran tanah, bagi geran rumah. Akhirnya dia dapat duduk di bandar. Hari ini masalah orang kita, nak pinjam bank tak boleh. Tetapi nak bayar bulan boleh. Bayar bulan boleh. Jadi saya harap lembaga ini apabila ditubuhkan kelak, boleh betul-betul membantu rakyat. Bukan sahaja menyediakan rumah, tetapi membantu golongan ini untuk memiliki rumah melalui konsep yang sama FELDA buat, saya yakin kalau lembaga ini boleh buat perkara yang sama, kita boleh menyelesaikan masalah miskin bandar, kita boleh menyelesaikan masalah golongan berpendapatan rendah untuk memiliki hartanah di dalam bandar.

YB Dato' Speaker : Ok

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Dato', Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, saya harap lembaga ini bukan sahaja enakmen ini bukan sahaja diluluskan.

YB Dato' Speaker : Sekarang masa Speaker lagi. Bukan masa Pengerusi lagi.

YB Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Minta maaf Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya harap lembaga ini bukan sahaja diluluskan hari ini, tetapi segera ditubuhkan supaya hasrat kita, niat yang baik ini dapat dirasai oleh rakyat sebelum PRU 13 agar hasrat Parit Yaani tadi tu kita dapat tangkis agar kita terus memerintah dan menerima mandat daripada rakyat pada PRU yang akan datang. Sekian saya Bukit Permai mohon menyokong Enakmen Lembaga Perumahan Negeri Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat Endau. Terima kasih.

YB Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Permai. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Dato' Speaker. Tan Sri Dato' Speaker, Tan Sri, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya cukup tertarik dengan ucapan jiran saya Yang Berhormat Bukit Permai, bila dia katakan tidak patut orang luar Johor campur tangan isu orang Johor. Rupa-rupanya Tun Musa Hitam bukan orang Johor. Tan Sri Speaker, dengan pindaan yang di sebut oleh Yang Berhormat Exco tadi, saya bersyukur, saya bersyukur, satu krisis perlembagaan yang *rigid*, dengan izin, telah dielakkan dan kesucian dan kemuliaan sistem Raja Berperlembagaan kita ni telah dipertahankan. Tan Sri Dato' Speaker, penubuhan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor ini, mestilah berupaya untuk menyelesaikan masalah-masalah perumahan dan hartanah yang sering bangkit di Negeri Johor dan pada masa yang sama lembaga ini tidak boleh dijadikan sebagai satu lagi lapisan tambahan dan birokrasi kerajaan. Saya cukup bersetuju dengan apa yang di hujah oleh Yang Berhormat Tiram berkenaan dengan keperluan lembaga untuk menyelesaikan masalah pengurusan terutamanya di flat-flat PPR dan juga flat-flat kos rumah rendah dan sederhana kerana di tempat, di kawasan saya sendiri juga kita menghadapi masalah ini, di mana hanya setakat 30, 40 peratus sahaja orang

yang sanggup bayar kos penyelenggaraan. Saya juga setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani berkenaan dengan pembangunan lestari. Saya akan terus mencadangkan bahawa Kerajaan negeri Johor patut memuji dan memberi insentif kepada pemaju-pemaju yang bijak dan sudi menginkoperasikan konsep alam sekitar ataupun tapak warisan sejarah ke dalam projek pembangunan mereka. Saya rasa adalah elok kalau negeri Johor boleh memulakan amalan menggalak pembangunan lestari di Malaysia ini dan menjadi tauladan kepada negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu masalah di negeri Johor adalah kekurangan rumah kos rendah dan mampu milik. Isu ini mesti dijawab dengan segera. Saya harap Lembaga yang bakal ditubuhkan ini mesti memastikan pemaju-pemaju perumahan tidak lagi diberi pengecualian daripada membina kos rumah rendah dan mampu milik. Wajib mesti dibina. Satu lagi isu Tan Sri Speaker, adalah isu rumah terbengkalai. Pada bulan April tahun ini Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah menyatakan bahawa terdapat 206 projek perumahan di Malaysia yang diklasifikasikan sebagai projek rumah terbengkalai. Seperti sedia maklum, ini tidak lagi campur lagi projek perumahan jatuh ke kategori lewat dan sakit. Di Johor juga kita mempunyai banyak masalah dengan projek-projek rumah tersebut. Di bawah akta yang sedia ada, kerajaan boleh Kerajaan Pusat boleh mendenda pemaju-pemaju ini yang terbengkalai setinggi sampai RM500,000.00. Saya ingin menyatakan di sini dengan izin, bahawa dalam Bahasa Cina, 500 ni ini kira panggil sap-sap sui sahaja, Tan Sri Speaker. Saya rasa isu ini sangat penting terutamanya di Johor. Saya harap Kerajaan Johor boleh menambah hukuman tambahan sekurang-kurangnya RM5 juta dan saya harap Kerajaan Johor, Lembaga ini kena mewajibkan semua pengarah syarikat pemaju dikehendaki menandatangani bon atau surat jaminan peribadi untuk jumlah yang bakal didenda ini Datuk Speaker.

Datuk Speaker, skop kuasa Lembaga ini cukup luas. Sehinggalah di bawah Fasal 25 Lembaga ada kuasa untuk meminjam. Ini bermakna orang yang dilantik adalah diamanahkan ke Lembaga dan Pengarah Lembaga ini mestilah tertakluk kepada kewajiban undang-undang dan peraturan yang lebih ketat. Saya ingin bermula dengan Fasal 16, Tan Sri Speaker. Fasal 16 menyentuh penzahiran kepentingan. Istilah ini saya ingat kalau kita tukar kepada pendedahan adalah lebih sesuai. Fasal ini amat-amat dialukan sebab ini adalah untuk menghalang sebarang situasi di mana ada kebangkitan isu penjagaan kepentingan atau kita panggil dalam bahasa Inggeris dengan izin, *Conflict Of Interest*. Tetapi Tan Sri Speaker, kalau kita baca Fasal 16 Perenggan 3, dia katakan tiada tindakan atau prosiding lembaga atau jawatankuasa boleh disasarkan atas alasan bahawa mana-mana anggota lembaga atau jawatankuasa telah melanggar peruntukan Seksyen ini. Ini senang kata seluruh Fasal 16 ini tidak ada makna. Sebab kalau seorang itu dia sengaja tidak menyatakan kepentingan dia, dia boleh diselamatkan oleh Fasal 16 (3). Kalau Fasal 16(3) ni kena dibaca dengan Seksyen 3(b) Jadual Ketiga yang menyatakan tiada tindakan atau prosiding yang dijalankan di bawah enakmen

ini boleh dipersoalkan atas sebab (b) pelanggaran oleh mana-mana anggota jawatankuasa berkaitan dengan pendedahan kepentingan oleh anggota itu.

Justeru, tafsiran saya ini bermakna mana-mana anggota lembaga jawatankuasa yang sengaja menyembunyi kepentingan mereka tidak akan didenda ataupun perjanjian yang telah ditandatanganinya juga tidak akan dibatalkan. Kita kena berjaga-jaga pasal Fasal ini. Tan Sri Speaker, adakah ini selaras dengan akta anti rasuah? Kalau kita bandingkan dengan Seksyen 131 di Akta Syarikat, di mana pengarah syarikat juga mempunyai tanggungjawab kewajiban untuk membuat pendedahan sekiranya adanya percanggahan kepentingan. Dan di dalam Akta Syarikat tidak pernah ada proviso seperti akta 16(3), untuk menyelamatkan mereka sekiranya mereka tidak mendedahkan dan jika kita banding kerajaan suka menyatakan enakmen ini adalah dirujuk kepada *Johor Corporation Enactment*, Enakmen Johor Corporation. Seksyen 8 di *Johor Corporation Enactment* 1968, ada tulis Seksyen untuk *Conflict Of Interest* tetapi Seksyen tidak wujud di dalam Akta Enakmen ini.

Saya juga cadangkan bahawa baiknya kalau enakmen ini patut dipinda dengan tambahan satu Fasal lagi baru yang berbunyi setiap anggota lembaga pengarah dan anggota jawatankuasa mesti pada semua masa menjalankan kerja dan tanggungjawab dengan jujur dan beramanah. Dengan tambahan Fasal ini bukan sahaja yang wujudnya satu lapisan tanggungjawab secara kontrak, malah kesemua orang yang disebut di atas juga akan mempunyai satu kewajiban *judiciary* ataupun kewajiban amanah yang diiktiraf di bawah Undang-Undang Malaysia, Tan Sri Speaker. Bagi saya Tan Sri Speaker, Lembaga yang bakal ditubuh ini mempunyai tanggungjawab yang lebih berat daripada sebuah syarikat korporat kerana amanahnya datang daripada Pihak Berkuasa Negeri ataupun dari Rakyat.

Oleh demikian, adalah langsung tidak wajar kalaulah piawai kewajipannya adalah lebih longgar atau lebih rendah daripada sektor swasta Tan Sri Speaker. Tan Sri Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Tan Sri Speaker kepada Fasal 12. Di mana dari pembacaan literal kita boleh fahami bahawa Pengarah yang bakal dilantik ini adalah seorang yang cukup memainkan peranan yang cukup besar. Tetapi Tan Sri Speaker, Fasal 16 pendedahan kepentingan tidak ada sebut Pengarah. Bermakna Pengarah tidak tertakluk kepada Fasal Seksyen 16. Adakah ini satu kesilapan atau sengaja? Saya rasa ini adalah satu kesilapan yang cukup penting yang cukup memudaratkan kepentingan Lembaga yang bakal ditubuh ini. Saya juga ingin merujuk Datuk Speaker kepada Seksyen 43 dan Yang Berhormat- Yang Berhormat di Dewan ini. Seksyen 43 menyentuh hak untuk selepas dipinda Pihak Berkuasa Negeri boleh menggulung dan mengubah. Tan Sri Speaker memandangkanlah Lembaga ini dia dilahirkan di Dewan ini. Saya rasa sekiranya Pihak Berkuasa Negeri ada hasrat nak tamatkan, jawabnya saya rasa dia kena mendapat kelulusan daripada Dewan ini juga. Bermakna dia tidak boleh tamatkan semacam tu sahaja, dibubarkan semacam tu sahaja. Dia kena datang Dewan dan memberi alasan dan sebab dan meminta izin daripada Dewan ini sebelum dia boleh dibubarkan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, gulung.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Tan Sri Speaker, saya juga ingin menyentuh kepada Seksyen 4, Keanggotaan Lembaga. Ini juga satu isu yang amat besar yang patut kita haluskan. Berdasarkan kepada Akta Perbadanan Kekompeten Dan Badan Perundangan Negeri 1962, sebarang Perbadanan Negeri yang ditubuhkan di bawah Dewan ini, yang berkaitan dengan Pembangunan Negara Seksyen 3 Jadual Kedua. Adalah dinyatakan dengan terasnya di bawah akta tersebut, tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan mesti dilantik sebagai anggota-anggota perbadanan ini. Tapi kalau kita tinjau kepada Seksyen 4 yang bakal diundi ini, jelas tidak dinyatakan bahawa ada, kita ada katakan *reserve* dengan izin, tiga tempat untuk anggota daripada Kerajaan Persekutuan. Isu ini penting sebab sekiranya isu ini tidak diselesaikan bermakna enakmen ini telah melanggar akta dan ini akan membawa banyak isu-isu perundangan yang akan datang Datuk Speaker, Tan Sri Speaker.

Dan seterusnya Tan Sri Speaker, maaf saya teknikal sikit. Seksyen 27 berkenaan dengan pinjaman dan biasiswa itu juga Tan Sri Speaker, saya rasa tidak perlulah seksyen ini terkandung dalam enakmen ini sebab kalau kita tengok, kita tinjaukan sampai dia boleh memberi pinjaman untuk membeli kereta ke semua itu, saya rasa itu bukan tanggungjawab untuk Lembaga Perumahan, Tan Sri Speaker.

Dan akhir sekali Tan Sri Speaker, akhir sekali, saya ingin menyatakan secara prinsip, secara prinsip saya memang menyokong, saya memang menyokong enakmen ini dengan perlubuhan satu Lembaga Perumahan yang saya cukup yakin akan membawa kebaikan kepada rakyat Johor tetapi disebabkan oleh isu-isu yang dibangkitkan oleh saya, nampaknya ada banyak-banyak Fasal yang perlu kita dikajikan semula. Oleh demikian saya memohon bahawa pembacaan ditangguhkan dan satu jawatankuasa pilihan ditubuhkan *bipartisan* dari kedua-dua belah untuk mengkaji kesemua isu yang dibangkitkan oleh saya dan rakan-rakan lain sebelum kita teruskan dengan pengundian. Akhir sekali saya ingin menyatakan sekiranya wujudnya lembaga ini, lembaga ini mesti bakal membawa manfaat kepada semua orang Johor dan bukan menambah birokrasi kerajaan dan menyusahkan orang awam. Kuasa dan amanah yang diberi mesti dilaksanakan dengan jujur dan kerajaan patut mempunyai satu sistem dan mekanisme untuk memeriksa pelaksanaan ini pada semua masa. Dengan itu, sekian terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Batu. (Dewan bertepuk). Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Kukup.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Alhamdulillah.... Terima kasih diucapkan kepada Tan Sri Speaker yang membenarkan, mengizinkan saya turut serta dalam pembentangan Enakmen

Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor. Setinggi-tinggi tahniah Kukup tujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita yang dalam keadaan menerima tekanan, tohmahan dan macam-macam kritikan, beliau dengan beraninya meneruskan hasrat untuk meneruskan supaya enakmen kita ini dapat dipersetujukan dan dapat kita laksanakan hari ni juga. Saya melihat beliau mempunyai kebesaran hati untuk mengutamakan matlamat berbanding titik bengik, persepsi, pentafsiran dalam membuat pindaan dengan membuat pindaan atau beberapa perkara dan juga sebutan yang sebenarnya tidak ubah ataupun tidak mengubah *spirit* ataupun enakmen yang kita bentangkan ini. Ini menunjukkan keikhlasan keprihatinan beliau atas nasib majoriti Rakyat Johor yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semua sedia maklum Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor yang ingin kita bentangkan ini ibarat sebuah kenderaan, ibarat kalau saya boleh ambil contoh tu, ibarat satu kereta. Sudah barang tentu yang kita perlukan adalah supaya kereta ini dapat berjalan ke destinasi ataupun wawasan ataupun matlamat yang kita inginkan. Semua telah membangkitkan isu, pembangkang membangkitkan isu, pihak kerajaan membangkitkan isu, semua Yang Berhormat membangkitkan isu bahawa masa sekarang ini dah sampai masa dan ketikanya, memang penting supaya ditubuhkan satu lembaga supaya kita dapat melihat, kita dapat pantau balik, supaya 28 ribu rumah mampu milik itu dapat kita jayakan dalam masa lima tahun. Jadi kalau nak berjalan kalau kita dah ada kereta itu, kalau dah lengkap enjinnya, dah lengkap *body* dia, dah ada pemandu, kenapa tak jalan? Takkanlah kita nak pertikaikan siapa yang lantik pemaju tu, siapa yang buat pintu tu, tak payah, ini titik bengit dari sudut pentafsiran dan juga persepsi, apa yang penting bagi saya sekarang ini kita jalan dahulu, kita selesaikan masalah, kita wujudkan lembaga ini, kita bergerak dulu. Yang lain itu nanti sudah barang tentu kita sudah semua sedia maklum, enakmen ini juga kita boleh ubah, daripada masa ke semasa, mengikut keperluan pada ketika itu. Jadi untuk masa sekarang yang ada di hadapan kita ini dah *complete*, dah terbaik jadi saya mencadangkan Yang Berhormat Tan Sri Speaker kita teruskan, selepas ini kita pastikan Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor ini dapat dimuktamadkan hari ini juga.

Saya juga Yang Berhormat Tan Sri Speaker melihat, LPSJ ini, nama ringkasnya merupakan satu transformasi Kerajaan negeri Johor ataupun GTP yang kita lihat matlamatnya itu begitu jelas. Yang pertamanya kita ingin melihat kecekapan, yang kedua kita ingin memastikan ketelusan, dan yang ketiga kita juga merujuk kepada *result oriented* ataupun kita ingin pastikan rumah yang merupakan hak tiap rakyat Johor itu dicapai. Jadi ini satu, proses, satu pewujudan lembaga yang begitu murni sebenarnya sifatnya. Jadi, kalau itulah kaedahnya, kita lihat kenapa rakan-rakan kita pada peringkat awalnya saya lihat, terutama daripada pembangkang begitu berat, untuk menerima sebenarnya lembaga ini. Risik-risik, patutlah agak berat untuk kita bergerak permulaannya, pasal kita dirujukkan pula, istilah-istilah kita dengan isu-isu nasional, dirujukkan pula,

perkara kita dengan negara ataupun negeri-negeri di utara, dan malah kalau kita lihat Bukit Batu tadi merujuk pula, dia risau, bahawa kita ini takut, diambilkan contoh, Yahudi di Palestin, di mana Palestin ini makin lama makin tersepit, jadi kalau kita lihat mungkinlah, dekat utara tanah air itu pun macam dah ada kes-kes Palestin ini. Satu golongan bangsa, dihalau secara terancang, beralih bukan daripada pulau kepada Tanah Besar. Jadi kita lihat-lihatlah, mudah-mudahan perkara ini diambilkan iktibar. Jadi Kukup berdiri pada hari ini, nak menceritakan, nak memberi sumbangan, nak menjayakan supaya Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor ini dapat bergerak dengan efisien dan berkesan sekali.

Pertamanya, langkah pertama yang dicadangkan ialah bila kita satukan tiga jabatan ini, iaitu UPENJ, Setiausaha, SUK Perumahan, SUK Kerajaan Tempatan sudah barang tentu akan ada peralihan dari sudut kerja. Sudah barang tentu akan ada pertindihan kerja yang akan kita satukan. Jadi, Kukup mencadangkan supaya diambil pekerja yang terbaik, yang boleh bekerja secara proaktif yang lebih sanggup bekerja lebih masa untuk menjayakan lembaga ini. Jadi kalau perlu pada ketika itu kita ambil pekerja luar pun kita kena ambil, pasal kita tak nak, tidak mahu budaya yang lama ini kita bawa balik di dalam lembaga yang baru kita tubuhkan ini. Kita semua sedia maklum, budaya-budaya yang lama yang sering diperkatakan kalau kita lihat kita rujuk kepada rakyat di luar sana pertama, kalau mereka berjumpa dengan jabatan-jabatan, agensi-agensi tertentu, masalah contohnya kerani bercuti, surat-surat tidak dapat dikeluarkan, surat yang dihantar tidak dibalas, rakyat tidak di *update* tentang permohonan rumah dan sebagainya, dan maklumat bercanggah antara pegawai-pegawai yang ditanya. Ini juga merupakan satu isu yang sedang bermain sekarang ini. Jadi kita pastikan langkah pertama kita ambil orang yang terbaik tadi. Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Langkah kedua, bila kita dah ada orang yang terbaik, kita kena lihat balik prosesnya, kita kena buat proses *reengineering*, mana-mana proses yang bertindan, mana-mana proses yang membuang masa, mana-mana proses, yang apa ni terlalu nampak birokrasinya kita potong, kalau perlu *paperless*, kurangkan kertas, kalau perlu pendaftaran melalui Internet, penawaran pun melalui Internet sahaja. Kalau boleh kita permudahkan, dan yang paling penting sebenarnya, *empowerment*, penurunan kuasa, tidaklah, segala-galanya kita bergantung kepada, katalah pada ketika itu pengarah ataupun ketua eksekutif, tidaklah kita bergantung pada dia sahaja. Sekiranya dia, tiada maka tidak boleh keputusan dibuat atau surat tawaran dikeluarkan.

Langkah ketiga bila kita dah buat *reengineering* proses ini kita dah dapat proses yang *simple*, yang mudah, yang benar-benar boleh menolong rakyat, kita kena pula buat SOP, *Standard Operating Procedure*, dan kita buatkan dalam bentuk proses *flow* dan kita hebahkan kepada rakyat. Jadi rakyat tahu, kalau nak mohon rumah murah, hantar satu borang, dapat tak dapat dalam tempoh berapa hari, sudah tau jawapannya. Lancar projek baru, sudah dapat maklum balasnya, ini rakyat nak. Jadi bila kita dah dapatkan SOP tu, kita

dokumenkan. Kukup juga mencadangkan supaya akhirnya nanti kita ISO kan *department* itu, jabatan itu supaya semua kakitangan mempunyai hala tuju, wawasan, KPI yang harus diikuti, supaya rakyat tahu apa sebenarnya yang berlaku di peringkat pejabat. Rakyat tahu apa *expectancy*, rakyat tahu berapa lama jangka masa yang akan diperlukan untuk sesuatu proses. Dan, jadi insya-Allah sekiranya ianya dijadikan budaya kerja, saya percaya dan saya cukup yakin, lembaga ini boleh memainkan peranannya yang begitu hebat dan tidak mustahil 28 ribu rumah yang kita sasarkan itu, kita boleh capai lebih awal daripada 5 tahun.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kesimpulan daripada cadangan ini, Kukup ingin mencadangkan dalam apa juga sistem yang kita nak cadangkan kita ketengahkan ini, elemen budi bicara haruslah ditangani dan haruslah diminimumkan seboleh mungkin. Budi bicara ibarat melonggarkan satu skru di dalam badan kereta, satu skru mungkin kereta boleh jalan, tapi kalau semua di jabatan semua pegawai itu mempunyai budi bicara masing-masing, ibarat kereta itu dilonggarkan keseluruhan skrunya, maka sudah barang tentu kereta ini tidak boleh bergerak dan tidak akan sampai kepada destinasi yang ingin dituju.

YB Tan Sri Speaker : Kukup

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Dan terlalu banyak pula budi bicara.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Sudah tentu, sikit lagi. Terlalu banyak budi bicara maka terlalu banyaklah ruang untuk penyalahgunaan kuasa dan rasuah boleh timbul. Dan kalau boleh bila kita ada satu sistem yang memadai, semuanya diuruskan mengikut sistem insya-Allah, saya rasa perkara-perkara yang negatif ini akan dapat kita elakkan dan dapat kita tangani.

Justeru itu, akhir kata daripada Kukup, kalau kita kerja cara lama, masa, maka kita akan hasilkan keputusan cara lama, kalau kita kerja biasa-biasa sahaja, kita juga akan menghasilkan keputusan yang biasa-biasa sahaja. Dan sekiranya kita kerja luar biasa, insya-Allah kita akan menghasilkan keputusan yang luar biasa juga. Justeru itu, dengan kata-kata itu, Kukup sekali lagi dan dengan penuh semangat dan 100% sokongan, menyokong agar Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Johor ini dapat terus dimuktamadkan. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Kukup, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih dan salam sejahtera, Yang Berhormat Tan Sri Speaker , pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang untuk Senai, membahas

sebuah rang undang-undang yang cukup penting terhadap negeri kita ini. Senai mengakui bahawa rang-rang undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor 2014 adalah satu enakmen yang tepat pada masanya, kecuali mengenai beberapa isu yang perlu dijelaskan. Sebagai Wakil Rakyat Johor kita semua mesti faham, apa sebenarnya keperluan rakyat sekarang, khasnya keluarga pasangan muda, kemudian, barulah kita boleh dapat menggubal dasar-dasar dan undang-undang yang memenuhi keperluan rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam beberapa tahun yang lalu, harga hartanah Negeri Johor terus mencak dan mencapai tahap yang cukup tinggi. Maka harga rumah yang tinggi tersebut, membebankan rakyat yang berpendapatan rendah ke sederhana khasnya, ini kerana pendapatan mereka tidak meningkat dengan kos sara hidup semasa yang ditanggung. Dalam situasi hari ini, impian rakyat untuk mempunyai rumah sendiri semakin jauh dari realiti. Menurut laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas tahun 2012. Pendapatan bulanan untuk 31.9% isi rumah bandar dan 51.6% isi rumah luar bandar kat Johor, berada di bawah kadar RM3,000.00. Dari kalangan isi rumah berpendapatan bulanan yang rendah tersebut, 61.1% daripadanya memiliki rumah sendiri. Justeru, baki 38.9% isi rumah dalam golongan pendapatan rendah ini tinggal di rumah yang disewa. Untuk menangani masalah kekurangan bekalan rumah kos rendah, Senai setuju dengan objektif penggubalan enakmen ini. Walau bagaimanapun, Senai ingin memberi penekanan dalam Persidangan Dewan yang mulia ini, bahawa, kerajaan ataupun syarikat-syarikat yang di tubuh di milik oleh kerajaan sebagai badan pelaburan negeri dengan izin GLC tidak sepatutnya menyertai aktiviti-aktiviti spekulasi harga hartanah pasaran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tanggungjawab kerajaan atau syarikat-syarikat tersebut adalah supaya melaraskan permintaan dan bekalan, *demand* dan *supply* dengan izin, serta dia tak campur dengan dalam pasaran sebagai *command economy*, dengan izin. Contohnya kerajaan negeri Johor sepatutnya membina lebih banyak unit rumah kos rendah, apabila pemaju-pemaju swasta memfokuskan sumber mereka untuk pembinaan rumah kos tinggi yang memberi keuntungan besar sekarang. Senai ingin menunjukkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa, kita sedang menghadapi kekurangan bekalan rumah kos rendah dan mungkin kos sederhana juga, yang amat serius pada masa ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut maklumat yang dibekalkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. Peratus pindah milik harta suku tahun pertama 2014 tahun ini, berbanding dengan suku tahun pertama tahun lepas itu tahun 2013, serta suku tahun pertama 2014 banding dengan suku tahun keempat 2013, hanya, harta kediaman kos di atas 3 ribu, RM300,000.00 mendapat perkembangan positif. Kelas harta kediaman bernilai, RM500,000.00 dan RM1 juta ke atas, mencatatkan peratus pindah milik yang paling tinggi. Jika kita membandingkan angka-angka dari suku tahun pertama 2014, dengan suku

tahun pertama 2013, peratus untuk kelas kedua ini adalah sebanyak 179.2% dan 160.4%. Selain daripada tu, pusat tersebut juga memaklumkan bilangan pindah milik hartanah mengikut kelas harga, iaitu sebanyak ***seribu enam puluh ratus enam puluh lapan*** unit harta kediaman yang bernilai RM500,000.00 ke atas di pindah milik dalam suku tahun pertama dan suku tahun keempat 2013, tahun yang lalu. Paling penting sekali, menurut jawapan Senai terima dalam Persidangan lepas, sebanyak ***Enam Ribu Empat Puluh Enam Ratus Lima Puluh Satu*** harta kediaman dibeli oleh warga asing. Maksudnya pasaran hartanah amat panas tahun lepas, khasnya, pasaran harta kos tinggi diakibatkan oleh aktiviti spekulasi harga, warga asing. Oleh yang demikian, ramai pemaju membina rumah kos tinggi sahaja, dengan mempertimbangkan keuntungan syarikat semata-mata. Maka bahagian syarikat-syarikat, sebahagian syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan sebagai badan pelaburan terus menyertai aktiviti spekulasi harga hartanah dengan pembinaan rumah kos tinggi. Pada pandangan Senai, inilah, yang menyebabkan rendahnya peratus pindah milik hartanah kos rendah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker menurut laporan pasaran harta 2013, harga harta kediaman Negeri Johor, meningkat sebanyak 20.4% dalam tahun yang lepas, jika berbanding dengan tahun 2012. Manakala dalam kegawatan ekonomi yang sedang kita alami, pertumbuhan KDNK, GTP *Growth* dengan izin, berkurang ke 4.7% selepas kita mencapai 5.7% dalam tahun 2012. Senai menyebutkan semua masalah ini, agar mengingatkan semua pihak bahawa, kita sepatutnya meneliti semua dasar secara terperinci untuk membawa manfaat kepada semua pihak. Dalam beberapa tahun yang lalu, pasaran hartanah Negeri Johor sangat meriah bukan sahaja diakibatkan oleh pelaksanaan projek Wilayah Iskandar Malaysia, tetapi juga diakibatkan oleh pelonggaran *quantitative* dengan izin. Selepas krisis gadai janji *subprime* itu *subprime crisis*, dengan izin yang berlaku pada tahun 2008, rizab persekutuan Amerika Syarikat memulakan pelonggaran *quantitative*, satu, dua dan tiga hingga hujung tahun 2013. Sebenarnya *quantitative easing* percetakan kertas wang, wang kertas. Pada masa itu, kerana tiada lagi orang yang berani membeli hartanah serta meminjam dari bank di Amerika Syarikat selepas krisis tersebut, semua duit panas, *hot money* dengan izin yang dikeluarkan oleh rizab persekutuan Amerika Syarikat di salur ke Asia. Harga hartanah bandar mencatat rekod tinggi dari satu bandar ke satu bandar. Dari Tokyo ke Beijing, selepas tu Shanghai, Hong Kong, Taipei, Bangkok, Jakarta, Kuala Lumpur dan juga Johor Bahru.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Walau bagaimanapun, *quantitative easing* sudah diberhentikan. Berapa banyak lagi duit panas akan masuk ke pasaran hartanah tempatan?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memandangkan keperluan rakyat semasa pihak kami setuju untuk menubuhkan satu Lembaga akan memantau isu

perumahan. Walau bagaimanapun, pihak kami berpendapat bahawa Rang Undang-Undang yang dibentang hari ini perlu ditangguhkan atas beberapa sebab.

Pertamanya kami mengalu-alukan pindaan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam, namun kami berpandangan hanya satu perkataan yang sesuai digunakan dalam enakmen ini, iaitu Pihak Berkuasa Negeri. Jikalau pihak kerajaan telah berhasrat untuk membuat pindaan, pihak kami fikirkan, ini bukan satu masalah untuk pihak kerajaan menyepadukan perkataan dalam Rang Undang-Undang ini.

Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Negeri dalam enakmen ini, lebih baik ditafsirkan sebagai cemar Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Johor. Senai ingin menekankan dalam Persidangan Dewan yang mulia ini, pihak kami mempertahankan sistem Raja Perlembagaan iaitu *Constitution Monarch* dengan izin, dan prinsip demokrasi berparlimen *Parliamentary Democracy* dengan izin. Kedua, berkenaan pindaan baru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Semua Ahli-Ahli Dewan cuma diberitahu fasa-fasa dipinda secara mulut, lisan, secara lisan sebenar tadi. Oleh itu kenapa tidak boleh dibentang Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan yang akan datang, agar semua fasa boleh diteliti secara terperinci.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Ok, ada sikit lagi. Ketiga, pihak Pakatan Rakyat ingin membangkitkan beberapa isu berkenaan enakmen ini, walaupun objektif enakmen ini adalah baik. Contohnya Fasal 39 dan 41, boleh menjadi satu isu. Isu penyalahgunaan kuasa, jika tidak dilaksanakan dengan cara dan sikap yang betul. Menurut Fasal 39, Lembaga yang ditumpu di bawah enakmen ini, berkuasa mengambil alih mana-mana harta yang bukan milik kerajaan negeri bagi maksud enakmen ini. Tiada fasa sebegini dalam enakmen yang sama di negeri lain. Dan, Senai bimbang juga fasa ini terbuka ke penyalahgunaan akan mengakibatkan rampasan dana yang tidak diingini. Fasal 41 juga memberi kuasa kepada Lembaga ini, tanpa memberi penerangan adakah fasa ini boleh diguna atas hartanah dimilik atau diurus oleh sebuah Lembaga dalam enakmen negeri lain.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Ok. Keempat. Fasal 16 mengenai penzahiran kepentingan. Pihak kami berpandangan bahawa fasal ini perlu dipinda dengan menerangkan apa hukuman akan dijatuh kepada sesiapa yang melanggarkan seksyen itu.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Ok. Isu terakhir Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Senai ingin membangkitkan mengenai Rang Undang-Undang ini adalah peranan Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak kami tidak dapat melihat apa peranan yang boleh dimainkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam proses membuat keputusan Lembaga ini, demi melancar projek-projek pembinaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, oleh demikian, dengan semua isu-isu masalah-masalah yang Senai bangkitkan dan kawan-kawan pihak kami yang bangkitkan. Senai mencadangkan Dewan yang mulia ini, menangguhkan Rang Undang-Undang ini serta menubuhkan satu jawatankuasa pilihan *bipartisan* untuk mengkaji semula isi-isi, fasa-fasa enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor 2014.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : agar semua rakyat Johor mendapat manfaat dan kebaikan. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Senai. (Dewan bertepuk) Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Serom.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Selawat).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sungguhnya Serom melihat rundingan Rang Undang-Undang pada enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor, selepas ini disebut sebagai LPHJ, adalah satu perkara yang dapat dilihat daripada perbahasan-perbahasan yang dibawa oleh Bukit Batu dan juga Senai. Kedua-duanya mohon untuk penangguhan. Sebenarnya perkara kerja-kerja untuk kita buat seperti yang pernah saya sebutkan, bahawa untuk melakukan kebaikan, untuk melakukan sesuatu perubahan ada satu perkataan yang perlu dikatakan iaitu dengan izin *agency* maka kita haruslah berubah dan apa yang kita buat sebenarnya adalah untuk rakyat dan kepada rakyat. Sebenarnya, perkara ini telah pun bukan dibuat secara yang dibuat secara tergesa-gesa. Kajian demi kajian telah dibuat sejak sekian lama. Umpama kajian telah dibuat oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, di mana Kajian Pemantapan Institusi Keluarga Johor, di mana Kajian Kesejahteraan Ekonomi, di mana Kajian Kesejahteraan Isi Rumah, Penempatan Kos Rendah di Johor, Kajian Keutuhan Keluarga dan Kesejahteraan Anak, dan Kajian Tingkah Laku Remaja di Johor, Kajian *Analyst* dengan izin *The Analysis of The Value of Execution Problem* dan Kajian Pemasar Wanita, Kajian Pemasar Masyarakat Melayu Johor dan Kajian Persepsi Masalah Keperluan Warga Tua dan Kajian Sistem Sokongan Keluarga dan Fenomena Keagamaan dan Kesejahteraan dan Kajian Modal Keluarga Sakinah. Dan, beberapa kajian seterusnya dan hinggalah kepada kajian yang terakhir, yang disebut oleh rakan-rakan daripada Barisan Nasional yang

menerangkan kajian menerusi hasil Suara-Suara Johor. Hasil kajian itu menunjukkan, pada 19 Ogos 2013, di mana usaha merakyatkan kerajaan dan memperkasakan muafakat Johor dan melestarikan pembangunan pro rakyat dan daripada maklum balas daripada rakyat, kita lihat Suara Hati Johor itu, isu perumahan adalah isu yang pertama sekali dan ini telah daripada ekoran itu, dan barulah kita mewartakan dan soal pewartaan dan soal perlembagaan yang enakmen yang dibuat ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita lihat dari sifat dan fungsinya dari segi rohnya, dari segi sifatnya, kita lihat daripada fungsi dan kuasanya. Kuasanya adalah baik, kuasanya untuk melaksanakan perkara ini pelaksanaan yang cekap, pelaksanaan yang merangkup dengan untuk menuju kepada kejayaan, permasalahan rumah mampu milik rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menarik perhatian berkaitan dengan General Akademik 82 (3) tahun 2012 oleh Junaidi Awang dengan izin, serta ruang fizikal dan modal hidup serta aktiviti ekonomi, kian berubah dalam hasil kompetitif serta mampat, iaitu projek pembangunan tidak lagi tertumpu di kawasan bandar, tetapi telah merubah ke kawasan kampung dan ladang. Jadi, Yang Berhormat Speaker, sahabat saya daripada, mengatakan bahawa orang bandar ni jam miskin, jadi orang-orang kampung kaya. Ni orang kampung kaya. Tetapi Yang Berhormat Speaker saya lihat dengan fungsi dan kuasa Lembaga seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Batu, mempersoalkan supaya Rang Undang-Undang ini ditangguhkan dengan sebab penelitian terhadap pengarah tidak dijelaskan. Saya ingin merujuk kepada fungsi dan kepada Lembaga, saya ingin merujukkan juga kepada perwakilan dan saya juga ingin merujuk kepada bahagian 3 Pengarah, Pegawai dan Perkhidmatan Lembaga. Kefahaman terhadap Lembaga mempunyai kuasa autoriti yang tertinggi, namun begitu di bawah pemerhatian Kerajaan negeri. Maka, soal pengarah adalah soal lantik Lembaga, kefahaman dari penstrukturan organisasi iaitu Lembaga, adalah satu bentuk yang tertinggi. Maka, dia berhak dan Lembaga memilih pengarahnya, pegawai yang terlibat di dalamnya dan melibat kepada urusan-urusan pentadbiran. Saya lihat dengan isu untuk menangguhkan enakmen yang telah dibawa sejak sekian lama, untuk dibentangkan demi rakyat untuk rakyat ditangguhkan semata-mata kerana disebabkan oleh beberapa isu ini. Maka, saya ingin melihat bahawa memanglah itulah dasarnya bagi pihak pembangkang yang selalu melihat untuk memperlengahkan masa kita dan kemudian berharap pula nanti pada PRU-14, dia pula nak ambil tempat kita. Inilah yang saya sedih daripada Parit Yaani.

YB Senai sebelum ini memuji tepat masanya, tapi minta tangguh pula. Ha, tak faham. Bagi tapi tak bagi. Dengan fakta yang diberi, dia kata objektif baik. Oleh itu objektif adalah baik. Kalaulah objektif baik dan tepat masanya, buat apa nak tangguh. Kita luluskanlah pada hari ini. Dan ini menjadikan satu perkara yang saya kadang-kadang bercelaru, sekejap dia kata tepat masanya, sekejap dia kata objektifnya benar, tetapi apa yang kita lihat Yang

Berhormat Tan Sri Speaker. Kita sedar bahawa dalam situasi ini, kita lihat bahawa terutamanya di DUN Serom, saya ingin melihat bahawa inilah peluangnya. Sebentar tadi di tengah pagi tadi, kita melihat bahawa terdapat 6,614 yang dijelaskan oleh penggulungan yang dibuat oleh Yang Berhormat Jawatankuasa Hasil Bumi dan Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor dan juga yang dibuat oleh rakan-rakan yang lain, di mana bahawa tumpuan terhadap industri perusahaan industri kecil sederhana. Di Serom, tibalah masanya dengan adanya Lembaga ini, maka dapatlah kita bagi mereka-mereka pengusaha sederhana kecil ini, dapat peluang dan ruang yang lebih luas nanti dapat disediakan tempat untuk mereka berniaga dan seterusnya meningkatkan ekonomi.

Untuk makluman Tan Sri Speaker, dari segi faktanya, seluruh Johor sehingga kini fakta yang saya terima dari 31 Mei 2014, sebanyak 24,700 buah rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah yang akan dibina dan daripada fakta itu dilihat bahawa rumah itu kos rendah. Di Ledang sahaja, kita lihat sebanyak 1,233 buah rumah dan daripada itu yang telah dibina hanya 357 rumah. Bererti 12% yang baru disiap. Saya mengharapkan dengan kesegeraan dan dapat diluluskan Akta, Enakmen Rang Undang-Undang Perumahan ini dapat dibuat kepada hari ini, kerana ini akan mendapat faedah kepada rakyat terutamanya rakyat luar bandar, petani, nelayan dan juga penternak-penternak, pekebun-pekebun seperti yang dijelaskan dan saya sangat teruja daripada sahabat saya daripada Barisan Nasional, mengatakan bahawa inilah peluang masanya, dengan kuasa yang ada dan fungsi yang ada dan sifat yang baik ini. Inilah masanya kita dapat membantu rakyat dan inilah tibanya untuk kita membina rumah rakyat dan saya percaya dengan adanya Lembaga ini, dari bentuk soal kewangan umpamanya, kita dapat membantu rakyat dengan adanya seperti permasalahan pinjaman kewangan, institusi bank menghadapi permasalahan kewangan.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung, sila gulung.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Terima kasih. Izinkan sikit lagi. Dan permasalahan kewangan ini maka mungkin boleh dibuat sewa beli kepada mereka-mereka yang memerlukan rumah ini. Saya juga ingin mengambil perhatian sebelum menggulung perkara ini, dari segi kedudukan permasalahan perumahan ini bukan sahaja disebabkan oleh selain daripada permintaan dan pemasaran dia juga melibatkan perkara-perkara lain, dari segi komponen-komponen lain dengan izinnya, iaitu ertinya bahan mentah umpamanya. Dari segi nilai harga tanah, dari segi tawaran tenaga pekerja, dari segi pentadbiran, inilah di antara elemen-elemen yang boleh menjurus kepada kenaikan harga rumah dan permasalahan harga rumah, jadi Serom menggesa dan mengharapkan dan menyokong supaya Rang Undang-Undang, Rang Enakmen ini dapat diluluskan pada petang ini dan sesungguhnya Lembaga ini akan hidup pada petang ini, Lembaga ini mempunyai sifat yang akan kita bentuk pada Dewan yang mulia pada petang ini, dan terpulanglah kepada

kita sama ada Lembaga ini terletak pada tangan kita sama ada Nasrani ataupun Yahudi. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Serom. Akhirnya saya persilakan Yang Berhormat Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Waalaikumusalam.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Salam sejahtera, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana memberikan peluang, ruang untuk saya turut sama dalam perbahasan Rang Undang-Undang Lembaga Perumahan dan Harta Tanah Johor 2014, saya nak ucapkan tahniahlah, kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah berjaya menggarap Rang Undang-Undang ini, dan Rang Undang-Undang ini Insya-Allah akan disokong dan diluluskan petang ini juga Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Parit Yaani sebut Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni tertekan. Saya perhatikan juga dia ni dalam apa jua keadaan pun senyum aje, *cool* aje, saya kadang-kadang Yang Berhormat Tan Sri Speaker cemburu juga, dia ni pakai apa, Yang Amat Berhormat ni pakai apa. *Relax* saja. Orang berkocah satu Malaysia ni tapi dia boleh ketawa, dia boleh senyum, dan dia menjawab dengan keadaan yang cukup tenang sahaja, ah inilah kita bersyukur kita beruntung kerana dapat anugerah pemimpin ni. (Dewan Bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semalam saya cukup tertarik dengan *statement* yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat dan semasa menggulung perbahasan, ni dalam maksudnya. Saya bacakan kot. Belum pernah dalam sejarah Johor tunduk kepada cabaran atau takut mengambil risiko untuk menguruskan cabaran. Dalam maksudnya Tan Sri Speaker. "Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai". Tadi saya tengok Parit Yaani sekejap macam sokong, bila akhir ucapan macam nak tarik tak sokong, tadi kang petang, akhir penggulungan ni masa nak menyokong ni kita nak tengok Parit Yaani, dia angkat tangan atau tidak. Boleh?

YB Dato' Dr Adham bin Baba (Pasir Raja) : Boleh, jangan takut. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Datuk Speaker, Tan Sri Speaker minta maaf. Saya nak bawa perkara yang cukup *basic*, mudah aje Yang Berhormat saya tak nak sentuh banyak-banyak, tadi rakan-rakan kita dah sentuh banyak. *Basic* nya ialah negara ini ada undang-undang. Negeri ni pun ada undang-undang. Dewan ni pun ada undang-undang. Kita tak lepas, kita ada peraturan, dalam berkeluarga pun ada undang-undang Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kita kena patuh.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker saya nak rujuk kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor ni Yang Berhormat. Digarap pada tahun 1895 dah hampir 116 tahun malah saya nak sebutkan, Perlembagaan Persekutuan yang digarap pada 1957 merujuk kepada Perlembagaan ini, dan saya nak bawa 1 fasal Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Fasal 2 (1), dan Fasal 2, (2), saya nak bacakan satu-satu sejak enakmen ni saya dah faham sikit, bukan faham sikitlah Yang Berhormat banyak baca buku Perlembagaan ni. Saya bacakan satu-satu, Fasal 2 (1) Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Ada pun kuasa kerajaan negeri adalah terletak di tangan Raja, tetapi kerja-kerja kerajaan boleh dengan menurut undang-undang diserahkan kepada lain-lain, orang atau badan-badan yang berkuasa. Perkara Fasal 2 (2), semua kuasa-kuasa kerajaan negeri hendaklah disebut sebagai dijalankan dengan nama Raja. Ha, ini Undang-Undang Tubuh Kerajaan negeri. Kita kena junjung. Di Negeri Johor ni kita kena junjung undang Undang-Undang Tubuh Kerajaan negeri. Dan Undang-Undang ini, Tubuh Kerajaan negeri ni dia mengambil kira kebebasan bersuara, nilai-nilai universal Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Dan saya nak sebutkan tadi kalau Bukit Batu sebut ni, saya nak, dia pengamal undang-undang eh, dan juga Senai dia sindir sedap-sedap aje, hanya pakai Pihak Berkuasa Negeri saja, saya faham, bagi Fasal yang disebut Raja dengan nasihat Menteri Besar, ada 3 perkara tu. Patutnya tak ada. Sedangkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan negeri jelas Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita kena junjung ni, kita ni Ahli Dewan Negeri Johor. Tapi bila bercakap ni ikut kepentingan. Mana boleh Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bila bab ni kita fikir ikut undang-undang. Bila bab ni untuk kepentingan kita ikut lain, tak boleh Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tadi disebut oleh Bukit Batu Seksyen 16, dia pengamal undang-undang. Dia kata penzahiran kepentingan.

Dia baca Seksyen 16 sahaja, dalam enakmen ni, undang-undang ni kena baca semua sekali, dia tak baca Seksyen 14, ah, inilah pembangkang, selalu pusing sana pusing sini sepanjang masa. (Dewan bertepuk). Takkan pengamal undang-undang tak boleh baca ni, saya bukan undang-undang, saya cuma Ahli Dewan Negeri Yang Berhormat, saya pun boleh faham. Kenapa tak baca Seksyen 14, Lembaga menentukan syarat perkhidmatan, cara pelantikan, syarat perkhidmatan, Seksyen 15 tertib dan surcaj. Kuasa tatatertib boleh diambil, bagi menjaga kawalan pada semua penjawat. Disebut. Tapi Bukit Batu baca satu aje. Kita dengar tadi hanya Seksyen 16, jadi jelas saya yakin lepas ni, kat bawah ni pun dia kan bercakap, dia minta tangguh atas alasan ni 1, 2, 3, dia cakap dia sokong tapi dia minta tangguh kalau yang lain 51 Fasal Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan kita ni telus, kita telus Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Orang suruh minta pinda, ok kita pinda, hari ni dah cakap pinda dia suruh tangguh, ini pusing betul lah. Minta maaf Tan Sri Speaker. Pusing, dia ni memang pusing, kalau dia orang ni ikut perlembagaan, negara ni tak kecoh macam ni Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Ya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak sebutkan satu Yang Berhormat Tan Sri Speaker ya, berkaitan dengan kerajaan negeri kita telus, saya pun tak

faham tadi disebut oleh Bukit Permai orang mengasak takpelah, tapi kita terbuka, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia terbuka, dia sanggup terima apa juga pandangan. Yang penting yang difikir oleh Kerajaan BN Pro Rakyat, untuk rakyat kita buat enakmen ni untuk rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker saya nak sebutkan, saya sebutkan dalam ucapan saya, ada 174,000 yang dikesan oleh Kerajaan Barisan Nasional eh, yang tak dibuat rumah. 174,000 ni. Sedangkan permintaan untuk rumah kos rendah dan kos sederhana cuma 52,000 sahaja. Kalau pemaju yang bertanggungjawab, dia tak fikirkan keuntungan ni rumah 174 tak ada masalah. Kita boleh selesaikan semua permintaan Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya tak nak bercakap panjang sebab lepas ni kita nak bentangkan satu-satu fasal, akhir Tan Sri Speaker enakmen ni perlu diteruskan. Perlu disokong dan perlu diluluskan demi rakyat, untuk rakyat, kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tan Sri Speaker, janganlah gerimis rakan-rakan Barisan Nasional yang ada dalam Dewan ni, hujan pun kita redah, jangankan hujan, ribut pun kita akan harungi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyeru Dewan ini menyokong dan meluluskan Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Harga Tanah Negeri Johor 2014. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. (Dewan Bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Rengit.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di bawah Peraturan Tetap 76 Skudai ingin merujukkan Rang Undang-Undang ni ke peringkat Jawatankuasa Pilihan supaya diperhalusi beberapa perkara dan juga beberapa Fasal dan antaranya adalah Fasal 16 (3), Jadual 3, Seksyen 3, Fasal 24, 27, 39 61, 63, sebab kita menyokong semangat dan tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk kebaikan seluruh negeri Johor. Tapi khasnya Fasal 16 itu sebenarnya bukan sahaja tidak mengelakkan budaya rasuah, di sebaliknya menggalakkan dan juga mendorong dan juga memupuk budaya rasuah dan itu akan memburukkan nama baik negeri Johor, di depan semua Ahli-Ahli Jawatan, Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, saya rasa untuk menjaga kemuliaan Dewan ini kita patutnya, patutnya.....

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai saya tak membenarkan Yang Berhormat membawa usul mengejut seperti itu.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bawa usul ni di bawah ditangguhkan di bawah Peraturan Tetap 70, dan saya bagi lebih dari 10 Ahli Dewan ni menyokong usul ni.

YB Tan Sri Speaker : Saya tolak Yang Berhormat.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Saya menyokong usul Skudai, Tan Sri Speaker...Tan Sri, Tan Sri...

YB Tan Sri Speaker : Perkara tu tak boleh dibawa, usul ini pun saya tak bersetuju, bukan senang nak *you* nak bawa 10 di terus boleh di, saya terima, tidak. Ada perkara-perkara yang berkaitan kalau saya tak bersetuju, saya tak bersetujulah, jadi apa yang diusulkan oleh Skudai tu saya tolaklah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini telah memburukkan nama baik, Datuk Speaker.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4.50 petang.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Sebelum itu saya nak membuat pengumuman, Yang Berhormat Skudai tadi di akhir sebelum kita, cuba membuat usul rundingan. Tetapi Yang Berhormat Skudai tidak mengikut peraturan eh. Peraturan-Peraturan 29, 30, 31, 32 harus diikut, bukan boleh *jump* terus begitu, dengan membawa terus 10 orang berdiri, kalau pun nak bawa dalam perkara begitu, ia harus bergantung kepada apa yang di fikir atau apa yang diputuskan oleh Speaker, kalau Speaker kata dia tidak menepati, usul itu dia tolak. Itu sebab saya tolak tadi. Saya tahu Ahli-Ahli Yang Berhormat kadang-kadang nak main politik dalam perkara ini eh. Supaya nanti waktu pengundian keluar konon Speaker menggalam begitu dan begini. Saja untuk permainan politik dalam Dewan Negeri ni eh. Ini yang saya tak berapa berkenan la eh.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Seri, Tan Sri Speaker, minta maaf Skudai ucapkan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jadi, saya gunakan Perkara 46(4) Keputusan Speaker muktamad. Waktu Speaker sedang bercakap Yang Berhormat, tolong gunakan peraturan tidak boleh bangun waktu Speaker bercakap. Siapa sahaja bercakap tidak boleh mencelah melainkan dengan persetujuan. Jadi, saya harap gunakan Peraturan-Peraturan Dewan yang sama-sama kita gunakan ini. Jadi Yang Berhormat Jais, oh *sorry*, Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini tidak ditangguhkan sehingga Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor 2014 selesai ditimbangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat teruskan jawab.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker mengenai soalan daripada Bukit Batu tadi, Fasal 16 tentang tanggungjawab kepada anggota Lembaga atau Ahli Jawatankuasa dia kena menzahirkan kepentingan jika anggota itu gagal buat demikian *prosiding* atau tindakan Lembaga tidak lebih tidak sah. Tetapi ini tidak bermakna anggota itu tidak terlepas dari tindakan undang-undang jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah, anggota itu boleh didakwa dan untuk makluman juga tentang pegawai tadi pengarah CEO, CEO dia tidak dalam Lembaga. Dia adalah kakitangan yang dikenakan di bawah Akta Pencegah Rasuah Malaysia itu sendiri. Jadi, tidak timbul masalah cerita tentang kita tidak kita menghalang daripada kita meneruskan enakmen ini dan untuk Dewan semua. Apa pun persoalan yang ditimbulkan, kita tidak boleh tangguh Persidangan ini untuk diteruskan kerana apa pun...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat duduk sekejap. Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk. Untuk pembetulan. Yang Berhormat, Yang Berhormat daripada Kawasan Mahkota telah pun membawa usul untuk meneruskan Persidangan kita ini. Makna, Dewan ini tidak ditangguhkan hingga Rang Undang-Undang ini selesai dipertimbangkan. Telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Pulai Sebatang.

Sekarang saya kemukakan rundingan itu dikemukakan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan dipersetujukan. Jadi teruskan perbahasan kita. Jemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan: Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penyediaan Enakmen Perumahan dan Hartanah Negeri Johor bertujuan untuk menyediakan satu bentuk perundingan berkaitan pembangunan sektor perumahan dan hartanah di Negeri Johor. Penyediaan enakmen ini tidak sekali-sekali disediakan untuk menyusahkan mana-mana pihak tetapi lebih kepada membantu memperkukuhkan sektor perumahan dan hartanah di Negeri Johor demi memastikan pada akhirnya kebaikan rakyat di Negeri Johor akan terbela. Melalui penyediaan enakmen ini sebuah Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor akan ditubuhkan yang mempunyai beberapa fungsi merangkumi untuk penyediaan dasar pelaksanaan penyelarasan serta perancangan pembangunan Sektor Perumahan dan Hartanah Negeri Johor. Seterusnya akan memberi kemudahan kepada rakyat. Pihak-pihak berkepentingan seperti pemaju dan perunding di dalam menjalankan urusan berkaitan Sektor Perumahan dan Hartanah di Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri amat prihatin terhadap keluhan daripada rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dan

sederhana. Berapa usaha telah diambil oleh kerajaan negeri dalam usaha memberikan ruang golongan ini memiliki rumah di negeri Johor. Antaranya beberapa siri rundingan dengan beberapa pembiaya kewangan swasta terpilih telah diadakan dengan kerjasama kemudahan Bank Negara Malaysia bagi memberikan kemudahan pinjaman perumahan yang lebih fleksibel kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, melalui pelaksanaan dasar perumahan rakyat Johor pemantauan berterusan akan dapat dilaksanakan oleh kerajaan negeri terhadap aspek pematuhan binaan perumahan dan hartanah terutamanya rumah mampu milik yang menjadi keperluan kepada rakyat.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa proses pemantauan ini diketuai sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menerusi Jawatankuasa Khas Sektor Perumahan yang bermesyuarat 2 bulan sekali. Kerajaan negeri telah menubuhkan Akaun Amanah Tabung Perumahan Infrastruktur dan Sosial yang dikutip daripada pemaju-pemaju yang dikenal pasti gagal atau memilih untuk tidak membina rumah kos rendah atau Rumah Mampu Milik Johor mengikut bilangan atau unit yang sepatutnya. Hasil kutipan daripada akaun amanah tersebut akan dibelanjakan bagi tujuan pembangunan rumah mampu milik yang diperlukan tetapi tidak ditawarkan oleh pemaju-pemaju mengikut kawasan yang dikenal pasti mempunyai permintaan perumahan yang tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri menerusi penubuhan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Johor akan lebih bersedia bagi mengalas tanggungjawab yang lebih komprehensif bagi menjadikan Negeri Johor sebagai negeri yang mampu menyediakan keperluan rumah yang mencukupi berdasarkan dasar-dasar yang ditetapkan mencakupi penyeliaan, pengawasan, penguatkuasaan, latihan dan pelbagai lagi. Jika sebelum ini syarikat-syarikat pemaju yang gagal menyiapkan sebuah pelan pembangunan mudah terlepas dari aspek perundangan kerana tindakan hanya boleh dikenakan terhadap syarikat-syarikat maju.

Namun, melalui peruntukan enakmen ini, pengarah, pengurus, setiausaha dan pegawai-pegawai umpamanya bagi syarikat-syarikat pemaju ini juga boleh dikenakan tindakan undang-undang tegas menerusi Fasal 47 dalam enakmen ini. Langkah drastik ini adalah bertujuan untuk memberikan jaminan bahawa pemaju-pemaju yang ada di negeri ini akan lebih bersungguh-sungguh untuk menyiapkan sesebuah pelan pembangunan tersebut dan seterusnya kebajikan rakyat, pembeli tidak diabaikan. Beberapa aspek penambahbaikan dimasukkan sebagai inti pati kepada enakmen antaranya mana-mana pihak yang menjalankan kemajuan perumahan dan hartanah di negeri Johor mereka hendaklah berdaftar dengan pihak Lembaga. Ini akan membolehkan pemantauan secara lebih berkesan diambil oleh kerajaan negeri di dalam menangani masalah kemajuan projek perumahan dan hartanah secara tidak berlesen dan seterusnya mengurangkan masalah projek terbengkalai.

Selain daripada itu, aspek kawalan pemaju-pemaju di bawah kategori hartanah iaitu aktiviti komersil yang sebelum ini tidak diambil berada di bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat dipantau dan diambil tindakan oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Johor bagi pihak kerajaan negeri.

Pada akhirnya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapkan terima kasih kepada semua pihak dan rakyat yang sama-sama memberi pandangan dan maklum balas di dalam enakmen ini. Melalui enakmen ini juga Kerajaan negeri memberikan iltizam agar Sektor Perumahan dan Hartanah Negeri Johor akan terus diperkasakan di dalam usaha kerajaan negeri untuk memastikan pembangunan pro rakyat akan dapat diteruskan. Saya juga turut menyambut baik segala pandangan-pandangan positif dari semua pihak bagi meneruskan dan menambah baik dasar-dasar sedia ada berkaitan Sektor Perumahan Hartanah di Negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli, rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH JOHOR 2014.

YB Tan Sri Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : FASAL 1 DAN FASAL 2.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1 dan Fasal 2 jadi sebahagian dari Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Fasal 1 dan Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 3.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 3 jadi sebahagian dari Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 4.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Yang Berhormat Latif.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, saya mohon membawa pindaan kepada fasal-fasal berikut. Fasal 4/1d Lembaga. Lembaga hendaklah terdiri daripada tidak lebih daripada 4 orang wakil daripada apa-apa perbadanan, agensi atau mana-mana orang yang membawa manfaat kepada Lembaga yang dilantik oleh Raja atas nasihat Menteri Besar. Fasal 4(2) sesearang anggota Lembaga kecuali sesiapa yang disebut di dalam perenggan (a)(b)(c) hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi 2 tahun dan adalah layak dilantik semula melainkan jika tidak jika dia terlebih dahulu meletak atau mengosongkan jawatannya atau lantikannya terlebih dahulu dibatalkan oleh Raja atas nasihat Menteri Besar. Fasal 4(3) ahli-ahli Lembaga boleh dibayar saran atau elaun seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 4 sebagaimana yang telah dipinda itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 5 DAN FASAL 6.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 5 dan Fasal 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 5 dan Fasal 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 7.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, saya mohon membawa pindaan kepada Fasal 7 seperti berikut :

Fasal 7, kuasa untuk menubuhkan perbadanan. Lembaga bolehlah dari semasa ke semasa dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri menubuhkan suatu perbadanan menurut Jadual Kedua dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Lembaga untuk menjaga, membangunkan, mengurus apa-apa rancangan kemajuan projek skim atau pengurusan sebagaimana yang diuruskan oleh Lembaga.

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 7 sebagaimana yang telah dipinda itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 8 HINGGA FASAL 11.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 8 hingga Fasal 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 8 hingga Fasal 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 12.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 12 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, saya mohon membawa pindaan kepada Fasal 12 seperti berikut, Fasal 12(2) pelantikan pengarah, pegawai dan pekhidmat, segala pelantikan pengarah hendaklah dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Raja atas nasihat Menteri Besar.

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 12 sebagaimana yang telah dipinda itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 13 HINGGA FASAL 22.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 13 hingga Fasal 22 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 13 hingga Fasal 22 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas): Pindaan dalam bacaan kali yang ketiga. Saya berharap, saya memohon supaya Fasal 16, Nombor 3 mohon tiada tindakan atau *prosiding* Lembaga atau Jawatankuasa boleh di tak sah atas alasan...

YB Tan Sri Pengerusi : Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk Yang Berhormat, saya telah pun memberikan peluang untuk Yang Berhormat kalau ada sekira pencelahan tak ada sebab itu saya teruskan kepada Ahli-Ahli yang bersetuju. Semua dah kata bersetuju. Benda tu telah di undi jadi, tak dapatlah lagi saya nak melayan apa Yang Berhormat nyatakan tersebut.

YB Tan Sri Pengerusi : Jurutulis, Fasal 23.

Jurutulis : FASAL 23 HINGGA FASAL 25.

YB Tan Sri Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 23 hingga Fasal 25 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 23 hingga Fasal 25 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 26.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 26 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, saya mohon membawa pindaan kepada Fasal 26 seperti berikut. Fasal 26(2) Kewangan. Lembaga hendaklah, sebelum permulaan Julai, menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri anggaran perbelanjaan untuk tahun hadapan dalam bentuk dan berserta butir-butir yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah sebelum permulaan September setiap tahun memberitahu Lembaga berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk perbelanjaan secara amnya ataupun berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk setiap jenis perbelanjaan.

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 26 sebagaimana yang telah dipinda, jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 27 HINGGA FASAL 31

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 27 hingga Fasal 31 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 27 hingga 31, jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 32

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 32 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, Saya mohon membawa pindaan kepada Fasal 32 seperti berikut; Fasal 32(3) Tahun Kewangan dan Akaun beraudit. Lembaga hendaklah dalam enam bulan selepas berakhirnya tiap-tiap satu tahun kewangan mengauditkan akaunnya dan menghantar kepada Pihak Berkuasa Negeri, bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau Juruaudit yang dilantik di bawah Subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun Lembaga bersama-sama dengan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam Seksyen 34.

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 32 sebagaimana yang telah dipinda itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 33

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 33 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, Saya mohon membawa pindaan kepada Fasal 33 seperti berikut :

Fasal 33(1), Siasatan Terhadap Akaun Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa mengarah orang tertentu yang dilantik olehnya untuk membuat penyiasatan terhadap buku, akaun dan urus niaga Lembaga.

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 33 sebagaimana yang telah dipinda itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 34

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 34 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, saya mohon membawa pindaan kepada Fasal 34 seperti berikut:

Fasal 34(1), Laporan Tahunan. Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun kewangannya, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu laporan menyentuh kegiatan Lembaga pada tahun yang lepas.

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 34 sebagaimana yang telah dipinda itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

JURUTULIS : FASAL 35 HINGGA FASAL 39

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 35 hingga Fasal 39 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, dengan Peraturan-Peraturan Tetap Fasal 80, saya minta, Senai cadangkan Fasal 39

dipindakan sepenuhnya. Keluarkan Fasal 39 dari enakmen ini kerana kuasa yang diberi kepada Lembaga ini terlalu besar.

YB Tan Sri Pengerusi : Yang Berhormat, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, pengambilan balik tanah adalah di letak bawah bidang Lembaga tetapi dia masih terikat kepada Akta Kanun Tanah Negara di mana tujuannya adalah untuk kepentingan awam.

YB Tan Sri Pengerusi : Usul daripada Senai tadi telah pun dijawab oleh Yang Berhormat. Saya jalankan undianlah, supaya senanglah. Siapa yang bersetuju dengan cadangan Senai sila angkat tangan. Siapa yang menolak cadangan Senai sila angkat tangan. Keputusannya cadangan Senai ditolak. (Dewan bertepuk).

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan eh. Ya lah, tadi perkara yang dipinda tadi tu eh. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 35 hingga Fasal 39, jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

JURUTULIS : FASAL 40 HINGGA FASAL 42

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 40 hingga Fasal 42 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 40 hingga 42, jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, Peraturan Tetap, Fasal 80, saya cadangkan Fasal 41 dipinda untuk mengehadkan kuasa untuk Lembaga memasuki, memeriksa dan menggeledah ke atas hartanah yang dimiliki atau dibina oleh Lembaga ini sahaja.

YB Tan Sri Pengerusi : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, pihak pembangkang tadi menceritakan aktiviti. Jadi, inilah kaedah di mana, bagaimana kita nak tahu kawasan-kawasan projek, contohnya ada berlaku permasalahan. Jadi, kita kena ada fasal ini untuk kita masuk kawasan-kawasan projek selain daripada penggeledahan untuk kita mengetahui fakta dari segi pengaduan kes.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Tan Sri Speaker, saya ingin mengingatkan bahawa di bawah Peraturan Tetap 76, Jawatankuasa Pilihan boleh dibangkit bila-bila masa dan saya rasa ada salah faham di antara Skudai dan Tan Sri Speaker. Peraturan Tetap 70 itu ditangguhkan untuk Persidangan yang baru untuk ...

YB Tan Sri Pengerusi : Yang Berhormat, Fasal 70 itu berkehendakkan notis seminggu, dua minggu.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Peraturan Tetap 70 bukan untuk ditangguhkan untuk Ahli Dewan ini minum teh, ini perkara yang serius sebab kita kena memang perhalusi satu enakmen memang disanjungi oleh semua pihak.

YB Tan Sri Pengerusi : Sebelum Skudai ni, saya nak ambil sikit keputusan. Siapa bersetuju dengan cadangan pindaan yang dibuat oleh Senai sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju, cadangan Senai ditolak.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 40 hingga Fasal 42 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 40 hingga Fasal 42 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 43

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 43 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, saya mohon membawa pindaan kepada Fasal 43 seperti berikut:

Fasal 43(1); Penggulungan dan Pembubaran. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya Lembaga digulung dan dibubarkan.

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 43 sebagaimana yang telah dipinda itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 44 HINGGA FASAL 51

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 44 hingga Fasal 51 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 44 hingga Fasal 51, jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Jadual Pertama

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Jadual Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Jadual Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Jadual Kedua.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Jadual Kedua ini jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Jadual Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Jadual Ketiga.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Jadual Ketiga jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan,

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas): Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan Tetap 80, supaya kesahihan dan tindakan prosiding 3(b), dimansuhkan dalam Jadual ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kenapa nak mansuh? Tolong jawab.

YB Encik Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Pekan Nanas, pasal apa nak mansuh? Saya rasa undang-undang ini cukup bagus.

YB Tan Sri Pengerusi : Yang Berhormat, siapa tadi?

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Pekan Nanas.

YB Tan Sri Pengerusi : Pekan Nanas.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Fasal 3(b)

YB Tan Sri Pengerusi : Peraturan Tetap 40, tidak boleh digunakan sebab belum berada di peringkat bacaan yang ketiga. Jadi tak boleh perkara 80, eh. Peraturan Tetap 80 tidak boleh digunakan sebab belum berada di peringkat bacaan yang ketiga. Jadi tak boleh. Inilah, main sebat aje perkara-perkara undang-undang ni. Nanti nyalahkan, menyalahkan Speaker. Itulah. Jadi, jadual ketiga tadi eh. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Jadual Ketiga jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Tan Sri Pengerusi : Dewan Negeri Bersidang Semula

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan dengan pindaan. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor 2014 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Ahli-Ahli yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor 2014 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam Warta. (Dewan bertepuk).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya dan Timbalan Speaker mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama, sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat selama kita bersidang selama 7 hari hingga ke hari ini. Jadi saya harap kita akan bersama-sama lagi dalam persidangan-persidangan yang akan datang. Ahli-Ahli yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan jam 5.25 petang.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Penolong Jurutulis
Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Koordinator
Puan Asiah binti Moklis

Setiausaha Pejabat
Puan Norliza binti Md. Aris

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd. Norazri bin Kasim
Encik Mohd. Sapri bin Manan

Setiausaha Pejabat
Puan Zalinah binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Inson binti Abdul Wahab
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan

Puan Iza Hasima binti Mohd Hashim
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Fareza binti Musa
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor

Puan Norlydialina binti Isnin
Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abbidin
Pejabat Menteri Besar Johor

Puan Hairun Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Noraisah binti Abu Hassan
Pejabat Daerah Johor Bahru

Puan Norazilawati binti Masri
Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru

Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Pejabat Landskap Negeri Johor

Cik Nor Zamila binti Sapie
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Siti Rojimah binti Abdul Razak
Pejabat Pengairan dan Saliran Negeri Johor

Cik Nur Adeliah binti Abidi
Pejabat Badan Kawalselia Air Johor

Puan Rahimah binti Akbar
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

Puan Fazidah binti Kumasi

Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Norhafizah binti Osman
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor

Cik Sharifah Nur Asyikin binti Syed Omar
Pejabat Pengarah ICT Negeri Johor

Puan Zakiah binti Abd. Wahab
Pejabat Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor

Puan Liza Noor Asyikin binti Abdul halim
Pejabat Jabatan Agama Johor (Bahagian Pendidikan)

Rakaman
Encik Abdul Rahman bin Elias
Encik Azizan bin Md. Sidi
Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor